HANG TUAH

DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

Naskhah Hikayat Hang Tuah

PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

Gambar 1 (*Lihat muka* xv)

PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

Gambar 2 (*Lihat muka* xv)

PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

Siri Sastera DBP Bil. 17

HIKAYAT HANG TUAH

(Menurut naskhah Dewan Bahasa dan Pustaka)

Di-selenggarakan dengan di-beri
Pengenalan dan Chatatan

oleh

KASSIM AHMAD, M.A. (Malaya)

DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA
KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA
KUALA LUMPUR
1966

PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

Buku ini di-usahakan oleh Kassim Ahmad berdasarkan Naskhah Dewan Bahasa dan Pustaka, sa-masa ia berkhidmat sa-bagai Pegawai Penyelidek di-Dewan ini.

Hakcipta Terpelihara

Chetakan Pertama 1964

Chetakan Kedua 1966

Di-chetak oleh
PERCETAKAN ART PRINTING WORKS
KUALA LUMPUR.

$4.50

PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

SA–PATAH KATA

NAMA Hang Tuah dan sahabat2 karib-nya ia-itu Hang Jebat, Hang Kasturi, Hang Lekir dan Hang Lekiu amat-lah mashhor di-kalangan bangsa Melayu. Kesah2 mereka berulang2 di-sebut dan di-ceritakan dari dahulu hingga-lah sekarang ini, dari yang berbentok cherita2 lisan, wayang2 bangsawan hingga-lah kapada sandiwara dan filem. Bangsa Melayu tidak pernah jemu2 dengan kesah pahlawan2 mereka ini.

Dalam zaman sains ini banyak orang membahathkan so'al wujud atau tidak-nya, menasabah atau karut-nya, dongeng atau sa-benar-nya tokoh2 ini dan sa-bagai-nya. So'al2 sa-demikian ini lebeh merupakan so'al2 sejarah yang amat rumit dapat di-huraikan sa-lagi penyelidekan sejarah mengenai bangsa Melayu dan Tanah ayer-nya belum di-buat dengan bagitu dalam, luas dan dengan kacha-mata kebangsaan. Walau bagaimana pun, kesah lima orang pahlawan ini semenjak beratus2 tahun sudah memang menjadi kesah yang melambangkan kepahlawanan Melayu. Pahlawan2 tersebut merupakan sumber ilham kapada bangsa Melayu dalam berchita2 dan berusaha bangun dan maju kembali di-zaman2 kemudian-nya.

Oleh itu dalam zaman kemerdekaan dan pembangunan bangsa dan negara kita sekarang ini sesuai benar-lah kalau kita memberikan banyak perhatian kapada Hikayat Hang Tuah ini, tambahan pula Hikayat ini merupakan salah sa-buah karya asli dan agong dalam kesusasteraan Melayu. Ini-lah salah satu tujuan besar Dewan Bahasa dan Pustaka menerbitkan Hikayat yang penting ini.

Hikayat Hang Tuah ini berdasarkan naskhah tulisan tangan berhuruf Jawi kepunyaan al-marhum Tengku Ibrahim ibni al-marhum Tengku Muhammad (Tengku Seri Utama Raja), sa-orang anggota karabat di-raja Kelantan dan telah di-usahakan oleh Enche' Kassim Ahmad, Pegawai Penyelidek Dewan ini yang sekarang bertugas di-School of Oriental and African Studies, London. Saya tidak dapat melupakan budi al-marhum Tengku Ibrahim yang pada masa hayat-

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

nya telah memberikan kerjasama-nya yang sunggoh berharga itu. Atas usaha Enche' Kassim Ahmad merumikan, memberikan kata pengenalan dan chatetan2 maka saya menguchapkan sa-tinggi tahniah jua.

Syed Nasir bin Ismail
Pengarah,
Dewan Bahasa dan Pustaka.

28hb. Ogos, 1963.

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

I S I

HALAMAN

SA-PATAH KATA v
PENGENALAN ix

TEKS

Bahagian Perlawanan

BAB 1. Asal-Usul Kerajaan Bentan 1
2. Hang Tuah Menjadi Hamba Raja 18
3. Kedatangan Pateh Kerma Wijaya dan Perpindahan Ka-Melaka 39
4. Raja Muda 61
5. Perutusan Meminang Ka-Inderapura Dan Ka-Majapahit 90
6. Raja Melaka Berangkat Ka-Majapahit 112
7. Perkahwinan Raja Melaka 128
8. Pateh Gajah Mada Dengan Hang Tuah 146
9. Hang Tuah Dalam Buangan Di-Inderapura 168
10. Hang Tuah Melarikan Tun Teja 185
11. Megat Panji Alam 208
12. Laksamana Dengan Raja Melaka 225
13. Hang Tuah Di-Majapahit 234
14. Betara Majapahit Dengan Raja Melaka I 256
15. Hang Tuah Kena Fitnah 286
16. Hang Jebat Mendudoki Istana 295
17. Hang Tuah bertikam Dengan Hang Jebat 307
18. Betara Majapahit Dengan Raja Melaka II 330

Bahagian Pengembaraan

19. Hang Tuah Ka-Benua Keling Dan Ka-China 339
20. Raden Bahar Dan Adipati Solok 375
21. Hang Tuah Di-utus Ka-Siam 388
22. Raja Chulan, Sultan Mahmud Dan Sultan Ahmad ... 396
23. Inderapura Tundok Ka-Melaka 415
24. Hang Tuah Jatoh Sakit 425
25. Hang Tuah Di-utus Ka-Turki I 437
26. Hang Tuah Di-utus Ka-Turki II 452
27. Hang Tuah Bersara, Raja Melaka Turun Takhta ... 478
28. Kerajaan Melaka Jatoh 486

CHATETAN 493
BIBLIOGRAFI 521

NANA

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

PENGENALAN

TIDAK saperti *Sejarah Melayu, Hikayat Hang Tuah* tidak banyak menarek perhatian para sarjana. Sampai sekarang belum pun ada satu edisi yang di-lakukan sa-chara ilmiah. Beberapa orang sarjana Eropah sunggoh telah mener-bitkan teks-nya, sama ada sa-lengkap-nya atau sa-bahagian-nya sahaja,[1] sunggoh telah menchatatkan pendapat2 mereka tentang-nya dan juga telah menter-jemahkan-nya ka-dalam bahasa2 mereka.[2] Tetapi usaha2 ini tidak menyamai usaha2 yang telah di-lakukan tentang karangan sejarah Melayu yang terkenal itu. Ini barangkali kerana *Hikayat Hang Tuah* tidak berchorak sejarah. Orang2 Eropah yang datang ka-Asia Tenggara dalam zaman penjajahan dahulu ingin mengetahui sejarah negeri2 yang di-ta'aloki mereka. Dari segi ini *Hikayat Hang Tuah* sama sa-kali tidak berfaedah. Sekarang keadaan sudah berubah. Tumpuan perhatian kita ia-lah kapada nilai2 sastera yang sa-benar-nya. Dan sa-bagai sa-buah karya sastera-lah maka wajar kita menerima dan menghargai hikayat ini.

Tidak perlu di-tegaskan bahawa *Hikayat* ini bukan sa-buah sejarah. Ini jelas dari nama-nya sendiri. 'Hikayat' erti-nya cherita. Dan kesusasteraan Melayu jenis ini-lah sa-benar-nya menjadi nenek moyang kapada bentok novel atau roman Melayu moden (roman Melayu yang pertama bernama *Hikayat Faridah Hanum*, 1926). Oleh itu amat-lah salah kalau cherita Melayu yang paling panjang ini (lebeh kurang 146,000 perkataan) di-kesampingkan bagitu sahaja atas alasan ia memperkosa sejarah. Sejarah bukan perkara yang di-pentingkan di-dalam-nya. So'al2 apa-kah Hang Tuah dan Hang Jebat betul2 ada, apa-kah cherita ini benar2 berlaku dan sa-bagai-nya bukan-lah so'al2 yang kena pada tempat-nya. Pengarang-nya mungkin tidak pernah membacha *Sejarah Melayu*. Bahkan ada bukti2 yang kuat untok mengatakan bahawa bahan2 *Hikayat* ini tidak di-kutip daripada *Sejarah Melayu*. Pengarang-nya memulakan cherita-nya dari zaman kerajaan keinderaan di-Bukit Seguntang (ini mengingatkan kita kapada kerajaan Srivijaya di-Palembang). Dari dinasti

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

ini-lah di-katakan kerajaan Melayu di-Singapura dan Bentan dan kemudian di-Melaka memperoleh raja. Lalu berikut-lah berbagai2 cherita mengenai kepahlawanan Hang Tuah berlima saudara di-Majapahit, di-Inderapura (Pahang) dan di-Melaka sendiri dan kemudian mengenai pengembaraan Hang Tuah ka-benua Keling (Vijayanagar), ka-negeri China, ka-Siam dan ka-Turki. Cherita di-akhiri dengan kejatohan kota Melaka ka-tangan Feringgi dan kemudian ka-tangan Belanda. Beberapa daripada peristiwa2 ini berlaku di-dalam sejarah dan kebanyakan daripada-nya tersebut di-dalam *Sejarah Melayu*, tetapi pengarang *Hikayat* ini tidak memperdulikan tata-terbit tawarikh (zaman agong Majapahit antara 1331-1364 di-samakan dengan zaman agong Melaka antara 1456-1511). Malah dia tidak mengindahkan faktor2 hidup yang menuntut bahawa manusia tidak dapat hidup sa-lama2-nya. Hang Tuah tidak mati dan raja Melaka, Bendahara dan Temenggong, yang sa-lama ini hidup dari tarikh Melaka di-dirikan (kira2 1403) sampai tarikh jatoh-nya (1511), tidak bagitu pasti mati atau tidak mati-nya.

Ini merupakan beberapa hal yang boleh memperkuat alasan2 orang2 yang hendak memperkechilkan karia sastera ini. Tetapi biar-lah di-jawab satu pertanyaan yang paling mudah. Apa-kah penchipta *Hikayat* ini tidak sedar bahawa biasa-nya orang akan mati sa-telah meningkat ka-umor 60 atau 70 tahun? Dia tentu sedar. Lantas mengapa-kah sengaja di-lupakan hal ini? Tanya-jawab ini akan membawa kita kapada satu2-nya kesimpulan yang mungkin. Bahawa hikayat ini tidak bermaksud untok menchiptakan satu watak yang biasa. Sa-balek-nya ia hendak menchiptakan sa-orang yang luar biasa, sa-orang "superman", sa-orang maha manusia Hang Tuah!

Hikayat Hang Tuah ia-lah sa-buah epik Melayu.[3] Di-dalam-nya telah di-lahirkan chita2 dan kebesaran bangsa Melayu. Ia telah menchatatkan riwayat hidup bangsa ini dari sejak mula2-nya, melewati zaman pembangunan-nya, lalu ka-zaman kebesaran-nya, lalu ka-sa'at nahas-nya pada 24hb. Ogos 1511. Tokoh utama-nya Hang Tuah, mewakili bangsa itu sendiri — chita2-nya, kebolehan-nya dan sikap hidup-nya — pada suatu zaman. Pembatasan ini penting, kerana sudah tentu Hang Tuah tidak dapat mewakili peribadi Melayu sa-panjang masa apabila unsor2 peribadi itu sendiri di-tentukan oleh keadaan2 sejarah. Biar pun bagitu, *Hikayat* ini dan hero-nya telah melahirkan satu sikap hidup Melayu ia-itu sikap hidup yang berlaku sa-belum datang-nya peradaban moden dan yang sekarang sedang bergeser dengan sikap hidup baharu yang di-bawa oleh peradaban Barat. Oleh sifat-nya yang demikian ini maka

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

Hikayat Hang Tuah tiada ternilai harga-nya. Wajar-lah ia mendapat perhatian yang lebeh.

• • •

Teks ini menghadapkan kita dengan beberapa so'al yang rumit. Bagaimana-kah timbul-nya cherita ini dalam bentok-nya yang ada sekarang? Apa-kah bentok asli-nya demikian atau-kah ada bahagian2 yang di-tambah kemudian-nya oleh pengarang lain? Bila, di-mana dan oleh siapa-kah di-tulis hikayat Melayu yang penting ini?

Pertanyaan2 ini tidak mungkin di-jawab dengan pasti-nya sa-belum sa-buah edisi yang paling sempurna telah di-selenggarakan. Satu kajian yang lebeh teliti tentang bentok hikayat ini dan gaya-nya dan satu perbandingan dari segala segi dengan semua karangan2 lama yang lain harus-lah di-lakukan dahulu. Sementara itu, berdasarkan naskhah ini sendiri, dapat-lah kita buat beberapa tekaan. Saperti kata Winstedt,[4] cherita asal-nya mungkin berpokok daripada sumber2 lisan. Tidak ada bukti2 yang kuat untok mengatakan bahawa pengarang *Hikayat* ini telah mendasarkan cherita-nya kapada *Sejarah Melayu*, walau pun tidak kurang daripada 15 peristiwa yang terchatet di-dalam karangan tersebut di-cheritakan di-dalam *Hikayat* ini. Di-dalam *Sejarah Melayu* di-katakan Hang Kasturi yang di-lawan bertikam oleh Hang Tuah, manakala di-dalam *Hikayat Hang Tuah*, Hang Jebat. Di-dalam *Sejarah Melayu* di-katakan Hang Nadim (menantu Hang Tuah) yang melarikan Tun Teja; di-dalam *Hikayat Hang Tuah*, Hang Tuah sendiri. Di-dalam *Sejarah Melayu* di-katakan Sultan Abdul Jamil Pahang yang menjadi tunang Tun Teja; di-dalam *Hikayat Hang Tuah*, Megat Terengganu.

Perbedzaan bukan sahaja wujud tentang orang2 yang terlibat dalam sa-suatu peristiwa, tetapi juga tentang bahasa. *Sejarah Melayu* di-tulis oleh sa-orang yang mahir dalam bahasa Arab dan yang telah kuat di-pengarohi oleh ugama Islam. *Hikayat Hang Tuah*, sa-balek-nya, maseh menggambarkan alam fikiran Melayu sa-belum bertapak-nya ugama tersebut itu. Gaya-nya tidak kurang bersahaja, lunak dan padat daripada dalam *Sejarah Melayu*, tetapi pengaroh kata2 dan gaya bahasa Arab kelihatan kurang sa-kali kechuali pada bahagian yang boleh jadi di-tambah kemudian-nya. Dengan demikian tidak ada kemungkinan-nya *Hikayat* ini di-tulis oleh pengarang *Sejarah Melayu* itu juga. Tetapi bila-kah di-tulis-nya? Sa-masa-kah dengan *Sejarah Melayu* atau-kah sa-belum-nya atau pun sa-sudah-nya?

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

Pada keselurohan-nya *Hikayat Hang Tuah* tertulis sa-lepas 1641 (kerana ini-lah peristiwa sejarah yang terakhir di-sebut di-dalam-nya), tetapi sa-belum 1736 (kerana chatatan Werndly pada tahun itu menyebutkan nama hikayat ini) atau sa-awal2-nya sa-belum 1726.[5] Tetapi unsor2 gaya bahasa dan teknik cherita menunjokkan bahawa hikayat ini tidak seluroh-nya di-tulis pada suatu waktu. Perdu-nya (sa-belum bab perutusan ka-benua Keling) mungkin telah terkarang tidak berapa lama sa-lepas kejatohan kota Melaka ka-tangan Portugis, — kata-lah antara 30 dengan 90 tahun kemudian. Ada dua sebab mengapa di-katakan demikian. Terdapat-nya kata2 yang berasal dari bahasa Feringgi dalam bahagian pertama (*lanchang, armada, kapitan, beledu*) membuktikan bahawa bahagian ini baharu tertulis sa-lepas 1511. Sa-balek-nya, sukar hendak di-katakan bahagian ini pun di-tulis bersama dengan bahagian kedua sa-lepas 1641. Watak Hang Tuah yang timbul dalam bahagian pertama agak berbedza dengan watak-nya dalam bahagian kedua. Dalam bahagian pertama Hang Tuah di-gambarkan sa-bagai sa-orang pahlawan: gagah, garang dan berani. Manakala dalam bahagian kedua dia bertukar menjadi sa-orang pengembara-diplomat dan sufi (mystic) bijaksana, sabar dan wara'. Barangkali dua segi watak ini menggambarkan dua peringkat riwayat bangsa Melayu sa-belum zaman moden: peringkat kebangkitan-nya dan peringkat kejatohan-nya. Memang sangat wajar bagi satu2 bangsa yang sedang naik merasa diri-nya yakin dan kuat dan sifat2 ini-lah yang di-tunjokkan oleh hero hikayat ini dalam bahagian pertama-nya. Jadi tidak mungkin bahagian ini di-tulis dalam waktu kemegahan kerajaan Melayu sudah hapus. Sa-balek-nya, apabila kemegahan itu sudah tiada, maka timbul-lah keperluan untok membelakangkan kenyataan, lalu lari untok menchari kepuasan di-tempat2 lain kechuali dari kekuatan diri sendiri. Ini-lah gambaran yang terlukis dalam bahagian kedua, bahagian yang mencherminkan kejatohan kerajaan Melayu.

Mungkin-kah bahagian pertama di-tulis di-Melaka juga sa-telah kota Melaka jatoh ka-tangan Feringgi? Agak sukar hendak menentukan. Sa-panjang yang saya tahu ada sa-puloh buah naskhah hikayat ini semua-nya (bilangan sa-benar-nya mungkin lebeh dari ini) dan sa-belum tiap2 satu-nya di-kaji, so'al ini tidak akan terjawab. Naskhah Dewan Bahasa yang menjadi dasar edisi ini agak muda usia-nya, lebeh kurang 100 tahun sahaja. Naskhah tertua yang saya ketahui ia-lah naskhah Leiden (Cod or 1762) yang tersalin pada tahun 1172 T.H. (1758 T.M.) di- كوالا كبه (Kuala Kebah?), hampir dua sa-tengah abad sa-telah Feringgi mena'alok Melaka. Naskhah ini nyata bukan naskhah asal. G.K. Niemann dalam Antoloji[6]-nya menyebut tentang sa-buah naskhah, dua

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

jilid, yang kata-nya, satu jilid di-salin di-Riau dari sa-buah naskhah yang berasal dari Melaka dan satu jilid lagi di-tulis di-Lingga. Chatatan ini menarek. Mungkin-kah naskhah Melaka ini bahagian kita yang pertama dan mungkin-kah di-tulis-nya di-Melaka juga? Sayang-nya chatatan ini tidak menyatakan di-mana tamat-nya jilid yang pertama itu dan tidak juga menyebutkan tentang ma'lumat yang biasa di-beri oleh penyalin-nya (pengarang-nya) di-hujong tentang tarikh dan tempat naskhah itu di-salin dan juga nama penyalin-nya. Sa-benar-nya kemungkinan naskhah perdu ini di-tuliskan di-Melaka memang ada, kerana kalau-lah di-karangkan di-Acheh atau di-Johor, bagaimana-kah hendak di-terangkan perbedzaan gaya dan perbendaharaan kata2 yang terdapat antara *Sejarah Melayu* dan hikayat ini? Tetapi barangkali ada dua gaya-bahasa yang di-pakai sa-rentak pada waktu itu — satu yang telah terpengaroh oleh kebudayaan baharu Islam dan satu lagi yang maseh setia kapada zaman Hindu-Jawa yang lama itu. Kalau bagitu, pengarang kita termasok ka-dalam golongan yang kedua-lah.

Rasa-nya tidak ada kemungkinan pengarang *Hikayat* ini akan di-ketahui. Kalau pun pada satu hari kita bernasib baik lalu bertemu dengan naskhah asal-nya tetapi nama pengarang-nya tidak mungkin akan terchatat di-situ. Perihal karangan2 tidak di-beri nama pengarang-nya memang umum dan terkenal dalam kesusasteraan Melayu lama. Apa-kah sebab-nya? Kerana sifat Melayu yang tidak ingin menonjol2kan diri-nya? Tetapi *Sejarah Melayu* dan *Tuhfatal-Nafis* menchatatkan nama2 pengarang-nya. Penjelasan mas'alah ini mungkin terletak pada sifat sa-suatu karangan itu. *Sejarah Melayu* dan *Tuhfatal-Nafis* berchorak sejarah; *Hikayat Hang Tuah* tidak. Sejarah ia-itu jenis karangan berat, sementara hikayat hanya untok menyedapkan hati pembacha atau, saperti kata penyalin naskhah Leiden, supaya "sukachita-lah segala yang mendengar dia cherita ini". Mengikut satu sumber,[7] di-dalam Islam cherita2 yang peranan-nya sa-mata2 untok menghibor di-pandang rendah. Peranan menghibor hanya di-lakukan oleh pa' lawak. Sa-suatu karangan akan di-pandang tinggi hanya kalau ada maksud untok memberi pengajaran kapada pembacha. Oleh itu pengarang2 yang menulis untok menyedapkan hati pembacha, saperti pengarang hikayat, enggan mengakui chiptaan2 mereka.

* * *

Apa-kah pandangan kita terhadap *Hikayat Hang Tuah* hari ini? Telah kita lihat bahawa *Hikayat Hang Tuah* bukan karangan sejarah. Ia sa-buah

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

karia sastera Melayu lama, sa-buah karia yang asli. Dari segi ini *Hikayat Hang Tuah* tidak ada bandingan-nya dalam kesusasteraan Melayu lama. Cherita2 Panji saperti *Hikayat Chekel Waneng Pasi* berasal dari Jawa. *Hikayat Seri Rama* dan *Hikayat Sang Boma* di-sadorkan dari epik2 Hindu, *Hikayat Amir Hamzah, Hikayat Muhammad Hanafiah* dan sa-bagai-nya di-terjemahkan dari sumber2 Islam. Hanya *Hikayat Hang Tuah* ini-lah satu2-nya epik Melayu.

Sa-bagai satu chiptaan sastera Melayu lama *Hikayat* ini tersendiri (unique) Tidak ada satu pun karangan lama sa-belum-nya atau sa-lepas-nya yang memperlihatkan aliran realisem. *Hikayat Seri Rama* melukiskan satu dunia dewa2. *Hikayat Malim Deman* dan *Hikayat Awang Sulong Merah Muda* berupa cherita2 dongeng. Tetapi *Hikayat Hang Tuah* mengesahkan manusia2 Melayu yang hidup, meski pun manusia2 itu di-berikan sifat2 maha gagah. Pertikaman antara Hang Tuah dengan Hang Jebat yang di-ceritakan dalam kira2 3,000 perkataan itu maseh dapat berdiri sa-bagai satu chontoh karangan yang ob ektif dan realistik. Dan, sa-sunggoh-nya, boleh di-katakan semua temasha2 pertikaman antara Hang Tuah atau Hang Tuah dan teman2-nya di-satu pehak dengan musoh2 Melaka di-pehak lain di-lukiskan dengan gaya yang amat menggharirahkan. Bukan sahaja dalam melukiskan temasha2 pertikaman pengarang ini handal. Tangan-nya tidak kurang hidup mengendalikan peristiwa2 yang lebeh biasa. Chara di-gambarkan-nya ibu angkat Hang Tuah di-Inderapura tatkala melakukan tugas mengenakan ubat pengaseh ka-atas perawan Tun Te a ia-lah satu bukti yang nyata.

Hikayat ini, saperti yang telah di-katakan, terbahagi kapada dua bahagian bahagian perlawanan dan bahagian pengembaraan. Hero-nya ia-lah Hang Tuah. Dia-lah faktor yang menyebabkan buku tebal ini menchapai sifat satuan. Walau pun ada satu dua peristiwa yang amat tipis perhubongan-nya dengan thema *Hikayat* ini seluroh-nya (saperti peristiwa kedatangan Raden Wiranantaja ka-Bentan, peristiwa Raja Chulan menyabong di-Terengganu), dan walau pun besar kemungkinan-nya bahagian yang kedua di-tambah oleh sa-orang pengarang kemudian, namun keutohan *Hikayat* ini terpelihara. Ini satu hal yang mengkagumkan. Sa-chara tidak langsong, ini ia-lah cherita bangun dan jatoh-nya Melaka. Kebangunan, kebesaran dan kejatohan Melaka berhubong rapat dengan tokoh Hang Tuah. Apabila ia kechil Melaka baharu di-dirikan. Apabila Melaka besar dia-lah menjadi orang kanan bersama Bendahara dalam urusan pentadbiran-nya, dan dalam urusan keselamatan negeri, suara-nya mu'tamad. Apabila ia jatoh sakit Melaka di-ancham oleh Portugis dan terus

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

kalah apabila ia berundor diri dari perkhidmatan negara. Tidak lain Hang Tuah ia-lah lambang kekuasaan dan kebesaran Melaka. Di-dalam hidup-nya terchatat riwayat kerajaan Melayu Melaka dan riwayat bangsa Melayu dalam zaman feudal yang sudah lampau.

Bagi kita sekarang *Hikayat Hang Tuah* tidak lain daripada sa-buah pesaka sastera. Pembacha umum tidak dapat meni'mati-nya lagi saperti mana dia dapat meni'mati karia2 moden. Hanya penuntut2 sekolah menengah dan universiti sahaja harus membacha-nya untok keperluan pepereksaan. Minat golongan sarjana terhadap-nya ia-lah kerana ingin mengkaji unsor2 sastera di-dalam-nya dan juga kerana hendak mengetahui alam fikiran Melayu dalam satu zaman yang telah lalu. Dan mungkin juga golongan penulis akan membacha-nya untok meninjau teknik mengarang nenek moyang-nya dahulu. Pendek kata, semua-nya itu untok keperluan pengetahuan. Apa-kah keperluan sastera-nya sudah tidak ada langsong? Ini so'al yang di-pulangkan kapada pembacha. Tidak shak lagi banyak pembacha akan mengatakan cherita ini membosankan, saperti ada pembacha Barat yang bosan dengan epik2 Greek Tua, *Iliad* dan *Odessey*. Kita sama sa-kali tidak bermaksud hendak membandingkan epik2 besar itu dengan epik Melayu yang sederhana ini, tetapi sebab2 kebosanan pembacha moden terhadap-nya sama. Epik2 ini terlalu panjang dan teknik-nya sa-ragam. Keritik2 ini kalau di-tujukan kapada *Hikayat Hang Tuah* maka kita akui benar-nya. Sifat2 itu sa-sunggoh-nya menunjokkan kebiasaan sastera pada waktu itu. Tiap zaman mempunyai kebiasaan sastera-nya yang berbedza2. Tetapi, terlepas daripada perhitongan2 ini, kita tidak dapat menyangkal bahawa dalam *Hikayat Hang Tuah* ada kala-nya perasaan kemanusiaan dan semangat kepahlawanan yang di-lahirkan dan di-lukiskan di-dalam-nya menimbulkan perasaan kagum, ghairah dan hormat di-dalam sanaubari kita. Perasaan saperti ini juga pasti telah di-alami oleh pembacha atau pendengar tiga ratus tahun dahulu. Dan mungkin tiga ratus tahun yang akan datang. Kerana sifat2 tersebut sifat2 yang universal dalam cherita ini. Sifat2 ini-lah yang membenarkan *Hikayat Hang Tuah* di-gelar sa-buah kelasik.

* * *

Edisi ini di-dasarkan atas naskhah Dewan Bahasa dan Pustaka yang di-peroleh daripada Tengku Ibrahim, sa-orang karabat raja di-Kelantan. Tarikh naskhah ini di-salin-nya tidak jelas (lihat gambar 2). Bidang halaman naskhah-nya 13″ × 8″ dan dua halaman yang mula2 di-beri bertepi dengan lukisan (lihat gambar 1). Tulisan-nya elok, terang (kechuali dua tiga

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

tempat) dan sa-rupa dari awal sampai akhir kechuali dua tempat (satu seluroh halaman dan satu lagi tiga perempat) yang memperlihatkan dua bekas tangan lain pula. Pada beberapa tempat saya bertemu dengan bahagian2 yang tidak dapat di-fahami oleh kerana kechuaian penyalin. Bahagian2 ini telah di-edit mengikut naskhah Leiden atau edisi2 Shellabear (Jawi, Singapura 1908), Balai Pustaka (Djakarta 1929) dan Djambatan dan Gunung Agong (Djakarta 1960). Perkataan2 yang tidak dapat saya bacha saya turunkan ejaan-nya dalam tulisan Rumi dan dalam chatatan saya berikan bentok Jawi-nya. Ada beberapa bahagian yang saya tambah dari naskhah Leiden. Tambahan2 ini di-berikan dalam kurongan demikian [ ]. Ejaan naskhah ini sa-berapa mungkin saya peliharakan saperti 'maligai' (مالكي), 'menengar' (منڠر), 'makota' (مكتا), kechuali kalau bentok2 itu merupakan loghat daerah, saperti, منايكن (menantikan), جنجغ (jejenang), ممبتو (membantu), مڤافماكن mengumpamakan, موته (muntah) dan sa-bagai-nya, atau kelenchongan2 biasa dalam naskhah lama saperti بشر (besar, فرشي (perisai), ڤنتغ (petang), ڤڠكاوي (pegawai). Fonim2 /g/ dan /j/ sering-kali di-tulis dalam naskhah tanpa titek-nya, demikian / ك /, / ح /. Ejaan yang di-pakai ia-lah ejaan sekolah. Untok fonim / ع / di-berikan tanda / ' /. Fonim /e/ pepet tanpa tanda, tetapi /e/ téléng bertanda, demikian /é/.

Cherita ini dengan sendiri-nya terbahagi kapada dua bahagian: bahagian perlawanan dan bahagian pengembaraan. Pembahagian kapada bab di-lakukan sa-demikian chara supaya jelas kesatuan cherita ini, di-samping menun ok-kan peranan hero-nya dalam epik Melaka ini. Sa-bahagian besar-nya chatatan di-hujong berupa keterangan2 tentang ma'ana perkataan2 atau ungkapan2 yang di-fikirkan perlu, tetapi telah di-masokkan juga keterangan2 sejarah sa-kadar yang mungkin. Beberapa kesulitan dalam teks-nya belum dapat saya selesaikan dan tentu-nya maseh banyak so'al yang menunggu huraian. Saya sedia menerima tegoran2 yang membina.

• • •

Pertolongan yang saya dapat semua-nya dari sumber2 bertulis (lihat Bibliografi), tetapi saya ingin menyatakan terima-kaseh saya kapada saudara R.M.S. Djonokusumo, Setia-usaha Tiga (Penerangan), Kedutaan Besar Republik Indonesia di-Kuala Lumpur, yang telah memberikan erti kapada saya ayat2 Jawa yang terdapat dalam hikayat ini. Juga terima-kaseh saya kapada Enche' Beda Lim dari Perpustakaan Universiti Malaya kerana kebenaran memakai

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

naskhah 'microfilm' *Hikayat Hang Tuah* dari Leiden itu. Akhir-nya saya ingin menguchapkan penghargaan saya terhadap Tuan Haji Syed Nasir bin Ismail, Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka yang telah memperlihatkan sikap simpati dan sabar-nya sementara menanti edisi ini selesai.

Kassim Ahmad.

Dewan Bahasa dan Pustaka,
Kuala Lumpur,
5hb. Oktober, 1962.

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

Keterangan Dari Chatetan Dalam Pengenalan

1. Sa-lengkap-nya oleh W.G. Shellabear, 4 jilid Jawi dan Rumi di-terbitkan oleh Malaya Publishing House, 1908. Sa-bahagian sahaja oleh G.K. Niemann dalam *Bloemlezing uit Maleische Geschriften*, 1906, hal. 1-104 di-sertakan dengan chatatan2 tentang perbedzaan2 antara 4 buah naskhah yang di-pergunakan-nya.

2. Terjemahan ka-dalam bahasa Jerman oleh H. Overbeck dengan satu pendahuluan ringkas, Singapura 1915 dan Australia 1918. Sa-bahagian ka-dalam bahasa Belanda oleh G.K. Niemann dalam *Bloemlezing*, 1892.

3. Untok uraian yang lebeh lanjut, lihat Kassim Ahmad *Characterisation in Hikayat Hang Tuah*, hal. 1-6. Untok keterangan tentang epik, lihat H.M. Chadwick, *The Growth of Literature*, Vol. I, Cambridge 1932 dan C.M. Bowra, *Heroic Poetry*, London 1952.

4. *A History of Classical Malay Literature*, hal. 55.

5. Pengarang Eropah yang pertama yang menyebutkan nama "Kitab Hangtooha" ia-lah Valentyn, 1726 (lihat terjemahan karangan-nya *History of Malacca*, terutama hal. 62-63 & 66), tetapi nampak-nya Valentyn telah mengelirukan *Sejarah Melayu* dengan *Hikayat Hang Tuah*. Keterangan Werndly lebeh terpakai.

6. "Aanteekening" dalam *Bloemlezing uit Maleische Geschriften*, hal. 8.

7. *The Encyclopaedia of Islam*, jilid II, lihat definisi "Hikaya".

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

BAB I

BISMI'llahi'rrahmani'rrahim; wabihi nasta'inu bi'llahi'l-a'la. Ini hikayat Hang Tuah yang amat setiawan pada tuan-nya dan terlalu sangat berbuat kebaktian kapada tuan-nya.

Sa-kali persetua ada sa-orang raja keinderaan. Raja itu terlalu besar kerajaan-nya; pada segala raja2 indera sa-orang pun tiada menyamai dia, sakalian menurut titah-nya. Shahadan apabila baginda itu keluar di-adap oleh segala raja dan menteri dan santeri, maka berapa pedang yang sudah terhunus kapada kiri kanan baginda itu dan berapa pula bentara memikul pedang berikatkan permata bertatahkan ratna mutu ma'nikam. Maka apabila baginda itu bertitah pada segala raja2 dan menteri, maka baginda itu memandang ka-kanan, maka segala raja2 dan segala menteri yang dari kanan semua-nya menyembah, maka bentara kanan-lah menyampaikan titah raja itu; maka apabila baginda itu memandang ka-kiri, maka segala raja2 dan segala menteri yang di-kiri semua-nya menyembah, maka bentara kiri-lah menyampaikan titah raja itu.

Ada pun nama baginda itu Sang Perta Dewa. Ada pun Sang Perta Dewa itu tahu akan diri-nya akan beroleh anak; maka anak-nya itu akan menjadi raja kapada Bukit Seguntang; maka daripada anak chuchu baginda itu akan menjadi raja besar pada akhir zaman.

* * *

Maka tersebut-lah perkataan sa-orang raja terlalu besar-nya kerajaan-nya. Maka isteri baginda itu pun hamil. Sa-telah genap-lah bulan-nya maka permaisuri pun beranak-lah sa-orang perempuan terlalu amat elok rupa-nya dan kelakuan-nya, pada masa zaman itu sa-orang pun tiada menyamai rupa-nya anak raja itu. Maka di-namai oleh ayahanda baginda tuan puteri Kemala Ratna Pelinggam. Maka di-peliharakan oleh paduka ayahanda bonda baginda dengan saperti-nya. Shahadan maka paduka ayahanda bonda pun terlalu amat

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

kaseh akan anakanda baginda itu. Hatta berapa lama-nya maka tuan puteri Kemala Ratna Pelinggam pun besar-lah, makin besar makin bertambah baik rupa-nya. Hatta berapa raja2 hendak meminang dia, tiada juga di-beri-nya oleh ayahanda bonda baginda, kerana segala raja2 yang meminang itu tiada sama dengan bangsa baginda itu, kerana baginda itu raja keinderaan. Maka baginda pun bertitah kapada perdana menteri suroh memanggil segala ahlu'l-nujum dan segala sasterawan. Maka segala ahlu'l-nujum dan segala sasterawan pun datang menyembah. Maka titah baginda kapada ahlu'l-nujum dan sasterawan, "Lihat-lah dalam nujum-mu sakalian, betapa-kah untong bahagian-nya anak-ku ini."

Maka segala ahlu'l-nujum dan sasterawan pun melihat yang di-dalam nujum. Sa-telah sudah di-lihat-nya, maka masing2 pun menggerakkan kepala-nya. Maka titah baginda, "Apa sebab maka kamu sakalian menggerakkan kepala-mu?" Maka sembah segala ahlu'l-nujum dan sasterawan itu, "Ya tuanku shah alam, patek mohonkan ampun beribu2 ampun dan kurnia ka-bawah duli shah alam; ada pun patek anakanda ini terlalu amat bahagia beroleh suami anak raja besar, dan anak chuchu paduka anakanda ini-lah akan jadi raja datang kapada akhir zaman, akan menjadi raja besar. Maka duli tuanku pun hendak-lah segera memberi paduka anakanda bersuami, hendak-lah paduka anakanda ini di-tarohkan pada suatu pulau yang bernama Biram Dewa itu dengan suatu maligai dan dayang2. Di-sana-lah paduka anakanda bersuami raja besar itu."

Sa-telah baginda mendengar sembah segala ahlu'l-nujum dan segala sasterawan demikian itu, maka baginda pun masok mendapatkan permaisuri. Maka segala menteri dan hulubalang pun menyembah lalu keluar. Maka raja pun masok ka-dalam istana. Maka titah baginda kapada permaisuri, "Ya adinda, akan sekarang betapa bichara kita akan anakanda ini?" Maka sembah segala ahlu'l-nujum itu sakalian di-cheriterakan-nya kapada permaisuri. Maka sembah permaisuri, "Ya tuanku, patek mohonkan ampun dan kurnia; ada pun patek ini hamba, mana titah patek junjong."

Maka pada ketika itu juga maka baginda pun melengkapi anakanda baginda itu dengan inang pengasoh dan dayang2 dengan saperti-nya. Maka tuan puteri Kemala Ratna Pelinggam di-pelok chium dan di-tangisi-nya oleh ayahanda baginda, kata-nya, "Hai anak-ku dan buah hati-ku, jangan-lah tuan sangkakan ayahanda bonda membuangkan tuan ka-pulau ini; bukan kerana ayahanda bonda benchi akan tuan dan jangan shak di-hati. Kerana ayahanda bonda menarohkan kalau2 sunggoh saperti kata ahlu'l-nujum itu, tuan kelak beroleh kebesaran dan kemuliaan, supaya ada-lah nama ayahanda dan bonda di-sebut

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

orang akhir zaman." Maka tuan puteri Kemala Ratna Pelinggam pun menyembah ayahanda bonda baginda. Maka tuan puteri di-turunkan daripada keinderaan di-bawa kapada pulau Biram Dewa itu, di-perbuatkan suatu mahligai terlalu indah2 dan berumbai2kan mutiara. Sa-telah sudah, maka segala orang yang menghantar itu pun kembali-lah berdatang sembah kapada baginda dan menyampaikan sembah anakanda baginda itu. Maka tuan puteri pun dudok-lah kapada mahligai pulau Biram Dewa itu di-peliharakan segala inang pengasoh-nya dan segala dayang2.

* * *

Al-kesah maka tersebut-lah perkataan Sang Perta Dewa. Sa-kali persetua maka baginda pun bertitah pada segala menteri hulubalang, "Hai tuan2, berlengkap-lah keluar esok hari; kita hendak pergi berburu." Maka sembah mangkubumi: "Baik-lah, tuanku." Maka mangkubumi pun bermohon-lah keluar akan berlengkap gajah kuda dan ra'ayat sakalian. Sa-telah lengkap, maka mangkubumi pun masok berdatang sembah, "Ya tuanku shah alam, patek di-titahkan berlengkap itu, akan sekarang sudah-lah patek kerahkan segala ra'ayat dan gajah kuda." Maka titah baginda, "Baik-lah; esok hari kita pergi." Maka baginda pun berangkat masok ka-istana. Maka segala menteri pun kembali-lah ka-rumah-nya.

Sa-telah keesokan hari-nya maka raja pun berangkat-lah dengan segala menteri hulubalang lalu turun ka-pulau itu berburu. Hatta maka dengan takdir Allah Ta'ala, maka Sang Perta Dewa pun melihat mahligai pada pulau itu. Maka kata baginda pada segala menteri dan ra'ayat: "Tinggal-lah tuan2 di-sini; kita hendak pergi pada mahligai itu." Maka baginda pun pergi-lah ka-mahligai itu. Sa-telah sampai, maka baginda pun naik-lah ka-atas mahligai itu. Maka di-lihat-nya sa-orang puteri di-adap oleh segala dayang2 dan inang pengasoh, dan segala perwara-nya dudok mengadap, terlalu elok rupa-nya saperti bulan empat belas haribulan. Maka baginda pun hampir dekat puteri itu. Maka segala dayang2 terkejut dan hairan melihat rupa Sang Perta Dewa itu. Maka sembah segala inang pengasoh, "Ya tuanku, tuanku ini siapa?" Maka kata Sang Perta Dewa, "Aku ini sa-orang dewa, turun dari keinderaan mari berburu dengan segala ra'ayat-ku pada pulau ini." Maka titah-nya pula: "Siapa engkau ini dan tuan puteri ini datang dari mana ka-mari? Apa sebab-nya maka dudok pada tengah laut pada pulau ini?" Maka sembah segala inang pengasoh tuan puteri; maka di-persembahkan kapada Sang Perta Dewa, saka-

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

lian-nya di-persembahkan-nya, dan gemala hikmat itu pun di-persembahkan kapada Sang Perta Dewa. Mendengar sembah inang pengasoh tuan puteri Kemala Ratna Pelinggam demikian itu, maka baginda pun terlalu sukachita hati baginda. Maka segala ra'ayat dan perwira yang bersembunyi itu pun di-suroh keluar dan rata terbang kenaikan Sang Perta Dewa dan di-bawa orang-lah pergi kapada pulau itu dengan segala bunyi2an.

Apabila tuan puteri dan segala isi istana itu mendengar bunyi2an dan melihat segala perentah dewa2 turun terlalu banyak datang dengan pakaian-nya terlalu indah2 — rata terbang itu pun dengan perhiasan-nya keemasan — datang mendapatkan Sang Perta Dewa itu bertatahkan ratna mutu ma'nikam, maka tuan puteri Pelinggam pun tahu-lah akan Sang Perta Dewa itu anak raja besar turun dari keinderaan. Maka tuan puteri dan isi mahligai itu pun sukachita-lah dalam hati-nya. Maka Sang Perta Dewa dan tuan puteri pun berkata2-lah.

Sa-telah sudah, maka tuan puteri Kemala Pelinggam pun di-hiasi orang-lah dengan segala pakaian yang indah2 dari keinderaan. Sa-telah sudah berhias, maka Sang Perta Dewa pun di-kahwinkan orang-lah dengan tuan puteri saperti adat raja2 yang besar2 berkahwin. Sa-telah sudah, maka Sang Perta Dewa pun berkaseh2an laki isteri dan barang sa-sa'at pun tiada bercherai: jika mandi pun sama2, jika tidor pun di-selimuti; dan barang maksud tuan puteri itu tiada-lah di-lalui oleh raja dan barang maksud raja pun tiada-lah di-lalui oleh tuan puteri. Gemala hikmat itu pun di-pinta oleh Sang Perta Dewa: "Jikalau ada kaseh adinda akan kakanda, pinta-lah gemala hikmat itu." Maka sembah tuan puteri Ratna Pelinggam: "Pada bichara patek, jangankan gemala hikmat ini tiada patek persembahkan, sedang tuboh patek lagi jadi hamba dalam bichara perentah kakanda." Maka gemala hikmat itu pun di-ambil oleh Sang Perta Dewa lalu di-chuba-nya dan di-permain-nya oleh Sang Perta Dewa. Maka barang di-chinta sakalian-nya keluar dari dalam hikmat itu. Maka Sang Perta Dewa pun terlalu sukachita hati-nya. Maka Sang Perta Dewa pun dudok-lah pada pulau itu bersuka2an dengan isteri-nya dan segala perwira-nya.

Hatta beberapa lama-nya dudok dengan tuan puteri Kemala Pelinggam itu, maka tuan puteri pun hamil-lah. Maka Sang Perta Dewa pun terlalu sukachita. Maka bulan pun genap-lah; maka datang-lah pada dewasa akan beranak, maka tuan puteri Kemala Ratna Pelinggam pun berputera-lah sa-orang laki2 terlalu elok rupa-nya saperti empat belas haribulan, berseri2, serta keluar itu dengan mahkota-nya. Maka anak baginda itu di-sambut oleh ayahanda

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

baginda, di-namai baginda Sang Sapurba. Maka Sang Perta Dewa pun berkata kapada isteri-nya, "Ayo adinda, jikalau ada kaseh adinda akan kakanda — kerana kakanda pun sudah berputera dengan adinda — mau-kah adinda mengikut kakanda kembali keinderaan ka-negeri kakanda?" Maka kata tuan puteri, "Jangankan kembali keinderaan tiada patek turut, jikalau ka-laut api sa-kali pun patek ikut juga." Sa-telah mendengar kata tuan puteri demikian itu, maka Sang Perta Dewa pun berlengkap-lah akan kembali keinderaan. Maka segala ra'ayat dari keinderaan terlalu gempita bunyi-nya. Maka pulau itu pun bergonchang sapetri akan karam laku-nya. Maka Sang Perta Dewa pun naik ka-atas rata-nya terbang itu. Maka segala perwira itu pun naik-lah masing2 pada kenaikan-nya. Maka gemala hikmat itu pun di-ambil-nya oleh Sang Perta Dewa lalu di-kendong-nya. Maka mahligai itu pun ghaib-lah. Maka Sang Perta Dewa pun sampai-lah ka-negeri-nya lalu masok ka-dalam negeri, lalu naik ka-istana-nya. Maka baginda pun dudok-lah berkaseh2an laki isteri memeliharakan anakanda baginda itu.

Hatta beberapa lama-nya Sang Sapurba pun besar-lah. Maka titah baginda pada isteri-nya, "Ya adinda, akan sekarang anakanda kita pun sudah-lah besar, patut-lah ia menjadi raja. Ada pun pada zaman kakanda, maka anak kita ini-lah akan jadi raja dalam dunia, akan menentukan asal raja, bahawa di-turunkan Allah Ta'ala menjadi raja datang kapada akhir zaman." Maka kata tuan puteri, "Mana bichara kakanda-lah."

Maka baginda menyuroh memanggil segala ra'ayat. Sa-telah sudah berhimpun maka baginda pun berangkat ka-Bukit Seguntang. Sa-telah sampai di-lihat baginda bukit itu terlalu baik dan kayu2an-nya pun semua-nya berbuah bermasakan. Maka bukit itu pun di-namai-nya Bukit Seguntang Mahabiru. Sa-telah sudah maka Sang Perta Dewa pun menyuroh orang berbuat istana dan balairong lengkap dengan pengadapan. Sa-telah sudah maka baginda pun naik-lah ka-istana-nya itu dudok. Maka Sang Perta Dewa pun menyuroh menempa segala pakaian kerajaan. Maka titah baginda pada tuan puteri Kemala Ratna Pelinggam itu, "Berlengkap-lah adinda, kerana kakanda hendak merajakan anak kita pada Bukit Seguntang ini." Sa-telah tuan puteri mendengar kata baginda demikian itu, maka tuan puteri pun berlengkap-lah dengan sukachita-nya kerana mendengar pesan bonda-nya: "Hai anak-ku, bahawa engkau gila akan suami anak raja keinderaan itu, anak-mu itu-lah terbesar kerajaan-nya. Shahadan engkau kelak beroleh anak dengan raja di-keinderaan; anak-mu itu pun akan menjadi raja besar di-dalam dunia ini." Maka Sang Sapurba pun di-lengkap oleh bonda-nya dengan sa-lengkap-nya dan inang

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

pengasoh dan segala perwira-nya. Maka Sang Sapurba pun di-rajakan oleh baginda di-Bukit Seguntang Mahabiru itu saperti adat raja besar2. Sa-telah sudah baginda merajakan anakanda baginda berapa bulan lama-nya, maka di-lihat akan anakanda baginda kerajaan terlalu baik budi af'al-nya, baginda lalu kembali keinderaan laki isteri. Maka Sang Sapurba pun kerajaan-lah terlalu adil dan pereksa-nya akan segala ra'ayat-nya.

• • •

Hatta maka di-dengar-lah pada segala orang besar2 dan orang kaya2 di-tanah Palembang bahawa di-Bukit Seguntang itu sekarang ada raja di-turunkan Allah Ta'ala dari keinderaan. Hatta, kalakian maka segala orang itu pun datang-lah berhimpun di-Bukit Seguntang, masing2 dengan persembahan-nya dan dengan sukachita-nya hendak melihat rupa raja itu. Maka mereka itu sakalian-nya di-anugerahi-nya oleh Sang Sapurba masing2 pada kadar-nya dan dengan di-tegor sapa-nya dan manis muka-nya, sa-orang pun tiada terlindong lagi. Maka segala tuan2 itu pun terlalu sukachita hati-nya kerana melihat budi pekerti raja itu.

Dengan demikian terdengar-lah pada segala negeri bahawa di-Bukit Seguntang sekarang ada raja di-turunkan Allah Subhanahu wa Ta'ala dari keinderaan, terlalu baik budi-nya dan tegor sapa-nya, sangat ia mengasehi segala dagang santeri. Kalakian maka terdengar pada segala negeri dan orang sana sini pun datang ka-Bukit Seguntang, dari laut dan dari darat itu pun ada mengadap raja itu. Dengan demikian persembahan-nya pun terlalu banyak-nya; maka menjadi mashhor-lah nama raja itu pada segala negeri yang hampir tanah Palembang itu. Maka *Bukit Seguntang* itu pun jadi bandar besar-lah terlalu ramai, menjadi negeri besar dengan menteri dan hulubalang dan pertuanan dan ra'ayat.

Maka sa-kali persetua maka Sang Sapurba pun hendak pergi berburu bermain2 pada sisi Bukit Seguntang itu, hendak melihat termasa dengan segala orang besar2. Maka Sang Sapurba pun berangkat dengan segala bunyi2an dan hulubalang ra'ayat sakalian. Maka baginda pun berjalan-lah bermain2 pada tengah padang itu; maka di-lihat oleh baginda ada sa-buah kolam terlalu indah2 perbuatan, di-ikat dengan permata pancha-warna, berkeliling kolam itu pelbagai bunga yang indah2 dengan jambang-nya. Maka Sang Sapurba pun berkeliling pada tepi kolam itu melihat kekayaan Allah Subhanahu wa Ta'ala. Maka Sang Sapurba pun berasa hendak mandi. Maka baginda berdiri pada tepi kolam itu menanggalkan segala pakaian. Maka di-sambut oleh bentara

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

di-pangku-nya. Maka baginda pun turun mandi dengan segala pegawai ka-dalam kolam itu, terlalu ramai bersembor2an. Maka Sang Sapurba pun menyelam-lah. Dengan takdir Alah Ta'ala, di-dengar oleh Sang Sapurba guroh di-langit. Maka turun dewa di-keinderaan merupakan diri-nya sa-ekor lembu puteh saperti perak di-sepoh, tandok-nya saperti duri. Maka Sang Sapurba pun bangkit daripada menyelam itu, di-lihat-nya sa-ekor lembu berdiri di-tepi kolam itu terlalu indah rupa-nya. Maka Sang Sapurba naik bersalin kain; maka di-lihat-nya lembu itu muntah. Sa-telah sudah Sang Sapurba bersalin kain, maka di-lihat oleh Sang Sapurba lembu itu ghaib-lah. Maka Sang Sapurba pun segera-lah pergi; maka di-lihat oleh Sang Sapurba muntah lembu itu menjadi budak, sa-orang perempuan terlalu elok rupa-nya dan warna wajah-nya saperti emas sa-puloh mutu, warna muka-nya saperti bulan pernama empat belas haribulan. Maka Sang Sapurba pun mengambil kain puteh lalu di-selimuti-nya. Sudah itu maka tuan puteri pun di-naikkan ka-atas usongan bersama2 baginda, lalu di-bawa-nya kembali ka-negeri lalu ka-istana.

Maka Sang Sapurba pun memileh dayang empat puloh, inang pengasoh perwara empat puloh. Sudah itu maka tuan puteri itu pun di-beri-nya memakai kain kerajaan. Maka Sang Sapurba pun memerentahkan sa-orang bentara-nya naik keinderaan persembahkan paduka ayahanda bonda baginda. Maka bentara pun menyembah lalu masok mengadap Sang Perta Dewa. Maka titah baginda, "Hai bentara, hendak ka-mana engkau dan apa pekerjaan anak-ku sekarang?" Maka sembah bentara, "Ya tuanku, patek di-titahkan berdatang sembah bahawa paduka anakanda beroleh sa-orang puteri terlalu elok rupa-nya." Maka oleh bentara itu segala hal ahwal-nya semua-nya di-persembahkan. Maka Sang Perta Dewa pun terlalu sukachita mendengar warta anakanda baginda beroleh isteri itu. Maka Sang Perta Dewa pun berlengkap-lah. Sa-telah sudah maka Sang Perta Dewa laki isteri pun turun-lah dari keinderaan lalu ka-Bukit Seguntang di-iringkan oleh segala bala tentera-nya. Maka turun-lah dari keinderaan, terlalu gempita bunyi suara-nya orang daripada kebanyakan ra'ayat dari keinderaan mengiringkan Sang Perta Dewa.

Maka Sang Perta Dewa pun sampai-lah ka-Bukit Seguntang itu. Maka ter-dengar-lah kapada Sang Sapurba. Maka Sang Sapurba pun segera keluar dari istana-nya mengalu2kan ayahanda bonda-nya. Maka Sang Sapurba pun sujud di-kaki ayahanda bonda-nya. Maka oleh Sang Perta Dewa dan permaisuri di-pelok di-chium-nya akan anakanda baginda itu. Maka Sang Sapurba pun membawa ayahanda baginda masok ka-dalam istana, di-dudokkan-nya di-atas singgasana yang bertatahkan ratna mutu ma'nikam dan berumbai2kan mutiara.

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

Sa-telah sudah dudok, maka tuan puteri pun di-suroh oleh Sang Sapurba menyembah ayahanda bonda-nya. Maka di-pelok dan di-chium akan menantu-nya tuan puteri itu. Maka Sang Perta Dewa pun berlengkap akan pekerjaan anakanda baginda Sang Sapurba kahwin dengan tuan puteri itu. Maka Sang Perta Dewa pun memulai pekerjaan berjaga2 tujoh hari tujoh malam. Maka Sang Sapurba dan tuan puteri pun di-hiasi orang-lah dengan pakaian kerajaan yang indah2. Sa-telah sudah berhias, maka Sang Sapurba pun di-arak orang-lah berkeliling negeri dengan segala bunyi2an. Sa-telah genap tujoh kali berkeliling, lalu berarak kembali ka-istana. Sa-telah sudah maka Sang Perta Dewa laki isteri pun hendak kembali keinderaan. Maka Sang Sapurba laki isteri pun menyembah ayahanda bonda baginda kedua laki isteri; di-pelok dan di-chium-nya baginda akan menantu-nya. Maka baginda pun kembali-lah keinderaan dengan sukachita-nya.

Hatta, berapa lama-nya, tuan puteri pun hamil-lah. Maka Sang Sapurba terlalu sukachita melihat isteri-nya hamil itu. Sa-telah genap-lah bulan-nya, maka tuan puteri pun berputerakan-lah sa-orang lelaki, terlalu elok rupa-nya sikap-nya. Maka Sang Sapurba pun terlalu sukachita hati-nya kerana melihat anakanda baginda itu. Maka di-namai baginda Sang Maniaka. Maka di-peliharakan dengan saperti-nya. Shahadan maka baginda pun menghias akan anakanda dengan inang pengasoh dan pupok rabun sakalian akan Sang Maniaka. Hatta, berapa lama antara-nya, maka tuan puteri pun hamil-lah. Sa-telah genap bulan-nya, maka tuan puteri berputera pula sa-orang laki2 elok rupa-nya. Maka di-namai oleh baginda Sang Jaya Nantaka.[2] Maka di-peliharakan ayahanda baginda dengan inang pengasoh-nya, di-tahu-nya akan anakanda baginda itu jadi raja besar tetapi merasai hal dahulu, makan pagi dan petang pun tiada di-peroleh. Hatta, berapa lama-nya, maka tuan puteri pun hamil-lah pula. Sa-telah genap bulan-nya, maka tuan puteri pun berputera-lah sa-orang laki2 terlalu elok rupa-nya. Maka di-pelihara-nya akan baginda saperti anak yang dahulu itu. Maka di-namai oleh baginda Sang Saniaka.[3] Hatta, berapa lama-nya, maka tuan puteri pun hamil-lah pula. Sa-telah genap bulan-nya, maka tuan puteri pun berputera-lah sa-orang laki2 terlalu elok rupa-nya dan paras-nya. Maka baginda pun terlalu kaseh-nya akan anakanda baginda itu, di-peliharakan dengan saperti-nya. Maka di-namai oleh baginda Sang Satiaka.

Maka Sang Sapurba pun naik-lah keinderaan membawa anakanda keempat itu mengadap nenek-nya. Sa-telah Sang Perta Dewa laki isteri melihat rupa chuchunda baginda datang itu, maka di-pelok di-chium baginda akan chuchunda itu, beberapa pakaian kerajaan bertatahkan ratna mutu ma'nikam dan

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

beberapa pakaian yang indah2 di-anugerahi baginda akan chuchunda baginda itu. Hatta, beberapa lama-nya Sang Sapurba dudok mengadap ayahanda bonda-nya di-keinderaan, maka Sang Sapurba pun bermohon-lah kapada ayahanda bonda-nya kembali ka-Bukit Seguntang dudok memeliharakan anakanda baginda keempat itu.

Maka mashhor-lah kapada segala negeri orang bahawa raja di-Bukit Seguntang itu sekarang sudah berputera empat orang, laki2 semua-nya. Maka mereka itu sakalian pun semua-nya datang mengadap dengan persembahan-nya. Maka di-anugerahi baginda masing2 pada layak-nya, di-tegor baginda dengan manis muka-nya. Hatta, berapa lama-nya, maka anakanda baginda keempat pun besar-lah. Maka ayahanda bonda pun terlalu-lah kaseh akan anakanda baginda itu. Maka anak raja keempat itu pun terlalu berkaseh2an saudara bersaudara itu, sa-ketika pun tiada dapat bercherai, makan dan tidor pun bersama2 juga keempat-nya itu; jikalau berjalan barang ka-mana pun bersama2 juga. Maka Bukit Seguntang pun jadi negeri besar-lah, banyak dagang santeri pergi datang berniaga pada negeri itu. Maka segala orang negeri yang tiada beraja pun pergi-lah ka-sana, kasad hati-nya hendak bermohonkan anak raja itu hendak merajakan supaya datang pada akhir zaman pun anak-beranak-nya hendak diperbuatkan juga. Hatta, mereka sakalian pun datang-lah mengadap Sang Sapurba ka-Bukit Seguntang itu dengan persembahan-nya. Maka segala yang datang mengadap itu semua-nya di-anugerahi-nya oleh baginda masing2 pada layak-nya. Maka mereka itu sakalian pun lalu bermohon kembali ka-tempat-nya. Demikian-lah hal mereka itu menantikan anak raja itu besar.

Hatta, berapa lama-nya, maka anak raja keempat bersaudara itu pun besar-lah. Maka anak raja keempat itu pun keluar bermain2 ka-padang, keempat-nya memakai baju ânta kesuma. Apabila hari petang, maka ia pun kembali ka-istana ayahanda bonda-nya. Demikian-lah sa-hari2 anak raja keempat itu kerja-nya bermain juga. Ada pun akan Sang Sapurba itu apabila ia rindu akan ayah bonda-nya, maka ia naik keinderaan mengadap ayahanda bonda baginda itu. Shahadan akan Sang Perta Dewa pun demikian juga kerja-nya: apabila ia hendak bermain2, maka baginda pun turun-lah ka-Bukit Seguntang mendapatkan anakanda dan chuchunda keempat itu. Shahadan beberapa pakaian di-keinderaan yang indah2 di-anugerahkan chuchunda baginda itu. Maka titah Sang Perta Dewa, "Ada pun chuchu-ku keempat ini akan jadi raja besar di-dalam dunia, datang kapada akhir zaman turun-termurun menjadi raja juga." Hatta, beberapa lama-nya Sang Perta Dewa dudok di-Bukit Seguntang itu, maka baginda pun kembali keinderaan. Maka baginda pun memelok men-

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

chium chuchunda baginda keempat, lalu kembali keinderaan. Maka Sang Sapurba pun pergi menghantarkan ayahanda bonda-nya. Berapa lama ia dudok di-keinderaan itu, maka Sang Sapurba pun bermohon kembali ka-Bukit Seguntang Mahabiru itu dudok memeliharakan anakanda baginda keempat. Ada pun akan anakanda baginda itu apabila tiada kelihatan, maka di-suroh baginda chari pada bentara empat puloh itu. Maka anakanda itu pun ada dudok bermain. Demikian-lah kerja-nya baginda itu sa-hari2, wallahu a'lamu bissawab.

• • •

Maka tersebut-lah perkataan ada sa-orang nakhoda negeri Bentan. Maka ia sangat berahi hendak melihat rupa anak raja di-Bukit Seguntang itu. Maka nakhoda itu pun berlengkap-lah segala persembah dan memberitahu segala K. lukan, suroh bermuat segala dagangan yang patut di-bawa ka-Bukit Seguntang itu. Sa-telah sudah bermuat maka nakhoda itu pun turun-lah ka-perahu-nya lalu belayar menuju Palembang.

Hatta, berapa lama-nya belayar itu, maka nakhoda itu pun hampir-lah akan sampai ka-Palembang. Sa-bermula pada hari itu anak raja yang keempat itu berbichara hendak pergi bermain ka-pulau itu. Sa-telah sudah berbichara, maka anak raja itu pun memakai baju anta kesuma lalu pergi bermain2 pada pulau itu mengambil segala buah2an, terlalu banyak. Maka perahu nakhoda itu pun kekurangan kayu ayer-nya. Maka nakhoda itu pun menyusor pulau itu hendak mengambil kayu dan ayer. Sa-telah sampai ka-pulau itu, maka nakhoda itu pun berjalan bermain2. Maka anak raja keempat itu pun bermain2 di-tepi pulau itu tiada-lah di-lihat-nya orang datang itu. Maka nakhoda itu pun sampai-lah pada suatu telaga itu. Maka di-lihat-nya budak2 empat orang ter-lalu baik rupa-nya. Maka fikir nakhoda itu, "Bukan gerangan anak manusia budak2 ini; kalau anak dewa2 gerangan siapa tahu." Maka segera di-usir-nya. Maka di-lihat oleh anak raja keempat itu orang datang mengusir dia itu. Maka ia hendak lari tiada sempat; maka kata Sang Maniaka, "Mari kita ber-sembunyi di-balek batu hampir telaga ini." Maka sahut Sang Jaya Nantaka, "Mari-lah." Maka keempat-nya bersembunyi-lah. Maka nakhoda pun datang-lah pada telaga batu itu. Maka di-lihat-nya budak2 keempat itu pun tiada. Maka kata nakhoda itu, "Chari juga budak ini; tiadakan ka-mana pergi-nya. Pada hati-ku, sekarang ini juga di-lihat di-sini." Maka berapa juga di-chari tiada bertemu. Maka nakhoda itu pun hairan akan diri-nya. Maka kata

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

nakhoda itu, "Pada bichara hati-ku, anak dewa2 juga gerangan maka dengan sa-ketika ini juga lenyap pada mata kita sakalian." Maka kata sa-orang, "Hamba pun hairan-lah." Maka nakhoda dan segala anak perahu itu pun mandi-lah dan mengambil kayu dan ayer. Sa-telah sudah maka masing2 pun turun-lah ka-sampan lalu di-kayoh ka-jong-nya.

Maka raja keempat bersaudara itu pun keluar-lah lalu kembali ka-Bukit Seguntang mendapatkan ayah bonda-nya. Maka baginda pun bertanya kapada anakanda baginda itu, "Ka-mana pergi tuan keempat bersaudara maka tiada di-lihat?" Maka Sang Maniaka pun bercherita-lah tatkala ia pergi pada pulau itu bertemu dengan sa-buah perahu hendak ambil ayer, "Maka tiada sempat lari, maka patek lari bersembunyi pada suatu tempat. Sa-telah nakhoda itu kembali, patek keempat bersaudara pun keluar-lah." Maka berdebar2 hati baginda, seraya bertitah, "Hai anak-ku, buah hati-ku, lain kali-nya jangan engkau demikian. Tiada-kah tuan hamba? Jika tuan hendak pergi bermain, beritahu ayahanda, ayahanda kerahkan segala ra'ayat mengiringkan tuan." Maka anak raja itu pun diam-lah.

Maka baginda pun masok ka-istana membawa anakanda baginda kapada permaisuri. Maka segala hal ahwal anakanda baginda keempat itu semua-nya di-cheriterakan pada permaisuri. Maka kata permaisuri dengan ayer mata-nya, "Adoh anak-ku, mengapa maka demikian pekerti tuan? Tiada-kah tuan berhamba? Jikalau tuan hendak pergi bermain pun, beritahu akan ayahanda bonda supaya bonda lengkapi tuan." Maka Sang Maniaka, "Sa-kali lagi tiada-lah patek berbuat pekerti demikian itu." Maka oleh permaisuri di-mandikan anakanda baginda keempat itu dan di-beri-nya memakai pakaian. Maka kata permaisuri, "Adoh tuan, bonda melihat tuan ini sa-ketika pun tiada dapat bercherai, di-adap orang pun sama2."

Demikian-lah baginda memeliharakan anakanda baginda itu.

* * *

Sa-bermula nakhoda itu pun sampai-lah ka-Palembang. Maka ia pun berlengkap persembahan. Sa-telah sudah maka lalu ia berjalan ka-Bukit Seguntang. Berapa antara-nya maka sampai-lah, lalu ia datang kapada shahbandar. Maka kata nakhoda itu, "Ya shahbandar, hamba sakalian ini hendak mengadap shah alam." Maka kata shahbandar, "Baik-lah."

Mereka itu pun pergi. Maka nakhoda itu pun masok-lah. Maka baginda sedang ramai di-adap segala menteri dan hulubalang. Maka di-lihat oleh baginda shahbandar membawa sa-orang nakhoda, maka segera di-tegor oleh

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

baginda, "Mari-lah nakhoda dudok." Maka nakhoda itu pun sujud lalu dudok. Maka titah baginda, "Hai nakhoda, apa pekerjaan nakhoda ka-negeri kita ini, kerana bukan bandar besar?" Maka sembah nakhoda itu, "Daulat tuanku, patek mohonkan ampun dan kurnia, patek hendak berniaga, kerana patek hendak mengadap tuanku juga, kerana barang siapa melihat rupa raja itu sa-rasa ia bertemu dengan Allah Ta'ala, demikian-lah."

Maka baginda pun tersenyum. Maka nakhoda itu pun tiada lain di-pandang-nya, anak raja keempat itu juga di-pandang-nya. Maka baginda pun tahu akan pandang nakhoda itu. Maka titah baginda, "Hai nakhoda, apa sebab maka nakhoda melihat anak hamba ini dan apa penglihatan nakhoda. Maka sembah nakhoda itu, "Daulat tuanku, ada pun patek tatkala patek tiada beroleh angin maka patek pun keputusan ayer dan kayu, maka patek bertemu dengan sa-buah sampan pada pulau antara Palembang ini. Maka patek naik ka-pulau itu hendak mengambil ayer dan kayu. Maka patek lihat budak2 empat orang, terlalu baik paras-nya dan pakaian-nya keempat-nya. Maka oleh segala teman patek di-katakan-nya budak lari. Maka budak empat orang itu pun lari hampir telaga batu, lalu ghaib keempat-nya tiada-lah bertemu dengan patek sakalian. Maka patek lihat rupa budak empat orang itu sa-akan2 rupa paduka anakanda ini-lah, besar-nya dan pakaian-nya tiada bersalahan. Sebab ini-lah maka patek sakalian memandang paduka anakanda ini. Pada bichara patek budak ini, empat orang yang bertemu dengan patek itu, entah anak dewa2 atau anak indera2 juga rupa-nya maka sa-konyong2 ghaib daripada mata patek sakalian ini."

Apabila baginda mendengar sembah nakhoda itu, maka baginda pun tersenyum seraya bertitah, "Hai nakhoda, jika ada budak keempat itu nakhoda sakalian kenal-kah?" Maka sembah nakhoda dan segala santeri sakalian, "Daulat tuanku shah alam, patek kenal, tuanku, keempat-nya, kerana patek sakalian lihat hampir juga, tiada jauh." Demi raja mendengar sembah nakhoda itu, maka Sang Sapurba pun tersenyum lalu bertitah, "Hai nakhoda, pada bichara kita, jikalau nakhoda lihat pun tiadakan kenal, oleh kerana budak empat itu sunggoh ia manusia penaka anak dewa2 dan indera2."

Sa-telah nakhoda itu mendengar titah baginda demikian, maka ia pun tahu akan erti titah raja itu bahawa yang di-kata itu anakanda baginda-lah. Maka nakhoda itu pun di-persalin oleh baginda dengan saperti-nya. Sa-telah sudah baginda memberi persalin akan nakhoda itu, maka ia pun bermohon-lah lalu berjalan kembali ka-Palembang.

• • •

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

Al-kesah maka tersebut perkataan orang besar2 dan orang kaya2 Singapura dan negeri Bentan itu tiada beraja. Maka ia pun berbichara oleh mendengar bahawa di-Bukit Seguntang itu sekarang ada raja sa-orang di-turunkan Allah Subhanahu wa Ta'ala bernama Sang Sapurba, sekarang Sang Sapurba itu sudah-lah menjadi raja dan beranak empat orang laki2 terlalu elok rupa-nya, kerana asal-nya Sang Sapurba itu anak raja keinderaan. Sa-telah mereka mendengar khabar demikian, maka segala orang besar2 di-Singapura dan tanah Bentan itu pun sakalian berhimpun meshuarat. Maka kata segala mereka itu, "Pada bichara hamba segala orang tua2, baik juga tuan2 sakalian pergi ka-Bukit Seguntang mengadap raja di-Bukit Seguntang memohonkan anakanda baginda itu sa-orang supaya kita rajakan di-tanah Bentan ini, kita sakalian pertuankan kerana anak raja itu asal-nya dari keinderaan, kerana kita sakalian tiada ber-tuan." Sa-telah sudah segala orang besar2 itu berbichara, maka mereka itu sakalian pun berlengkap-lah dan mengerahkan sakai berlengkap dendang dan lanchang, tujoh buah dan berlengkap persembah. Sa-telah sudah lengkap semua-nya, maka lalu belayar-lah segala tuan2 itu dengan segala bunyi2an, terlalu gempita bunyi-nya menuju tanah Palembang.

Berapa lama-nya belayar itu, maka sampai-lah ka-Palembang. Maka segala tuan2 itu naik-lah ka-darat dengan segala persembah-nya lalu berjalan ka-Bukit Seguntang. Maka segala tuan2 itu pun datang mendapatkan shahbandar. Maka di-tanya oleh shahbandar, "Apa pekerjaan tuan sakalian ini? Utusan dari mana dan siapa nama raja-nya?" Maka kata segala orang besar2 itu, "Ada pun kita sakalian datang ini sahaja hendak mengadap duli shah alam hendak menjadi hamba ka-bawah duli shah alam." Sa-telah shahbandar mendengar kata tuan2 itu, maka shahbandar pun mengadap berdatang sembah, "Ya tuanku shah alam, orang Bentan dan orang Singapura, tuanku, datang hendak menga-dap ka-bawah duli tuanku, maksud-nya hendak menjadi hamba ka-bawah duli shah alam." Maka titah baginda, "Bawa-lah ia ka-mari." Maka shahbandar pun segera keluar. Maka segala orang Singapura itu pun hadhir-lah dengan segala persembahan-nya menantikan shahbandar datang juga. Sa-telah shah-bandar datang, maka kata-nya, "Hai tuan2 sakalian, masok-lah segera, kerana baginda itu suroh masok; baginda pun sudah keluar di-pengadapan di-adap oleh segala menteri dan pegawai."

Maka tatkala itu segala takhta kerajaan pun sudah hadhir. Maka orang Bentan dan orang Singapura pun berjalan-lah beriring2 tiada berputusan, membawa persembah dari kampong shahbandar lalu ka-balairong. Maka baginda pun sudah hadhir di-adap oleh orang di-atas singgahsana yang bertatah-

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

kan ratna mutu ma'nikam. Maka segala tuan2 itu pun datang-lah di-adap oleh dato' shahbandar. Apabila di-lihat oleh raja segala tuan2 itu, maka kata baginda, "Mari-lah tuan2 sakalian, kita hendak bertanyakan akan khabar negeri Bentan dan Singapura." Maka tuan2 itu pun menyembah lalu dudok. Maka titah baginda, "Hai tuan2 sakalian, apa kehendak tuan2 maka datang ka-negeri kita ini, bukan bandar besar?" Maka sembah segala mereka itu, "Daulat tuanku, patek sakalian ini hamba yang dha'if lagi hina memohonkan ampun dan kurnia ka-bawah duli shah alam. Patek sakalian datang ini hendak memohonkan kurnia ka-bawah duli shah alam; jikalau kurnia duli shah alam maka berani patek berdatang sembah." Maka titah baginda, "Hai tuan2 sakalian, apa maksud tuan2 sakalian? Katakan juga kita dengar. Jika ada pada kita, tiada kita tahani maksud tuan2 itu."

Demi mendengar titah demikian itu, maka segala tuan2 itu pun membuangkan keris-nya lalu meniarap sujud di-hadapan baginda. Maka sembah segala tuan2 itu, "Daulat tuanku, patek sakalian ini hamba yang hina lagi dha'if hendak memohonkan ampun lagi kurnia ka-bawah duli Seri Maharaja. Jika ada kurnia akan patek sakalian ini memohonkan paduka anakanda sa-orang supaya patek sakalian pertuankan juga; shahadan datang kapada anak chuchu patek pun pertuankan juga, tiada mau bertuan lain daripada asal anak chuchu shah alam." Sa-telah Sang Sapurba mendengar sembah segala mereka itu maka titah baginda, "Baik-lah, ada pun anak kita yang bernama Sang Maniaka itu kita berikan."

Maka baginda pun berlengkap-lah segala kerajaan dan segala kelengkapan kerajaan. Sa-telah sudah maka di-puleh baginda pula anak-nya tuan2 yang berasal empat puloh akan teman anakanda baginda dan empat orang anak pegawai dan empat puloh anak orang Keluaran jadi biduanda dan empat puloh anak perempuan yang baik2 rupa dan paras-nya akan dayang2. Sa-telah sudah lengkap, maka baginda pun memelok menchium anakanda baginda yang bernama Sang Maniaka itu, di-bawa-nya masok ka-dalam istana mendapatkan bonda baginda. Maka di-pelok dan di-chium oleh bonda baginda dan di-tangisi-nya, kata-nya, "Ya anak-ku buah hati-ku, ada pun engkau di-atas kerajaan itu, baik2 memeliharakan segala ra'ayat-mu dan sangat2 pereksa-mu akan segala tentera-mu; jangan engkau takbor dan ngerun, kerana dunia tiada akan kekal melainkan nama yang baik itu juga yang kekal sa-sudah mati, supaya nama nenek moyang dan nama-ku pun di-sebut orang pada segala negeri yang lain."

Sa-telah baginda mengajar anakanda baginda demikian itu, maka Sang Maniaka pun bermohon-lah kapada ayahanda dan bonda baginda lalu turun keluar naik ka-atas usongan, lalu berjalan ka-Palembang, di-iringkan oleh segala

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

tuan2 dan orang kaya dan segala ra'ayat, terlalu banyak. Shahadan berapa lama-nya berjalan maka sampai-lah ka-Palembang. Maka Sang Maniaka pun naik-lah ka-atas perahu kenaikan lalu belayar. Maka segala dendang dan manjongan pun belayar-lah mengiringkan kenaikan raja itu.

Berapa lama-nya belayar itu maka sampai-lah ka-Bentan. Maka segala orang kaya2 dan segala ra'ayat dalam negeri itu pun sakalian datang menyambut raja dengan segala bunyi2an terlalu gempita bunyi-nya. Maka sakalian pun sujud mengatakan, "Daulat shah alam." Maka Sang Maniaka pun di-sambut orang-lah, di-naikkan ka-atas tandu. Maka payong iram kuning pun terkembang-lah dan gendang arak2an pun di-palu orang-lah. Maka sakalian bunyi2an pun berbunyi-lah terlalu ramai berarak lalu ka-istana. Sa-telah sudah naik ka-atas istana, maka segala orang kaya2 dan anak petuanan, anak batin yang memegang anak sungai dan segala penghulu yang memegang sakai ini pun sakalian itu berhimpun datang mengadap masing2 dengan persembah-nya. Maka orang besar2 itu pun meshuarat-lah akan merajakan Sang Maniaka.

Maka pada ketika yang baik, maka Sang Maniaka pun memakai pakaian kerajaan dan makota di-Bukit Seguntang itu pun di-pakai oleh baginda. / Sa-telah sudah memakai, maka baginda pun dudok di-atas kerajaan yang di-tatah-kan ratna mutu ma'nikam berumbai2kan mutiara. / Maka berdiri-lah bentara memikul pedang kerajaan, sa-orang dari kanan-nya, sa-orang di-kiri. / Maka segala pegawai dan petuanan pun dudok bersaf2. / Maka nobat dan tabal pun di-palu orang-lah ragam nobat Iskandar Dzu'l-karnain. / Maka segala khalayak yang banyak pun sujud menyembah Sultan Sang Maniaka tujoh kali tiarap ka-bumi. Shahadan tujoh kali sa-hari di-nobatkan orang. / Sudah tujoh kali sujud, maka segala menteri dan hulubalang dan pegawai dan petuanan pun di-ator orang-lah. / Maka hidangan pun di-angkat orang-lah ka-hadapan majlis. Maka segala tuan2 itu pun makan-lah masing2 pada hidangan-nya. / Sa-telah sudah, maka di-angkat pula minuman dan tambul pelbagai chita rasa-nya. Maka piala yang bertatahkan ratna mutu ma'nikam itu pun di-peredarkan orang-lah. Maka minum-lah terlalu ramai melakukan kesukaan-nya.

Sa-telah sudah, maka raja pun memileh orang yang berasal empat orang. Maka di-gelar oleh baginda Bendahara Paduka Raja; maka di-gelar pula Perdana Menteri dan sa-orang di-gelar Temenggong Seri Sarwa Diraja; maka sa-orang lagi di-gelar Tun Pekerma. Sudah itu maka di-pileh pula empat orang anak petuanan berasal; maka di-jadikan hulubalang; maka di-gelar pula Tun Bija Sura, sa-orang di-gelar Tun Bija Diraja, sa-orang lagi di-gelar Tun Dikungsa dan sa-orang Tun Ratna Diraja. Sudah itu maka di-pileh pula oleh baginda

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

empat orang anak perawangan yang berasal, sa-orang di-gelar Tun Sang Aria, sa-orang di-gelar Sang Utama, sa-orang di-gelar Sang Jaya dan sa-orang lagi di-gelar Sang Derma. Sa-telah bergelar orang dua belas itu, maka raja pun memberi persalin akan segala pegawai itu dengan saperti-nya. Maka baginda pun memberi anugerah pula akan segala orang kaya2 dan petuanan. Kemudian di-anugerahkan segala ra'ayat pula masing2 pada kadar-nya. Sa-telah sudah, baginda pun memberi titah kapada Bendahara Paduka Raja memungut anak orang dalam negeri yang berasal empat puloh: "Kita hendak jadikan biduanda suroh dalam istana, dan anak petuanan dua puloh akan jadi jawatan kita." Maka sembah Bendahara Paduka Raja, "Daulat tuanku."

Sa-telah sudah, maka segala pegawai dan petuanan pun bermohon-lah kembali ka-rumah-nya. Maka Bendahara Paduka Raja pun bermohon-lah kembali dudok di-balai sendiri meshuarat dengan segala hamba sahaya-nya hendak memungut anak orang kaya2 dan petuanan dua puloh itu: "Ada pun pada bichara hamba, barang siapa ada anak laki2 atau perempuan, baik-lah di-sembahkan ka-bawah Duli Yang Di-Pertuan kerana baginda sendiri bertitah kapada hamba menyuroh memungut." Maka sembah segala tuan2 itu, "Sahaya tuanku ada sa-orang anak laki2." Maka sembah sa-orang, "Sahaya ada sa-orang anak perempuan." Maka kata Bendahara, "Baik-lah, tuan2 itu kita persembahkan ka-bawah Duli Yang Di-Pertuan." Maka di-antara itu ada beroleh tujoh orang laki2 dan tujoh orang perempuan, anak penghulu memegang anak sungai dan sakai. Maka segala mereka itu pun di-suratkan. Maka kata Bendahara Paduka Raja pada segala penghulu yang menyembahkan anak-nya itu, "Ada pun anak tuan2 sakalian itu bawa-lah ka-rumah hamba dahulu." Maka kata segala mereka itu, "Baik-lah, mana titah dato' hamba junjong." Maka segala mereka itu pun bermohon-lah pada Bendahara Paduka Raja pulang ka-rumah-nya.

• • •

Maka terdengar-lah kapada segala anak sungai dan telok rantau yang banyak itu bahawa sekarang negeri Bentan itu telah ada-lah raja, terlalu adil dan murah-nya dan menteri pun terlalu bijaksana dan tegor sapa-nya akan segala ra'ayat. Maka mereka itu pun sakalian datang ka-Bentan. Maka batin dan mandalika itu pun mengadap Bendahara dengan segala persembah-nya. Sa-telah di-lihat oleh Bendahara segala tuan2 sakalian maka segera di-tegor-nya, "Silakan-lah tuan2 dudok." Maka sakalian pun dudok menyembah. Maka kata Bendahara,

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

"Mari-lah kita masok mengadap Duli Yang Di-Pertuan, kerana hamba di-titah-kan baginda menyuroh memberitahu akan segala saudara hamba datang ka-Bentan, mengadap Yang Di-Pertuan, kerana baginda hendak memungut segala anak chuchu tuan2 sakalian hendak di-jadikan pegawai." Sa-telah mendengar kata Bendahara itu demikian, maka segala tuan2 itu pun menyembah, seraya kata-nya, "Akan hamba tuanku ini sedia hamba ka-bawah kadam dato' tuanku dan tiada hamba bertuan lain, dahulu Allah kemudian nabi, dan daripada anak chuchu tuanku; tambahan akan sekarang dengan daulat shah alam sa-harus-nya-lah hamba sakalian pertuan." Maka kata Bendahara, "Jika demikian, mari-lah kita mengadap Duli Yang Di-Pertuan." Maka sembah segala tuan2 itu, "Silakan-lah tuanku, hamba sakalian mengiringkan."

Maka sakalian pun berjalan-lah ka-dalam bertemu dengan Temenggong Seri Sarwa Diraja. Maka kata Bendahara, "Orangkaya Temenggong, mari-lah kita mengadap Duli Yang Di-Pertuan; beta hendak persembahkan segala tuan2 baharu datang ini." Maka kata Temenggong, "Silakan-lah tuanku, sahaya2 mengiringkan." Maka kedua-nya itu pun berjalan-lah di-iringkan oleh segala pegawai dan petuanan. Sa-telah di-lihat oleh raja, Bendahara dan Temenggong datang itu, maka titah raja, "Mari mamak Bendahara, ada-kah boleh saperti kehendak kita itu?" Maka sembah Bendahara, "Ada-lah, tuanku shah alam, boleh, tuanku, sa-tengah; kerana patek ini baharu berkampong datang mengadap duli tuanku; kerana tuan2 ini baharu mendengar khabar Duli Yang Di-Pertuan. Ini-lah maka datang patek2 sakalian, datang dengan suka-chita-nya membawa segala anak bini-nya." Sa-telah baginda mendengar sembah Bendahara demikian itu, maka baginda pun terlalu sukachita dan memberi persalin akan tuan2 itu dengan saperti-nya. Maka segala mereka itu pun ter-lalu sukachita-nya melihat kurnia baginda akan dia itu. Maka mashhor-lah warta raja itu pada segala negeri dan anak sungai dan pulau.

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

BAB II

SA-BERMULA maka tersebut-lah perkataan Hang Tuah anak Hang Mahmud di-Sungai Duyong dan segala orang dudok di-Sungai Duyong mendengar warta demikian itu: apabila Hang Mahmud mendengar khabar itu, maka kata Hang Mahmud pada bini-nya yang bernama Dang Merdu itu, "Ayo tuan, baik-lah kita pergi ka-Bentan; negeri besar lagi pula kita tiga beranak, baik-lah kita pergi pindah ka-Bentan supaya mudah kita menchari makan." Maka sahut Dang Merdu, "Benar-lah saperti tuan kata itu."

Maka pada malam itu Hang Mahmud bermimpi bulan turun dari langit; maka chahaya-nya penoh di-atas kepala Hang Tuah. Hang Mahmud pun terkejut lalu bangun daripada tidor, lalu di-riba anak-nya Hang Tuah dan di-angkat-nya, maka di-chium-nya seluroh tuboh. Sa-telah sudah, hari pun siang-lah, maka segala mimpi-nya itu semua-nya di-katakan-nya pada anak-nya dan isteri-nya. Di-dengar oleh ibu Hang Tuah kata suami-nya itu, maka segera di-langiri-nya dan di-mandikan anak-nya itu. Maka di-beri-nya berkain dan berbaju dan dastar serba puteh. Maka di-beri-nya makan nasi kunyit dan telor ayam dan memberi arwah akan orang tua2 dan di-suroh bachakan do'a selamat Sa-telah sudah, di-pelok dan di-chium anak-nya itu. Maka kata Hang Mahmud pada bini-nya, "Ada pun anak kita ini peliharakan baik2, jangan di-beri bermain jauh, kerana ia sangat nakal. Hendak ku-surohkan mengaji kerana mu'alim tiada; lagi pula ia tiada tahu bahasa. Sekarang baik-lah kita pindah ka-Bentan. Maka demikian mari-lah berlengkap dan bersimpan segala kula-kasar kita."

Maka Hang Mahmud pun berlengkap-lah dengan sa-buah lading. Sa-telah sudah, maka Hang Mahmud pun berpindah-lah ka-Bentan. Maka ia pun berbuat rumah hampir kampong Bendahara Paduka Raja. Maka Hang Mahmud pun berjual dan berkedai makanan di-kedai-nya itu.

Bermula Hang Tuah pun besar-lah; tahu-lah ia akan hal ibu bapa-nya itu. [Maka Hang Mahmud pun di-serahkan anak-nya mengaji kapada sa-orang

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

lebai. Telah berapa lama-nya Hang Tuah mengaji Qur'an, maka pengajian itu pun tamat-lah. Maka Hang Tuah mengaji nahu pula. Telah sudah tamat pengajian-nya, maka ia berkata kapada bapa-nya, "Ayo bapa-ku, pada bichara hamba, hendak mengaji pada lebai Keling pula, supaya hamba tahu pula bahasa-nya." Maka kata Hang Mahmud, "Benar-lah saperti bichara anak-ku itu." Maka Hang Tuah pun mengaji-lah pula pada sa-orang lebai Keling. Hatta, beberapa lama-nya, maka tamat-lah dengan bahasa Keling itu, habis-lah di-ketahui-nya. Maka Hang Tuah pun berkata pada bapa-nya hendak mengaji pada lebai Siam pula supaya di-ketahui-lah akan bahasa-nya. Sa-telah sudah di-ketahui-nya akan bahasa Siam itu maka Hang Tuah pun mengaji pula pada sa-orang lebai China. Dengan tiada berapa lama-nya maka ia pun tamat-lah mengaji bahasa China itu; maka habis-lah di-ketahui-nya bahasa China itu. Maka Hang Tuah pun mengaji pula pada lebai Jawa hendak di-ketahui-nya akan bahasa Jawa itu. Kalkian, sa-telah habis-lah rata di-ketahui-nya dua belas bahasa itu, maka Hang Tuah pun pulang-lah ka-rumah-nya bersama2 dengan ibu bapa-nya menchari makan sa-hari2.]

Ada pun akan anak-nya Hang Tuah dan bapa-nya Hang Mahmud itu mengambil kayu api juga kerja-nya sa-hari2. Maka Hang Tuah pun sedia-kala dengan sa-bilah kapak membelah kayu api di-hadapan kedai; ibu-nya sedia-kala dudok berkedai juga. Ada pun apabila Hang Mahmud datang dari menchari menjual makan2an, maka ia pun pergi mengadap Bendahara berhamba akan diri-nya. Jika ia hendak pergi barang ka-sana, ia bermohon kapada Bendahara, maka ia pergi. Dengan demikian maka Hang Tuah pun tahu-lah bahasa; umor-nya pun datang-lah sa-puloh tahun. Maka ia pun bersahabat sama2 budak2 sama besar, sa-orang nama-nya Hang Jebat dan sa-orang nama-nya Hang Kasturi dan sa-orang nama-nya Hang Lekir dan sa-orang nama-nya Hang Lekiu. Maka Hang Tuah pun berkaseh2an lima bersahabat itu. Jika pergi barang ka-mana bermain2 pun tiada-lah ia bercherai. Jika makan pun sama2 dan main pun sama2, saperti orang bersaudara sunggoh laku-nya. Maka kata Hang Tuah, "Hai saudara-ku keempat, kita ini lima bersaudara dapat-lah melayarkan sa-buah perahu lading supaya kita pergi merantau barang ka-mana menchari makan." Maka kata Hang Jebat dan Hang Kasturi, "Mengapa-tal tiada dapat kita lima bersaudara ini melayarkan sa-buah perahu?" Maka sahu Hang Tuah, "Baik-lah jika demikian. Perahu bapak hamba ada, sa-buah lading lengkap dengan layar-nya; kita turun dengan beras juga, sa-puloh gantang pada sa-orang." Maka sahut Hang Jebat dan Hang Kasturi, "Mari-lah kita pulang, kita berlengkap."

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

Maka masing2 pun kembali ka-rumah-nya memberitahu ibu bapa-nya, Maka kata ibu bapa-nya, "Baik-lah bichara-mu kelima bersaudara itu; yang kehendak bapa pun demikian-lah." Maka segala itu bapa-nya pun berlengkap-lah beras bekal akan anak-nya. Maka Hang Tuah pun di-beri oleh bapa-nya sa-bilah keris dan sa-bilah parang, dan Hang Jebat dan Hang Kasturi dan Hang Lekir dan Hang Lekiu pun demikian juga di-beri oleh ibu bapa-nya. Sa-telah sudah lengkap, maka kelima bersahabat pun bermohon-lah pada ibu bapa-nya lalu naik perahu. Maka belayar-lah ka-Pulau Tinggi.

Berapa antara-nya maka di-lihat oleh Hang Tuah dari jauh, maka kelihatan perahu belayar tiga buah menuju perahu mereka itu. Maka kata Hang Tuah, "Hi handai-ku keempat, ingat2 kita; perahu musoh rupa-nya yang datang kelihatan tiga buah itu." Maka di-lihat-nya benar-lah seperti kata Hang Tuah itu. Maka kata Hang Jebat, "Perahu musoh-lah laku-nya. Apa bichara kita sakalian?" Maka sahut Hang Kasturi, "Apa-tah yang kita endahkan? Yang kita kehendak pun bertemu dengan perahu musoh." Maka sahut Hang Lekir dan Hang Lekiu, "Mengapa pula bagitu! Masa beta tumangkan; sa-hingga mati sudah-lah." Maka kata Hang Tuah seraya tersenyum, "Hai saudara-ku, pada bichara hamba, baik juga perang di-atas pulau kerana perahu kita kechil; tewas juga kita kerana ia tiga buah dengan besar-nya dan senjata pun banyak dan orang pun banyak; sukar melawani dia." Maka kata Hang Kasturi, "Yang mana benar segera-lah kita kerjakan, kerana makin hampir." Oleh Hang Tuah di-belokkan perahu-nya itu menuju pulau itu.

Sa-telah di-lihat oleh musoh tiga buah itu sa-mula perahu lading lima orang budak2 belaka lari menyusor pulau itu, maka segera di-usir-nya dengan sampan-nya, di-sangka-nya orang lari. Sa-telah hampir, di-lihat-nya budak2 lima orang sa-baya kelima-nya, baik rupa-nya. Maka Hang Tuah pun sampai-lah ka-darat. Maka orang yang mengikut itu pun terlalu sukachita, kata-nya, "Sa-kali ini dapat-lah budak2 akan penakawan kita." Maka orang sampan tiga buah itu pun naik-lah ka-pulau itu hendak menangkap akan budak2 lima itu. Maka Hang Jebat dan Hang Kasturi, Hang Lekir, Hang Lekiu pun hadhir-lah berdiri di-tepi pantai itu menantikan musoh itu datang. Maka orang tiga buah sampan itu pun berdahulu2an naik itu lalu berlari datang hendak menangkap. Maka tatkala itu Hang Tuah kelima bersaudara itu pun sudah memegang tiga bilah seligi pada sa-orang. Apabila hampir musoh itu ka-hadapan Hang Tuah, maka di-tikam oleh Hang Tuah, kena paha-nya, lalu terdudok tiada dapat bangkit lagi. Maka di-tikam pula oleh Hang Jebat, kena sa-orang, lalu lari ka-perahu-nya mengambil sumpitan dan seligi. Maka di-sumpit-nya akan Hang

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

Tuah dan Hang Jebat kelima orang itu, saperti hujan yang lebat. Maka segala musoh itu pun bersorak, kata-nya, "Bunoh-lah budak chelaka, tiada kaseh akan ibu bapa-nya." Maka kata sa-orang lagi, "Jangan kita bunoh." Maka kata sa-orang lagi, "Hai budak2, baik engkau menyembah menyerahkan diri-mu supaya engkau tiada ku-bunoh." Maka kata Hang Jebat sambil menangkiskan seligi dan anak damak yang saperti hujan datang-nya itu dengan sa-ketika pada tangan-nya itu, kata-nya, "Cheh, mengapa aku menyembah? Engkau2 sakalian menyembah akan kami, supaya ku-ampuni dosa-mu," serta di-tikam-nya oleh Hang Tuah dan Hang Jebat kelima-nya. Maka kena pula lima orang musoh itu, lalu rebah terdudok tiada boleh bangkit lagi. Sa-telah di-lihat oleh teman-nya yang dua puloh lagi itu, ia pun terlalu amarah, kata-nya, "Bunoh-lah budak chelaka ini," serta di-tikam-nya dan di-sumpit-nya dengan bersunggoh2 akan budak lima itu. Maka Hang Tuah pun menghunus keris-nya dan yang keempat itu pun menghunus keris-nya lalu menyerbukan diri-nya pada musoh yang dua puloh itu. Maka di-tikam-nya oleh Hang Tuah, dua orang mati. Maka di-tikam pula oleh Hang Jebat dan Hang Kasturi, Hang Lekir, Hang Lekiu, empat orang mati; dan di-tikam-nya pula oleh Hang Lekiu, empat orang pula mati. Maka yang tinggal lagi sa-puloh orang itu lari-lah menyusor perahu-nya, lalu di-kayoh-nya ka-perahu besar tiga buah.

Sa-telah musoh itu lari, maka Hang Tuah dan Hang Jebat kelima-nya pun mengambil orang luka sa-puloh itu di-bawa-nya ka-perahu-nya. Maka sampan yang tinggal sa-buah itu pun di-rampas. Sudah itu maka Hang Tuah pun belayar-lah menuju Singapura.

Maka musoh yang lari sa-puloh orang itu pun sampai-lah ka-perahu-nya. Maka segala ihwal teman-nya yang mati dan luka semua-nya di-khabarkan-nya, dan hal budak2 lima orang itu sudah belayar semua-nya di-cheritakan-nya pada penghulu-nya. Demi mendengar kata orang itu demikian, maka penghulu musoh itu pun terlalu amarah, serta kata-nya, "Bungkar sauh kita!" Maka di-lihat-nya budak2 lima itu sudah belayar menuju Singapura; maka penghulu musoh itu pun berdiri di-tiang agong, kata-nya, "Segera-lah kita berdayong. Menarik layar serta berdayong mengusir perahu Hang Tuah itu."

Maka dengan takdir Allah Ta'ala maka batin Singapura pun keluar tujoh buah manjongan dan dendang hendak ka-Bentan. Maka di-lihat-nya oleh Hang Tuah dendang itu keluar dari selat Singapura. Maka segera di-tujui-nya oleh Hang Tuah. Maka di-lihat oleh orang yang di-dalam dendang itu sa-buah lading, orang lima orang, di-usir oleh perahu musoh tiga buah itu, hampir akan

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

dapat. Maka kata batin Singapura, "Hai segala sakai, segera-lah dapatkan perahu lading itu, kerana ia di-usir oleh musoh. Kalau2 ia orang mana2."

Maka sakai dendang tujoh buah itu pun berdayong mendapatkan perahu lading itu. Maka musoh tiga buah itu pun undor. Maka Hang Tuah pun datang mendapatkan dendang tujoh buah itu. Maka di-lihat oleh batin Singapura itu sa-buah lading, orang-nya lima budak2; lalu kata-nya, "Hendak ka-mana kamu dan dari mana datang-mu ini dan apa nama kamu?" Maka sahut Hang Tuah, "Nama hamba Hang Tuah dan yang keempat ini saudara hamba; sa-orang nama-nya Hang Jebat, sa-orang Hang Kasturi, sa-orang Hang Lekir, sa-orang Hang Lekiu. Dudok kami di-Bentan. Kami sakalian ini berpenghulu akan Bendahara Paduka Raja dan pekerjaan kami lima bersaudara ini merantau-lah hendak menchari makanan; maka hamba bertemu dengan musoh itu." Dan segala kelakuan-nya ia bertikam itu semua-nya di-katakan-nya pada orang dendang tujoh buah itu. Sa-telah di-dengar-nya oleh batin Singapura kata Hang Tuah itu, maka terlalu sukachita ia, serta kata-nya, "Jika demikian, hendak ka-mana tuan-hamba kelima itu?" Maka kata Hang Tuah, "Jika ada kaseh penghulu akan hamba kelima bersaudara ini, hamba hendak balek-lah ka-Bentan, kerana musoh tiga buah perahu itu tiada ka-mana pergi-nya, kerana ia hendak mendengar khabar orang yang sahaya tangkap sa-puloh orang ini." Sa-telah di-dengar oleh batin kata Hang Tuah itu, maka kata batin, "Jika demikian, baik-lah tuan-hamba kelima bersaudara naik ka-perahu hamba ini, dan tawanan yang luka sa-puloh orang itu pun bawa-lah naik ka-perahu hamba ini dan tunda-lah, kerana musoh tiga buah itu ada lagi saing-nya. Maka kata Hang Tuah, "Benar-lah saperti kata penghulu itu."

Maka tawanan yang sa-puloh orang itu pun di-naikkan oleh Hang Tuah. Maka sakai itu pun bertanya, "Hai segala tawanan, musoh dari mana dan siapa nama penghulu kamu sakalian dan berapa banyak saing kamu?" Maka kata tawanan itu, "Ada pun kami sakalian ini musoh Siantan sa-puloh buah. Nama penghulu kami Aria Negara nama-nya, dan dari Jemaja pun sa-puloh buah hendak merompak ka-tanah Palembang. Ada pun akan sekarang segala kelengkapan tujoh belas buah itu sa-tengah sudah lalu dari belakang, kerana Pateh Gajah Mada, menteri ratu Majapahit, menyuroh segala penghulu anak sungai yang ta'alok ka-Majapahit itu merompak ka-Palembang, lalu naik ka-darat ka-Bukit Seguntang, di-suroh rampas oleh Pateh Gajah Mada itu, kerana kami sakalian ta'alok Majapahit itu." Sa-telah sudah sakai mendengar kata tawanan sa-puloh itu, di-katakan oleh sakai pada penghulu-nya; maka kata

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

penghulu-nya, "Jika demikian kata orang ini, baik-lah kita segera belayar, kerana khabar ini terlalu nyata dan saudara hamba kelima terlalu kebaktian ka-bawah Duli Yang Di-Pertuan." 23/6/21

Maka dendang tujoh buah itu pun belayar-lah. Maka Hang Tuah dan Hang Jebat pun membawa persembah akan penghulu itu lima ratus sumpitan. Maka tatkala belayar itu di-lihat orang perahu musoh tiga buah itu ada belayar. Maka penghulu pun berchakap hendak melengkap perahu tiga buah. Maka kata Hang Tuah, "Jangan-lah penghulu bersusah; sa-kadar sa-buah pun pada-lah. Dengan orang yang muda dapat-lah hamba lima bersaudara ini mengalahkan musoh yang tiga buah itu." Maka kata penghulu itu, "Jangan dahulu, kerana hamba hendak segera mengadap Bendahara Paduka Raja supaya kita persembahkan ka-bawah Duli Yang Di-Pertuan dahulu. Mana titah, kita sakalian kerjakan, kerana kebaktian saudara hamba kelima itu pun terlalu besar."

Arakian beberapa lama-nya belayar, maka sampai-lah ka-Bentan. Maka Hang Tuah kelima bersaudara pun bermohon-lah pada penghulu itu hendak pulang ka-rumah-nya. Maka kata penghulu itu, "Hai saudara hamba, hamba pun hendak singgah pada kampong saudara hamba." Maka kata Hang Tuah, "Ada pun hamba kelima bersaudara ini dudok pada kampong Bendahara Paduka Raja dengan ibu bapa hamba kelima." Maka kata penghulu itu, "Baik-lah, tetapi saudara hamba jangan lupa akan hamba, kerana kita sudah jadi saudara. Maka kata Hang Tuah, "Pada bichara hamba demikian juga, tetapi hamba kelima ini miskin."

Sa-telah sudah, maka ia pun bermohon-lah pada Hang Tuah, dan Hang Tuah, Hang Jebat, Hang Kasturi, Hang Lekir dan Hang Lekiu pun berlengkap pulang-lah ka-rumah ibu bapa-nya membawa tawanan yang sa-puloh orang itu. Sa-telah datang, maka ibu bapa-nya pun hairan melihat anak-nya membawa tawanan itu.

Sa-telah keesokan hari-nya maka penghulu itu pun naik-lah mengadap Bendahara Paduka Raja dengan persembah-nya. Maka penghulu Singapura itu pun persembahkan kata orang sa-puloh itu kapada Bendahara. Maka kata Bendahara, "Kita pun hendak menyuroh memberitahu kapada batin yang memegang anak sungai dan kita pun hendak suroh payar dan sulu ka-Kuala Siantan dan Jemaja, kerana kita hendak mengutus ka-Majapahit hendak menentu akan sungai dua buah itu, terlalu sangat merompak dan melanggar ka-tanah Palembang, kerana Palembang itu sudah ta'alok ka-Bukit Seguntang; kerana yang kerajaan di-Bukit Seguntang itu tuan kita. Kita dengar akan titah ratu Maja-

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

pahit pada menteri-nya yang bernama Pateh Gajah Mada itu menyuroh melanggar dan merompak ka-sana ka-mari di-tanah Palembang. Sebab itu-lah maka kita hendak menyuroh sulu melihat Siantan dan Jemaja itu kapada penghulu batin."

Maka penghulu Singapura pun tersenyum lalu berkata, "Ya, tuanku, sahaja hairan saya, bukan tanggongan kerja budak2 yang di-kerjakan oleh budak2 itu." Maka kata Bendahara, "Hairan apa itu?" Maka oleh penghulu itu segala hal Hang Tuah itu semua-nya di-persembahkan kapada Dato' Bendahara. Satelah mendengar sembah penghulu itu demikian, maka kata Bendahara. "Diri kenal-kah budak2 itu dan tahu-kah diri akan tempat-nya dan ibu bapa-nya?" Maka sembah penghulu itu, "Saya kenal budak itu kelmarin dan rumah ibu bapa-nya saya tahu. Dalam lima itu, sa-orang Hang Tuah nama-nya, saya lihat bukan barang2 orang laku-nya dan sikap-nya, dan perkataan-nya hulubalang juga yang keluar daripada mulut-nya dengan manis-nya berkata2, dan sa-orang Hang Jebat: itu pun terlalu baik sikap-nya, tuboh-nya puteh kuning dan rambut-nya ikal, perkataan-nya keras; sa-orang Hang Kasturi, sa-orang Hang Lekir, sa-orang Hang Lekiu: itu pun baik2 sikap-nya dan rupa-nya, sebaya2 besar-nya." Maka kata Bendahara, "Jika demikian, baik-lah. Esok hari apabila hamba mengadap, maka tatkala itu-lah penghulu tunjokkan tempat-nya dudok dan tempat ibu bapa-nya berkedai itu." Maka sembah penghulu itu, "Baik-lah tuanku." Maka penghulu itu pun di-perjamu oleh Bendahara makan minum dan di-beri persalin dengan sa-lengkap-nya.

Maka penghulu itu pun bermohon-lah kembali ka-perahu-nya. Tatkala itu Hang Tuah lima bersahabat pun ada bermain2 di-kedai. Maka di-lihat oleh Hang Tuah penghulu itu. Maka ia pun turun memberi hormat. Apabila ia melihat Hang Tuah lima bersahabat itu berdiri di-muka pintu-nya, maka ia pun berhenti serta memegang tangan Hang Tuah dan Hang Jebat, kata-nya, "Di-sini-kah kedai dan rumah ibu bapa saudara-ku kelima?" Maka sahut Hang Tuah, "Di-sini-lah kampong sahaya." Maka penghulu itu pun dudok sa-ketika pada kedai itu makan sireh. Maka Hang Mahmud pun keluar dudok pada kedai. Maka kata Hang Mahmud, "Ayoh dato' penghulu, apa gerang kaseh datok akan anak sahaya? Tiada-lah terbalas oleh sahaya melainkan Allah subnahu wa ta'ala juga membalas dia." Maka kata penghulu itu, "Hai bapa hamba, jangan bapa hamba berkata demikian. Ada pun yang Hang Tuah kelima bersaudara itu saudara-lah kapada hamba."

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

Sa-telah sudah berkata2, maka ia pun bermohon-lah kembali ka-perahu-nya. Hatta maka bapa Hang Tuah kelima bersahabat pun mengantar sireh pinang dan makan2an kapada penghulu itu.

* * *

Maka Hang Tuah pun berkata pada Hang Kasturi dan segala sahabat-nya, "Hai saudara-ku keempat, baik-lah, kita kelima mari kita pergi berguru. Ada sa-orang di-bukit ini; ia bertapa, Aria Putera nama-nya. Ada pun kita ini pada firasat orang tua2 akan menjadi hulubalang di-Tanah Melayu." Maka kata Hang Jebat dan Hang Kasturi, Hang Lekir, Hang Lekiu, "Baik-lah." Maka kelima-nya pun berlengkap-lah akan berjalan dan bermohon pada ibu bapa-nya, lalu berjalan.

Berapa antara-nya maka Hang Tuah pun sampai-lah kapada tempat Aria Putera. Tatkala itu Aria Putera pun sudah turun dari pertapaan. Maka Hang Tuah kelima bersahabat pun datang, lalu dudok menyembah. Maka di-tegor oleh Aria Putera, "Mari-lah chuchu-ku dudok; apa pekerjaan chuchu-ku datang pada-ku ini?" Maka kata Hang Tuah, "Sahaja hamba2 datang ini minta di-perhambai." Maka Aria Putera pun tahu-lah akan kehendak Hang Tuah itu. Maka kata Aria Putera, "Hai chuchu-ku Hang Tuah, aku ini tiga bersaudara; yang muda menjadi pegawai Raden Aria Sina, di-Majapahit; yang tua itu dudok-nya bertapa di-gunong Wirana pura nama-nya Sang Persata Nala. Ada pun chuchu-ku, kala datang umor2 dua puloh tiga tahun, engkau pergi ka-Majapahit, jangan tiada engkau berguru pada-nya, kerana saudara-ku itu banyak ilmu-nya daripada-ku, kerana ia dari kechil bertapa, tiada ia merasai dunia." Sa-telah sudah Aria berkata2, maka kata-nya, "Mari-lah chuchu-ku kita kembali ka-tempat-ku."

Maka Hang Tuah pun bangkit sujud pada kaki Aria Putera; maka Aria Putera pun berjalan ka-rumah di-iringkan oleh Hang Tuah dan Hang Jebat dan Hang Kasturi dan Hang Lekir dan Hang Lekiu. Sa-telah sampai ka-rumah-nya, maka oleh Hang Tuah madu dan buah maja yang di-bawa-nya itu pun di-persembahkan pada Aria Putera.

Maka hari pun malam-lah. Maka di-lihat oleh Hang Tuah, Hang Jebat, Hang Kasturi, Hang Lekir, Hang Lekiu suatu hidangan datang2 terletak di-hadapan Sang Aria Putera itu. Maka kata Sang Aria Putera, "Hai chuchu-ku kelima, makan-lah barang yang hadhir-nya, kerana aku orang miskin." Maka Hang Tuah pun menyembah, seraya di-buka-nya hidangan itu di-lihat-nya di-

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

dalam hidangan itu lengkap pelbagai ni'mat. Sa-telah sudah, maka kata Sang Aria Putera, "Apa kehendak chuchu-ku kelima telah ku-ketahui. Ada pun chuchu-ku kelima ini akan di-perhamba raja dan jadi pegawai besar di-tanah Melayu, tetapi banyak orang besar2 sakit hati lagi dengki akan chuchu-ku;" maka di-tunjokkan pada Hang Tuah, kata-nya, "Tidak mengapa kerana chuchu-ku orang benar. Ketiga-nya chuchu-ku akan di-gelar raja."

Maka Hang Tuah, Hang Jebat, Hang Kasturi, Hang Lekir, Hang Lekiu pun di-ajar-nya-lah oleh Aria Putera, bagai2 ilmu isharat hulubalang dan firasat dan ilmu penjurit, tetapi lebeh juga Hang Tuah di-ajar-nya barang ilmu dan isharat. Sa-telah sudah, maka Aria Putera pun berpesan pada Hang Tuah, "Hai chuchu-ku, jika engkau pergi ka-Majapahit kelak, jangan tidak engkau berguru pada saudara-ku bernama Sang Persata Nala itu, terlalu banyak tahu-nya daripada aku. Ia menjadi ajar2, tiada ia merasai dunia. Bermula aku pun belajar pada-nya sadikit banyak." Maka sembah Hang Tuah, "Baik-lah, tuanku, sa-bala tuanku hamba-mu junjong, kerana hamba-mu lima saudara ini sudah-lah menjadi hamba di-bawah kadam tuanku." Maka Hang Tuah pun dudok-lah berhambakan diri-nya kelima bersahabat di-bukit itu pada Aria Putera itu.

• • •

Al-kesah tersebut pula penghulu Singapura: sa-telah keesokan hari-nya maka ia pun naik mengadap Bendahara. Sa-telah sampai pada kedai ibu Hang Tuah itu, maka di-lihat-nya Hang Tuah tiada; maka kata penghulu itu pada Hang Mahmud, "Mamak, mana saudara kita maka tiada kelihatan?" Maka kata Hang Mahmud, "Di-perhamba itu pergi ka-bukit; ada pekerjaan-nya sadikit." Sa-telah mendengar kata Hang Mahmud itu, maka ia pun bermohon-lah lalu berjalan masok ka-kampong Bendahara Paduka Raja. Tatkala itu Bendahara Paduka Raja pun sudah di-balai. Maka penghulu Singapura pun datang seraya menyembah. Maka kata Bendahara, "Mari penghulu kita masok mengadap duli baginda; kita menanti dari tadi." Maka sembah penghulu itu, "Baik-lah, tuanku, sahaya pun ada-lah sadikit lambat, kerana berkata2 dengan bapak hamba Hang Tuah." Maka kata Bendahara, "Apa khabar? Ada-kah penghulu tahu akan ibu bapa-nya dan tempat kediaman-nya itu?" Maka sembah penghulu itu, "Sahaya tahu, tuanku, akan ibu bapak-nya dan kedai-nya itu, tetapi sekarang ini di perhamba Hang Tuah, akan kata bapak-nya, lagi ada pekerjaan

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

sadikit." Sa-telah Bendahara mendengar kata penghulu itu, maka Bendahara pun tahu-lah akan Hang Tuah itu anak Hang Mahmud; ada pun ibu-nya Dang Merdu nama-nya.

Sa-telah Bendahara bertanya itu, maka Bendahara pun berbangkit lalu masok mengadap. Maka kata Bendahara, "Mari-lah kita masok mengadap Duli Yang Di-Pertuan," lalu berjalan di-iringkan oleh segala pegawai dan petuanan. Sa-telah sampai kapada tempat Dang Merdu, maka kata penghulu itu; "Ini-lah, tuanku, kedai Hang Tuah dan ini-lah ibu-nya bapak-nya yang turun di-kedai menyembah tuanku itu." Maka Bendahara pun menganggok seraya tersenyum.

Sa-telah sampai ka-balairong, baginda pun sudah keluar di-adap orang di-pengadapan. Sa-telah melihat Bendahara datang, maka titah baginda, "Mari mamak Bendahara, ada-kah beroleh yang kita kehendaki itu?" Maka sembah Bendahara, "Daulat tuanku, yang titah paduka shah alam itu patek sudah pungut; belum lagi genap empat puloh. Jika sudah genap empat puloh, patek persembahkan sa-kali2." Maka titah baginda, "Benar-lah saperti kata mamak Bendahara itu." Sa-telah demikian maka penghulu Singapura di-persalin dengan sa-lengkap-nya.

Maka Bendahara pun berdatang sembah, "Ya tuanku shah alam, patek mohonkan ampun kurnia, akan sekarang patek khabar kelengkapan Jemaja tujoh belas buah keluar hendak merompak ka-Palembang lalu naik menangkap ka-Bukit Seguntang, akan sekarang bertemu dengan orang kita lalu berperang di-pulau. Maka penghulu Singapura pun datang dari Singapura tujoh buah dendang, musoh pun lari melaut. Akan sekarang ini mana titah patek junjong dan patek sakalian kerjakan." Sa-telah baginda mendengar sembah Bendahara demikian, maka lalu-lah baginda memandang pada penghulu Singapura itu, seraya bertitah pada Bendahara dan Temenggong, "Jika demikian, segera-lah lengkapi segala pegawai yang muda2 suroh ka-Palembang melihat perahu musoh itu barang dua puloh buah." Maka sembah Bendahara dan Temenggong, "Daulat tuanku, mana titah patek junjong." Maka Bendahara dan Temenggong pun menyembah lalu keluar di-iringkan oleh segala pegawai dan petuanan.

Sa-telah sampai maka Bendahara pun dudok di-balai seraya menyuroh memanggil Hang Mahmud; Hang Mahmud pun datang. Maka kata Bendahara, "Hai kakak Mahmud, ka-mana Hang Tuah pergi?" Maka sembah Hang Mahmud seraya dudok menyembah, kata-nya, "Yang di-perhamba itu pergi ambil kayu api akan barang2; entah esok lusa ia datang." Maka sabda Bendahara, "Baik-lah, jika ia datang, jangan tiada di-bawa ka-mari; kita hendak

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

dengar khabar." Maka sembah Hang Mahmud, "Baik-lah, tuanku, ka-mana-tah sahaya bertarohkan diri jika tiada di-bawah kadam? Tuanku sudah tahu." Maka Hang Mahmud pun di-beri-nya persalinan dengan lengkap-nya oleh Bendahara.

Maka Hang Mahmud pun menyembah lalu kambali ka-rumah-nya menanti-kan anak-nya datang. Maka kata bini-nya, "Apa pekerjaan mika di-panggil oleh Dato' Bendahara tadi itu?" Maka di-kata oleh Hang Mahmud segala hal ahwal-nya di-panggil oleh Bendahara itu, semua-nya di-karakan-nya kapada bini-nya. Sa-telah Dang Merdu mendengar kata suami-nya demikian itu, maka kata Dang Merdu, "Pada bichara hamba ini, datang-lah saperti mimpi tuan-hamba itu. Arakian sudah-lah datang masa-nya menjadi hamba raja; di-manakan dapat kita salahkan lagi?" Maka kata Hang Mahmud, "Benar-lah saperti kata tuan-hamba itu." Maka Hang Mahmud laki isteri pun ter-lalu sukachita-nya dalam hati dudok menantikan anak-nya datang."

• • •

Al-kesah maka tersebut-lah perkataan Hang Tuah pergi berguru di-Bukit Panchalusa kapada Aria Putera. Maka datang-lah tujoh hari Hang Tuah di-sana; maka kata Aria Putera, "Hai chuchu-ku Hang Tuah, baik-lah chuchu-ku kembali. Jikalau lambat kembali ada-lah kesukaran ibu bapa-mu. Jika eng-kau segera kembali neschaya chuchu-ku kelima beroleh kebesaran dan ke-muliaan." Demi di-dengar-nya kata Aria Putera itu, Hang Tuah dan Hang Jebat, Hang Kasturi, Hang Lekir, Hang Lekiu pun sujud meniarap pada kaki Sang Aria Putera. Maka oleh Sang Aria Putera di-pelok di-chium-nya akan Hang Tuah kelima bersahabat. Maka Hang Tuah pun bermohon-lah kembali dengan sukachita-nya.

Berapa lama-nya berjalan maka sampai-lah ka-rumah ibu bapa-nya. Sa-telah Hang Mahmud melihat anak-nya datang dengan segala sahabat-nya itu, maka ia pun terlalu sukachita. Maka segala peri di-panggil oleh Bendahara itu semua-nya di-katakan-nya pada anak-nya. Maka Hang Tuah pun ter-senyum mendengar kata bapa-nya itu.

• • •

Sa-telah keesokan hari-nya maka Hang Tuah pun membelah kayu api dengan sa-bilah kapak. Maka dengan takdir Allah Ta'ala maka orang pun mengamok di-tengah pesara, terlalu banyak mati dan luka. Maka segala orang berkedai itu pun tinggalkan kedai-nya lalu masok ka-dalam kampong. Maka gempar-

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

lah negeri Bentan itu terlalu huru-hara. Maka kata orang yang lari itu, "Hai Hang Tuah, hendak mati-kah engkau maka tiada lari masok kampong?" Maka kata Hang Tuah sambil membelah kayu api, kata-nya, "Apa-tah yang di-takutkan orang mengamok sakian itu? Bukan negeri tiada berhulubalang dan pegawai akan mengembari; di-sana juga ia mati di-bunoh orang."

Dalam berkata2 itu maka di-lihat oleh ibu Hang Tuah orang mengamok itu pun datang-lah berlari2 dengan keris terhunus menuju Hang Tuah. Maka ibu-nya dan berteriak dari atas kedai, kata-nya, "Hai anak-ku, segera-lah naik ka-atas kedai dahulu." Apabila Hang Tuah mendengar kata ibu-nya, maka Hang Tuah pun berbangkit berdiri serta memegang hulu kapak-nya menantikan amok orang itu. Maka orang mengamok itu pun datang-lah ka-hadapan Hang Tuah serta di-tikam-nya dada Hang Tuah. Maka Hang Tuah pun melompat menyalahkan tikam orang itu; maka salah tikam-nya itu. Maka Hang Tuah pun melompat, maka di-parang-nya kepala orang mengamok itu dengan kapak, kena, belah dua; maka lalu lari-lah. Maka orang mengamok itu pun rebah-lah lalu mati. Maka segala orang banyak itu semua-nya hairan melihat akan laku Hang Tuah membunoh orang mengamok itu dengan kapak. Maka kata orang banyak itu, "Kita lihat pun hairan, budak sa-puloh tahun umor-nya dapat mengembari orang mengamok dengan kapak juga." Kata sa-orang lagi, "Sunggoh-nya budak ini-lah akan menjadi hulubalang besar pada tanah Melayu ini."

Sa-bermula maka terdengar kapada Hang Jebat, Hang Kasturi, Hang Lekir, Hang Tuah mengembari orang mengamok itu; maka ia pun segera berlari2 datang mendapatkan Hang Tuah. Maka sa-telah sampai maka ia bertemu dengan Hang Tuah. Maka kata Hang Jebat, Hang Kasturi, "Sunggoh-kah sahabat-ku mengembari orang mengamok dengan kapak?" Maka Hang Tuah tersenyum seraya berkata, "Sunggoh adinda, tetapi bukan orang-nya yang mengamok itu. Sayang2 tangan mengembari dengan keris; patut-nya-lah dengan kapak atau kayu." Sa-telah berkata2, maka Hang Tuah pun membawa sahabat-nya kelima itu ka-rumah-nya. Maka di-perjamu-nya makan minum dengan saperti-nya. Maka kata Hang Jebat, Hang Kasturi, Hang Lekir, Hang Lekiu, "Lagi2-nya jangan sahabat-ku permudahkan lawan itu."

Maka dalam berkata2 itu maka berbunyi pula orang gempar di-tengah pesara, terlalu huru-hara mengatakan orang mengamok dalam kampong Bendahara Paduka Raja. Maka Hang Tuah, Hang Jebat, Hang Kasturi, Hang Lekir, Hang Lekiu pun segera-lah berlari2 keluar berdiri di-muka pintu melihat orang

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

pesara itu berlarian ka-sana ka-mari: ada yang bersembunyi di-bawah kedai, ada yang lari naik kedai, ada yang naik pagar tiada sempat lalu jatoh.

Maka tatkala itu Bendahara pun hendak masok mengadap di-iringkan oleh segala pegawai dan perluanan. Maka Bendahara Paduka Raja pun sampai-lah pada antara kedai Hang Tuah itu. Harta maka orang yang mengamok empat itu pun datang-lah dengan keris bertelanjang berlari2, barang yang terlintang di-tikam-nya. Apabila di-lihat orang mengamok itu Bendahara Paduka Raja berjalan di-tengah pesara itu, maka keempat-nya pun berlari2 menuju Bendahara. Maka segala pegawai dan perluanan yang di-belakang Bendahara itu semua-nya lari ka-dalam kampong, ada yang lari naik ka-atas kedai. Apabila di-lihat oleh Bendahara kelakuan segala pegawai dan perluanan meninggalkan dia itu, maka Bendahara pun berdiri seraya memegang hulu keris-nya menantikan amok orang itu. Maka orang itu pun datang-lah menu u Bendahara./

Apabila di-lihat oleh Hang Tuah, Hang Jebat, Hang Kasturi, Hang Lekir, Hang Lekiu, tiada-lah tertahan hati-nya lalu memekis, kata-nya, "Cheh, mengapa pula bagitu! Apa ku-dahshatkan akan orang mengamok empat ini, tambahan empat puloh lagi tiada ku-endah pada-ku," serta di-hunus keris-nya kelima2-nya lalu berlari ka-hadapan Bendahara Paduka Ra a berdiri kelima-nya. Maka orang mengamok itu pun datang keempat-nya, serta kata-nya, "Hai kanak2, aku hendak membunoh Bendahara dan Temenggong juga." Maka kata Hang Tuah dan Hang Jebat, "Cheh, si-chelaka! Tiada-kah engkau tahu akan aku-lah hulubalang di-tanah Benian ini? Aku di-titahkan oleh Duli Yang Di-Pertuan akan membuangkan yang derhaka ini." Demi di-dengar oleh orang empat itu kata Hang Tuah demikian, maka ia pun terlalu amarah, serta di-usir-nya akan Hang Tuah dan Hang Jebat, di-tikam-nya berturut2. Maka Hang Tuah dan Hang Jebat pun melompat ka-kiri dan ka-kanan menyalahkan tikaman orang itu. Sa-telah lalu, di-tikam-nya orang itu: maka melompat Hang Tuah dan Hang Jebat, di-tikam-nya sa-orang; itu pun rebah lalu mati. Maka melompat pula Hang Kasturi dan Hang Lekir dan Hang Lekiu, lalu di-tikam-nya, rebah pula lalu mati. Maka yang dua orang itu pun bertikam dengan Hang Tuah. Maka kedua-nya mati di-tikam oleh Hang Tuah.

Apabila di-lihat oleh Bendahara Paduka Raja budak2 lima orang itu datang berdiri di-hadapan dan membunoh orang itu, maka Bendahara pun hairan terchengang melihat berani budak lima orang itu. Maka oleh Bendahara di-pegang tangan Hang Tuah dan Hang Jebat, Hang Kasturi kelima-nya di-bawa-nya kembali, dan Hang Mahmud pun di-bawa-nya bersama2. Sa-telah datang

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

ka-balai, maka kata Bendahara, "Kakak Mahmud, dudok-lah; baik-nya ada anak kakak Mahmud berdiri di-hadapan beta tadi." Maka sembah Hang Mahmud, "Ya, tuanku, di-perhamba itu baharu juga datang, sebab itu-lah maka belum sahaya bawa mengadap tuanku." Maka kata Bendahara, "Mana-kah bapa-nya budak2 empat orang ini?" Maka sembah Hang Mahmud, "Ada, tuanku, di-perhamba itu keempat-nya."

Maka segera di-suroh panggil; keempat-nya pun datang mengadap Bendahara. Demi melihat orang empat itu, maka kata Bendahara, "Wah, ku-sangka orang mana2 gerang empunya anak ini, tidak ku-tahu anak kak Dollah dan kak Mesamut dan Hang Mansor dan Hang Shamsu ada anak. Jika aku tahu akan tuan2 itu ada anak laki2, sa-lama-nya sudah ku-ambil ku-jadikan biduanda, kerana tuan2 ini pun berasal juga."

Sa-telah sudah Bendahara berkata2 demikian, maka hidangan pun di-angkat orang-lah. Maka Hang Mahmud pun makan sa-hidangan lima orang; maka Bendahara satu hidangan lain. Sa-telah sudah, maka di-angkat orang pula minuman dan tambul pelbagai rupa-nya. Maka piala bertatah itu pun di-peridarkan orang-lah. Sa-telah berapa piala sa-orang minum, maka berbunyi-lah rebana. Maka biduanda yang baik suara pun bernyanyi-lah terlalu ramai beranggap2an.

Maka segala pegawai dan petuanan yang lari itu pun sakalian-nya datang hendak masok kampong Bendahara. Maka di-suroh tutup. Maka tatkala Bendahara memberi persalin akan bapak budak lima orang itu, maka Bendahara Paduka Raja pun menanggalkan pakaian pada tuboh-nya itu; maka di-beri akan Hang Tuah dan Hang Jebat dan Hang Kasturi, Hang Lekir, Hang Lekiu pun; di-beri persalin tiga kali pada sa-ketika itu oleh Bendahara akan orang yang sa-puloh itu, tetapi terlebeh juga Hang Tuah pakaian-nya daripada orang lain.

Sa-telah makan minum, maka Hang Tuah dan Hang Jebat, Hang Kasturi, Hang Lekir, Hang Lekiu pun di-bawa oleh Bendahara masok ka-dalam rumah pada isteri-nya. Maka kata Bendahara pada isteri-nya, "Ayo adinda, ini-lah anak tuan, saudara Tun Mat." Maka Hang Tuah dan Hang Jebat kelima-nya pun sujud pada kaki isteri-nya Bendahara itu, seraya berkata, "Akan sahaya datok ini hamba yang hina, sudah hamba di-perhamba pula; saperti hamba khas-lah ka-bawah kadam tuanku."

Maka pada ketika itu juga isteri Bendahara menyuroh memanggil indong Hang Tuah dan indong Hang Jebat, Dang Bawa dan indong Hang Kasturi, Dang Sekanda, dan indong Hang Lekir, Dang Hebah, dan indong Hang Lekir Dang Seri nama-nya. Maka orang lima itu pun segera datang mengadap

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

isteri Bendahara. Maka kata isteri Bendahara, "Indong Hang Tuah, sa-lama kini dudok dekat tiada kita kenal; mari apa bermain2 pada kita." Maka sembah orang lima itu, "Saya ini sedia hamba yang hina di-bawah tuanku; jika ada sabda tuanku, berani-lah sahaya datang mengadap ka-bawah kaus tuanku. Akan sekarang berani-lah sahaya datok mengadap pada kadam tuanku, kerana sahaya anak beranak sudah menjadi hamba ka-bawah kadam tuanku." Maka kelima-nya di-persalin dan di-perjamu oleh isteri Bendahara dengan sapertinya. Maka Hang Tuah dan Hang Jebat kelima-nya pun di-angkat anak oleh isteri Bendahara Paduka Raja, seraya berkata, "Hai anak-ku Hang Tuah, ada pun anak-ku kelima ini barang kurang minta-lah pada-ku." Maka kata Hang Tuah, "Ada pun saya lima orang ini sudah hamba di-perhamba pula, ka-manatah sahaya menarohkan diri sahaya? Darok laki isteri-lah."

Sa-telah sudah maka orang lima itu pun bermohon-lah menyembah kaki Bendahara laki isteri lalu turun ka-balai berkata2 dengan Tun Mat. Maka pada ketika itu biduanda pun datang di-titahkan memanggil Bendahara Paduka Paduka Raja. Maka Bendahara pun segera turun ka-balai. Maka kata Bendahara pada Tun Mat, "Enche' Mat, dudok-lah dengan saudara-mu Tun Tuah bermain2 di-balai. Aku di-panggil Duli Yang Di-Pertuan, apa gerangan pekerjaan-nya." Maka Tun Mat pun turun bersama2. Orang di-balai itu semua-nya turun menyembah kaki Bendahara. Bendahara pun berjalan-lah masok mengadap.

Sa-telah raja melihat Bendahara datang, maka baginda pun memberi hormat akan Bendahara, seraya bertitah, "Sunggoh-kah, mamak, orang mengamok bertemu dengan mamak Bendahara di-tengah pesara tadi?" Maka sembah Bendahara, "Daulat tuanku shah alam, tetapi tiada mengapa, tuanku." Maka titah raja, "Tiada demikian kita dengar. Siapa2 pegawai yang mengiringkan mamak Bendahara tadi? Pegawai mana yang bertahan dan pegawai mana yang lari?" Maka Bendahara pun tersenyum, suatu pun tiada kata-nya. Maka titah baginda, "Mamak Bendahara, jangan sembunyi pada kita. Mamak Bendahara berkata benar, siapa2-kah yang meninggalkan mamak Bendahara, supaya kita mau membalaskan dia." Maka sembah Bendahara, "Daulat tuanku shah alam, patek mohonkan ampun dan kurnia di-bawah duli maha mulia akan patek2 itu sa-kali ini, kerana patek2 itu pun dahshat sadikit daripada melihat orang mengamok itu, bukan sa-orang dua."

Sa-telah baginda mendengar sembah Bendahara demikian, maka baginda pun tersenyum seraya bertitah, "Mamak Bendahara, sunggoh-kah saperti khabar orang, ada konon budak lima orang tatkala itu, ia berdiri di-hadapan mamak

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

Bendahara, ia-lah membunoh orang mengamok itu?" Maka sembah Bendahara, "Daulat tuanku, sunggoh ia membunoh orang mengamok dan terlalu sakali perkasa-nya." Maka titah baginda, "Mana-tah budak2 yang lima itu dan anak siapa? Anak orang baik2-kah?" Maka sembah Bendahara, "Asal-nya orang itu orang Sungai Duyong. Maka ia bersuaka dan berpindah ka-mari dan ibu bapa-nya bersuaka pada patek. Ada pun nama-nya Hang Mahmud, nama budak itu Hang Tuah; akan sekarang ada kelima-nya sudah patek ambilkan anak patek; patek ambil jadikan biduanda ka-bawah duli tuanku dan nama-nya sudah patek suratkan kelima-nya dan nama ibu bapa-nya pun patek sudah tahu. Tempat dudok-nya pada kampong patek." Sa-telah baginda mendengar sembah Bendahara demikian itu, maka titah baginda, "Kita pinta-lah kapada mamak Bendahara budak2 lima itu, kita hendak jadikan biduanda didalam." Maka sembah Bendahara, "Daulat tuanku shah alam, patek persembahkan-lah budak2 ini ka-bawah duli tuanku; sedangkan patek anak beranak lagi hamba ka-bawah duli tuanku, istimewa pula budak2 lima itu. Shahadan budak2 ini-lah yang patek persembahkan dahulu itu." Sa-telah baginda mendengar sembah Bendahara demikian itu, maka baginda pun memberi persalinan akan Bendahara pakaian yang indah2. Pakaian yang di-pakai baginda itu di-tanggalkan baginda daripada tuboh baginda di-anugerahkan Bendahara.

Ada pun segala pegawai dan petuanan yang lari itu sakalian-nya hendak masok. Maka tiada di-beri oleh orang menunggu pintu itu. Maka semua-nya undor dudok di-balai gendang. Maka raja pun berangkat masok ka-dalam istana. Maka Bendahara pun menyembah lalu keluar. Di-lihat oleh segala pegawai dan petuanan itu Bendahara keluar dengan segala pegawai dan segala tuan2 yang tua2 juga, maka sakalian-nya turun dari balai gendang itu menyembah pada Bendahara. Maka Bendahara pun berpaling pura2 tiada melihat. Sa-telah sampai ka-pintu kampong-nya, maka ia berpaling pada segala pegawai dan petuanan yang tua2 itu, seraya berkata, "Silakan-lah datok semua." Maka segala pegawai dan petuanan yang kena murka raja itu pun semua-nya meng-iringkan Bendahara masok ka-dalam kampong sa-kali. Maka di-lihat oleh Bendahara Hang Tuah dan Hang Jebat, Hang Kasturi, Hang Lekir, Hang Lekiu lagi bermain dengan Tun Mat, belum lagi pulang. Maka kata Bendahara, "Ada-kah anak-ku sakalian lagi bermain dengan adinda?" Maka sembah-nya, "Ada lagi di-perhamba, tuanku."

Hatta maka orang banyak yang dudok itu pun menyembah Bendahara. Maka Hang Tuah dan Hang Jebat pun turun menyembah kelima-nya pada kaki

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

Bendahara. Maka kata Bendahara pada orang lima itu, "Ya anak-ku, Duli Yang Di-Pertuan dua tiga kali bertanyakan khabar orang mengamok itu. Siapa2 yang ada bertahan di-hadapan Bendahara dan siapa2 yang meninggal Bendahara. Maka titah itu pun tiada terjawab, titah Yang Di-Pertuan itu. Maka oleh Temenggong Sarwa Diraja, segala orang yang lari dan yang melawan itu pun semua-nya di-sembahkan ka-bawah duli baginda. Mendengar sembah Temenggong demikian, maka baginda pun tersenyum serta murka. Sa-telah berhenti daripada itu maka baginda pun bertitah menanyakan anak-ku kelima, baginda hendak ambilkan jadi pegawai laku-nya."

Sa-telah sudah Bendahara berkata2 dengan Hang Tuah, maka ia berpaling; di-lihat-nya segala pegawai dan petuanan itu ada lagi berdiri di-belakang Bendahara. Maka kata-nya, "Ada-kah tuan2 dari tadi?" Maka segala mereka itu pun menyembah kemalu2an, suatu pun tiada di-kata-nya. Maka segala orang banyak itu pun tersenyum seraya memandang pada segala mereka itu. Maka mereka pun tersipu2 malu. Maka kata Bendahara, "Naik-lah ka-atas balai itu dudok. Tuan2 sakalian hendak ka-mana datang pada hamba ini, kerana hamba ini bukan pegawai raja? Ada-kah pegawai raja meninggalkan teman-nya? Jika hamba pegawai, pada ketika itu juga hamba memberi balas akan orang yang hendak membunoh hamba itu!"

Sa-telah sudah berkata2, maka Bendahara pun turun dari balai naik ka-rumah. Sa-telah segala pegawai dan petuanan itu mendengar kata Bendahara demikian itu lalu naik ka-rumah, maka segala pegawai dan petuanan itu pun sakalian membuangkan dastar berkabong. Maka kata Tun Mat, "Ya tuan2 sakalian, baik juga tuan2 sakalian pulang dahulu kerana adat-nya-lah hamba itu di-murkai oleh tuan-nya. Jangan-lah tuan dukachita." Mendengar kata itu, suka-lah; maka mereka itu pun menyembah Tun Mat lalu bermohon pulang.

• • •

Maka Tun Mat pun berkata pada Hang Tuah kelima, "Kakak Tuah, kakak Jebat, mari-lah kita lihat tamasha ka-pulau; kayu2an dan perburuan banyak konon di-pulau itu, nama-nya Biram Dewa, sementara lagi Yang Di-Pertuan murka itu." Maka sahut Hang Tuah, Hang Jebat, "Baik-lah, tuanku, di-per-hamba mengiringkan." Sa-telah sudah berkata2, maka Hang Tuah kelima pun bermohon pulang ka-rumah ibu bapa-nya.

Sa-telah keesokan hari-nya, maka Tun Tuah dan Hang Jebat, Hang Kasturi, Hang Lekir, Hang Lekiu pun pergi-lah dengan Tun Mat ka-pulau Biram Dewa.

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

itu. Maka sakai yang dudok pada pulau itu pun berburu-lah terlalu ramai, banyak beroleh perburuan. Maka Tun Mat dan Hang Tuah dan Hang Jebat bermain-lah dalam pulau itu, tiada-lah bercherai lagi; ka-mana Hang Tuah pergi bermain di-ikut-nya dan barang ka-mana Tun Mat pergi di-ikut oleh Hang Tuah, tiada-lah jauh. Hatta maka Hang Tuah pun bertemu dengan sa-pohon pisang, buah-nya sedang masak. Maka di-ambil oleh Hang Tuah, maka di-lihat-nya di-dalam tandan pisang itu ada sa-ekor ular chintamani. Maka segera di-ambil-nya ular itu di-taroh-nya dalam dastar-nya. Maka kata Hang Tuah pada Tun Mat, "Mari-lah kita pulang kerana perburuan pun banyak-lah kita peroleh dan buah2an pun banyak; kalau2 ayahanda hendak sembahkan ka-bawah Duli Yang Di-Pertuan segala perburuan ini." Maka kata Tun Mat, "Sunggoh-lah kata kakak Tuah itu."

* * *

Maka sakalian-nya pun naik-lah perahu lalu kembali. Sa-telah sampai ka-rumah, maka kata Bendahara, "Banyak-kah anak-ku beroleh perburuan?" Maka sembah Tun Mat, "Banyak, tuanku, beroleh perburuan," peri Hang Tuah mendapat ular chintamani itu semua-nya di-kaukan-nya kapada Bendahara. Demi di-dengar kata Tun Mat itu, maka Bendahara pun segera memanggil Hang Tuah. Hang Tuah pun segera datang. Maka di-bawa Bendahara naik ka-rumah. Maka di-beri-nya makan. Maka kata Bendahara, "Sunggoh-kah anak-ku mendapat ular chintamani? Mari apa-lah kita lihat, kerana kita pun tahu-lah belum lagi pernah melihat ular chintamani itu." Maka kata Hang Tuah, "Di-perhamba peroleh bukan anakanda tiada tahu." Maka Hang Tuah pun meranggalkan dastar-nya lalu di-ambil-nya ular chintamani itu lalu di-chium-nya dan di-buboh-nya pada mata-nya kedua. Sudah itu maka di-per-sembahkan-nya pada Bendahara Paduka Raja. Maka segera di-sambut oleh Bendahara; maka di-lihat-nya ular chintamani itu rupa-nya dan besar-nya saperti pisang emas dan warna-nya saperti emas sa-puloh nutu. Sa-telah sudah di-lihat Bendahara, maka kata Bendahara, "Ayo anak-ku, jika ada kehendak anak kita, jika kita ada, tiada di-tahani-nya." Maka sembah Hang Tuah, "Pada bichara sahaya, tuanku, jangankan ular chintamani di-kehendaki oleh tuanku di-perhamba tahani, sedang tuboh di-perhamba lagi hamba di-bawah kaus tuanku; tetapi ada suatu perjanjian juga di-perhamba pohonkan." Maka kata Bendahara, "Janji yang mana anakanda maksudkan pada kita? Katakan-lah kita dengar." Maka sembah Hang Tuah, "Ada pun di-perhamba per-

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

sembahkan ular chintamani ini dengan suka hati di-perhamba, tetapi apabila akan di-santap oleh tuanku hendak-lah di-beritahu akan di-perhamba." Maka kata Bendahara, "Baik-lah." Sa-telah berkata2 itu maka lalu di-persembahkan pada Bendahara. Maka oleh Bendahara di-ambil-nya kain sa-kayu, maka ular itu pun di-taroh di-dalam kain itu. Maka Hang Tuah pun di-persalin dengan sa-lengkap-nya. Maka Hang Tuah pun menyembah kapada Bendahara laki isteri lalu turun kembali sama2 dengan Tun Mat. Maka kain rambuti di-suroh simpan pada Bendahara.

• • •

Maka pada ketika itu juga biduanda datang di-titahkan memanggil Bendahara suroh bawa budak lima itu masok. Sa-telah Bendahara mendengar demikian itu, maka Bendahara pun memanggil Hang Tuah kelima-nya. Maka orang lima itu pun segera datang; Bendahara pun sudah hadhir dengan anak-nya Tun Mat itu menantikan Hang Tuah juga lagi. Sa-telah di-lihat oleh Bendahara budak2 lima itu datang, maka kata Bendahara, "Mari-lah anak-ku kelima kita masok ka-dalam." "Silakan-lah tuanku, di-perhamba iringkan." Maka Bendahara pun berjalan-lah di-iringkan oleh Hang Tuah, Hang Jebat, Hang Kasturi, Hang Lekir, Hang Lekiu. Sa-telal sampai ka-balairong maka Bendahara pun ka-bendul membawa budak2 lma itu. Sa-telah di-lihat raja Bendahara datang, segera baginda tegor, "Mar mamak Bendahara; mana-kah budak2 yang di-kata itu?" Maka sembah Bendhara, "Daulat tuanku, ini-lah yang bernama Hang Tuah, ini bernama Hang Kasturi, ini bernama Hang Jebat, ini bernama Hang Lekir, ini bernama Hang Lkiu, tuanku; ini sa-orang anak patek bernama Tun Mat." Sa-telah raja mendengar sembah Bendahara demikian itu, maka baginda pun sa-bagai memandang kapada Hang Tuah; maka titah baginda, "Hang Tuah kelima ini ku-ambil budak2 di-bawah bendul ini." Maka sembah Hang Tuah, "Daulat tuanku, patk ini hamba yang hina." Maka raja pun memberi persalin akan Tun Mat dan budak2 lima itu pun di-persalin dengan sa-lengkap-nya.

Pada ketika itu juga baginda menitahkan pandai besi yang ada sa-orang berbuat keris panjang sa-bilh akan pakaian Hang Tuah: dua puloh perkara besi di-lakorkan dan sa-bahan besi di-ausi jadi sa-bilah keris panjang. Maka berapa lama-nya keris empat puloh bilah itu pun sudah-lah. Maka di-persembahkan-nya pada raja. Maka keris itu pun semua-nya di-anugerahkan raja pada budak2 di-bawah bendul, keempat puloh-nya memakai keris panjang yang besar sa-

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

bahara di-ausi-nya itu. Maka keris itu pun di-sambut oleh Hang Tuah, lalu di-junjong serta sujud meniarap di-hadapan baginda itu. Sa-telah sudah sujud, maka Hang Tuah pun berbangkit lalu berdiri menyembah serta di-pegang-nya keris itu; lalu turun ka-tanah, di-hunus keris itu, maka ia menyembah pula. Maka Hang Tuah pun melompat bermain keris itu terlalu manis sa-kali barang laku-nya, serta memekis, kata-nya, "Cheh! Mana-tah hulubalang Melayu? Marilah, empat pun baik lima pun baik; tiada-lah indah pada-ku." Maka baginda pun terlalu sukachita melihat laku Hang Tuah itu. Pada penglihatan baginda dan segala pegawai dan petuanan yang banyak itu, jika empat lima orang berdiri di-hadapan Hang Tuah itu sukar-lah mengenai dia. Sa-telah sudah ia bermain keris itu, maka Hang Tuah pun menjunjong duli lalu naik dudok sama2 Hang Jebat di-bawah bendul itu.

Maka raja pun terlalu kaseh akan Hang Tuah dan Hang Jebat, tetapi dalam budak2 empat puloh itu Hang Tuah-lah yang terlalu karib pada baginda, kerana ia tertua daripada yang banyak lagi bijaksana barang laku-nya dan tahu-nya. Maka Hang Tuah pun masok keluar tiada berpintu lagi; barang kata Hang Tuah kata raja-lah. Jika raja hendak membunoh orang; kata Hang Tuah tiada harus mati, tiada-lah mati orang itu. Jika raja hendak menangkap orang yang berdosa, jika Hang Tuah tiada menangkap, tiada-lah tertangkap; dan jika sa-suatu bichara, jika Hang Tuah belum masok, bichara-nya belum putus.

Maka segala pegawai dan petuanan yang muda2 yang kena murka itu pun pergi-lah kapada Hang Tuah minta tolong persembahkan ka-bawah duli baginda. Maka kata Hang Tuah, "Baik-lah, pada bichara sahaya, lagi2-nya jangan demikian itu, kerana Bendahara itu menteri besar pada zaman ini. Tatkala kesukaran itu apa-tah daya kita? Tetapi nama kita dan nama orang tua2 hendak-lah di-peliharakan takut kalau di-kata orang." Maka sahut tuan2 itu, "Ada pun pengajaran tuan-hamba itu sa-benar-nya, tetapi sudah-lah untong di-perhamba sakalian akan beroleh malu."

Sa-telah Hang Tuah mendengar kata tuan2 itu demikian, maka Hang Tuah pun masok mengadap raja di-bendul raja itu. Maka titah raja, "Apa bichara tuan-hamba, kerana kita hendak menyuroh ka-Palembang? Kerana kedengaran tanah Palembang itu sukar datang, kerana musoh Siantan dan Jemaja itu sangat merompak. Jika sa-laku ini Bukit Seguntang itu pun akhir-nya akan di-langgar-nya; apa-tah kata-nya kita kerajaan di-Bentan ini?" Maka sembah Hang Tuah, "Daulat tuanku, akan patek ini jika ada ampun kurnia shah alam, maka berani patek berdatang sembah ka-bawah duli, tetapi patek ini sembah derhaka patek persembahkan ka-bawah duli, melainkan ampun duli shah alam juga di-

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

perbanyak di-atas batu kepala patek hamba yang hina." Sa-telah baginda mendengar sembah Hang Tuah itu, maka baginda pun tersenyum seraya bertitah, "Apa juga kehendak-mu kata-lah ku-dengar." Maka sembah Hang Tuah, "Daulat tuanku, jika ada ampun kurnia patek2 itu, supaya kita lengkap dengan tujoh buah dendang dan tujoh buah lanchang, kita suroh akan ka-Palembang." Maka sembah Bendahara, "Daulat tuanku, sa-benar-nya-lah sembah patek itu, di-atas patek-lah melengkapi patek2 itu. Maka titah baginda, "Baik-lah, itu kita tahu akan mamak Bendahara dan Hang Tuah-lah." Maka sembah Bendahara dan Hang Tuah, "Daulat tuanku shah alam, mana titah patek kedua ini menjunjong."

Maka pada ketika itu juga segala pegawai dan petuanan yang kena murka itu dudok di-balai dendang menunggu Bendahara dan Hang Tuah. Maka di-panggil oleh Bendahara masok ka-bendul. Maka sakalian-nya pun sujud. Sa-telah sudah, maka sakalian dudok mengadap; mana di-beri raja persalin. Sa-ketika dudok maka raja pun berangkat masok. Maka Bendahara dan Hang Tuah pun pulang di-iringkan segala pegawai dan petuanan itu. Sa-telah datang ka-pintu, maka Bendahara pun berpaling serta berkata, "Pulang-lah tuan2 sakalian; berhadhir tujoh hari lagi, kita pergi lagi." Lalu segala mereka sakalian pun semua-nya sujud pada kaki Bendahara lalu pulang ka-rumah-nya.

Maka Bendahara pun dudok di-balai berbicharakan melengkapi dendang tujoh buah dan lanchang tujoh buah itu. Maka Hang Tuah dan Hang Jebat pun datang mengadap Bendahara. Maka kata Bendahara, "Mari anak-ku kedua kita meshuarat akan pekerjaan ka-Palembang itu." Maka sahut Tuah, "Sahaya datok datang ini pun pekerjaan ini-lah; hendak pun sahaya datok kelima bersaudara mohon pergi kalau2 tiada di-lepas duli baginda." Maka kata Bendahara. "Mengapa pula anak-ku pergi kerana banyak pegawai yang muda2?" Maka Hang Tuah, Hang Jebat pun di-perjamu oleh Bendahara makan ni'mat. Sa-telah sudah, maka Hang Tuah, Hang Jebat pun bermohon-lah pulang ka-rumah-nya.

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

BAB III

SA-BERMULA maka tersebut-lah perkataan Ratu Lasem menitahkan sa-orang menteri-nya yang bernama Pateh Kerma Wijaya pergi berbaiki segala negeri yang di-alahkan oleh Raden Inu di-Kuripan itu — dan beberapa puloh buah negeri di-alah-nya dan di-tawan-nya segala ra'ayat-nya dan segala isi negeri, sa-tengah orang-nya lari sa-genap bukit dan hutan tiada berkentahuan orang itu membawa anak bini-nya. Maka suatu hari Ratu Lasem itu pun bertitah pada Pateh Kerma Wijaya, "Hai Pateh, pergi baiki segala negeri dan engkau bicharakan ra'ayat yang pergi sa-genap hutan padang itu, suroh kembali ka-negeri-nya pula. Kita tahukan baik-nya pada Pateh." Maka sembah Pateh Kerma Wijaya, "Daulat tuanku, patek berjanji tujoh bulan lama-nya." Maka Ratu Lasem pun anugerah emas perak akan Pateh Kerma Wijaya dan pitis berpuloh2 pada-nya.

Maka Pateh Kerma Wijaya pun bermohon pulang-lah ka-rumah-nya berlengkap dan mengerahkan segala ra'ayat-nya enam ribu orang pertikaman dan tujoh ribu orang bekerja. Sa-telah sudah maka Pateh Kerma Wijaya pun berjalan-lah. Beberapa lama-nya maka sampai-lah ka-Pajang. Maka di-lihat nya sunyi negeri itu, segala orang-nya habis lari ka-dalam hutan. Sa-telah di-dengar-nya Pateh Kerma Wijaya datang membaiki negeri, maka segala mereka itu pun semua-nya di-suroh-nya kembali ka-negeri-nya. Maka orang itu pun kembali-lah ka-tempat-nya. Maka negeri itu pun menjadi saperti dahulu kala.

Beberapa lama-nya Pateh dudok di-Pajang itu, maka Pateh pun sakit. Maka di-suroh-nya hamba-nya yang keperchayaan, "Pergi engkau segera datang membawa anak-ku kerana aku sakit." Maka Kebiri itu pun bermohon-lah lalu berjalan ka-Lasem dengan dua ribu orang pertikaman. Hatta maka sampai-lah ka-Lasem. Maka ia datang mengadap Ken Sumirat; maka kata Ken Sumirat, "Hai Kebiri, apa pekerjaan-mu datang ini?" Maka sembah Kebiri itu, "Segera-lah berlengkap dan bersimpan. Kula di-surohkan Rama andika menyambut tuanku, kerana ayahanda sangat rindu, tambahan pula sakit." Sa-telah Ken

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

Sumirat mendengar sembah kebiri itu, maka Ken Sumirat pun terlalu sukachita hati-nya kerana sangat rindu akan ayahanda. Maka Ken Sumirat pun bersimpan-lah segala arta yang kemas2 yang dapat di-bawa-nya itu. Sa-telah sudah maka ia mengeluarkan segala perhiasan arta yang indah2. Sudah lengkap, maka Ken Sumirat pun naik-lah ka-pedati dengan segala inang pengasoh. Maka segala hamba sahaya-nya pun terlalu banyak mengiringkan pedati itu dengan segala bunyian terlalu ramai. Maka pedati Ken Sumirat pun berjalan-lah ka-negeri itu di-iringkan oleh kebiri.

Maka tatkala itu Ratu Lasem pun pergi berburu dengan segala menteri dan penggawa-nya. Maka Ken Sumirat berjalan itu sa-panjang jalan bersuka2an terlalu ramai saperti orang berarak laku-nya. Maka bunyian itu pun kedengaran-lah pada Ratu Lasem. Maka titah baginda pada Barit Ketika, "Pergi lihat bunyi apa itu." Maka Barit Ketika pun menyembah lalu pergi melihat bunyi itu. Sa-telah bertemu maka Barit Ketika pun bertanya, "Ra'ayat dari mana ini dan siapa penghulu-nya ra'ayat ini? Hendak ka-mana pergi-nya?" Maka sahut orang itu, "Kami orang Pateh Kerma Wijaya, suroh sambut anak-nya Ken Sumirat, kerana Pateh itu sakit, hendak bertemu dengan anak-nya. Hendak pun kembali kerana negeri belum lagi tentu habis."

Sa-telah Barit Ketika mendengar kata Kebiri itu, maka ia pun segera kembali persembahkan segala kata Kebiri itu. Maka kata Ratu Lasem, "Jika demikian, aku pun hendak berpesan pada Pateh." Maka Ratu Lasem pun memechut kuda-nya mendapatkan kebiri: "Katakan pada Pateh, apabila sudah bertentu hendak-lah segera kembali, kerana kita hendak di-serang oleh Raden Inu; sekarang khabara-nya sudah berjalan."

Dalam berkata2 dengan kebiri itu, dengan takdir Allah Ta'ala, maka angin pun bertiup2 terlalu keras. Maka tirai pedati Ken Sumirat pun tersingkap. Maka Ratu Lasem pun memandang Ken Sumirat; Ken Sumirat pun memandang, sama berjumpa mata. Maka di-lihat-nya Ken Sumirat terlalu elok rupa-nya. Maka Ratu Lasem pun terlalu berahi, berapa di-tahani, tidak juga tertahani. Maka titah Ratu Lasem pada kebiri itu, "Anak Pateh Kerma Wijaya ini telah ku-ambil-lah akan isteri-ku. Beberapa di-kehendak belanja-nya ku-beri." Maka sembah kebiri itu, "Daulat tuanku, sa-harus-nya-lah lebu telapakan paduka betara memberi kurnia akan hamba tua itu, tetapi patek mohonkan ampun dan kurnia, baik juga anak-nya itu duli tuanku beri bertemu dengan bapak-nya. Tambahan ia sakit; itu pun daripada sebab rindu akan anak-nya; ini-lah di-sebut-nya pada malam siang. Lagi pun tiada baik rupa-nya dan nama-nya anak-nya

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

di-ambil di-tengah jalan besar, kerana ia pun hamba tua lagi banyak kebaktian ka-bawah duli tuanku. Ka-mana-tah pergi-nya? Tambahan pula pergi-nya dengan pekerjaan tuanku."

Demi mendengar sembah kebiri itu, maka Ratu Lasem pun terlalu murka, hendak di-bunoh-nya. Maka sembah segala menteri yang tua2, "Ampun tuanku, patek sakalian hamba tua mohonkan ampun; pada bichara patek sakalian, baik juga kebiri ini lepaskan kembali pada patek itu. Pertama anak-nya tuanku ambil, kedua hamba-nya tuanku bunoh; alang-kah tergerak hati-nya, kerana ia pergi itu pun dengan pekerjaan tuanku. Kerana Pateh itu banyak kebaktian-nya dan jasa-nya, sukar tuanku menchari hamba saperti patek itu." Sa-telah mendengar sembah demikian itu, maka tiada-lah jadi di-bunoh raja. Maka Ken Sumirat pun di-ambil oleh raja di-bawa-nya kembali ka-istana-nya.

Maka kebiri itu pun berjalan-lah mendapatkan Pateh Kerma Wijaya. Sa-telah sampai, di-lihat oleh Pateh Kerma Wijaya kebiri itu datang. Maka segera di-tegor-nya. Maka oleh kebiri segala hal ahwal-nya itu semua-nya di-katakan-nya pada Pateh Kerma Wijaya. Demi Pateh mendengar kata kebiri itu maka Pateh Kerma Wijaya pun amarah, terlalu dukachita hati-nya, kata-nya, "Lihat-lah Ratu Lasem ini memberi aku malu! Beberapa aku berbuat kebaktian pada-nya tiada juga kelihatan pada-nya dan beberapa pula negeri ku-alahkan tiada juga berguna kebaktian-ku. Akan sekarang hendak pun aku berbuat derhaka aku orang tua; sa-bermula banyak di-kata orang di-tanah Lasem itu. Jika demikian baik-lah aku pergi barang ka-mana membawa anak bini-ku dan segala penggawa dan segala periai di-bawah-ku sakalian yang bersama2 dan ra'ayat yang kaseh akan aku, kira2 tujoh ribu dan orang pertikaman tiga ratus."

Sa-telah sudah meshuarat, maka Pateh Kerma Wijaya pun melepaskan penjurit tiga ratus, orang pertikaman dua ribu pergi ka-Lasem mengambil bini-nya dan segala harta yang kemas2 di-bawa-nya. Sa-telah orang dua ribu tiga ratus itu datang ka-Lasem, maka pada ketika itu juga ia masok ka-dalam meng-ambil anak bini-nya dan harta-nya. Sa-telah sudah maka malam itu keluar-lah di-negeri itu. Maka segala penjurit yang tiga ratus itu pun banyak beroleh harta yang kemas2 lalu berjalan mendapatkan Pateh Kerma Wijaya; Pateh Kerma Wijaya pun sudah hadhir. Sa-telah orang itu datang, maka Pateh Kerma Wijaya pun berjalan-lah dengan tujoh ribu orang serta-nya, berjalan ka-Tuban itu.

Beberapa lama-nya maka sampai-lah ka-Tuban. Maka Sang Agong Tuban pun keluar mengalu2kan Pateh Kerma Wijaya dengan segala orang-nya yang kaya2 di-tanah Tuban itu. Sa-telah bertemu dengan Pateh, maka ia berpelok

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

berchium dengan Sang Agong Tuban itu. Maka di-bawa-nya ka-dalam lalu ka-paseban, di-dudokkan di-atas peterana yang keemasan, di-permulia-nya dengan serba kemuliaan-nya, di-perjamu-nya makan minum dengan saperti-nya. Maka Adipati Tuban pun bertanya pada Pateh Kerma Wijaya, "Hendak ka-mana ka-kanda ini?" Maka sahut Pateh Kerma Wijaya serta dengan berchuchoran ayer mata, kata-nya, "Kakanda ini di-halaukan oleh Ratu Lasem; maka per-buatan-nya demikian ini." Maka segala hal ahwal-nya itu semua-nya di-kata-kan-nya pada Sang Agong Aria Tuban. Maka sa-telah di-dengar Adipati Tuban kata Pateh Kerma Wijaya itu, maka Adipati Tuban pun menangis seraya berkata, "Sekarang hendak ka-mana pula kakanda pergi yang sa-banyak ini?" Maka kata Pateh Kerma Wijaya, "Ada pun kakanda ini ada sudah mendengar khabar raja di-tanah Melayu itu terlalu adil dengan pereksa-nya dan artawan-nya dan murah-nya dan tegor sapa-nya akan segala dagang santeri; ka-sana-lah ka-kanda sakalian hendak berhambakan diri." Maka kata Adipati Tuban, "Jika demikian, mari-lah dudok di-Tuban ini supaya hamba persembahkan ka-bawah duli Seri Batara Majapahit dan Pateh Gajah Mada." Maka sahut Pateh Kerma Wijaya, "Ada pun yang kaseh adinda itu sa-penoh-nya-lah, tetapi kakanda mohon-lah dudok di-tanah Jawa, kerana kakanda hendak melihat temasha di-tanah Melayu dan kakanda hendak menjadi hamba pada raja Melayu itu." Maka oleh Adipati Tuban beberapa kata yang lemah lembut hendak memegang Pateh Kerma Wijaya itu, tiada jua ia mahu.

Maka Pateh Kerma Wijaya pun sedia-kala di-perjamu-nya makan minum bersuka2an. Sa-telah genap-lah tujoh hari maka Pateh Kerma Wijaya pun bermohon-lah pada Sang Agong Tuban, lalu naik jong, dan kulakasar beberapa puloh lalu belayar menuju Jayakatra.

Beberapa lama-nya berlayar itu maka sampai-lah ka-Jayakatra. Maka Adipati Jayakatra pun keluar dengan segala orang besar2 datang mengalukan dia. Sa-telah bertemu maka Pateh Kerma Wijaya pun berpelok dan berchium dengan Adipati Jayakatra. Sa-telah sudah maka Adipati pun membawa Pateh Kerma Wijaya masok ka-negeri-nya lalu ka-istana; maka di-dudokkan-nya di-atas peterana keemasan, di-permulia-nya dengan sa-ribu kemuliaan-nya. Maka di-perjamu-nya makan minum dengan saperti-nya. Sa-telah sudah maka Pateh Kerma Wijaya pun bermohon-lah kembali ka-tempat-nya. Sa-kira2 tengah bulan Pateh Kerma Wijaya dudok di-Jayakatra itu di-perjamu makan minum bersuka2an dengan segala bunyi2an, maka Pateh Kerma Wijaya pun bermohon-lah pada Adipati Jayakatra lalu naik ka-jong belayar menuju tanah Melayu.

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

Beberapa lama-nya belayar itu maka sampai-lah ka-Bentan. Maka di-persembahkan orang-lah pada Bendahara Paduka Raja, "Ada pun Pateh Kerma Wijaya nama-nya, menteri Ratu Lasem datang; khabar-nya ia hendak berhambakan diri-nya ka-bawah Duli Yang Di-Pertuan dengan tujoh ribu orang serta-nya." Sa-telah Bendahara mendengar sembah orang itu, maka Bendahara pun lalu masok mengadap duli baginda. Demi baginda melihat Bendahara datang gopoh2 itu, maka titah baginda, "Apa khabar mamak Bendahara datang gopoh2 ini?" Maka sembah Bendahara, "Daulat tuanku shah alam, patek dengar khabar menteri Ratu Lasem yang bernama Pateh Kerma Wijaya itu datang dengan anak bini-nya dan tujoh ribu orang serta-nya; kasad-nya hendak menjadi hamba ka-bawah duli shah alam. Akan sekarang mana2 titah patek junjong." Maka demi baginda mendengar sembah Bendahara itu, maka baginda pun terlalu sukachita seraya bertitah, "Ayo mamak Bendahara, pada bichara kita, baik juga sambut Pateh Kerma Wijaya itu dan kita permulia akan dia, kerana ia menteri besar lagi tua." Maka sembah Bendahara dan Temenggong, "Daulat tuanku, sa-benar-nya-lah saperti titah duli yang maha mulia itu, kerana ia menteri besar, supaya suka hatinya."

Maka titah baginda pada Hang Jebat dan Hang Kasturi, Hang Lekir, Hang Lekiu, "Hai Jebat, pergi-lah engkau keempat dan orang kita barang sa-ratus akan mengiringkan menyambut Pateh Kerma Wijaya itu." Maka sembah orang empat, "Daulat tuanku shah alam." Maka Hang Jebat, Hang Kasturi, Hang Lekir, Hang Lekiu pun menyembah lalu keluar di-iringkan orang sa-ratus itu

Ada pun tatkala itu Pateh Kerma Wijaya sudah turun dari jong-nya berlengkap persembah, tujoh puloh orang yang membawa persembah itu. Maka Hang Jebat, Hang Kasturi pun datang menjunjongkan titah pada Pateh Kerma Wijaya itu. Sa-telah Pateh Kerma Wijaya melihat biduanda datang membawa titah itu, maka Pateh Kerma Wijaya pun terlalu sukachita seraya berkata, "Marilah tuan2 keempat dudok; bersusah pula Duli Yang Di-Pertuan menitahkan tuan2, kerana menira ini sedia hamba ka-bawah Duli Yang Di-Pertuan." Maka keempat-nya pun berjalan-lah dengan Pateh Kerma Wijaya mengiringkan persembah itu. Sa-telah datang ka-p yang berhadapan dengan balairong itu, maka Pateh Kerma Wijaya pun meniarap menyembah tiga kali di-bumi lalu berjalan naik menjunjong duli Sultan. Maka titah baginda, "Hai Pateh Kerma Wijaya, mari hampir kita hendak mendengar khabar benua Jawa." Maka Pateh Kerma Wijaya bangkit dudok di-bawah Bendahara Paduka Raja bertimbalan dengan Temenggong Sarwa Raja.

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

"Apa maksud kiai Pateh datang ini?"

Maka sembah Kerma Wijaya, "Daulat tuanku, patek ini hamba tua, tambahan pula memohonkan ampun dan kurnia berbanyak di-atas batu kepala patek; maksud patek2, anak beranak ini menjadi hamba ka-bawah duli maha mulia."

Demi mendengar sembah Pateh Kerma Wijaya, maka titah baginda, "Apalah salah-nya, lamun Pateh hendak bersama2 dengan kita, tetapi negeri ini pulau, bukan bandar besar." Maka sembah Pateh Kerma Wijaya, "Daulat tuanku, patek ini hamba yang hina ka-bawah Duli Yang Di-Pertuan."

Bermula maka raja pun memberi persalin akan Pateh Kerma Wijaya segala pakaian yang di-pakai baginda itu. Sa-telah sudah maka hidangan nasi pun di-angkat orang-lah. Sa-telah sudah makan, segala minuman pula datang, tambul pelbagai rupa-nya. Maka piala yang bertatahkan ratna mutu ma'nikam itu pun di-peredarkan orang-lah pada segala pegawai dan peria dan petuanan. Maka Pateh Kerma Wijaya dan segala pegawai pun minum-lah. Maka sakalian yang minum itu pun berasa mabok-lah. Maka Pateh Kerma Wijaya berdatang sembah, "Ya tuanku, ampun kurnia, patek hendak pohonkan tempat dudok hendak berbuat rumah, kerana patek dengar khabar-nya Raden Inu anak Raja Daha akan datang mengadap Duli Yang Di-Pertuan. Apa kehendak-nya patek tidak pereksa." Demi baginda mendengar sembah Pateh Kerma Wijaya itu, maka baginda pun bertitah pada Bendahara, "Ayoh mamak Bendahara, beri tempat akan Pateh ini hampir kampong samak Bendahara." Maka sembah Bendahara, "Daulat tuanku."

Maka Bendahara pun keluar membawa Pateh Kerma Wijaya pergi melihat tempat itu. Sa-telah sampai pada tempat itu, maka kata Bendahara, "Ini-lah dia tempat itu." Maka Pateh Kerma Wijaya pun terlalu sukachita kerana melihat tempat itu dekat kampong Bendahara di Temenggong Sarwa Raja.

Maka Pateh Kerma Wijaya pun mengerahkan segala orang-nya berbuat rumah. Sa-telah sudah, Pateh pun duduk-lah pada rumah itu, sa-hari2 mengadap raja juga kerja-nya. Maka baginda pun terlalu kurnia akan Pateh Kerma Wijaya itu.

• • •

Al-kesah maka tersebut-lah perkataan Raden Inu Daha yang bernama Raden Wira Nantaja itu, tatkala mengembara mencharí saudara-nya Raden Galoh [Chendera Kirana], timang2an-nya Ratu Puspa Ningrat, terlalu amat elok rupa-nya. Maka Raden Wira Nantaja pun bermohon-lah pada ayah bonda-

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

nya pergi menchari saudara-nya Raden Galoh sa-genap lurah tanah Jawa itu, tidak juga bertemu. Maka Raden Wira Nantaja pun berkata pada Persanta, "Ada pun kita sakalian ini menchari kakak Galoh ini sudah-lah rata sa-genap pulau tiada juga bertemu; khabar-nya pun tiada. Ada pun sekarang ini kita hendak pergi ka-tanah Melayu pula, kerana ku-dengar tanah Melayu itu ada sa-orang raja, terlalu adil dan murah-nya dan pereksa-nya. Ada pun asal raja itu dari keinderaan. Ka-sana-lah hendak pergi bermain2." Maka sembah Persanta, "Pada bichara patek, jika tuanku hendak pergi bermain2 ka-tanah Melayu itu, baik juga tuanku bersembahkan paduka ayahanda bonda, supaya tuanku pergi dengan perentah anak raja besar2." Maka kata Raden Wira Nantaja, "Jika aku memberitahu ayahanda bonda, neschaya tiada-lah di-lepas-kan oleh ayahanda bonda. Sebab pun aku hendak pergi ka-tanah Melayu itu, kerana sudah di-lihat oleh segala biku berahman juga, ini barang sudah bertemu; main ka-tanah Melayu itu maka aku bertemu dengan kakak Galoh." Maka kata Persanta, "Jika demikian segera-lah tuanku berjalan ka-Tuban."

Sa-telah sudah Raden Wira Nantaja meshuarat di-Pajang itu, sa-telah ke-esokan hari-nya, Raden Wira Nantaja pun berjalan-lah ka-Tuban dengan segala bunyi2an. Berapa lama-nya berjalan maka sampai-lah ka-Tuban. Maka Adipati Tuban pun keluar mengalu2kan Raden Wira Nantaja. Sa-telah bertemu maka sembah Adipati Tuban, "Baik juga tuanku silakan masok ka-negeri Tuban; Tuban pun jajahan negeri Daha juga." Maka kata Raden Wira Nantaja, "Baik-lah kita berhenti sa-kadar empat hari juga, kerana kita segera hendak belayar ka-tanah Melayu. Yang kaseh paman itu sa-penoh-nya-lah." Maka kata Adipati Tuban, "Tuanku, Pateh Kerma Wijaya, menteri Ratu Lasem pun baharu juga ia pergi dari Tuban ini. Kasad-nya hendak ka-tanah Melayu hendak menjadi hamba raja Melayu anak beranak-nya dengan ra'ayat sakalian itu tujoh ribu, lain daripada perempuan." Sa-telah Raden Wira Nantaja mendengar kata Adipati Tuban itu, maka baginda pun terlalu sukachita seraya bertitah, "Apa sebab-nya maka Pateh Kerma Wijaya di-murka oleh Ratu Lasem, kerana ia menteri?" Maka segala hal ahwal-nya Pateh itu semua-nya di-per-sembahkan-nya pada Raden Wira Nantaja. Maka ia pun tersenyum. Maka sa-telah sudah maka di-sambut-nya ka-negeri, di-perjamu-nya makan minum bersuka2an dengan saperti-nya, dan sa-telah genap tengah bulan, maka Raden Wira Nantaja pun bermohon-lah pada Adipati Tuban lalu belayar menuju negeri Melayu.

Berapa lama-nya belayar itu maka sampai-lah ka-Jayakatra. Maka Adipati Jayakatra pun keluar dengan segala orang kaya2 dengan persembah-nya meng-

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

alu2kan Raden Wira Nantaja itu. Sa-telah bertemu maka titah Raden Wira Nantaja, "Paman, ada-kah Pateh Kerma Wijaya di-sini lagi?" Maka sembah-nya, "Sudah belayar patek itu, sa-puloh hari; dan jika ada kurnia akan patek, patek hendak persilakan ka-barong2 patek." Maka kata Raden Wira Nantaja, "Baik-lah". Maka Adipati pun menyembah lalu kembali berlengkap hendak ber-jamu. Sa-telah keesokan hari-nya maka Adipati pun menyembah Raden Wira Nantaja, "Silakan-lah tuanku masok ka-negeri." Maka di-perjamu-nya makan minum bersuka2an dengan saperti-nya. Sa-telah sudah maka Raden Inu pun bermohon pulang ka-jong-nya. Sa-telah sampai tengah bulan lama-nya, maka Raden Inu bermohon-lah pada Adipati Jayakatra itu lalu naik ka-jong be-layar menuju tanah Melayu.

Berapa lama-nya maka sampai-lah ka-Palembang. Maka Adipati Palembang pun keluar-lah dengan persembah-nya dan segala orang besar2-nya mengalu2kan Raden Wira Nantaja. Maka kata Adipati Palembang, "Sila-lah tuanku." Maka Raden Wira Nantaja pun tersenyum seraya berkata "Paman, kita pun segera hendak mengadap ka-Bentan; ada-kah Yang Di-Pertuan di-Bentan?" Maka sembah Adipati, "Ada, tuanku, baginda itu dudok meshuarat dengan segala men-teri hendak chari tempat berbuat negeri yang saperti kehendak baginda itu." Maka kata Raden Wira Nantaja, "Hendak pun kita mengadap ka-Bukit Seguntang kerana kita hendak segera kembali, kerana kita ka-mari ini tiada bermohon ka-bawah Duli Paduka Betara." Maka sembah Adipati Palembang, "Daulat tuanku, kerana paduka ayahanda pun lagi pergi ka-keinderaan me-ngadap paduka nenda di-keinderaan."

Maka kata Adipati, "Silakan-lah tuanku naik ka-negeri."

Maka Raden Inu pun naik-lah ka-pantai itu di iringkan oleh segala kedayan-nya. Maka Raden Inu pun berjalan-lah di-iringkan oleh segala kedayan-nya. Sa-telah sampai ka-rumah Adipati, maka di-dudokkan-nya di-atas peterana yang keemasan, di-perjamu-nya makan minum dengan saperti-nya. Sa-telah berapa lama-nya, maka kata Raden Inu, "Paman, dua hari lagi kita hendak berjalan ka-Bentan." Maka sembah Sang Adipati, "Daulat tuanku, patek pun semaja mengiringkan tuanku ka-Bentan, kerana patek hendak persembahkan ka-bawah Duli Yang Di-Pertuan akan musoh Siantan dan Jemaja itu sangat merompak ka-Palembang ini." Sa-telah sudah maka Raden Inu pun menyuroh orang membongkar sauh. Maka Raden Inu dan Adipati Palembang pun belayar-lah menuju tanah Melayu.

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

Berapa lama-nya belayar itu maka sampai-lah ka-Bentan. Maka di-persembahkan orang-lah pada Bendahara Paduka Raja akan Raden Inu Daha datang berpuloh2 jong2 dan dendang. "Sekarang ada-lah berlaboh pada laboh kita itu. Apa2 pekerjaan-nya tiada pereksa, maka segala perahu-nya dengan segala bunyi2an." Telah Bendahara dengar sembah orang itu, maka Bendahara pun segera masok mengadap. Tatkala itu raja belum lagi keluar, lagi dudok di-bendul berkata2 dengan Hang Tuah, Hang Jebat, Hang Kasturi, dan segala pegawai muda2 meshuarat hendak menchari tempat yang baik berbuat negeri yang saperti kehendak hati baginda. Sa-telah di-lihat baginda Bendahara datang gopoh2 itu, maka titah baginda, "Apa khabar mamak Bendahara datang gopoh2?" Maka sembah Bendahara, "Daulat tuanku, bahawa anak Ratu Daha yang bernama Raden Wira Nantaja itu datang; ada-lah sekarang ia berlaboh di-kuala kita ini. Apa2 pekerjaan-nya patek tidak pereksa."

Telah mendengar sembah Bendahara, maka baginda pun segera menyuroh memanggil Pateh Kerma Wijaya. Pateh Kerma Wijaya pun datang mengadap. Maka titah baginda, "Hai Pateh, sekarang kita dengar anak Ratu Daha yang bernama Raden Wira Nantaja itu datang, ada berlaboh di-kuala kita ini. Pergi-lah Pateh pereksai apa2 maksud-nya." Maka sembah Pateh Kerma Wijaya, "Daulat tuanku, siapa-tah teman patek pergi pada raja itu, kerana patek hamba baharu? Baik juga hamba yang keperchayaan di-titahkan bersama2 dengan patek supaya ada-lah terberat pada anak raja itu, kerana baginda itu anak raja besar." Telah mendengar sembah Pateh Kerma Wijaya itu, maka baginda pun berpaling memandang pada Hang Tuah, Hang Jebat, Hang Kasturi. Maka titah baginda, "Hai Tuah, pergi-lah pada anak raja itu pereksai apa maksud-nya datang ka-negeri kita ini, supaya kita dengar." Maka sembah Tun Tuah, "Daulat tuanku."

Maka Pateh Kerma Wijaya, Hang Tuah, Hang Jebat, Hang Kasturi pun menyembah lalu pergi naik ka-perahu. Maka perahu itu pun di-kayoh orang-lah ka-kuala mendapatkan jong kenaikan Raden Wira Nantaja itu. Sa-telah di-lihat oleh orang jong itu perahu banyak datang berkayoh, maka di-sembahkan-nya pada Raden Wira Nantaja. Maka Raden Wira Nantaja pun tahu-lah. Maka baginda pun berbangkit dudok di-atas peterana yang keemasan di-hadap oleh segala anak periai dan anak pegawai sakalian memakai pun menyandang tetapan kekuningan. Maka Pateh Kerma Wijaya pun datang sama2 Hang Tuah, Hang Jebat, Hang Kasturi lalu ka-perahu itu. Maka titah Raden Wira Nantaja, "Silakan-lah paman Pateh dan segala tuan2." Maka Pateh pun dudok menyembah; maka Hang Tuah, Hang Jebat, Hang Kasturi

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

pun menjunjong duli lalu dudok menyembah. Maka titah Raden Inu, "Apa pekerjaan tuan2 ketiga ini, di-titahkan Duli Yang Di-Pertuan kapada kita-kah?" Maka sembah Pateh Kerma Wijaya dan Hang Tuah, "Daulat tuanku, patek keempat bersaudara ini di-titahkan paduka kakanda sa-kadar melihat tuanku juga: sunggoh-kah saperti khabar orang atau tiada-kah, kerana tuanku anak raja besar, sebab itu-lah maka patek keempat ini di-titahkan Duli Yang Di-Pertuan paduka kakanda tiada dengan saperti-nya." Maka titah Raden Inu, "Paman Pateh persembahkan-lah ka-bawah Duli Yang Di-Pertuan bahawa kita datang ini hendak mengadap ka-bawah Duli Yang Di-Pertuan. Maka kita hendak menjadi hamba ka-bawah duli; demikian-lah." Maka sembah Pateh Kerma Wijaya dan Hang Tuah, "Daulat tuanku, apa-tah salah-nya tuanku hendak berkaseh2an dengan paduka kakanda itu? Sa-harus-nya-lah."

Hatta maka Hang Tuah, Hang Jebat dan Hang Kasturi pun menjunjong duli lalu turun ka-perahu berkayoh kembali mengadap Sultan. Maka sembah Raden Inu itu pun semua-nya di-persembahkan-nya, "Ya tuanku, banyak sudah patek melihat rupa anak raja2, tiada saperti rupa anak ra a Jawa ini, terlalu amat elok rupa-nya, saperti anak indera2 dan laku-nya manis tiada berbagai barang laku-nya, sangat ia merendahkan diri-nya." Maka titah baginda, "Jika demikian, segera-lah Bendahara dan Temenggong pergi menyambut anak raja itu. Siapa2 yang pergi dan tinggal dengan kita?" Maka sembah Bendahara dan Temenggong, "Daulat tuanku, patek mohonkan ampun dan kurnia, pada penglihatan patek, akan pergi menyambut anak raja segala pegawai yang tua2, Temenggong dan Pateh Kerma Wijaya, sudah itu segala pegawai yang muda2 saperti Tun Utama dan Tun Tuah dan Tun Jebat dan Tun Kasturi dan Tun Lekir dan Tun Lekiu dan segala petuanan yang muda2. Ini-lah, tuanku, pergi." Maka titah raja, "Baik-lah saperti kata mamak Bendahara itu. Bawa-lah segala kenaikan kerajaan kita dan takhta kerajaan dan payong chogan kerajaan, kerana ia pun anak raja besar; lagi pun ia datang ini hendak bersahabat dengan kita." Maka sembah Bendahara dan Temenggong, "Daulat tuanku, sabenar-nya-lah saperti titah yang maha mulia itu, kerana ia anak raja besar lagi pun ia hendak berhambakan diri-nya ka-bawah Duli Yang Di-Pertuan."

Maka Bendahara pun menyembah lalu keluar dudok di-balai gendang berlengkap pergi menyambut anak raja itu dengan segala bunyi2an-nya. Sa-telah sudah lengkap maka Temenggong dan Pateh Kerma Wijaya dan segala pegawai dan petuanan itu pun berjalan-lah pergi menyambut anak raja itu.

Bermula maka Raden Wira Nantaja pun sudah lengkap segala persembah: anjing perburuan dua ekor berantai emas dan tombak pengawitan bersampak

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

emas tujoh puloh dan keris berhulu emas sa-puloh bilah dan keris bersaja2 sa-puloh bilah, gong, gendang, sekati, samping, dua perangguan, dengan orang-nya dan perempuan yang baik rupa-nya dua puloh orang dan budak laki2 yang baik rupa-nya dan tahu barang main-nya bunyi2an dua puloh orang dan orang tahu menulis tujoh orang; lain daripada itu beberapa benda yang baik2.

Sa-telah lengkap maka Temenggong dan Pateh Kerma Wijaya pun datang-lah lalu naik ka-jong itu. Maka sembah Temenggong dan Pateh Kerma Wijaya, "Titah paduka kakanda, di-persilakan naik ka-darat bermain2, kerana patek di-titahkan oleh paduka kakanda membawa gajah kenaikan paduka kakanda akan tuanku berangkat." Maka titah Raden Inu, "Wak Pateh, kita pun sudah hadhir." Maka Raden Wira Nantaja pun turun-lah dari jong-nya di-iringkan oleh Temenggong dan Pateh dan Adipati Palembang dan segala kedayan dan penggawa dan periai. Sa-telah naik ka-darat maka Raden Wira Nantaja pun naik gajah berangka emas berpermata. Maka anak Pateh yang bernama Kuda Wihan naik buntut-nya dan anak Rangga Daha yang bernama Kuda Serangkai itu naik tengkok gajah memegang kosa kerajaan. Maka terkembang-lah payong warna kuning kerajaan berapit dan terdiri-lah chogan alamat yang bertatahkan ratna mutu ma'nikam dan bermalaikan emas bepermata itu. Maka Temenggong dan Pateh naik kuda. Maka segala pegawai dan pahlawan yang banyak itu, ada yang naik kuda, ada yang berjalan di-tanah mengiringkan. Maka Hang Tuah, Hang Jebat, Hang Kasturi, Hang Lekir, Hang Lekiu dan Adipati berjalan di-hadapan gajah Raden Wira Nantaja. Maka segala persembah itu pun ber-jalan dahulu. Maka segala bunyi2an pun berbunyi-lah terlalu ramai-nya ber-sahut2an.

Maka segala orang negeri negeri Bentan itu daripada laki2 dan perempuan semua-nya datang melihat rupa Raden Inu itu, semua-nya hairan terchengang2, di-sangka-nya indera dari keinderaan. Maka segala perempuan dalam negeri Bentan itu pun terlalu berahi akan Raden Wira Nantaja itu. Maka sakalian yang beranak meninggalkan anak-nya berlari2 pergi melihat dan sakalian yang baharu berlaki sedang tengah bergurau dengan laki-nya berlari2 tinggalkan laki-nya; segala yang bersaudara tinggalkan saudara-nya. Ada yang berlari sambil memakai kain, ada yang terurai2 rambut-nya tiada tersanggul, ada yang ter-dada2 sambil berlari2, kata-nya, "Susu-ku ini-lah akan persembahan-ku pada Raden Inu, biar-lah aku tiada makan sa-hari." Maka kata sa-orang, "Jangan diri berkata demikian, benchi pula kami mendengar dia." Maka segala kelakuan orang dalam negeri itu semua-nya di-lihat dan di-dengar-nya oleh Raden Inu.

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

Sa-telah sampai-lah ka-balai gendang, maka baginda pun hendak turun dari atas gajah itu. Maka berlari2 Hang Tuah dan Hang Jebat berdatang sembah, "Jangan tuanku turun dari atas gajah; titah paduka kakanda suroh masok sa-kali." Maka Raden Wira Nantaja pun mengalaukan gajah-nya masok sa-kali. Sa-telah sampai ka-balairong, maka gajah itu pun di-r.y.kkan orang pada balairong itu. Maka Raden Wira Nantaja pun turun dari atas gajah di-sambut oleh Bendahara Paduka Raja naik ka-atas balairong itu. Maka baginda pun segera memberi hormat akan Raden Wira Nantaja itu. Maka Bendahara Paduka Raja dan Temenggong Sarwa Raja dan segala tuan2 sakalian semua-nya turun menyembah berdiri. Maka titah baginda, "Silakan-lah adinda ka-mari." Maka Raden Wira Nantaja pun menyembah. Maka segera di-sambut baginda tangan Raden Wira Nantaja itu lalu di-pimpin baginda di-bawa-nya dudok sama2 di-atas singgasana yang bertatahkan ratna mutu ma'nikam.

Sa-telah sudah maka Bendahara dan Pateh Kerma Wijaya dan segala periai semua-nya berator masing2 pada tempat-nya. Sa-ketika maka hidangan pun di-angkat orang-lah. Maka raja pun santap-lah dua sa-hidangan dengan Raden Wira Nantaja. Maka segala pegawai dan kedayan pun makan-lah masing2 pada hidangan-nya. Sa-telah sudah maka hidangan minuman pula datang, piala yang bertatahkan ratna mutu ma'nikam itu pun di-peredarkan orang-lah pada segala hulubalang dan pegawai dan petuanan dan penggawa dan periai. Maka sakalian minum-lah terlalu ramai dengan bunyi2an chara Melayu. Maka rebana pun di-palu orang-lah. Maka biduanda yang baik suara pun bernyanyi-lah terlalu merdu suara-nya. Maka segala pegawai dan petuanan pun ber-bangkit menari beranggap2an terlalu ramai.

Maka baginda dan Raden Wira Nantaja pun suka melihat segala pegawai dan petuanan beranggap2an itu. Maka Tun Tuah pun di-anggap oleh Tun Ratna Wijaya. Maka Hang Tuah pun menari. Maka raja dan Raden Wira Nantaja pun tersenyum. Maka di-anggap oleh Hang Tuah pada Pateh Kerma Wijaya. Maka kedua-nya raja2 itu pun tersenyum. Maka segala pegawai dan petuanan pun tertawa. Maka Pateh Kerma Wijaya pun menyembah baginda kedua, lalu berdiri mengigal. Maka segala pegawai dan petuanan pun tertawa2. Maka sembah Pateh Kerma Wijaya seraya berdiri, "Tuanku, patek tidak tahu menari chara Melayu; jika chara Jawa boleh-lah barang rupa-nya." Sa-telah Raden Wira Nantaja mendengar sembah Pateh Kerma Wijaya itu, maka sembah Raden Wira Nantaja, "Sunggoh-lah, tuanku, saperti sembah patek itu; sedang paman Pateh lama di-tanah Melayu, orang patek pula tahu menari chara Melayu." Sa-telah baginda mendengar sembah Raden Wira Nantaja itu,

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

maka titah baginda, "Suroh-lah palu bunyi2an chara Jawa; kita melihat orang saudara kita bermain." Maka di-palu orang-lah bunyi2an chara Jawa itu terlalu ramai. Maka Pateh Kerma Wijaya mendengar bunyi2an itu maka ia pun mengambil tombak lalu turun bermain tombak, laku-nya saperti tiada berjijak di-bumi. Maka Pateh Kerma Wijaya pun minta lawan. Maka Tun Tuah pun menyembah raja kedua itu mengambil tombak turun berhadapan dengan Pateh Kerma Wijaya bertombak2an terlalu ramai; di-lihat oleh Raden Wira Nantaja laku Hang Tuah bermain tombak itu saperti laku penggawa yang pertikaman. Maka di-lihat oleh raja dan segala orang banyak itu tewas juga Pateh Kerma Wijaya oleh Hang Tuah. Maka Pateh pun meletakkan tombak-nya. Maka Hang Tuah pun sudah-lah bermain itu lalu dudok menyembah.

Maka segala anak periai dan penggawa pun bermain-lah berganti2 bertombak2an ramai. Maka raja pun berasa khayal-lah dan Raden Inu pun berasa khayal-lah. Maka titah baginda, "Adinda, apa maksud tuan datang ini kerana negeri Bentan ini bukan bandar besar?" Maka sembah Raden Wira Nantaja, "Daulat tuanku, patek ini hamba ka-bawah duli; ada pun maksud patek datang ini hendak menjadi hamba ka-bawah Duli Yang Di-Pertuan saperti paman Pateh datang itu, demikian-lah patek." Demi baginda mendengar sembah Raden Wira Nantaja itu, maka baginda pun bangkit memelok menchium Raden Wira Nantaja. Maka persalin pun di-bawa orang-lah semua-nya menyandang tetapan kekuningan. Maka Raden Wira Nantaja pun memakai chara Melayu. Sa-telah sudah maka titah baginda pada Bendahara dan Temenggong, "Ada pun pada hari ini kita hendak memberi nama akan saudara kita Ratu Melayu. Barang siapa menyebut nama Raden Wira Nantaja kita hukumkan." Maka sembah Bendahara dan Temenggong, "Dualat tuanku, sa-benar-nya-lah saperti titah yang maha mulia itu." Sa-telah sudah Raden Wira Nantaja di-gelar Ratu Melayu, maka Ratu Melayu pun menyembah pada kakanda baginda.

Arakian maka hari pun malam-lah. Maka Ratu Melayu pun hendak bermohon kembali ka-jong. Maka titah baginda, "Beradu-lah adinda di-sini." Maka sembah Ratu Melayu, "Daulat tuanku, patek hamba; mana titah patek junjong." Maka baginda pun menitahkan Hang Tuah, Hang Jebat, Hang Kasturi pergi mengambil peraduan akan tempat Ratu Melayu beradu itu. Maka di-buboh-nya langit2 baldu dan tirai yang keemasan. Sa-telah sudah lengkap, hari pun malam-lah. Maka dian, tanglong, pelita, kandil pun terpasang-lah. Maka raja pun berangkat masok seraya berkata, "Adinda, beradu-lah tuan." Maka sembah Ratu Melayu, "Daulat tuanku, patek lagi hendak bermain2 dengan paman Pateh dan Adipati Palembang, kerana patek hendak mendengar

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

Tun Tuah bercherita tatkala berperang dengan musoh tiga buah dendang, ia lima orang Melayu itu, tuanku; patek hendak mendengar dia." Maka titah raja sambil berjalan masok, "Baik-lah adinda."

Maka Hang Tuah dan Hang Jebat pun bercheritera-lah akan peri-nya tatkala berperang musoh itu dan peri-nya tatkala mengembar orang mengamok dengan kapak itu dan peri-nya tatkala orang mengamok orang di-hadapan Bendahara, maka keempat-nya itu pun mati di-bunoh-nya; sakalian itu di-cheritakan-nya. Maka Ratu Melayu pun terlalu suka mendengar cheritera Tun Tuah itu. Maka titah Ratu Melayu pada Pateh, "Bercheritera-lah akan peri tatkala paman di-titahkan oleh Ratu Lasem pergi menyerang ka-Bali dan peri Ratu Lasem menitahkan paman pergi berbaiki segala negeri itu." Maka oleh Pateh semua-nya di-cheritera-nya pada Ratu Melayu. Maka sakalian mendengar itu semua-nya belas kasehan akan Pateh. Maka Ratu Melayu pura2 berkata lain pula. Sa-telah sudah berkata maka Ratu Melayu pun beradu-lah. Maka Pateh Kerma Wijaya dan Adipati Palembang dan Hang Tuah, Hang Jebat, Hang Kasturi dan segala kedayan pun tidor-lah.

• • •

Sa-telah hari siang maka Ratu Melayu pun turun mandi lalu memakai bau2an. Segera sudah maka baginda pun keluar ka-bendul di-hadap oleh Pateh Kerma Wijaya dan segala tuan2 itu. Maka Bendahara dan Temenggong pun dudok di-balairong dengan segala pegawai dan petuanan. Maka Ratu Melayu pun keluar dudok berkata2 dengan Bendahara dan Temenggong. Sa ketika maka baginda pun keluar. Maka titah baginda, "Mamak Bendahara dan Temenggong, kita hendak menchari tempat akan berbuat negeri yang saperti kehendak hati kita supaya kita tinggalkan anak chuchu kita." Maka sembah Bendahara, "Daulat tuanku shah alam, sa-benar-nya saperti titah Duli Yang Di-Pertuan itu." Maka titah baginda, "Jika demikian, segera-lah Bendahara berlengkap; kita hendak membawa saudara kita Ratu Melayu itu bermain dan berburu, senyampang saudara kita di-sini, sambil kita melihat tempat akan berbuat negeri." Maka sembah Bendahara, "Daulat tuanku, mana titah patek junjong," seraya menyembah lalu keluar dudok di-balai dendang mengerahkan segala pegawai dan petuanan dan segala sakai, tujoh hari lagi baginda akan berangkat ka-Pulau Ledang membawa adinda baginda Ratu Melayu bermain2. Maka segala pegawai dan petuanan pun mengerahkan segala sakai-nya dan orang-nya. Maka Bendahara pun menurunkan kenaikan dan segala kelengkapan raja akan

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

raja berangkat itu. Sa-telah sudah maka Bendahara pun masok berdatang sembah, "Daulat tuanku shah alam, segala kelengkapan duli tuanku akan berangkat itu sudah-lah patek lengkapi." Maka titah baginda, "Baik-lah, tiga hari lagi kita pergi." Maka sembah Bendahara, "Daulat tuanku, mana titah patek junjong."

Maka hidangan pun di-angkat orang-lah. Segala pegawai dan petuanan pun makan-lah masing2 pada hidangan-nya. Sa-telah sudah, minuman pula di-angkat. Mala piala yang bertatahkan ratna mutu ma'nikam itu pun di-peredar-kan orang-lah kapada segala pegawai dan petuanan.

Sa-telah sudah maka titah baginda pada Hang Tuah, Hang Jebat, Hang Kasturi, Hang Lekir, Hang Lekiu. "Mana anjing saudara kita beri itu? Ada-kah mau menghambat perburuan saperti pada tatkala pada saudara kita Ratu Melayu itu atau tiada-kah?" Maka sembah Hang Tuah, "Daulat tuanku, anjing yang patek peliharakan itu terlalu baik dengan mau-nya pada rusa atau seladang; harimau sa-kali pun jika bertemu dengan dia di-lawan-nya juga, tuanku." Maka sembah Hang Jebat, "Daulat tuanku, anjing patek peliharakan itu pun terlalu baik; galak-nya jangankan rusa seladang, jika harimau dan badak sa-kali pun di-tangkap-nya oleh Kibu Nirang itu, sa-lama patek peliharakan." Sa-telah mendengar sembah Hang Tuah, Hang Jebat itu, maka sahut Ratu Melayu, "Ya tuanku, ada anjing patek yang bernama Rangga Raya itu, berapa kali Pateh Gajah Mada dari Majapahit menyuroh pinta pada rama aji itu, tiada patek beri. Beberapa bingkis Pateh Gajah Mada itu di-beri pada rama aji. Maka di-beri oleh rama aji akan Pateh Gajah Mada itu anjing yang bernama Seni Beduang; itu pun terlalu baik, asal-nya anjing itu anjing Inu Angkuripan di-kirim beri akan patek. Maka di-ambil rama aji di-berikan pada Pateh Gajah Mada itu." Sa-telah baginda mendengar sembah Ratu Melayu itu maka baginda pun terlalu sukachita.

Sa-telah datang pada ketika hari yang baik maka baginda pun berangkat-lah dengan Ratu Melayu ka-Gunong Ledang dengan segala bunyi2an terlalu ramai. Maka baginda pun singgah sa-genap pulau berburu dan bermain. Maka terlalu banyak beroleh perburuan berbagai2 rupa-nya. Segala buah2an pun banyak di-peroleh. Maka baginda dengan Ratu Melayu itu pun sampai-lah ka-Pulau Ledang. Maka baginda pun naik sama2 dengan Ratu Melayu dan segala ra'ayat pun naik-lah ka-pulau itu. Maka anjing perburuan pun di-turunkan orang-lah. Maka Hang Tuah, Hang Jebat, Hang Kasturi, Hang Lekir, Hang Lekiu pun turut-lah membawa anjing itu: Kibu Nirang dan Rangga Raya; anjing dua ekor itu di-rantai dengan emas bertelau2 permata. Dan lain daripada itu

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

anjing berpuloh2 ekor: ada berantaikan emas, ada berantaikan perak ada berantaikan tembaga suasa.

Maka baginda dan Ratu Melayu pun berjalan-lah ka-tengah pulau itu di-iringkan oleh segala menteri dan penggawa dan hulubalang dan kedayan Ratu Melayu, semua-nya memegang lembing tombak terlalu ramai saperti orang hendak berperang laku-nya. Maka Hang Jebat pun melepaskan anjing. Maka Rangga Raya dan Kibu Nirang itu pun masok-lah ka-dalam hutan itu menchari bau. Maka Kibu Nirang dan Rangga Raya pun bertemu sa-ekor pelandok puteh saperti kambing besar-nya. Maka Hang Tuah, Hang Jebat pun segera berlari2 mendapatkan anjing itu. Maka di-lihat-nya sa-ekor pelandok puteh, saperti kambing besar-nya, berhadapan dengan anjing-nya. Maka oleh pelandok itu di-gigit-nya akan anjing kedua itu. Maka anjing itu pun berteriak kedua-nya lalu terjun ka-dalam sungai itu. Maka pelandok itu pun mengusir anjing kedua-nya. Maka Hang Tuah, Hang Jebat dengan segala orang-nya pun ber-lari2 mengikut anjing dan pelandok itu. Maka Hang Tuah dan Hang Jebat pun hairan.

Hatta maka pelandok puteh pun ghaib-lah. Maka raja dan Ratu Melayu pun datang mengikut Hang Tuah, Hang Jebat. Maka oleh Hang Tuah dan Hang Jebat segala kelakuan pelandok puteh dan anjing itu semua-nya habis di-persembahkan oleh Hang Tuah dan Hang Jebat itu. Maka baginda kedua pun hairan-lah mendengar sembah Hang Tuah dan Hang Jebat itu demikian. Maka titah baginda, "Hai mamak Bendahara, hai segala menteri yang tua2, ada kah pernah melihat pelandok puteh sa-ekor, saperti kambing besar-nya, menerajangkan anjing ka-dalam sungai? Apa gerang padah-nya? Maka sembah Bendahara Paduka Raja dan segala menteri yang tua2 itu. "Ya tuanku shah 'alam, ada patek dengar kata orang tua2 parek, jika ada pelandok puteh pada hutan atau barang tempat sa-kali pun, baik lah tempat, patut di-perbuat negeri, berdaulat negeri, tuanku." Sa-telah baginda mendengar sembah Benda-hara dan segala menteri tua2 demikian itu maka baginda pun terlalu sukachita serta bertitah, "Jika demikian, baik-lah pulau ini kita berbuat negeri. Atas Bendahara dan Temenggong lah menyuchikan dia, kita hendak kembali dengan saudara kita. Kita tahukan sudah-nya pada Bendahara dan Temenggong-lah." Maka sembah Bendahara dan Temenggong, Daulat tuanku shah alam, patek kedua bersaudara ini berjunjong di bawah duli shah alam, empat puloh hari juga mahu sudah-lah negeri ini dengan kota-nya dan istana-nya patek perbuat, tetapi patek pohonkan belanja barang sa-bahara emas akan perlabor segala

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

sakai dan orang bekerja, supaya segera, tuanku." Maka titah baginda, "Baiklah; jangankan sa-bahara, jika tiga bahara pun kita beri, lamun juga segera sudah-nya."

Pada hari yang baik maka Bendahara dan Temenggong dan segala pegawai tua muda pun bekerja-lah menyuchikan pulau itu. Maka raja dan Ratu Melayu pun berangkat-lah kembali ka-Bentan. Maka Bendahara Paduka Raja dan Temenggong Sarwa Diraja pun tinggal buat negeri itu dengan segala pegawai yang tua muda.

Hatta berapa lama-nya maka pulau itu pun suchi-lah. . Maka di-kotai oleh Bendahara berkeliling pulau itu. Maka Bendahara dan Temenggong pun menchari tempat akan berbuat istana. Maka di-lihat oleh Bendahara dan Temenggong ada sama tengah pulau itu sa-pohon kayu melaka nama-nya. Maka kata Bendahara dan Temenggong, "Ada pun pada tempat kayu melaka ini kita membangun istana dan balairong dan bendul dan istana; sama tengah negeri." Maka sahut Temengong dan Pegawai, "Baik-lah ini tempat istana." Maka Bendahara dan Temenggong pun membangunkan istana tujoh belas ruang. Maka di-perbuat-nya istana-nya itu bertingkap tujoh terlalu indah2; Hang Tuah yang berbuat dia tingkap itu, Hang Jebat, Hang Kasturi mengukir dia dan Tun Mat, Tun Lekir, Tun Lekiu, Hang Kamar; kerana orang tujoh itu-lah yang bijak mengukir; di-bawah orang tujoh itu, tujoh puloh pula orang yang pandai mengukir dan menetas. Maka istana itu pun sudah-lah lengkap dengan segala h.rawas-nya. Maka di-perbuat oleh Bendahara balairong, itu pun tujoh belas ruang juga, terlalu indah2 perbuatan-nya. Sa-telah sudah negeri dan istana dan balairong itu maka Bendahara dan Hang Tuah pun pulang-lah ka-Bentan mengadap; Temenggong tinggal menunggu dia.

Sa-telah sampai ka-Bentan lalu masok mengadap. Tatkala itu raja dan Ratu Melayu lagi di-adap oleh segala pegawai dan petuanan santap minuman. Demi di-lihat-nya Bendahara dan Hang Tuah datang, maka titah baginda, "Mari mamak Bendahara dan bentara Tun Tuah; apa khabar negeri kita yang mamak Bendahara buat itu?" Maka sembah Bendahara, "Daulat tuanku shah alam, bertambah dirgahayu! Sudah, tuanku, negeri itu patek perbuat lengkap dengan tempat istana duli yang maha mulia itu. Pada tengah pulau itu ada sapohon kayu melaka nama-nya, di-tebang pohon kayu itu. Maka pada tempat itu-lah patek perbuatkan istana." Sa-telah baginda mendengar sembah Bendahara dan Tun Tuah itu maka titah baginda, "Jika demikian, baik-lah negeri itu kita namakan negeri Melaka." Maka sembah Bendahara, "Daulat tuanku shah alam, sa-patut-nya nama-nya tempat pohon kayu itu; datang kapada anak chu-

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

chu tuanku Yang Di-Pertuan di-sebut orang 'Melaka'. Raja pun memelok leher Bendahara Paduka Raja; maka di-anugerahi piala yang lebeh di-santap oleh baginda itu. Sa-telah itu Bendahara di-kurnia ayapan. Maka baginda pun memelok leher Hang Tuah. Maka piala itu pun di-isi orang di-per-sembahkan-nya. Maka piala itu pun di-santap oleh baginda sadikit; sudah itu maka di-anugerahkan pada Hang Tuah. Sa-telah sudah maka Bendahara dan Tun Tuah pun di-anugerahi persalin sa-lengkap-nya dan di-beri anugerah akan segala tuan2 dan pegawai yang bekerja sama2 dengan Bendahara itu, sa-orang pun tiada di-lindong.

Maka sembah Bendahara dan Tun Tuah, "Daulat tuanku, ampun dan kurnia, manakala-kah Duli Yang Di-Pertuan akan berangkat berpindah ka-negeri Melaka itu?" Maka titah baginda, "Insha' Allah Ta'ala, pada purnama bulan Muharram itu-lah kita pindah, kerana kita hendak persembahkan ka-bawah duli paduka ayahanda ka-Bukit Seguntang itu akan hal kita berbuat negeri itu." Maka sembah Bendahara, "Daulat tuanku, sa-harus-nya-lah duli tuanku pohon-kan paduka adinda akan menjadi raja muda di-negeri Melaka ini, kerana duli tuanku tiada berkapit." Maka titah baginda itu, "Kita pun hendak menyuroh-kan mengadap duli paduka ayahanda itu hendak kita pohonkan Sang Jaya Nantaka, kita hendak jadikan raja muda."

• • •

Sa-telah sudah titah demikian maka baginda pun dudok-lah makan minum bersuka2an dengan segala bunyi2an terlalu ramai. Maka titah baginda pada Ratu Melayu, "Adinda kembali ka-Daha jangan lupa2 akan kakanda ini Jika negeri Daha itu hampir dengan Tanah Melayu ini, neschaya sa-bulan sa-kali kakanda mendapatkan tuan bermain di-sana; ini apa-tah daya kerana negeri Daha itu jauh." Maka Ratu Melayu pun berdatang sembah, "Daulat tuanku, pada bichara patek, sa-lagi ada hayat patek, jika negeri Melaka itu satu2 peri, datang juga patek mengadap Duli Yang Di-Pertuan; jika dengan sa-buah perahu sa-kali pun mengadap juga, kerana patek sudah menjadi hamba ka-bawah Duli Yang Di-Pertuan." Sa-telah baginda mendengar sembah Ratu Melayu itu maka baginda pun bangkit-lah memelok menchium Ratu.

Dalam berkata2 itu maka Pateh Daha pun datang membawa surat daripada Ratu Daha memanggil Raden Wira Nantaja; di-dalam surat itu mengatakan Raden Galoh sudah bertemu dengan Raden Inu Angkuripan di-Gegelang Sa-telah Ratu Melayu mendengar bunyi dalam surat itu, maka ia pun chuchor

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

ayer mata-nya dan raja Melaka pun belas hati-nya melihat kelakuan Ratu Melayu itu. Maka baginda pun titek ayer mata-nya. Maka titah raja Melaka, "Adinda, apa-tah tuan menangiskan? Baik tuan segera berlengkap akan kembali sementara ada lagi musim." Maka sembah Ratu Melayu, "Daulat tuanku, esok harilah patek berlengkap, kerana perahu patek pun sudah hadhir; sa-hingga kayu ayer juga."

Maka pada ketika itu juga Ratu Melayu menitahkan segala kedayan-nya bermuat ayer dan kayu. Maka Pateh Daha dan Barit Ketika pun di-anugerahi persalin chara Melayu. Sa-telah sudah maka Ratu Melayu pun bermohon-lah pergi melihat kenaikan baginda itu dan segala perahu-nya akan kembali itu. Maka titah raja Melaka, "Baik-lah adinda, silakan melihat segala kelengkapan tuan akan kembali itu." Maka Ratu Melayu pun bermohon-lah lalu naik gajah kenaikan raja Melaka itu lalu berjalan di-iringkan Pateh Kerma Wijaya dan Pateh Daha dan segala pegawai berlengkap perahu. Maka pada hari itu Ratu Melayu beradu-lah di-jong itu.

Sa-telah beresok hari-nya maka baginda pun berangkat naik ka-darat. Maka gajah kenaikan pun datang menyambut di-bawa oleh Hang Tuah, Hang Jebat, Hang Kasturi, Hang Lekir, Hang Lekiu dan segala biduanda raja di-titahkan baginda menyambut dan membawa takhta kerajaan. Maka Ratu Melayu pun naik-lah gajah, anak Pateh di-buntut, rangga naik di-hadapan memegang kosa kerajaan. Maka payong iram kuning berapit pun terkembang-lah. Maka terdiri-lah chogan alamat dan berbunyi-lah gendang arak2an dan negara, merangu, madali, terlalu gempita. Maka Ratu Melayu pun berarak-lah, Pateh Kerma Wijaya dan Pateh Daha berjalan dahulu di-hadapan gajah itu. Maka berjalan-lah masok ka-dalam kota; segala orang isi negeri pun berlari2an daripada laki2 dan perempuan, kata-nya, "Sayong sa-kali anak raja ini pulang ka-negeri-nya. Jika ia kembali sunyi-lah negeri ini." Maka kata sa-orang lagi, "Sunggoh kami banyak melihat anak raja2, tiada saperti paras anak raja ini, saperti indera; tiada-lah jemu di-pandang."

Maka Ratu Melayu pun sampai-lah ka-balairong. Maka raja pun sedang ramai di-adap oleh Bendahara dan segala pegawai dan petuanan. Sa-telah dilihat baginda Ratu Melayu datang, maka baginda pun berdiri memberi hormat akan Ratu Melayu. Maka Bendahara dan segala pegawai pun turun berdiri ka-tanah seraya menyembah. Maka Ratu Melayu pun turun di-atas gajah lalu naik ka-balairong dudok pada suatu singgasana yang bertatahkan ratna mutu ma'nikam: Sa-telah sudah maka hidangan pun di-angkat orang-lah. Maka raja Melaka dan Ratu Melayu pun santap-lah. Maka segala pegawai pun makan-

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

lah masing2 pada hidangan-nya. Sa-telah sudah maka di-angkat orang pula hidangan minuman dan tambul pelbagai rupa-nya. Maka piala yang bertatah-kan ratna mutu ma'nikam itu pun di-peredarkan orang-lah. Maka sakalian-nya pun minum-lah terlalu ramai dengan segala bunyi2an. Maka biduanda yang baik suara pun bernyanyi-lah. Maka sakalian-nya minum itu pun mabok-lah; ada yang sempat berjalan, ada yang rebah tiada dapat bangun, terbanyak pula yang tiada dapat di-balairong, sa-tengah tidor di-balai gendang.

Maka orang minum pun sudah-lah. Maka Ratu Melayu pun masok-lah beradu pada tempat-nya. Maka raja pun masok-lah ka-dalam beradu. Maka Pateh Kerma Wijaya dan Adipati Palembang dan Tun Tuah, Hang Jebat, Hang Kasturi, Hang Lekir, Hang Lekiu dan segala biduanda sakalian bertunggu pada tempat Melayu beradu itu.

Sa-telah hari siang maka Ratu Melayu pun bangun-lah basoh muka. Sa-telah sudah mandi maka persantapan pun di-angkat orang-lah. Maka Ratu Melayu pun santap-lah. Sa-telah sudah santap maka Adipati Palembang dan Pateh Kerma Wijaya dan Tun Tuah pun makan-lah. Sa-telah sudah maka Ratu Melayu pun memakai lalu dudok di-balairong. Maka Bendahara dan segala pegawai pun datang. Maka titah Raru Melayu, "Silakan-lah paman Bendahara." Maka Bendahara dan segala pegawai pun datang. Sa-ketika maka raja Mela-ka pun keluar-lah dengan segala pegawai dan petuanan. Maka titah baginda pada Ratu Melayu, "Adinda, berapa hari lagi?" "Tuanku, patek akan ber-lepas, kerana musim hampirkan kasip." Maka titah baginda, "Baik-lah tuan segera berlepas, kakanda pun hendak berpindah ka-Melaka." Maka sembah Ratu Melayu, "Daulat tuanku, patek pun, sudah bertentuan pekerjaan patek itu, segera juga patek datang mengadap duli tuanku ka-Melaka." Maka titah baginda, "Baik-lah, tuan."

Maka hidangan pun di-angkat orang-lah. Sa-telah sudah maka sireh pada jorong emas dan tembaga suasa pun datang-lah. Sa-telah sudah makan sireh maka memakai bau2an pula. Maka raja pun menyuroh berlengkap pada Bendahara tujoh buah dendang akan mengantarkan Ratu Melayu ka-Tuban, kerana baginda dari Tuban hendak turun berjalan ka-Gegelang dan panglima tua Adipati Palembang dan Tun Bija Sura panglima muda. Sa-telah sudah lengkap maka Bendahara pun berdatang sembah, "Daulat tuanku, segala kelengkapan itu sudah-lah patek lengkapi, empat belas buah hadhir." Maka titah baginda, "Baik-lah."

Hatta sa-telah datang-lah kapada hari yang baik maka Ratu Melayu pun ber-mohon-lah kapada raja; raja pun memelok menchium Ratu Melayu bertangis2an.

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

Maka baginda pun memberi anugerah akan Ratu Melayu anak orang baik2 laki2 dua puloh, perempuan yang baik2 akan dayang2 empat puloh dan biduanda yang baik paras empat puloh orang dan pedang berikat empat bilah; lain daripada itu lembing bersampak emas yang berpermata empat puloh bilah, lain daripada itu beberapa harta yang gharib di-anugerahkan baginda pada Ratu Melayu. Kemudian daripada itu maka di-persembahkan Bendahara Paduka Raja pedang yang berikat emas sa-bilah, keris bersalut dua bilah dan lembing bersampak emas sa-puloh bilah dan perempuan yang baik suara-nya dua orang. Maka Ratu Melayu pun sujud pada kaki baginda; baginda pun memelok menchium Ratu Melayu dan di-tangisi-nya.

Sa-telah sudah maka Ratu Melayu pun berjalan-lah naik gajah lalu keluar. Maka Bendahara dan segala pegawai dan petuanan sakalian mengiringkan. Maka berjalan-lah sa-panjang jalan orang melihat daripada laki2 dan perempuan menangis saperti hendak turut pergi rasa-nya. Maka Ratu Melayu pun sampailah ka-pantai lalu turun dari atas gajah. Maka Bendahara Paduka Raja pun sujud menyembah; segera di-dakap di-chium oleh baginda akan bendahara serta bertitah, "Paman Bendahara, jangan-lah lupa2 akan kita. Jika ada barang salah bebal kita, minta di-ampun oleh Bendahara." Maka sembah Bendahara, "Daulat tuanku, patek hamba tua." Sa-telah itu maka segala pegawai dan petuanan pun datang sujud pada kaki baginda saorang2 berganti2. Maka sakalian-nya itu di-chium oleh baginda kepala-nya. Sudah itu maka baginda pun naik-lah ka-jong, dan perahu itu pun sakalian-nya memasang bedil saperti berteh bunyi-nya Maka jong kenaikan pun membongkar sauh lalu belayar. Maka segala perahu itu pun belayar-lah.

* * *

Maka Bendahara pun kembali-lah lalu masok mengadap baginda. Maka baginda pun bertitah, "Mamak Bendahara, kita pun tujoh hari lagi pindah ka-Melaka. Akan berlengkap-lah segala ra'ayat kita isi negeri ini." Maka sembah Bendahara, "Daulat tuanku shah alam."

Maka Bendahara pun menyuroh memalu mongmongan berkeliling negeri itu: Yang Di-Pertuan tujoh hari akan berangkat berpindah ka-negeri baharu

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

itu. Sa-telah segala ra'ayat itu mendengar maka segala isi negeri itu pun berhadhir-lah datang kapada tujoh hari. Maka baginda pun berangkat-lah ka-Melaka dengan segala pegawai dan petuanan sakalian habis berpindah mengikut raja. Maka negeri Bentan pun tinggal-lah senyap sunyi. Ada pun yang menunggu negeri itu Tun Utama dan Tun Bija Sura dengan sa-ribu orang sertanya. Maka raja pun belayar-lah ka-Melaka.

Berapa lama-nya maka sampai-lah ka-Melaka. Maka Temenggong Sarwa Raja pun naik-lah ka-istana. Maka di-lihat baginda tempat negeri dan tempat istana itu terlalu baik. Maka baginda pun terlalu sukachita seraya memberi anugerah akan Temenggong dan segala pegawai dan petuanan yang sama2 dengan Temenggong itu.

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

BAB IV

SA-TELAH sudah baginda pun dudok-lah di-balairong di-hadap oleh Bendahara dan Temenggong dan Tun Tuah. Maka segala pegawai dan petuanan, ra'ayat sakalian hadhir mengadap. Maka titah raja pada Bendahara dan Temenggong, "Kita pun hendak menyuroh segala pegawai dan petuanan pergi mengadap ka-Bukit Seguntang akan memohonkan saudara kita Sang Jaya Nantaka di-bawah duli paduka ayahanda, kita hendak jadikan raja muda akan jadi kapit; kita tiada berkapit."

Maka sembah Bendahara, "Daulat Tuanku Shah Alam, patek mohonkan ampun dan kurnia, tetapi yang titah Duli Shah Alam itu patek junjong. Ada pun pada bichara patek, baik juga Duli Tuanku menantikan kelengkapan tiga belas buah oleh patek itu Adipati Palembang dan Bija Sura itu, kerana patek2 itu hampir-lah akan datang." Maka titah raja, "Benar-lah saperti sembah Bendahara itu."

Berapa lama-nya maka Adipati Palembang dan Bija Sura pun datang; baginda terlalu sukachita melihat Adipati Palembang dan Tun Bija Sura itu. Maka baginda pun segera menegor. Maka Bendahara pun berlengkap. Maka baginda pun meshuarat dengan Bendahara dan Temenggong akan mengarang surat dan bingkisan akan persembahan ka-Bukit Seguntang itu. Sa-telah sudah maka baginda pun terlalu sukachita mendengar surat yang di-karang itu. Sa-telah sudah maka Bendahara dan Temenggong pun di-persalin oleh raja. Sa-telah sudah maka Bendahara dan Temenggong dan segala pegawai yang pergi itu pun menjunjong duli lalu keluar kota naik ka-perahu serta belayar ka-Palembang.

Beberapa antara-nya maka sampai-lah ka-Palembang. Maka Bendahara dan Temenggong pun berlengkap persembahan akan mengarak surat dan bingkisan. Maka Adipati Palembang pun berjalan-lah ka-Bukit Seguntang mengadap Sang Sapurba. Maka segala hal ahwal Bendahara dan Temenggong datang di-titahkan raja itu pun di-persembahkan-nya. Baginda pun terlalu sukachita lalu menitahkan perdana menteri berlengkap akan "menyambut surat dan bing-

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

kis daripada anak kita." Sa-telah sudah lengkap maka perdana menteri dan segala pegawai dan peruanan pun berjalan-lah ka-Palembang. Sa-telah sampai maka surat dan bingkis pun di-naikkan orang-lah ka-atas gajah, di-arak orang ka-Bukit Seguntang itu. Sa-telah sampai maka di-bacha oleh Sang Sapurba di-dalam hati-nya. Sa-telah sudah maka Bendahara dan Temenggong pun menjunjong duli. Sa-telah sudah maka titah Sang Sapurba, "Hai Bendahara dan Temenggong, ada pun anak kita Sang Jaya Nantaka itu penaroh kita-lah kapada Bendahara dan Temenggong. Ada pun anak kita ini lagi budak2, jika ia tersalah, perbaiki; jika ia jahat, hendak-lah di-hantarkan kembali kapada kita, kerana jadi raja muda bukan mudah, tetapi Bendahara-lah yang ma'alum akan hal itu." Maka mendengar titah Sang Sapurba demikian itu maka sembah Bendahara, "Daulat Shah Alam, patek hamba tua memohonkan ampun dan kurnia ka-bawah Duli Cherpu Shah Alam. Pada bichara patek, yang paduka anakanda itu tuan kapada patek2 sakalian, jika patek sakalian lalui saperti titah duli yang maha mulia itu sa-olah2 derhaka-lah patek sakalian."

Sa-telah baginda mendengar sembah Bendahara demikian itu maka Sang Jaya Nantaka pun di-panggil segera datang mengadap ayahanda baginda. Maka titah baginda, "Hai anak-ku, buah hati-ku, engkau di-pohonkan oleh saudara Raja Melaka hendak di-jadikan raja muda. Apa bichara-mu?" Maka sembah Sang Jaya Nantaka, "Ya Tuanku Shah Alam, patek ini hamba ka-bawah duli, mana titah patek junjong." Maka titah baginda, "Hai anak-ku, pada bichara-ku, baik juga anak-ku pergi, kerana saudara-mu itu tiada berkapit, kerana segala raja2 yang besar2 jika tiada bersaudara dan berkapit neschaya mudah pada mata seteru-nya dan pada segala raja2 yang ta'alok pada-nya. Sekarang baik-lah anak-ku pergi. Maka sembah Sang Jaya Nantaka, "Daulat Tuanku, mana titah patek junjong."

Maka Sang Jaya Nantaka pun di-bawa oleh baginda masok pada bonda-nya, di-ceriterakan segala hal ahwal itu. Demi mendengar kata Sang Sapurba itu maka bonda-nya pun menangis seraya memelok menchium anak-nya. Maka kata bonda-nya, "Wah, anak-ku, chahaya mata-ku! Sa-orang pula bercherai dengan bonda. Apa-tah daya bonda? Jika lain daripada raja menyambut engkau tiada-lah ku-beri pergi." Maka saudara kedua-nya pun datang berpelok berchium bertangis2an.

Maka bonda baginda pun berlengkap. Sa-telah lengkap maka Sang Jaya Nantaka pun sujud pada kaki bonda-nya dan berpelok dengan saudara-nya kedua. Maka Sang Sapurba pun memelok menchium anakanda baginda. Sudah itu maka Sang Jaya Nantaka pun berjalan-lah dengan segala ra'ayat. Maka

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

Bendahara dan Temenggong pun bermohon-lah pada Sang Sapurba lalu berjalan mengiringkan gajah Sang Jaya Nantaka dengan segala ra'ayat.

Beberapa hari di-jalan maka sampai-lah ka-Palembang lalu naik ka-perahu kenaikan baginda. Maka Bendahara dan Temenggong pun naik-lah ka-perahu kenaikan. Maka payong iram2 berapit pun terkembang-lah. Maka tunggul panji2 pun terdiri-lah. Maka bedil pun di-pasang orang-lah saperti berteh. Maka kenaikan pun belayar-lah terlalu laju, angin pun bertiup terlalu keras, Maka segala kelengkapan belayar-lah.

* * *

Maka berapa lama-nya sampai-lah ka-Melaka. Maka di-persembahkan orang-lah pada raja Melaka: "Bahawa paduka adinda telah berlaboh di-kuala ini." Sa-telah baginda mendengar sembah orang itu maka baginda pun menitahkan biduanda pergi melihat. Maka biduanda itu pun menyembah lalu pergi melihat dan bertanya. Maka di-lihat-nya sunggoh saperti khabar orang itu. Maka biduanda itu pun segera kembali berdatang sembah, "Daulat Tuanku Shah Alam, yang datang itu Bendahara dan Temenggong membawa paduka adinda."

Dalam berkata2 itu maka bedil pun berbunyi saperti berteh dan bunyi2an pun terlalu gempita. Maka baginda pun menitah-lah segala pegawai dan petuanan dan Hang Tuah, Hang Jebat, Hang Kasturi membawa gajah kenaikan menyambut paduka adinda dengan segala ra'ayat mengiringkan. Sa-telah sampai-lah orang menyambut itu maka Sang Jaya Nantaka pun memakai-lah pakaian takhta kerajaan yang di-lengkapi oleh ayahanda baginda di-Bukit Seguntang itu. Sa-telah sudah memakai maka baginda pun berjalan-lah di-iringkan oleh Bendahara dan Temenggong. Sa-telah sampai ka-pantai maka baginda pun naik gajah kenaikan baginda, di-kepala anak Bendahara Tun Mat, di-buntut-nya anak Temenggong. Maka payong berapit dan terkembang-lah. Maka Bendahara pun naik gajah berjalan dahulu; Temenggong naik kuda berjalan di-belakang; segala pegawai oleh petuanan sakalian mengiringkan; Tun Tuah dan Hang Jebat dan segala biduanda berjalan di-hadapan kenaikan baginda. Maka berbunyi-lah gendang arakan. Maka baginda pun berjalan-lah sambil bertanya-kan kampong siapa2. Maka sembah Tun Tuah, "Ini kampong saudagar"; maka sakalian mereka itu pun membawa persembah. Maka baginda pun masok

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

ka-dalam kota. Maka segala orang dalam negeri itu laki2 dan perempuan sakalian dudok menyembah sambil mengatakan, "Daulat Tuanku!" Sa-panjang jalan itu segala saudagar dan orang kaya2 bawa persembah.

Harta maka baginda pun sampai-lah ka-balai gendang. Maka baginda pun hendak turun dari atas gajah. Maka Tun Ratna Bijaya pun keluar membawa titah, sembah-nya, "Tuanku, akan titah paduka kakanda suroh masok dengan perentah sa-kali." Maka baginda pun mengalaukan gajah-nya. Sa-telah datang ka-balairong maka segala pegawai dan petuanan semua-nya turun menyembah. Maka Raja Melaka pun berdiri pada tepi birai rong itu menyambut tangan adinda baginda di-bawa dudok sama2 di-atas singgahsana yang bertatahkan ratna mutu ma'nikam. Maka Sang Jaya Nantaka pun sujud pada kaki baginda, Maka Raja Melaka memelok menchium adinda baginda dan bertangis2an ter-kenang akan ayahanda bonda-nya dan akan saudara-nya itu. Sudah itu maka Bendahara dan Temenggong dan segala pegawai dan petuanan pun naik ka-balairong itu dudok berator masing2 pada tempat-nya. Sa-telah sudah maka hidangan pun di-angkat orang-lah. Telah sudah maka hidangan minuman pula di-angkat-nya. Maka piala yang bertatahkan ratna mutu ma'nikam itu pun di-peredarkan orang-lah. Maka minum-lah sakalian terlalu ramai.

Maka titah baginda pada Bendahara, "Hendak-lah perbuat istana akan saudara kita sultan raja muda." Maka sembah Bendahara dan Temenggong, "Daulat Tuanku, mana titah patek junjong." Maka orang minum itu pun ber-henti-lah. Maka titah baginda, "Ada pun sekarang raja muda ini hendak-lah dudok di-bendul kita ini sementara mamak Bendahara dan Temenggong berbuat istana itu, kerana raja muda pun bujang." Maka sembah raja muda, "Daulat Tuanku, mana titah patek junjong." Sa-telah baginda mendengar sembah adinda baginda itu maka baginda pun berangkat masok. Maka raja muda pun me-nyembah, lalu kembali di-iringkan oleh segala pegawai dan petuanan dan Betara Tun Tuah. Maka Bendahara dan Temenggong pun mengerah segala pegawai dan petuanan.

Bermula akan berbuat istana raja itu masing2 dengan sakai-nya, dalam tujoh hari itu juga di-mulai oleh segala sakai dan segala pegawai istana itu. Maka Bendahara dan Temenggong pun membangun istana dengan balai penghadapan terlalu indah2. Maka dalam empat puloh hari itu juga istana itu pun sudah-lah, lengkap sudah dengan peranginan-nya sa-kali di-perbuat oleh Bendahara dan Temenggong. Maka Bendahara pun masok berdatang sembah, "Ya tuanku, bahawa yang di-titahkan oleh tuanku patek sakalian perbuat istana dan balai tempat paduka adinda itu sudah-lah patek sakalian perbuat lengkap dengan

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

istana dan balai, hampir juga dengan kampong patek." Sa-telah baginda mendengar sembah Bendahara demikian maka titah baginda, "Baik-lah kita hendak pergi melihat istana yang di-perbuat oleh mamak Bendahara dan Temenggong itu." Maka sembah raja muda, "Silakan-lah tuanku, patek mengiringkan Duli Yang Di-Pertuan."

Maka Raja Melaka pun naik ka-atas gajah berengka emas di-pahat bertimbalan dengan raja muda. Sa-telah sampai-lah maka di-lihat oleh Raja Melaka dan raja muda keadaan istana itu terlalu baik perbuatan-nya, tetapi bersahaja2 tanpa berukir, dan lengkap dengan balai dan peterana. Maka semua-nya orang yang mengiringkan raja muda memuji istana itu, hanya Tun Tuah juga berdiam diri-nya dan tiada menchela, sa-hingga di-lihat-nya, dalam hati-nya: 'Ada pun barang siapa dudok pada istana ini sampai empat puloh hari kena murka raja, tetapi tiada mengapa.' Maka di-lihat oleh Bendahara kelakuan Hang Tuah itu, maka Bendahara pun tahu-lah akan diam Tun Tuah, kerana orang bijaksana, tahu pada ilmu firasat. Maka Bendahara pun tersenyum, dalam hati-nya: 'Baik-lah ku-tanya kapada Tun Tuah, apa juga chela-nya istana itu.'

Maka sa-telah keluar Raja Melaka dengan raja muda melihat istana Tun Tuah itu, maka raja pun berangkat kembali dudok di-balairong. Maka titah Raja Melaka pada adinda baginda, "Berapa hari lagi adinda akan naik istana itu? Baik-lah dua hari lagi." Maka sembah raja muda, "Daulat Tuanku, mana titah patek junjong."

Maka Bendahara pun berlengkap-lah akan naik istana raja muda itu. Sa-telah sudah lengkap maka Bendahara pun berdatang sembah, "Ya Tuanku Shah Alam, patek di-titahkan berlengkap itu sudah-lah." Maka titah Raja Melaka pada raja muda, "Baik-lah adinda naik istana pada hari ini, kerana Bendahara sudah berlengkap akan tuan." Maka sembah raja muda, "Daulat Tuanku, mana titah patek junjong." Maka titah Raja Melaka, "Silakan-lah adinda bawa segala pegawai dan petuanan mengiringkan adinda."

Maka raja muda pun menyembah kakanda baginda-nya lalu naik gajah bertimbalan rengka dengan Bendahara, lalu berjalan di-iringkan oleh segala pegawai dan petuanan. Sa-telah sampai pada istana baharu itu maka raja muda dan Bendahara pun naik-lah ka-penghadapan. Maka raja muda pun dudok-lah di-atas peterana yang keemasan di-hadap oleh Bendahara dan Temenggong dan segala petuanan. Maka di-lihat oleh raja muda dan Bendahara, Tun Tuah, Tun Jebat juga tiada datang. Maka titah raja muda kapada Bendahara, "Ayo mamak Bendahara, mana Bentara Tun Tuah, Tun Jebat tiada kita lihat?" Maka semabh

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

Bendahara, "Daulat tuanku; tiada, tuanku, patek itu datang." Maka titah raja muda, "Segera-lah mamak Bendahara suroh sambut bentara kedua itu."

Tatkala itu Hang Tuah dan Hang Jebat pun segera-lah bertengger di-balairong itu. Sa-telah di-lihat-nya orang Bendahara datang itu maka Tun Tuah, Tun Jebat pun segera berbangkit lalu turun berjalan ka-istana raja muda. Sa-telah di-lihat oleh raja muda Tun Tuah dan Tun Jebat datang itu maka segera di-tegor-nya, "Silakan-lah bentara kedua, kita menanti dari tadi." Maka sembah Tun Tuah dan Tun Jebat, "Daulat tuanku, patek kedua mohonkan ampun dan kurnia di-bawah Duli Shah Alam Tuanku; hendak patek kedua mengiringkan Duli Yang Di-Pertuan kerana penghadapan sunyi." Sa-telah raja mendengar sembah bentara kedua itu maka baginda pun tersenyum.

Maka hidangan pun di-angkat orang-lah. Maka segala pegawai dan peruanan pun makan-lah. Sa-telah sudah makan maka makan sireh memakai bau2an. Maka khatib pun membacha do'a, sakalian menadahkan tangan mengatakan, "Amin, ya Rabbul 'alamin." Sa-telah sudah maka sakalian pun menyapukan tangan-nya ka-muka serta mengatakan, "Daulat tuanku! Bertambah2 dirgahayu dan mena'alok akan segala negeri!"

Sa-telah sudah maka minuman pula di-angkat orang. Maka piala yang bertatahkan ratna mutu ma'nikam itu pun di-peredarkan. Maka rebana pun berbunyi-lah dan biduan yang baik suara-nya itu pun bernyanyi-lah terlalu merdu suara-nya. Maka sakalian pun ramai berbangkit menari. Maka Tun Tuah pun menyembah kapada raja muda lalu berbangkit serta memegang hulu keris panjang tempa Melaka itu, terlalu amat baik sikap-nya menari itu, lalu di-lompatkan dengan lompat pertikaman, serta menyembah lalu dudok. Maka raja muda pun suka melihat dia, tiada jemu pada mata baginda, maka dalam hati baginda, sunggoh-lah Tun Tuah ini hulubalang, manis laku-nya. Sa-telah itu maka Tun Jebat pun menyembah raja muda lalu menari. Maka Hang Lekir, Hang Lekiu pun mengambil piala daripada tangan orang mengisi piala itu, lalu di-anggapkan-nya pada Hang Kasturi. Maka Hang Kasturi pun menganggap Adipati Palembang. Maka segala pegawai dan peruanan pun bersorak-lah terlalu ramai. Maka Adipati Palembang pun menyembah lalu bangun menari. Maka di-anggapkan-nya pula kapada Tun Ratna Diraja; maka Tun Ratna Diraja pun menyembah kapada raja muda lalu bangun menari. Maka Tun Jebat, Hang Kasturi pun mengambil piala itu daripada tangan orang mengisi piala; maka di-penohi-nya dengan arak maka di-bawa-nya menari. Maka di-anggapkan kapada Tun Ratna Diraja. Tun Ratna Diraja pun tiada khabarkan diri-nya lalu terdudok; maka Tun Ratna Diraja pun terlalu suka serta

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

tungging2. Maka raja pun terlalu suka tertawa melihat kelakuan Tun Ratna Diraja menari itu. Maka rebana pun terlalu ramai. Maka raja pun memandang pada Tun Tuah dengan sharat menyuroh melarah Temenggong Seri Sarwa Raja. Maka Tun Tuah pun mengambil piala di-penohi-nya dengan arak; lalu di-bawa-nya menari. Maka oleh Tun Tuah di-larahkan-nya pada Temenggong serta kata-nya, "Santap-lah dato', titah Duli Yang Di-Pertuan Muda." Demi di-dengar Temenggong maka di-ambil-nya piala itu serta kata-nya, "Daulat tuanku"; maka piala itu pun di-junjong-nya oleh Temenggong lalu di-minum-nya. Maka Temenggong pun menyembah lalu menari. Maka piala pun sa-bagai di-larah orang pada Temenggong; maka segera di-ambil oleh Temenggong piala itu di-persembahkan-nya kapada Bendahara. Maka segera di-sambut oleh Bendahara serta menyembah lalu bangun menari dua tiga langkah, lalu ia meletakkan keris-nya. Maka Bendahara pun sujud pada kaki raja; maka baginda pun tahu-lah akan kehendak Bendahara itu. Maka baginda pun segera bangkit dari atas peterana itu memelok leher Bendahara. Maka piala itu pun di-sambut oleh Bendahara itu lalu di-junjong-nya, di-minum-nya. Maka Bendahara pun berasa khayal-lah. Maka baginda pun berbangkit menari. Maka Bendahara pun mengambil piala daripada orang mengisi piala itu; maka Bendahara pun berbangkit menari, lalu di-persembahkan-nya pada raja muda. Maka di-sambut raja piala itu lalu berkata, "Ayo mamak Bendahara, baik-lah, kita mabok sangat." Maka sembah Bendahara, "Daulat Tuanku." Maka raja pun dudok. Maka segala pegawai dan petuanan habis-lah mabok: ada yang sempat pulang ka-rumah-nya; ada yang rebah di-tengah jalan tertidor; ada yang di-usong oleh hamba-nya pulang; terbanyak pula tidor sa-genap kedai. Maka Bendahara dan Temenggong dan bentara kedua pun di-anugerahi persalin dengan saperti-nya. Maka segala pegawai empat orang itu pun menjunjong duli lalu keluar.

Sa-telah keesokan hari-nya pada raja muda pun masok mengadap Raja Melaka. Tatkala itu Raja Melaka pun sedang di-hadap orang. Sa-telah di-lihat, baginda pun berdiri memberi hormat akan adinda baginda. Maka segala pegawai dan petuanan pun turun menyembah. Maka titah raja, "Sudah-kah adinda naik istana?" Maka sembah raja muda, "Daulat Tuanku, sudah-lah." Maka sembah Tun Tuah, "Patek itu Dato' Bendahara beranggap2an di-larah oleh paduka adinda menari, di-larah oleh Dato' Bendahara dan Temenggong." Maka tatkala itu Bendahara dan Temenggong pun datang mengadap. Sa-telah Raja Melaka melihat Bendahara dan Temenggong datang itu, maka baginda pun tersenyum bertitah, "Ramai-nya orang menari beranggap2an; jika kita tahu kita pun pergi

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

melihat." Maka Bendahara dan Temenggong pun tertawa seraya menyembah, "Daulat Tuanku, patek ayapan semalam; bentara-lah memulai pekerjaan. Maka mabok segala pegawai dan petuanan kayapan. Maka raja pun suka tertawa2 mendengar sembah Bendahara dan Temenggong itu.

Maka Raja Melaka pun terlalu amat berkaseh2an dengan paduka adinda. Maka negeri Melaka pun tiada-lah berchinta lagi, makan minum dan bersuka2an dengan paduka adinda baginda. Maka negeri Melaka pun sentosa-lah, sejok saperti ayer di-dalam tanam. Maka segala negeri pada Tanah Melayu itu pun sakalian-nya memberi upeti ka-Melaka.

Maka segala pegawai dan petuanan pun terlalu kaseh akan raja muda, sedia-kala datang mengadap raja dan sedia-kala makan minum dengan bersuka2an dengan segala bunyi2an. Maka segala dagang santeri pun banyak datang ka-Melaka itu, sakalian-nya masok menjadi hamba raja muda. Maka tuan2 itu di-beri-nya anugerah dengan tegor manis muka-nya.

• • •

Maka terdengar-lah kapada Raja Melaka. Maka di-persembahkan orang dengki pada Raja Melaka, "Ya Tuanku Shah Alam, patek mohonkan ampun dan kurnia, patek hendak persembahkan suatu rahsia. Ini terlalu amat besar jadi-nya; saperti api itu jika kechil dapat di-padamkan, dengan bagai2 ia padam; apabila ia besar sudah sukar-lah kita memadamkan dia." Sa-telah raja itu mendengar sembah orang itu demikian maka titah raja, "Apa rahsia yang hendak kamu persembahkan itu? Katakan-lah aku dengar, kerana engkau hamba kapada aku." Maka sembah orang itu, "Ya Shah Alam, patek sakalian mohon-kan ampun dan kurnia ka-bawah Duli Shah Alam. Ada pun sekarang patek lihat dan dengar khabar yang sah, bukan kanon karang, ada pun paduka adinda banyak mengaseh orang jahat2 pekerti dan segala pegawai dan petuanan banyak kaseh akan paduka adinda itu. Maka sekarang sedia-kala adinda meshuarat dengan segala orang jahat dan sagala pegawai dan petuanan yang jahat, sentiasa hendak membuangkan Duli Yang Di-Pertuan; maka paduka adinda itu hendak di-rajakan-nya."

Demi baginda mendengar sembah orang fitnah itu maka baginda itu pun terlalu amat amarah akan adinda raja muda itu, serta baginda bertitah menyuroh memanggil Bentara Tun Tuah. Tun Tuah pun segera datang mengadap. Belum sempat Tun Tuah dudok maka titah Raja Melaka, "Hai bentara, segera-lah buangkan Si-Jebat Jaya Nantaka itu! Demi Allah, aku tiada mahu melihat

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

muka-nya lagi!" Sa-telah Tun Tuah mendengar titah raja demikian itu maka Tun Tuah pun menghunus keris panjang-nya dan pendua-nya lalu meniarap sujud bersembahkan, "Ya Tuanku Shah Alam, patek tuanku melalui titah tuanku yang maha mulia itu derhaka-lah. Patek mohonkan ampun dan kurnia di-bawah Duli Yang Di-Pertuan; yang nama patek mendatangkan tangan patek ka-atas anak chuchu raja di-Bukit Seguntang itu mohon-lah patek."

Maka raja pun memandang ka-kiri dan ka-kanan lalu bertitah kapada Hang Kasturi memanggil Bendahara; Bendahara pun segera datang mengadap. Maka titah raja, "Hai mamak Bendahara dan Temenggong, segera-lah buangkan Si-Jaya Nantaka itu! Demi Allah, aku tiada mahu memandang muka-nya." Demi Bendahara dan Temenggong mendengar titah baginda demikian itu maka Bendahara dan Temenggong pun terkejut serta berdatang sembah, "Daulat Tuanku, patek pohonkan ampun dan kurnia, apa juga dosa-nya adinda itu maka Yang Di-Pertuan bertitah demikian itu, kerana titah paduka ayahanda di-Bukit Seguntang itu tiada demikian? Sa-olah2 derhaka-lah patek ka-bawah duli ayahanda." Sa-telah raja mendengar sembah Bendahara demikian itu maka raja pun titek ayer mata-nya seraya bertitah, "Jika demikian, apa-tah bichara kita supaya kita hukumkan?" Maka sembah Bendahara dan Temenggong, "Ya Tuanku Shah Alam, patek mohonkan ampun dan kurnia; pada bichara patek, jika sunggoh saperti sembah orang itu bahawa paduka adinda hendak berbuat peker-jaan larangan Allah Ta'ala, baik paduka adinda di-ma'zulkan dahulu pada takhta raja muda, pulangkan saperti dahulu kala." Maka sembah Tun Tuah, "Daulat Tuanku, terlalu baik saperti sembah patek itu Dato' Bendahara; bukan barang2 hukum akan segala raja2 yang di-ma'zulkan daripada takhta kerajaan itu." Maka raja tua pun bertitah, "Jika demikian, mana perentah mamak Benda-hara-lah, tetapi segala takhta kelengkapan kerajaan itu ambil daripada-nya, sa-orang pegawai pun jangan tinggal kapada-nya; kita tiada tahu." Sa-telah Bendahara mendengar titah baginda demikian itu, maka sembah Bendahara, "Daulat Tuanku."

Maka Bendahara dan Temenggong pun menyembah lalu keluar pergi ka-rumah raja muda. Maka oleh Bendahara dan Temenggong segala hal ahwal-nya Raja Melaka murka itu semua-nya di-sembahkan-nya pada raja muda. Sa-telah raja muda mendengar sembah Bendahara itu maka baginda pun terkejut, seraya tersenyum. Maka titah baginda, "Ya mamak Bendahara, pada bichara kita, jangan di-ma'zulkan daripada raja muda, jikalau di-buangkan pun kita redha-lah; tetapi jangan kita meninggalkan nama yang jahat. Ada pun nama kita

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

kembali ka-Bukit Seguntang itu sa-kali2 kita tiada mahu; biar-lah kita menjadi fakir pada tanah Melaka ini."

Sa-telah Bendahara dan Temenggong mendengar kata baginda itu maka Bendahara dan Temenggong pun menangis. Maka oleh Bendahara dan Temenggong isi istana itu dan takhta kerajaan raja muda itu dan segala pegawai kelengkapan raja sakalian di-angkat-nya ka-dalam di-persembahkan-nya kapada raja. Maka baginda pun turun-lah dari istana berbuat rumah kechil di-kampong Bendahara; makan dudok-nya baginda itu Bendahara menyelenggarakan dia. Ada pun pekerjaan baginda itu mengail ka-laut sama2 dengan orang banyak di-Melaka itu; demikian-lah menchari kehidupan. Tetapi Bendahara sedia-kala menghantar hidangan pagi petang tiada berputusan; tiada berkain di-beri-nya kain, tiada berbaju di-beri-nya baju. Demikian-lah hal-nya raja muda itu dengan tiada siapa tahu.

• • •

Al-kesah maka tersebut-lah perkataan di-benua Keling ada sa-orang saudagar terlalu kaya, berpuloh2 bahara emas dan tujoh buah kapal dan tiga orang anak laki2. Ada pun saudagar itu tahu ilmu nujum dan sasterawan dan nama saudagar itu Parmadewan dan anak-nya sa-orang bernama Parmadesa sa-orang bernama Pudingga dan sa-orang bernama Parmadian.

Sa-kali persetua saudagar yang bernama Parmadewan itu melihat di-dalam nujum-nya itu; maka di-lihat-nya dalam nujum-nya di-Tanah Melayu itu sekarang sudah di-turunkan Allah Subnahu wa Ta'ala sa-orang raja dari keinderaan. Maka raja itu beranak laki2 empat orang terlalu amat baik paras-nya. Sa-telah di-lihat-nya dalam nujum-nya maka Permadewan pun fikir dalam hati-nya: 'Ada pun benua Keling ini tiada beraja; baik aku berbelan akan harta-ku ini aku hendak menjadikan raja dalam negeri ini, kerana harta-ku pun terlalu banyak; kerana harta dunia ini tiada guna-nya. Aku pun masakan membawa emas-ku yang berpuloh2 bahara emas ini; dan anak-ku pun tiga laki2 dan gedong-ku pun tujoh buah penoh dengan harta dan kapal-ku tujoh buah dan hamba-ku tujoh ratus tujoh puloh yang kaya2, pada sa-orang hamba-ku dua tiga bahara emas ada kapada-nya. Jika demikian baik aku pergi ka-Tanah Melayu itu sambil berniaga2, supaya ku-pinta anak raja itu sa-orang ku-jadikan raja benua Keling ini, supaya mashhor nama-ku di-sebut orang; datang kapada akhir zaman nama anak chuchu-ku di-sebut orang, jadi kaya; hidup-lah nama-ku.'

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

Sa-telah ia fikir demikian maka di-panggil nakhoda kapal itu, kata-nya, "Hai nakhoda, sekarang ini aku sendiri hendak pergi belayar ka-Tanah Melayu itu; hendak-lah kamu sakalian bermuat dengan segala dagangan kamu yang mana patut di-bawa ka-Tanah Melayu itu." Sa-telah nakhoda ketujoh itu mendengar kata saudagar demikian, maka segala nakhoda kapal ketujoh itu pun bermuat-lah; dalam tujoh hari itu lengkap-lah segala mata dagangan itu. Sa-telah sudah lengkap maka kapal tujoh buah itu pun belayar-lah menuju ka-Tanah Melayu.

Berapa lama-nya maka saudagar pun sampai-lah ka-kuala Melaka. Maka di-lihat oleh segala orang pengail tujoh buah kapal belayar hendak masok ka-Melaka. Maka di-lihat-nya dari kapal itu dari antara perahu pengail yang banyak itu sa-buah perahu pengail itu anak raja mengail. Maka saudagar itu pun segera menyuroh akan orang mengamparkan permaidani yang indah2; pada sa-genap birai kapal itu di-buboh-nya suf sakhlat 'ainu'l-banat dan di-buboh-nya podi.

Sa-telah sudah saudagar itu berlengkapan di-kapal itu maka di-suroh saudagar panggil pengail yang banyak itu hendak membeli ikan. Sa-telah di-lihat oleh orang pengail itu segala orang dalam kapal itu memanggil dia, maka segala perahu itu pun pergi-lah. Sa-telah sudah sampai maka saudagar itu pun berdiri di-atas kapal itu seraya menyembah kapada Sang Jaya Nantaka, kata-nya, "Silakan-lah tuanku naik ka-kapal patek ini." Maka sahut segala pengail itu, "Siapa tuan hamba silakan naik? Hamba sakalian ini orang pengail." Maka kata saudagar itu, seraya di-tunjokkan-nya Sang Jaya Nantaka, "Yang hamba silakan itu anak raja." Maka kata Sang Jaya Nantaka, "Ada pun hamba ini orang pengail juga, bukan hamba anak raja." Maka kata saudagar itu, "Silakan-lah tuanku naik." Maka Sang Jaya Nantaka dan segala pengail itu pun naik-lah ka-atas kapal itu. Maka oleh saudagar itu di-sambut-nya tangan Sang Jaya Nantaka lalu di-dudokkan-nya di-atas kurusi yang keemasan. Maka payong kuning berapit pun terkembang-lah di-kepala Sang Jaya Nantaka. Maka nakhoda dan orang dalam kapal itu pun dudok-lah mengadap Sang Jaya Nantaka. Maka segala pengail itu pun hairan melihat kelakuan Sang Jaya Nantaka sangat di-permulia oleh saudagar itu. Maka segala pengail itu pun tiada tahu akan Sang Jaya Nantaka itu raja muda; ada pun di-sangka-nya sudah mati di-bunoh oleh Raja Melaka.

Maka oleh saudagar itu di-bawa-nya akan Sang Jaya Nantaka itu ka-dalam kurong. Maka saudagar itu pun sujud pada kaki Sang Jaya Nantaka seraya berkata, "Apa sebab maka tuanku jadi pengail ini?" Maka kata Sang Jaya Nantaka, "Bukan hamba ini anak raja; pengail juga." Maka kata saudagar itu,

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

"Jangan tuanku bersembunyi kapada patek, kerana patek lihat dalam nujum patek bahawa tuanku ini anak raja; raja di-negeri Melaka itu pun saudara tuanku, kerana dalam nujum patek ini sakalian habis patek ketahui, tiada dapat tuanku sembunyi kapada patek." Sa-telah Sang Jaya Nantaka mendengar kata saudagar itu maka ia pun berkata, "Benar-lah, saudagar." Maka segala hal ahwal-nya semua-nya di-katakan-nya oleh baginda pada saudagar itu. Mendengar kata anak raja itu maka saudagar pun menangis, belas hati-nya, seraya berkata, "Sekarang apa bichara tuanku yang sa-laku ini?" Maka berkata Sang Jaya Nantaka, "Apa-tah bichara hamba, sudah-lah rupa-nya untong nasib hamba jadi demikian ini." Maka kata saudagar itu, "Mahu-kah tuanku patek pertuankan di-benua Keling, patek rajakan? Jikalau tuanku mahu, supaya patek persembahkan ka-bawah duli paduka ayahanda ka-Bukit Seguntang." Maka kata Sang Jaya Nantaka, "Baik-lah, lamun bapa-ku hendak membawa hamba dan mengaku hamba anak dunia akhirat. Apa-tah salah lagi memberitahu ka-Bukit Seguntang itu, kerana ayah bonda hamba suka-lah hamba ka-benua Keling itu. Kerana hamba pun tatkala di-jadikan oleh ayah bonda hamba, maka di-suroh oleh bonda hamba lihat dalam nujum-nya, bahawa patek ini akan menjadi raja di-Tanah Melayu dan di-kata hamba ini akan menjadi raja di-benua Keling, saudara hamba yang sa-orang lagi itu akan jadi raja pada tanah Jawa dan sa-orang lagi yang bongsu akan jadi raja pada tanah Minangkabau."

Maka saudagar itu pun mengambil nujum-nya. Maka di-lihat-nya dalam nujum-nya, sunggoh saperti kata-nya anak raja ini, tiada lain lagi bersalahan. Maka saudagar itu pun terlalu sukachita-nya. Maka kata saudagar itu, "Ya anak-ku, apabila sudah-lah hamba mengadap raja dan ketika akan hamba belayar, maka ku-sambut anak-ku lalu belayar." Maka kata Sang Jaya Nantaka, "Baik-lah." Sudah bertegoh2an janji maka segala orang itu pun semua-nya di-beri kain dengan segala yang di-bawa-nya dagangan itu oleh saudagar, masing2 pada kadar-nya. Maka kata segala pengail itu, "Ya dato' saudagar, manakala dato' saudagar hendak masokkan kapal, supaya sahaya dato' sakalian dapat menolong dato' saudagar?" Maka kata saudagar itu, "Dua hari lagi." Maka segala pengail pun bermohon-lah pada saudagar itu. Maka Sang Jaya Nantaka pun lalu turun ka-perahu-nya berkayoh.

Maka saudagar itu pun terlalu amat sukachita-nya hati-nya, kata-nya, 'Sa-kali ini sampai-lah saperti niat-ku. Jika aku berbelanja sa-puloh bahara emas pun lamun juga beroleh anak raja ini dengan mudah-nya'. Sa-telah sudah ia fikir demikian maka saudagar itu pun berlengkap persembah. Sa-telah sudah lengkap maka segala pengail itu pun datang kapada saudagar itu membawa sireh

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

pinang dan segala buah2an. Maka saudagar itu pun membawa kapal-nya masok; di-persembahkan orang-lah kapada Bendahara, sembah-nya, "Ya Tuanku, sa-buah kapal terlalu sarat masok ka-kuala kita ini." Maka Bendahara pun segera masok mengadap raja di-persembahkan saperti khabar orang itu. Maka kata raja, "Apa maksud datang itu?" Maka sembah Bendahara, "Ia hendak berniaga, tuanku."

Sa-telah keesokan hari-nya maka saudagar itu pun naik-lah mengadap Bendahara Paduka Raja. Maka di-lihat oleh Bendahara firasat saudagar itu terlalu amat kaya dan terlalu amat bijaksana, shahadan tahu pada ilmu nujum dan sasterawan. Maka Bendahara pun terlalu sopan dan hormat akan saudagar itu. Apabila di-lihat oleh saudagar, maka ia pun memberi hormat. Maka Bendahara pun berdiri memberi hormat akan saudagar itu. Maka segala pegawai dan petuanan yang mengadap Bendahara itu pun semua-nya turun ka-tanah memberi hormat akan saudagar. Maka di-lihat oleh saudagar itu pada firasat Bendahara Paduka Raja itu sa-orang menteri terlalu amat bijaksana lagi arif. Shahadan maka oleh saudagar itu pun naik-lah ka-atas balai. Maka kata Bendahara, "Silakan-lah orang kaya dudok." Maka datang-lah hamba menghamparkan permaidani akan tempat saudagar dudok, yang berpakan emas itu. Maka Bendahara pun berdiri seraya di-pegang-nya tangan saudagar itu dudok sama2. Maka saudagar itu pun menyembah kapada Bendahara itu. Maka kata Bendahara, "Apa maksud orang kaya saudagar datang ka-Melaka ini, kerana tanah Keling dan tanah Melaka ini terlalu jauh perlayaran?"

Maka sembah saudagar itu, "Orang kaya Bendahara, pada bichara hati hamba, hamba pun tua-lah sudah; tiada pernah menjadi saudagar ini. Pada sa-genap negeri hamba bersahabat dengan orang besar2 juga, tiada pernah hamba belayar sendiri; jangankan hamba belayar, anak hamba lagi tiada hamba beri belayar. Akan sekarang hamba pun tua-lah; maka hendak melihat temasha. Pada sa-genap negeri hamba pergi melihat temasha; sa-bermula maka lalu-lah hamba kapada Tanah Melayu ini Tambahan hamba mendengar khabar pada Tanah Melayu ini sekarang sudah konon di-turunkan raja yang berasal, raja di-keinderaan di-turunkan Allah Ta'ala. Hamba datang ini pun hendak melihat, kerana raja itu akan Allah Ta'ala di-dalam dunia ini; barang siapa melihat raja saperti melihat Allah Ta'ala. Ada pun jika ada kaseh orang kaya Bendahara akan hamba, minta orang kaya Bendahara persembahkan ka-bawah duli raja, hamba datang ini hendak mengadap baginda." Maka kata Bendahara, "Baik-lah, orang kaya saudagar, hamba persembahkan ka-bawah duli esok hari-lah."

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

Sa-telah sudah maka hidangan pun di-angkat orang-lah. Maka saudagar pun makan-lah dua orang sa-hidangan dengan Bendahara. Sa-telah sudah makan maka saudagar itu pun bermohon-lah kembali ka-kapal-nya.

Maka Bendahara pun masok mengadap raja. Maka titah baginda, "Ya mamak Bendahara, manakala-kah saudagar itu akan mengadap kita?" Maka sembah Bendahara, "Daulat Tuanku, esok hari-lah patek itu akan mengadap ka-bawah Duli Yang Di-Pertuan. Tetapi patek mohonkan ampun dan kurnia, patek malu-lah; tiada pernah melihat saudagar dan nujum yang datang ka-negeri Bentan dan Melaka ini saperti saudagar ini, kaya-nya dan bijaksana pada ilmu-nya firasat dan tahu-nya; shahadan mulut-nya berkata2 itu terlalu manis dan banyak bahasa-nya di-ketahui-nya; pada ilmu firasat jangan-lah di-kata lagi. Pada bichara patek, patut juga Duli Yang Di-Pertuan sambut dengan gajah supaya suka hati-nya, kerana orang besar sangat pada tanah benua Keling itu." Maka titah baginda, "Baik-lah, mana perentah mamak Bendahara-lah." Maka sembah Bendahara, "Daulat Tuanku Shah Alam, ada pun patek mohonkan ampun dan kurnia, apabila ia mengadap maka hendak-lah Duli Yang Di-Pertuan bertitah suroh ia dudok di-atas segala pegawai dan bertimbalan dengan patek Temenggong, kerana ia orang besar dan orang mulia pada tanah benua Keling." Maka titah baginda, "Mana bichara mamak Bendahara-lah, yang benar kita turut."

Arakian pada keesokan hari-nya maka Bendahara pun berlengkap. Maka balai penghadapan pun di-hiasi orang-lah. Maka Bendahara pun menyuroh orang baik2 pergi menyambut. Saudagar itu pun sudah hadhir dengan segala persembah-nya: beberapa puloh kodi kain yang indah2 dan isi kapal itu kira2 sa-bahara emas persembahan-nya itu. Maka orang menyambut itu pun datang membawa gajah, seraya kata-nya, "Di-perhamba sakalian datang di-titahkan oleh Duli Yang Di-Pertuan membawa gajah menyambut dato' saudagar." Maka kata saudagar itu, "Baik-lah, hamba pun sudah hadhir." Maka segala yang datang itu pun di-persalin empat puloh banyak-nya.

Sa-telah sudah maka saudagar itu pun naik-lah lalu berjalan masok ka-dalam kota. Sa-telah di-lihat raja saudagar itu datang maka titah baginda, "Mari orang kaya saudagar dudok dekat Bendahara Paduka Raja ka-sini; kita hendak mendengar khabar di-benua Keling." Maka saudagar itu pun menyembah; maka di-sambut raja sembah-nya. Saudagar itu pun melihat sifat raja dan kelakuan baginda dudok semayam di-hadap segala menteri dan segala hulubalang dan ra'ayat sakalian hina dina kechil besar, terlalu amat elok rupa-nya, saperti bulan purnama empat belas haribulan. Apabila baginda memandang ka-kanan,

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

segala pegawai dari kanan semua-nya menyembah serta mengatakan "Daulat Tuanku"; apabila baginda memandang ka-kiri, segala menteri dan hulubalang dari kiri-lah menyembah serta mengatakan "Daulat Tuanku". Maka dalam hati saudagar itu segala kelakuan raja itu di-ingatkan-nya dan di-lihat-nya, dalam hati-nya: 'Demikian-lah negeri yang ada beraja itu; terlalu amat baik perentah-nya negeri ini. Shahadan ada pun benua Keling, sunggoh pun negeri besar dan banyak ra'ayat-nya, bukan negeri besar nama-nya daripada tiada beraja.'

Sa-telah sudah ia fikir demikian itu maka persembah saudagar itu pun di-bawa orang-lah ka-atas balairong itu bertimbun2. Maka di-suroh raja bawa masok ka-dalam. Maka di-lihat oleh segala menteri dan hulubalang dan petuanan dan pegawai terlalu banyak persembah saudagar itu. Maka bichara raja: 'Apa juga maksud-nya saudagar ini kapada aku, banyak persembah-nya, sukar aku membalas dia.' Sa-telah sudah raja fikir demikian itu maka raja pun bertitah, "Hai saudagar, apa maksud saudagar mendapatkan hamba ini?" Maka sembah saudagar itu, "Daulat Tuanku Shah Alam, suatu pun tiada kehendak patek ka-bawah Duli Yang Di-Pertuan, tetapi pada bichara patek, patek datang di-benua Keling ini mengadap Duli Yang Di-Pertuan: jika ada kurnia Duli Yang Di-Pertuan akan patek, hendak-lah antara benua Keling dan negeri Bijaya Nagaram dengan negeri Melaka ini berhampiran dan utus-mengutus jangan berputusan lagi. Jika patek mati pun ada anak patek tiga orang laki2 datang mengadap Duli Yang Di-Pertuan." Sa-telah raja mendengar sembah saudagar itu maka raja pun terlalu sukachita seraya bertitah, "Pada bichara kita pun demikian-lah. Orang kaya saudagar itu kita lihat pada hati kita saperti mana Bendahara-lah; jika ada barang suatu kehendak orang kaya saudagar di-dalam negeri ini tiada-lah kita tahani." Maka sembah saudagar itu, "Daulat Tuanku, pada bichara patek pun demikian-lah, Ya Shah Alam. Maka patek datang dari benua Keling ka-Melaka ini menjunjong Duli Yang Di-Pertuan maka patek datang."

Maka raja pun terlalu sukachita mendengar sembah saudagar itu. Maka hidangan pun di-angkat orang-lah ka-hadapan saudagar itu. Maka titah baginda, "Makan-lah, mamak saudagar." Maka sembah saudagar itu, "Daulat Tuanku Shah Alam." Maka saudagar itu pun makan-lah dengan Bendahara dan Temenggong sa-hidangan. Maka sa-telah sudah maka minuman pula datang dan sireh dan bau2an. Maka saudagar itu pun bermohon-lah kembali berjalan keluar. Sa-telah datang ka-balai gendang maka saudagar itu pun naik gajah lalu kembali ka-kapal-nya.

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

Sa-telah saudagar itu kembali maka sembah Bendahara, "Ya Tuanku Shah Alam, pada bichara patek, baik juga Yang Di-Pertuan kurnia akan saudagar kelengkapan tanda-nya orang besar; tambahan pula Yang Di-Pertuan ambil akan mamanda, maka mahu-lah di-anugerahi akan dia payong dan pedang berjalan dahulu." Sa-telah baginda mendengar sembah Bendahara itu maka titah raja, "Akan kehendak kita pun demikian-lah, supaya mashhor nama kita ka-tanah Keling itu."

Maka ketika itu juga raja menitahkan pada pandai mengikat pedang dua bilah berhulu emas dan beberapa yang terkena pada hulu-nya. Sa-telah sudah pedang itu maka saudagar pun naik mengadap pula, tatkala itu berkuda puteh berpelana emas di-pahat dan di-tatah dengan permata sembilan warna-nya. Shahadan pakaian kuda itu semua-nya daripada emas di-pahat bertatahkan berbagai2. Shahadan kaus saudagar itu daripada emas urai bertatahkan ratna mutu ma'nikam. Maka saudagar itu pun berjalan-lah masok ka-dalam negeri. Sa-telah datang ka-balai gendang maka saudagar itu pun turun dari atas kuda-nya lalu berjalan tiada memakai kaus. Sa-telah di-lihat raja saudagar datang maka titah baginda, "Silakan-lah mamak saudagar dudok." Maka saudagar itu pun naik dudok pada tempat-nya lalu menyembah. Maka segera di-sambut baginda sembah saudagar itu. Sa-ketika lagi maka saudagar itu pun memandang kapada bentara Tun Tuah, di-dalam hati-nya: 'Apa juga asal-nya bentara kiri ini; tiada patut di-jadikan bentara, hulubalang juga layak-nya. Pada penglihatan-ku ini, bentara kiri ini akan bergelar Laksamana juga akhir-nya, kerana orang bijaksana.' Maka Tun Tuah pun tahu-lah akan pandang saudagar itu. Sa-telah sudah saudagar itu fikir demikian itu maka ia pun dudok berkata2 dengan Bendahara.

Sa-ketika maka anugerah daripada raja pun datang. pedang berikat dua bilah dan payong rama2 puteh. Maka di-bawa orang-lah ka-hadapan saudagar itu. Maka Bentara Tun Tuah menjunjong titah, "Orang kaya saudagar, ini kurnia Duli Yang Di-Pertuan Paduka Seri Sulatan kapada orang kaya saudagar mamanda itu. Maka hendak-lah di-pakai oleh orang kaya saudagar tatkala orang kaya saudagar akan berjalan; kerana adat Melayu demikian-lah: jika orang besar2 dan orang mulia2 di-Tanah Melayu ini, terlalu mulia pada Tanah Melayu ini pada segala raja2 dan menteri dan jikalau pada suatu hal-nya dapat orang itu akan ganti jadi raja pada Tanah Melayu ini. Hanya-lah Bendahara Paduka Raja yang dapat memakai perentah ini. Demikian pun tanda kurnia." Sa-telah itu saudagar itu pun menyembah, "Daulat Tuanku Shah Alam, patek menjunjong anugerah Paduka Seri Sulatan yang amat limpah di-atas kepala

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

patek. Anak beranak di-benua Keling pun hamba juga ka-bawah Duli Yang Di-Pertuan sa-lagi patek memakai kurnia Duli Yang Di-Pertuan; kerana ter-bilang, lagi orang besar2; pada sa-barang pekerjaan membicharakan negeri dengan segala orang besar2 di-dalam negeri." Maka titah raja, "Ya mamak saudagar, juga mamak saudagar kembali ka-benua Keling kelak, hendak-lah mamak saudagar menyurohkan saudara hamba yang tiga itu salah sa-orang datang kapada kita bermain2, supaya kaseh saudara kita tidak berputusan datang kapada anak chuchu kita dan segala anak chuchu kita saperti mana anak chuchu saudagar-lah." Maka sembah saudagar itu, "Daulat Tuanku, pada bichara hati patek pun demikian-lah, kerana patek orang tua; patek2 yang kechil itu-lah akan ganti patek jadi hamba ka-bawah Duli Yang Di-Pertuan."

Maka pada ketika itu hidangan pun di-angkat orang-lah. Maka saudagar itu pun makan-lah tiga orang dengan Bendahara dan Temenggong sa-hidangan. Sa-telah sudah makan, di-angkat orang pula hidangan nikmat. Sa-telah sudah makan nikmat maka makan sireh dan memakai bau2an. Maka saudagar itu pun bermohon-lah kembali ka-kapal-nya. Sa-telah sampai ka-balai gendang maka saudagar itu pun naik ka-atas kuda-nya. Maka payong iram2 puteh pun terkembang-lah. Maka pedang berikat itu pun di-pikul orang-lah ber-jalan dahulu saperti laku orang berarak. Maka segala isi negeri Melaka dari-pada laki2 dan perempuan datang melihat terlalu ramai. Maka segala orang dudok di-atas balai dan di-atas kedai itu pun turun. Maka saudagar itu pun sampai-lah ka-kapal-nya.

* * *

Maka pada malam itu saudagar meshuarat dengan segala orang-nya yang baik2 dan pekerjaan Sang Jaya Nantaka itu hendak di-bawa ka-benua Keling. Maka kata sa-orang, "Baik kita bawa anak raja itu tiada sa-tahu raja dan Bendahara, supaya kita belayar tiada susah." Maka kata sa-orang pula, "Jangan demikian; baik juga dato' persembahkan dahulu. Tiada-kah dato' saudagar? Kerana dato' orang besar lagi ternama di-tanah benua Keling, tiada baik nama dato'; tambahan Raja Melaka pun terlalu amat kurnia akan dato', jadi jahat-lah nama dato' pada negari asing." Sa-telah demikian kata orang itu maka saudagar itu pun membuka nujum-nya, di-lihat-nya baik juga anak raja itu dengan sa-tahu Raja Melaka dan Bendahara, supaya segera beroleh kembali. Sa-telah di-lihat-nya maka ia pun terlalu sukachita hati-nya.

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

Sa-telah hari siang maka ia pun menyurohkan orang-nya pergi memberitahu Bendahara bahawa saudagar itu hendak datang mengadap bermain2. Maka orang itu pun pergi mengadap Bendahara dan memberitahu segala pesan saudagar itu. Maka kata Bendahara, "Silakan-lah." Maka orang itu pun di-beri makan sireh oleh Bendahara, lalu ia menyembah kembali menyampaikan kapada saudagar itu segala kata Bendahara itu.

Maka saudagar itu pun berjalan-lah ka-kampong Bendahara, Bendahara pun segera memberi ta'zim akan saudagar itu. Maka kata Bendahara, "Silakan-lah orang kaya saudagar naik." Maka saudagar itu pun naik dudok sama2. Maka kata Bendahara, "Apa pekerjaan orang kaya saudagar datang ini?" Maka saudagar itu, "Pekerjaan baik juga, tuanku." Maka Bendahara pun tahu-lah akan maksud saudagar itu. Maka Bendahara pun bangkit dudok sama2; saudagar itu pun berkata perlahan2, sakalian di-dalam hati-nya itu semua-nya di-katakan-nya: segala hal ahwal-nya datang dari benua Keling hendak menyambut Sang Jaya Nantaka hendak di-rajakan di-benua Keling itu. "Sebab itu-lah maka hamba ka-mari mengadap tuanku." Sa-telah Bendahara mendengar kata saudagar itu maka ia pun terlalu sukachita hati-nya lalu di-pelok dan di-chium-nya akan saudagar itu, seraya berkata, "Yang kehendak hati hamba pun demikian-lah; apatah salah-nya? Tetapi pekerjaan ini baik juga dengan sa-tahu Bentara Tun Tuah, kerana ia amat karib ka-bawah Duli Yang Di-Pertuan." Maka kata saudagar itu, "Sunggoh jika demikian, suroh panggil oleh dato'."

Maka Bendahara pun menyuroh memanggil Bentara Tun Tuah, saudagar itu sudah ada di-balai Bendahara. Maka Bentara Tun Tuah pun tahu-lah akan maksud saudagar itu. Maka kata Bendahara, "Silakan bentara dudok." Maka Bentara Tun Tuah pun menyembah kapada Bendahara. "Ada pun ayahanda menyuroh menyambut anakanda ini akan hal pekerjaan orang kaya saudagar ini;" maka oleh Bendahara segala hal ahwal itu pun semua-nya di-katakan-nya pada Bentara Tun Tuah. Mendengar kata2 demikian itu, maka kata Bentara Tun Tuah, "Apa-tah salah-nya pekerjaan yang kebajikan itu? Pekerjaan ini-lah datang kapada anak chuchu. Daripada baginda di-murkai yang sa-laku ini apa-tah sudah-nya? Tetapi kalau baginda juga tiada mahu bercherai dengan bonda baginda." Maka kata Bendahara, "Sudah bertemu dengan orang kaya saudagar ini; maka titah baginda: "Sangat-lah harap kita pergi daripada sa-laku ini." Maka kata Bentara Tun Tuah, "Jika demikian, baik-lah baginda kita suroh panggil dengan titah baginda."

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

Maka Bendahara pun menyuroh Sang Jaya Nantaka. Maka baginda pun segera datang ka-balai Bendahara. Apabila di-lihat saudagar itu Sang Jaya Nantaka datang itu maka saudagar itu pun segera turun menyembah. Maka oleh Bendahara di-pegang-nya tangan baginda di-dudokkan-nya di-atas peterana. Maka Bendahara dan saudagar dan Betara Tun Tuah dudok mengadap. Maka Bendahara pun menangis melihat kelakuan baginda itu. Maka berkata-lah Bentara dan Bendahara, "Tuanku, apa-tah akan sekarang ini, kerana orang kaya saudagar ini hendak menyambut tuanku hendak di-bawa-nya ka-benua Keling hendak di-rajakan?" Maka kata Sang Jaya Nantaka, "Ayoh mamak Bendahara dan Bentara, pada bichara kita, jangankan hendak di-rajakan di-benua Keling, jikalau hendak di-buangkan ka-laut api sa-kali pun kita suka-lah, lamun lepas juga daripada tanah Melaka ini." Maka kata Bentara Tun Tuah, "Jika demikian, baik-lah; esok hari patek persembahkan ka-bawah duli paduka kakanda, tetapi pada bichara patek lulus juga sembah patek, kerana pekerjaan kebajikan juga."

Sa-telah sudah maka Bentara Tun Tuah pun masok mengadap raja. Maka titah baginda, "Hai Bendahara, kita pun hendak menyuroh ka-benua Keling; siapa baik kita surohkan bersama2 dengan orang kaya saudagar itu?" Maka sembah Bentara Tun Tuah, "Daulat Tuanku, patek mohonkan ampun dan kurnia; pada bichara patek, siapa Duli Yang Di-Pertuan hendak titahkan ka-benua Keling itu, kerana patek dengar khabar-nya di-benua Keling itu tiada beraja? Ada pun pada bichara patek, jika ada saperti saudara Duli Yang Di-Pertuan atau daripada keluarga Duli Yang Di-Pertuan jadi raja di-benua Keling itu neschaya segala negeri yang di-atas angin dan di-bawah angin ini sopan akan Melaka ini; shahadan nama Duli Yang Di-Pertuan pun mashhor pada segala negeri." Demi raja mendengar sembah Tun Tuah itu maka raja pun fikir dalam hati-nya: 'Jika demikian, baik-lah Si-Jaya Nantaka ini ku-berikan pada orang kaya saudagar itu. Jika ada untong-nya dan tuah-nya menjadi raja benua Keling itu, kerana aku emapt bersaudara ini di-lihat oleh segala ahlu'l-nujum dalam nujum-nya, aku empat bersaudara ini menjadi raja. Akan sekarang patut-lah saperi kata ahlu'l-nujum itu. Jika demikian, baik-lah Sang Jaya Nantaka ini ku-berikan ka-benua Keling itu; mana untong-nya-lah.' Sa-telah sudah baginda fikir demikian maka baginda pun bertitah kapada Bentara Tun Tuah, "Hai Bentara, apa-tah hal si-derhaka itu?" Maka sembah Tun Tuah, "Daulat Tuanku, patek mohonkan ampun dan kurnia, patek lihat terlalu-lah hal di-rasai-nya. Jika tidak pergi mengail tiada beroleh makan. Itu-lah, pada bichara patek, baik juga Duli Yang Di-Pertuan melepaskan paduka adinda

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

ini beri pergi ka-benua Keling itu, kerana orang kaya saudagar ini pun sangat hendak membawa paduka adinda ka-benua Keling." Sa-telah raja mendengar sembah Tun Tuah itu, titah baginda, "Baik-lah, tetapi tanya Bendahara dahulu."

Pada tatkala itu Bendahara pun datang mengadap. Maka di-lihat oleh Bendahara Bentara Tun Tuh dudok berkata2 dengan raja. Maka fikir Bendahara: "Tiada lain bentara berkata2 dengan raja ini, kata semalam-lah rupanya ini.' Maka Bendahara pun dudok menyembah. Maka titah raja, "Ayo mamak Bendahara, kita pun hendak menyuroh memanggil, mamak Bendahara pun datang." Maka sembah Bendahara, "Daulat tuanku, tanya apa itu tuanku?" Maka titah raja, "Kita pun hendak bicharakan si-derhaka itu; kita hendak beri akan ka-benua Keling itu; apa bichara mamak Bendahara?" Maka sembah Bendahara, "Daulat tuanku, sa-benar-nya-lah saperti titah Duli Yang Di-Pertuan itu. Jika tuan taroh pun apa kesudahan-nya? Baik juga Duli Yang Di-Pertuan lepaskan dari negeri ini; jika ada untong-nya neschaya akan menjadi kapit Duli Yang Di-Pertuan dan nama Duli Yang Di-Pertuan pun mashhor-lah pada segala negeri; shahadan jika di-dengar ayahanda di-Bukit Seguntang pun baik daripada sa-laku ini." Maka titah baginda, "Jika demikian, mana perentah mamak Bendahara-lah dan kita serahkan kapada mamak Bendahara-lah akan pekerjaan itu." Maka sembah Bendahara, "Daulat tuanku." Maka sembah Bentara Tun Tuah, "Daulat tuanku, pada bichara patek, akan pekerjaan Duli Yang Di-Pertuan melepaskan paduka adinda ka-benua Keling ini bukan barang2 pekerjaan. Jika paduka adinda sa-laku ini tiadakan baik jadi-nya di-dengar-nya oleh ayahanda di-Bukit Seguntang itu, shahadan apa-lah nama patek2 yang tertua di-Melaka ini?" Maka titah raja, "Jika demikian, tahukan di-atas Bendahara dan bentara-lah akan pekerjaan ini." Maka sembah Bentara Tun Tuah, "Daulat tuanku, mana titah patek junjong."

Sa-telah di-lihat oleh Bendahara dan bentara raja sangat hendak melepaskan ka-benua Keling itu maka Bendahara dan Bentara pun menyembah lalu kembali. Maka kata Bendahara, "Mari-lah Bentara kita meshuarat akan pekerjaan Duli Yang Di-Pertuan ini." Maka kata Bentara, "Silakan-lah." Dato' Bendahara pun datang-lah ka-balai sendiri. Maka Bentara pun dudok-lah meshuarat dengan Bendahara. Maka Sang Jaya Nantaka pun di-suroh sambut oleh Bentara. Maka Sang Jaya Nantaka pun segera datang. Maka kata Bendahara, "Akan sekarang apa bichara tuanku, kerana paduka kakanda hendak melepaskan tuanku ka-benua Keling itu." Maka kata Sang Jaya Nantaka, "Daripada kita merasai hal yang demikian baik-lah kita mati; istimewa ini pula beroleh kebajikan." Sa-telah Bendahara dan Bentara Tun Tuah mendengar kata baginda

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

demikian maka sembah Bendahara, "Jikalau demikan, baik-lah; patek persembahkan pada paduka kakanda." Maka Sang Jaya Nantaka pun pulang ka-rumah-nya.

Maka pada keesokan hari-nya maka saudagar itu pun singgah di-rumah Bendahara; Bendahara pun sudah hadhir di-balai itu. Maka apabila di-lihat oleh Bendahara saudagar itu datang maka Bendahara pun segera memberi ta'zim akan saudagar itu. Maka saudagar itu pun naik dudok dengan ta'zim-nya. Maka kata saudagar itu, "Apa khabar kita, ada-kah lulus atau tiada-kah saperti maksud hamba itu?" Maka sahut Bendahara, "Yang saperti maksud orang kaya saudagar itu telah hasil-lah." Maka oleh Bendahara segala titah raja itu semua-nya di-katakan-nya pada saudagar; saudagar itu pun terlalu sukachita. Maka kata saudagar itu, "Mari-lah orang kaya dato' Bendahara kita mengadap." Maka kata Bendahara, "Baik-lah."

Maka Bendahara pun naik gajah bertimbalan rengka dengan saudagar itu. Maka perentah Bendahara dan perentah saudagar itu sakalian berjalan dahulu. Sa-telah sampai ka-balai gendang maka Bendahara dan saudagar itu pun turun-lah lalu berjalan masok. Maka tatkala itu raja pun sudah di-hadap orang banyak. Maka raja pun bertitah, "Silakan-lah mari saudagar; rindu kita akan mamak saudagar kita. Kita hendak menyuroh sambut tadi, moga2 mamak saudagar pun datang sendiri." Maka sembah saudagar itu, "Daulat Tuanku Shah Alam, patek hamba ka-bawah duli." Maka Bendahara pun naik dudok pada tempat-nya lalu menyembah. Maka titah raja, "Ayo mamak Bendahara, jika mamak saudagar ini kembali sunyi-lah negeri kita ini." Maka sembah saudagar itu, "Daulat Tuanku Shah Alam, patek pun tujoh hari lagi hendak bermohon ka-bawah Duli Yang Di-Pertuan akan kembali; dalam pada itu pun mana titah, kerana patek hamba." Maka titah raja, "Baik-lah mamak saudagar kembali sementara lagi ada musim." Maka sembah Bendahara, "Pada bichara patek, jika orang kaya saudagar ini belayar dalam sa-puloh hari dua puloh hari ini beroleh kesukaran. Dalam pada itu pun, lebeh orang kaya saudagar kan ma'alum hal pelayaran itu."

Sa-telah sudah berkata2 maka hidangan pun di-angkat orang-lah. Maka saudagar dan Bendahara dan Temenggong pun makan-lah sa-hidangan. Sa-telah sudah makan maka di-angkat orang pula hidangan pelbagai perasaan. Sa-telah sudah makan nikmat dan makan sireh dan memakai bau2an maka di-angkat orang pula persalin pakaian chara Melayu sa-lengkap-nya. Maka titah raja, "Ayo mamak saudagar, kain bekas tuboh kita jangan tiada pakai oleh mamak saudagar." Oleh saudagar itu di-sambut-nya lalu di-junjong-nya seraya

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

berdarang sembah, "Daulat tuanku, hamba tua menjunjong anugerah. Pada bichara patek, bekas tuboh Duli Shah Alam tiada patek samakan dengan sa-buah negeri; patek pergi negeri benua Keling kelak pakai di-hadapan orang besar2." Sudah itu maka kain bekas tujoh itu pun di-bawa oleh Bentara Tun Tuah ka-balai gendang lalu di-pakaikan-nya; pertama serual berantelas dengan emas-berumbai2kan mutiara dan permata merah, berkain ungu bertepi emas di-pahat bersirat benang emas kembayat di-tatah pudi ma'nikam, ikat pinggang bersuji ayer emas di-ragam dan berbaju anta kesuma dan berdastar bertepi, bersirat emas di-pahat awan berarak. Sa-telah sudah memakai maka di-pakai-nya keris berhulukan emas bawang sa-bungkal, ada suatu intan harga-nya sa-buah negeri; dan sarong-nya emas bepermata sembilan bagai dan beribu2 permata di-karang. Telah sudah memakai persalin raja itu maka saudagar itu pun masok menjunjong duli. Maka saudagar itu pun bermohon-lah.

Sa-telah sampai ka-balai gendang maka saudagar itu pun naik kuda berjalan kembali ka-kapal-nya. Maka segala pegawai anugerah itu pun di-simpan di-dalam chandi peti tujoh lapis. Maka saudagar itu pun terlalu amat sukachita kerana beroleh anugerah raja itu. Maka saudagar itu pun berkata pada segala orang-nya, "Hai kamu sakalian orang kita, aku tujoh hari lagi akan berlepas dan bermohon kapada Sultan Melaka. Hendak-lah kamu berjual beli dengan segala dagang-mu yang ada ini. Segala hutang-piutang tunggu-lah, jika tiada di-bayar-nya, aku-lah membayar dia. Jangan kamu sakalian gusar akan orang itu, supaya nama yang baik kita tinggalkan, kerana ku-hendak segera belayar."

Arakian maka Bendahara pun berlengkap akan Sang Jaya Nantaka, di-pungutkan-nya anak orang baik2 empat puloh orang dan empat puloh anak orang keluaran dan sa-rarus dayang dan anak petuanan yang baik paras-nya sa-puloh orang akan jadi gundek dan empat puloh anak petuanan baik2 paras dan baik2 af'al-nya akan jawatan baginda. Maka segala pegawai baginda tatkala jadi raja muda itu semua-nya di-pulangkan dengan sa-lengkap-nya. Maka Bendahara pun menyuroh memanggil Bentara Tun Tuah. Maka Bentara Tun Tuah pun segera datang. Maka oleh Bendahara sakalian yang di-lengkap-nya itu di-tunjokkan pada Bentara Tun Tuah. Maka kata-nya, "Apa-tah salah-nya? Sa-benar-nya-lah, kerana dato' orang besar; ta' dapat tiada akan ke-dengaran juga ka-Bukit Seguntang; akan nama dato' juga di-sebut orang."

Sa-telah di-lihat Bentara maka Bendahara pun menyuroh menyambut Sang Jaya Nantaka; Sang Jaya Nantaka pun datang dengan sa-helai kain sa-ping-gang. Sa-telah di-lihat oleh Bendahara akan kelakuan Sang Jaya Nantaka itu maka Bendahara pun menyembah seraya turun, lalu di-pegang-nya tangan

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

baginda itu di-dudokkan-nya di-atas peterana. Maka Bendahara pun segera mengambil kain sa-lengkap-nya di-suroh-nya pakai. Sa-telah sudah maka Bentara Tun Tuah pun mengajarkan sharat segala raja2 dan tatkala raja2 semayam di-hadap oleh menteri hulubalang; dan di-bawa-nya segala perentah raja2; dan tatkala memberi titah pada segala menteri, demikian-lah sharat-nya memberi titah pada segala menteri. Demikian-lah. Dan tatkala raja meshuarat dengan segala menteri, demikian sharat-nya; dan raja2 hendak keluar semayam, demikian sharat-nya. Sa-telah sudah Bendahara dan Bentara mengajar anak raja itu maka Bentara Tun Tuah pun kembali ka-rumah-nya.

Maka keesokan hari-nya saudagar itu pun datang hendak mengadap raja dan bermohon. Maka Bendahara dan Temenggong dan Bentara pun datang mengadap raja membawa Sang Jaya Nantaka. Sa-telah di-lihat Tun Tuah itu, maka baginda pun memandang Sang Jaya Nantaka. Maka saudagar dan Sang Jaya Nantaka pun tersenyum. Maka Sang Jaya Nantaka pun berbangkit lalu sujud meniarap di-hadapan raja di-bawah singgahsana. Maka raja pun berchuchoran ayer mata-nya saperti buah bemban masak terkenang akan ayah bonda-nya. Sa-telah sudah baginda sujud maka baginda pun dudok dekat saudagar itu. Maka hidangan nasi pun di-angkat orang-lah. Sa-telah di-lihat oleh Sang Jaya Nantaka orang mengangkat hidangan itu maka baginda pun menyembah lalu turun berjalan pulang ka-rumah-nya.

Maka saudagar itu pun makan-lah tiga orang sa-hidangan. Maka segala menteri pun makan-lah masing2 pada hidangan-nya. Sa-telah sudah makan maka di-angkat orang pula hidangan nikmat pelbagai makanan dan buah2an. Sa-telah sudah makan nikmat itu maka datang makan sireh pada jorong emas dan bau2an. Sa-telah sudah makan sireh dan memakai bau2an maka datang-lah anugerah akan saudagar itu bertimbun2: geharu dan kelambak dan kapor barus dan beberapa benda yang gharib2 patut dagangan ka-benua Keling; kemudian daripada itu, perempuan yang baik paras dan pandai pada segala pekerjaan daripada suji dan sulam dua puloh orang dan gundek yang baik2 sa-puloh orang dan keris berhulu emas empat puloh bilah dan tombak bersampak emas empat puloh dan lembing bersampak emas empat puloh dan pedang berikat emas dua puloh bilah. Maka segala anugerah raja itu tiada indah juga pada saudagar itu, sa-hingga dua puloh orang juga anugerah raja di-lihat-nya; dalam hati-nya: 'Perempuan dua puloh ini jika di-tebus2an sa-ribu dinar pun ku-tebus.'

Maka saudagar itu pun bermohon-lah pada raja. Maka raja pun segera memegang tangan saudagar itu lalu di-chium-nya kepala saudagar itu. Maka

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

titah baginda, "Ya mamak saudagar, saudara kita itu kita serahkan pada mamak saudagar-lah; mana perentah mamak saudagar-lah. Jika baik, perbaiki; jika jahat, mana perentah mamak saudagar-lah, kerana ia orang muda. Daripada sangat harap kita akan mamak saudagar maka kita beri ia pergi." Maka sembah saudagar itu, "Daulat Tuanku Shah Alam, patek mohonkan ampun dan kurnia; pada bichara hati patek, patek datang dari benua Keling itu bukannya patek hendak berniaga dan bukan patek hendakkan harta dunia. Ada pun maksud patek datang dari benua Keling itu hendak menyambut paduka adinda hendak rajakan di-benua Keling itu, sebab itu-lah maka hamba Shah Alam datang dari benua Keling mengadap Shah Alam dan menyambut paduka adinda. Maka sekarang ini telah patek peroleh seperti kehendak hati patek daripada kurnia Duli Shah Alam di-atas kepala hamba Shah Alam. Patek datang ini dengan sa-tahu orang besar2 dan orang kaya2 akan menyambut, sambil bertanyakan khabar pada segala negeri yang ada beraja kalau2 raja itu tiada berguna pada segala menteri2, dan kapal patek datang ini tujoh buah patek surohkan sa-genap negeri kalau2 raja tiada berguna, suroh ambil, kerana patek lihat di-dalam nujum patek bahawa anak raja di-Bukit Seguntang itu akan jadi raja di-benua Keling; itu-lah sebab maka patek datang ini sendiri patek ka-Tanah Melayu." Sa-telah raja mendengar sembah saudagar itu demikian maka baginda pun terlalu sukachita mendengar sembah saudagar itu.

Sa-telah itu maka saudagar itu pun mohon-lah kapada baginda. Maka Bendahara dan saudagar pun kembali ka-rumah-nya Bendahara. Maka di-perjamu-nya oleh bendahara dengan seperti-nya dan di-beri persalin dengan sa-lengkap-nya. Maka Bendahara pun bertarohkan anak raja itu kapada saudagar; saudagar itu pun memberi hadiah akan Bendahara kira2 dua puloh kati emas dan akan Bentara Tun Tuah di-beri-nya hemat sa-puloh kati emas, dan segala pegawai dan petuanan itu pun sakalian menghantarkan hadiah akan saudagar itu. Saudagar itu pun berpelok berchium dengan Bendahara dan Temenggong dan Bentara Tun Tuah. Maka anak raja itu pun bermohon-lah kapada Bendahara dan Temenggong dan Bentara Tun Tuah. Maka di-pelok di-chium oleh Bendahara dan di-tangisi-nya. Maka anak raja itu pun naik ka-atas gajah dengan Bendahara dan Temenggong dan saudagar itu naik kuda sa-ekor sa-orang-nya dan Bentara Tun Tuah, lalu-lah berjalan ka-kapal. Sa-telah datang ka-pantai maka Bendahara dan Temenggong dan Bentara Tun Tuah pun bermohon-lah kapada anak raja itu dan pada saudagar itu. Maka anak raja dan saudagar itu pun naik-lah ka-kapal-nya. Maka payong kerajaan pun terkembang-lah, chogan alamat kerajaan pun terdiri-lah. Maka

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

tunggul panji2 pun di-pasang orang-lah dan bedil pun di-pasang orang-lah saperti berteh bunyi-nya. Maka gendang dan serunai pun di-tiup orang-lah. Maka kapal itu pun di-tunda orang-lah ka-kuala. Maka telah sampai ka-kuala maka layar pun di-tarek orang-lah. Maka terlalu sa-kali laju-nya belayar itu menuju tanah benua Keling.

* * *

Tujoh hari tujoh malam belayar itu maka bertemu dengan pulau; di-lihat-nya pada pulau itu sa-buah kapal belayar. Sa-telah di-kenal kapal itu maka kata orang kapal itu, "Kapal mana berlaboh di-pulau ini?" Maka sahut orang dalam kapal itu, "Kami datang dari benua China hendak ka-benua Keling; kapal dato' saudagar yang bernama Parmawedan itu? Dan kapal itu dari mana datang? Siapa nama nakhoda-nya?" Maka sahut orang dalam kapal itu, "Datang dari Melaka. Nakhoda-nya Dato' Parmadewan, ampunya kapal ini; datang menyambut raja."

Sa-telah orang itu mendengar nama Dato' Parmadewan itu, maka nakhoda itu pun terlalu sukachita lalu turun dari kapal itu lalu naik mengadap saudagar itu. Maka kata saudagar itu, "Apa khabar benua China itu?" Maka nakhoda itu pun menyembah, kata-nya, "Sahaya dato' dengar kapada shahbandar itu hendak mengutus ka-benua Keling; apa2 kehendak-nya sahaya dato' tiada tahu. Tetapi sedang sahaya dato' keluar dari benua China itu maka sahaya dato' bertemu dengan ghali tujoh buah. Maka di-bedil-nya ketujoh buah dengan meriam akan sahaya; maka sahaya dato' balas bedil dengan meriam. Dengan sa-kali bedil itu juga sa-buah ghali lalu binasa; yang enam buah ghali itu pun ghaib-lah ka-mana2 pergi-nya sahaya dato' kurang pereksa." Demi saudagar mendengar kata nakhoda itu maka kata saudagar itu, "Sayang-nya ghali yang enam buah itu, jika bertemu karang kapal itu denagn kapal itu aku ini, neschaya ku-tunda ka-benua Keling juga — jikalau dengan daulat raja kami." Maka kata nakhoda itu, "Pada bichara hati sahaya dato', ghali enam buah itu akan datang juga melanggar ka-kuala benua Keling itu, kerana ia hendak membalas ghali sa-buah yang binasa itu." Sa-telah sudah nakhoda itu berkata2 dengan saudagar itu maka kata saudagar itu, "Jika demikian, mari-lah kita belayar segera." Maka nakhoda itu pun menyembah lalu turun naik ka-kapal-nya, lalu belayar.

Maka kenaikan raja itu pun belayar-lah terlalu laju-nya. Hatta berapa lama-nya belayar itu maka kelihatan-lah kapal tiga belas buah belayar menuju ka-kuala Nila Pura. Maka kata juru tinggi, "Antara kita, armada rupa-nya

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

mengadang kita ini." Maka saudagar itu pun segera melihat nujum-nya. Sa-telah sudah di-lihat di-dalam nujum-nya, tiada bersalahan seperti kata juru tinggi itu. Maka saudagar pun menyurohkan segala menteri yang empat puloh bersikap dan mengisi ubat peluru, kerana bedil di-dalam kapal itu tiga lapis dan meriam delapan puchok; banyak pendekar-nya empat puloh yang tahu bermain senjata. Maka payong kuningan kerajaan pun di-kembangkan orang-lah dan chogan alamat pun terdiri-lah dan raja pun di-suroh-nya dudok di-dalam gelemat. Maka saudagar itu pun dudok di-atas kurusi di-bawah tunggul, dia memakai pakaian hulubalang seraya membacha isim Allah Ta'ala.

Dengan demikian itu maka kapal itu hampir-lah bertimbalan dengan ghali itu. Sa-telah di-lihat-nya kapal besar itu datang dengan alat kerajaan peperangan, maka segera di-dayong-nya tiga buah dari kanan, tiga buah dari kiri Tetapi kapal kenaikan raja itu di-kocai-nya dengan belulang; maka di-bedil-nya akan belulang itu berhayum tiada terus. Maka menteri empat puloh pun membedil, di-tuju-nya ghali Fringgi itu kena tiang-nya tiga belas buah. Maka di-tuju-nya pada dayong-nya kiri kanan habis patah2. Maka di-lihat-nya oleh kapitan ghali itu tiang-nya dan dayong-nya patah2 itu, maka kapitan ghali itu pun mendirikan tunggul puteh alamat tundok. Maka kata orang dalam kapal itu, "Jikalau kamu hendak hidup, mari-lah kapitan ghali itu mendapat raja kami ini." Sa-telah kapitan ghali mendengar demikian maka ia pun datang mengadap saudagar Parmadewan dengan persembahan-nya. Maka ghali tiga belas itu pun di-tunda orang-lah lalu belayar

Tujoh hari tujoh malam maka sampai-lah ka-benua Keling. Maka bedil pun di-pasang orang-lah terlalu azmat bunyi-nya. Maka payong kuning kerajaan pun terkembang-lah dan tunggul panji2 pun di-dirikan orang-lah dan segala bunyi2an pun di-palu orang-lah. Maka terdengar-lah pada orang kaya2 dan orang besar2 bunyi bedil itu. Maka ia pun berlengkap-lah persembah dan mengerahkan orang-nya hina dina kechil besar membawa gajah kenaikan dan segala pegawai itu daripada emas. Sa-telah sudah lengkap maka segala bunyi2-an pun terlalu maha gempita.

Maka tatkala itu Parmadewan sudah turun dari kapal-nya membawa anak raja itu dudok pada sa-buah khemah. Sa-telah segala orang besar2 dan segala saudagar itu pun datang, maka lalu berpelok berchium dengan Parmadewan; Parmadewan pun berkata-lah dengan segala orang besar2 akan perentah baginda itu: "Raja besar; jikalau lain daripada hamba pergi menyambut anak raja ini tiada akan datang, kerana pada Tanah Melayu pun baginda raja besar juga. Akan sekarang baik-lah orang besar dan orang kaya2 menjunjong Duli Baginda

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

Sultan." Sa-telah segala mereka itu mendengar kata Parmadewan itu, maka sakalian-nya pun masok-lah ka-dalam khemah itu di-bawa oleh Parmadewan menjunjong duli. Maka sakalian-nya itu di-tegor dan di-tanya oleh baginda.

Sa-telah sudah maka raja pun naik ka-atas gajah kenaikan. Maka anak Parmadewan yang tua yang bernama Parmadesa itu naik kepala gajah, anak-nya yang tengah yang bernama Pudingga itu dudok di-tengkok gajah mengadap baginda dan anak-nya yang bongsu yang bernama Parmadian itu dudok di-buntut. Sa-telah sudah raja naik gajah maka terkembang-lah payong kerajaan berbagai2 warna-nya. Maka terdiri-lah chogan alamat yang bermalaikan emas yang bepermata di-karang. Maka usongan emas itu pun di-usong orang-lah dan berbagai2 perhiasan dan payong kerajaan terlalu indah2 di-bawa orang. Shahadan bunyi2an pun di-palu orang-lah terlalu maha gempita dan kuda kenaik-an raja itu pun di-payong orang-lah berjalan dahulu. Maka Parmadewan pun naik gajah kechil berjalan di-hadapan baginda; baginda pun berangkat-lah. Maka bunyi2an pun di-palu orang-lah terlalu azmat bunyi-nya. Maka raja pun di-iringkan oleh segala orang besar2 dan segala saudagar dan ra'ayat sakalian hina dina kechil besar. Maka raja pun sampai-lah ka-rumah Parma-dewan. Maka baginda pun dudok di-rumah Parmadewan. Parmadewan pun mengerahkan segala orang kaya2 berbuat istana dan balairong dan segala pega-wai sakalian daripada batu juga. Maka orang kaya2 dan raja2 pun berbuat-lah istana. Dalam empat puloh hari juga istana dan balairong itu pun sudah-lah, lengkap dengan penghadapan-nya.

Sa-telah sudah maka raja pun naik-lah ka-istana itu. Maka Parmadewan pun berdatang sembah, "Ya Tuanku Shah Alam, baik juga tuanku menjadikan menteri empat orang dan hulubalang empat orang, orang besar2 dan pegawai delapan orang, kerana negeri ini sa-lama-nya tiada beraja dan menteri yang besar2 dan hulubalang yang gagah2. Akan sekarang Duli Yang Di-Pertuan kerajaan dalam negeri ini maka hendak-lah Duli Shah Alam perentahkan dia. Apabila raja itu tiada bermenteri yang bijaksana dan hulubalang yang budiman, maka bukan-lah raja itu besar nama-nya dan segala seteru-nya pun tiada sopan akan dia." Sa-telah baginda mendengar sembah Parmadewan itu maka titah baginda "Ya mamak Mangkubumi, pada bichara kita, sedang kita lagi di-dalam perentah Mangkubumi. Pada bichara kita, mamak saudagar-lah kita jadikan Bendahara Mangkubumi." "Daulat Tuanku Shah Alam."

Hatta keesokan hari-nya maka Bendahara Mangkubumi pun masok me-ngadap. Maka Bendahara pun mengerahkan segala raja2 dan orang besar2 dan orang kaya2 masok mengadap membawa anak chuchu-nya supaya di-gelar raja.

PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

Harta maka perdana menteri, kasteria, biduanda pun masok mengadap raja. Sa-telah sudah berhimpun-lah maka di-pileh oleh Bendahara empat orang yang besar2 lagi berasal dan berbangsa di-jadikan menteri dan kurnia nama. Sudah itu maka di-pileh pula anak orang kaya2 dua puloh di-jadikan akan menteri di-bawah menteri empat itu. Sa-telah sudah maka di-pileh pula oleh Bendahara delapan orang akan meramas kaki, erti-nya, anak megat yang berasal dan yang baik af'al-nya lagi bijaksana dan budiman, maka di-jadikan hulubalang dan kurnia nama. Sa-telah sudah maka di-pileh-nya pula anak orang kaya2 yang baik paras dan yang tahu bermain senjata dan baik sikap-nya di-jadikan hulubalang di-bawah hulubalang delapan itu, masing2 di-kurnia nama-nya. Sa-telah sudah Bendahara Mangkubumi memanggil delapan itu maka di-kurnia akan menteri yang dua belas itu musara dua belas buah negeri. Sa-telah sudah maka Bendahara pun memungut anak pegawai akan biduanda empat puloh dan sida2 empat puloh akan di-suroh raja malam siang. Sa-telah sudah maka titah raja pada Bendahara Mangkubumi, "Ada pun yang saudara kita ketika itu kita hendak gelar chara Melayu dan kita sendiri memerentahkan dia." Maka sembah Bendahara Mangkubumi, "Daulat Tuanku Shah Alam, mana titah patek junjong, kerana patek anak beranak ini hamba ka-bawah Duli Shah Alam itu; telah limpah-lah kurnia Duli Shah Alam itu." Sa-telah sudah maka anak Mangkubumi yang tua bernama Parmadesa itu di-kurnia oleh baginda nama Paduka Raja dan anak Mangkubumi yang tengah itu di-kurnia nama Maharaja Indera dan anak-nya yang bongsu itu di-gelar Maharaja Indera Bongsu. Maka orang tiga itu di-beri-nya sa-orang sa-buah negeri.

Sa-telah sudah maka titah raja, "Ayo mamak Bendahara, mana kapitan ghali yang tiga belas buah itu?" Maka sembah Bendahara, "Ada tuanku patek itu, patek perentahkan di-pertegoh." Maka titah raja, "Ayo mamak Bendahara, ada pun yang kapitan ghali itu kita pinta-lah, kita hendak jadikan raja di-kuala; orang datang berniaga suroh chukai kapada-nya, asa sa-puloh barang. Jika ada musoh merompak dan melanggar orang negeri ini ia-lah sulor dan payar." Maka sembah Bendahara, "Daulat tuanku, mana titah patek junjong, dan terlalu sa-kali baik bichara Duli Shah Alam; kerana kelengkapan pun sudah hadhir, senjata-nya pun sudah lengkap; kerana ia orang biasa. Barang yang di-mana kurang kita tambahi."

Dengan sa-ketika itu juga kapitan itu pun di-bawa orang-lah. Maka titah raja, "Hai kapitan, berapa banyak lashkar dan berapa kelengkapan-mu?" Maka sembah kapitan itu, "Daulat Tuanku Shah Alam, ghali patek yang datang ini empat belas buah dan banting enam buah dan ghali patek yang sa-buah itu

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

sudah binasa di-bedil oleh kapal dari benua China jongor-nya. Ada pun banting patek enam buah itu lagi pergi ka-benua Jawa; perjanjian dengan patek empat bulan juga di-sana; akan sekarang tiga bulan sudah. Semua-nya lashkar patek itu dan anak patek dan serdadu patek tujoh puloh orang." Maka titah raja, "Ada pun kapitan kita gelar chara Melayu Seri Nala Sang Guna Setia Negara." Sa-telah kapitan ini mendengar titah raja demikian maka ia pun sujud meniarap di-bumi, kepala-nya lalu ka-tanah seraya berkata, "Daulat Tuanku Shah Alam, jika ada musoh merompak melanggar, atas patek-lah." Sa-telah baginda mendengar sembah kapitan itu maka raja pun terlalu suka-chita.

Sa-telah sudah raja dan Bendahara menggelar maka raja dan Bendahara pun memerentahkan negeri pula, sedia-kala memerentahkan menteri hulubalang dan ra'ayat-nya dan senjata-nya. Maka mashhor-lah nama raja dan nama Bendahara Mangkubumi itu merajakan raja di-Tanah Melayu, anak raja di-Bukit Seguntang, asal raja keinderaan. Maka segala raja2 dan negeri yang hampir2 itu semua-nya datang dengan segala orang besar2-nya mengadap ka-negeri Vijaya Nagaram memohonkan raja, kerana negeri itu tiada beraja.

• • •

Maka Bendahara Mangkubumi pun meshuarat dengan segala menteri dan hulubalang hendak mengutus ka-Melaka. Maka terdengar-lah kapada raja. Maka titah raja, "Sunggoh-kah mamak Bendahara hendak mengutus ka-Melaka?" Maka sembah Bendahara, "Daulat tuanku kerana Duli Yang Di-Pertuan sudah kerajaan di-benua Keling ini hendak juga Duli Yang Di-Pertuan memberitahu paduka kakanda barang sa-patah, kerana paduka kakanda itu saudara tua. Dalam pada itu pun mana titah patek junjong." Maka titah raja, "Apa pun kita ka-benua Keling ini, sa-belum kita menyuroh utusan ka-Melaka, baik juga di-surohkan ka-Bukit Seguntang dahulu. Itu pun jika ada kaseh mamak Bendahara menyurohkan utusan ka-Bukit Seguntang juga mengadap ayahanda bonda." Maka sembah Bendahara, "Daulat tuanku, sa-benar-nya-lah titah Duli Shah Alam itu."

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

BAB V

AL-KESAH maka tersebut-lah perkataan raja Melaka. Sa-telah sudah Sang Jaya Nantaka dan Parmadewan kembali, maka raja Melaka pun dudok-lah bersuka2an dengan Bendahara dan Temenggong dan Bentara Tun Tuah. Maka ada kapada suatu hari datang orang dari Inderapura mengatakan anak Bendahara Seri Buana di-Inderapura itu terlalu sa-kali baik rupa-nya, Tun Teja nama-nya. Beberapa anak raja2 datang meminang puteri itu tiada di-beri oleh Bendahara dan bonda-nya, kerana tiada suka bersuami. Rupa-nya terlalu amat elok saperti bulan pernama empat belas haribulan, gilang-gemilang kilau2an, tiada dapat di-tentang-nya. Sa-telah sudah baginda mendapat khabar sembah orang itu, maka baginda pun terlalu amat berahi-lah akan Tun Teja itu. Maka baginda pun meshuarat dengan Bendahara Paduka Raja dan Bentara Tun Jebat hendak menyuroh ka-Inderapura meminang Tun Teja kapada raja Inderapura itu dan kapada ayah-nya dan bonda-nya. Maka baginda pun bertitah, "Siapa baik kita surohkan ka-Inderapura itu?" Maka sembah Bendahara, "Daulat tuanku, pada bichara patek, Tun Utama dan Tun Bija Sura-lah baik kita titah-kan pergi itu, kerana pekerjaan meminang itu hendak pegawai yang tua supaya terberat pada mata-nya. Sa-perkara lagi Tun Utama dan Tun Bija Sura biasa berkata2 dengan raja2 dan menteri2; tambahan keluarga-nya ada di-Inderapura." Maka titah raja, "Jika demikian, segera-lah mamak Bendahara mengarang surat dan bingkis akan saudara kita raja Inderapura. Dalam tiga hari ini juga mau pergi." Maka sembah Bendahara, "Daulat tuan shah alam."

Maka Bendahara pun pulang ka-rumah-nya mengarang surat dan bingkis itu. Sa-telah sudah lengkap dengan perahu-nya dua buah dendang, maka Bendahara pun masok berdatang sembah, "Ya tuanku shah alam, patek di-titahkan mengarang surat dan bingkis itu sudah-lah patek hadhirkan." Maka surat itu pun di-suroh bacha kapada Bentara Tun Jebat. Maka di-bacha oleh Bentara Tun Jebat, terlalu sa-kali baik bunyi renchana-nya. Maka raja pun terlalu sukachita

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

mendengar karangan surat itu. Sa-telah sudah maka Tun Utama dan Tun Bija Sura pun di-anugerah persalin. Maka Tun Bija Sura dan Tun Utama pun menjunjong duli lalu bermohon turun ka-perahu-nya, lalu belayar ka-Inderapura.

Berapa lama-nya belayar itu maka sampai-lah ka-Inderapura. Maka di-persembahkan orang-lah kapada raja Inderapura, "Ya tuanku, utusan raja Melaka dua buah dendang datang. Nama rajaduta-nya Tun Utama dan upaduta-nya Tun Bija Sura." Sa-telah raja mendengar sembah orang itu maka raja pun memberi titah akan Bendahara Seri Buana, "Hai Bendahara, segera-lah berlengkap sambut surat saudara kita Yang Di-Pertuan Melaka itu. Apa2 gerang maksud-nya?" Maka sembah Bendahara, "Daulat tuanku shah alam." Maka Bendahara pun menyembah lalu keluar dudok di-balai gendang ber-lengkap.

Sa-telah sudah lengkap maka Bendahara pun menyuroh segala pegawai dan petuanan yang muda2 pergi menyambut surat bingkis itu dengan segala bunyi2-an. Maka pergi-lah segala pegawai dan petuanan menyambut surat itu. Sa-telah sudah datang ka-perahu-nya surat dan bingkis itu pun di-naikkan orang-lah ka-atas gajah. Maka bunyi2an pun berbunyi-lah: gendang arak2an dan nobat, nafiri, negara. Maka surat dan bingkis itu pun sampai-lah ka-balairong. Maka surat dan bingkis itu pun di-sambut orang-lah. Maka surat itu pun di-bacha orang di-hadapan raja dan Bendahara Seri Buana, terlalu sa-kali baik bunyi renchana-nya. Maka raja pun memandang kapada Bendahara Seri Buana serta bertitah, "Ayo mamak Bendahara, "Apa-tah bichara kita akan anakanda Tun Teja itu? Pada bichara kita, baik di-beri bersuami akan Yang Di-Pertuan Melaka itu, kerana baginda raja besar lagi berasal; tambahan belum lagi baginda itu beristeri dua tiga. Baik juga di-berikan." Sa-telah Bendahara mendengar titah raja demikian itu, maka sembah Bendahara, "Daulat tuanku, ampun dan kurnia; pada bichara patek terlalu sa-kali suka hati patek daripada beroleh menantu akan raja Melaka itu; suka-lah bukan barang2, saperti kejatohan bulan rasa-nya. Tetapi sunggoh ia anak kapada patek, kerana sudah besar, patek hendak tanya ikrar-nya dahulu."

Maka Tun Utama dan Tun Bija Sura pun di-jamu-nya makan minum bersuka2an dengan saperti-nya. Sa-telah sudah maka Tun Utama dan Tun Bija Sura pun bermohon kembali ka-perahu-nya.

Maka Bendahara pun kembali ka-rumah-nya. Maka Bendahara pun bertanya anak-nya, "Hai anak-ku, buah hati aku; akan sekarang raja Melaka menitahkan Tun Bija Sura dan Tun Utama datang meminang anak-ku. Akan

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

sekarang apa bichara anak-ku? Ada pun ku-lihat anak-ku pun besar-lah, patut-lah akan berumah bersuami. Pada bichara aku, baik-lah anak-ku bersuami akan Yang Di-Pertuan Melaka itu, kerana baginda raja besar, dapat pergantongan ayahanda kerana ayahanda pun sudah tua-lah." Sa-telah sudah Tun Teja mendengar kata ayah-nya demikian itu, maka Tun Teja pun berpalis dan masam muka-nya, seraya berkata, "Lihat-lah ayahanda ini, sunggoh pun ayahanda orang tua dan orang besar pada tanah Inderapura ini, tetapi ayahanda pada barang sa-suatu pekerjaan tiada bicharakan; kerana saperti pantun orang tua2: 'Yang enggang sama enggang, yang pipit itu sama pipit juga!' Ada-kah anak raja di-Bukit Seguntang beristerikan anak Bendahara Seri Buana ini? Tiada adat-nya demikian. Sunggoh pun ayahanda beroleh menantu akan sa-bagaimana pun, hamba juga nama-nya kapada raja Inderapura ini. Ada pun akan raja Melaka itu asal-nya raja keinderaan, anak raja di-Bukit Seguntang, raja yang amat besar dan yang berasal. Ada pun kapada bichara sahaya yang raja itu sama raja juga, yang orang keluaran itu sama-nya orang keluaran juga, yang menteri itu sama-lah menteri juga dan saudagar itu sama-nya saudagar juga; maka patut. Yang ulun itu mohonkan ampun, mohon-lah bersuami akan raja Melaka itu." Sa-telah Bendahara Seri Buana mendengar kata anak-nya Tun Teja demikian itu, maka Bendahara pun terlalu amat duka-chita hati-nya.

Sa-telah keesokan hari-nya maka Bendahara pun masok mengadap, segala kata anak-nya itu semua-nya di-persembahkan kapada raja. Sa-telah raja mendengar sembah Bendahara itu, maka raja pun terlalu dukachita. Maka sembah Bendahara Seri Buana, "Pada bichara patek, baik juga Duli Yang Di-Pertuan sendiri pergi kapada-nya, kalau2 lembut hati-nya." Maka titah raja, "Baik-lah, kita suroh panggil pada permaisuri." Maka ra a pun masok. Maka titah raja pada permaisuri, "Adinda, suroh sambut Tun Teja itu, kita hendak mengajar dia!"

Maka Tun Teja pun segera datang. Maka titah permaisuri, "Segera-lah anak-ku datang. Silakan-lah, anak-ku; rindu-nya bonda akan tuan." Maka Tun Teja pun menyembah lalu dudok. Maka di-beri-nya sireh oleh permaisuri; permaisuri pun seraya berkata, "Segera-nya anak-ku ini besar; sedang baik bersuami." Maka sahut raja lelaki, "Ini-lah sebab-nya maka ku-suroh panggil dayang ini. Pada bichara hamba, baik juga dayang bersuami raja Melaka itu, kerana ia pun bukan orang lain dengan kita. Akan dayang pun keluarga juga pada permaisuri, masakan memberi kejahatan." Sudah itu beberapa yang di-kata, lemah-lembut, akan melembutkan hati dan memberi nasihat, di-katakan-

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

nya oleh baginda laki isteri. Maka sembah Tun Teja serta ayer mata-nya berlinang, kata-nya, "Daulat tuanku, patek hamba ka-bawah Duli Yang Di-Pertuan; patek mohonkan ampun dan kurnia. Bukan patut bersuamikan raja Melaka itu, kerana baginda raja besar dari keinderaan; kerana patek hamba ka-bawah Duli Yang Di-Pertuan, menjadi bersalahan nama-nya. Ada pun yang pipit itu sama pipit juga, yang enggang itu sama-nya enggang juga, tuanku."

Sa-telah Tun Teja itu menyembahkan demikian maka baginda pun terlalu dukachita, seraya bertitah, "Baik juga anak-ku bersuamikan raja Melaka itu, kerana baginda itu belum lagi beristeri; kerana dayang pun anak raja juga kapada kita; jika tiada patut, masakan aku suka." Maka sembah Tun Teja, "Patek mohonkan ampun dan kurnia ka-bawah Duli Yang Di-Pertuan laki isteri, di-bunoh pun redha-lah patek; bersuamikan raja Melaka itu mohon-lah patek. Maka titah Duli Yang Di-Pertuan laki isteri patek junjong." Sa-telah baginda mendengar sembah Tun Teja demikian itu maka raja pun tiada ter-kata2 lagi, lalu keluar di-hadap oleh segala menteri dan hulubalang sakalian.

Maka Tun Utama dan Tun Bija Sura pun datang mengadap. Maka titah raja, "Hai Tun Utama dan Tun Bija Sura, apa-tah daya kita, kerana yang em-punya tuboh tiada redhakan. Ayahanda dan bonda-nya terlalu suka bukan barang2 lagi. Akan sekarang tiada-lah tahu kita membujok akan dia." Sa-telah Tun Utama dan Tun Bija Sura mendengar titah raja demikian itu maka sembah kedua-nya, "Apa-tah daya tuanku, kerana yang empunya tuboh tiada redha."

Makaraja pun memberi titah kapada Bendahara, "Segera-lah karang surat dan bingkis." Maka Bendahara pun kembali ka-rumah-nya mengarang surat dan bingkis. Sa-telah sudah surat dan bingkis maka Bendahara pun masok berdatang sembah, "Ya tuanku shah alam, surat dan bingkis itu sudah-lah." Maka Tun Utama dan Tun Bija Sura pun di-persalin-nya oleh raja, di-perjamu makan minum bersuka2an dengan saperti-nya. Sa-telah itu maka surat dan bingkis itu pun di-arak orang-lah turun ka-perahu. Maka Tun Bija Sura pun menjunjong duli lalu bermohon berjalan mengiringkan surat dan bingkis itu dengan segala pegawai dan petuanan lalu di-bawa-nya naik ka-perahu, dan bingkis itu pun di-taroh-nya pada tempat yang mulia. Maka Tun Bija Sura dan Tun Utama pun belayar-lah kembali ka-Melaka.

• • •

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

Maka berapa lama-nya maka sampai-lah ka-Melaka. Maka surat dan bingkis itu pun di-arak orang-lah masok ka-dalam kota. Maka di-sambut oleh Bentara Tun Jebat lalu di-bacha-nya di-hadapan raja perlahan2. Sa-telah baginda mendengar bunyi dalam surat itu maka baginda pun berpaling memandang kapada Bentara Tun Tuah. Maka Tun Tuah pun menyembah seraya berkata, "Cheh! Bukan orang-nya yang di-titahkan itu. Jika Si-Tuah gerangan membawa titah tuan-nya, sa-hingga puteh tulang tiada puteh mata!" Sa-telah Tun Utama dan Tun Bija Sura mendengar kata Tun Tuah itu maka Tun Utama dan Tun Bija Sura pun masam muka-nya.

Sa-telah di-lihat oleh Pateh Kerma Wijaya akan raja Melaka terlalu sangat berahi akan Tun Teja itu, maka sembah Pateh Kerma Wijaya, "Daulat tuanku shah alam, patek mohonkan ampun dan kurnia; pada bichara hati patek, apa-tah Duli Yang Di-Pertuan endahkan amat anak Bendahara Inderapura itu, kerana Yang Di-Pertuan raja besar yang berasal. Pada bichara hati patek, ada anak Bentara Majapahit sa-orang, terlalu amat baik elok rupa-nya, warna muka-nya saperti bulan pernama empat belas haribulan, tuboh-nya saperti emas sa-puloh mutu. Beberapa segala anak raja2 meminang dia tiada di-beri-nya oleh Bentara Majapahit, kerana baginda itu hendak menchari raja yang berasal di-keinderaan. Pada bichara patek, jika tuanku mau beristeri akan anak Bentara Majapahit itu, patek-lah berchakap di-titahkan pergi ka-Majapahit itu, tetapi patek pohonkan teman pergi itu orang yang bijaksana dan orang yang berani, kerana pada tanah Majapahit itu banyak penjurit dan perlénté." Sa-telah baginda mendengar sembah Pateh Kerma Wijaya demikian itu maka baginda pun memandang kapada Bentara Tun Tuah. Maka sembah Tun Tuah, "Daulat tuanku shah alam, patek serta dengan Pateh Kerma Wijaya itu. Insha' Allah, dengan daulat shah alam, segera juga patek datang menjunjong duli tuanku Yang kembali sahaja itu patek mohonkan ampun; jikalau tiada bertentu pekerjaan duli shah alam tiada-lah mau patek kembali."

Sa-telah raja mendengar sembah Tun Tuah demikian itu maka baginda pun baharu tetap hati baginda, melainkan hendak menyuroh ka-Majapahit itu juga. Maka Bendahara Paduka Raja pun terlalu sukachita melihat raja berahi akan puteri Majapahit itu; dan tatkala raja berahi akan Tun Teja, Bendahara tiada-lah suka. Sa-lama baginda berahi akan Tun Teja itu malah keturunan gila kelakuan raja itu. Akan sekarang di-sebut-nya hendak menyuroh ka-Majapahit juga.

Maka Bendahara dan Tun Tuah pun meshuarat hendak membangunkan ghali akan kenaikan raja. Ada pun panjang-nya ghali itu pun enam puloh gaz dan

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

buka-nya enam depa. Maka Bendahara pun mengerah-lah segala tukang utas: "Ada pun ghali itu hendak sudahkan dalam empat puloh hari musta'id dengan segala kelengkapan, dapat di-bawa oleh Pateh Kerma Wijaya dan Bentara Tun Tuah itu, kerana Duli Yang Di-Pertuan hendak segera." Maka sembah segala tukang, "Pada bichara sahaya dato' jikalau sama baik dan sama tahu bekerja, mau sudah sa-bulan lengkap." Sa-telah Bendahara mendengar sembah segala tukang itu maka Bendahara pun terlalu sukachita.

Maka segala tukang itu pun bekerja-lah; maka di-bahagi oleh Bendahara Paduka Raja akan Bentara Tun Tuah di-haluan dan segala tukang sama tengah, Bendahara di-burit. Maka segala perbuatan ghali itu dinding-nya di-buboh papan kambi, maka di-tampal-nya dengan beledu yang kuning dan merah dan hijau. Maka di-buboh-nya kacha kerangan dan atap-nya daripada kacha kuning dan merah beberapa jurai awan dan petir. Maka di-buboh-nya kekuningan dan peterana dan awan berarak; yang mereka dia Bentara Tun Tuah. Antara tiang agong ka-buritan itu Bendahara Paduka Raja yang mereka dia; dari haluan datang kapada tiang agong itu Bentara Tun Tuah juga mereka dia, dan mengukir dia Hang Jebat dan Hang Lekir, Hang Lekiu; dan segala biduanda dan budak2 raja yang berbuat dia.

Maka ghali itu pun sudah-lah; indah2 perbuatan-nya. Maka kata Bendahara, "Ya Bentara, apa baik kita namakan ghali ini, kerana kenaikan baginda?" Maka sahut Tun Tuah seraya kata-nya, "Lebeh tahu, tuanku." Maka kata Bendahara, "Hendak-lah kita muafakat menamai ghali ini, kerana kenaikan Duli Yang Di-Pertuan." Maka sahut Tun Tuah, "Seraya dato' mohonkan ampun; pada bichara sahaya dato' baik-lah ghali ini di-namai Mendam Berahi. Dalam pada itu pun bichara kadam dato' sahaya turut." Sa-telah Bendahara mendengar kata Tun Tuah itu, maka Bendahara pun tersenyum seraya berkata, "Kita pun demikian-lah, tiada bersalahan lagi."

Maka Bendahara pun masok mengadap seraya berdatang sembah, "Ya tuanku shah alam, patek mohonkan ampun dan kurnia; pada patek sakalian di-titahkan membangun ghali itu sudah-lah patek sakalian bangunkan, lengkap musta'id dengan alat sakalian. Siapa-tah yang akan di-titahkan pergi ka-Majapahit itu?" Sa-telah raja mendengar sembah Bendahara itu, maka titah baginda, "Mana perentah mamak Bendahara mengarang surat dan bingkis itu, tetapi rajaduta-nya Pateh Kerma Wijaya kerana ia tahu akan perentah Jawa dan panglima muda-nya Bentara Tun Tuah-lah dan jejenang-nya Hang Jebat, Hang Kasturi-lah. Ada pun akan jadi mata2 Hang Lekir, Hang Lekiu-lah. Segera-lah mamak Bendahara karangkan surat dan bingkis ka-Majapahit itu; dan kapada

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

Pateh Gajah Mada kirim surat dan bingkis, kerana ia menteri besar pada tanah Majapahit itu. Dan pada Raden Aria dan pada rangga dan demang dan jaksa dan kanduruan, sakalian menteri Majapahit itu kita suroh kirim surat supaya hasil dan segera kembali." Maka sembah Bendahara, "Daulat tuanku shah alam, sa-benar-nya-lah titah yang maha mulia itu." Maka Bendahara pun menyembah lalu kembali. Maka raja pun berangkat masok.

Maka Hang Tuah, Hang Jebat, Hang Kasturi, Hang Lekir, Hang Lekiu pun pergi-lah ka-rumah Bendahara mengarang surat dan bingkis itu. Maka kata Bendahara, "Mari-lah tuan sakalian mendengarkan renchana-nya surat dan bingkis ini; lamun benar kata benar, jika salah kata salah oleh tuan2 sakalian." Maka Hang Tuah dan Hang Jebat pun menyembah seraya berkata, "Sahaya dato' ini budak2 Duli Yang Di-Pertuan; masakan lebeh daripada kadam dato yang tahu membicharakan negeri." Maka Bendahara pun tersenyum seraya mengarang surat bingkis. Sa-telah sudah maka di-suroh oleh Bendahara bacha pada Bentara Tun Jebat. Maka terlalu manis bunyi renchana. Sa-telah sudah di-bacha-nya maka surat itu di-bawa-nya oleh Bendahara masok mengadap ra a.

Tatkala itu raja pun sedang ramai di-adap di-bendul. Sa-telah di-lihat raja Bendahara datang itu, maka titah raja, "Sudah-kah mamak Bendahara mengarang surat bingkis itu?" Maka sembah Bendahara, "Daulat tuanku shah alam, sudah-lah patek karang; berkenan atau tidak berkenan ka-bawah duli shah alam juga; jikalau tiada berkenan ka-bawah duli, patek karang pula yang lain, tetapi surat ini sudah patek mendengar dia." Maka titah raja, "Suroh bacha pula surat itu, kita dengar renchana-nya." Maka surat itu pun di-sambut oleh bentara Tun Jebat seraya menyembah lalu di-bacha-nya di-hadapan baginda itu; terlalu manis bunyi-nya renchana-nya. Sa-telah sudah di-dengar raja dalam surat itu maka raja pun terlalu sukachita. Maka titah raja, "Kita berkenan-lah akan renchana-nya surat ini. Sekarang baik-lah mamak Bendahara berlengkap; tujoh hari lagi kita hendak menyuroh Pateh Kerma Wijaya dan Bentara Tun Tuah pergi ka-Majapahit itu." Maka sembah Bendahara, "Daulat tuanku, sudah hadhir; menantikan titah duli shah alam juga lagi."

Maka Pateh Kerma Wijaya dan Hang Tuah dan Hang Jebat, Hang Kasturi, Hang Lekir, Hang Lekiu pun di-anugerahi persalin dan emas perak. Maka di-bawa oleh Bendahara sakalian-nya ka-rumah-nya seraya berpesan kapada Bentara Tun Tuah dan kapada Pateh Kerma Wijaya dan Hang Jebat, Hang Kasturi, Hang Lekir, Hang Lekiu, "Ada pun hamba dengar khabar-nya Pateh Gajah Mada itu menteri besar; beberapa raja2 di-bawah-nya dan Bentara Majapahit itu tiada dapat melalui barang sembah-nya dan beribu2 penjurit

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

yang kepetangan yang di-peliharakan di-beri-nya musara pagi petang dan di-beri-nya makan dan pakai-nya. Itu-lah sebab-nya maka hamba mengatakan segala saudara hamba yang pergi ini, barang sa-suatu bichara dan pekerjaan hendak muafakat, jangan tumang-menumang; hendak-lah saperti telor sa-peti, pechah satu pechah semua-nya. Ini-lah pesan hamba." Maka sembah Tun Tuah, "Insha' Allah, dengan berkat Nabi-nya dan dengan daulat Yang Di-Pertuan dan berkat afwah dato', dengan sempurna-nya sahaya dato' kembali. Dan jika tahu sunggoh penjurit pada tanah Majapahit itu tiada sahaya endah-kan." Sa-telah sudah maka Bendahara pun berkirim surat akan Pateh Gajah Mada. Maka Pateh Kerma Wijaya dan Bentara Tun Tuah sakalian-nya pun di-persalin oleh Bendahara, sakalian dengan sa-lengkap-nya.

Sa-telah keesokan hari-nya maka surat dan bingkis pun di-arak orang-lah dengan gajah. Sa-telah sampai maka di-sambut oleh Bentara Tun Tuah di-taroh-nya pada tempat yang mulia. Sa-telah sudah maka Mendam Berahi pun belayar-lah. Maka bedil pun di-pasang orang-lah.

* * *

Berapa lama-nya maka belayar itu maka sampai-lah ka-Majapahit, lalu ber-laboh di-kuala. Maka bedil pun di-pasang orang-lah saperti berteh bunyi-nya. Maka segala pengail itu pun terkejut; di-sangka-nya musoh; habis lari layar ka-darat berjalan mengadap Pateh Gajah Mada mengatakan ghali musoh terlalu besar; entah utusan, tiada pereksa. Maka Pateh Gajah Mada pun menyuroh Temenggong berlengkap perahu dua buah, sa-buah berisi makanan sa-buah berisi senjata.

Maka Pateh Gajah Mada pun mengadap Seri Betara. Maka titah Seri Betara, "Hai Pateh Gajah Mada, bunyi bedil apa yang saperti berteh itu?" Maka sembah Pateh Gajah Mada, "Tuanku, patek pun sudah menyuroh Temenggong berlengkap dua buah perahu bertanya khabar pada orang apa gerangan. Patek hendak katakan musoh, bukan musoh; hendak di-katakan utusan, bukan utusan. Ada pun yang sudah datang itu tujoh buah; ada ia berlaboh di-kuala kita ini. Ada pun yang sa-buah ghali itu terlalu besar dengan perbuatan-nya terlalu indah2 perbuatan-nya, saperti kenaikan raja2 meminang. Maka patek menyurohkan Temenggong berlengkap dua buah perahu pergi memereksai; tetapi pada pendengaran patek dan penglihatan patek, negeri Majapahit ini belum lagi bilangan-nya akan di-serang oleh musoh. Kalau2 raja juga datang meminang, kerana ada patek dengar perkataan ahli'l-nujum

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

dan segala kata ajar2 dan ubun2 yang pertapa, ada pun negeri Majapahit ini anak raja besar akan datang meminang paduka anakanda, dari tanah Melayu datang-nya. Tetapi baik juga kita surohkan dua buah perahu pergi memereksai; segala biduanda menaiki dia. Maka perahu dua buah itu pun membawa chemara puteh dan perahu yang berisi senjata itu membawa chemara merah." Sa-telah Seri Betara mendengar sembah Pateh Gajah Mada itu, maka titah Seri Betara, "Benar-lah saperti bichara Pateh Gajah Mada itu, segera-lah Pateh berlengkap dengan dua buah perahu."

Maka Pateh Gajah Mada pun segera melengkap perahu dua buah, sa-buah berisi makanan, sa-buah berisi senjata. Sa-telah sudah maka pergi-lah perahu dua buah itu. Sa-telah bertentang-lah perahu dua buah itu maka di-lambai-nya dengan chemara puteh. Maka di-sambut oleh orang di-dalam Mendam Berahi itu dengan chemara kuning. Maka kata orang dua buah perahu itu, "Yang datang ini bukan raja, tetapi penyuroh raja. Tetapi-nya penyuroh daripada raja yang besar, dan menteri datang ini."

Maka perahu yang berisi senjata itu pun di-undorkan orang-lah dan perahu berisi makanan itu di-hampirkan orang kapada Mendam Berahi. Sa-telah hampir-lah maka segala biduanda itu pun naik-lah ka-atas Mendam Berahi itu. Maka di-lihat-nya yang datang itu Pateh Kerma Wijaya dan Bentara Tun Tuah. Maka dudok-lah segala biduanda itu. Maka kata biduanda itu, "Manira ini di-titahkan oleh paduka Seri Betara melihat tuan2 sakalian dan membawa hayapan raja akan panglima kedua. Apa pekerjaan tuan2 datang ini, dengan penyuroh siapa dan berapa banyak datang?" Maka sahut Pateh Kerma Wijaya dan Tun Tuah, "Apa pun manira datang ini di-titahkan oleh Sultan Melaka, pekerjaan meminang. Ada pun rajaduta-nya Pateh Kerma Wijaya dan upaduta-nya Bentara Tun Tuah, kekaseh raja, dan nama jejenang-nya Bentara Tun Jebat dan Tun Kasturi dan nama mata2-nya Bentara Tun Lekir dan Tun Lekiu, dan banyak kelengkapan-nya itu tujoh buah, lain daripada Mendam Berahi. Shahadan manira di-titahkan Seri Sultan Melaka umpama tuboh baginda-lah datang mengadap duli paduka Betara. Katakan manira sakalian menjunjong ayapan paduka Betara."

Sa-telah sudah Pateh Kerma Wijaya dan Bentara Tun Tuah berpesan demikian itu, maka pengalasan itu pun bermohon-lah pada Pateh Kerma Wijaya dan Bentara Tun Tuah, lalu kembali mengadap Pateh Gajah Mada. Maka segala kata, segala penglihatan-nya dan pendengaran-nya itu semua-nya di-persembahkan-nya kapada Pateh Gajah Mada. Sa-telah di-dengar oleh Pateh Gajah Mada sembah pengalasan itu, maka Pateh Gajah Mada dan Temenggong pun segera

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

mengadap Seri Betara. Maka sembah Pateh Gajah Mada, "Ya tuanku paduka Betara, patek mohonkan ampun dan kurnia, salah-kah saperti sembah patek? Ada pun yang datang itu penyuroh daripada raja Melaka dari Tanah Melayu akan pekerjaan meminang paduka anakanda Raden Emas Ayu. Akan nama rajaduta-nya Pateh Kerma Wijaya dan nama upaduta-nya Bentara Tun Tuah dan nama jejenang-nya Bentara Tun Jebat dan Kasturi dan mata2-nya Bentara Tun Lekir dan Tun Lekiu; dan orang yang enam datang ini penaka tuboh raja-lah yang datang itu, hendak mengadap duli Betara." Sa-telah Seri Betara mendengar sembah Pateh Gajah Mada itu demikian, maka titah baginda, "Apa-tah bichara kita akan menyambut surat dan bingkis itu? Dengan sahaja-kah atau dengan perentah-kah?" Maka sembah Pateh Gajah Mada, "Pada bichara patek yang tua ini, baik juga kita sambut dengan perentah, kerana raja Melaka itu pada zaman ini anak raja besar dan anak chuchu raja keinderaan; dan tambahan ia mengutus ini hendak pekerjaan kebajikan." Sa-telah Seri Betara mendengar sembah Pateh Gajah Mada demikian itu, maka titah Seri Betara, "Jika demikian, segera-lah Pateh berlengkap, dan pegawai kita dan segala periai dan segala ra'ayat suroh sambut surat dan bingkis itu dan bawa gajah dan payong dan segala bunyi2an." Sa-telah Pateh Gajah Mada mendengar titah demikian itu, maka Pateh Gajah Mada pun menyembah lalu keluar dudok pada balai kechil mengerahkan segala isi negeri Majapahit itu memakai belaka.

• • •

Sa-telah sudah lengkap maka pada malam itu juga Pateh Gajah Mada di-suroh panggil oleh Seri Betara. Maka titah Seri Betara pada Pateh Gajah Mada, "Pada bichara-ku, mari kita chuba utusan Melayu ini, berani-kah atau penakut-kah ia ini, kerana aku dengar hulubalang yang enam orang datang ini akan ganti mata telinga raja-nya dan penaka tuboh raja-lah. Jika demikian mari-lah kita chuba berani-nya; kita suroh penjurit enam puloh orang meng-amok tatkala ia mengiringkan surat dan bingkis tuan-nya itu; barang yang terlintang di-tengah pasar itu suroh bunoh, supaya kita lihat berani-nya dan penakut-nya." Maka sembah Pateh Gajah Mada, "Terlalu sa-kali baik bichara duli Seri Betara itu. Patek pun sudah ada bichara demikian dengan Temeng-gong." Maka titah Seri Betara, "Segera-lah Pateh chari penjurit enam puloh itu lengkap pada malam ini."

Maka Pateh Gajah Mada pun kembali ka-rumah-nya. Maka di-suroh panggil penjurit enam puloh, orang itu pun segera mengadap Pateh Gajah Mada.

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

Maka kata Pateh Gajah Mada, "Hai penjurit yang enam puloh, dapat-kah engkau ku-suroh." Maka sembah penjurit sakalian itu, "Ya tuanku, negeri mana-kah yang hendak di-suroh alahkan pada kula sakalian? Sa-puloh buah sa-kali pun alah juga oleh patek." Maka kata Pateh Gajah Mada, "Bukan engkau sakalian aku hendak menyuroh mengalahkan negeri. Engkau hendak ku-surohkan menchuba hulubalang Melayu yang datang itu, tatkala esok hari ia mengiringkan surat dan bingkis tuan-nya itu. Apabila ia lari, bunoh oleh-mu; apabila ia bertahan, jangan kamu sunggoh2i, kerana ia utusan." Sa-telah sudah Pateh Gajah Mada berpesan pada penjurit enam puloh itu, maka di-persalin-nya dan di-beri-nya makan minum. Sa-telah sudah, penjurit enam puloh itu pun bermohon-lah pada Pateh Gajah Mada.

• • •

Sa-telah keesokan hari-nya maka Pateh Gajah Mada pun masok mengadap Betara. Maka peseban pun di-hiasi orang lah. Maka Pateh pun berlengkap dan mengarahkan segala menteri dan hulubalang masok mengadap, dan perlai yang muda2 pergi menyambut surat dan bingkis itu. Maka tatkala itu maka Pateh Kerma Wijaya pun sudah hadhir memakai. Maka Bentara Tun Tuah pun memakai keris tempa Melaka itu dan memakai keris pendua-nya dan Pateh Kerma Wijaya pun berkeris pendua. Sa-telah sudah maka segala Melayu tujoh puloh itu pun sakalian-nya memakai keris pendua tempa Melaka dan memakai pakaian yang indah2. Sa-telah sudah itu maka segala orang yang menyambut surat dan bingkis itu pun datang-lah. Maka surat dan bingkis di-naikkan orang-lah ka-atas gajah. Maka payong iram kuning pun di-kembangkan orang-lah, empat puloh payong iram kuning terkembang itu di-atas surat dan bingkis itu. Maka orang muda ynag baik2 tujoh puloh itu pun di-suroh naik kuda, tiada ia mau. [Maka kata rangga, "Mengapa maka segala tuan2 ini tiada mau naik kuda, kerana perentah ini di-titah duli paduka Betara kapada Pateh Gajah Mada surohkan membawa kuda ini?" Maka sahut Bentara Tun Tuah, "Sahaja menteri tiada mau naik, kerana 'adat hamba raja Melayu itu tiada demikian. Apabila nama tuan-nya di-bawa-nya ka-sabuah negeri orang itu hendak-lah di-hormatkan sangat2 dan di-muliakan-nya. Jikalau sa-suatu peri surat nama tuan-nya itu, sa-hingga mati sudah-lah; yang aib, insha' Allah Ta'ala, sa-kali2 tiada di-peroleh dengan mudah."] Maka rajaduta-nya dan jejenang-nya dan mata2-nya kedua pun berjalan di-hadapan gajah itu. Maka segala bunyi2an pun di-palu orang-lah lalu berjalan masok ka-dalam negeri.

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

Sa-ketika berjalan dalam negeri itu maka bunyi orang gempar di-tengah pasar itu mengatakan orang mengamok enam puloh di-tengah pasar. Maka di-lihat oleh Pateh Kerma Wijaya dan Tun Tuah orang mengamok itu terlalu huru-hara bunyi-nya. Maka Tun Tuah pun segera menyelak pendua-nya dan menyinsing tangan baju-nya serta memegang ulu keris panjang-nya, serta memengkis, "Cheh, bukan orang-nya yang hendak di-chuba2 itu!" Maka segala Melayu pun menyelak pendua-nya dan memegang ulu keris panjang-nya beringkat.

Arakian maka orang mengamok itu pun datang-lah; barang yang terlintang di-bunoh-nya. Sa-telah datang ka-hadapan surat itu maka orang yang enam puloh itu pun berbahagi tiga, lalu mengamok ka-belakang gajah. Maka gajah itu pun berjalan juga. Hatta maka di-amok pula dari belakang. Maka segala Melayu yang di-hadapan itu bergerak pun tiada. Dengan demikian maka surat itu pun sampai-lah dekat balai gendang. Maka sa-ketika lagi orang mengamok enam puloh itu pun mengamok segala orang Majapahit, mana yang terlintang itu di-bunoh-nya. Sa-telah di-lihat oleh Pateh Kerma Wijaya dan Tun Tuah orang mengamok itu datang pula — segala orang yang memalu bunyi2an Betara Majapahit itu pun habis lari cherai-berai, segala bunyi2an yang di-palu itu pun habis di-tinggalkan-nya — maka Tun Tuah pun geram rasa-nya. Maka ia pun memekis, kata-nya, "Cheh, barang siapa undor sa-tapak juga, ku-penggal leher-nya dengan tempa Melaka ini. Bukan orang-nya yang hendak di-gertak2 itu." Maka orang mengamok itu pun datang pula; di-lihat-nya segala Melayu itu bergerak pun tiada. Maka orang mengamok itu pun pechah dua ka-belakang. Maka segala Melayu itu pun berjalan juga. Maka segala orang dalam negeri itu pun hairan terchengang2 melihat kelakuan berani segala utusan itu, tiada ia endahkan orang mengamok; jangankan ia lari; bergerak pun tiada ia.

Hatta dengan demikian maka surat dan bingkis itu pun sampai-lah ka-muka pintu peseban Betara Majapahit itu. Maka surat bingkis itu pun di-sambut orang-lah. Maka Pateh Kerma Wijaya dan Betara Tun Tuah dan Hang Jebat, Hang Kasturi, Hang Lekir, Hang Lekiu itu pun dudok-lah berdiri di-luar peseban itu. Maka surat itu pun di-bacha orang-lah di-hadapan Seri Betara Majapahit; terlalu sa-kali baik bunyi-nya, merendahkan diri-nya, sa-mata2 pujian-nya akan Betara Majapahit dan Pateh Gajah Mada.

Sa-telah baginda mendengar bunyi surat itu, maka Betara Majapahit dan Pateh Gajah Mada pun terlalu sukachita hati-nya. Maka titah Seri Betara pada Barit Ketika, "Segera-lah bawa masok utusan Melayu itu." Maka Barit Ketika

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

itu pún segera keluar pintu membawa titah. Maka kata Barit Ketika itu, "Titah Seri Betara suroh tuan2 masok." Maka Pateh Kerma Wijaya dan Tun Tuah dan Hang Jebat, Hang Kasturi, Hang Lekir, Hang Lekiu pun masok-lah lalu ka-peseban naik dudok. Maka titah Seri Betara, "Surohkan Melayu itu dudok dekat Pateh Gajah Mada." Maka orang enam itu pun dudok dekat Pateh Gajah Mada. Maka di-lihat oleh Seri Betara akan Pateh Kerma Wijaya dan Tun Tuah itu; maka titah Seri Betara, "Engkau Melayu, bagaimana laku-mu saperti Jawa ini? Dan siapa engkau?" Maka sembah Pateh Kerma Wijaya, "Pekulun, patek aji orang Lasem; nama patek Pateh Kerma Wi aya, pekulun." Maka titah Seri Betara pada Tun Tuah, "Engkau ini Melayu mana?" Maka sembah Tun Tuah, "Daulat tuanku adika Betara, patek aji anak Melayu hamba ka-bawah paduka anakanda Sultan Melaka; akan sekarang jadi hamba ka-bawah duli paduka Betara." Sa-telah Seri Betara mendengar sembah Tun Tuah itu maka Seri Betara pun terlalu sukachita hati-nya dan kaseh gemar akan Tun Tuah itu. Maka titah Seri Betara, "Hai kiai Tuah, mahu-kah engkau jadi hamba-ku supaya engkau ku-jadikan penggawa agong di-bawah-ku dan ku-dudokkan di-bawah Pateh Gajah Mada dan aku anugerahi sa-buah negeri dan ku-beri bini empat puloh." Maka sembah Tun Tuah, "Daulat tuanku andika Betara, patek hamba yang hina ini mohonkan ampun dan kurnia di-bawah duli paduka Betara; tatkala patek di-Melaka, hamba ka-bawah duli paduka anak-anda Sultan Melaka; akan sekarang patek di-Majapahit, hamba ka-bawah duli paduka Betara. Mana titah sangulun, tetapi, lamun sudah pekerjaan paduka anakanda ini, ka-mana-tah pergi-nya? Selang paduka anakanda lagi jadi hamba ka-bawah duli Betara, ini pula patek sakalian."

Maka baginda pun terlalu sukachita mendengar sembah Tun Tuah demikian itu. Maka titah Seri Betara, "Sunggoh-kah tatkala mengarak surat tadi orang mengamok enam puloh banyak-nya orang-nya?" Maka sembah Tun Tuah, "Daulat tuanku andika Betara, tetapi bukan orang-nya yang mengamok itu, budak2 bermain2 maka terkejut orang di-tengah pasar itu, terkejut lalu gempar, patek lihat." Sa-telah Seri Betara mendengar sembah Tun Tuah itu, maka Seri Betara pun tersenyum seraya memandang muka Pateh Gajah Mada. Maka titah Seri Betara, "Ada pun utusan anak kita ini beri tempat dudok hampir kampong Pateh Gajah Mada-lah." Maka sembah Pateh Gajah Mada, "Baik-lah tuanku." Maka titah pula Seri Betara, "Aku tahu baik-nya juga. Pelihara-kan baik2; makan minum kedudokan-nya atas Pateh Gajah Mada." Maka sembah Pateh Gajah Mada, "Daulat tuanku andika Betara."

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

Maka Pateh Gajah Mada pun memandang pada Tun Tuah. Maka Seri Betara pun berangkat masok. Maka Pateh Gajah Mada pun membawa Pateh Kerma Wijaya dan Tun Tuah dan segala Melayu itu pulang ka-rumah-nya; maka di-perjamu-nya makan minum dengan saperti-nya.

Sa-telah sudah maka kata Pateh Kerma Wijaya, "Ada pun pekerjaan kita ini hasil-lah laku-nya, tetapi kita ini ingat2, kerana Pateh Gajah Mada ini banyak mainan-nya." Maka kata Tun Tuah, "Apa-tah kita takutkan dan endahkan? Ada pun yang kita ingat itu apa-tah salah-nya dan sa-benar-nya-lah. Pada bichara hamba, jikalau tahu segala penjurit di-tanah Majapahit ini pun tiada-lah lebeh daripada hamba yang hina ini. Ada pun yang sahaya malukan itu ada sa-orang saudara hamba yang bernama Sang Persata Nala dudok di-gunong Arta Pura bertapa. Hendak pun hamba pergi mendapatkan dia kerana pekerjaan ini hendak segera. Insha' Allah Ta'ala, kemudian-lah hamba mendapatkan baginda itu, tatkala Duli Yang Di-Pertuan berangkat ka-mari." Maka kata Pateh Kerma Wijaya, "Hamba pun hendak pergi berguru bersama2 dengan tuan hamba." Maka kata Tun Tuah, "Di-manakan dapat? Tuanku orang besar sangat; bukan mudah orang berguru." Sa-telah itu Pateh Kerma Wijaya pun berdiam diri-nya.

Sa-telah beresokan hari maka Pateh Kerma Wijaya dan Tun Tuah pun di-panggil oleh Pateh Gajah Mada. Maka Pateh Kerma Wijaya dan Tun Tuah dan Hang Jebat, Hang Kasturi, Hang Lekir, Hang Lekiu pun memakai dan berkeris panjang dan keris pendua-nya. Sa-telah sudah memakai maka Pateh Kerma Wijaya dan Tun Tuah dan Hang Jebat, Hang Kasturi dan segala Melayu pun berjalan-lah ka-rumah Pateh Gajah Mada membawa kiriman Bendahara, Paduka Raja itu. Maka oleh Tun Tuah di-unjokkan-nya surat itu; maka di-sambut oleh Pateh Gajah Mada lalu di-bacha-nya. Maka Pateh Gajah Mada pun terlalu sukachita. Maka segala bingkis itu pun di-sambut orang-lah. Maka kata Pateh Gajah Mada, "Jangan-lah tuan shak hati. Ada pun yang pekerjaan ratu Melaka itu di-atas manira-lah, tetapi baik juga ratu Melaka sendiri berangkat datang ka-Majapahit ini, kerana paduka Betara bukan ada anak dua tiga, hanya-lah Raden Galuh sa-orang juga. Beberapa raja2 di-seluroh Tanah Jawa ini datang meminang, tiada di-beri-nya, kerana tiada berkenan pada hati-nya; tambahan baginda itu hendak bermenantu akan raja berasal. Akan sekarang sampai-lah saperti kehendak hati baginda itu." Maka kata Pateh Kerma Wijaya dan Tun Tuah, "Ada pun pesan paduka anakanda Sultan dan Bendahara Paduka Raja, hanya-lah tuanku yang harap akan meluluskan ini. Ada pun membawa paduka anakanda itu berangkat ka-Majapahit

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

itu atas kula-lah dua beranak, tetapi lamun manira segera akan kembali supaya paduka anakanda itu segera datang." Maka kata Pateh Kerma Wijaya itu berkenan kapada Pateh Gajah Mada. Maka kata Pateh Gajah Mada, "Jika demikian, mari-lah kita mengadap."

Maka Pateh Gajah Mada pun berjalan-lah di-iringkan oleh Pateh Kerma Wijaya dan Tun Tuah dan segala pegawai dan periai sakalian-nya. Tatkala itu Seri Betara sudah keluar di-hadap orang di-peseban agong, di-hadap segala menteri dan hulubalang dan segala bala tentera yang tiada tepernamai itu. Maka Pateh Gajah Mada pun datang dengan Pateh Kerma Wijaya dan Tun Tuah dan Hang Jebat, Hang Kasturi, Hang Lekir, Hang Lekiu. Sa-telah di-lihat oleh Seri Betara Pateh Gajah Mada dengan segala urusan itu maka titah Seri Betara, "Mari-lah kiai Tuah, aku hendak mendengar cheritera pada Tanah Melayu itu." Maka sembah Tun Tuah, "Daulat tuanku andika Betara, patek hamba ka-bawah duli sangulun."

Maka Pateh Gajah Mada dan Pateh Kerma Wijaya dan Tun Tuah pun dudok di-atas segala pegawai dan periai yang mengadap itu. Maka titah Seri Betara, "Hai kiai Tuah, anak kita itu berapa saudara-nya?" Maka sembah Tun Tuah, "Daulat tuanku paduka Betara, ada pun paduka anakanda Sultan Melaka itu empat bersaudara; shahadan keempat-nya laki2. Ada pun paduka anakanda yang tua sa-kali menjadi raja di-Bentan dan sa-orang menjadi raja di-benua Keling dan yang tua itu lagi ada, tuanku, kapada ayahanda bonda-nya baginda di-Bukit Seguntang, belum kerajaan lagi; khabar-nya hendak di-sambut ka-Minangkabau hendak di-rajakan dan yang bongsu itu hendak di-sambut-nya ka-Palembang."

Sa-telah Seri Betara mendengar sembah Tun Tuah demikian itu, maka titah Seri Betara, "Kita pun sudah menyuroh kapada ratu benua Keling Raden Aria dan rangga; akan sekarang hampir-lah akan datang. Tetapi surat itu di-sebutkan kaseh kapada ratu benua Keling, kerana kita orang tua, dan surat-nya belum lagi kita dengar. Pada bichara kita, sedang anak kita raja Melaka saudara tua kapada-nya, lagi surat-nya empunya sembah kapada kita, ini pula ratu benua Keling orang muda?" Maka sembah Tun Tuah, "Daulat tuanku, patek mohonkan ampun dan kurnia ka-bawah duli paduka Betara; kapada bichara patek hamba yang bebal tiada berbudi — kerana pada zaman ini raja benua Keling itu terlalu amat besar kerajaan-nya — sunggoh pun baginda itu orang muda, sa-kali2 tiada mau menyembah segala raja2, mau tua mau muda. Sedang Sultan Melaka saudara tua lagi baginda tiada mau menyembah dan mengutus." Maka titah Betara Majapahit, "Aku pun tahu akan anak raja di-Bukit Seguntang itu, kerana pada sangka-ku yang tua juga jadi raja benua

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

Keling itu, sebab itu-lah maka aku mengutus ka-benua Keling, dan tiada aku tahu akan anak-ku jadi ratu Melaka. Jikalau aku tahu, dari sa-lama-nya sudah aku mengutus kapada ratu Melaka itu." Maka sembah Tun Tuah, "Sunggoh, tuanku, tetapi yang negeri Melaka itu baharu juga. Apabila paduka anakanda hendak beristeri, maka di-titah akan berbuat negeri pada patek itu Bendahara Paduka Raja; baharu juga negeri itu sudah; kerana dahulu paduka anakanda itu dudok di-Bentan itu. Akan sekarang paduka anakanda hendak beristeri, maka paduka anakanda pun berbuat negeri yang saperti kehendak hati paduka anakanda itu, supaya di-tinggalkan kapada anak chuchu baginda." Maka titah Seri Betara, "Benar-lah saperti bichara anak-ku itu."

Maka sembah Tun Tuah, "Patek sakalian mohonkan ampun dan kurnia di-bawah duli paduka Betara; akan pesan paduka anakanda itu hendak-lah patek sakalian ini segera kembali, supaya paduka anakanda datang menjunjong duli paduka Betara sementara ada musim lagi." Maka titah Seri Betara, "Hai kiai Tuah, baik-lah, aku pun hendak segera-lah pekerjaan anak-ku itu, tetapi-nya nanti-lah dahulu Raden Aria dan rangga datang dari benua Keling supaya Pateh Kerma Wijaya dan kiai Tuah persembahkan kapada anak kita ratu Melaka." Maka sembah Tun Tuah, "Daulat tuanku andika Betara, mana titah patek junjong, kerana patek hamba."

Maka hidangan pun di-angkat orang-lah beratus hidangan. Maka Pateh Kerma Wijaya dan Tun Tuah dan Hang Jebat, Hang Kasturi, Hang Lekir, Hang Lekiu pun makan-lah sa-hidangan; lain daripada itu masing2 makan pada hidangan-nya. Sa-telah sudah makan maka di-angkat orang pula hidangan minuman dengan tambul-nya, pelbagai perbuatan-nya dan rasa-nya. Maka piala yang bertatahkan ratna mutu ma'nikam itu pun di-peredarkan orang-lah pada segala menteri dan hulubalang. Maka minum-lah terlalu ramai barang-gap2an. Maka bunyi2an pun di-palu orang-lah terlalu ramai; masing2 pun berahi-lah; ada yang menari, ada yang mengigal, ada yang bertandak, ada yang bermain tombak di-atas kuda, ada yang bermain rakat.

Maka Seri Betara pun terlalu sukachita melihat orang bermain itu. Maka Pateh Gajah Mada pun berasa mabok-lah. Maka akan Temenggong, ulu keris-nya di-pegang2-nya. Maka Pateh Kerma Wijaya pun menyelak pendua-nya beringat, kerana ia dudok dekat Pateh Gajah Mada. Maka Tun Tuah pun tersenyum sambil mengurai rantai keris panjang-nya dan pendua-nya, di-sendal-nya dengan siku-nya di-kanankan-nya. Sa-telah di-lihat oleh Hang Jebat dan Hang Kasturi, Hang Lekir, Hang Lekiu kelakuan Pateh itu, maka keempat-nya orang itu menyelak pendua-nya, dan keris panjang-nya pun di-pegang-

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

nya dengan tangan kanan. Maka semua-nya kelakuan itu di-lihat oleh Seri Betara Majapahit. Maka Seri Betara pun fikir di-dalam hati-nya: "Terlalu sa-kali ingat-nya orang enam ini. Demikian-lah hendak-nya orang yang di-surohkan oleh tuan-nya; saperti telor sa-peti, pechah sa-buah pechah semua-nya. Maka Seri Betara pun berangkat masok. Maka Pateh Kerma Wijaya dan Tun Tuah pun kembali-lah.

• • •

Hatta berapa antara-nya maka rangga dan Raden Aria pun datang-lah dari benua Keling itu. Maka di-persembahkan orang-lah kapada Seri Betara mengatakan Raden Aria dan rangga sudah datang. Maka Seri Betara pun menitahkan Barit Ketika memanggil Pateh Gajah Mada, Pateh Gajah Mada pun segera datang. Maka titah Seri Betara, "Hai Pateh Gajah Mada, segera-lah berlengkap suroh sambut surat di-benua Keling itu; di-atas Pateh Gajah Mada." Pateh Gajah Mada pun tahu akan Seri Betara tiada suka itu; maka Pateh Gajah Mada pun menyembah lalu keluar berlengkap.

Sa-telah sudah lengkap maka pergi-lah Raden Aria membawa segala kelengkapan itu dengan segala menteri hulubalang, tiada membawa gong gendang. Sa-telah Raden Aria sampai ka-perahu maka Orangkaya Sang Perdana Setia dan Sang Ratna Setia pun sudah hadhir. Maka surat dan bingkis itu pun di-naikkan ka-atas gajah lalu berjalan di-arak masok ka-dalam kota, maka lalu ka-peseban. Maka Sang Perdana Setia dan Sang Ratna Setia pun dudok di-luar pintu. Maka surat itu pun di-bacha orang-lah di-hadapan Seri Betara itu, dalam surat itu:

"Ini kaseh paduka Maharaja Seri Sultan, raja yang amat besar datang kapada Betara Majapahit. Kemudian daripada itu, kerana surat Betara Majapahit yang di-bawa oleh Raden Aria dan rangga itu sampai-lah kapada kami dengan sempurna-nya, maka kami pun terlalu-lah sukachita.

Sa-telah Seri Betara mendengar bunyi dalam surat itu, maka baginda pun berpaling seraya bertitah pada Tun Tuah, "Hai kiai Tuah, anak kita ratu Melaka itu apa kapada ratu benua Keling itu? Siapa tua siapa muda?" Maka sembah Tun Tuah, "Daulat tuanku paduka Betara, pada bichara patek, Sultan Melaka, sunggoh pun tua, hamba ka-bawah duli paduka Betara. Akan raja benua Keling itu, sunggoh baginda raja muda, kerana raja besar tiada mahu menyembah sama-nya raja; tetapi harus juga, pada bichara patek, baginda itu menyembah duli paduka Betara, raja yang berasal dan raja dari keinderaan

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

yang di-turunkan Allah Ta'ala, pertama raja pada Tanah Jawa — ada patek mendengar khabar-nya orang tua patek yang dahulu kala."

Sa-telah Seri Betara mendengar sembah Tun Tuah demikian itu maka Seri Betara pun terlalu sukachita. Maka titah Seri Betara, "Hai Pateh Gajah Mada, segera-lah beri ganjaran akan Kiai Tuah ini pitis barang sa-puloh yuta dan kain baju sa-puloh peranggu dan keris sa-puloh bileh dan kerbau sa-puloh ekor dan beras sa-puloh koyan kerana besar kebaktian-nya kapada aku." Maka sembah Pateh Gajah Mada, "Daulat tuanku, mana titah paduka Betara patek junjong."

Maka titah Seri Betara, "Mana utusan benua Keling itu? Suroh ka-mari, kita hendak bertanya kapada-nya." Hatta maka Sang Perdana Setia dan Sang Ratna Setia pun datang. Maka titah Seri Betara, "Hai Pateh Gajah Mada, tanya oleh tuan hamba utusan benua Keling itu, ada pun kuda dua ekor ini apa perangai-nya dan berapa harga-nya di-nilaikan oleh saudagar." Maka Pateh Gajah Mada pun bertanya kapada Sang Perdana Setia dan Sang Ratna Setia. Maka sembah Sang Perdana Setia dan Sang Ratna Setia, "Ada pun sa-ekor ini hendak di-beri oleh Feringgi dengan pelana dua ribu dinar dan sa-buah ghali dengan isi-nya. Maka kuda puteh ini hendak di-beli utusan China lima ribu tengkam dinar — pada satu tengkam itu berat-nya enam kupang — dan perak dua pikul; tiada juga di-juali. Dan intan dua buah itu harga-nya pada sa-buah sa-puloh kati emas."

Sa-telah di-dengar oleh Tun Tuah harga-nya kuda itu terlalu besar, maka Tun Tuah pun tersenyum seraya berkata, "Sayang-nya kuda ini anak bingkis raja2; jikalau daripada orang keluaran dapat-lah aku menilai dia. Tetapi, sunggoh pun baik, kuda ini ada chela-nya." Sa-telah di-dengar oleh Sang Perdana Setia maka ia pun amarah, kata-nya, "Mengapa maka tuan hamba menchelakan bingkis raja2? Ada-kah kuda yang tiada baik di-utuskan dan di-bingkiskan? Sayang di-hadapan paduka Betara; jikalau pada tempat lain tahu-lah aku berkata2." Sa-telah di-dengar oleh Tun Tuah kata Sang Perdana Setia itu, maka Tun Tuah pun menyembah Seri Betara, kata-nya, "Mengapa-tah aku tiada tahu akan pustaka kuda ini, baik dan jahat? Engkau gerangan tiada tahu menjadi gembala kuda. Akan kuda yang chela engkau katakan baik! Ini tiada tahu kuda; layak-mu mengikut belakang kuda juga membawa dagangan saudagar. Jika engkau hendak menjadi hulubalang dan hamba raja, mari-lah berguru kapada-ku; tanya-lah kapada Bendahara mangkubumi yang di-benua Keling itu, kerana ia tahu akan aku, aku tahukan dia. Engkau di-mana tahu? Ada pun yang kuda ini, jika dengan titah paduka Betara, mari ku-chuba naik kuda ini; jikalau tiada sunggoh saperti kata-ku itu, penggal leher-ku; jika sunggoh-

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

nya, penggal leher-mu." Maka Sang Perdana Setia dan Sang Ratna Setia pun tundok berdiam diri-nya.

Maka titah Seri Betara, "Hai Kiai Tuah, dapat-kah engkau menchuba kuda ini?" Maka sembah Tun Tuah, "Daulat tuanku shah alam, insha' Allah Ta'ala, dengan berkat daulat Seri Betara dapat-lah patek chuba kuda ini; tetapi lamun Sang Perdana Setia dan Sang Ratna Setia mau bertaroh dengan patek." Maka titah Seri Betara, "Hai Sang Perdana Setia dan Sang Ratna Setia, mahu-kah engkau bertaroh dengan Kiai Tuah berpenggal leher?" Maka sembah Sang Perdana Setia dan Sang Ratna Setia, "Daulat tuanku Seri Betara, patek mohonkan ampun dan kurnia, ada pun patek datang ini sa-kadar di-titahkan oleh paduka anakanda di-benua Keling membawa surat dan bingkis juga, bukan patek di-titahkan pekerjaan yang lain; jika patek kedua mati, siapa pula menyampaikan surat titah paduka Betara kapada anakanda?" Sa-telah Seri Betara pun tertawa seraya bertitah, "Hai Kiai Tuah, jangan-lah bertaroh. Pada penglihatan-ku pun sunggoh saperti kata-mu itu, tetapi dapat-kah engkau ubati kuda ini, kerana ku-lihat kuda ini ada penyakit." Maka sembah Tun Tuah, "Daulat tuanku, patek mohonkan ampun dan kurnia, bukan kuda ini penyakit dan bukan apa chela-nya. Jikalau kuda ini penyakit, dapat-lah patek ubati Ada pun kuda ini sakalian-nya baik, tetapi perangai-nya juga jahat sadikit Jikalau di-bawa berperang hampir sungai, tiada boleh berasa lelah, kuda ini hendak berkubang; tiada boleh melihat ayer. Ada pun kuda ini, sunggoh pun tezi, kerana kuda ini tatkala jadi maka ibu-nya mati, maka ia menyusu pada kerbau; maka ini-lah sebab-nya maka kuda ini menurut afa'al kerbau. Apabila ia berasa lelah, jika ia melihat ayer, hendak berkubang juga ia. Dalam pada itu pun, baik juga paduka Betara suroh chuba."

Sa-telah Seri Betara mendengar sembah Tun Tuah demikian itu, maka baginda pun serta bertitah, "Hai Pateh Gajah Mada, segera suroh chuba naik kuda ini." Maka Pateh Gajah Mada suroh bentara dan penggawa dan perlai, "Segera-lah pakanira naik kuda ini." Maka sakalian yang ada di-peseban itu semua-nya pun tiada berchakap menaik kuda itu. Sa-telah di-lihat oleh Tun Tuah sa-orang pun tiada berchakap menaiki kuda itu, kerana di-lihat-nya kelakuan kuda itu saperti tiada berjejak di-bumi laku-nya, maka sembah Tun Tuah, "Daulat tuanku, tiada-lah berguna pegawai sakalian; jangankan berperang ia bermati2, sa-kadar menaiki kuda ini lagi tiada mau. Sia2-lah menjadi pegawai; layak-nya menjadi penjurit berjalan malam mengambil harta orang dan membunoh orang juga." Sa-telah segala pegawai mendengar kata Tun Tuah itu, puchat muka-nya masing2, lalu tundok berdiam diri-nya. Maka

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

sembah Tun Tuah, "Jikalau dengan titah duli paduka Betara, patek-lah berchakap menaiki kuda ini." Sa-telah Seri Betara mendengar sembah Tun Tuah demikian itu, maka Seri Betara pun bertitah serta dengan malu-nya, "Hai Kiai Tuah, segera-lah naik kuda ini; tahu aku membalas kebaktian-mu itu." Maka segala pegawai itu pun di-kenakan orang-lah. Maka sembah Tun Tuah, "Daulat tuanku paduka Betara, patek mohonkan ampun dan kurnia; kuda ini kuda tezi; di-tengah padang maka tempat-nya berlari. Sekarang baik-lah paduka Betara berangkat naik ka-atas kota dudok, jika hendak melihat temasha patek tuanku dengan kuda ini."

Maka pada ketika itu juga Seri Betara pun naik ka-atas gajah kenaikan baginda. Maka terkembang-lah payong kerajaan empat puloh bagai warna-nya dan terdiri-lah chogan alamat bermalaikan emas dan permata. Maka berbunyi-lah bunyi2an empat puloh bagai ragam-nya. Maka Seri Betara pun berangkat-lah ka-lawang sekétang di-iringkan oleh Pateh Gajah Mada dan segala menteri hulubalang dan periai dan ra'ayat sakalian penoh sesak dengan jalan raya; paduka Betara hendak melihat temasha itu. Shahadan terlalu banyak orang bertaroh. Akan kata sa-orang, "Kami sa-belah utusan Melayu itu;" maka kata sa-orang pula "Kami sa-belah utusan Keling itu." Maka paduka Betara pun sampai-lah ka-lawang sekétang. Maka kuda itu pun di-bawa orang-lah keluar lawang itu. Maka Seri Betara pun naik-lah panggongan di-atas kota itu. Maka Tun Tuah pun sudah bersikap hadhir. Maka kuda itu pun di-bawa orang-lah ka-hadapan Tun Tuah. Maka Tun Tuah sujud di-bumi menyembah paduka Betara tiga kali. Maka Tun Tuah pun bangun berdiri serta di-singsing-nya kain-nya. Maka di-pegang tali kuda itu lalu melompat ka-atas belakang kuda itu. Apabila kuda itu merasai orang di-belakang-nya, maka kuda itu pun melompat saperti angin; shahadan saperti tidak berjejak di-bumi di-pachu-nya oleh Tun Tuah itu dua tiga kali berkeliling. Maka kuda itu pun lelah. Apabila di-rasai-nya oleh Tun Tuah kuda itu lelah, maka di-pachu-nya hampir sungai. Maka segera kuda itu berlari2 menuju sungai. Sa-telah sampai ka-sungai itu maka Tun Tuah pun segera melompat turun. Maka kuda itu pun segera terjun ka-dalam sungai itu lalu berkubang.

Maka Tun Tuah pun segera berjalan mengadap Seri Betara, lalu sujud menyembah. Maka Seri Betara pun hairan melihat kuda itu berkubang saperti kerbau dan melihat Tun Tuah lekat naik kuda itu. Maka baginda pun berangkat kembali. Maka segala orang Majapahit itu pun hairan melihat kuda itu berkubang saperti kerbau. Maka Sang Perdana Setia dan Sang Ratna Setia pun segera datang menyembah Tun Tuah minta ampun. Maka kata Tun Tuah,

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

"Ya saudara-ku kedua, kerana saudara-ku ini hamba ka-bawah duli Sultan di-benua Keling dan hamba pun hamba ka-bawah duli baginda itu, kerana di-titahkan oleh tuan-nya itu hendak-lah ia memberi nama tuan-nya jangan binasa. Maka hamba-lah nama-nya. Kalau lagi-nya, saudara hamba jangan demikian. Ada pun malu saudara hamba kedua itu, malu-lah hamba."

Dalam berkata2 itu maka Barit Ketika pun datang membawa titah memanggil Tun Tuah. Tun Tuah pun segera mengadap. Maka titah Seri Betara, "Hai Kiai Tuah, dapat-kah tuan hamba ubati kuda ini?" Maka sembah Tun Tuah, "Daulat tuanku paduka Betara, dapat-lah, andika Betara, ubati; tiada-lah ia mau berkubang; melihat ayer itu pun ia takut." Sa-telah Seri Betara mendengar sembah Tun Tuah itu, maka Seri Betara pun terlalu amat sukachita. Maka kuda itu pun di-serahkan pada Tun Tuah, Tun Tuah pun memeliharakan kuda itu; tujoh hari juga di-beri-nya makan minum ubat. Maka kuda itu pun di-chuba-nya naik. Apabila lelah di-pachu-nya hampir sungai. Apabila kuda itu hampir sungai dan melihat ayer, kuda itu pun melompat ka-darat, tiada mahu hampir sungai itu. Sa-telah sudah maka kuda itu pun di-persembahkan-nya oleh Tun Tuah pada Seri Betara. Maka Seri Betara pun terlalu sukachita; maka seraya memberi anugerah ganjaran akan Tun Tuah dengan dua puloh orang dan pitis dua puloh yuta dan kain dua puloh perangguan dan keris dua puloh bilah dan beras dua koyan. Maka kuda itu di-tambat dalam peseban, tiada jauh di-mata Seri Betara.

• • •

Maka titah Seri Betara pada Pateh Gajah Mada, "Ada pun sekarang baik-lah Pateh Kerma Wijaya dan Kiai Tuah ini segera akan kembali, kerana perjanjian kita dengan dia apabila datang Raden Aria dan rangga di-benua Keling. Akan sekarang ini Raden Aria dan rangga pun sudah datang, baik-lah Pateh Gajah Mada mengarang surat dan bingkis. Maka segera-lah akan kelengkapan Raden Aria dan Gajah Pertala dan Rangga Bagong dan Jaksa Temandera, orang empat ini kita titahkan utusan kapada anak-ku ratu Melaka." Maka sembah Pateh Gajah Mada, "Daulat tuanku, siapa akan jadi jejenang-nya?" Maka titah Seri Betara, "Ada pun akan jadi rajaduta-nya Raden Aria-lah dan upaduta-nya Demang Gajah Pertala; yang jadi jejenang-nya itu rangga dan jejenang muda-nya Temandera."

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

Sa-telah sudah Seri Betara bertitah demikian itu maka Pateh Gajah Mada pun menyembah lalu kembali ka-rumah-nya berlengkap bingkis dan mengarang surat. Sa-telah sudah maka Pateh Gajah Mada pun melengkap penggawa empat orang dengan perahu-nya dan orang-nya sa-kali, di-beri empat ribu dengan musara-nya sa-kali. Sa-telah sudah lengkap maka Pateh Gajah Mada pun masok membawa surat itu. Maka oleh Pateh Gajah Mada di-persembahkan-nya surat itu. Maka titah Seri Betara, "Hai Pateh Gajah Mada, bacha-lah surat itu ku-dengar." Maka di-bacha-nya surat itu. Maka titah Seri Betara, "Hai Pateh Kerma Wijaya dan Kiai Tuah, ada pun yang kita harap membawa anak kita datang ka-Majapahit ini hanya-lah Pateh Kerma Wijaya dan Kiai Tuah. Jikalau anak kita datang, tahu-lah kita membalas kaseh pada Pateh Kerma Wijaya dan Kiai Tuah." Maka sembah Pateh Kerma Wijaya dan Kiai Tuah, "Daulat tuanku paduka Betara, pada bichara hati patek, kalau2 patek kedua ini mati di-laut — siapa tahu? — maka tiada sampai paduka anakanda itu; jikalau patek kedua ini tiada mati, insha' Allah Ta'ala datang juga paduka anakanda itu mengadap ka-bawah duli paduka Betara ka-Majapahit ini."

Sa-telah sudah Seri Betara berpesan kapada Pateh Kerma Wijaya dan Tun Tuah itu, maka baginda pun memberi persalin akan mereka yang keenam itu, terlalu banyak anugerah itu, tetapi lebeh juga akan Tun Tuah. Maka sa-telah sudah itu maka Seri Betara pun memberi anugerah akan Raden Aria dan Demang dan Rangga Bagong dan Jaksa Temandera Kanuruan.

Sa-telah sudah maka Pateh Kerma Wijaya dan Tun Tuah, Hang Jebat, Hang Kasturi, Hang Lekir, Hang Lekiu pun menjunjong duli lalu bermohon ka-bawah duli Seri Betara dan kapada Pateh Gajah Mada. Maka Pateh Kerma Wijaya pun lalu berjalan mengiringkan surat dan bingkis itu lalu di-arak orang turun ka-perahu. Maka surat dan bingkis itu pun di-sambut orang-lah lalu di-bawa naik ka-perahu. Sa-telah sudah, Mendam Berahi pun memasang bedil dan meriam lalu menarek layar lalu berlayar-lah terlalu laju-nya saperti burong terbang laku-nya.

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

BAB VI

MAKA antara tujoh hari tujoh malam maka sampai-lah ka-Tuban. Maka Mendam Berahi pun berlaboh di-labohan Tuban itu menantikan perahu-nya yang banyak itu. Sang Adipati Tuban dan segala orang besar2-nya itu pun membawa makan2an dan sireh pinang, tebu, pisang dan segala buah2an akan Pateh Kerma Wijaya dan Tun Tuah. Sa-telah datang kapada delapan hari-nya maka perahu yang banyak itu pun datang-lah. Maka Pateh Kerma Wijaya dan Tun Tuah pun bermohon-lah kapada Sang Adipati Tuban dan kapada segala orang besar2 itu lalu belayar menuju Jayakatra. Tiga hari tiga malam maka sampai-lah ka-Jayakatra. Maka Mendam Berahi pun singgah di-Jayakatra itu menantikan perahu-nya yang banyak itu. Maka Adipati Jayakatra dengan segala orang besar2-nya pun datang-lah mendapatkan Pateh Kerma Wijaya dan Tun Tuah membawa sireh, tebu, pisang dan segala buah2an. Hatta maka Pateh Kerma Wijaya pun dudok-lah di-Jayakatra itu kadar tujoh hari menantikan perahu yang banyak itu datang. Hatta perahu yang banyak itu pun datang-lah. Maka Pateh Kerma Wijaya pun belayar-lah menuju Palembang. Hatta berapa lama-nya belayar itu maka sampai-lah ka-Palembang. Maka Adipati Palembang dengan segala orang besar2 pun datang-lah mengalu2kan Pateh Kerma Wijaya dan Tun Tuah membawa sireh pinang, tebu pisang. Maka Pateh Kerma Wijaya dan Tun Tuah pun berhenti-lah di-Palembang itu menantikan perahu banyak itu. Maka perahu banyak itu pun datang-lah berhenti di-Palembang itu. Maka Pateh Kerma Wijaya pun belayar-lah menuju Pulau Sepat tetapi Mendam Berahi menarek layar topang juga, maka dapat perahu yang banyak itu ikut. Mendam Berahi pun sampai-lah kuala Melaka. Maka Mendam Berahi pun memasang bedil meriam dan memasang tunggul dan panji2 dan memalu genderang perang terlalu azmat bunyi-nya.

Maka kata Bendahara Paduka Raja, "Utusan kita datang itu." Maka Bendahara Paduka Raja pun masok mengadap raja. Tatkala itu raja pun sedang ramai di-adap orang. Sa-telah di-lihat raja Bendahara datang gopoh2 itu,

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

maka titah raja, "Hai mamak Bendahara, bunyi bedil apa saperti berteh di-kuala itu?" "Daulat tuanku shah alam, bahawa utusan kita datang dari Majapahit." Demi mendengar sembah Bendahara demikian itu, maka raja pun terlalu sukachita. Dalam berkata2 itu maka Tun Tuah dan Hang Jebat pun datang sujud pada kaki raja; di-pelok dan di-chium-nya kepala Tun Tuah dan Hang Jebat serta bertitah, "Hai Tuah, datang-kah engkau?" Maka sembah Tun Tuah, "Daulat tuanku shah alam, datang patek sakalian ini dengan sempurna-nya dan empat orang pegawai besar2 datang mengiringkan surat paduka Betara." Serta baginda mendengar sembah Tun Tuah demikian itu, maka titah baginda, "Ayo mamak Bendahara, segera-lah berlengkap menyambut surat itu."

Maka Bendahara pun menyembah lalu keluar dudok di-balai gendang mengerahkan segala pegawai dan petuanan berlengkap masing pada ketumbokan-nya. Maka masing dengan senjata-nya, dan gajah kuda akan tempat surat itu pun di-hiasai orang-lah. Sa-telah sudah lengkap, maka di-naikkan-lah ka-atas gajah. Maka payong kerajaan empat puloh itu pun terkembang-lah. Maka segala bunyi2an pun di-palu orang-lah lalu berjalan masok ka-dalam kota terlalu ramai, segala orang Melaka mengiringkan surat dan bingkis itu. Sa-telah datang ka-balairong maka surat dan bingkis itu pun di-sambut orang-lah dari atas gajah itu. Maka titah baginda kapada Tun Tuah, "Sambut surat itu." Maka surat itu pun di-sambut oleh Tun Tuah dengan hormat-nya dan segala pegawai pun turun ka-tanah berdiri. Maka surat itu pun di-bawa ka-hadapan baginda. Maka surat itu pun di-bacha orang-lah di-hadapan raja; terlalu baik bunyi renchana-nya. Maka raja pun terlalu sukachita mendengar bunyi dalam surat itu.

Sa-telah sudah di-bacha maka rangga dan demang jaksa dan segala pegawai itu pun di-bawa orang-lah masok lalu naik ka-balairong menjunjong duli. Maka Raden Aria dan demang dan jaksa pun menyembah lalu dudok bertimbalan dengan Tun Utama dan Tun Bija Sura. Maka titah baginda, "Hai Raden, tuan hamba-kah di-titahkan oleh paduka Betara ka-benua Keling itu? Apa gerangan khabar-nya di-benua Keling itu? Siapa menjadi Bendahara dan siapa menjadi Temenggong?" Maka sembah Raden Aria, "Daulat tuanku shah alam, mohonkan ampun dan kurnia. Ada pun yang jadi orang besar di-benua Keling itu saudagar yang bernama Parmadewan; itu-lah yang bergelar Bendahara mangkubumi nama-nya; Kuwela itu jadi Temenggong. Peninggal patek kembali ka-Majapahit ini, Bendahara dan Temenggong itu meshuarat hendak mengutus ka-Bukit Seguntang." Sa-telah raja mendengar sembah Raden Aria

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

demikian itu, maka baginda pun tersenyum seraya memandang kapada Bendahara Paduka Raja.

Maka hidangan nasi pun di-angkat orang-lah. Maka segala pegawai dan petuanan pun makan-lah masing2 pada hidangan-nya. Sa-telah sudah, minuman pula datang. Maka piala yang bertatahkan ratna mutu ma'nikam itu pun di-peredarkan orang-lah. Sa-telah berapa piala pada sa-orang, maka bunyi2an pun di-palu orang-lah. Maka biduan yang baik suara-nya pun bernyanyi-lah. Maka segala pegawai dan petuanan pun minum-lah terlalu amat mabok.

Maka titah baginda pada Pateh Kerma Wijaya, "Orang empat ini bawa-lah ka-rumah-mu peliharakan baik2." Maka sembah Pateh Kerma Wijaya, "Daulat tuanku shah alam." Maka raja pun berangkat masok. Maka Bendahara pun lalu pulang ka-rumah-nya. Maka Pateh Kerma Wijaya dan Tun Tuah pun membawa orang empat itu ka-rumah-nya di-perjamu-nya makan minum. Sa-telah hari siang maka orang empat itu pun bermohon-lah kembali ka-perahu-nya.

• • •

Sa-telah keesokan hari maka Raden Aria keempat pun naik mengadap. Maka raja pun sedang di-hadap ramai oleh orang. Maka titah baginda pada Bendahara, "Kita pun hendak menyuroh membangun kenaikan akan tempat ka-Majapahit; hendak segera; dalam empat puloh hari ini mau lengkap" Maka sembah Bendahara, "Daulat tuanku, pada bichara patek, jikalau Duli Yang Di-Pertuan hendak dalam empat puloh hari ini mau sudah, tetapi hendak-lah orang yang bekerja itu di-bahagi tiga. Tatkala patek mengerjakan Mendam Berahi itu di-bahagi dua dengan Tun Tuah, lagi tiada sempat empat puloh hari; ini pula Duli Yang Di-Pertuan sendiri mengadap." Sa-telah raja mendengar sembah Bendahara demikian itu maka baginda pun menitahkan Bendahara dan Temenggong dan segala pegawai dan petuanan pergi meramu. "Dalam tujoh hari mau lengkap dengan lunas-nya dan susok-nya. Kita tahukan sudah pada mamak Bendahara." Maka sembah Bendahara dan Temenggong dan segala pegawai, "Daulat tuanku."

Maka Bendahara dan Temenggong pun menyuroh orang pergi meramu papan itu; dalam lima hari juga lengkap-lah lunas dan papan. Maka segala tuan2 itu pun membawa papan dan lunas itu. Maka raja pun berangkat melihat Bendahara meletak susok dan lunas itu. Maka titah raja, "Ya mamak Bendahara,

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

bagaimana baik kita bangun kenaikan ini?" Maka sembah Bendahara, "Daulat tuanku shah alam, ada pun kenaikan ini patek hendak bangunkan kumbang nuri supaya dapat menanggong meriam; dalam pada itu pun, mana titah patek junjong." Maka titah baginda, "Kita pun berkenan-lah kumbang nuri itu." Maka sembah Tun Tuah, "Baik-lah, tuanku, kenaikan itu kumbang nuri kerana kenaikan itu akan tempat adinda permaisuri dan segala perempuan naik." Sa-telah baginda mendengar sembah Tun Tuah demikian itu maka baginda pun tersenyum seraya memandang pada Tun Tuah; maka lalu di-lontar baginda dengan sepah. Maka di-sambut oleh Tun Tuah sepah raja itu lalu di-junjong-nya serta di-makan-nya seraya berkata, "Daulat tuanku, insha' Allah Ta'ala, di-sampaikan Allah Ta'ala juga tuanku ka-Majapahit itu dan selamat kembali juga ka-Melaka." Maka raja pun suka mendengar kata Tun Tuah itu.

Maka segala tukang dan utasan pun bekerja-lah terlalu ramai; raja sendiri yang mengadap. Kerja itu di-bahagi empat. Maka terlalu sa-kali bangat bekerja itu, dalam tujoh hari penoh awak. Maka kumbang nuri itu pun di-dandani orang-lah; di-perbuat-nya bertingkap tujoh; di-buboh-nya kekuningan naga bertangkap dengan beberapa jurai awan dan p.t.rkan pada tingkap itu. Yang mereka dia Bendahara Paduka Raja dan Temenggong Sarwa Diraja dan Tun Tuah kekaseh raja; yang menetas dia Hang Jebat, Hang Kasturi dan Hang Lekir, Hang Lekiu dan Hang Kamar dan Hang Shamsu dan segala bi-duanda yang empat puloh itu. Arakian maka kumbang nuri itu pun sudah-lah. Maka di-namai raja kenaikan itu Kota Segara. Maka raja pun memberi anugerah akan segala tukang dan utasan itu dan memberi persalin akan segala biduanda empat puloh itu.

Maka titah raja pada segala pegawai dan petuanan, "Tuan2 sakalian akan pergi dengan kita ka-Majapahit itu hendak-lah segera berlengkap dan membangunkan segala kelengkapan sa-buah sa-orang, masing2 pada tanggongan-nya dan atas kuasa-nya; barang siapa tiada membangunkan, kita hukumkan; dan empat puloh hari lagi kita pergi ka-Majapahit itu." Maka sembah segala pegawai dan petuanan itu, "Daulat tuanku, mana titah patek junjong." Maka segala pegawai dan petuanan pun membangun-lah masing2 terlalu ramai-nya; dalam sa-bulan itu juga sudah-lah.

Maka raja pun bertitah kapada Bendahara dan Temenggong, "Ayo mamak Bendahara dan Temenggong, ada pun negeri kita kita serahkan-lah kapada mamak Bendahara dan Temenggong; dan segala pegawai dan petuanan muda2 juga pergi dengan kita. Peliharakan segala ra'ayat kita; jangan alpa. Barang suatu2 pekerjaan itu hendak-lah mafakat; jangan tumang-menumang. Kita

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

demikian itu, maka baginda pun tersenyum seraya memandang kapada Bendahara Paduka Raja.

Maka hidangan nasi pun di-angkat orang-lah. Maka segala pegawai dan petuanan pun makan-lah masing2 pada hidangan-nya. Sa-telah sudah, minuman pula datang. Maka piala yang bertatahkan ratna mutu ma'nikam itu pun di-peredarkan orang-lah. Sa-telah berapa piala pada sa-orang, maka bunyi2an pun di-palu orang-lah. Maka biduan yang baik suara-nya pun bernyanyi-lah. Maka segala pegawai dan petuanan pun minum-lah terlalu amat mabok.

Maka titah baginda pada Pateh Kerma Wijaya, "Orang empat ini bawa-lah ka-rumah-mu peliharakan baik2." Maka sembah Pateh Kerma Wijaya, "Daulat tuanku shah alam." Maka raja pun berangkat masok. Maka Bendahara pun lalu pulang ka-rumah-nya. Maka Pateh Kerma Wijaya dan Tun Tuah pun membawa orang empat itu ka-rumah-nya di-perjamu-nya makan minum. Sa-telah hari siang maka orang empat itu pun bermohon-lah kembali ka-perahu-nya.

• • •

Sa-telah keesokan hari maka Raden Aria keempat pun naik mengadap. Maka raja pun sedang di-hadap ramai oleh orang. Maka titah baginda pada Bendahara, "Kita pun hendak menyuroh membangun kenaikan akan tempat ka-Majapahit; hendak segera; dalam empat puloh hari ini mau lengkap" Maka sembah Bendahara, "Daulat tuanku, pada bichara patek, jikalau Duli Yang Di-Pertuan hendak dalam empat puloh hari ini mau sudah, tetapi hendak-lah orang yang bekerja itu di-bahagi tiga. Tatkala patek mengerjakan Mendam Berahi itu di-bahagi dua dengan Tun Tuah, lagi tiada sempat empat puloh hari; ini pula Duli Yang Di-Pertuan sendiri mengadap." Sa-telah raja mendengar sembah Bendahara demikian itu maka baginda pun menitahkan Bendahara dan Temenggong dan segala pegawai dan petuanan pergi meramu. "Dalam tujoh hari mau lengkap dengan lunas-nya dan susok-nya. Kita tahukan sudah pada mamak Bendahara." Maka sembah Bendahara dan Temenggong dan segala pegawai, "Daulat tuanku."

Maka Bendahara dan Temenggong pun menyuroh orang pergi meramu papan itu; dalam lima hari juga lengkap-lah lunas dan papan. Maka segala tuan2 itu pun membawa papan dan lunas itu. Maka raja pun berangkat melihat Bendahara meletak susok dan lunas itu. Maka titah raja, "Ya mamak Bendahara,

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

bagaimana baik kita bangun kenaikan ini?" Maka sembah Bendahara, "Daulat tuanku shah alam, ada pun kenaikan ini patek hendak bangunkan kumbang nuri supaya dapat menanggong meriam; dalam pada itu pun, mana titah patek junjong." Maka titah baginda, "Kita pun berkenan-lah kumbang nuri itu." Maka sembah Tun Tuah, "Baik-lah, tuanku, kenaikan itu kumbang nuri kerana kenaikan itu akan tempat adinda permaisuri dan segala perempuan naik." Sa-telah baginda mendengar sembah Tun Tuah demikian itu maka baginda pun tersenyum seraya memandang pada Tun Tuah; maka lalu di-lontar baginda dengan sepah. Maka di-sambut oleh Tun Tuah sepah raja itu lalu di-junjong-nya serta di-makan-nya seraya berkata, "Daulat tuanku, insha' Allah Ta'ala, di-sampaikan Allah Ta'ala juga tuanku ka-Majapahit itu dan selamat kembali juga ka-Melaka." Maka raja pun suka mendengar kata Tun Tuah itu.

Maka segala tukang dan utasan pun bekerja-lah terlalu ramai; raja sendiri yang mengadap. Kerja itu di-bahagi empat. Maka terlalu sa-kali bangat bekerja itu, dalam tujoh hari penoh awak. Maka kumbang nuri itu pun di-dandani orang-lah; di-perbuat-nya bertingkap tujoh; di-buboh-nya kekuningan naga bertangkap dengan beberapa jurai awan dan p.t.rkan pada tingkap itu. Yang mereka dia Bendahara Paduka Raja dan Temenggong Sarwa Diraja dan Tun Tuah kekaseh raja; yang menetas dia Hang Jebat, Hang Kasturi dan Hang Lekir, Hang Lekiu dan Hang Kamar dan Hang Shamsu dan segala biduanda yang empat puloh itu. Arakian maka kumbang nuri itu pun sudah-lah. Maka di-namai raja kenaikan itu Kota Segara. Maka raja pun memberi anugerah akan segala tukang dan utasan itu dan memberi persalin akan segala biduanda empat puloh itu.

Maka titah raja pada segala pegawai dan petuanan, "Tuan2 sakalian akan pergi dengan kita ka-Majapahit itu hendak-lah segera berlengkap dan membangunkan segala kelengkapan sa-buah sa-orang, masing2 pada tanggongan-nya dan atas kuasa-nya; barang siapa tiada membangunkan, kita hukumkan; dan empat puloh hari lagi kita pergi ka-Majapahit itu." Maka sembah segala pegawai dan petuanan itu, "Daulat tuanku, mana titah patek junjong." Maka segala pegawai dan petuanan pun membangun-lah masing2 terlalu ramai-nya; dalam sa-bulan itu juga sudah-lah.

Maka raja pun bertitah kapada Bendahara dan Temenggong, "Ayo mamak Bendahara dan Temenggong, ada pun negeri kita kita serahkan-lah kapada mamak Bendahara dan Temenggong; dan segala pegawai dan petuanan muda2 juga pergi dengan kita. Peliharakan segala ra'ayat kita; jangan alpa. Barang suatu2 pekerjaan itu hendak-lah mafakat; jangan tumang-menumang. Kita

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

pun tiada lama di-Majapahit itu; insha' Allah Ta'ala, jikalau sudah bertentu pekerjaan kita ini, segera juga kita kembali ka-Melaka." Maka sembah Bendahara dan Temenggong, "Pada bichara patek sakalian, akan menunggu negeri ini bukan barang2 pekerjaan patek sakalian. Jikalau musoh perang itu tiada patek endahkan; sa-hingga mati sudah-lah. Patek sakalian menunggu negeri ini, atas batang leher patek sakalian dengan musoh perang. Ada pun yang patek takutkan, api asap juga; kalau demikian negeri Melaka ini akan jadi kubor patek-lah."

Maka raja pun menitahkan Bendahara Paduka Raja berlengkap dan bersimpan segala harta dan segala perkakas sakalian yang di-bawa dan yang tinggal. Yang di-bawa pergi itu kira2 dua puloh bahara emas akan belanja dan permata dan intan dan kain dua puloh peti dan kain yang mulia2 empat peti dan dayang2 tujoh puloh dan gundek dua puloh orang.

Sa-telah lengkap maka Bendahara pun menyuroh menyambut Tun Tuah dan Hang Jebat, Hang Kasturi, Hang Lekir, Hang Lekiu. Maka orang lima itu pun segera datang. Maka oleh Bendahara di-perjamu-nya makan minum. Sa-telah sudah maka berkata Bendahara pada Tun Tuah, "Ada pun hamba menyambut anak-ku kelima ini hendak bertarohkan Duli Yang Di-Pertuan ini, kerana kita dengar khabar-nya Pateh Gajah Mada itu banyak main-nya dan tahu-nya. Tatkala anak-ku mengarak surat, bukan-kah di-suroh penjurit mengamok di-hadapan surat itu? Alang-kah nakal-nya! Jikalau lain daripada anak-ku sakalian, tiada-kah beroleh malu? Itu-lah sebab-nya maka ayahanda berpesan anak-ku kelima bersaudara ini; kerana Pateh Kerma Wijaya itu orang baharu; tiada dapat di-bawa masok meshuarat barang satu pekerjaan yang sukar2. Ada pun pada firasat-ku dan penglihatan-ku, anak-ku kelima ini-lah yang akan dapat membawa Duli Yang Di-Pertuan dan yang di-sopani oleh Pateh Gajah Mada. Ada pun sunggoh banyak pegawai dan petuanan yang pergi itu tiada hamba harap; ia orang muda2; tiada tahu akan semua Jawa dan bujok Melayu, kerana Pateh Gajah Mada orang pulun." Sa-telah sudah Tun Tuah mendengar kata Bendahara itu, maka Tun Tuah dan Hang Jebat pun menyembah seraya berkata, "Sahaya datok kelima bersaudara ini mohonkan ampun dan kurnia di-bawah kadam datok yang maha mulia; pada bichara sahaya datok, ada pun yang Betara Majapahit dan Pateh Gajah Mada itu, jikalau Duli Yang Di-Pertuan satu2 peri, yang Betara Majapahit dan Pateh Gajah itu sahaja di-dalam tangan sahaya datok kelima bersaudara ini; di-mana sahaya beri bergerak? Shahadan negeri Majapahit itu pun kiamat-lah. Insha' Allah Ta'ala, dengan berkat tapak guru hamba, minta selamat Duli Yang Di-Pertuan kembali

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

juga; tetapi yang main Pateh Gajah Mada itu tiada-lah sahaya endahkan. Yang di-takutkan-nya itu hanya-lah penjurit pada tanah Majapahit itu juga, tetapi tiada akan lebeh tahu-nya segala penjurit itu daripada sahaya datok pada barang main-nya sakalian pun." Sa-telah Bendahara mendengar kata Tun Tuah, maka Bendahara pun berpesan pula dan memberi belanja akan Tun Tuah emas dua kati dan Hang Jebat, Hang Kasturi, Hang Lekir, Hang Lekiu pun di-beri oleh Bendahara, tetapi lebeh juga Tun Tuah. Maka Tun Tuah pun bermohon-lah kapada Bendahara lalu pulang ka-rumah-nya.

Maka Bendahara pun di-panggil raja. Maka titah raja, "Ya mamak Bendahara, ada pun kita tiga hari lagi akan belayar; segera-lah mamak Bendahara bermuat dan kerahkan segala pegawai dan petuanan." Maka sembah Bendahara, "Daulat tuanku," lalu ia menyembah lalu ka-perahu pergi bermuat dan mengerahkan segala pegawai dan petuanan akan bermuat dan berlengkap.

Maka kata Tun Tuah kapada Bendahara, "Sahaya datok kelima bersaudara ini di-mana sahaya datok naik? Kapada Mendam Berahi-kah atau kapada Kota Segara-kah?" Maka kata Bendahara, "Ada pun Bentara Tun Tuah dan Hang Jebat, Hang Kasturi dan Hang Lekir, Hang Lekiu di-mana dapat bercherai dengan Duli Yang Di-Pertuan? Naik kapada kenaikan dan bernama Kota Segara Kuning itu; baik jahat pun sama2. Harap Duli Yang Di-Pertuan pun hanya-lah anak-ku kelima bersaudara ini. Ada pun akan Mendam Berahi itu Pateh Kerma Wijaya dan Tun Bija Sura dan segala biduanda sakalian. Maka sebab itu-lah maka bentara Tun Tuah tiada jadi di-gelar dan kurnia nama oleh Duli Yang Di-Pertuan. Apabila bergelar laksamana juga, neschaya jauh-lah daripada Duli Yang Di-Pertuan; tiada dapat naik kelengkapan sa-buah suku atau jadi panglima. Itu-lah maka Tun Tuah tiada di-gelar oleh Duli Yang Di-Pertuan. Insha' Allah Ta'ala, kembali dari Majapahit kelak anak-ku di-gelar laksamana, kerana yang bernama laksamana itu sudah-lah akan Tun Tuah. Ada pun akan sekarang di-mana-tah dapat jauh daripada Duli Yang Di-Pertuan?" Sa-telah Tun Tuah mendengar kata Bendahara demikian itu maka Tun Tuah pun tersenyum seraya berkata, "Sahaya datok ini budak2. Bukan mudah2 orang bergelar laksamana itu; dudok di-atas segala hulubalang dan segala pegawai tua muda. Jikalau di-laut pun laksamana melanggar tiada dapat undor lagi dan jika laksamana itu membunoh tiada bertanya dan tiada di-persembahkan ka-bawah Duli Yang Di-Pertuan dan memakai tiada larangan; maka laksamana nama-nya." Maka kata Bendahara, "Jika tiada saperti kata anak-ku itu, kita pun tiada suka; shahadan kita pun mohon-lah jadi Bendahara. Dalam pada itu pun laksamana itu dapat laksamana makan dengan

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

Bendahara dan Temenggong dan dapat mengikutkan pekerjaan Bendahara. Dalam pada itu pun masakan Duli Yang Di-Pertuan tiada ma'alum akan hal itu."

Maka Bendahara pun berlengkap-lah dua buah perahu kenaikan itu. Sa-telah sudah maka Bendahara pun masok berdatang sembah, "Ya tuanku shah alam, patek di-titahkan Duli Yang Di-Pertuan bermuat dan mengerahkan segala pegawai dan segala peruanan itu berlengkap, sudah-lah patek muatkan pada kenaikan kedua itu." Maka raja pun memberi titah kapada Tun Tuah, "Esok hari kita akan berangkat." Maka sembah Tun Tuah, "Ya tuanku shah alam, baik-lah esok hari Duli Yang Di-Pertuan berangkat itu, pada hari Ahad malam Ithnin; pada ketika itu geroda di-alah oleh ular."

Maka pada hari itu baginda pun meshuarat dengan Bendahara dan Temenggong. Maka titah baginda, "Hai mamak Bendahara dan Temenggong, jikalau Sang Jaya Nantaka itu mengutus ka-Bukit Seguntang, hendak-lah mamak Bendahara suroh pegangkan rajaduta-nya kapada Adipati Palembang sementara kita kembali dari Majapahit itu." Maka sembah Bendahara dan Temenggong, "Daulat tuanku, pada bichara patek, Duli Yang Di-Pertuan berangkat ka-Majapahit itu, jikalau dapat, patek kedua hendak mengiringkan duli tuanku supaya puas hati patek kedua ini."

Sa-telah keesok hari-nya maka raja pun bermohon-lah pada Bendahara dan Temenggong lalu naik ka-atas Kota Segara. Maka segala ra'ayat isi negeri Melaka daripada laki2 dan perempuan semua-nya menangis belas hati-nya melihat kelakuan raja itu. Hatta raja pun sampai-lah pada kenaikan. Maka payong kerajaan yang berumbai2kan emas dan bermalaikan permata di-karang itu pun di-kembangkan orang-lah dan segala tunggul panji2 pun di-pasang orang-lah. Maka meriam pun di-chuchoh orang-lah pada sa-genap kelengkapan itu, terlalu gempita bunyi-nya. Maka gendang pun di-palu orang-lah terlalu ramai. Pada malam itu bulan purnama empat belas haribulan, terlalu terang chahaya-nya saperti menyuloh raja belayar.

• • •

Maka kenaikan pun menarek layar-lah terlalu laju saperti burong terbang laku-nya. Maka Mendam Berahi pun menarek layar mengikut kenaikan, belayar itu menuju tanah Palembang. Tujoh malam belayar itu maka sampai-lah ka-Palembang. Maka Adipati dengan segala pegawai dan orang besar2 pada tanah Palembang itu pun sakalian-nya datang dengan persembah-nya

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

mengadap raja. Maka segala persembah itu pun di-anugerah akan baginda pada segala pegawai dan petuanan. Maka raja pun berhenti-lah di-Palembang itu berburu dan bersuka2an dengan segala menteri dan hulubalang makan minum.

Sa-telah genap tujoh hari di-Palembang itu maka titah raja pada Adipati Palembang, "Jangan-lah Adipati mengiringkan kita." Maka sembah Adipati Palembang, "Daulat tuanku, mana titah patek junjong." Sa-telah sudah raja memberi titah demikian itu maka raja pun belayar-lah menuju tanah Jayakatra. Berapa lama-nya maka sampai-lah ka-Jayakatra. Maka Adipati Jayakatra dengan segala orang kaya2 dan orang besar2-nya pun datang-lah mengadap raja, dengan persembah-nya segala makanan dan buah2an dan sireh pinang, tebu, pisang bertimbun2. Maka segala persembah itu di-anugerahkan raja pada segala pegawai dan petuanan. Maka raja pun turun bermain dan berburu bersuka2an dengan segala menteri dan hulubalang dengan segala bunyi2an temasha.

Tujoh hari tujoh malam baginda di-Jayakatra itu; maka raja pun bermohon pada Adipati Jayakatra lalu belayar menuju Tuban, dan tujoh hari tujoh malam belayar itu maka sampai-lah ka-Tuban. Maka Adipati Tuban pun turun-lah dengan segala orang kaya2 dan orang besar2, datang-lah mengadap raja masing2 dengan persembahan-nya bertimbun2. Maka titah baginda, "Apa khabar sekarang ini di-Majapahit?" Maka sembah Adipati Tuban, "Daulat tuanku, paduka ayahanda itu pada sekarang ini tiada lain daripada pekerjaan-nya itu melainkan menitahkan orang datang menanyakan khabar duli tuanku juga. Paduka ayahanda itu ternanti2; dua tiga hari sa-kali orang datang ka-Tuban suroh sulu, lain berjalan perahu."

Dalam berkata2 itu maka orang Majapahit pun datang sa-buah perahu kechil melihat raja. Maka di-lihat oleh sulu itu kelengkapan banyak di-Tuban; di-lihat-nya kenaikan raja itu bertunggul dan berpayong. Maka segera di-hampiri-nya. Maka di-lihat-nya Adipati ada mengadap raja di-kenaikan itu. Maka orang itu pun naik-lah ka-atas kenaikan itu mengadap raja. Maka titah raja, "Apa pekerjaan kamu datang?" Maka sembah orang itu, "Patek datang ini di-titahkan oleh paduka ayahanda melihat tuanku, kerana paduka ayahanda itu ternanti2 akan duli tuanku; kerana paduka ayahanda suroh sulor." Sa-telah raja mendengar sembah orang itu maka raja pun bertitah, "Segera-lah kamu persembahkan ka-bawah duli paduka Betara itu, kerana kita sudah datang ka-Tuban."

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

Maka orang itu pun menyembah lalu turun ka-perahu-nya belayar kembali memberitahu Pateh Gajah Mada. Maka Pateh Gajah Mada pun segera masok mengadap Seri Betara. Maka sembah Pateh Gajah Mada, "Ya tuanku paduka Betara, akan sekarang paduka anakanda raru Melaka itu datang ka-Tuban." Sa-telah Seri Betara mendengar sembah Pateh Gajah Mada demikian itu, maka titah Seri Betara, "Hai Pateh Gajah Mada, segera-lah berlengkap suroh pengalasan pergi ka-Tuban membawa segala makanan anak-ku Raru Melaka itu."

Maka Pateh Gajah Mada pun berlengkap sa-puloh buah perahu-nya berisi makan2an dan minuman. Maka pengalasan empat orang itu pun pergi-lah ka-Tuban. Sa-telah datang ka-Tuban, maka segala adiah pun di-persembahkan kapada raja. Maka sembah-nya, "Ya tuanku, paduka ayahanda menitahkan patek keempat ini melihat Duli Yang Di-Pertuan. Jikalau sunggoh datang ka-Tuban, segera-lah Duli Yang Di-Pertuan berangkat ka-Majapahit, kerana paduka ayahanda terlalu rindu dendam akan Duli Yang Di-Pertuan bendak bertemu." Maka titah raja, "Kita terlalu rindu dan dendam akan paduka Betara; katakan kita menjunjong kurnia."

Maka pengalasan keempat itu pun bermohon-lah lalu kembali. Maka raja pun belayar ka-Majapahit. Maka segala tunggul panji2 pun terkembang-lah dan meriam pun di-pasang orang-lah pada segala kelengkapan itu, terlalu gempita bunyi-nya. Maka segala bunyi2an pun di-palu orang-lah terlalu ramai.

Maka Seri Betara pun menitahkan Barit Ketika melihat. Maka Barit Ketika pun segera melihat. Maka di-lihat oleh Barit Ketika yang datang itu perentah raja-lah. Maka Barit Ketika pun segera-lah kembali lalu berdatang sembah, "Ya tuanku, yang datang itu paduka anakanda-lah dengan perentah kerajaan." Sa-telah Seri Betara mendengar sembah Barit Ketika itu maka Seri Betara pun bertitah pada Pateh Gajah Mada, "Segera-lah berlengkap dan mengerahkan segala pegawai dan periai sambut anak-ku Raru Melaka itu. Dan yang istana Pateh Gajah Mada berbuat itu pun lengkapi, dan leboh pekan dan pasar suroh persuchi dan segala ra'ayat isi negeri ini semua-nya suroh memakai pakaian yang indah2."

Sa-telah sudah maka Pateh Gajah Mada pun menyembah lalu keluar mengerahkan segala bunyi2an masing2 pada ketumbokan dan menyuroh orang memalu mongmongan. Maka segala raja2 dan cheteria dan periai dan perdana menteri, kasteria dan hulubalang dan pegawai masok mengadap Seri Betara. Maka Seri Betara pun dudok keluar di-paseban di-adap oleh segala raja2 dan cheteria, perdana menteri, kasteria, sida2, bentara, hulubalang sakalian hadhir

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

mengadap. Maka Pateh Gajah Mada pun berdatang sembah, "Ya tuanku paduka Betara, "Segala raja2 sudah berkampong dan akan segala kelengkapan akan menyambut paduka anakanda itu sudah hadhir; mana titah patek junjong." Maka titah Seri Betara, "Hai Pateh Gajah Mada, segera-lah bawa gajah kenaikan kita ini menyambut anak kita Ratu Melaka itu."

Maka Pateh Gajah Mada pun keluar menyurohkan segala raja2 dan perdana menteri dan kasteria pergi menyambut Raja Melaka membawa gajah kenaikan dan beberapa gajah kuda mengiringkan sakalian dengan perhiasan-nya. Tatkala itu Raja Melaka pun sudah memakai dan berhias menantikan orang datang menyambut juga. Maka segala anak raja2 itu pun datang-lah membawa gajah kenaikan, semua-nya pakaian gajah itu daripada emas dan permata. Maka sembah raja2 itu, "Ya tuanku shah alam, patek sakalian ini di-titahkan oleh paduka ayahanda menyambut Duli Yang Di-Pertuan, kerana paduka ayahanda dudok menanti di-balai paseban." Maka titah raja, "Kita pun sudah hadhir menantikan tuan2 sakalian datang juga lagi."

* * *

Arakian maka baginda pun naik-lah ka-atas gajah kenaikan itu. Maka Tun Tuah dan Hang Jebat, Hang Kasturi, Hang Lekir, Hang Lekiu pun memakai keris panjang berpendua dan kelima-nya orang itu tiada jauh daripada gajah baginda itu. Maka segala biduanda empat puloh itu pun semua-nya memakai keris panjang dan berpendua berjalan dahulu. Maka Pateh Kerma Wijaya dan Tun Utama dan Tun Bija Sura dan Tun Ratna Wijaya dan segala hulubalang naik gajah dan kuda sakalian di-hadapan raja. Sa-telah sudah maka payong iram kuning pun terkembang-lah dan chogan alamat yang bermalaikan emas itu pun terdiri-lah. Maka berbunyi-lah gendang arak2an dan nobat dan nafiri, madali, merangu empat puloh bagai itu pun berbunyi-lah. Maka raja pun berangkat-lah di-iringkan oleh segala raja2 dan cheteria, perdana menteri, kasteria, sida2, hulubalang dan segala pegawai dan petuanan dan segala ra'ayat isi negeri Majapahit itu pun sakalian mengiringkan, penoh sesak dengan jalan raya.

Hatta maka raja pun masok-lah ka-dalam negeri. Maka Tun Tuah dan Tun Jebat pun terlalu ingat. Sa-telah raja masok-lah ka-dalam negeri itu, maka Tun Tuah dan Tun Jebat memekis serta menyingsing tangan baju-nya serta menyelak pendua-nya, kata-nya, "Cheh! Mana-tah penjurit yang meng-

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

amok itu? Mari-lah mengamok pula supaya ku-hantarkan beri sampai ka-paseban." Maka raja pun tersenyum mendengar kata Tun Tuah demikian itu.

Maka raja pun sampai-lah ka-paseban. Maka baginda pun hendak turun dari atas gajah-nya. Maka Pateh Gajah Mada pun datang; maka sembah Pateh Gajah Mada, "Titah paduka ayahanda suroh Duli Yang Di-Pertuan masok ka-paseban sa-kali dengan perentah-nya; jangan tuanku turun dari atas gajah kenaikan." Maka raja pun menghalaukan gajah-nya masok ka-paseban. Maka raja2 dan menteri dan kasteria yang dudok mengadap itu pun sakalian-nya turun menyembah. Maka Pateh Gajah Mada pun datang menyambut tangan raja dari atas gajah itu. Maka baginda pun melompat ka-paseban itu lalu berjalan mendapatkan Seri Betara. Maka titah Seri Betara, "Silakan-lah anak-ku dudok sa-buah singgasana." Maka baginda pun dudok-lah lalu menyembah. Maka titah Seri Betara, "Berapa lama-nya anak-ku datang ini di-laut?" Maka sembah Raja Melaka, "Patek ini empat puloh hari di-laut, banyak patek singgah. Jika patek belayar sunggoh2, dua puloh hari sampai-lah." Maka titah Seri Betara, "Mana-tah segala raja2 tiada singgah bermain2? Kerana adat raja itu, barang di-mana tempat yang baik berhenti juga, melihat temasha daripada sa-genap pulau itu; banyak perburuan; maka raja nama-nya." Maka sahut Raja Melaka, "Kesukaan raja2 itu tiada lagi lebeh daripada berburu."

Hatta maka hidangan pun di-angkat orang-lah. Maka segala perwai yang mengangkat hidangan itu pun semua-nya menyandang tatapan kekuningan. Maka Seri Betara pun santap-lah sa-hidangan dengan Ratu Melaka. Maka segala raja2 dan cheteria, perdana menteri sakalian pun makan-lah masing2 pada hidangan-nya. Telah sudah makan maka di-angkat orang pula hidangan minuman. Maka piala yang bertatahkan ratna mutu ma'nikam itu pun di-peredarkan orang-lah. Maka segala hulubalang dan pegawai pun minum-lah. Maka Tun Tuah pun di-anggap orang-lah. Maka kata Tun Tuah, "Bukan sahaya pegawai; jangan di-anggap. Manira kelima ini budak2 Duli Yang Di-Pertuan."

Maka orang minum itu pun terlalu ramai. Maka Tun Tuah dan Tun Jebat, Tun Lekir dan Tun Lekiu dan Tun Kasturi pun tiada-lah jauh di-singgasana Raja Melaka, dudok dengan ingat-nya; shahadan pendua-nya di-selak-nya. Maka Tun Tuah pun berkata pada Hang Jebat dan Hang Kasturi, Hang Lekir, Hang Lekiu dengan bahasa Feringgi: "Ada pun kita lihat laku-nya Pateh Gajah Mada ini; banyak main-nya; terlalu pulun orang-nya. Jika sa-suatu peri Duli Yang Di-Pertuan yang Betara Majapahit dan Pateh Gajah Mada itu bahagian hamba-lah menikam dia; di-mana ku-beri bergerak lagi daripada tempat-nya

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

dudok itu. Ada pun Duli Yang Di-Pertuan di-atas tuan hamba keempat membawa ka-perahu." Maka sahut Hang Jebat, Hang Kasturi, Hang Lekir, Hang Lekiu, "Insha' Allah Ta'ala, dengan berkat Nabi, kemudian dengan daulat Duli Yang Di-Pertuan, dengan sempurna-nya hamba bawa turun ka-perahu-nya."

Maka Seri Betara pun memberi titah pada Pateh Gajah Mada, "Sudah-kah tuan hamba perbuat istana anak kita Raja Melaka, kalau2 anak kita hendak melihat istana tempat berhenti?" Maka sembah Pateh Gajah Mada, "Daulat tuanku paduka Betara." Maka Seri Betara pun bertitah kapada Raja Melaka, "Ya anak-ku, baik juga anak-ku silakan melihat istana tempat anak-ku dudok itu." Maka sembah Raja Melaka, "Mana titah patek junjong."

Maka Raja Melaka pun bermohon-lah kapada Seri Betara lalu naik gajah kenaikan itu. Maka Pateh Gajah Mada pun menyembah lalu turun mengiringkan Ratu Melaka itu. Maka sembah Pateh Gajah Mada, "Ya tuanku shah alam, patek berbuat istana Duli Yang Di-Pertuan itu hampir kampong patek." Maka titah baginda, "Kita pun suka dudok dekat paman pateh, kerana kita ini umpama dagang; yang kita harap itu paman pateh-lah akan ganti ibu bapa kita." Maka Raja Melaka pun berangkat-lah di-iringkan oleh Pateh Gajah Mada, dan segala pegawai dan petuanan pun masing2 dudok berator terlalu ramai berkeliling istana Raja Melaka itu.

• • •

Maka baginda pun sediakala dudok pergi mengadap Betara Majapahit bertunggu tunangan. Maka sa-kali waktu Pateh Gajah Mada pun berdatang mengadap Raja Melaka. Maka Raja Melaka pun bertitah, "Ada pun kita ini hendak menjadi hamba ka-bawah Duli Paduka Betara. Ada pun yang kita harap ini hanya-lah paman pateh akan jadi ayah bonda; kita datang ka-Majapahit ini tiada dengan sa-tahu ayah bonda kita." Maka sembah Pateh Gajah Mada, "Daulat tuanku, patek mohonkan ampun dan kurnia. Ada pun yang pekerjaan Duli Yang Di-Pertuan itu di-atas patek-lah, kerana paduka ayahanda pun lagi berlengkap pakaian dan kerja dan patek pun sudah berlengkap dan mengerahkan segala raja2 yang ta'alok kapada paduka ayahanda itu sakalian, patek suroh datang dengan segala anak isteri-nya sa-kali; dalam bulan ini-lah akan datang segala raja2 itu." Maka Raja Melaka pun terlalu sukachita mendengar sembah Pateh Gajah Mada itu.

Maka Barit Ketika pun datang di-titahkan menyambut Raja Melaka. Maka Raja Melaka pun segera naik ka-atas gajah berangkat. Sa-telah datang ka-

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

paseban, maka segala raja2 itu pun turun menyembah Raja Melaka. Maka baginda pun naik-lah ka-paseban itu lalu dudok menyembah Seri Betara. Maka titah Seri Betara, "Ya anak-ku, jangan tuan shak hati akan pekerjaan anak-ku itu, kerana ayahanda pun memberi surat mengerahkan segala raja2 dan segala adipati yang memegang anak sungai suroh datang dengan anak isteri-nya. Dalam bulan ini juga segala raja2 itu datang." Maka sembah Raja Melaka, "Ya tuanku, yang kurnia paduka Betara itu sa-penoh-nya-lah di-atas batu kepala patek; patek datang dari Melaka ini harap-lah akan kurnia duli tuanku."

Maka hidangan nasi pun di-angkat orang-lah. Maka Seri Betara pun santap sa-hidangan dengan Raja Melaka. Sa-telah sudah santap maka di-angkat orang pula hidangan minuman. Sa-telah sudah, santap2 sireh dan memakai bau2an. Maka di-lihat oleh Seri Betara Hang Tuah, Hang Jebat, Hang Kasturi, Hang Lekir, Hang Lekiu itu tiada jauh daripada sisi Raja Melaka, sa-ketika pun tiada bercherai. Maka segala kelakuan itu semua-nya di-lihat oleh Seri Betara. Maka di-dalam hati-nya Seri Betara: 'Demikian-lah orang yang bersetia dengan tuan-nya dan hamba yang di-kaseh, terlalu sangat ia memelihara akan tuan-nya. Hamba yang demikian itu kalau hamba-ku, sa-buah negeri aku berikan akan dia'. Maka Tun Tuah pun tahu akan fikir Seri Betara itu.

Maka hari pun petang-lah. Maka Raja Melaka pun bermohon-lah kembali ka-istana.

• • •

Maka Betara pun memanggil Pateh Gajah Mada; maka Pateh Gajah Mada pun datang mengadap Raru Majapahit. Maka titah Seri Betara, "Hai Pateh Gajah Mada, aku memanggil engkau ini aku hendak meshuarat; ada suatu kehendak-ku." Maka sembah Pateh Gajah Mada, "Ya tuanku paduka Betara, apa juga kehendak paduka Betara itu? Katakan supaya patek kerjakan." Maka titah Seri Betara, "Hai Pateh Gajah Mada, aku lihat segala menteri hulubalang Raja Melaka yang banyak ini tiada saperti hamba-nya yang lima itu; tiada sa-kali jauh daripada sisi Raja Melaka itu dengan ingat-nya, sa-ketika pun tiada bercherai dengan Raja Melaka. Ada pun bichara hati-ku, jikalau anak-ku kahwin dengan Raru Melaka itu, ta' dapat tiada di-bawa-nya kembali juga anak-ku ini ka-Melaka, kerana hamba-nya yang lima ini bukan barang2 berani-nya dan ingat-nya. Dalam lima itu, ku-lihat pada sikap hulubalang-nya, yang bernama Tun Tuah itu lebeh berani-nya; akhir-nya jadi hulubalang besar pada

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

tanah Melayu. Jikalau dapat, baik juga suroh bunoh dengan tipu. Apabila ia mati, barang kehendak hati kita pun berlaku-lah; tiada ia kembali ka-Melaka, kerana yang di-harap itu hanya-lah Tun Tuah dan orang empat itu-lah. Tetapi Tun Tuah juga kita kenai dahulu."

Sa-telah Pateh Gajah Mada mendengar titah Seri Betara demikian itu, maka kata Pateh Gajah Mada, "Pada bichara patek pun demikian dari sa-lama-nya; hendak pun patek berdatang sembah, patek takut akan Duli Paduka Betara tiada mau mengerjakan dia. Patek lihat dari mula-nya datang utusan itu patek hendak kenai." Maka titah Seri Betara, "Apa bichara kita akan mengenai kiai Tuah itu?" Maka sembah Pateh Gajah Mada, "Ya tuanku, ada suatu bichara. Mari kita suroh tikam pada sa-orang penjurit tatkala ia menari itu.' Maka titah Seri Betara, "Apa tipu kita mengenai itu, kerana ia terlalu ingat? Tiada ia mau minum banyak." Maka kata Pateh Gajah Mada, "Tatkala itu hendak-lah tuanku santap minuman dan patek pun hayapan; Duli Betara pun sa-bagai melarah kapada-nya dan patek, Temenggong dan segala orang besar2 yang melawan minum dengan dia itu. Neschaya mabok; ta' dapat tiada ia bangun menari. Maka tatkala itu-lah suroh tikam, kerana ia alpa." Maka titah Seri Betara, "Benar-lah kata Pateh Gajah Mada itu."

Pada keesokan hari-nya maka Barit Ketika pun datang di-titahkan menyambut Ratu Melaka. Maka Raja Melaka pun datang-lah mengadap Seri Betara. Maka Hang Tuah, Hang Jebat, Hang Kasturi, Hang Lekir, Hang Lekiu pun dudok di-bawah Raja Melaka, kelima-nya memakai keris panjang-nya. Sa-telah sudah hidangan pun di-angkat orang-lah. Maka makan-lah masing2 pada hidangan-nya. Sa-telah sudah maka minuman pula di-angkat orang-lah; piala yang bertatahkan ratna mutu ma'nikam itu pun di-peredar orang-lah kapada segala raja2 dan menteri dan cheteria hulubalang sakalian; maka minum-lah.

Maka sa-telah beberapa chawan sa-orang, maka titah Seri Betara pada Raja Melaka, "Ada-kah anak-ku membawa biduan yang baik suara-nya, kerana ayah anda terlalu ingin hendak melihat biduan Melayu menyanyi dan menari?' Maka sembah Raja Melaka, "Ada tuanku, patek bawa empat orang biduan Melayu tahu menari dan bernyanyi." Maka raja pun bertitah kapada Hang Kamar dan Hang Shamsu, "Pergi memanggil Dang Chondong dan Dang Anum dan Dang Ratna Chendera Mendani."

Maka Hang Kamar dan Hang Shamsu pun datang membawa biduan empat orang itu. Maka Tun Tuah pun tahu akan kehendak Ratu Majapahit itu. Maka rebana pun berbunyi-lah. Maka segala raja2 itu pun berasa khayal-lah lalu berbangkit menari beranggap-anggapan terlalu ramai. Maka Pateh Gajah

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

Mada pun sa-bagai memandang pada Tun Tuah. Maka Seri Betara pun santap sadikit, sisa-nya di-berikan pada Tun Tuah, seraya bertitah, "Hai Tuah, jika sunggoh engkau kaseh akan anak-ku Ratu Melaka itu, minum-lah sisa-ku ini, kerana engkau lima orang ini ku-lihat tiada bergerak bertunggu anak-ku." Maka oleh Tun Tuah di-sambut-nya piala itu lalu di-junjong-nya seraya berdatang sembah, "Daulat tuanku andika Betara, patek menjunjong anugerah," lalu di-minum-nya. Maka Pateh Gajah Mada pun beranggap pada Tun Tuah. Maka di-sambut-nya oleh Tun Tuah lalu di-minum-nya. Maka Tun Tuah pun tersenyum kerana Tun Tuah orang bijaksana; barang ilmu tahu; arak itu pun jadi saperti ayer di-minum-nya. Maka Tun Tuah pun berbuat mabok. Di-lihat oleh Pateh Gajah Mada Tun Tuah sudah mabok, keris panjang-nya pun terjuntai-juntai dan pendua-nya pun tertudong dengan baju-nya. Maka di-dalam hati Seri Betara dan Pateh Gajah Mada: 'Sa-kali ini kena-lah Si Tuah ini oleh-ku, kerana ia sudah mabok.' Maka Pateh Gajah Mada pun menyembah pada Seri Betara lalu bangun menari. Maka di-anggapkan-nya pada Tun Tuah. Maka kata Tun Tuah, "Kula tiada tahu menari. Jikalau sambil bermain pedang dan perisai atau main keris panjang, tahu-lah kula." Maka titah Seri Betara, "Menari apa-lah kiai Tuah. Ingin-lah kita hendak melihat-mu menari." Maka sembah Tun Tuah, "Daulat tuanku andika, ini menari chara-hulubalang-lah." Maka Tun Tuah pun menyembah Seri Betara dan Raja Melaka lalu bangun menari, serta di-singsing-nya tangan baju-nya lalu di-pegang hulu keris panjang-nya. Maka tangan kanan di-kedang2-nya. Apabila tangan-nya kanan memegang hulu keris panjang-nya, maka tangan-nya kiri di-kedang2kan-nya, lalu di-lompatkan-nya.

Maka penjurit yang hendak menikam Tun Tuah itu pun ada terdiri di-balek tiang hendak menikam Tun Tuah, maka di-lihat-nya oleh penjurit akan kelakuan Tun Tuah; maka ia pun fikir dalam hati-nya: 'Jikalau saperti Melayu ini, sukar-lah menikam dia. Janganlah aku sa-orang dapat menikam dia, jikalau empat lima orang pun tiada dapat menikam dia. Jikalau terhunus keris panjang-nya ini semaja-lah berterjunan segala raja2 di-paseban ini; shaha-dan Seri Betara dan Pateh Gajah Mada pun tiada akan dapat berlepaskan diri-nya.' Sa-telah sudah ia fikir demikian, maka penjurit itu pun turun dari paseban itu. Maka Tun Tuah pun sudah-lah menari itu lalu dudok menyembah Seri Betara dan Raja Melaka. Maka Seri Betara pun kemalu2an lalu bertitah menyuroh memberi anugerah akan Tun Tuah persalin pakaian sa-lengkap-nya. Maka orang minum itu pun sudah-lah. Maka Raja Melaka pun bermohon-lah pada Seri Betara lalu kembali ka-istana-nya.

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

Sa-telah Raja Melaka sudah kembali, maka Seri Betara pun memberi titah pada Pateh Gajah Mada, "Hai Pateh Gajah Mada, apa bichara kita mengenai kiai Tuah itu?" Maka sembah Pateh Gajah Mada, "Ya tuanku, sabar juga dahulu. Yang akan mengenai kiai Tuah itu atas patek-lah, kerana banyak lagi penjurit yang kepetangan patek peliharakan. Indah apa-tah membunoh kiai Tuah itu dan segala Melayu lima orang itu, selang negeri besar2 lagi dapat di-alahkan? Ada pun pekerjaan anakanda juga tuanku bicharakan, supaya main kita jangan ketara, kerana Melayu ini bijaksana." Maka titah Seri Betara, "Benar-lah kata Pateh Gajah Mada itu." Maka Betara Majapahit pun berangkat masok ka-dalam istana. Maka Pateh Gajah Mada pun kembali ka-rumah-nya.

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

BAB VII

MAKA Seri Betara pun berlengkap-lah akan pekerjaan Raden Galuh Emas Ayu akan kahwin dengan Raja Melaka ini. Maka segala raja2 dan Adipati yang ta'alok ka-Majapahit itu pun datang-lah dengan anak isteri-nya beratus2, segala lurah tanah Jawa itu datang. Maka Pateh Gajah Mada pun masok berdatang sembah, "Ya Tuanku Paduka Betara, akan sekarang ini segala raja2 dan Adipati yang ta'alok ka-bawah Duli Tuanku itu telah datang-lah dengan segala isteri-nya dan persembah-nya." Sa-telah Seri Betara mendengar sembah Pateh Gajah Mada demikian itu, maka titah Seri Betara, "Jika demikian, berlengkap-lah Pateh Gajah Mada, kita hendak memulai pekerjaan akan berjaga2." Maka sembah Pateh Gajah Mada, "Daulat Tuanku Andika Betara." Maka Pateh Gajah Mada pun menyembah lalu keluar mengerahkan segala raja2 dan Adipati dan segala pegawai dan periai berhimpun masok ka-paseban dan mengerahkan segala raja2 dan segala ra'ayat memalu bunyi2an daripada gendang, serunai, madali, nafiri, samping, sekati, cherachap, terlalu ramai orang berjaga2 itu dalam negeri Betara. Maka bunyi2an pun di-palu orang-lah terlalu ramai.

Maka sembah Pateh Kerma Wijaya, "Ya Tuanku Shah Alam, patek dengar khabar-nya segala raja2 dan Adipati sudah datang berhimpun, itu-lah maka Seri Betara memulai pekerjaan berjaga2. Pada bichara patek, baik juga Duli Yang Di-Pertuan menyembahkan belanja itu pada hari ini-lah." Maka sembah Bentara Tun Tuah, "Benar-lah, tuanku, sembah patek itu, kerana paduka ayahanda itu raja besar pada zaman ini, supaya terberat pada mata-nya; jangan di-kata oleh segala raja2 yang banyak itu dan segala orang sakalian akan Duli Yang Di-Pertuan miskin, di-pungut akan menantu oleh Seri Betara."

Maka raja pun berlengkap-lah persembah emas belanja akan Seri Betara itu, emas tujoh bahara dan kain tujoh peti dan perempuan dayang2 tujoh puloh, baik rupa-nya, dan kain bersuji dan tepi tujoh helai; lain daripada itu beberapa pula persembah Raja Melaka. Yang membawa persembah itu Tun Utama dan

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

Pateh Kerma Wijaya dan Tun Bija Sura dan Tun Ratna Diraja. Maka persembah itu pun di-arak orang-lah, terlalu banyak orang mengiringkan dia. Dan orang yang membawa persembah itu pun baik2 rupa-nya, saperti dalam tulis rupa-nya.

Persembah itu pun sampai-lah ka-dalam. Pada tatkala itu Seri Betara sedang ramai di-hadap orang dan segala raja2 dan Adipati di-paseban agong. Maka segala pegawai empat orang itu pun datang-lah mengiringkan persembah itu. Maka sembah Pateh Gajah Mada, "Ya tuanku, orang membawa persembah daripada paduka anakanda Sultan Melaka ka-bawah Paduka Betara dengan tiada saperti-nya, umpama bunga sa-tangkai juga, tanda menjadi hamba ka-bawah Duli Paduka Betara." Sa-telah Seri Betara melihat persembah Raja Melaka itu, maka titah baginda, "Hai Pateh Kerma Wijaya dan Tun Utama, menerima kaseh-lah kapada anak kita Ratu Melaka itu. Bersusah2 anak kita memberi belanja ini, kerana segala yang ada pada kita ini pun kita berikan kapada-nya. Bukan anak kita dua tiga, hanya-lah Ratu Melaka." Maka sembah Pateh Kerma Wijaya, "Daulat Tuanku Paduka Betara, patek mohonkan ampun dan kurnia; ada pun adat Melayu demikian-lah; jika bunga sa-kuntum pun di-persembahkan juga akan Paduka Betara akan tanda hamba ka-bawah Duli Paduka Betara; maka suka-lah hati paduka anakanda." Sa-telah sudah persembah itu di-terima oleh Betara Majapahit, maka Pateh Kerma Wijaya dan Tun Utama dan Tun Ratna Diraja semua-nya di-beri-nya persalin dan di-anugerahi minuman keempat-nya. Maka ia pun semua-nya di-persembahkan-nya pada raja; raja pun tersenyum.

Hatta maka Pateh Gajah Mada pun datang-lah mengadap Raja Melaka. Maka sembah Pateh Gajah Mada, "Ya tuanku, apa-tah sebab-nya maka tuanku tiada mahu berjaga2? Apa yang tiada kapada tuanku?" Maka titah Raja Melaka, "Ya paman Pateh, hendak pun kita berjaga2, belum lagi kita mendengar titah Paduka Betara. Kita ini dagang: salah-kah atau benar-kah? Jikalau dengan titah Seri Betara berani-lah kita bermain2." Maka sembah Pateh Gajah Mada, "Patek datang mengadap Duli Yang Di-Pertuan ini dengan titah paduka ayahanda menyurohkan Duli Yang Di-Pertuan berjaga2. Barang yang tiada ka-bawah duli itu paduka ayahanda hantari." Maka titah Raja Melaka, "Ya paman Pateh, katakan sembah kita ka-bawah Duli Paduka Betara. Ada pun paman Pateh sendiri-lah tahu akan hal kita; jika di-negeri kita, tahu-lah berkata2; akan sekarang ini kita di-Majapahit, mana titah Seri Betara kita junjong."

Sa-telah sudah Raja Melaka bertitah, maka Pateh Kerma Gajah Mada pun di-beri persalin dengan sa-lengkap-nya dan di-perjamu-nya makan minum

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

bersuka2an. Sa-telah sudah maka Pateh Gajah Mada pun bermohon-lah pada Raja Melaka masok mengadap Seri Betara. Maka segala kata Raja Melaka itu semua-nya di-persembahkan-nya pada Seri Betara Majapahit. Maka titah Seri Betara, "Benar-lah saperti kata-nya."

Maka Raja Melaka pun datang mengadap Seri Betara. Maka segala raja2 dan Adipati dan segala pegawai itu pun sakalian-nya turun dari atas paseban itu menyembah raja. Maka segala raja2 dan cheteria pun mengiringkan dari belakang lalu naik dudok di-atas peterana menyembah Seri Betara. Sa-telah sudah maka hidangan pun di-angkat orang-lah. Maka makan-lah masing2 pada hidangan-nya. Sa-telah sudah maka minuman pula datang. Maka piala yang bertatahkan ratna mutu ma'nikam itu pun di-peredarkan orang-lah. Maka segala bunyi2an pun di-palu orang-lah terlalu ramai.

Maka ada sa-orang penjurit terlalu tahu bermain tombak dan bertikam2an. Jikalau empat lima orang menikam dia, tiada kena. Maka penjurit itu pun di-pesan oleh Pateh Gajah Mada, kata-nya, "Hai penjurit, ada pun tatkala orang bermain itu, kata-mu daripada hadapan Ratu Melaka itu: 'Mana-tah hulubalang Melayu yang tahu bermain tombak dan senjata dan keris panjang dan tahu bermain lembing dan perisai; mari-lah berhadapan dengan aku, empat pun baik lima pun baik, tiada ku-endahkan.' Apabila datang sa-orang Melayu Tun Tuah nama-nya, demikian sifat-nya, maka ia berhadapan dengan engkau, bunoh oleh-mu beri mati2." Maka kata penjurit itu, "Baik-lah; jangankan sa-orang Melayu itu, jikalau sa-ratus atau dua ratus sa-kali pun tiadakan dapat lepas daripada tangan-ku."

Sa-telah sudah Pateh Gajah Mada berpesan pada penjurit itu, maka Pateh Gajah Mada pun naik dudok di-paseban itu mengadap segala raja2 makan minum itu. Maka segala raja2 pun bermain-lah terlalu ramai masing2 pada tahu-nya: ada yang bermain tombak, ada yang bermain dadap, ada yang bermain tandak, ada yang bermain berakat, ada yang bermain wayang, terlalu ramai orang bermain itu. Maka penjurit itu pun mengambil tombak-nya lalu turun bermain. Apabila segala periai banyak itu melihat penjurit itu bermain tombak, maka segala periai yang bermain itu semua-nya itu berhenti, kerana ia tahu akan penjurit itu pandai bermain tombak; tiada berlawan di-tanah Majapahit itu; dan lagi guru daripada segala pegawai dan periai. Maka penjurit itu pun bermain-lah saperti tiada berjejak di-bumi laku-nya. Maka ia pun memekis, kata-nya "Cheh! Mana-tah penjurit bernama Tameng Sari itu? Mari-lah berhadapan dengan aku supaya aku penggal leher-nya! Shahadan mana-tah hulubalang Melayu yang bernama Kiai Tuah itu? Mari-lah ber-

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

hadapan dengan aku, empat baik lima baik, tiada ku-endahkan. Dengan kayu juga ku-tikam tiada akan bertahan!"

Hatta maka terdengar-lah kata penjurit itu pada Tun Tuah. Maka kata Tun Tuah, seraya tertawa2, "Siapa di-panggil itu dan siapa yang hendak di-beri-nya empat lima itu?" Maka penjurit itu pun memekis pula, kata-nya, "Cheh! Mana-tah hulubalang Melayu yang bernama Kiai Tuah itu? Mari-lah segera turun bermain di-hadapan Seri Betara dan di-hadapan segala raja2 yang banyak ini, supaya di-lihat oleh Seri Betara dan segala raja2 yang banyak ini."

Sa-telah Tun Tuah mendengar kata penjurit memanggil dia itu, maka Tun Tuah menyembah pada Seri Betara dan Raja Melaka lalu turun dari paseban itu seraya di-singsing tangan baju-nya lalu di-pegang-nya hulu keris panjang-nya tempa Melaka itu, lalu berhadapan dengan penjurit itu. Kata-nya, "Siapa nama-mu? Aku memanggil Hang Tuah. Engkau datang hendak mati-kah engkau?" Maka sahut Tun Tuah, "Hai peléntér penchuri! Aku-lah yang bernama Tun Tuah hulubalang Raja Melaka; dan aku datang ini hendak membunoh engkau. Aku di-titahkan Seri Betara kerana engkau sangat penchuri di-dalam negeri Majapahit ini." Sa-telah penjurit itu mendengar kata Tun Tuah demikian itu, maka ia pun terlalu amarah, saperti api bernyala2 muka-nya, serta di-kisar-nya tombak-nya lalu di-tikam-nya kapada dada Tun Tuah. Tun Tuah pun segera melompat serta di-hunus keris panjang-nya lalu di-parang-nya mata tombak itu lalu putus. Penjurit itu pun segera menghunus keris-nya lalu di-tikam-nya pada dada-nya Tun Tuah. Maka Tun Tuah segera melompat menyalahkan tikam penjurit itu sambil ia menyarongkan keris panjang-nya. Maka kata Tun Tuah, "Sayang-nya aku tatkala pekerjaan tuanku ini belum selesai; jika tiada, sekarang juga engkau ku-bunoh."

Sa-telah di-lihat oleh Pateh Gajah Mada segala kelakuan itu, dengan mudah-nya juga oleh Tun Tuah menyalahkan tikaman penjurit itu — shahadan segala raja2 dan Adipati yang di-atas paseban itu pun hairan melihat kelakuan Tun Tuah memarang mata tombak itu dan menyalahkan tikam penjurit itu dengan mudah-nya juga dan tiada sempat menghunus keris panjang-nya itu — maka Pateh Gajah Mada pun segera memegang tangan penjurit itu. Maka kata Tun Tuah, "Lamun hendak bertikam lagi, persembahkan ka-bawah Duli Paduka Betara, supaya kita bertikam bermati2." Maka penjurit itu pun sa-bagai meronta2 hendak bertikam dengan Tun Tuah. Maka Hang Jebat pun segera datang. Maka kata Hang Jebat pada Pateh Gajah Mada itu, "Lepaskan juga, tuanku, kerana ia sangat hendak bertikam." Maka Seri Betara pun kemalu2-an melihat Tun Tuah melawan penjurit itu. Maka Seri Betara pun

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

amarah, lalu bertitah, "Hai Pateh Gajah Mada lepaskan penjurit itu! Jika tiada kau lepaskan, engkau kena murka." Sa-telah Pateh Gajah Mada mendengar titah demikian itu, maka Pateh Gajah Mada pun tahu akan titah Seri Betara itu. Maka Pateh Gajah Mada pun segera di-lepaskan-nya penjurit itu.

Sa-telah di-lepaskan-nya maka penjurit itu pun segera berlari2 serta di-tikam-nya dada Tun Tuah, di-pertubu-tubi-nya tikam; tetapi Tun Tuah orang tahu bermain senjata pada barang main-nya. Maka Tun Tuah pun segera melompat ka-kiri dan ka-kanan menyalahkan tikam penjurit itu. Maka Tun Tuah pun melompat ka-hadapan serta menghunus keris pendua-nya; maka di-lompat ka-kanan dan ka-belakang penjurit itu lalu di-tikam-nya dada-nya penjurit itu terus ka-belakang. Maka Tun Tuah pun melompat serta memekis, kata-nya, "Cheh, mati engkau oleh-ku!" Harta maka penjurit itu pun rebah tersungkor di-hadapan paseban itu. Maka Tun Tuah pun segera menyarong keris-nya lalu naik menyembah Seri Betara dan Raja Melaka.

Maka titah Seri Betara, "Baik-lah Kiai Tuah membunoh orang itu. Jikalau ia tiada mati, naik-lah ka-paseban ia mengamok, siapa tahu?" Maka sembah Tun Tuah, "Daulat Tuan Andika Betara." Maka Seri Betara pun memberi anugerah akan Tun Tuah pakaian sa-lengkap-nya. Maka Raja Melaka pun bermohon kembali ka-istana-nya. Maka titah Seri Betara, "Hai anak-ku, tiadakah bersuka2an dengan segala menteri dan hulubalang anak-ku? Apa yang tiada ayahanda hantari." Maka sembah Raja Melaka, "Daulat Tuanku." Maka Raja Melaka pun berjalan-lah kembali ka-istana-nya.

Maka Raden Aria pun datang mengadap Raru Melaka. Maka sembah Raden Aria, "Ya tuanku, ada pun main ini main Pateh Gajah Mada juga, paduka ayahanda di-mana tahu?" Maka titah Raja Melaka, "Baik-nya Tun Tuah tiada satu2 peri. Apa-tah nama kita menjadi hamba ka-bawah Duli Paduka Betara? Lagi pun di-titahkan oleh Paduka Betara berjaga2 dan bermain2 lawan hamba sahaya kita; sebab ini-lah." Maka sembah Raden Aria, "Daulat Tuanku Shah Alam, baik juga Duli Yang Di-Pertuan bersuka2an dengan segala pegawai dan petuanan, kerana Duli Yang Di-Pertuan anak raja besar juga dan lagi berasal. Akan paduka adinda dari benua Keling lagi tiada mahu menyembah paduka ayahanda ini, sebab di-dengar-nya Duli Tuanku hendak menjadi hamba dan anak pada ayahanda ini." Sa-telah baginda mendengar sembah Raden Aria itu, maka baginda pun tersenyum.

Maka Raja Melaka pun pada ketika itu juga menyuroh orang memulai pekerjaan berjaga2. Maka segala bunyi2an pun di-palu orang-lah daripada gendang, serunai, negara merangu, madali, kopak, cherachap, serdam, bangsi, muri, dandi,

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

rebana, kechapi. Maka rebana pun berbunyi-lah; shahadan suara-nya pun terlalu merdu. Maka segala pegawai dan petuanan pun bersuka2an makan minum. Maka piala yang bertatahkan ratna mutu ma'nikam itu pun di-peredarkan orang-lah kapada segala pegawai dan petuanan. Maka Tun Tuah menyembah lalu bangun menari beranggap2an. Maka Raden Aria pun di-anggap oleh Tun Tuah; maka Raden Aria pun menyembah pada Raja Melaka bangun menari. Maka segala pegawai dan petuanan pun suka melihat Raden Aria menari. Maka Raden Aria pun sudah-lah menari itu, lalu dudok menyembah.

Maka Pateh Gajah Mada pun datang mengadap Raja Melaka. Raja Melaka pun berjamu Pateh Gajah Mada makan minum bersuka2an dan di-persalin dengan sa-lengkap-nya. Maka sembah Pateh Gajah Mada, "Ya tuanku, berjaga2 itu pun sudah-lah hampir empat puloh hari. Dua hari lagi Duli Yang Di-Pertuan akan berarak masok." Maka titah raja, "Ya paman, kita ini hamba ka-bawah Duli Betara; mana titah kita junjong." Maka Pateh Gajah Mada pun berkata pada Tun Tuah, "Ayoh anak Tun Tuah, banyak kita berhutang kaseh kapada anak Tuah. Jikalau lambat anak Tuah menikam juga, neschaya matilah manira di-tikam-nya, kerana manira orang tua tiada terpegang." Maka sahut Tun Tuah, "Pada bichara manira, jangankan saperti peléntér itu tiadakan manira tikam, jikalau Penggawa Majapahit itu sa-kali pun manira tikam juga." Sa-telah Pateh Gajah Mada mendengar kata Tun Tuah demikian itu maka Pateh Gajah Mada pun malu tersipu2, lalu bermohon pulang ka-rumah-nya. Maka segala pegawai dan petuanan pun makan minum datang siang.

• • •

Maka baginda pun mandi dan memakai pakaian yang indah2. Sa-telah sudah memakai, maka baginda pun masok mengadap Seri Betara di-iringkan oleh segala pegawai dan petuanan dan biduanda. Tatkala itu Seri Betara sedang ramai di-hadap orang Majapahit. Melihat Raja Melaka datang, maka segala orang itu pun habis turun menyembah. Maka Raja Melaka pun naik ka-paseban dudok di-atas seraya menyembah Seri Betara. Maka raja2 dan cheteria dan perdana menteri dan sida2 bentara hulubalang sakalian pun naik dudok berator masing2 pada tempat-nya. Maka hidangan pun di-angkat orang-lah. Maka Seri Betara dan Raja Melaka pun santap-lah dua orang sahidangan. Sa-telah sudah maka di-angkat orang pula hidangan minuman. Maka piala yang bertatahkan ratna mutu ma'nikam itu pun di-peredarkan

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

orang-lah kapada segala raja2, dan cheteria dan perdana menteri dan segala hulubalang sakalian pun makan minum-lah.

Maka bunyi gempar-lah di-luar pintu paseban itu mengatakan orang mengamok. Maka kata-nya, "Aku-lah yang bernama Tameng Sari, penjurit tua!" dan terlalu banyak orang di-tikam-nya; barang di-mana di-tempoh-nya tiada bertahan. Maka Tameng Sari pun melompat lalu naik masok ka-paseban itu. Maka barang yang terlintang di-tikam-nya. Maka segala raja2 habis berlarian dan segala hulubalang itu pun gempar-lah lalu ia berdiri. Maka Tameng Sari pun berlari naik ka-paseban itu serta di-tikam-nya orang yang berdiri di-tapakan itu: ada yang mati, ada yang luka. Segala raja2 dan Adipati pun gempar-lah lalu menghunus keris-nya dan pedang-nya, dan ada yang memegang tombak bertahan di-atas paseban itu; ada yang memegang pedang perisai-nya di-hadapan Seri Betara dan Raja Melaka. Maka Pateh Gajah Mada pun segera berdiri melihat orang gempar itu. Maka Tun Tuah dan Tun Jebat dan Hang Kasturi, Hang Lekir, Hang Lekiu pun segera melompat menyelak pendua-nya lalu dudok di-bawah Raja Melaka, seraya berkata, "Di-mana orang mengamok itu?" Maka Pateh Gajah Mada itu pun berkata2 orang mengamok yang terlalu deras-nya, bernyala2 saperti api, datang-nya itu saperti baling2. Sa-telah itu maka Tameng Sari pun melompat naik kapada paseban itu, lalu di-tikam-nya segala raja2 dan cheteria yang di-atas paseban itu: banyak mati. Maka segala raja2 dan cheteria dan perdana menteri itu pun habis berterjunan lalu lari membawa diri-nya.

Sa-telah di-lihat oleh Betara Majapahit kelakuan segala raja2 banyak mati dan sa-tengah luka — yang ada tinggal itu habis lari membawa diri-nya: ada yang lari ka-bawah paseban itu, ada yang lari keluar, ada yang bersembunyi di-atas kota istana itu, terbanyak pula yang merebahkan diri-nya pada orang mati itu — maka Ratu Majapahit pun segera berbangkit lalu di-pegang-nya tangan Raja Melaka di-bawa-nya masok ka-dalam istana. Maka pintu istana pun di-tutup orang-lah ketujoh lapis itu pun, sunyi sa-orang pun tiada lagi tinggal habis lari.

Maka di-lihat oleh Tun Tuah kelakuan Ratu Majapahit itu; maka Tun Tuah pun datang-lah gembira rasa-nya. Maka Tun Tuah pun memekis, kata-nya, "Cheh! Mana-tah Pateh Gajah Mada? Di-kata orang berani maka orang mengamok sa-orang ini pergi membawa diri-nya!" Maka Tun Tuah pun menghunus keris-nya, lalu melompat berdiri di-tengah paseban Tameng Sari datang.

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

Sa-telah di-lihat oleh Tameng Sari sa-orang Melayu terdiri di-tengah paseban itu dengan keris-nya sudah terhunus, maka Tameng Sari pun segera berlari2 serta di-tikam-nya akan Tun Tuah, serta kata-nya, "Siapa engkau maka terlintang di-hadapan-ku ini?" Maka Tun Tuah melompat menyalahkan tikam penjurit itu, seraya kata-nya, "Aku-lah hulubalang Raja Melaka. Shahadan aku-lah yang bernama Laksamana, hulubalang pada Tanah Melayu; dan engkau siapa?" "Aku-lah penjurit tua pada tanah Majapahit." Maka Tun Tuah pun melompat serta di-parang-nya dengan keris panjang-nya, kena tuboh-nya rebah tersungkor, tiada lut. Maka Tameng Sari pun berbangkit bangun menari berdiri serta di-tikam-nya dada Tun Tuah; di-pertubi2-nya. Maka Tun Tuah pun melompat ka-kanan dan ka-kiri menyalahkan tikam Tameng Sari itu.

Maka segala orang banyak pun suka melihat Tun Tuah bertikam dengan Tameng Sari itu. Maka Tun Tuah pun fikir dalam hati-nya: 'Apa juga di-pakai-nya maka tiada lut ku-parang? Tetapi pada firasat-ku sebab keris-nya ini-lah maka ia tiada dapat di-tentang lawan dan tiada lut ku-parang tuboh-nya ini. Jikalau demikian, apa juga kehendak-nya? Baik-lah keris-nya ini ku-perdayakan.'

Sa-telah sudah Tun Tuah fikir demikian itu maka kata-nya Tun Tuah, "Hai Tameng Sari, apa juga kehendak hati-mu? Maka engkau sa-orang diri-mu; ada pun Betara Majapahit ini raja besar; barang tipu-nya mati juga engkau oleh-nya. Ada pun jikalau engkau hendak hidup, mari-lah kita kedua muafakat mengamok Betara Majapahit itu, dan Pateh Gajah Mada pun kita bunoh dan penggawa yang besar2 pun kita bunoh. Sudah itu segala penjurit dan perlénté kita perbaiki dan engkau menjadi ratu dalam negeri ini dan akan aku menjadi Pateh Gajah Mada; siapa dapat membunoh kita kedua ini? Ada pun keris-mu itu ku-lihat tiada kukoh; ambil keris-ku pendua ini supaya kita kedua mengamok ka-dalam istana Betara Majapahit." Sa-telah Tameng Sari mendengar kata Tun Tuah demikian itu — pada bichara hati-nya sunggoh saperti kata Tun Tuah itu — kata Tameng Sari "Jikalau sunggoh saperti kata-mu itu, mari-lah keris-mu itu dahulu ku-lihat, supaya aku perchaya." Maka Tun Tuah pun segera menghunus keris-nya pendua-nya dengan sarong-nya lalu di-unjokkan-nya kapada Tameng Sari. Maka segera di-sambut-nya keris itu lalu di-hunus, lalu kata-nya, "Terlalu baik dengan kukoh-nya dan tajam-nya." Maka kata Tun Tuah, "Keris-ku ini baharu juga ku-tikamkan penjurit di-hadapan Betara Majapahit dan Pateh Gajah Mada." Maka kata Tameng Sari, "Sunggoh saperti kata Laksamana itu. Jika pakanira hendak akan keris manira ini, manira berikan; jikalau lain daripada Laksamana tiada-lah manira

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

beri;" keris itu pun di-sarongkan-nya lalu di-unjokkan-nya pada Tun Tuah. Maka Tun Tuah pun memekis serta menghunus keris itu, kata-nya, "Cheh, mati engkau oleh-ku sa-kali ini!"

Sa-telah di-lihat oleh Tameng Sari Tun Tuah melompat menghunus keris itu, maka Tameng Sari pun terkejut serta menghunus keris-nya lalu di-tikam-kan-nya di-dada Tun Tuah; di-pertubi2-nya tikam. Maka Tun Tuah pun melompat ka-kiri dan ka-kanan menyalahkan tikam penjurit itu. Maka orang yang lari itu pun temasha melihat Tun Tuah bertikam dengan Tameng Sari itu. Maka Tameng Sari pun lelah. Sudah itu maka Tameng Sari pun menghunus pula seraya menyapu peloh-nya; maka di-tikam-nya dengan bersunggoh2 hati-nya. Maka Tun Tuah pun tersangkut pada birai paseban itu lalu tertelut. Maka segera di-tikam-nya oleh Tameng Sari. Maka oleh Tun Tuah di-elak-nya sambil bertelut menyalahkan tikam Tameng Sari itu; maka kena papan khambi dinding paseban itu. Maka keris Tameng Sari pun lekat. Maka Tun Tuah pun segera berbangkit lalu berdiri tertitar2 di-hadapan Tameng Sari. Maka di-hunus keris-nya. Maka oleh Tameng Sari di-tendang-nya, papan khambi itu pun roboh. Maka keris pun terchabut pada khambi itu, lalu di-usir-nya akan Tun Tuah, di-pertubi2-nya tikam. Maka Tun Tuah pun melompat ka-kanan dan ka-kiri menyalahkan tikam Tameng Sari itu, saperti tiada berjejak di-bumi laku-nya. Maka Tameng Sari pun lelah ternganga2 saperti anjing lelah. Maka Tun Tuah pun melompat serta di-tikamkan-nya dada Tameng Sari, serta kata-nya, "Cheh, mati penjurit Tameng Sari oleh-ku!" Maka di-tikam-nya, kena dada-nya terus berbayang2 ka-belakang-nya. Maka Tameng Sari pun rebah tersungkor, lalu mati.

Maka Tun Tuah pun melompat naik ka-atas paseban lalu ia menyembah Betara Majapahit dan sujud pada kaki Raja Melaka. Maka oleh Raja Melaka di-chium-nya kepala Tun Tuah. Maka segala raja2 dan segala chetetia, perdana menteri, hulubalang sakalian-nya banyak mati dan luka atas paseban itu dan di-bawah paseban. Maka bangkai pun terlalu banyak di-bawa oleh orang pulang ka-rumah-nya. Maka bangkai Tameng Sari pun di-tarek orang-lah lalu di-gantongkan-nya di-tengah pesara itu. Maka keris Tameng Sari itu di-persembahkan-nya oleh Tun Tuah pada Seri Betara. Maka di-lihat oleh Seri Betara keris itu; maka titah Seri Betara, "Ada pun keris ini anugerah kita-lah pada Kiai Tuah itu. Kita pinta-lah kapada Raru Melaka hendak gelar; bukan kita pinta menjadi hamba kita. Dalam pada itu pun, lamun suka anak kita Raru Melaka." Maka sembah Raja Melaka, "Daulat Tuanku Paduka Betara, patek persembahkan-lah; selang patek hamba ka-bawah duli; mana titah patek

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

junjong." Maka Tun Tuah pun di-anugerah persalin sa-lengkap-nya. Maka titah Ratu Majapahit, "Ada pun Kiai Tuah ini kita gelar Laksamana." Maka Laksamana pun berdatang sembah, "Daulat, Tuanku Andika Betara." Maka titah Seri Betara, "Ada pun anak sungai kita Jemaja itu anugerah kita-lah kapada Laksamana, putus datang kapada anak chuchu Laksamana." Maka Adipati Jemaja pun mengadap. Maka kata Pateh Gajah Mada, "Ya Adipati Jemaja, pergi-lah tuan hamba pada Laksamana." Maka sembah Adipati Jemaja, "Daulat Tuanku Andika Betara, mana titah patek junjong."

Maka Ratu Melaka pun bermohon-lah kapada Seri Betara lalu pulang ka-istana-nya di-iringkan oleh Laksamana dan segala pegawai dan petuanan, dan Adipati Jemaja ada mengikut Laksamana dengan segala orang Jemaja. Maka Laksamana pun terlalu sukachita hati-nya kerana beroleh keris Tameng Sari itu; di-dalam hati-nya: 'Keris aku sa-bilah ini sa-puloh buah anak Sungai Jemaja tiada ku-tukarkan.'

* * *

Maka Raja Melaka pun dudok di-pengadapan sendiri di-hadap oleh Laksamana dan segala pegawai dan petuanan. Maka hidangan pun di-angkat orang-lah. Maka Laksamana pun makan-lah pada hidangan di-bawah sa-hari2. Maka titah Raja Melaka, "Hai Laksamana, jangan Laksamana makan di-bawah, kerana Laksamana sudah beroleh martabat. Kalau kita di-katakan orang tiada suka akan gelar-nya Seri Betara akan Laksamana. Maka di-atas sama2 dengan Tun Utama dan Tun Bija Sura dan Pateh Kerma Wijaya empat orang sa-hidangan." Maka sembah Laksamana, "Daulat Tuanku Shah Alam." Maka Laksamana pun menyembah lalu makan dengan segala pegawai itu. Sa-telah sudah makan maka di-angkat orang pula hidangan minuman dan tambul pel-bagai rupa-nya. Maka piala yang bertatahkan ratna mutu ma'nikam itu pun di-peredarkan orang-lah kapada segala pegawai dan petuanan dan segala bunyi2-an pun di-palu orang-lah terlalu ramai. Maka dalam pagar Seri Betara pun terlalu gempita bunyi2an.

Maka Pateh Gajah Mada pun di-titahkan oleh Seri Betara kapada Raja Melaka. Maka kata Raja Melaka, "Silakan paman dudok. Apa pekerjaan paman datang ini?" Maka sembah Pateh Gajah Mada, "Ya tuanku, patek datang ini di-titahkan oleh paduka ayahanda. Esok hari-lah Duli Yang Di-Pertuan berarak ka-dalam, kerana paduka ayahanda hendak menyegerakan pekerjaan ini; kerana paduka ayahanda bekerja akan mandi2; akan Tameng Sari mati di-atas paseban

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

itu tiada baik padah-nya, kata segala ajar2." Maka sahut Raja Melaka, "Baik-lah; kita pun hendak segerakan akan pekerjaan ini, kerana negeri kita pun sunyi." Maka Pateh Gajah Mada pun di-perjamu oleh Raja Melaka dan di-anugerah akan persalin sa-lengkap-nya.

Maka Pateh Gajah Mada pun bermohon kembali mengadap Seri Betara. Maka titah Seri Betara, "Hai Pateh Gajah Mada, ada pun ku-lihat Laksamana itu bukan barang2 orang dan bukan barang2 hulubalang dengan berani-nya dan bijaksana; shahadan tahu-nya pada ilmu firasat dan ilmu penjurit; dan tahu pada bermain senjata jangan di-kata lagi; sukar-lah kita mengenai." Maka sembah Pateh Gajah Mada, "Sunggoh, tuanku, pada penglihatan patek pun demikian juga; tetapi sabar juga dahulu, Paduka Betara. Banyak lagi tipu daya patek akan mengenai Laksamana itu; lamun pekerjaan anakanda sudah, barang tipu kita patek membunoh dia." Maka Seri Betara pun berdiam diri-nya. Maka Pateh Gajah Mada pun keluar dudok di-paseban mengadap segala raja2 dan cheteria dan periai dan hulubalang makan minum itu. Maka hari pun malam-lah. Maka dian, tanglong, kandil, pelita pun di-pasang orang-lah di-paseban itu.

Maka Raja Melaka pun berjaga2 makan minum pada malam itu terlalu ramai. Maka kata Laksamana pada Hang Jebat, Hang Kasturi, Hang Lekir, Hang Lekiu, "Ada pun saudara-ku, pada bichara hamba, kita kelima ini pergi berguru kapada Sang Persata Nala di-Gunong Wirana Pura itu baik, kerana kita kelima bersaudara ini terlalu sangat hendak di-bunoh-nya oleh Seri Betara dan Pateh Gajah Mada ini. Sa-kali ta' sa-kali kena juga kita oleh-nya. Kerana sa-orang hamba sudah-lah di-kurnia-nya nama, akan saudara hamba sa-orang pun belum beroleh martabat. Ada pun yang kehendak hati hamba tiada demikian, kerana kita kelima bersaudara ini; jika baik sama baik, jika jahat sama jahat." Maka sahut Hang Jebat, "Baik-lah kita pergi berguru kapada-nya, kerana hamba sangat hendak berguru akan ilmu penjurit ini, kerana hamba sangat tewas pada ilmu penjurit." Maka kata Laksamana, "Baik-lah, apabila sudah Duli Yang Di-Pertuan kahwin kelak, kita pergi berguru."

Hatta maka hari pun siang-lah. Maka Raja Melaka pun mandi berlangir. Maka baginda pun memakai pakaian kerajaan terlalu indah2, dan memakai mahkota di-Bukit Seguntang, memakai kemar dan bersayap sandang, bepermata intan dan memakai kelembak dan berpedaka susun telu ber.s.ng.k.r j.k.ra. Sa-telah sudah memakai maka gajah kenaikan pun di-hiasi orang-lah, sakalian pakaian gajah itu daripada emas dan permata juga, tiada kelihatan tuboh-nya gajah itu, penoh sesak dengan emas dan permata.

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

Maka Raden Emas Ayu pun di-hiasi orang-lah dengan pakaian indah2 bertapih l.b.c. la.ng.w dan berkain kembang, kain di-perchek ayer emas natar, berpedaka susun telu, galuh s.s.y.r.y, bersayap sandang, bepermata padi ma'nikam dan berkemar perbuatan Jawa, berinchil2 bepermata merah, bersunting bunga semenderasa wilis dan bersanggul menyerong chara Jawa, berpatam emas kawat, berpelik mutia kasturi dan memakai kelembak, bergelang ma'nikam di-larek tiga sa-belah berasak2, berpileh warna bayam l.w.h.r, bersiput alit, gigi-nya sumridanta, bibir merah tua, terlalu manis saperti laut madu. Sa-telah sudah memakai, maka ia di-dudokkan di-atas singgasana yang keemasan di-hadap oleh segala isteri raja2 dan bini menteri dan bini hulubalang, di-hadap oleh segala anak dara2 dan inang pengasoh, dayang2, biti perwara, masing2 dengan perhiasan-nya, saperti dian di-dalam tanglong rupa-nya.

Sa-telah sudah lengkap maka gajah dengan segala bunyi2an pun di-bawa orang-lah pada Raja Melaka; maka Raja Melaka pun naik ka-atas gajah kenaikan itu. Maka payong iram kuning itu pun terkembang-lah empat puloh bagai warna-nya. Maka terdiri-lah chogan alamat yang bermalaikan emas intan di-karang. Maka segala bunyi2an daripada gendang, serunai, nafiri, madali, merangu, sekati, kopok, cherachap empat puloh bagai ragam-nya itu pun berbunyi-lah terlalu merdu bunyi-nya. Maka Raja Melaka pun berarak-lah. Maka sakalian yang beranak pun tinggalkan anak-nya pergi melihat; sakalian yang berlaki tinggalkan laki-nya; ada yang terurai rambut-nya tiada tersanggul lagi; ada yang berkain sambil berlari2; ada yang terdedah susu-nya yang lanjut itu mengampar dada-nya; ada yang berlari2 rebah, bangun berlari pula; ada yang berpupor baharu sa-belah muka-nya berlari2 pergi melihat; ada yang berminyak baharu sa-belah kepala-nya berlari2 pergi melihat; dan terbanyak pula yang jatoh pechah muka-nya berkelubong pergi melihat juga, kata-nya, "Manakala lagi beroleh kita melihat raja berarak?"

Hatta maka Raja Melaka pun sampai-lah. Maka di-sambut oleh Pateh Gajah Mada dan segala raja2 ka-paseban itu di-dudokkan di-atas peterana yang keemasan. Sa-telah Raja dudok maka khatib pun datang ka-hadapan Raja Melaka. Maka khatib pun mengajarkan tertib nikah. Maka di-dudokkan-nya dari kanan Raden Emas Ayu. Maka nasi adap2 pun di-angkat orang-lah. Maka raja pun santap-lah laki isteri. Sa-telah sudah santap maka tirai dan kelambu pun di-labohkan orang-lah. Maka Raja Melaka pun dudok-lah di-dalam tirai kelambu itu membujok isteri-nya.

• • •

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

Al-kesah maka tersebut-lah perkataan Laksamana pergi berguru pada Sang Persata Nala di-Gunong Wirana Pura itu. Sa-telah sudah Raja Melaka masok ka-dalam istana Betara Majapahit, maka Laksamana pun berkata pada Hang Jebat dan Hang Kasturi, Hang Lekir, Hang Lekiu, "Hai saudara-ku yang keempat, mari-lah kita pergi; apabila Duli Yang Di-Pertuan sudah berlangir, maka kita ka-mari." Maka sahut orang keempat itu, "Baik-lah."

Maka Laksamana pun berjalan-lah kelima-nya mengikut jalan ka-Gunong Wirana Pura itu. Berapa hari-nya berjalan maka sampai-lah ka-kaki Gunong itu. Maka kata segala ajar2 itu, "Hai saudara-ku orang muda2, hendak ka-mana tuan-hamba ini, kerana tiada pernah orang Melayu sampai ka-mari?" Maka kata Laksamana, "Ada pun manira ini hendak bertanya di-mana gerang tempat dokoh, Sang Persata Nala itu, kerana hamba hendak berguru pada baginda itu." Maka kata segala ajar2 itu, "Ada pun Sang Persata Nala itu bertapa di-gunong ini-lah, tetapi tuan-hamba sakalian ini betapa? Tuan-hamba ini Melayu, betapa tuan-hamba hendak berguru pada baginda itu? Bukan mudah orang berguru kapada baginda itu. Ada pun murid-nya anak raja2 tujoh puloh orang berhambakan diri-nya kapada baginda itu, lagi tiada di-ajar-nya. Akan tuan-hamba ini Melayu, di-manakan di-ajar-nya." Maka kata Laksamana, "Jikalau baginda itu tiada mahu mengajar hamba pun, lamun juga manira sakalian bertemu, suka-lah manira." Maka kata segala ajar2 itu, "Baik-lah tuan-hamba naik ka-gunong ini." Maka kata Laksamana, "Baik-lah, manira sahaja akan berhenti di-sini; esok hari-lah manira berjalan." Maka Laksamana pun di-beri tempat oleh ajar2 itu, di-jamu-nya ubi keladi dan segala buah2an.

Maka Laksamana pun berhenti-lah di-sana. Sudah hari siang maka Laksamana pun berjalan-lah ka-atas gunong itu. Dua hari berjalan maka sampai-lah kapada dokoh Sang Persata Nala itu. Sa-orang pun tiada di-lihat oleh Laksamana; segala buah2an dalam dokoh itu berbuah bermasakan. Maka kata Laksamana, "Hai saudara-ku, jangan sa-kali segala saudara-ku mengambil buah2an ini barang sa-tangkai atau bunga barang sa-kuntum. Apabila kita bertemu dengan baginda itu maka kita sakalian makan buah2an ini dan kita pakai bunga ini." Maka sahut Hang Jebat, "Baik-lah, mana kata orang kaya tiada beta lalui." Maka kata Laksamana, "Ada pun saudara-ku keempat dudok-lah di-sini. Hamba sa-orang juga pergi mendapatkan baginda itu ka-atas punchak gunong ini."

Maka Laksamana pun berjalan-lah ka-atas punchak gunong itu. Maka di-lihat-nya oleh Laksamana gunong itu terlalu permai. Tatkala itu Sang Persata

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

Nala sudah turun dari bertapa maka hendak turun dari punchak gunong itu. Maka di-lihat oleh Laksamana sa-orang tua terlalu muhtasham rupa-nya berkain daluang dan berketu. Maka Laksamana pun datang berlari meniarap pada kaki Sang Persata Nala. Maka kata Sang Persata Nala, "Hai Laksamana, terlalu sa-kali baik datang-mu ini. Bahawa engkau-lah yang bergelar di-Tanah Melayu Laksamana dan engkau-lah yang tiada mati oleh senjata." Maka Sang Persata Nala pun berjalan-lah pulang ka-rumah-nya. Sa-telah baginda datang ka-rumah-nya, maka Hang Jebat, Hang Kasturi, Hang Lekir, Hang Lekiu pun datang menyembah kaki Sang Persata Nala. Maka kata Sang Persata Nala, "Hai anak-ku, apa ada anak-ku makan ini? Ambil-lah segala buah2an barang yang berkenan kapada-mu."

Maka Hang Jebat, Hang Kasturi, Hang Lekir, Hang Lekiu pergi-lah mengambil segala buah2an itu sa-tangkai sa-orang. Maka kata buah itu yang lain, "Ambil aku; aku baik, manis daripada-nya." Maka di-ambil-nya pula buah kayu itu. Maka jadi pula pada tempat-nya itu sa-puloh tangkai dengan rasa-nya terlalu ladzat chitarasa-nya, shahadan manis daripada ayer madu dan sakar. Maka Hang Jebat, Hang Kasturi, Hang Lekir, Hang Lekiu pun hairan melihat kelakuan buah2an di-dalam dokoh-nya; yang di-ambil-nya itu di-bawa-nya kahadapan Sang Persata Nala bertimbun2. Maka segala kelakuan itu semua-nya di-katakan oleh Hang Jebat kapada Laksamana. Maka kata Laksamana, "Baharu suatu penglihatan tuan-hamba, kerana baginda ini sangat sakti-nya dan tahu-nya." Maka kata Sang Persata Nala, "Hai anak-ku sakalian, makanlah segala buah2an itu." Maka Laksamana kelima pun menyembah lalu makan buah2an itu terlalu amat chitarasa-nya, tiada pernah orang lima itu makan buah kayu itu.

Maka kata Sang Persata Nala kapada Laksamana, "Apa kehendak anak-ku sakalian datang?" Maka sembah Laksamana, "Ada pun hamba2 datang ini hendak berguru akan ilmu penjurit dan ilmu segala hulubalang. Pada bichara hati hamba-mu, jangankan lagi ada tahu-nya penjurit dan perlénté lebeh daripada hamba-mu barang main-nya." Sa-telah Sang Persata Nala mendengar kata Laksamana itu maka baginda pun berdiam diri-nya; sa-ketika lagi maka kata Sang Persata Nala, "Ada pun kehendak hati anak-ku semua-nya habis ku-ketahui; tetapi kelima-nya pun ku-ajarkan. Tetapi dalam anak-ku lima ini, yang lebeh hanya-lah Laksamana, kerana sudah bahagian Laksamana sa-orang. Ada pun yang lain tiada dapat menurut dia; tetapi yang ku-ajarkan ini sama juga."

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

Maka Laksamana dan Hang Jebat, Hang Kasturi, Hang Lekir, Hang Lekiu pun di-ajar oleh Sang Persata Nala akan ilmu segala penjurit dan hulubalang, tetapi terlebeh juga Laksamana; di-ajar-nya pelbagai ilmu dan sharat hulubalang dan ilmu penjurit itu, kerana Laksamana, sa-lama dudok di-gunong itu, tiada ia tidor dan makan dan tiada ia bercherai dengan Sang Persata Nala itu; barang di-pinta-nya oleh Laksamana di-beri-nya oleh Sang Persata Nala. Sang Persata Nala pun terlalu suka dan kaseh akan Laksamana. Maka kata Sang Persata Nala, "Ada pun ilmu penjurit dan ilmu hulubalang habis-lah sudah, yang ada kapada-ku ini hanya-lah ilmu orang bertapa dan kesaktian juga. Dalam pada itu pun lamun anak-ku berkehendak akan dia, ku-beri juga. Maka sembah Laksamana, "Ya tuanku, yang kurnia tuanku itu hamba-mu junjong di-atas kepala hamba-mu, tetapi pada zaman ini tiada hamba menanggong ilmu kesaktian itu; pada ajar2 juga maka harus, kerana hamba ini hendak men'adi hulubalang juga, supaya mashhor nama hamba-mu datang kapada akhir zaman, nama hamba-mu hidup datang kapada chuchu hamba-mu di-sebut orang." Sa-telah Sang Persata Nala mendengar kata Laksamana itu, maka kata Sang Persata Nala, "Jikalau demikian, baik-lah anak-ku kembali ka-Majapahit, kerana Raru Melaka itu sangat berchinta akan anak-ku sakalian."

Sa-telah Laksamana mendengar kata Sang Persata Nala demikian itu, maka Laksamana pun bermohon-lah kelima-nya kapada Sang Persata Nala. Maka kata Sang Persata Nala kapada Hang Jebat, "Anak-ku sa-orang ini beroleh kebesaran kembali dari Majapahit ini, tetapi kematian anak-ku ini tiada baik, mati kerana senjata." Sa-telah Hang Jebat mendengar kata Sang Persata Nala itu, maka sembah Hang Jebat, "Ya tuanku, yang kehendak hati hamba-mu pun hendak mati oleh senjata dan mati dengan pekerjaan Duli Yang Di-Pertuan." Maka kata Sang Persata Nala kapada Hang Kasturi, "Ada pun anak-ku ini akan beroleh kebesaran, tetapi tiada kekal menjadi hulubalang." Sudah itu maka kata Sang Persata Nala kapada Hang Lekir, Hang Lekiu, "Anak-ku kedua itu pun akan di-gelar raja dan tiada dapat bercherai daripada raja." Sa-telah sudah Sang Persata Nala berkata demikian itu, maka Laksamana pun sujud meniarap pada kaki Sang Persata Nala, maka di-pelok-nya dan di-chium-nya oleh Sang Persata Nala akan Laksamana, seraya kata-nya pada Laksamana, "Ya anak-ku, ada suatu pesan-ku pada anak-ku: ada pun ilmu yang ku-ajarkan kapada-mu ini jangan kau ajarkan pada barang siapa; jikalau anak-mu pun sa-kali jangan kau ajarkan. Jikalau di-ajarkan, neschaya datang-lah kebinasaan di-atas diri-mu." Maka kata Laksamana, "Pada bichara hamba-mu, yang ilmu dan sharat tuanku itu janganlah kapada anak chuchu hamba-mu;

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

jikalau Duli Yang Di-Pertuan sa-kali pun berkehendak akan ilmu tuanku itu kapada hamba-mu, tiada-lah hamba-mu persembahkan. Jikalau di-buangkan oleh Duli Yang Di-Pertuan nyawa hamba-mu pun redha-lah." Maka kata Sang Persata Nala seraya di-pelok-nya leher Laksamana, kata-nya, "Demikian-lah kehendak-ku."

Maka kelima-nya pun bermohon-lah kapada Sang Persata Nala berjalan turun dari atas gunong itu; dua hari berjalan maka sampai-lah ka-kaki gunong itu dan pada segala ajar2 yang bertapa itu. Maka Laksamana pun berguru pada segala ajar2 itu pula barang dapat-nya. Sa-telah sudah maka Laksamana pun bermohon-lah pada segala ajar2 itu lalu berjalan kembali ka-Majapahit.

• • •

Maka di-lihat oleh Laksamana segala raja2 dan Adipati dan cheteria dan kesatria lagi berbuat panchapersada. Maka Pateh Gajah Mada pun berbuat panchapersada itu tujoh belas pangkat terlalu indah2 perbuatan-nya. Maka Pateh Gajah Mada pun bertanya, "Dari mana anak-ku datang ini? Lama tiada kelihatan berpuloh2 hari ini?" Maka sahut Laksamana, "Manira sakit maka manira tiada masok mengadap." Maka kata Pateh Gajah Mada, "Harus-lah maka muka anak-ku puchat2; tiada saperti dahulu, kerana bekas sakit." Maka sahut Laksamana, "Sunggoh, tuanku." Maka Raden Aria pun tahu akan Laksamana pergi berguru itu kapada saudara-nya.

Maka panchapersada itu pun sudah-lah. Maka Pateh Gajah Mada pun masok mengadap Seri Betara berdatang sembah, "Ya Tuanku Paduka Betara, patek di-titahkan berbuat panchapersada itu sudah-lah patek sakalian perbuat tujoh belas pangkat." Maka titah Seri Betara, "Perhiasi-lah oleh Pateh Gajah Mada panchapersada itu; tiga hari lagi kita hendak memandikan anak kita kedua." Maka Pateh Gajah Mada pun lalu keluar berlengkap. Maka Pateh Gajah Mada pun menghiasi panchapersada itu, di-buboh-nya payong kerajaan yang terkembang berbagai2 rupa-nya dan beberapa kemala di-panchapersada itu; di-buboh-nya kemala yang amat berchahaya2 memanchar2 saperti matahari chahaya-nya. Maka pada empat penjuru persada itu di-buboh-nya empat ekor naga, di-perbuat-nya. Maka dari dalam mulut naga itu-lah keluar ayer, ia memandikan Raja Melaka dan Raden Emas Ayu. Maka sa-pangkat panchapersada itu segala anak raja2 perempuan dengan perhiasan-nya menyandang tetampan kekuningan; dan pada sa-pangkat panchapersada itu segala anak menteri dan anak dara2 dudok mengadap dengan perhiasan memegang puan

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

dan kendi yang bertatahkan ratna ma'nikam; dan sa-pangkat lagi panchapersada itu segala anak raja2 memikul pedang yang keemasan mengadap dengan perhiasan, dan pada sa-pangkat lagi panchapersada itu segala anak penggawa dan periai bermain pelbagai permainan-nya dengan segala bunyi2an.

Sa-telah sudah maka Raja Melaka dan Raden Emas Ayu pun di-hiasi orang-lah dengan segala pakaian kerajaan yang indah2. Sa-telah sudah berhias maka di-naikkan di-atas peterana yang bertatahkan ratna mutu ma'nikam, lalu di-arak orang-lah berkeliling panchapersada itu; tiga kali naik ka-atas-nya panchapersada itu. Maka Raja Melaka dan Raden Emas Ayu pun di-langgri orang-lah oleh segala raja2 yang tua. Maka bunyi2an pun di-palu orang-lah terlalu gempita bunyi-nya. Maka segala raja2 itu pun berlontar2an mutia dan permata dan sembor2an ayer mawar daripada mulut naga itu saperti hujan yang lebat turun di-langit; demikian-lah. Maka segala raja2 itu pun bersorak-lah terlalu gempita bunyi-nya.

Maka Raja Melaka dan Raden Emas Ayu pun mandi-lah pada ayer hujan yang keluar dari mulut naga empat ekor itu. Maka segala raja2 dan cheteria pun masing2 menunjokkan tahu-nya: ada yang bertempek keluar bunga rampai dari tangan-nya; ada yang bersorak keluar ayer madu dari dalam mulut-nya, ada yang melontarkan dastar keluar payong iram kuning berpuloh2 menaungi segala pakaian yang di-atas panchapersada itu, ada yang melontarkan chemeti kuda-nya ka-udara menjadi singa dan naga bertangkap dari udara terlalu ramai; ada yang melontarkan keris-nya ka-udara maka menjadi kuda semberani dari udara dengan perhiasan-nya. Maka segala raja2 itu pun naik-lah ka-atas kuda itu; ada yang melontarkan panah-nya ka-udara menjadi singa terbang dan geroda, lalu bertangkap dari udara. Maka daripada sayap geroda dan singa itu keluar hujan terlalu lebat. Maka segala orang yang di-atas panchapersada itu pun keluar mandi pada ayer mawar yang keluar daripada sayap singa dan geroda itu. Maka ada yang memanahkan anak panah-nya ka-udara, maka menjadi guroh dan kilat sabong-menyabong. Maka segala raja2 itu pun memanah panahan dan bermain tombak bersiram di-atas kuda-nya.

Maka Raja Melaka dan Raden Emas Ayu pun sudah-lah mandi itu lalu berhias kedua laki isteri. Sa-telah sudah memakai, maka di-arak orang-lah pula berkeliling panchapersada itu tiga kali, lalu di-arak orang-lah ka-istana. Sa-telah sudah maka segala raja2 dan cheteria dan perdana menteri dan hulubalang sakalian pun dudok-lah di-paseban itu. Maka hidangan pun di-angkat orang-lah. Maka Laksamana pun hendak makan pada hidangan petuanan; maka di-lihat oleh Pateh Gajah Mada; maka oleh Pateh Gajah Mada kata-nya,

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

"Hai anak-ku, jangan makan pada hidangan di-bawah itu kerana sudah beroleh martabat daripada Paduka Betara. Maka sahut Laksamana, "Baik-lah, tuanku, kula makan di-sini." Maka oleh Pateh Gajah Mada di-pegang-nya tangan Laksamana lalu di-bawa-nya makan pada hidangan Temenggong dan Pateh Kerma Wijaya dan Demang Belabar. Maka Laksamana pun makan empat orang sa-hidangan. Sa-telah sudah makan, minuman pula datang. Maka piala yang bertatahkan ratna mutu ma'nikam itu pun di-peredarkan orang-lah kapada segala raja2 dan kapada segala menteri dan hulubalang. Maka saka-lian pun minum-lah terlalu ramai beranggap2an. Maka Laksamana pun tiada mahu minum.

Maka Seri Betara pun keluar dengan Raja Melaka. Maka di-lihat oleh Seri Betara Laksamana dudok beranggap2an dengan Temenggong, tiada mahu minum maka titah Seri Betara, "Hai Laksamana, empat hari tiada ku-lihat ka-mari, pergi ka-mana?" Maka sembah Laksamana, "Daulat tuanku, patek tiada sedap tuboh, tuanku." Maka titah Seri Betara, "Harus-lah maka muka Laksamana puchat." Maka Seri Betara bertitah, "Hai Pateh Gajah Mada, mari piala itu barang empat piala; aku hendak berikan Laksamana." Maka sembah Laksa-mana, "Daulat tuanku." Maka Pateh Gajah Mada pun beranggap pada Laksamana empat lima piala. Maka Pateh Gajah Mada pun berasa mabok; ada pun akan Laksamana berasa pun ia tiada. Maka Temenggong pun berang-gap2an dengan Laksamana; maka di-sambut oleh Laksamana lalu di-minum-nya, tiada juga berasa mabok. Maka Pateh Gajah Mada pun hairan melihat Laksamana tiada mabok; laku-nya tiada berubah. Maka segala raja2 dan Adipati pun mabok-lah; hanya-lah Laksamana juga yang tiada mabok.

Maka Raja Melaka pun bermohon-lah pada Seri Betara hendak membawa isteri-nya pulang ka-istana. Maka titah Seri Betara, "Baik-lah anak-ku kembali ka-istana sendiri." Maka segala bini raja2 dan bini segala menteri pun meng-hantarkan Raden Emas Ayu.

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

BAB VIII

MAKA Seri Betara pun bertitah pada Pateh Gajah Mada; maka titah Seri Betara "Hai Pateh Gajah Mada, apa bichara kita mengenai Laksamana itu?" Maka sembah Pateh Gajah Mada, "Ya tuanku, ada suatu bichara. Kita suroh churi keris-nya di-peroleh daripada Tameng Sari itu. Patek dengar daripada segala penjurit yang tua, jikalau ada keris Tameng Sari itu pada Laksamana, bahawa sa-kali2 Laksamana tiada mati oleh senjata, kerana keris-nya Tameng Sari itu tiada dapat di-tentang oleh lawan; kerana sebab itu-lah tatkala Tameng Sari mengamok itu, maka tiada dapat di-tentang oleh lawan. Patek mohonkan ampun dan kurnia; ada sa-orang penjurit patek peliharakan yang bernama Sang Bima Sina itu, terlalu kepetangan; di-hadapan orang beribu2 pun dapat di-ambil-nya." Sa-telah Seri Betara mendengar sembah Pateh Gajah Mada itu, maka titah Seri Betara, "Jika demikian, esok hari-lah kita panggil Raja Melaka itu. Tatkala itu kita suroh Laksamana beriwayat. Apabila Laksamana beriwayat, ta' dapat tiada lupa ia akan keris-nya maka tatkala itu-lah kita suroh sendal pada penjurit itu." Maka sembah Pateh Gajah Mada, "Benar-lah saperti bichara tuanku itu."

Maka Pateh Gajah Mada pun menyembah lalu keluar pulang ka-rumah-nya. Maka di-panggil-nya penjurit yang bernama Bima Sina itu. Maka kata Pateh Gajah Mada, "Hai Bima Sina Pati, dapat-kah engkau ku-suroh menyendal keris Laksamana di-hadapan Seri Betara dan Raja Melaka esok hari, supaya ku-beri ganjaran banyak akan engkau?" Sa-telah Bima Sina mendengar kata Pateh Gajah Mada itu maka Bima Sina pun tertawa2, seraya berkata, kata-nya, "Apa-tah di-endahkan pekerjaan menyendal keris Laksamana itu? Jikalau suroh tikam sa-kali pun manira tikam juga, jangankan Laksamana sa-orang, jikalau sa-puloh orang pun manira dapat tikam dan kerat leher-nya di-hadapan orang banyak itu." Sa-telah Pateh Gajah Mada mendengar chakap Sang Bima Sina Pati itu, maka Pateh Gajah Mada pun terlalu sukachita.

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

Maka Sang Bima Sina Pati pun di-bawa oleh Pateh Gajah Mada mengadap Seri Betara. Maka sembah Pateh Gajah Mada, "Ya Tuanku Paduka Betara, inilah penjurit yang berchakap menyendal keris Laksamana itu." Maka sembah penjurit itu, "Daulat tuanku, patek menyendal keris Laksamana itu. Jangankan keris tiada dapat patek sendal, jikalau leher-nya Laksamana sa-kali pun dapat patek penggal di-hadapan orang banyak itu; tiada di-lihat orang." Sa-telah Seri Betara mendengar Bima Sina demikian itu, maka Seri Betara pun terlalu sukachita.

Maka Raja Melaka pun datang di-iringkan oleh Laksamana, Hang Jebat, Hang Kasturi, Hang Lekir, Hang Lekiu dan segala pegawai dan petuanan. Maka Raja Melaka pun sampai-lah ka-paseban. Maka titah Seri Betara, "Mari anak-ku dudok dekat ayahanda sini." Maka Raja Melaka pun dudok menyembah. Maka titah Seri Betara, "Hai Laksamana, beriwayat-lah akan perentah segala raja2 yang dahulu kala." Maka sembah Laksamana, "Daulat Tuanku Andika Betara." Maka Laksamana pun bercheritera-lah perentah segala raja2 yang dahulu kala.

Tatkala itu Pateh Gajah Mada dan Rangga dan Temenggong, Jaksa Kandurnan ada mengadap Betara Majapahit bertindeh2 riba dengan Laksamana. Maka penjurit itu pun ada-lah dudok di-belakang tiang itu menantikan Laksamana berkata2 dengan Seri Betara itu, menantikan alpa. Sa-telah di-lihat oleh penjurit akan Laksamana berkata2 dengan Seri Betara itu tiada khabarkan diri-nya, dan keris pandak-nya pun ia lupa, akan keris panjang-nya juga di-pegang2-nya, maka penjurit itu pun perlahan2 datang ka-belakang Laksamana, lalu di-raba-nya keris Laksamana itu; dapat di-peroleh-nya. Maka di-persembahkan-nya pada Seri Betara.

Maka Laksamana pun teringat akan keris pandak-nya, lalu di-rasai-nya keris itu tiada. Maka Laksamana pun terkejut, dalam hati-nya; 'Wah, kena-lah aku sa-kali ini!' Maka Laksamana pun berdiam diri-nya sa-ketika. Maka di-bacha-nya pustaka-nya, maka di-gosokkan-nya pada tangan-nya kedua. Maka di-raba keris-nya Pateh Gajah Mada; dapat ka-tangan Laksamana; Laksamana pun pakai keris itu. Maka titah Seri Betara, "Hai Pateh Gajah Mada, mana keris-mu kita hendak lihat?" Maka sembah Pateh Gajah Mada, "Daulat Tuanku Paduka Betara, apa guna di-lihat keris orang tua ini, karatan." Maka titah Seri Betara, "Hai Pateh Gajah Mada, mari juga kita lihat." Maka di-raba-nya keris-nya pun tiada. Maka Pateh Gajah Mada pun tersipu2 malu.

Maka titah Seri Betara, "Hai Laksamana, jangan Laksamana shak hati; kita bergurau2 dengan Laksamana." Maka keris itu pun di-kembalikan pada

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

Laksamana. Maka segera di-sambut oleh Laksamana keris itu lalu di-pakai-nya. Maka keris Pateh Gajah Mada pun di-kembalikan-nya pada Pateh Gajah Mada pula. Maka titah baginda, "Laksamana jangan shak hati, kerana kita bergurau2." Maka sembah Laksamana, "Daulat tuanku, pada bichara patek, sabenar-nya-lah tuan bergurau2 dengan hamba-nya. Jikalau lain daripada tuanku, masakan berani bergurau dengan patek. Jika empat biji mata-nya dan jika bergading sa-kali pun tiada patek endahkan dan takut." Maka Betara Majapahit pun kemalu2an lalu bertitah kapada Laksamana, "Jangan di-taroh kapada hati lagi." Maka sembah Laksamana, "Daulat tuanku."

Maka Laksamana pun di-beri-nya anugerah terlalu banyak. Maka hidangan pun di-angkat orang-lah. Maka makan-lah masing2 pada hidangan-nya. Sa-telah sudah makan, maka minuman pula di-angkat orang. Maka piala yang bertatahkan ratna mutu ma'nikam itu pun di-peredarkan orang-lah oleh segala menteri dan hulubalang. Maka Seri Betara dan Raja Melaka pun santap minuman. Maka Seri Betara pun sa-bagai memberi piala akan Laksamana, hendak di-beri-nya Laksamana mabok; tiada juga ia mabok. Maka di-lihat oleh Raja Melaka salah perbuatan Seri Betara akan Laksamana itu, dengan di-pertubi2-nya, tetapi-nya Laksamana itu orang bijaksana; tahu menawari dia; jikalau rachun sa-kali pun di-minum-nya tawar.

Maka Raja Melaka pun bermohon pulang ka-istana-nya. Maka titah Seri Betara, "Jangan-lah anak-ku pulang dahulu, mari kita minum lagi. Jikalau anak-ku tiada mahu minum pun, dudok-lah anak-ku sahaja." Maka Raja Melaka pun dudok-lah. Maka Laksamana pun mengitar keris-nya pandak, berbaiki keris panjang-nya, seraya berkata, "Di-manakan dapat bagitu? Bukan orang-nya! Sa-hingga mati sudah-lah," seraya menyembah pada Seri Betara dan Raja Melaka. Maka Pateh Gajah Mada pun beranggap2an dengan Laksamana. Maka di-sambut-nya lalu di-minum-nya. Maka Laksamana pun di-anggap pula oleh Rangga; maka di-sambut-nya lalu di-minum-nya. Maka segala pegawai dan periai semua-nya beranggap pada Laksamana juga; itu pun di-sambut-nya lalu di-minum-nya. Maka Seri Betara dan Pateh Gajah Mada pun hairan melihat kelakuan Laksamana tiada mabok; satu pun tiada salah dudok mengadap Seri Betara dan Raja Melaka itu. Dengan demikian itu maka Seri Betara dan Pateh Gajah Mada dan Jaksa, Kanduruan pun sakalian-nya habis mabok.

Maka Raja Melaka pun bermohon-lah kembali ka-istana-nya. Sa-telah datang ka-istana-nya maka baginda bertitah, "Hai Laksamana, akan sekarang apa bichara Laksamana? Salah perbuatan Seri Betara dan Pateh Gajah Mada ini; perbuatan-nya bukan lagi terlindong. Apa juga salah kita kapada Seri Betara

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

dan Pateh Gajah Mada ini? Jikalau demikian, baik-lah kita bermohon kembali. Sa-kali ta' sa-kali, kena juga kita oleh-nya. Jika Laksamana satu2 peri, kita pun tiada kembali ka-Melaka." Maka sembah Laksamana, "Daulat Tuanku Shah Alam, pada bichara patek, baik juga Duli Yang Di-Pertuan bermohon; kita dengar kata-nya. Ada pun yang pekerjaan Betara Majapahit dan Pateh Gajah Mada itu, patek tiada endahkan, kerana bulan tempat kematian patek di-tanah Majapahit. Indah di-mana? Insha' Allah Ta'ala, selamat Duli Yang Di-Pertuan patek kembali ka-Melaka dengan sempurna-nya. Baik juga Yang Di-Pertuan bermohon; kita dengar kata-nya. Lepas tiada lepas, kita kembali dengan gagah berani kita-lah. Takutkan apa tikam anak Majapahit dengan tikam anak Melaka itu?" Sa-telah Laksamana bersembah demikian itu, maka baginda pun terlalu sukachita, seraya bertitah, "Hai Laksamana, yang kehendak kita pun demikian, jikalau sudah kita naik Mendam Berahi dan Kota Segara itu, mata yang mana mengikut kita!" Maka sembah Laksamana, "Daulat tuanku, pada bichara patek, sa-negeri Majapahit ini semajakan berkaparan bangkai di-laut Majapahit ini." Sa-telah Raja Melaka mendengar chakap Laksamana demikian itu maka baginda pun berbangkit menchium kepala Laksamana; Laksamana pun menyembah lalu pulang ka-tempat-nya.

* * *

Sa-telah hari siang maka Pateh Gajah Mada pun masok mengadap Seri Betara. Maka titah Seri Betara, "Hai Pateh Gajah Mada, apa bichara kita akan mengenai Laksamana ini?" Maka sembah Pateh Gajah Mada, "Ada suatu bichara patek. Mari kita pileh segala penjurit, barang empat puloh orang yang kepetangan atau tujoh puloh orang, maka kita suroh penjurit tujoh puloh itu mengamok; barang terlintang di-tengah pasar itu suroh bunoh. Tatkala itu tuanku dan Raja Melaka mahu dudok di-paseban. Apabila bunyi gempar mengatakan orang mengamok, maka hendak-lah Seri Betara bertitah pada anakanda Ratu Melaka; demikian titah Paduka Betara; 'Hai anak-ku, apa-tah jadi segala ra'ayat habis binasa di-amok-nya? Segera-lah anak-ku surohkan Laksamana pergi mengembari dia.' Ta' dapat tiada Laksamana itu berchakap di-hadapan Seri Betara dan Raja Melaka, kerana Laksamana itu orang berani. Tatkala itu patek berpesan pada penjurit itu, 'Apabila kau lihat datang sa-orang Melayu berlari2 hendak mengembari engkau, demikian sifat-nya Melayu itu, maka oleh kamu tujoh puloh ini jangan lagi kau lepaskan. Turut bunoh Melayu itu; barang ka-mana pergi-nya, ikut. Bunoh oleh-mu beri mati.

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

Jikalau Melayu itu mati, besar-lah ganjaran-mu di-anugerah Seri Betara. Sa-telah Seri Betara mendengar sembah Pateh Gajah Mada demikian itu, maka titah Seri Betara, "Jika saperti bichara Pateh Gajah Mada itu, jikalau sa-ratus saperti Laksamana itu tiada akan hidup. Ada pun sa-kali ini mati-lah Laksa-mana itu."

Maka Pateh Gajah Mada pun menyembah lalu pulang ka-rumah-nya. Maka di-panggil-nya penjurit itu, kata-nya, "Hai penjurit tujoh puloh, ada pun eng-kau tujoh puloh ini hendak ku-suroh membunoh Laksamana itu, hendak tahu-kan mati-nya. Jikalau mati Laksamana itu, ku-jadikan penggawa besar engkau ketujoh puloh." Maka sahut penjurit tujoh puloh itu, "Sa-orang manira pun dapat membunoh Laksamana itu; tunjokkan juga rupa-nya." Maka kata Pateh Gajah Mada, "Bukan; titah Seri Betara, kamu ketujoh puloh ini. Esok hari sedang ramai pesara maka kamu ketujoh puloh ini mengamok. Barang yang terlintang, bunoh oleh-mu. Apabila datang sa-orang Melayu, demikian sifat-nya, jangan kamu tiada bunoh; bunoh beri mati2. Jikalau ia lari, perturut oleh-mu." Maka penjurit itu pun berchakap-lah; "Baik-lah tuanku, jangankan sa-orang saperti Laksamana itu tiada dapat kula bunoh, jikalau sa-ribu dua ribu sa-kali pun saperti Laksamana itu dapat kula bunoh."

Sa-telah sudah Pateh Gajah Mada berpesan pada penjurit itu, maka penjurit tujoh puloh itu pun di-beri-nya makan minum dan di-persalin-nya. Sa-telah sudah maka penjurit tujoh puloh itu pun bermohon-lah pada Pateh Gajah Mada lalu pulang ka-tempat-nya.

Hatta keesokan hari-nya maka Raja Melaka pun masok mengadap Betara Majapahit di-iringkan oleh Laksamana dan segala pegawai dan petuanan. Shahadan Seri Betara pun sudah keluar dudok di-paseban di-hadap oleh segala raja2 dan cheteria dan perdana menteri dan kesatria, sida2, bentara dan hulu-balang. Maka Raja Melaka pun datang lalu dudok menyembah pada Seri Betara. Maka Laksamana pun dudok menyembah di-bawah Raja Melaka itu. Maka Pateh Gajah Mada pun dudok di-atas segala raja2 yang banyak itu.

Sa-bermula penjurit yang tujoh puloh itu keluar ka-pasar menantikan ramai pesara. Maka penjurit itu pun merampas arak tuak di-jual orang di-pesara itu. Maka penjurit tujoh puloh itu pun mabok-lah. Maka pesara pun hampir akan ramai. Maka penjurit pun naik-lah ka-atas kedai merampas dan merebut. Apabila tiada di-beri-nya oleh yang ampunya kedai itu, maka di-tikam-nya dan di-bunoh-nya. Hatta dengan demikian maka gempar-lah pasar itu, kerana banyak orang mati di-tikam oleh penjurit itu. Maka sakalian yang berkedai itu pun habis lari mengatakan orang mengamok. Maka penjurit tujoh puloh

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

itu mengamok; barang yang terlintang di-tikam-nya. Banyak-lah orang mati dan luka. Maka gempar-lah terlalu huru-hara. Maka orang itu pun habis lari mengatakan orang mengamok terlalu banyak di-tengah pesara itu, banyak orang mati dan luka.

Maka terdengar-lah kapada Betara Majapahit bunyi huru-hara itu. Maka titah Seri Betara, "Apa bunyi kedengaran itu terlalu rioh?" Maka sembah Pateh Gajah Mada, "Orang mengamok, tuanku, di-tengah pesara; banyak orang mati dan luka, tiada terkembari lagi." Maka orang pun sa-bagai lari masok ka-paseban itu. Maka pintu paseban pun di-tutup orang-lah. Sa-telah Seri Betara mendengar sembah Pateh Gajah Mada demikian itu maka Seri Betara pun memandang ka-kiri dan ka-kanan, lalu bertitah pada Raja Melaka, "Hai anak-ku, apa-tah jadi negeri ayahanda ini, habis mati dan luka? Jikalau demikian ini, binasa-lah negeri."

Sa-telah Raja Melaka mendengar titah Seri Betara itu, maka baginda pun memandang pada Laksamana; Laksamana pun menyembah lalu memekis, katanya, "Cheh! Mana-tah hulubalang Majapahit maka tiada terkembari orang mengamok sa-kian ini?" Maka Laksamana pun berbangkit berdiri serta di-singsing tangan baju-nya, lalu menyembah pada Raja Melaka; serta di-selak-nya pendua-nya lalu melompat terjun di-atas paseban lalu berdiri sambil berlari2 pergi mendapatkan orang mengamok itu. Sa-telah datang ka-tengah pasar itu, di-lihat oleh Laksamana banyak orang mengamok itu. Maka Laksamana pun fikir dalam hati-nya: 'Ah, terkena-lah aku oleh Pateh Gajah Mada! Tetapi, Insha' Allah Ta'ala, tiada mengapa. Belum tanah Majapahit ini mengandong Si-Tuah.'

Hatta maka di-lihat oleh penjurit tujoh puloh itu sa-orang Melayu berlari2 dengan keris panjang di-pegang; maka kata penjurit itu, "Ini-lah Melayu yang di-katakan oleh Pateh Gajah Mada itu." Maka segera di-usir-nya akan Laksamana; Laksamana pun undor sambil memarang, tetapi melihat ka-belakang tempat bertahan. Dengan takdir Allah Ta'ala, maka Laksamana pun bertemu dengan suatu lorong; pagar-nya lorong itu batu kiri kanan; luas-nya telus sa-orang juga. Hatta maka Laksamana pun segera menghunus keris panjang-nya lalu melompat ka-dalam lorong itu bertahan. Maka penjurit tujoh puloh itu pun beriring2 masok ka-dalam lorong itu. Maka di-parang oleh Laksamana dengan keris panjang-nya putus leher-nya terpelanting ka-bumi. Maka datang sa-orang pula hendak menikam; itu pun di-parang oleh Laksamana dengan keris panjang-nya putus leher-nya terpelanting. Maka masok pula hendak menikam, itu pun di-panchong-nya. Dengan demikian, orang tujoh

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

puloh itu pun habis mati tinggal tujoh orang lagi di-muka pintu lorong itu, tiada berani masok. Maka Laksamana pun segera melompat keluar. Sa-telah di-lihat-nya akan Laksamana sudah keluar itu, maka penjurit tujoh orang itu pun berkeliling hendak menikam Laksamana; Laksamana pun melompat serta di-parang-nya; ketujoh orang itu pun mati: ada yang putus leher-nya, ada yang putus tangan-nya; ada yang penggal paha-nya.

Maka Hang Jebat dan Hang Kasturi, Hang Lekir, Hang Lekiu pun datang di-titahkan oleh Raja Melaka akan membantu Laksamana. Tatkala itu Laksamana pun lelah, maka dudok pada sa-buah kedai berhentikan lelah-nya. Shahadan keris-nya pun tiada tersarong lagi dan tuboh-nya pun berlumor dengan darah. Maka Hang Jebat, Hang Kasturi, Hang Lekir, Hang Lekiu pun datang serta menangis, seraya di-chium-nya kepala Laksamana dan di-sapu-nya darah-nya pada tuboh-nya Laksamana itu. Maka keris pada tangan Laksamana itu pun di-basoh-nya; sudah itu maka di-sarongkan-nya. Maka Laksamana pun di-bawa-nya pulang di-usong-nya. Sa-telah sampai ka-paseban, maka di-lihat oleh Raja Melaka Hang Jebat datang mengusong berempat2 itu; maka Raja Melaka pun berdebar2 hati-nya. Maka Laksamana pun melompat naik ka-paseban itu lalu kapada Raja Melaka. Maka di-lihat oleh Ratu Majapahit dan Pateh Gajah Mada Laksamana datang itu; maka Seri Betara dan Pateh Gajah Mada pun tersipu2 dan gentar segala anggota-nya. Maka titah Seri Betara, "Hai Laksamana, pada bichara kita sa-orang dua juga mengamok itu. Jikalau kita tahukan tujoh puloh orang mengamok itu, masakan kita menyuroh Laksamana sa-orang. Jika Laksamana pergi pun, dengan alat senjata kita surohkan." Maka sahut Laksamana, "Pada bichara patek ini, jangankan tujoh puloh, jika sa-ribu antara dua ribu sa-kali pun patek tidak endahkan, patek mudah juga mengembari dia. Jika orang berani itu dengan mudah-nya patek bunoh. Orang penakut itu juga — ini-lah sukar-nya patek akan mengembari dia; banyak budi bichara-nya hendak mengenai orang juga!"

Maka Seri Betara dan Pateh Gajah Mada pun malu, di-dalam hati-nya: 'Aku juga di-kata-nya ini.' Maka Raja Melaka pun bermohon pulang ka-istana-nya.

• • •

Maka titah Seri Betara, "Hai Pateh, apa lagi bichara kita akan mengenai Laksamana ini, kerana Laksamana pun hampir-lah lagi akan di-dapati-nya main kita, kerana orang bijaksana. Jika ia tahu akan main kita ini, sahaja akan

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

susah kita melawan dia, kerana orang berani dengan tahu-nya." Maka sembah Pateh Gajah Mada, "Ada suatu bichara patek akan mengenai Laksamana itu; ada suatu lagi. Ada sa-orang penjurit terlalu amat kepetangan dan sakti-nya. Ia bertapa di-dalam bumi tujoh tahun tiada makan dan minum dan tiada tidor dan pelbagai rupa-nya dapat di-jadikan; maka ia itu-lah dapat membunoh Laksamana itu. Jikalau sa-puloh dua puloh sa-kali pun saperti Laksamana itu tiada akan lepas daripada-nya. Akan nama-nya penjurit itu Sang Winara Semantera. Ada pun Sang Winara itu guru segala penjurit sakalian." Sa-telah Betara Majapahit mendengar sembah Pateh Gajah Mada itu, maka Betara Majapahit itu terlalu sa-kali sukachita seraya bertitah, "Hai Pateh Gajah Mada, segera-lah panggil penjurit itu; tanya oleh Pateh Gajah Mada, mahu-kah atau tiada-kah, kerana ia orang bertapa. Kalau2 tiada mahu membunoh orang, betapa?"

Maka Pateh Gajah Mada pun menyembah lalu pulang ka-rumah-nya. Maka di-suroh pada hamba-nya memanggil Sang Winara itu. Maka di-lihat-nya oleh hamba-nya Sang Winara lagi bertapa dalam bumi — tetapi ia sudah tahu akan Pateh Gajah Mada memanggil dia — tetapi pertapaan-nya belum sampai; tinggal lagi tujoh hari. Maka hamba Pateh Gajah Mada pun datang, kata-nya, "Hai Sang Winara, tuan-hamba di-suroh panggil oleh Pateh Gajah Mada." Maka Sang Winara pun berdiam diri-nya, kerana tujoh hari lagi pertapaan-nya; tujoh hari sa-kali tujoh patah. Maka di-panggil-nya pula; itu pun berdiam diri-nya. Hatta maka di-panggil pula; Sang Winara pun menyahut. Maka pertapaan-nya pun tiada-lah sampai; jadi bantut-lah; sebab itu-lah maka ia tiada dapat membunoh Laksamana itu.

Maka Sang Winara pun bangun daripada pertapaan-nya lalu dudok berkata2. Sa-telah sudah berkata2, maka Sang Winara pun berjalan-lah di-iringkan oleh hamba Pateh Gajah Mada itu. Sa-telah datang kapada Pateh, kata-nya, "Ada pun hamba memanggil tuan-hamba ini, titah Seri Betara hendak di-suroh tuan-hamba membunoh sa-orang Melayu Laksamana nama-nya." Maka sahut Sang Winara, "Apa dosa-nya Melayu itu pada Seri Betara?" Maka kata Pateh, "Dosa-nya terlalu besar pada Seri Betara." Maka kata Sang Winara, "Tiada-kah Seri Betara hulubalang dan penjurit akan membunoh Laksamana itu?" Maka kata Pateh, "Banyak sudah hulubalang dan penjurit membunoh dia; tiada juga ia mati dan beberapa penjurit di-bunoh-nya. Ia tiada mati juga. Jangan-kan mati, luka pun tiada." Sa-telah Sang Winara mendengar kata Pateh Gajah Mada itu demikian maka ia pun tertawa gelak2, kata-nya, "Kalau2 Laksamana itu berguru pada Sang Persata Nala gerangan maka ia tiada mati dan tiada

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

dapat di-bunoh oleh segala penjurit?" Maka kata Pateh, "Mana ia tahu akan tempat Sang Persata Nala itu?" Maka kata Sang Winara, "Baik-lah, aku juga pergi chuba rumah Laksamana itu."

Maka Sang Winara pun pergi memanggil murid-nya empat orang. Maka di-bawa-nya lalu pergi pada kampong Raja Melaka itu lalu masok dudok di-tepi pagar. Maka tatkala itu Laksamana pun ada berkawal di-bawah istana Raja Melaka sama dengan Hang Jebat, Hang Kasturi, Hang Lekir, Hang Lekiu. Maka kata Laksamana, "Hai saudara-ku keempat, ada pun pada firasat hamba, pada malam ini hendak-lah kita beringat, kerana firasat bertikam itu adalah kerana ada orang dalam kampong kita ini."

Maka dalam berkata2 itu, maka terhimbas orang lalu hampir pagar istana itu. Maka di-lihat oleh Laksamana; Laksamana pun menghunus keris panjang-nya, lalu di-hampiri-nya oleh Laksamana. Maka Sang Winara pun tiada sempat lari, maka menjadikan diri-nya tunggul kayu. Maka di-lihat-nya oleh Laksamana kayu terdiri di-tengah halaman itu; maka di-parang oleh Laksamana tunggul kayu itu dengan keris panjang-nya lalu putus. Maka Sang Winara pun lalu melompat lari. Maka di-turut oleh Laksamana. Maka Sang Winara pun menjadikan diri-nya anjing. Maka Laksamana pun menjadikan diri-nya harimau, lalu di-usir-nya anjing; anjing itu pun lari keluar kampong. Maka Laksamana pun menjadikan diri-nya manusia pula.

Maka Sang Winara pun berkata pada penjurit empat orang itu, "Nyaris manira di-tangkap-nya oleh Laksamana itu, kerana Laksamana itu penjurit besar. Jangankan ia mati; kita jangan mati oleh-nya pun baik." Maka murid-nya empat orang itu pun tertawa gelak2, kata-nya, "Itu-lah, ingat2 tuan-hamba akan melawan Melayu itu. Bukan barang2 orang, penjurit kepetangan. Sedang Tameng Sari lagi mati di-bunoh-nya sama sa-orang; sebab itu-lah maka manira tiada berani masok ka-dalam kampong Raja Melaka itu." Maka kata Sang Winara, "Sunggoh-lah saperti kata-mu. Jika lain daripada aku, entah di-parang-nya siapa tahu. Baik aku sempat lari keluar kampong." Maka penjurit empat orang itu pun berkata, "Apa bichara pakanira, hendak masok lagi-kah atau tiada-kah?" Maka kata Sang Winara, "Jika aku mati pun aku hendak masok juga sa-kali lagi."

Maka Sang Winara pun menjadikan diri-nya kunang2; maka lalu ia terbang ka-dalam kampong Raja Melaka itu. Laksamana tatkala itu lagi berkata2 dengan Hang Jebat, Hang Kasturi, Hang Lekir, Hang Lekiu. Maka di-lihat-nya oleh Laksamana sa-ekor kunang2 terbang berkeliling rumah-nya. Laksamana pun tersenyum seraya berkata, "Hai saudara-ku yang keempat, lihat juga penjurit

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

itu menjadikan kunang2 pula, tetapi tiada mengapa; kita lihat juga main-nya dahulu." Maka Laksamana pun segera naik ka-atas rumah-nya berdiri di-balek pintu. Maka kunang2 itu pun menjadikan diri-nya kuching; maka kuching itu pun melompat naik ka-atas rumah-nya. Laksamana baharu hendak masok pintu; maka di-parang oleh Laksamana dengan keris panjang-nya kena kuching itu tiada mati. Maka kuching itu pun melompat segera terjun lari. Maka ia menjadikan diri-nya harimau berdiri di-tengah halaman itu. Apabila di-lihat-nya oleh harimau akan Laksamana, maka harimau itu pun datang mengusir Laksamana; Laksamana pun melompat pagar mengikut harimau itu keluar kampong.

Maka Sang Winara dan penjurit empat orang itu pun lari-lah ka-kampong Pateh Gajah Mada. Maka tatkala itu Pateh Gajah Mada pun ada menantikan Sang Winara. Sa-telah Sang Winara datang di-lihat oleh Pateh Gajah Mada, maka kata Pateh Gajah Mada, "Mati-kah sudah Laksamana itu?" Maka sahut Sang Winara dengan lelah-nya ternganga2, kata-nya, "Jangankan mati; aku pun nyaris mati oleh-nya." Maka penjurit empat itu pun tertawa gelak2. Maka Sang Winara pun amarah, kata-nya, "Mengapa engkau tertawa akan aku? Jikalau aku tiada bunoh Laksamana itu, pustaka ini habis ku-buangkan ka-laut; aku pun menikam diri-ku!"

Sa-telah sudah ia berkata2 demikian, maka ia pun berjalan-lah pergi ka-kampong Raja Melaka. Sa-telah dudok ka-pintu maka di-raba-nya pintu kampong itu terbuka. Maka Sang Winara pun masok-lah lalu berjalan ka-tangga itu. Maka Laksamana lagi dudok berkata2 dengan Hang Jebat. Maka Sang Winara pun naik-lah ka-rumah Laksamana dudok di-balek pintu serta di-hunus keris-nya menantikan Laksamana keluar. Maka Laksamana pun tahu akan orang naik rumah itu. Maka Laksamana pun perlahan2 mengambil keris panjang-nya lalu di-hunus-nya. Maka Laksamana pun perlahan2 membuka pintu rumah-nya; serta terbuka maka Laksamana pun melompat keluar. Maka di-tikam oleh Sang Winara, tiada kena. Maka oleh Laksamana pun melompat lalu di-parang-nya, kena bahu-nya putus. Maka di-pegang-nya oleh Sang Winara dengan tangan-nya kiri, serta di-tikam-nya akan Laksamana; di-pertubi2-nya tikam. Maka Laksamana pun melompat menyalahkan tikam penjurit itu, tiada kena. Maka di-parang oleh Laksamana, kena bahu-nya sa-belah lagi, lalu putus. Maka tangan Sang Winara pun jatoh ka-tanah. Maka ia berdiri saperti pohon kayu tiada berchawang laku-nya. Maka Laksamana pun melompat, maka di-parang-nya pula leher-nya putus. Maka kepala-nya pun berguling2 lari

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

keluar kampong. Maka segera di-ambil oleh penjurit empat orang itu di-bawa-nya lari kapada Pateh Gajah Mada.

Maka kata Pateh Gajah Mada, "Kepala siapa ini, kepala Laksamana-kah?" Maka kata penjurit itu, "Ini-lah kepala Sang Winara hendak ku-tanamkan. Manira nyaris mati di-bunoh oleh Laksamana itu. Daripada berani manira maka manira lepas lari ka-mari, kerana Laksamana itu bukan barang2 penjurit; siapa dapat melawan dia?" Maka kata Pateh Gajah Mada, "Ada-kah penjurit yang lain lagi dapat membunoh Laksamana itu?" Maka kata penjurit empat orang itu, "Kalau2 baginda itu tiada mahu membunoh Laksamana, kerana baginda itu orang pertapa. Lagi pula ku-dengar Laksamana itu tiada berdosa." Sa-telah di-dengar-nya oleh Pateh Gajah Mada kata penjurit empat itu, kata-nya, "Di-mana penjurit itu?" Maka kata penjurit empat orang itu, "Akan penjurit itu tempat-nya di-gunong Wirana Pura, nama baginda itu Sang Persata Nala. Pada bichara hati manira, jikalau tuanku pergi menyambut ia, tiadakan ia ka-mari. Dalam pada itu pun, mana kehendak hati pakanira."

Sa-telah Pateh Gajah Mada mendengar kata penjurit itu maka Pateh Gajah Mada pun berdiam diri-nya. Maka kepala Sang Winara itu pun di-bawa oleh penjurit empat orang itu pada suatu gunong; maka di-tanamkan kerana wasiat-nya Sang Winara pada segala murid tujoh puloh itu: "Jika aku mati terbunoh, kepala-ku tanam pada kaki gunong Ima Giri, datang kapada tujoh tahun lama-nya maka gali oleh-mu; aku hidup pula saperti dahulu kala." Maka kepala Sang Winara pun di-tanamkan di-sana.

• • •

Sa-permula Pateh Gajah Mada, sa-telah hari siang, maka Pateh Gajah Mada pun masok mengadap Seri Betara. Maka titah Seri Betara, "Hai Pateh Gajah Mada, apa khabar kita?" Maka sembah Pateh Gajah Mada, "Ya Tuanku Paduka Betara, penjurit yang bernama Sang Winara itu sudah-lah mati di-bunoh oleh Laksamana sa-malam ini, Tuanku Betara; tetapi ada sa-orang ajar2 Sang Persata Nala bertapa di-Gunong Winara Pura itu, terlalu amat sakti. Jangankan Laksamana itu tiada dapat di-bunoh-nya, jikalau ada Laksamana itu terbang ka-udara atau ka-dalam tujoh petala bumi sa-kali pun tiadakan lepas daripada tangan ajar2 itu. Kalau ia tiada mahu membunoh Laksamana itu patek tiada tahu, kerana ia orang bertapa." Sa-telah Seri Betara mendengar sembah Pateh Gajah Mada itu, maka titah Seri Betara, "Baik-lah itu; segera-lah suroh panggil Sang Persata Nala itu. Aku pun ada mendengar ajar2 itu, terlalu amat sakti

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

lagi tiada di-makan oleh besi." Maka sembah Pateh Gajah Mada, "Kalau2 ia tiada mahu datang, apa kata kita?" Maka titah Seri Betara, "Suroh-lah hamba yang tentu ia pergi menyambut Sang Persata Nala itu."

Maka ia pun menyembah lalu keluar. Maka di-panggil oleh Pateh Gajah Mada Sang Wira nama-nya. Maka di-beri-nya sa-puloh orang akan teman-nya dan kuda sa-ekor akan kenaikan Sang Persata Nala itu. Maka kata Pateh Gajah Mada, "Hai Sang Wira, katakan oleh pakanira titah Seri Betara suroh panggil barang sa-sa'at hendak minta ubat kapada-nya."

Hatta Sang Wira pun pergi-lah dengan sa-puloh orang serta-nya. Berapa lama-nya akan sampai-lah ka-kaki gunong Wirana Pura itu. Maka kata-nya kapada segala ajar2 yang di-kaki gunong itu. "Di-mana tempat Sang Persata Nala itu?" Maka kata segala ajar2 itu, "Di-manakan dapat pakanira pergi? Neschaya habis di-makan oleh segala binatang. Dalam pada itu pun, mana bichara pakanira."

Sa-telah Sang Wira mendengar kata ajar2 itu, maka ia pun berjalan-lah naik gunong itu. Maka baharu sa-tengah hari berjalan, maka orang sa-puloh itu pun tinggal tiga orang; lain itu habis mati di-makan oleh binatang badak dan harimau, dan kuda itu pun di-tangkap-nya. Jangankan bertemu dengan Sang Persata Nala itu, dengan dokoh-nya pun tiada bertemu. Maka Sang Wira pun kembali-lah kapada Pateh. Sa-telah di-lihat oleh Pateh Sang Wira datang itu, maka kata Pateh, "Hai Sang Wira, mana-tah Sang Persata Nala? Tiada-kah ia datang?" Maka sembah Sang Wira, "Ya tuanku, jangankan baginda itu datang, manira sakalian habis mati di-makan oleh segala binatang! Akan manira bertemu pun tiada dengan Sang Persata Nala itu; sebab itu-lah maka hamba-mu kembali mengadap tuanku."

Sa-telah Pateh mendengar kata Sang Wira itu, maka Pateh Gajah Mada pun segera mengadap Seri Betara. Maka titah Betara, "Hai Pateh Gajah Mada, sudah-kah bertemu dengan Sang Persata Nala itu?" Maka sembah Pateh Gajah Mada, "Ya tuanku, pada penglihatan patek, ia tiada mahu datang. Bahawa baginda itu tiada ia mahu berbuat nestapa, kerana ia orang bertapa; baik juga kita menchari penjurit yang lain dan yang kepetangan, kerana Laksa-mana itu sangat tahu-nya pada ilmu penjurit. Ada pun orang penjurit itu sama penjurit juga maka dapat-lah kita melawan dia." Sa-telah Seri Betara mendengar sembah Pateh Gajah Mada itu demikian, maka Seri Betara pun berkata, "Benar-lah saperti kata Pateh Gajah Mada itu."

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

Maka tatkala itu Raja Melaka pun datang mengadap Seri Betara. Maka titah Seri Betara, "Silakan anak-ku." Maka Raja Melaka pun dudok-lah di-atas peterana lalu menyembah. Maka titah Seri Betara, "Sunggoh-kah kampong anak-ku di-masok penjurit?" Maka sembah Raja Melaka, "Patek tiada pereksa, tuanku." Maka sembah Laksamana, "Sunggoh-lah penjurit masok, tuanku, patek bunoh." Maka titah Seri Betara, "Terlalu banyak kebaktian Laksamana kapada kita; kita pun suka akan Laksamana membunoh orang penjurit itu. Maka sembah Laksamana, "Daulat Tuanku Andika Betara."

Maka sembah Raja Melaka, "Ya tuanku, patek mohonkan ampun dan kurnia di-bawah Duli Paduka Betara akan patek, patek hendak bermohon ka-bawah Duli Paduka Betara patek hendak kembali ka-Melaka, kerana lama sudah patek meninggal negeri Melaka itu. Jikalau ada pekerjaan Duli Paduka Betara yang sukar2 itu patek datang juga mengadap Duli Paduka Betara. Akan sekarang patek lihat negeri Paduka Betara pun sentosa-lah, shahadan pekerjaan Paduka Betara pun tiada apa." Sa-telah Seri Betara mendengar sembah Ra a Melaka demikian itu, maka titah Seri Betara, "Baik-lah, mana bichara anak-ku. Pada bichara ayahanda pun demikian-lah; baik-lah anak-ku kembali, sa-bulan di-Melaka sa-bulan di-Majapahit; sa-tahun anak-ku di-Melaka dan sa-tahun anak-ku di-Majapahit; kerana ayahanda orang tua, bukan ada anak dua tiga, hanya-lah Galuh."

Sa-telah sudah berkata2 itu, maka hidangan pun di-angkat orang-lah. Maka Raja Melaka pun santap-lah dengan Seri Betara. Sa-telah sudah santap maka Raja Melaka pun bermohon-lah pulang ka-istana. Maka Raja Melaka pun memberi titah kapada segala pegawai dan petuanan suroh berlengkap akan kembali ka-Melaka.

• • •

Maka kata Laksamana, "Hai saudara-ku keempat, apa bichara kita kerana Duli Yang Di-Pertuan ini akan kembali ka-Melaka; hendak-lah kita meninggal-kan balas lara wirang akan Seri Betara Majapahit dan Pateh Gajah Mada itu, kerana perbuatan-nya akan kita." Maka sahut orang empat itu, "Mana bichara orang kaya-lah. Beta keempat serta orang kaya; sa-hingga mati sudah-lah." Maka kata Laksamana, "Jika demikian, mari-lah kita pergi. Ada suatu taman Betara Majapahit, larangan, tempat baginda bersuka2an laki isteri, mari-lah kita binasakan." Maka sahut Hang Jebat, "Baik-lah, orang kaya; esok hari-lah

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

kita pergi. Tatkala Yang Di-Pertuan masok mengadap Seri Betara maka kita pergi-lah ka-taman itu." Kata Laksamana, "Benar kata saudara-ku itu."

Sa-telah keesok hari-nya maka Raja Melaka pun masok-lah mengadap Betara Majapahit. Maka Laksamana dan Hang Jebat, Hang Kasturi, Hang Lekir, Hang Lekiu pun mengiringkan baginda itu. Sa-telah Raja Melaka sampai ka-paseban, maka Laksamana kelima bersahabat pun menyelimpat lalu berjalan lima orang daripada lorong tanah Pateh Gajah Mada itu. Maka tatkala itu Pateh Gajah Mada berdiri di-dalam kampong-nya berkata2 dengan Rangga. Maka di-lihat oleh Pateh dan Laksamana lalu itu; maka kata Pateh, "Hendak ka-mana anak-ku gopoh2 ini?" Maka sahut Laksamana, "Manira tiada ka-mana; manira hendak berjudi ka-rumah Raden Aria." Maka kata Pateh Gajah Mada, "Sayang manira hendak masok mengadap; jika tiada, manira pun hendak pergi berjudi juga sama2 anak-ku." Maka Laksamana pun bermohon-lah pada Pateh Gajah Mada lalu berjalan keluar negeri.

Ada pun taman penglipor lara itu di-luar kota. Sa-telah Laksamana datang ka-pintu taman itu, maka kata Hang Jebat, "Hai penunggu taman, buka pintu ini!" Maka kata penunggu taman itu, "Siapa di-luar taman itu?" Maka kata Laksamana, "Aku-lah hulubalang Raja Melaka yang membunoh tiada bertanya, memakai tiada larangan. Segera bukai pintu taman ini! Jika tiada engkau bukai pintu taman ini, engkau aku bunoh." Sa-telah penunggu taman itu mendengar kata Laksamana demikian itu, maka ia pun segera membuka pintu itu. Maka Laksamana kelima bersahabat pun masok-lah ka-dalam taman lalu mandi pada kolam tempat permandian Betara Majapahit laki isteri bermain bersembor2an dan bersuka2an itu.

Maka kata orang penunggu pintu taman itu, "Jangan tuan-hamba mandi pada kolam tempat permandian Paduka Betara dan Permaisuri mandi itu." Maka sahut Hang Jebat, Hang Kasturi, "Oleh taman larangan maka aku mari mandi dan bermain! Jangan banyak kata-mu, ku-bunoh!" Maka penunggu taman itu pun berdiam diri-nya takut akan Laksamana.

Maka Laksamana pun sudah-lah mandi lalu naik memungut bunga pada tepi kolam itu, pelbagai bunga2-nya sa-orang sa-kendong dan mengambil buah2an di-bawa-nya naik ka-atas balai gading yang berjentera itu, bertimbun2 pelbagai buah2an. Maka ia dudok di-atas balai itu, lima pangkat tinggi-nya, tiang-nya pun lima batang. Sudah makan buah2an itu maka ia dudok mengarang bunga sambil bersenda bernyanyi dan berpantun dan berseloka berbagai2 ragam-nya. Maka Hang Jebat dan Hang Kasturi berpantun, demikian bunyi-nya:

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

Hang Jebat Hang Kasturi
Budak2 Raja Melaka
Jika hendak jangan di-churi
Mari kita bertentang mata.

Maka Laksamana pun berpantun, demikian bunyi-nya:

Lokan melata di-perahu
Belah balang ber.t.n.d.w.a.n
Bukan aku tiada tahu
Aku-lah hulubalang minta lawan.

Maka Hang Kasturi pun berpantun, demikian bunyi-nya:

Gajah lekir kuda beraksa
Di-mana ku-hempaskan
Sama lebor sama binasa
Orang kaya di-manakan aku tumangkan.

Maka Hang Lekir pun berpantun, demikian bunyi-nya:

Ada-kah perisai bertali rambut
Rambut di-pintal akan chemara
Ada-kah bisai tahu takut
Kami pun muda lagi perkasa.

Maka Hang Lekiu pun berpantun, demikian bunyi-nya:

Ambil galah kaitkan jantong
Ch.y.k banyak makan di-jalan
Pada Allah tempat bergantong
Datang tombak kita melawan.

Maka Laksamana pun memakai dastar bunga di-karang gajah gemulong. Maka Hang Jebat, Hang Kasturi, Hang Lekir, Hang Lekiu pun sama2 bertajok bunga chempaka dan bunga angsoka dan bunga china. Maka Hang Lekir, Hang Lekiu pun berdastar bunga china tiga warna sama berkunchi bunga di-karang. Maka kata Laksamana, "Sahaja akan di-adangi orang; sahaja akan bertikam juga pada firasat hamba." Maka Laksamana pun geram rasa-nya hendak bertikam. Maka Laksamana pun memekis, kata-nya, "Cheh, mengapa pula bagitu? Jikalau datang pengawitan yang sa-ribu itu, ku-panchong dengan keris panjang-ku ini juga habis putus2!" Maka sahut Hang Jebat seraya

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

memekis, "Cheh, mengapa pula bagitu? Jikalau orang kaya memanchong tombak pengawitan yang sa-ribu, Si-Jebat-lah membilang dia!" Maka sahut Hang Kasturi, "Jika Tun Jebat membilang dia, Si-Kasturi-lah menghimpunkan dia!" Maka sahut Hang Lekir seraya memekis, kata-nya, "Cheh, mengapa pula bagitu? Jika Tun Kasturi memungut dia, Si-Lekir-lah membungkus dia!" Maka sahut Hang Lekiu, "Cheh, mengapa pula bagitu? Jika Tun Lekir membungkus dia, Si-Lekiu-lah membawa dia. Masakan beta tumangkan!" Satelah sudah, masing2 bersha'er dan bernyanyi dan berpantun pula, terlalu ramai tertawa.

Arakian maka orang menunggu pintu taman itu pun panas hati-nya melihat kelakuan orang lima itu. Maka ia pun berlari2 pergi mengadap Seri Betâra. Maka sembah penunggu pintu taman itu, "Ya Tuanku Paduka Betara, taman larangan Paduka Betara yang patek tunggui itu habis-lah di-binasakan oleh orang Melayu muda2 lima orang itu. Patek larang tiada terlarang; patek hendak di-buat pula."

Maka Seri Betara pun terlalu amarah saperti ular berbelit2, serta bertitah, "Hai Barit Ketika, segera-lah pergi melihat Melayu itu yang berani dudok pada balai larangan kita." Maka Barit Ketika pun menyembah lalu pergi. Maka di-lihat-nya yang dudok itu Laksamana kelima bersahabat. Maka Barit Ketika pun segera kembali mengadap Seri Betara. Maka sembah Barit Ketika, "Ya tuanku, orang yang dudok di-atas balai itu Laksamana dan Hang Jebat, Hang Kasturi, Hang Lekir, Hang Lekiu, tuanku. Patek pun hairan melihat dia, saperti orang gila laku-nya."

Apabila Seri Betara mendengar sembah Barit Ketika itu, maka Seri Betara pun terlalu amarah saperti api bernyala2 dan saperti harimau akan menerkam, lalu bertitah pada Raja Melaka, "Hai anak-ku Ratu Melaka, lihat-lah akan perbuatan Laksamana akan ayahanda itu! Ada pun jikalau anak-ku sa-kali pun tiada dapat masok bermain ka-dalam taman itu." Maka sembah Raja Melaka, "Patek mohonkan ampun dan kurnia di-bawah Duli Paduka Betara; ada pun pekerjaan ini patek tiada tahu. Pada bichara patek, ini konon Laksamana dan Hang Jebat, jikalau patek sa-kali pun, jika salah perbuatan patek, apa-tah guna-nya ka-bawah Duli Paduka Betara? Harus-lah di-buangkan orang yang jahat itu."

Sa-telah Seri Betara mendengar sembah Raja Melaka demikian itu, maka Seri Betara pun memberi titah pada penghulu pengawitan yang sa-ribu itu, "Hai pengawitan, segera-lah kerahkan segala periai yang sa-ribu memegang tombak." Pengawitan yang sa-ribu itu pun datang-lah masing2 bersikap lalu memegang

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

tombak sa-bilah sa-orang. Sa-telah sudah lengkap, maka titah Seri Betara, "Hai pengawitan yang sa-ribu, pergi engkau bunoh Melayu yang dudok di-dalam taman itu. Kepong oleh-mu; beri mati2."

Sa-telah segala pengawitan itu mendengar titah Seri Betara demikian itu, maka pengawitan sa-ribu itu pun menyembah lalu pergi berlari2 ka-taman itu, lalu di-kepong-nya taman itu dengan tempik sorak-nya, terlalu gempita bunyi-nya. Maka kata Pateh Gajah Mada, "Mati-lah Laksamana sa-kali ini." Maka orang negeri itu pun pergi melihat terlalu banyak penoh sesak di-luar taman itu.

Sa-telah di-dengar-nya oleh Laksamana orang banyak datang mengepong dia itu maka kata Laksamana, "Hai saudara-ku keempat, datang-lah sudah orang mengepong kita." Maka sahut Hang Jebat, "Apa-tah di-takutkan dan di-hebatkan? Masakan Si-Jebat menumangkan." Maka Laksamana pun turun dari balai itu serta di-singsing tangan baju-nya seraya memekis, kata-nya, "Cheh, yang ku-chari pun ini-lah!" Serta di-hunus-nya keris-nya panjang lalu di-nantikan pengawitan yang sa-ribu itu, serta membacha pustaka-nya kalau datang geroh. Telah datang-lah pengawitan yang sa-ribu itu, maka lalu di-tikam-nya akan Laksamana, saperti ranggas datang tombak berkeliling tuboh Laksamana. Maka Laksamana pun melompat serta di-parang-nya tombak itu ka-kiri dan ka-kanan, di-panchong-nya habis putus: ada yang terbengkung, ada yang patah; suatu pun tidak mengenai tuboh Laksamana itu.

Sa-telah di-lihat oleh pengawitan itu kelakuan Laksamana memarang tombak-nya itu, maka pengawitan sa-ribu itu pun lari-lah membawa diri-nya, ada yang pechah muka-nya, ada yang pechah dahi-nya, ada yang pechah kepala-nya kena pohon kayu di-dalam taman itu. Maka segala pengawitan yang sa-ribu itu pun datang-lah mengadap Seri Betara, darah-nya berhiliran. Maka titah Seri Betara, "Hai segala pengawitan, sudah-kah mati Laksamana itu?" Maka sembah segala pengawitan itu, "Ya tuanku, jangankan ia mati, luka pun tiada. Ini-lah hal-nya: patek sakalian ini juga hendak di-bunoh-nya; sa-orang pun patek tiada tinggal." Sa-telah Seri Betara mendengar sembah segala pengawitan itu, maka Seri Betara pun terlalu dukachita akan segala pengawitan itu habis binasa.

Hatta sa-telah sudah pengawitan sa-ribu itu lari, maka Laksamana pun mandi pada kolam itu bersuchi tuboh-nya. Sa-telah sudah maka kata Laksamana, "Hai saudara-ku, mari-lah kita pergi mengadap Seri Betara membawa tombak pengawitan yang putus itu, kita persembahkan Seri Betara." Maka sahut Hang Jebat, "Jika saru2 peri Duli Yang Di-Pertuan, atau tiada di-lepaskan-nya kembali sebab kita-lah, apa bichara orang kaya dan saudara kita ketiga?"

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

Maka Laksamana pun berkata, "Hai saudara-ku keempat, ada pun jika Duli Yang Di-Pertuan satu2 peri-nya dan tiada di-lepaskan kembali, sahajakan berkapar bangkai di-paseban itu oleh Si-Tuah ini!" Maka kata Hang Jebat, Hang Kasturi, Hang Lekir, Hang Lekiu, "Empat kami serta orang kaya-lah. Baik sama baik, jahat sama jahat." Sa-telah sudah bichara demikian, maka kata Laksamana, "Hai saudara-ku, mari-lah kita mengadap Seri Betara." Maka sahut Hang Jebat, "Baik-lah, di-perhamba iringkan orang kaya." Maka mata tombak itu pun di-pikul oleh Hang Lekiu.

Maka Laksamana pun berjalan-lah mengadap Seri Betara. Tatkala itu Raja Melaka ada lagi dudok mengadap Betara Majapahit. Maka Laksamana pun datang membawa mata tombak pengawitan yang sa-ribu itu. Sa-telah Seri Betara melihat Laksamana datang, maka Seri Betara pun berpaling tiada mahu melihat muka Laksamana itu. Maka Laksamana pun berdatang sembah, "Ya tuanku, patek mohonkan ampun dan kurnia di-bawah Duli Paduka Betara; patek sakalian tiada tahu taman larangan. Patek sakalian hendak masok minum ayer; tiada sempat patek minum ayer, maka patek pun di-kepong-nya hendak di-bunoh-nya. Maka patek tiada tahu akan Paduka Betara hendak membunoh patek, maka patek sakalian pun lawan-lah. Lebeh ampun kurnia Paduka Betara juga akan patek sakalian." Sa-telah Seri Betara mendengar sembah Laksamana demikian itu, maka Seri Betara pun berpaling serta bertitah, "Jikalau Laksamana tiada tahu akan taman larangan itu, apa-tah daya kita lagi? Tetapi jikalau lain daripada Laksamana, tahu-lah kita memberi belas. Ini Laksamana; jadi tiada-lah boleh kita berkata2."

Maka Raja Melaka pun bermohon-lah kembali ka-istana.

Maka Betara Majapahit pun bertitah, "Hai Pateh, apa bichara kita akan membunoh Laksamana itu, kerana Ratu Melaka pun sudah bermohon kapada kita hendak kembali ka-Melaka? Hendak pun kita pegangkan kerana sudah lama." Maka sembah Pateh, "Ya Tuanku Paduka Betara, pada bichara patek, yang Laksamana itu ka-mana pergi-nya; sabar juga dahulu. Apabila Raja Melaka kembali, ta' dapat tiada Laksamana itu datang juga di-surohkan oleh paduka anakanda Ratu Melaka itu mengadap tuanku. Tatkala itu barang kehendak kita berlaku-lah mengenai Laksamana itu." Maka Seri Betara itu pun berangkat masok ka-dalam istana.

• • •

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

Maka Raja Melaka pun pada malam itu juga meshuarat dengan segala pegawai dan peruanan akan kembali ka-Melaka itu. Maka titah Raja Melaka, "Hai tuan2 sakalian, jika apa2 pun berlengkap-lah tuan2 sakalian; esok hari kita bermohon. Mahu lepas mahu tiada lepas, kita kembali juga. Mana kehendak Seri Betara kita ada-lah." Maka sembah Laksamana, "Daulat Tuanku Shah Alam; pada bichara patek, perbuatan demikian pun sebab itu-lah. Perbuatan Betara Majapahit dan Pateh itu terlalu-lah akan patek sakalian; hendak membunoh patek; maka patek pun balas pada taman-nya." Maka titah Raja Melaka seraya tersenyum, "Kita pun tahu akan bichara Laksamana. Untong-lah tiada satu2 peri; jika satu2 peri, kita pun tiadakan kembali ka-Melaka. Maka sembah Laksamana, "Daulat Tuanku Shah Alam, minta selamat juga tuanku kembali ka-Melaka itu. Insha' Allah Ta'ala, belum lagi perjanjian Si-Tuah di-tanah Majapahit ini." Maka sahut Hang Jebat, "Ya Tuanku Shah Alam, jika kira-nya Duli Yang Di-Pertuan satu2 peri, sahajakan Si-Jebat, membakar negeri Majapahit ini dan Pateh Gajah Mada dengan Rangga Dohan pun patek bunoh, serta mengamok patek lima bersaudara ini; di-mana akan bertahan bekas tangan patek lagi." Sa-telah Raja Melaka mendengar sembah Laksamana dan Hang Jebat demikian itu, maka Raja Melaka pun terlalu amat sukachita.

Arakian sa-telah hari siang maka Raja Melaka laki isteri pun masok bermohon kapada Seri Betara dan permaisuri. Maka sembah Raja Melaka, "Ya Tuanku Paduka Betara, kerana orang patek terlalu sangat kesukaran, beberapa puloh bahara emas patek beri musara, tiada juga pada, sebab itu-lah maka tiada patek terdudok di-Majapahit ini." Maka titah Seri Betara pada Pateh Gajah Mada, "Hai Pateh, surohkan-lah Rangga dan Pateh Serangga Dohan dan Kiu Temandera, suroh hantarkan anak-ku ka-Melaka dua hari lagi."

Maka Pateh Gajah Mada pun menyembah lalu keluar berlengkap Rangga dan Pateh Serangga Dohan dan Kiu Temandera delapan buah kelengkapan. Maka Seri Betara dan permaisuri pun memberi emas perak dan permata ratna mutu ma'nikam akan anakanda baginda Raden Emas Ayu, beberapa pakaian yang mulia2 dan benda yang gharib2 dan dua ratus dayang dan empat puloh anak pegawai yang perempuan yang baik2 rupa-nya akan perwara dan galoh, dan empat puloh anak periai laki2 dan biduanda dan tujoh ribu ra'ayat laki2 dan perempuan akan di-suroh anakanda baginda.

Sa-telah sudah berlengkap maka permaisuri pun memelok menchium anakanda baginda dan di-tangisi-nya. Maka titah Raru Majapahit, "Ya anak-ku Raru Melaka, pada bichara ayahanda, apabila ayahanda rindu akan anak-ku kedua, maka ayahanda surohkan Pateh dan Demang dan Raden Aria; maka

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

hendak-lah anak-ku datang membawa adinda ka-Majapahit ini." Maka sembah Raja Melaka, "Yang kehendak hati patek pun demikian-lah."

Maka Raja Melaka laki isteri pun bermohon-lah pada Seri Betara dan permaisuri lalu naik gajah itu berjalan turun ka-perahu-nya. Maka pateh dan segala raja2 pun pergi mengiringkan Raja Melaka. Maka Raja Melaka pun naik-lah kapada Mendam Berahi. Maka tunggul pun di-iringkan orang-lah. Maka Adipati Jemaja pun di-surohkan oleh Laksamana mendayongkan Mendam Berahi. Maka Laksamana pun bermohon-lah pada Pateh Gajah Mada; shahadan maka kata Laksamana, "Manira mohon-lah; jika ada salah dan sileh manira kapada Kiai Adipati Mangkubumi, minta di-ampunkan oleh Adipati Mangkubumi-lah." Maka sahut Pateh Gajah Mada, "Tiada ada salah anak-ku kapada manira; yang salah itu salah manira." Maka Laksamana pun tersenyum lalu bermohon naik kapada Mendam Berahi. Maka Laksamana berdiri di-bawah tunggul. Maka payong iram kuning berapit pun terkembang-lah di-atas kepala Laksamana. Maka Mendam Berahi pun di-suroh dayong ka-laut. Maka Laksamana memasang meriam tujoh kali. Maka kenaikan pun belayar lalu menarek layar. Maka segala kelengkapan yang banyak itu pun belayar-lah mengikut kenaikan menuju Tuban.

* * *

Hatta berapa lama-nya belayar itu maka sampai-lah ka-Tuban. Maka Adipati Tuban dan segala orang kaya2 itu pun sakalian-nya datang dengan persembah-nya mengadap Raja Melaka. Maka baginda pun singgah di-Tuban tujoh hari bermain2 dan berburu terlalu ramai; banyak beroleh perburuan. Sa-telah datang kapada tujoh hari bermain2, maka Raja Melaka pun bermohon-lah pada Sang Agung Tuban lalu belayar menuju Jayakatra. Maka Adipati Jayakatra dengan orang besar2-nya pun datang-lah dengan persembah-nya mengadap Raja Melaka. Maka baginda berhenti tujoh hari di-Jayakatra bermain dan temasha. Maka segala perempuan pun turun ka-darat bermain2 sa-genap pasara. Sa-telah sampai tujoh hari maka baginda pun bermohon-lah pada Sang Agung Jayakatra lalu belayar menuju Palembang. Hatta berapa lama-nya belayar maka sampai-lah ka-Palembang. Maka segala orang besar2 Palembang itu pun datang-lah masing2 dengan persembah-nya mengadap Raja Melaka. Maka titah Raja Melaka, "Hai Adipati Palembang, apa khabar ayahanda di-Bukit Seguntang dan apa khabar Bendahara di-Melaka?" Maka sembah Adipati Palembang, "Daulat Tuanku Shah Alam, patek mohonkan ampun dan kurnia

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

akan patek; ayahanda bonda menitahkan orang bertanyakan khabar Duli Yang Di-Pertuan juga ka-Palembang ini dan akan Temenggong dan Bendahara Paduka pun berlengkap hendak menyurohkan orang menyambut Duli Yang Di-Pertuan." Maka titah Raja Melaka, "Hai Adipati Palembang, Sang Jaya Nantaka itu ada-kah ia mengutus di-benua Keling ka-Bukit Seguntang itu?" Maka sembah Adipati Palembang, "Ya tuanku, patek dengar khabar-nya adinda itu menyuroh tiga buah perahu, di-alahkan oleh Feringgi dua puloh buah." Maka Raja Melaka pun tersenyum.

Sa-telah berapa puloh hari Raja Melaka singgah di-Palembang itu, maka baginda pun bermohon-lah pada Adipati Palembang lalu belayar. Harta berapa lama-nya di-laut maka sampai-lah ka-Melaka. Maka segala bunyi2an pun di-palu orang-lah terlalu gempita. Maka Laksamana pun memasang meriam tujoh kali.

Maka Bendahara Paduka Raja pun menghiasi istana, di-buboh-nya tirai dan kelambu dan segala perhiasan. Maka gajah kenaikan pun di-hiasi-nya, pakaian gajah itu sa-ribu keemasan belaka. Maka Temenggong Sarwa Raja pun mengikat gajah kenaikan itu, di-buboh-nya tirai dan kelambu. Sa-telah lengkap maka Temenggong pun pergi-lah menyambut Raja Melaka. Maka baginda pun turun-lah dari kenaikan membawa isteri-nya itu lalu di-dukong-nya naik isteri-nya ka-atas gajah. Maka Raja Melaka pun naik kepala-nya gajah itu memegang kosa emas. Maka Laksamana pun naik kuda berpelana emas berjalan dahulu. Maka segala pegawai dan petuanan pun mengiringkan Raja Melaka lalu berjalan masok ka-dalam negeri dengan segala bunyi2an. Sa-telah sampai ka-balai gendang, maka Laksamana pun turun dari atas kuda-nya lalu berjalan dudok di-tanah menyembah. Maka segala pegawai dan petuanan pun dudok-lah di-tanah menyembah. Maka Raja Melaka pun mengalaukan gajah-nya ka-balairong sa-kali. Maka baginda pun turun dari atas gajah-nya lalu menyambut isteri-nya di-bawa-nya masok ka-dalam istana.

Maka Laksamana dan segala pegawai dan petuanan pun datang menyembah Bendahara Paduka Raja dan Temenggong Sarwa Raja. Maka Bendahara pun memelok menchium Laksamana. Maka kata Bendahara, "Hai orang kaya Laksamana, apa-tah kata ayahanda tatkala anak-ku Laksamana dan Tun Jebat hendak akan belayar itu? Ada-kah bersalahan?" Maka kata Laksamana seraya tersenyum, "Ya tuanku, Pateh Gajah Mada pun beroleh kemaluan sadikit sebab perbuatan-nya. Jikalau lain daripada hamba, entah kembali entah tiada kembali, siapa tahu, Duli Yang Di-Pertuan ka-Melaka." Maka kata Bendahara, "Sahaya pun sudah meshuarat hendak menyurohkan Sang Guana ini mendapat-

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

kan Duli Yang Di-Pertuan; Duli Yang Di-Pertuan pun datang." Maka Laksamana pun bercheritera-lah akan perihal ahwal-nya tatkala membunoh penjurit yang bernama Tameng Sari dan peri ia membunoh penjurit tujoh puloh itu dan peri ia membunoh Sang Winara itu; semua-nya di-cheriterakan-nya kapada Bendahara. Maka kata Bendahara, "Sunggoh-lah; jika lain dari orang kaya Laksamana tiada akan terdapat main Pateh Gajah Mada itu." Sa-telah sudah Laksamana berkata2 itu maka ia pun bermohon pulang ka-rumah-nya.

PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

BAB IX

HATTA berapa lama-nya raja Melaka kembali dari Majapahit itu, maka Laksamana pun terlalu sangat amat kurnia raja dan kaseh raja akan Laksamana. Barang kata Laksamana kata raja-lah, dan jika raja hendak membunoh, maka sembah Laksamana: "Tidak harus, tuanku, di-bunoh orang ini," tiada-lah jadi di-bunoh oleh raja. Hatta maka Laksamana pun terlalu karib kapada raja, keluar masok tiada-lah berpintu lagi.

Arakian maka segala pegawai dan petuanan pun dengki-lah akan Laksamana itu. Maka segala pegawai pun meshuarat dengan Pateh Kerma Wijaya, kata-nya, "Jika sa-laku ini juga kelakuan Hang Tuah, segala yang tua2 ini tiada-lah akan berguna ka-bawah Duli Yang Di-Pertuan; entah menjadi Bendahara, siapa tahu? Akan kita sakalian ini di-lihat-nya tiada endah. Barang kata-nya kalau ia berdatang sembah ka-bawah Duli Yang Di-Pertuan juga berlaku-lah." Maka sahut Pateh Kerma Wijaya, "Sunggoh-lah; hamba lihat Hang Tuah itu sangat di-kurnia oleh Duli Yang Di-Pertuan. Tatkala di-Majapahit itu Hang Tuah itu membinasakan taman Betara Majapahit itu, alang-kah besar dosa-nya, suatu tiada di-titah Duli Yang Di-Pertuan akan dia. Jikalau berani-nya pun tiada akan lebeh daripada kita sakalian. Jika demikian, baik-lah, ada suatu kata hamba persembahkan ka-bawah Duli Yang Di-Pertuan; sakalian sahut, jangan hamba sa-orang di-tumangkan. Kata sakalian ini jangan terdengar kapada Bendahara dan Hang Jebat, Hang Kasturi, Hang Lekir, Hang Lekiu, kerana Bendahara itu hamba lihat terlalu kaseh akan Hang Tuah itu." Maka kata pegawai yang dengki itu, "Baik-lah; hamba sakalian berkata menegohkan kata kiai Pateh itu."

Sa-telah sudah ia meshuarat, maka di-nantikan tatkala raja Melaka dudok di-bendul; Bendahara dan Hang Jebat, Hang Kasturi, Hang Lekir, Hang Lekiu tiada mengadap. Maka masing2 mengempaskan dastar-nya. Maka Pateh Kerma Wijaya pun mengempaskan dastar-nya dan keris-nya di-hadapan raja

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

Melaka. Sa-telah raja Melaka melihat kelakuan Pateh Kerma Wijaya dan segala pegawai itu maka titah baginda, "Hai Pateh Kerma Wijaya, apa sebab-nya maka kamu sakalian melakukan demikian ini?" Maka Pateh Kerma Wijaya pun berdatang sembah, "Ya tuanku shah alam, sembah patek ini sembah derhaka. Hendak pun patek tiada persembahkan kerana perbuatan itu akan ketahuan juga lambat laun; jadi jahat-lah nama patek ka-bawah Duli Yang Di-Pertuan. Hendak patek persembahkan, takut di-kata orang banyak ka-bawah Duli Yang Di-Pertuan: 'Lihat-lah Pateh Kerma Wijaya, dengki akan sa-orang orang hamba raja, melihat Duli Yang Di-Pertuan sangat kasehkan hamba-nya itu'. Maka sebab ini-lah patek tiada berani berdatang sembah. Akan sekarang ada-lah saperti pantun orang: 'Pagar makan padi'."

Sa-telah raja mendengar sembah Pateh Kerma Wijaya demikian itu, maka raja pun terkejut serta bertitah, "Si-Tuah-kah berbuat chabul akan kita itu?" Maka sembah Pateh Kerma Wijaya, "Hang Tuah-lah, tuanku, bermain2 di-dalam istana Duli Yang Di-Pertuan itu. Sa-lama patek sudah lihat; patek hendak persembahkan patek takut." Maka sahut segala pegawai, "Yang sembah Pateh Kerma Wijaya itu sunggoh, tuanku. Ada patek melihat Hang Tuah itu berkata2 dengan sa-orang perempuan dalam istana Duli Yang Di-Pertuan; empat lima kali patek bertemu, tetapi siapa2 mukah-nya patek tiada pereksa."

Apabila raja mendengar sembah Pateh Kerma Wijaya demikian itu, maka raja pun terlalu amat murka saperti api bernyala dan saperti harimau akan menerkam. Maka titah baginda, "Wah Si-Tuah! Harap-nya aku akan dia maka berbuat pula akan aku demikian ini." Maka raja pun menyuroh memanggil Bendahara; maka Bendahara pun segera datang mengadap. Belum sempat Bendahara dudok maka titah raja, "Hai Bendahara buangkan Si-Tuah! Derhaka pada kita. Segera-lah buangkan; aku tahukan mati-nya!"

Maka Bendahara pun menyembah lalu berjalan kembali. Maka Bendahara pun menyuroh memanggil Laksamana; Laksamana pun datang. Maka Bendahara pun menangis; maka Laksamana pun tahu-lah akan Bendahara menangis melihat dia itu. Maka Laksamana pun dudok-lah menyembah. Maka kata Bendahara, "Ayoh, Laksamana; hamba ini dengan titah Duli Yang Di-Pertuan, suroh membuangkan orangkaya." Sa-telah Laksamana mendengar kata Bendahara demikian itu, maka Laksamana pun menghunus keris-nya dari pinggang-nya lalu di-persembahkan-nya pada Bendahara; demikian kata-nya, "Al-hamdu lillah! Si-Tuah tiada bertuan dua tiga dan Si-Tuah tiada mau derhaka kapada tuan-nya. Segera-lah dato' kerjakan titah yang maha mulia itu." Maka kata Bendahara, "Ayo, Laksamana, demi Allah dan Rasul-Nya, bahawa

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

sa-kali2 hamba tiada mau mengerjakan saperti titah raja itu. Biar-lah orang-kaya berlepas diri datang ka-mana dahulu, kerana Duli Yang Di-Pertuan lagi murka." Maka sahut Laksamana, "Baik-lah; mana titah dato' sahaya turut. Tetapi Si-Tuah tiada mau bertuan lain; sa-hingga mati sudah-lah."

Maka Bendahara pun melengkap akan Laksamana perahu dan di-beri-nya orang lima orang dan kain baju tujoh semberap dan emas dua kati. Sa-telah sudah lengkap, maka Laksamana pun meniarap pada kaki Bendahara menyembah, seraya menangis. Maka Bendahara pun memelok menchium Laksamana; Laksamana pun bermohon-lah pada Bendahara lalu turun ka-perahu-nya dengan lima orang serta-nya, lalu naik berkayoh ka-kuala.

Maka Laksamana pun fikir dalam hati-nya: 'Di-mana baik aku pergi dudok? Ada pun jika demikian, baik aku bersuaka pada Bendahara Seri Buana ini, kerana Duli Yang Di-Pertuan dahulu sangat berahi akan anak Bendahara Seri Buana ini yang bernama Tun Teja Menggala; maka malah keturunan gila Duli Yang Di-Pertuan akan Tun Teja ini. Jika demikian, baik-lah Tun Te a ini ku-perdayakan ku-bawa ka-Melaka, ku-persembahkan ka-bawah Duli Yang Di-Pertuan supaya aku segera di-tegor-nya.' Sa-telah sudah Laksamana fikir demikian itu, maka Laksamana pun belayar menuju Inderapura.

• • •

Antara berapa lama-nya belayar itu maka sampai-lah ka-Inderapura. Maka Laksamana pun naik-lah mengadap Bendahara Seri Buana. Tatkala itu Bendahara Seri Buana pun ada dudok di-balai di-adap oleh segala pegawai dan perluanan. Maka Laksamana pun datang dua dengan perapit lalu naik dudok di-balai itu. Maka di-lihat oleh Bendahara Seri Buana akan Laksamana datang itu. Maka berkata Bendahara Seri Buana [di-dalam hati-nya: 'Siapa gerangan orang ini, terlalu sangat tertib laku-nya dan manis muka-nya'. Maka kata Bendahara, Hai dagang, dari mana tuan-hamba datang ini? Hendak ka-mana pergi maka datang mendapatkan kita ini, kerana tiada pernah ku-lihat?" Maka Laksamana pun menyembah, seraya kata-nya, "Ada pun sahaya ini datang dari negeri Melaka; ka-mari menjadi hamba pada dato' Bendahara di-sini." Maka kata Bendahara, "Siapa anak-ku ini?" Maka kata Laksamana, "Akan nama sahaya dato' Hang Tuah."

Sa-telah Bendahara Seri Buana mendengar nama Hang Tuah itu, maka Bendahara Seri Buana pun terkejut seraya kata-nya,] "Mari Tun Tuah dudok ka-mari. Apa pekerjaan Tun Tuah datang dengan selaku ini? Kerana apa?"

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

Maka kata Laksamana, "Di-perhamba datang ini di-murkai oleh Yang Di-Pertuan Melaka, kerana fitnah Pateh Kerma Wijaya dan segala pegawai yang dengki. Maka di-perhamba hendak di-bunoh; maka di-perhamba di-pohonkan oleh Bendahara. Maka di-perhamba menjadi dagang; barang di-mana menchari makan; sebab ini-lah maka di-perhamba datang ka-mari ini." Maka kata Bendahara Seri Buana, "Jika demikian, baik-lah kita persembahkan ka-bawah Duli Yang Di-Pertuan. Dudok-lah di-Inderapura sini, kerana Yang Di-Pertuan Melaka pun sama juga dengan Yang Di-Pertuan sini; bukan orang lain." Maka kata Laksamana, "Baik-lah; di-perhamba dudok di-kampong dato' sementara lagi di-perhamba pergi menchari makan barang ka-mana." Maka Laksamana pun di-beri-nya makan sireh pada puan Tun Teja itu.

Maka ia pun dudok-lah berbuat kampong Kampong Bendahara. Maka di-lihat oleh Laksamana sa-orang perempuan inang Tun Teja, nama-nya Dang Ratna. Maka Laksamana pun pergi bermain2 ka-rumah Dang Ratna itu. Maka Laksamana pun lalu naik; maka kata Laksamana, "Ya ibu-ku, ibu-ku hamba lihat sa-rupa dengan ibu hamba di-Melaka." Maka Laksamana pun menangis pura2. Maka kata Dang Ratna, "Apa-tah tuan tangiskan? Lamun tuan sudi beribukan bonda, apa-tah salah-nya? Kerana emak pun orang tua, dengan bujang hal-nya mak ini." Maka kata Lakamsana, "Daripada hari ini bahawa ku-ambil ibu-ku-lah yang mak inang ini." Sa-telah di-dengar oleh Dang Ratna kata Laksamana itu, maka ia pun terlalu sukachita hati-nya dan kaseh mesra-nya. Maka Dang Ratna pun bermasak nasi gulai, di-jamu-nya akan Laksamana makan minum. Sa-telah sudah maka Laksamana pun bermohon-lah kembali ka-tempat-nya.

Maka Dang Ratna pun terlalu sukachita hati-nya beroleh anak angkat itu. Maka segala dayang2 Tun Teja pun pergi-lah ka-rumah Dang Ratna. Maka kata segala dayang2 itu, "Ayo, dato' inang, sunggoh-kah mak inang beroleh anak angkat orang Melaka terlalu baik budi-nya? Siapa nama-nya anak angkat mak inang itu?" Maka kata inangda, "Tun Tuah nama-nya. Anak angkat kami sekarang ini pulang." Maka kata segala dayang itu, "Esok hari lamun ia datang, sahaya sakalian ini hendak mengenal dia, anak angkat dato' inang itu." Maka kata Dang Ratna, "Apa-tah salah-nya, kerana anak hamba itu esok-kah atau lusa-kah ia pulang, kerana ia dagang. Datang itu pun di-murkai oleh Duli Yang Di-Pertuan Melaka. Dan jikalau tiada di-murkai masakan ia kamari? Bukan-kah ia jadi bentara raja Melaka itu di-gelari di-Melaka? Itu-lah maka ia tiada lama dudok di-Inderapura ini."

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

Sa-telah segala dayang2 itu mendengar kata inangda demikian, maka segala dayang2 Tun Teja pun bermohon-lah kembali ka-rumah-nya. Maka dayang itu pun bercheritera-lah kapada isi rumah Tun Teja itu. Maka sakalian kata dayang2 itu pun di-dengar oleh Tun Teja.

Arakian pada esok hari-nya maka Laksamana pun datang ka-rumah inangda; inangda pun menyembeleh-lah ayam itek hendak berjamu Laksamana. Maka kata Laksamana, "Mengapa pula maka mak bersusah2 ini? Jangan-lah ibu-ku." Maka kata inangda, "Ya anak-ku, selanjoran tuan datang ka-rumah ibu ini, hendak-lah makan sa-susap nasi dengan saperti-nya." Maka Laksamana pun tersenyum, dalam hati-nya: 'Kaseh rupa-nya mak inang ini akan aku'.

Maka segala dayang2 Tun Teja pun datang ka-rumah inangda. Maka di-lihat-nya akan Laksamana; maka kata-nya, "Ini-lah gerang anak angkat inangda yang bernama Tun Tuah itu." Maka kata inangda, "Naik-lah dudok, dayang2. Jangan engkau malu2an akan anak-ku itu." Maka Dang Raya dan Dang Rani dan Dang Intan Baiduri pun naik dudok lalu menyembah kapada inangda dan Laksamana. Maka kata Dang Rani, Dang Intan Baiduri, "Mari kita berjamu akan Tun Tuah." Maka sahut inangda kapada segala dayang2 itu, "Mana Dang Merdu dan Dang Saja dan Dang Chendera Midani?" Maka sahut dayang2 itu, "Tuan puteri lagi bermain di-dalam taman, kerana tuan puteri itu lagi mashgul akan tunang-nya yang di-Terengganu itu." Akan kata tuan puteri: 'Sedang raja Melaka hendak akan aku, lagi tiada mau; ini pula akan Megat Terengganu akan aku mau? Sa-hingga mati sudah-lah. Yang aku bersuamikan Megat Terengganu itu tiada-lah!' Sa-telah Laksamana mendengar kata dayang2 itu, maka Laksamana pun terlalu sukachita hati-nya, kata-nya: 'Sa-kali ini boleh-lah aku kembali ka-Melaka.'

Maka hidangan pun di-angkat orang-lah, seraya berkata Dang Rani, "Santap-lah tuan, nasi orang Inderapura ini, tiada bergaram. Jangan di-kenangkan nasi Melaka." Maka Laksamana pun tersenyum seraya berkata, "Dayang-lah akan garam-nya," lalu makan. Sa-telah sudah makan maka di-angkat orang pula minuman. Maka Dang Raya, Dang Rani pun mengisi piala itu lalu di-minum-nya sendiri-nya itu. Maka di-isi-nya pula piala emas itu lalu di-sorongkan-nya kapada Laksamana; maka di-anggapkan-nya kapada dayang2 itu lalu di-minum-nya. Maka kata Laksamana, "Tahu-kah dayang bernyanyi? Ingin-nya sahaya hendak mendengar orang Inderapura bernyanyi." Maka kata inangda, "Bukan orang ini biduan, sa-kadar dayang2 juga. Jika tuan-hamba hendak bermain, baik-lah mak pergi panggil sekarang ini, kerana tuan puteri lagi bermain di-dalam taman menghiborkan hati-nya; kerana tuan puteri

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

tiada suka bersuamikan Megat Terengganu yang bernama Panji Alam itu. Maka di-gagahkan oleh Duli Yang Di-Pertuan dan bonda-nya, maka tuan puteri hendak makan rachun."

Hatta maka segala biduan itu pun datang-lah. Maka Laksamana pun minum-lah dengan segala dayang2 itu. Sa-telah bunga selaseh khayal-nya, maka Laksamana pun bermohon kapada inangda lalu pulang ka-tempat-nya.

Maka hari pun petang-lah. Maka Laksamana pun memakai berserual kuning berkain kesumba murup di-antelas, bertepi bersirat, berikat pinggang chindai natar kuning, berbaju hijau di-gangsa, berdastar warna pelangi. Sa-telah sudah memakai, ia pun keluar dua berpegawai bermain2 di-luar kota itu melihat temasha ramai pesara itu. Maka anak Bendahara Seri Buana yang bernama Tun Jenal itu datang dengan segala anak tuan2 dan segala orang muda2 bermain sepak raga terlalu ramai. Maka Laksamana pun berdiri dari jauh, belakang orang banyak, melihat orang bermain sepak raga itu terlalu ramai. Maka sepak raga itu pun terpelanting jatoh keluar berguling2 di-hadapan Laksamana; Laksamana pun segera melompat sambil berpelok tuboh lalu di-sepak-nya sepak raga itu, lalu jatoh ka-hadapan anak Laksamana yang bernama Tun Karim. Maka di-sepak oleh Tun Karim; maka sepak raga itu pun jatoh ka-hadapan Laksamana pula. Maka Laksamana pun tersenyum, seraya melompat, lalu di-sepak-nya; itu pun jatoh ka-hadapan Tun Jenal pula. Maka di-sepak oleh Tun Jenal jatoh ka-hadapan Laksamana; di-sepak pula oleh Laksamana jatoh ka-hadapan anak Temenggong yang bernama Tun Megat itu. Maka oleh Tun Megat di-sepak-nya jatoh ka-hadapan Laksamana pula; maka Laksamana pun melompat seraya berkata, "Menerima-kaseh-lah beta;" maka di-sepakkan-nya jatoh ka-hadapan Tun Jenal pula. Maka tatkala itu Tun Jenal meleng mata memandang Laksamana juga. Maka sepak raga itu tiada tersepak oleh Tun Jenal. Maka sepak raga itu pun berguling2 hendak mati; maka Laksamana pun segera melompat, serta memekis, kata-nya, "Chih, mengapa bagitu? Anak Melaka sa-orang ini tiada pernah memberi malu;" di-sepak sepak raga itu tujoh kali berturut2, lalu di-sepakkan pada Tun Jenal. Maka di-lihat oleh Tun Jenal sepak raga itu tiada kelihatan, kerana mata-nya mamang memandang muka Laksamana juga. Maka ia pun menyepak, raga itu pun tiada kena. Maka sepak raga itu pun berguling2 ka-hadapan Tun Megat. Maka sepak raga itu pun di-sambut oleh Tun Megat dengan tangan-nya di-berikan-nya pada penakawan-nya.

Maka Tun Megat dan Tun Karim pun datang mendapatkan Laksamana. Maka Tun Jenal pun memegang tangan Laksamana, kata-nya, "Dari mana

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

tuan-hamba datang dan siapa nama enche' dan dagang mana tuan ini dan berapa hari sudah tuan datang ini?" Maka sahut Laksamana, "Hamba ini orang Melaka; nama hamba Tun Tuah. Baharu juga sahaya datang. Hendak ka-Terengganu; sa-kadar singgah membeli sireh pinang juga di-Inderapura ini. Ada pun sahaya ini biduanda Yang Di-Pertuan Melaka; sebab sahaya datang ini di-murkai oleh duli Yang Di-Pertuan sebab fitnah segala pegawai. Maka di-suroh oleh Bendahara Paduka Raja berlepas dahulu barang ka-mana; kemudian kelak sahaya kembali pula ka-Melaka." Sa-telah Tun Jenal mendengar kata Laksamana demikian itu, maka Tun Jenal pun terlalu sukachita hati-nya. Maka Tun Jenal pun berkata, "Jika demikian, baik-lah enche' dudok di-Inderapura ini, kerana Duli Yang Di-Pertuan pun bukan orang lain, keluarga pada Yang Di-Pertuan sini juga." Maka sahut Laksamana, "Apa-tah salah-nya Duli Yang Di-Pertuan Inderapura ini hendak berhambakan sahaya? Tetapi Si-Tuah tiada mau bertuan dua tiga lain daripada anak chuchu raja di-Bukit Seguntang."

Maka Laksamana pun di-bawa oleh Tun Jenal pulang ka-rumah-nya dan orang muda2 itu mengiringkan. Sa-telah sampai ka-balai Bendahara, Bendahara pun tatkala itu ada di-balai. Sa-telah di-lihat oleh Bendahara akan Laksamana dan Tun Jenal datang bersama2 itu, maka kata Bendahara, "Silakan enche' dudok", seraya berkata kapada Tun Jenal, "Itu saudara-mu, Tun Tuah itu, kerana ia pun biduanda Yang Di-Pertuan Melaka." Maka Tun Jenal dan orang itu pun dudok menyembah Bendahara, kata Bendahara pada Laksamana, "Akan sekarang baik juga Tun Tuah dudok di-Inderapura ini, kerana Yang Di-Pertuan Melaka dan Yang Di-Pertuan Inderapura itu pun sama juga, bukan orang lain." Maka kata Laksamana, "Baik-lah tuanku, apa-tah salah-nya?"

Maka Laksamana pun di-perjamu oleh Bendahara makan minum bersuka2an dengan segala orang muda2 itu. Sa-telah bunga selaseh-lah khayal-nya, maka kata Laksamana pada Tun Jenal, "Mana-tah biduan Inderapura ini? Mari-lah jamu orang Melaka ini, kerana sahaya ingin hendak mendengar nyanyi orang Inderapura ini." Sa-telah Tun Jenal menengar kata Laksamana demikian itu, maka Tun Jenal pun berkata pada budak-nya, "Pergi-lah engkau kapada kakanda, katakan aku empunya sembah; pinjam Dang Saja dan Dang Merdu dan Dang Warna dan Dang Kemala dan Dang Intan Baiduri dengan kelengkapannya sa-kali. Segera-lah pinjam; boleh tiada boleh, aku tiada tahu."

Maka budak itu pun menyembah lalu pergi ka-rumah Tun Teja; Tun Teja ada di-muka pintu. Maka panakawan itu pun dudok menyembah. Maka kata Tun Teja, "Hendak ka-mana engkau gopoh2 ini?" Maka sembah budak

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

panakawan itu, "Ya tuanku, paduka adinda empunya sembah, suroh pinjam biduan lima orang dengan kelengkapan-nya sa-kali." Maka kata Tun Teja, "Apa pekerjaan adinda maka meminjam biduan pada kita?" Maka kata panakawan itu, "Adinda berjamu orang Melaka, anak angkat inangda itu, tuanku." Maka kata Tun Teja, "Siapa nama-nya orang Melaka itu?" Maka kata budak itu, "Tun Tuah, tuanku, nama-nya. Ia ingin hendak mendengar nyanyi orang Inderapura ini." Sa-telah itu maka Tun Teja pun menyuroh panggil biduan lima orang itu. Maka kelima-nya pun datang-lah. Maka kata Tun Teja, "Diri di-pinjam oleh adek Jenal. Baik2 diri bernyanyi di-hadapan orang Melaka itu, kerana orang itu biasa melihat orang tahu bernyanyi dan menari."

Maka orang lima itu pun menyembah lalu berjalan di-iringkan oleh panakawan itu. Sa-telah biduanda lima itu datang ka-hadapan Tun Jenal, kata-nya, "Hai Dang Saja, Dang Merdu, bermain-lah diri barang rupa-nya di-hadapan Tun Tuah ini." Maka kata biduan itu, "Baik-lah, tuanku; Ragam apa di-perhamba palu ini, kerana ragam orang Inderapura bukan Melayu? Sunggoh beta Melayu, kachokan juga; bukan saperti Melayu Melaka sunggoh." Maka Laksamana pun tersenyum, seraya berkata, "Orang Melaka gerangan Melayu kachokan, berchampor dengan Jawa Majapahit! Dayang pun satu, sa-bagai hendak mengajok beta pula." Sa-telah biduan lima orang itu mendengar kata Tun Tuah itu, maka ia pun berpaling, malu2 bahasa, seraya berkata, "Tuan ini pun satu, sa-bagai pula beta berkata benar menjadi salah."

Maka Laksamana pun berpaling sambil tersenyum. Maka biduan lima orang itu pun tertawa sambil mengambil rebana lalu di-palu-nya. Maka piala pun di-larah orang-lah kapada Laksamana. Maka rebana pun berbunyi-lah kelima-nya sa-tala. Maka biduan itu pun bernyanyi-lah terlalu merdu suara-nya. Maka Tun Jenal pun berbangkit menari; dua tiga langkah di-anggapkan-nya kapada Laksamana. Laksamana pun berbangkit menari serta membaiki panjang kain-nya dan mengiringkan keris panjang-nya. Maka kata Laksamana, "Jangan sahaya di-ajok, kerana orang Melaka ini tuan-nya berchampor Jawa Majapahit; tiada tahu menari." Maka sahut Tun Jenal, "Kata apa tuan katakan itu? Kita bermain adek-beradek; hendak-lah jangan menaroh shak di-hati." Maka Laksamana pun menari-lah terlalu manis tari-nya, tiada pernah orang Inderapura melihat tari saperti tari Laksamana itu. Sa-telah sudah, di-anggapkan-nya pada Tun Karim. Maka Tun Karim pun menari-lah terlalu ramai beranggap2an.

Sa-telah sudah minum, maka Laksamana pun di-persalin oleh Bendahara Seri Buana dan Tun Jenal, di-persalin pakaian sa-lengkap-nya. Maka Laksa-

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

mana pun memberi ikat tangan akan biduan itu, kain baju lima sa-rupa. Sa-telah sudah maka Laksamana pun bermohon-lah kapada Bendahara Seri Buana dan Tun Jenal. Maka oleh Bendahara di-suroh-nya hantarkan pada sahaya-nya.

• • •

Sa-telah keesokan hari-nya maka Bendahara pun masok mengadap raja. Maka sembah Bendahara, "Ya tuanku shah alam, patek hendak persembahkan, Tun Tuah penghulu biduanda Yang Di-Pertuan Melaka ada darang sebab di-murkai oleh duli paduka kakanda Melaka. Maka di-surohkan oleh Bendahara Paduka Raja berlepas diri-nya. Akan sekarang ia hendak pergi ka-Terengganu. Ini-lah. Pada bichara patek, baik juga Hang Tuah itu di-pegangkan oleh Duli Yang Di-Pertuan, jadikan pegawai, kerana patek lihat akan Hang Tuah itu bukan barang2 orang; sukar-lah Duli Yang Di-Pertuan menchari hulubalang saperti Hang Tuah itu." Sa-telah raja menengar sembah Bendahara demikian itu, maka titah raja, "Hai Bendahara, akan sekarang ada di-mana Hang Tuah itu?" Maka sembah Bendahara, "Daulat tuanku, di-kampong patek. Ia bersahabat dengan patek kechil itu Tun Jenal." Maka titah raja, "Jika demikian, esok hari Bendahara bawa masok. Kita hendak menengar khabar saudara kita Yang Di-Pertuan Melaka." Maka sembah Bendahara, "Daulat tuanku." Maka raja pun berangkat masok. Maka Bendahara pun pulang ka-rumah-nya.

Sa-telah keesokan hari-nya maka Bendahara pun masok mengadap membawa Laksamana. Maka titah raja, "Mari, Tun Tuah, dudok dekat Bendahara. Kita hendak menengar khabar saudara kita raja Melaka." Maka Laksamana pun menyembah seraya berdiri memegang ulu keris panjang-nya lalu dudok di-bawah Bendahara, seraya kata-nya, "Daulat tuanku shah alam."

Maka raja pun tiada lepas mata-nya daripada memandang Laksamana juga, dalam hati-nya: 'Anak siapa gerangan Laksamana ini? Bukan ia anak orang kebanyakan dan anak pegawai besar2 juga rupa-nya, kerana terlalu sa-kali baik rupa-nya dan sikap-nya dan kelakuan dan patut ia menjadi hulubalang besar dudok di-atas segala hulubalang.' Maka titah raja, "Hai Tun Tuah, apa khabar saudara kita raja Melaka?" Maka sembah Tun Tuah, "Daulat tuanku; khabar baik, tuanku. Patek tinggalkan ini, paduka kakanda mengutuskan Tun Ratna Diraja dan Tun Bija Sura ka-benua Siam minta gajah kapada Phra Chau benua Siam; dan ka-benua Keling pun di-beri surat dan bingkis. Hendak akan gajah tinggi enam hasta dan raja di-benua Keling pun di-minta gajah yang

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

tinggi hasta; itu-lah khabar-nya." Maka titah raja, "Kita pun jikalau ada gerangan orang yang dapat kita menyurohkan ka-benua Siam itu, mau kita minta gajah kapada Phra Chau." Maka sembah Bendahara, "Daulat tuanku; mengapa maka Duli Yang Di-Pertuan bertitah demikian? Dan apa tewas-nya maka Duli Yang Di-Pertuan tiada boleh mengutus ka-benua Siam?"

Maka titah raja, "Hai Tun Tuah, sekarang, Tun Tuah, hendak ka-mana pula Tun Tuah pergi?" Maka sembah Laksamana, "Daulat tuanku; insha' Allah Ta'ala, barang ka-mana di-langkahkan-nya ka-sana-lah patek, lamun pada Tanah Melayu." Maka titah raja, "Baik-lah Tun Tuah dudok di-Inderapura ini." Maka sembah Laksamana, "Daulat tuanku shah alam, apa-tah salah-nya patek jadi hamba ka-bawah Duli Yang Di-Pertuan? Tetapi Si-Tuah tiada mau bertuan lain daripada anak chuchu raja di-Bukit Seguntang. Tetapi mau patek dudok di-Inderapura ini kalau patek di-pinta oleh paduka kakanda, maka ditangkap di-berikan ka-Melaka; alang-kah malu-nya patek!" Maka titah raja, "Mengapa pula maka kita berbuat pekerjaan demikian itu?" Maka Laksamana pun geram rasa-nya menengar nama tangkap itu. Maka Laksamana pun menggamak2 ulu keris panjang-nya, di-ambil-nya pendua-nya, seraya memekis kata-nya, "Cheh! Siapa dapat menangkap Si-Tuah? Mana mata-nya saperti orang Inderapura ini?" Maka balairong itu pun bergerak saperti di-tiup angin taufan laku-nya. Maka raja dan segala pegawai dan petuanan pun dahshat melihat laku Laksamana itu. Maka titah raja, "Kita tiada berikan Tun Tuah pada raja Melaka; jika datang serangan sa-kali pun kita lawan." Maka sembah Laksamana, "Daulat tuanku, jika saperti titah duli shah alam itu, mau-lah patek singgah di-Inderapura ini." Maka baginda pun terlalu sukachita menengar kata Tun Tuah itu. Maka titah raja, "Hai Bendahara, beri tempat akan Tun Tuah dudok sama2; barang yang kurang-nya persembahkan kapada kita." Maka sembah Bendahara, "Daulat tuanku."

Maka Laksamana pun di-persalin dan di-anugerahi pakaian sa-lengkap-nya. Sa-telah sudah maka raja pun berangkat masok. Maka Bendahara pun pulang ka-rumah-nya. Sa-telah sampai ka-balai sendiri maka kata Bendahara kapada Laksamana, "Hai Tun Tuah, jangan-lah ka-sana2. Barang putus-rentas-nya Tun Tuah beritahu hamba." Maka sahut Laksamana, "Baik-lah, tuanku." Maka Laksamana pun bermohon pulang ka-rumah-nya.

Maka Tun Jenal pun sa-hari2 datang bermain ka-rumah Laksamana dengan segala orang muda2. Maka Laksamana pun fikir dalam hati-nya: 'Ada pun aku ini di-murkai oleh Duli Yang Di-Pertuan Melaka. Jika demikian baik-lah aku menchari satu kebaktian supaya aku boleh kembali ka-Melaka; kerana Duli

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

Yang Di-Pertuan Melaka dahulu terlalu amat berahi akan Tun Teja itu, malah keturunan gila. Jika demikian, baik-lah Tun Teja itu ku-perdayakan ku-bawa pulang ka-Melaka, ku-persembahkan pada baginda itu, supaya aku beroleh kembali.' Sa-telah sudah ia fikir demikian maka Tun Tuah pun mencharı daya upaya hendak berdapat dengan Tun Teja itu.

• • •

Shahadan sa-telah di-lihat oleh Tun Teja biduan-nya lima orang itu di-persalin oleh Tun Tuah itu maka kata Tun Teja kapada inangda, "Ayo mak inang, charikan apa kita orangkaya itu, kita hendak angkat bapa, supaya kita boleh membeli kain yang baik2 tulis-nya." Maka sembah Dang Ratna, "Ya tuanku tuan puteri, patek boleh anak angkat sa-orang ini penaka anak patek, sunggoh dengan budi bahasa dan sopan santun akan patek; dan anak buah yang pergi datang ka-rumah patek itu tiada pernah ia berkata salah. Tetapi baik-lah patek tanyakan kalau2 ada patek itu mendengar orang Melaka berniaga atau bersaudagar datang berniaga ka-Inderapura ini, tuan puteri hendak ambilkan bapa." Sa-telah Tun Teja mendengar inangda demikian itu, maka Tun Teja pun tertawa2. Maka inangda pun kembali ka-rumah-nya.

Sa-telah keesokan hari-nya maka Laksamana pun memakai. Sa-telah sudah maka Laksamana pun berdiri di-pintu Kampong Bendahara bermain2. Maka Dang Ratna pun keluar hendak pergi ka-rumah Tun Jenal. Sa-telah di-lihat oleh Tun Tuah inangda hendak keluar itu, maka ia turun dari atas pintu itu serta memberi ta'zim akan Dang Ratna. Maka kata Dang Ratna, "Bermain-lah tuan baik2. Apabila hari malam masok-lah tuan ka-kampong dan esok hari jangan tiada tuan silakan pergi ka-rumah bonda bermain2." Sa-telah sudah ia berpesan maka Dang Ratna pun mohon-lah pada Laksamana lalu berjalan ka-rumah Tun Jenal.

Sa-telah keesokan hari-nya maka Dang Ratna pun berlengkap-lah berbaiki rumah-nya dan masak nasi gulai hendak berjamu Laksamana. Maka segala dayang2 Tun Teja pun sakalian-nya datang ka-rumah Dang Ratna menolong bermasak2. Sa-telah sudah lengkap, maka inangda pun menyurohkan orang-nya pergi menyambut Laksamana. Maka Laksamana pun berjalan-lah tiga berbudak di-iringkan oleh Dang Chendera Biduan. Maka inangda pun berkata, "Silakan, anak-ku." Maka kata Tun Tuah, "Dari pagi beta hendak datang, tiada di-langkahkan Allah Ta'ala. Sa-moga2 saudara hamba pergi baharu beta teringat akan janji beta dengan bonda itu." Maka Sang Ratna dan segala dayang2 pun ramai tertawa.

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

Maka hidangan nasi pun di-angkat orang-lah ka-hadapan Tun Tuah. Maka Dang Ratna, Dang Raya serta dengan ta'zim-nya, kata-nya, "Santap-lah tuan barang2 rupa-nya nasi tiada bergaram. Jangan di-kenang nasi Melaka, kerana orang Melaka pandai bermasak." Maka sahut Tun Tuah seraya tersenyum, "Jika saperti kata bonda ini katakan, tiada-lah beta makan, kerana beta orang Inderapura juga," sambil membasoh tangan lalu makan. Sa-telah sudah makan maka di-angkat orang pula tambul pelbagai rasa-nya. Maka piala yang bertatahkan ratna mutu ma'nikam itu pun di-peredarkan orang-lah kapada Tun Tuah. Maka Tun Tuah pun minum-lah. Sa-telah berapa piala maka Tun Tuah pun khayal-lah. Maka kata Tun Tuah, "Sayang kita minum ini tiada bertambul. Jika ada gerangan tambul-nya, alang-kah baik-nya. Jika di-Melaka gerangan dari tadi sudah ramai." Sa-telah di-dengar oleh Dang Rani, Dang Raya kata Tun Tuah itu, maka ia pun tersenyum sambil berkata, "Baik-lah; jika tuan hendak bermain dengan tambul akan biduan Inderapura ini pun baik-lah, tetapi jangan di-ajok." Maka Dang Dara Chinta Hati pun memalu rebana sa-telah lalu bernyanyi terlalu merdu suara-nya. Maka Laksamana pun minum-lah terlalu ramai. Maka Laksamana pun terlalu sukachita.

Maka hari pun malam-lah. Maka Laksamana pun menyurohkan budak-nya pulang ka-rumah-nya mengambil kain baju; maka di-bawa-nya kapada Tun Tuah. Maka kata Tun Tuah, "Hai saudara hamba, ini pemberian beta; jangan di-aibkan barang2 guna-nya." Maka kata Dang Chendera, "Lain2 kata ini. Apa-tah lagi, beta menanggong kaseh orangkaya-lah." Maka Laksamana pun mengeluarkan emas lima tahil di-berikan kapada inangda dan pada segala biduan itu. Maka segala itu pun terlalu sukachita. Maka sakalian-nya pun bersalin kain. Maka kata inangda, "Hendak beradu-kah tuan di-rumah bonda ini? Biar beta pohonkan biduan ini tidor di-rumah bonda ini." Maka kata Laksamana, "Tiada demikian; kerana beta dagang, hendak bertaroh akan diri-nya beta kapada Tun Jenal."

Sa-telah itu maka segala biduan itu pun bermohon-lah kapada Laksamana dan inangda lalu kembali ka-rumah-nya. Maka dayang2 itu pun beriring2 kembali dari pintu maling. Maka tatkala itu Tun Teja ada berdiri di-muka pintu tangga-nya melihat budak merumput bunga. Maka di-lihat oleh Tun Teja biduan-nya datang beriring2 itu dan kelima-nya berbaju baharu bekas lipatan. Maka Tun Teja pun tersenyum seraya berkata, kata-nya, "Anak angkat mak inang ini terlalu baik budi-nya dengan murah-nya." Maka biduan lima orang itu pun berkata, "Sunggoh, tuanku; patek sakalian melihat terlalu baik budi-nya dan sopan santun-nya akan patek2 sakalian. Dalam minum-nya pun

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

tiada ia berkata2 salah; akan kata-nya, "Beta lagi berhamba diri pada Tun Jenal, kerana beta dagang yang dha'if hendak berkirim diri." Maka sahut Tun Teja, "Aku pun berkenan akan orang yang demikian itu."

Arakian sa-telah sudah biduan itu kembali, maka Tun Tuah mengambil emas lima tahil dan kain baju lima kayu maka di-berikan kapada inangda; lain pula baju kain, berpuloh2 helai. Maka inangda pun terlalu amat kaseh akan Tun Tuah itu. Maka kata Tun Tuah, "Ya ibu-ku, siapa tunangan-nya Tun Teja ini sekarang?" Maka kata inangda, "Ya anak-ku, ada pun dahulu tatkala Raja Melaka menyurohkan Tun Utama dan Tun Bija Sura datang meminang itu Tun Teja tiada mau akan raja Melaka. Sa-telah Tun Utama dan Tun Bija Sura kembali itu, maka Tun Teja pun di-pinang oleh anak raja Terengganu yang bernama Megat Panji Alam itu. Akan isi kahwin-nya Pulau Sakti itu." Maka sahut Laksamana, "Berapa bulan lagi, Megat Panji Alam itu akan datang ka-Inderapura ini?" Maka kata inangda, "Tiga bulan lagi Megat Panji Alam itu akan datang, tetapi Tun Teja tiada suka. Lamun menyebut nama Megat Panji Alam hendak datang juga, maka tuan puteri pun hendak makan rachun." Maka Tun Tuah pun tersenyum mendengar kata inangda itu. Maka Tun Tuah pun menyinsing tangan baju-nya, seraya kata-nya, "Cheh, mengapa bagitu? Jikalau ada hayat Si-Tuah di-bawah Duli Yang Di-Pertuan, shahadan jikalau ada keris-ku dua bilah ini, mahal ada-nya Megat Panji Alam beristerikan Tun Teja itu! Mengapa bagitu? Bukan orang-nya yang hendak di-tewas2 orang itu." Sa-telah di-dengar oleh inangda kata Tun Tuah demikian itu, maka kata inangda, "Jangan lagi2-nya berkata demikian; kalau di-dengar orang, tiada baik jadi-nya." Maka kata Laksamana, "Tiada mengapa, bonda juga beta katakan." Maka Tun Tuah pun bermohon kembali ka-rumah-nya.

• • •

Sa-telah keesokan hari-nya maka Tun Tuah pun di-bawa oleh Bendahara masok mengadap raja. Maka titah raja, "Mari, Tun Tuah, dudok dekat Bendahara sini; kita hendak bertanya dan mendengar khabar Majapahit dan Pateh Gajah Mada." Maka Tun Tuah pun menyembah lalu naik dudok di-bawah Bendahara. Maka raja pun bertitah, "Hai Tun Tuah, sunggoh-kah Tun Tuah membunoh penjurit Taming Sari di-atas peseban Betara Majapahit? Kita pun hairan mendengar dia." Maka sembah Tun Tuah, "Sunggoh, tuanku; keris-nya pun beroleh akan patek; patek pohonkan pula pada Betara Majapahit.

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

Maka patek di-murkai oleh paduka kakanda di-Melaka itu maka patek persembahkan keris itu." Maka titah raja, "Sayang keris itu tiada pada Tun Tuah. Jika ada keris itu kapada Tun Tuah, mari kita minta beli kapada Tun Tuah, kerana keris-nya itu patut kerajaan. Dan keris pandak Tun Tuah itu keris mana?" Maka sembah Tun Tuah, "Ada pun keris patek ini keris Bendahara Paduka Raja, tuanku, di-beri tatkala patek hendak berlepas ini."

Maka sa-telah raja mendengar Tun Tuah demikian itu, maka raja pun bertanyakan riwayat perentah Betara Majapahit dan Pateh Gajah Mada dan peri raja Melaka pergi ka-Majapahit beristerikan Raden Galuh Emas Ayu itu. Maka Tun Tuah pun beriwayat-lah tatkala Pateh Gajah Mada hendak mengenai dia itu, kesemua-nya di-katakan-nya. Maka raja dan Bendahara dan segala pegawai dan petuanan yang menengar itu pun hairan menengar dia itu. Maka raja pun memandang ka-kiri dan ka-kanan melihat Tun Tuah beriwayat itu, dalam hati raja: 'Tun Tuah ini jika kekal dudok di-Inderapura ini jadi hamba-ku, ku-gelar Maharaja Dewa Seri Maharaja Lela.'

Sa-telah sudah Tun Tuah beriwayat itu, maka titah raja, "Hai Tun Tuah, mau-kah beristeri?" Maka sembah Tun Tuah, "Daulat tuanku, ka-mana-tah pergi-nya? Yang di-kurnia Yang Di-Pertuan itu limpah-lah di-atas batu kepala patek, tetapi pada ketika ini mohon-lah dahulu patek beristeri."

Sa-telah sudah beriwayat itu, maka hidangan pun di-angkat orang-lah. Maka Tun Tuah pun di-titahkan makan pada hidangan segala hulubalang. Sa-telah sudah makan, minuman pula datang. Maka piala yang bertatahkan ratna mutu ma'nikam itu pun di-peredarkan orang-lah kapada segala hulubalang dan pegawai yang minum itu. Maka segala pegawai pun minum-lah terlalu ramai beranggap2an. Maka Seri Maharaja Lela pun beranggap pada Tun Tuah, seraya berkata, "Beta minta kenal2 kalau beta di-titahkan Duli Yang Di-Pertuan ka-Melaka." Maka sahut Tun Tuah, "Beta pun minta kenal2 kerana beta dagang," sambil memegang piala itu; maka di-unjokan-nya piala itu pada Seri Maharaja Lela. Maka segala pegawai dan petuanan pun semua-nya beranggap pada Tun Tuah juga. Maka dalam hati Bendahara: 'Sa-kali ini mabok-lah Tun Tuah oleh segala pegawai.' Maka di-lihat oleh raja dan Bendahara bergerak pun ia tiada, saperti adat-nya itu; kata-nya pun tiada salah. Maka di-lihat oleh raja segala pegawai dan petuanan semua-nya habis mabok. Maka raja pun memberi anugerah akan Tun Tuah emas sa-puloh tahil dan budak2 pegawai dua orang. Sa-telah sudah maka raja pun berangkat masok; dan Bendahara dan Tun Tuah pun menyembah lalu kembali ka-rumah-nya.

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

Maka Tun Tuah pun bermohon-lah pada Bendahara lalu kembali ka-tempat-nya. Maka di-lihat oleh Tun Tuah banyak perempuan di-rumah-nya membawa pengantar. Maka kata Tun Tuah, "Dari siapa pengantar ini?" Maka sahut perempuan itu, "Ini pengantar daripada bonda." Maka kata sa-orang pula, "Ini pengantar daripada Dang Anum anak Dang Sandang." Maka kata sa-orang pula, "Ini, tuan, pengantar daripada Enche' Intan bukan dengan seperti-nya; ada-lah saperti pantun orang:

Kain bersuji di-atas atap
pakaian raja hari raya
jika sudi tuan santap
jika tidak apakan daya.

Maka kata sa-orang pula, "Ini daripada biduan baka anak Seri Mahara a Lela bukan dengan saperti-nya tanda daripada ikhlas juga." Maka Tun Tuah pun tersenyum lalu berkata, "Bersusah2 pula bonda dan saudara beta mengantar. Ada pun pengantar bonda dan saudara beta ini penaka di-buangkan ka-laut tiada terbalas oleh beta. Insha' Allah Ta'ala, jika beta ka-Melaka kelak, bonda dan saudara beta datang ka-Melaka, beta balas juga kaseh bonda dan saudara beta. Katakan sahaya empunya sembah pada bonda, salam dan kaseh beta pada segala saudara beta itu; esok hari beta ka-rumah bonda." Maka segala perempuan itu pun bermohon-lah pada Tun Tuah, masing2 kembali kapada tuan-nya menyampaikan kata Tun Tuah itu.

Pada keesokan hari-nya maka Tun Tuah pun memakai lalu pergi ka-rumah inangda. Melihat Tun Tuah datang itu, maka inangda pun turun memegang tangan-nya lalu di-bawa-nya naik ka-rumah-nya. Maka kata inangda, "Mengapa maka tuan dua hari tiada datang ka-rumah bonda? Bonda katakan tuan sakit maka bonda suroh lihat tuan; jika tuan sakit, bonda hendak pergi melihat tuan." Maka sahut Tun Tuah, "Tiada beta sakit. Beta di-panggil oleh Duli Yang Di-Pertuan makan minum dua hari berturut2 di-suroh beriwayat; di-anugerahi dua orang budak2 dan emas sa-puloh tahil dan baju sa-lengkap-nya. Sebab ini-lah maka sahaya tiada datang ka-rumah bonda." Maka kata inangda, "Rindu-nya beta akan tuan." Maka kata Tun Tuah, "Sunggoh bonda kaseh akan beta?" Maka kata inangda, "Kaseh sunggoh bonda. Akan tuan sa-orang ini saperti anak bonda jadikan. Rasa-nya jikalau dapat, tuan kembali ka-Melaka pun beta ikut." Maka kata Tun Tuah, "Jika bonda kasehkan beta, ada suatu kehendak beta kapada bonda. Jika bonda menyampaikan gerangan

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

sunggoh-lah bonda kasehkan beta." Sa-telah inangda mendengar kata Tun Tuah itu, maka inangda pun tersenyum, seraya berkata, "Maksud apa itu? Katakan juga bonda dengarkan supaya bonda kerjakan." Maka Tun Tuah pun tersenyum, seraya berkata, "Sahaya ulun bersenda2 juga, bonda." Maka kata inangda, "Katakan juga kapada bonda, jika tuan kasehkan bonda." Maka sahut Tun Tuah seraya tertawa2, "Esok hari-lah sahaya katakan sadikit."

Maka Dang Saja dan Dang Merdu pun datang lalu dudok menyembah pada inangda dan Tun Tuah. Maka kata inangda, "Apa pekerjaan dayang datang ini?" Maka sahut Dang Saja, "Sahaya datang ini menyampaikan titah tuan puteri kelmarin itu." Maka kata inangda itu, "Beta pun dua hari sudah tiada mengadap; apa gerangan titah tuan puteri akan beta?" Maka Dang Merdu pun berkata, "Tatkala sahaya pulang daripada dato' itu, maka tuan puteri ada dudok di-pintu. Maka tuan puteri pun bertanyakan sahaya, 'Mana beroleh kain baharu ini?" Maka sahaya pun persembahkan, pemberian anak angkat dato' dan budi bahasa-nya pun terlalu baik. Maka tuan puteri pun tersenyum; titah tuan puteri: 'Apa-tah salah-nya jika ia berkaseh2an dengan kita; kita pun lagi berkenan orang bagitu dan budi-nya demikian itu. Beruntong mak inang beroleh anak angkat orang Melaka.'

Sa-telah inangda dan Tun Tuah mendengar kata tuan puteri pada Dang Saja itu, maka Tun Tuah pun terlalu sukachita. Maka inangda pun memandang pada Tun Tuah; maka Tun Tuah pun tahu-lah akan erti pandang inangda itu kalau Tun Tuah tiada bepersembahan. Maka Tun Tuah pun menyuroh hamba-nya pulang ka-rumah-nya mengambil kain yang halus sa-puloh kayu dan kain rambuti dua kayu dan kain dagang yang bertulis ayer emas sa-puloh kayu dan ayer mawar sa-puloh gantang. Sa-telah datang kain itu, maka Tun Tuah pun berkata, "Ini-lah kain sa-helai, persembahkan ka-bawah duli tuan puteri; barang2 guna-nya, akan penyapu2 duli tuan puteri, tanda jadi hamba di-bawah duli tuan puteri." Maka kata inangda, "Dudok-lah tuan di-sini dahulu; biar bonda pergi persembahkan persembah tuan ini." Maka kata Tun Tuah, "Silakan-lah bonda; saya menanti menunggu rumah bonda."

Maka inangda dan Dang Saja, Dang Rani, Dang Merdu dan segala dayang2 mengiringkan inangda membawa persembah itu. Maka tatkala itu Tun Teja ada berdiri di-atas peranginan di-adap oleh segala perwara-nya. Sa-telah di-lihat oleh Tun Teja inangda datang membawa persembah itu, maka kata Tun Teja, "Mari, mak inang." Maka inangda pun menyembah, lalu dudok. Maka sembah inangda, "Ya tuanku, ini persembah anak patek; Tun Tuah itu empunya sembah di-bawa duli tuanku: 'Ada pun persembah di-perhamba itu sa-helai

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

kain tiada dengan saperti-nya akan penyapu2 duli tuanku tanda jadi hamba di-bawah duli tuanku." Sa-telah Tun Teja melihat persembah Tun Tuah itu, maka Tun Teja pun hairan, terlalu sukachita hati-nya melihat persembah Tun Tuah itu; fikir dalam hati-nya: 'Apa juga maksud anak angkat mak inang ini?" Sa-telah sudah Tun Teja fikir demikian itu, maka kata Tun Teja pada inangda, "Apa-tah salah-nya Tun Tuah hendak berkaseh2an dengan kita? Apa kita balaskan persembah Tun Tuah itu?" Maka sembah inangda, "Apa-tah yang baik pada hati tuanku?" Maka kata Tun Teja, "Jika demikian, baik-lah kita suroh paduka Jenal sambut Tun Tuah itu perjamu supaya kita persalin akan dia." Maka sembah inangda, "Benar-lah saperti titah tuanku itu."

Maka kata Tun Teja, "Ya mak inang, Dang Saja dan Dang Merdu bermain kelmarin di-hadapan Tun Tuah itu lagu apa di-nyanyikan? Entah di-ajok-nya, siapa tahu?" Maka sembah inangda, "Ikatan Seri Rama sedang menambak tasek Langkapuri." Maka kata Tun Teja, "Ikat-ikatan Seri Rama itu dato' Bendahara Paduka Raja yang mengikat dia, kita dengar. Ada pun jika mak inang kembali, katakan salam dan kaseh kita pada Tun Tuah. Ada pun yang kaseh Tun Tuah, apa-tah lagi, menerima kaseh-lah kita. Insha' Allah Ta'ala, jikalau ada hayat kita, kita balas juga." Maka sembah inangda, "Sa-benar-nya-lah saperti titah tuanku itu."

Maka Tun Teja pun santap-lah. Sa-telah sudah maka inangda pun makan sayapan. Sa-telah sudah makan maka kata Tun Teja, "Ya mak inang, kita bermimpi sa-malam tadi, kita lihat negeri Melaka itu terlalu ramai; maka kita lihat raja Melaka itu datang ka-Inderapura ini dengan segala ra'ayat-nya menyambut kita, maka tiada mau pergi rasa-nya; maka datang sa-ekor ular, maka di-belit-nya pinggang kita. Maka kita pun terkejut takut akan ular itu lalu kita jaga. Apa gerangan padah-nya?" Maka sembah inangda seraya tertawa, kata-nya, "Baik sa-kali mimpi tuanku itu. Padah-nya hendak bangat berumah dengan Megat Terengganu itu!" Maka tuan puteri pun berpalis masam muka-nya. Maka inangda pun bermohon-lah lalu di-iringkan oleh segala dayang2 Tun Teja.

Sa-telah datang ka-rumah-nya, maka Tun Tuah ada berdiri di-muka pintu. Sa-telah di-lihat-nya inangda datang, maka Tun Tuah segera dudok. Maka inangda dan segala dayang2 itu pun dudok menyembah pada Tun Tuah. Maka oleh mak inang segala kata Tun Teja itu semua-nya di-sampaikan pada Tun Tuah. Maka Tun Tuah pun di-perjamu oleh inangda makan ni'mat pelbagai. Sa-telah sudah maka Tun Tuah pun bermohon-lah pulang ka-rumah-nya.

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

BAB X

SA-TELAH keesokan hari-nya maka Tun Tuah pun memakai. Sa-telah sudah memaki pakaian yang indah2 maka Tun Tuah pun pergi-lah ka-rumah inangda; tatkala itu inangda pun hendak menyambut Tun Tuah. Sa-telah di-lihat-oleh inangda, kata-nya, "Silakan anak-ku dudok; bonda pun baharu juga sekarang ini hendak menyuroh menyambut tuan, moga2 tuan pun datang; kerana bonda terkenangkan kata tuan kelmarin itu, belum puas hati bonda." Sa-telah Tun Tuah mendengar kata inangda itu, maka Tun Tuah pun tertawa; ia berkata, "Ayo, bonda; kaseh-kah bonda akan sahaya?" Maka kata inangda itu, "Kaseh bonda akan tuan jika ka-laut api sa-kali pun neschaya bonda ikut juga tuan."

Sa-telah Tun Tuah mendengar kata inangda demikian itu, maka Tun Tuah pun berbangkit masok ka-dalam rumah seraya memandang inangda. Maka inangda pun mendapatkan Tun Tuah seraya berkata, "Dudok-lah segala dayang2 sakalian dahulu; apa gerang hendak di-katakan-nya?" Maka kata inangda, "Kata apa itu Tun Tuah, maka tiada dapat di-katakan di-hadapan orang banyak itu?" Maka kata Tun Tuah, "Bonda, kata ini kata rahsia. Pada penglihatan hamba, jika lain daripada bonda, tiada dapat mengerjakan dia. Ada pun jikalau ada kaseh sayang bonda, akan hamba surohkan; dalam pada itu pun lamun bonda kaseh akan sahaya, sampai-lah maksud sahaya." Maka kata inangda, "Hendak di-suroh ka-mana itu, tuan?" Maka kata Tun Tuah, "Lamun juga mau bonda supaya sahaya katakan." Maka inangda pun berkata, "Pada bichara bonda, jikalau tuan surohkan ka-dalam laut api sa-kali pun bonda pergi juga; istimewa pada kerjaan yang lain tiada bonda pergi?" Maka kata Tun Tuah, "Jika tuan kasehkan sahaya, sahaya hendak seraya sadikit kapada Tun Teja."

Sa-telah inangda mendengar kata Tun Tuah demikian itu, maka inangda pun terkejut seraya menampar2 dada-nya, kata-nya, "Wah, anak-ku! Apa-tah jadi bonda? Tiada-lah sampai saperti maksud anak-ku itu. Pada bichara bonda,

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

jika tuan hendak bermain muda, ini suka bonda katakan: yang bonda pinta pada tuan itu, jangan bermukah dengan gundek raja dan jangan bermukah dengan tunangan orang. Itu pun yang bonda pinta pada tuan. Jika lain daripada itu, siapa pun baik, di-atas bonda-lah yang tuan kehendak itu. Atau tuan hendak bermain2 dengan pendikir raja-kah atau biduan raja-kah supaya bonda bawa keluar? Atau hendakkan anak dara2 orang-kah supaya bonda beri? Atau tuan hendak bermukah dengan dayang2 raja-kah yang di-dalam sa-kali supaya bonda beri? Atau hendak akan isteri orang-kah? Pileh-lah mana berkenan pada tuan supaya bonda bawa keluar." Maka sahut Tun Tuah, "Yang kaseh bonda itu apa-tah lagi, kerana yang sahaya kehendak itu Tun Teja juga; mati pun redha-lah. Tetapi bonda juga pergi kapada Tun Teja itu, mau tiada mau pun, supaya puas hati sahaya."

Sa-telah inangda mendengar kata Tun Tuah itu, maka kata inangda, "Apa-tah daya lagi? Maksud tuan itu, insha' Allah Ta'ala, sampai juga. Redha tiada redha-nya bonda tiada tahu, tetapi, pada bichara bonda, tiadakan mau Tun Teja itu akan tuan, kerana, jika sa-hari pun, tuan hamba ka-bawah Duli Yang Di-Pertuan. Maka sedang raja Melaka lagi Tun Teja tiada mau, istimewa hamba-nya pula ia mau. Sa-perkara pula, ia sudah bertunangkan Megat Terengganu yang bernama Megat Panji Alam itu." Maka kata Tun Tuah, "Ada pun yang Megat Terengganu itu tiada beta endahkan; pekerjaan mudah juga, tiada sukar pada sahaya." Maka kata inangda, "Baik-lah, biar bonda pergi; tetapi mari-lah bonda di-murkai oleh Tun Teja." Maka kata Tun Tuah, "Tiada mengapa. Bonda pergi juga."

Maka inangda pun tiada-lah berdaya daripada sangat kaseh-nya akan Tun Tuah itu. Maka kata inangda, "Dudok-lah tuan dahulu. Bonda pergi." Maka kata Tun Tuah, "Baik-lah." Maka inangda pun turun lalu berkata pada segala dayang2, "Dudok-lah tuan2; beta hendak pergi pada tuan puteri."

Maka inangda pun berjalan-lah. Maka dalam hati inangda: 'Jika aku katakan saperti kata Tun Tuah ini pada Tun Teja, mati-lah aku di-murkai-nya. Entah di-bunoh-nya siapa tahu? Jika di-tahu ayah-nya, bukan pekerjaan kechil2 yang ku-katakan ini.' Sa-telah sudah fikir demikian itu, maka inangda pun datang-lah ka-rumah Tun Teja. Maka di-lihat oleh Tun Teja inangda datang itu; kata Tun Teja, "Mak inang ini sa-lama-nya beroleh anak angkat orang Melaka itu kurang-lah masok mengadap kita dan kurus lagi puchat muka mak inang ini." Maka sembah inangda, "Sunggoh, tuanku, empat lima hari tuboh patek tiada sedap; sebab itu-lah maka patek tiada mengadap, tuanku." Maka hidangan pun di-angkat orang-lah. Maka Tun Teja

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

pun santap; maka sisa-nya di-beri pada mak inang; maka kata Tun Teja, "Makan-lah, mak inang." Maka mak inang pun menyembah lalu makan.

Sa-telah sudah makan, maka mak inang pun teringat akan kata Tun Tuah itu. Maka ia pun tersenyum seraya memandang pada Tun Teja. Hendak ia berkata ia takut. Maka kata Tun Teja, "Mengapa mak inang melihat kita tersenyum?" Maka inangda pun lambat menyahut, lagi ia fikir dalam hati-nya: 'Jika aku katakan saperti kata Tun Tuah ini pada Tun Teja, baik masa ia kabul, jika tiada kabul, neschaya mati-lah aku di-murkai-nya.' Sa-telah inangda fikir demikian itu, maka kata inangda, "Tiada apa, tuanku; semaja patek terkenang2 sadikit." Maka kata Tun Teja, "Terkenang apa itu?" maka ia pun berkata lain pula. Maka oleh inangda di-achu2-nya dua tiga kali: "Tun Tuah hendakkan tuanku," tiada juga terkatakan; saperti orang gagap laku-nya, kerana ia takut akan Tun Teja. Tun Teja pun tertawa melihat kelakuan inangda itu. Maka kata Tun Teja, "Mengapa mak inang ini ku-lihat saperti laku yang orang latah berkata2, terchengang saperti lupa2 ingat?" Maka sembah segala dayang2, "Sunggoh, tuanku; patek sakalian lihat pun lain daripada sedia-kala barang laku inangda ini." Maka pada hari itu tiada mau-lah inangda berkata2. Maka hari pun petang-lah. Maka inangda pun ber-mohon-lah kembali ka-rumah-nya.

Sa-telah Tun Tuah melihat inangda datang itu, maka Tun Tuah segera turun mendapatkan inangda itu serta di-pegang-nya tangan inangda, kata-nya, "Apa khabar kita?" Maka kata inangda, "Belum lagi bonda berkata2 dengan Tun Teja itu, kerana Tun Jenal laki isteri dudok bermain2 pada Tun Teja itu. Insha' Allah Ta'ala, esok hari-lah bonda sampaikan maksud anak-ku itu. Lulus tiada lulus-nya bonda tiada boleh chakap." Maka kata Tun Tuah, "Baik-lah." Maka kata inangda, "Esok hari silakan-lah mari."

Sa-telah keesokan hari-nya maka Tun Tuah pun pergi ka-rumah inangda. Sa-telah datang ka-rumah inangda, maka Tun Tuah pun menyembah. Maka inangda pun turun-lah lalu berjalan2 berhenti. Hendak pun tiada ia pergi, kerana ia sangat kaseh akan Tun Tuah. Maka inangda pun berjalan-lah saperti tiada terjangkah akan kaki-nya rasa-nya. Maka apabila ia ingat akan Tun Tuah maka kaki-nya pun terjangkah. Dengan demikian maka inangda pun sampai-lah ka-rumah Tun Teja. Maka inangda pun dudok di-tangga. Sa-telah di-lihat oleh segala dayang2 inangda dudok di-tangga itu, maka kata segala dayang2, "Silakan-lah dato' inangda naik dudok, kerana tuan puteri lagi beradu." Maka kata inangda, "Baik-lah, aku lagi lelah." Maka segala dayang2

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

itu pun sakalian-nya datang dudok berkutu di-bawah tangga itu; ada yang dudok di-bawah sambil menghuraikan rambut-nya berkutu2.

Sa-ketika lagi Tun Teja pun bangun daripada beradu, lalu turun ka-taman mandi. Maka sembah segala dayang2, "Ya, tuanku, patek lihat inangda ada dudok di-bawah tangga berkutu2 dengan segala dayang2." Sa-telah Tun Teja mendengar sembah dayang2 itu, maka kata Tun Teja, "Hai Dang Merdu, pergi panggil mak inang itu ka-mari." Maka inangda pun segera datang. Maka kata Tun Teja, "Senyampang mak inang datang, kita pun hendak pergi mandi ka-taman." Maka inangda pun berkata, "Lama tuada patek pergi ka-taman itu." Maka Tun Teja pun berjalan-lah ka-taman itu di-iringkan oleh inangda dan segala perwara-nya. Sa-telah datang itu maka Tun Teja pun mandi-lah terlalu ramai bersembor2an. Maka dalam hati inangda: 'Pada sa-kali ini-lah baik maksud-ku ini ku-katakan. Maka inangda pun tersenyum dua tiga kali, di-achu2-nya hendak berkata2, tiada juga terkata.

Maka Tun Teja pun sudah-lah berlimau dan mandi lalu pulang ka-rumah-nya. Maka inangda pun dudok dekat Tun Teja sambil tersenyum. Maka kata Tun Teja, "Mengapa maka mak inang ini memandang kita tersenyum2?" Maka sembah inangda, "Ya tuanku, patek mohonkan ampun dan kurnia di-bawah duli tuan puteri. Ada suatu kehendak patek patek hendak persembah-kan ka-bawah duli Tuan Puteri. Jika ada ampun tuan puteri akan patek, maka berani-lah patek berdatang sembah ka-bawah Duli Yang Di-Pertuan." Maka kata Tun Teja, "Apa kehendak hati mak inang hendak persembahkan pada kita itu? Katakan-lah beta dengar." Maka kata inangda, "Ya tuanku, kata ini bukan barang2 kata, tetapi apa-tah daya patek? Hasrat orang tergantong pada leher patek." Maka kata Tun Teja, "Kata apa itu? Katakan-lah kita dengar. Jika kata baik, kita turut; jika jahat, kita diamkan." Maka sembah inangda, "Jika saperti titah tuanku itu berani-lah patek persembahkan ka-bawah duli tuanku. Patek mohonkan ampun dan kurnia di-perbanyak, patek ini di-suroh oleh Tun Tuah mengadap duli tuanku." Maka kata Tun Teja, "Apa kehendak Tun Tuah itu kapada kita?" Maka kata inangda, "Tun Tuah itu empunya sembah ka-bawah duli tuanku, minta tuanku perhamba Tun Tuah, maka berpuloh2 kali ia menyuroh akan patek, patek tiada berani."

Demi Tun Teja mendengar kata Tun Tuah demikian itu, maka Tun Teja pun berpalis, seraya berkata dengan amarah-nya, merah padam muka-nya saperti bunga delima. Maka Tun Teja pun berbangkit berdiri, sambil berkata, "Lihat-lah si-tua chelaka ini! Pada bichara-ku, tua jadi penawar; ini tua menjadi rachun! Benar-kah engkau berani berkata2 demikian? Ini bukan kata kau

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

katakan pada-ku. Orang tua demikian ini patut di-gochoh mulut-nya dengan tempurong berbulu! Bukan barang2 kata di-katakan. Hendak membunoh kita pula, si-hanchor lebor ini! Pada bichara-nya, kita mau akan Tun Tuah itu? Sedang raja Melaka itu tuanku hendak akan kita, kita tiada mau; ini pula hamba-nya. Sa-perkara pula, kita pun sudah bertunangan; bukan ia tiada tahu. Sahaja ia ini berani." Maka kata Tun Teja, "Gochoh mulut-nya!"

Maka di-sentapkan-nya oleh orang ka-bawah rumah. Maka inangda pun di-gochoh orang-lah dengan tempurong berbulu. Maka segala dayang2 yang kaseh akan mak inang itu pun datang, seraya kata-nya, "Segera-lah inangda pulang; takut tuan puteri ngeran pula mendengar inangda menangis itu."

Maka inangda pun pulang-lah ka-rumah-nya sambil berselubong dengan bengkak mulut-nya, darah-nya berchuchoran. Sa-telah datang ka-rumah-nya, maka di-lihat oleh Tun Tuah inangda datang berselubong itu, maka Tun Tuah pun segera berdiri di-muka pintu, seraya berkata, "Apa khabar kita?" Maka sahut inangda sambil membuka selubong-nya, kata-nya, "Lihat-nya hal bonda ini, daripada kaseh akan tuan. Belum sempat habis kata bonda maka Tun Teja pun ngeran, lalu menyebut raja Melaka, kata-nya, 'Sedang raja Melaka itu lagi aku tiada mau.' Sa-telah Tun Tuah mendengar kata inangda demikian itu, maka kata Tun Tuah, "Baik-lah; Tun Teja itu tiada maukan aku! Insha' Allah Ta'ala, mengapa pula bagitu? Jika aku tiada beroleh Tun Teja itu, aku tiada mau kembali ka-Melaka dan tiada-lah aku menyebut nama perempuan dalam dunia ini lagi! Yang malu bonda itu malu hamba-lah. Bonda, bonda jangan dukachita. Yang kelakuan kita dua beranak ini tiga hari lagi kita hapuskan."

Maka inangda pun di-mandikan oleh Tun Tuah, di-buboh-nya ubat. Sa-telah sudah maka Tun Tuah pun berkata, "Dudok-lah bonda dahulu. Sahaya hendak pulang ka-rumah. Esok hari sahaya datang." Maka kata inangda, "Baik-lah."

• • •

Maka Tun Tuah pun bermohon-lah lalu pulang ka-rumah-nya. Maka Tun Tuah pun mandi dan berlangir. Maka Tun Tuah pun dudok-lah membuka pustaka-nya. Sa-telah sudah di-lihat-nya dalam pustaka-nya, maka Tun Tuah pun tersenyum, seraya di-kuchupi-nya pustaka-nya itu. Maka Tun Tuah pun memakai serba puteh. Sa-telah sudah memakai maka Tun Tuah pun keluar

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

dari rumah-nya bermain2 ka-pesara menchari orang berjual jebat. Maka Laksamana pun bertemu-lah dengan sa-orang tua berjual jebat; maka kata Tun Tuah, "Ya ibu-ku, jual apa-lah jebat ini barang sadikit juga." Maka perempuan tua itu pun terpandang muka Tun Tuah itu, kata-nya, "Ambil-lah tuan mana sa-kehendak hati tuan akan jebat ini barang sadikit juga. Tiada saya mengambil harga-nya daripada Tun Tuah. Sahaya melihat tuan ini seperti sahaya melihat anak sahaya yang pergi belayar itu; kaseh rasa-nya hati sahaya." Maka Tun Tuah pun berkata, "Yang kaseh sayang mak itu apa-tah lagi, tetapi mak ambil juga harga-nya; bukan banyak, sa-kadar sa-kepéng juga; ada kerja sahaya sadikit." Maka Tun Tuah pun mengambil jebat itu, maka di-beri-nya pitis sa-keping akan orang tua itu.

Sa-telah Tun Tuah beroleh jebat itu, maka Tun Tuah pun kembali-lah ka-rumah-nya berbuat suatu guna pengaseh nama-nya. Sa-telah sudah di-perbuat guna itu, maka pada malam itu juga Tun Tuah berjaga membacha pustaka-nya datang siang.

Sa-telah hari siang maka Tun Tuah pun memakai kain dan baju dan bau2an. Sa-telah sudah maka Tun Tuah pun berjalan-lah pergi ka-rumah inangda. Sa-telah inangda melihat Tun Tuah datang, maka kata inangda, "Silakan-lah anak-ku." Maka kata Tun Tuah seraya tersenyum, kata-nya, "Insha' Allah Ta'ala, sa-kali ini pergi-lah mak kapada Tun Teja itu supaya kita lihat kekayaan Allah Ta'ala dan berkat tapak guru sahaya Sang Persata Nala di-Gunong Wirana Pura itu. Mengapa pula maka bagitu? Sedang bidadari dari kaindéraan lagi dapat ku-turunkan, ini Tun Teja anak Bendahara Seri Buana Inderapura!" Sa-telah inangda menengar kata Tun Tuah demikian itu, maka kata inangda, "Ada pula hendak di-surohkan bonda pergi, kerana Tun Teja lagi gusar akan bonda?" Maka Tun Tuah pun mengeluarkan suatu chembul berisi bau2an lalu di-unjokkan kapada inangda chembul itu. Maka kata inangda, "Chembul apa ini, tuan?" Maka kata Tun Tuah, "Pergi-lah bonda bawa guna ini kena-kan pada barang tempat Tun Teja dudok itu; apabila bonda buboh guna ini maka bonda pulang."

Sa-telah inangda mendengar kata Tun Tuah demikian itu, maka inangda pun menyambut chembul itu lalu di-kendong-nya; maka inangda pun pergi-lah. Sa-telah sampai ka-rumah Tun Teja, maka sa-telah inangda sampai ka-muka pintu, maka ia pun tiada berani masok; berdiri di-balek pintu meng-intai Tun Teja dudok di-muka pintu rumah-nya di-adap oleh segala perwara-nya dudok bermain chuki. Maka inangda pun hendak masok pintu itu, dua tiga kali hendak melangkah pintu itu, tiada juga terlangkah. Maka inangda

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

pun fikir di-dalam hati-nya: 'Baik hasil guna ini; jika tiada hasil aku juga merasai dia.' Maka baginda pun terkulang2 di-luar pagar; hendak masok, takut. Sa-ketika lagi Tun Teja pun masok beradu di-dalam tirai dan kelambu yang keemasan. Sa-telah di-lihat oleh inangda Tun Teja sudah masok beradu itu, maka inangda pun masok ka-dalam pintu, perlahan2 datang ka-muka pintu tangga, lalu naik ka-atas. Maka kata segala dayang2 itu, "Tuan puteri sudah beradu." Maka kata inangda, "Beta hendak menunjokkan muka kapada anak-ku sakalian, takut di-kata oleh tuan puteri merajok." Maka kata segala dayang2 itu, "Benar-lah saperti kata dato' inang itu." Maka inangda pun mengeluarkan guna itu, di-palitkan-nya pada tempat Tun Teja itu dudok itu. Sa-telah sudah maka inangda pun segera turun bersembunyi di-balek pagar.

Demi berpalit guna-nya itu maka Tun Teja pun terkejut saperti di-sentap orang kaki-nya. Maka Tun Teja pun bangun, seraya berkata, "Rindu-nya aku akan mak inang. Sa-lama ku-gusar dia ini tiada ku-lihat muka-nya; apa hal-nya gerangan? Pergi Dang Saja lihat; panggil ia ka-mari." Maka sembah segala dayang2 itu, "Ya, tuanku, sekarang ini juga inangda turun dari sini. Kata-nya, hendak menunjokkan muka, takut akan tuan puteri kata merajok." Maka kata Tun Teja, "Aku gusar sadikit ia tiada datang mendapatkan kita. Pergi panggil mari."

Maka segala dayang2 itu pun berlari2 pergi memanggil inangda itu. Sa-telah di-lihat oleh inangda segala dayang2 itu berlari2, maka di-dalam hati-nya inangda: 'Mati-lah aku sa-kali ini.' Maka inangda pun lari-lah tiada menoleh ka-belakang lagi. Maka di-usir-nya oleh segala dayang2 itu, kata-nya, "Jangan dato' inang lari. Sahaya sakalian ini di-suroh oleh tuan puteri memanggil dato' inang." Maka inangda pun lari juga. Maka oleh segala dayang2 di-usir-nya sunggoh2 hati. Maka inangda pun jatoh terdudok; baharu hendak bangun, maka segala dayang2 itu pun datang, di-pegang tangan-nya inangda: ada yang memelok pinggang, ada yang menyapu pasir pada tuboh inangda itu. Maka kata inangda itu, "Aku tiada mau pergi. Jika aku hendak di-bunoh pun, redha-lah aku, lamun di-hadapan anak-ku." Ia berkata2 itu sambil menangis. Maka kata segala dayang2 itu sambil di-pegang-nya tangan innagda, kata-nya, "Harap-lah dato' inangda; tiadakan sahaya sakalian memberi dato' pada kejahatan, kerana banyak kaseh anakanda Tun Tuah akan sahaya sakalian ini."

Maka inangda pun berjalan-lah seraya di-pimpin oleh segala dayang2 itu. Sa-telah di-lihat oleh Tun Teja inangda datang itu, serta di-tegor-nya, kata-nya, "Mari mak inang." Maka Tun Teja pun datang memimpin tangan

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

inangda di-bawa-nya masok ka-dalam bilek, Maka kata Tun Teja, "Janganlah inangda takut. Mana Tun Tuah itu sekarang? Dan apa kata-nya tatkala inangda di-surohkan-nya itu?" Maka sembah inangda, "Ampun patek, tuanku; ada pun Tun Tuah itu dagang. Tatkala sudah menyuroh patek tiada hasil, maka kata-nya ia hendak kembali ka-Melaka: 'Beta malu.' Akan sekarang tiga hari-lah patek itu tiada datang ka-rumah patek; entah sudah kembali, siapa tahu?" Sa-telah Tun Teja mendengar kata Tun Tuah sudah pulang itu, maka Tun Teja pun terlalu dukachita hati-nya, lalu menangis. Maka kata Tun Teja, "Inangda charikan juga Tun Tuah itu akan kita beri boleh2. Apabila bertemu, bawa ka-rumah inangda." Maka kata inangda, "Baik-lah, tuanku, patek chari kalau2 ada lagi ia; bertemu atau tiada bertemu patek tiada tahu."

Maka Tun Teja pun diam mashghul dalam hati-nya, seraya kata-nya, "Jika aku tiada bertemu dengan Tun Tuah itu, apa-lah hal aku yang demikian ini?" Maka ia menangis terkenangkan mimpi itu; maka makin sangat berahi-nya tiada tertahani lagi rasa-nya. Maka Tun Teja pun titek ayer mata-nya. Maka titah Tun Teja, "Pergi-lah inangda charikan Tun Tuah itu." Maka inangda pun bermohon-lah. Maka titah Tun Teja pada dayang2 empat orang, "Mengiringkan mak inang!" Maka dayang2 itu pun menyembah lalu berjalan mengiringkan inangda.

Sa-telah sampai ka-rumah-nya maka di-lihat oleh Tun Tuah inangda datang itu di-iringkan oleh segala dayang2 itu. Maka Tun Tuah pun tersenyum, seraya turun. Maka kata inangda, "Mari-lah tuan kita naik dudok." Maka kata inangda kapada Tun Tuah, "Salam do'a Tun Teja pada tuan. Ada pun akan kata tuan puteri menyuroh bonda mencharí tuan, suroh dudok menanti di-rumah bonda ini. Baik-lah tuan mandi dan berlangir dahulu ka-rumah tuan dan memakai bau2an yang amat harum bau-nya, kerana Tun Teja pada malam ini hendak datang ka-rumah bonda." Sa-telah Tun Tuah mendengar kata inangda itu, maka Tun Tuah pun tersenyum. Maka kata inangda pada segala dayang2 itu, "Ya anak-ku sakalian, kembali-lah kapada Tun Teja. Katakan sembah patek itu; Tun Tuah sudah patek chari, maka ada-lah ia sekarang sudah kembali ka-rumah patek itu." Maka segala dayang2 itu pun bermohon-lah kapada inangda dan Tun Tuah.

Sa-telah itu maka Tun Teja pun bertanya, "Mana mak inang maka ia tiada ka-mari?" Maka sembah segala dayang2 itu, "Ya tuanku; inangda empunya sembah ka-bawah duli tuanku; inangda lagi dudok berkata2 dengan patek itu Tun Tuah."

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

Sa-telah Tun Teja mendengar kata dayang2 itu demikian, maka Tun Teja pun terlalu sukachita hati-nya, seraya berlengkap segala perkakas daripada tirai kelambu yang keemasan, tilam dan bantal seraga dan keemasan. Sa-telah sudah lengkap segala perkakas itu, maka di-suroh oleh Tun Teja bawa ka-rumah inangda; dan segala bau2an yang amat harum bau-nya di-buboh-nya dalam telepa, hatta di-bawa-nya oleh segala dayang2 itu ka-rumah inangda akan segala bau2an. Sa-telah sampai maka inangda pun tersenyum, seraya memandang muka Tun Tuah, kata-nya, "Jangan-lah tuan kembali ka-rumah. Mandi di-rumah bonda-lah." Maka kata Tun Tuah, "Baik-lah; mana kata bonda sahaya ikut."

Maka inangda pun menghias rumah-nya mengenakan tirai kelambu dan langit2 berpakankan emas yang berumbai2kan mutiara dan di-buboh-nya hamparan daripada j.y.y.m dan di-buboh-nya di-atas hamparan itu suatu peterana yang keemasan dan bertatah ratna mutu ma'nikam berumbai2kan mutiara. Maka kata inangda pada Tun Tuah, "Baik-lah anak-ku mandi berlangir." Maka kata Tun Tuah, "Baik-lah, bonda, sahaya pulang mandi ka-rumah, kerana hari hampir petang."

Maka Tun Tuah pun bermohon-lah pada inangda lalu pulang ka-rumah-nya mandi dan berlangir. Sa-telah sudah maka ia pun dudok pada tempat yang suchi, maka di-bacha-nya pustaka-nya. Sa-telah sudah maka Tun Tuah pun memakai lalu pergi ka-rumah inangda. Maka tatkala sampai ka-rumah inangda, maka kata inangda, "Mari tuan dudok." Maka Tun Tuah pun menyembah lalu dudok. Maka segala bau2an daripada Tun Teja itu pun di-suroh-nya pakai pada Tun Tuah.

Maka hari pun hampir malam. Maka Tun Teja pun memakai pakaian yang keemasan dan memakai bau2an daripada narwastu dan kumkuma, di-champor dengan emas di-asah, terlalu harum bau-nya. Maka tujoh orang dayang2 di-pileh-nya; dayang2 yang tujoh orang itu pun di-bawa-nya. Maka hari pun malam-lah. Maka inangda pun menyambut Tun Teja. Maka kata Tun Teja, "Ya mak inang, sudah-kah Tun Tuah itu datang ka-rumah mak inang?" Maka sembah inangda, "Sudah, tuanku, patek itu datang ka-rumah patek; ia hendak mengadap duli tuanku." Maka kata tuan puteri pada inang, "Dari mana baik kita berjalan. Dari pintu besar-kah atau dari pintu malingkah, supaya dapat baik menyamar? Kerana kita ini banyak. Kerana dari pintu maling itu sukar; baik kita berjalan dari pintu besar, dapat kita menyamar."

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

Maka inangda pun berjalan-lah dahulu, kemudian maka Tun Teja, dan dayang2 pun berjalan dari belakang mengiringkan Tun Teja. Maka Tun Teja pun sesat masok ka-dalam pintu orang. Maka kata orang empunya lorong itu sama sendiri-nya, "Bau apa ini saperti bau mala'ikat?" Maka lalu di-sahut sa-orang lagi, "Sunggoh saperti kata diri itu. Bau mala'ikat gerangan lalu ini, maka terlalu amat harum dan semerbak bau-nya; seluroh lorong ini bau-nya, terlalu amat harum bau-nya; tiada pernah kita menchium bau yang demikian ini." Maka kata sa-orang pula, "Kalau2 bidadari gerangan turun bermain?" Sa-telah Tun Teja mendengar kata orang itu, maka Tun Teja dan segala dayang2 itu pun tertawa gelak2 lalu berjalan keluar lorong itu. Maka Tun Teja pun masok ka-pintu inangda.

Maka tatkala itu Tun Tuah pun ada berdiri di-pintu, maka di-lihat-nya oleh Tun Teja rupa Tun Tuah itu saperti indera, tiada bersalahan lagi dalam mimpi itu. Maka Tun Teja pun mengunjokkan tangan-nya pada Tun Tuah, Tun Tuah pun segera mengeluarkan tangan baju-nya lalu di-sambut-nya tangan Tun Teja itu lalu di-bawa-nya ka-dalam tirai kelambu tujoh lapis itu, di-dudokkan-nya di-atas peterana itu. Maka Tun Tuah pun dudok mengadap di-bawah peterana itu; beberapa kali Tun Teja mengajak Tun Tuah naik dudok sama2 di-atas peterana itu tiada juga Tun Tuah mau. Maka dalam hati Tun Tuah: *'Ya rabbi, ya saiyidi, ya maulaya, ya Tuhan-ku*, engkau juga yang terlebeh tahu dan amat kuasa dan engkau juga yang mengetahui dalam hati hamba-mu bahawa perempuan ini ibu-ku. Kapada-ku jauhkan apa kira-nya daripada chita-ku kapada perempuan ini.' Maka Tun Teja pun menyorongkan puan-nya pada Tun Tuah. Maka di-sambut oleh Tun Tuah dengan ta'zim-nya. Maka Tun Teja pun turun dari atas peterana itu lalu dudok dekat dengan Tun Tuah. Maka Tun Teja pun terlalu amat berahi akan Tun Tuah itu. Maka Tun Tuah pun membawa suatu isharat. Maka ia pun berpantun bersha'er terlalu indah2. Maka Tun Teja pun terlalu sukachita hati-nya menengar pantun dan sha'er Tun Tuah itu, kerana Tun Teja tahu erti pantun dan sha'er itu memberi jalan hati sabar, dan berpantun itu terlalu merdu manis suara-nya; shahadan laku-nya saperti laku orang membacha Qur'an. Maka Tun Teja dan segala dayang2 yang mendengar Tun Tuah berpantun itu terlalu hairan dan berahi hati-nya akan Tun Tuah itu. Dengan demikian hari pun fajar-lah. Maka Tun Teja pun bermohon-lah pada Tun Tuah lalu pulang ka-rumah-nya.

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

Sa-telah hari siang maka Tun Tuah pun mengikut Bendahara Seri Buana ka-dalam. Sa-telah hari petang maka Tun Tuah pun memakai lalu pergi ka-rumah inangda. Maka dayang2 Tun Teja yang sa-puloh orang itu pun membawa persalin dan persantapan ka-rumah inangda dan pelbagai makanan. Maka Tun Teja pun berhias. Sa-telah sudah maka Tun Teja pun berjalan-lah ka-rumah inangda di-iringkan oleh dayang2 yang bertujoh itu. Maka tatkala itu Tun Tuah ada berdiri di-muka pintu. Maka Tun Teja pun datang. Sa-telah Tun Teja melihat muka Tun Tuah maka Tun Teja pun mengunjokkan tangan-nya. Demi Tun Tuah melihat muka Tun Teja itu, terlalu berahi-nya. Maka Tun Tuah pun segera mengeluarkan tangan baju-nya, lalu di-sambut-nya tangan Tun Teja itu lalu di-bawa-nya ka-dalam tirai kelambu itu, di-dudokkan di-atas peterana yang keemasan itu. Maka Tun Tuah pun dudok di-bawah mengadap.

Maka hidangan pun di-angkat orang-lah. Maka kata Tun Teja, "Santap-lah tuan barang hadhir-nya nasi inangda." Sa-telah Tun Tuah mendengar kata Tun Teja itu, maka Tun Tuah pun tersenyum, seraya membasoh tangan [lalu makan. Maka Tun Teja pun turun dari atas peterana itu lalu makan sa-hidangan dengan Tun Tuah. Maka Tun Tuah pun tundok pura2 tiada di-lihat-nya. Telah sudah kenyang-lah maka Tun Tuah pun mengangkatkan muka-nya, seraya berkata, "Di-perhamba sudah ni'mat." Maka kata Tun Teja, "Mari juga temani beta makan." Maka kata Tun Tuah, "Di-perhamba tiada boleh makan dengan perempuan, jika anak di-perhamba sa-kali pun. Jika tuan puteri kasehkan di-perhamba, di-perhamba pohonkan sisa-nya di-perhamba ayapan." Sa-telah Tun Teja mendengar kata Tun Tuah demikian itu, maka Tun Teja pun tahu-lah, bahawa Tun Tuah ini orang berilmu; sebab itu-lah maka ia berpantang. Maka Tun Tuah pun membasoh tangan. Maka Tun Teja pun sudah-lah.] Maka kata Tun Tuah, "Ya tuan puteri, mau-kah tuan puteri mendengar hikayat raja Melaka tatkala pergi ka-Majapahit beristeri akan Raden Emas Ayu itu, terlalu ramai pula, sebab Pateh Gajah Mada hendak mengenai di-perhamba. Maka Yang Di-Pertuan pun jadi bangat kembali ka-Melaka." Maka kata Tun Teja, "Hikayat-lah beta dengar." Maka Tun Tuah pun berhikayat-lah akan raja Melaka tatkala meminang ka-Majapahit, anak Betara Majapahit yang bernama Raden Emas Ayu itu. Maka Tun Teja pun terlalu sukachita mendengar dia. Hatta maka hari pun fajar-lah. Maka Tun Teja pun kembali-lah ka-rumah.

• • •

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

Maka Tun Tuah pun kembali-lah ka-rumah-nya. Maka ia pun fikir dalam hati-nya: 'Ada pun Tun Teja ini baik ku-bawa ka-Melaka aku persembahkan ka-bawah Duli Yang Di-Pertuan. Shahadan Tun Teja pun sudah ku-peroleh, baik-lah aku pulang.' Sa-telah sudah ia fikir demikian itu maka Tun Tuah pun berkata pada inangda, "Kaseh-kah bonda akan sahaya?" Maka kata inangda, "Jika ka-laut api sa-kali pun bonda ikut juga, tuan." Maka kata Tun Tuah, "Jika demikian, baik-lah; tiga hari lagi kita pergi ka-Melaka. Ber-lengkap bonda; kita berlepas dari Inderapura ini." Maka kata inangda, "Baik-lah; tiga hari lagi, supaya bonda bersimpan segala perkakas tuan puteri yang keemasan itu kita bawa."

Sa-telah hari malam maka Tun Teja pun datang-lah ka-rumah inangda. Maka kata Tun Tuah pada Tun Teja, "Apa-tah sudah-nya dengan demikian? Orang yang banyak tahu sudah akan kita kedua ini." Maka kata Tun Tuah lagi, "Apa-tah bichara tuan puteri supaya di-perhamba kerjakan." Maka kata Tun Teja, "Beta ini perempuan; di-bawa menurut, di-tinggalkan tinggal." Maka kata Tun Tuah, "Mau-kah tuan puteri mengikut di-perhamba ini ka-Melaka?" Maka sahut tuan puteri, "Pada bichara beta, jangankan ka-Melaka, jikalau ka-dalam laut api sa-kali pun beta pergi juga." Maka kata Tun Tuah, "Jika demikian, bersimpan-lah tuan puteri; tiga hari lagi kita akan belayar." Maka kata Tun Teja, "Baik-lah."

Maka pada malam itu Tun Tuah pun berhikayat pelbagai chetera yang memberi hati sabar; pada barang pekerjaan itu hendak-lah fikir dan sabar banyak, atas laki2 dan perempuan yang bijaksana. Maka Tun Teja pun bertanya, "Sunggoh-kah tuan hendak berlepas barang ka-mana?" Maka kata Tun Tuah, "Sunggoh; jika tuan puteri kaseh akan hamba hendak pergi bersama2, bersimpan-lah tuan." Maka kata Tun Teja, "Kita pergi ini kita bawa-kah segala dayang2 yang sa-isi rumah beta atau-kah barang kadar dua tiga orang sahaja akan teman kita?" Maka kata Tun Tuah, "Mengapa pula bagitu dua tiga orang sahaja? Kita pergi semua-nya sa-kali kita bawa, apa-kah kita takutkan?" Maka kata Tun Teja, "Dengan perahu-nya mana kita pergi?" Maka kata Tun Tuah, "Dengan jong orang Melaka kita belayar."

Sa-telah demikian maka hari pun siang-lah. Maka Tun Teja pun bermohon-lah kembali ka-rumah-nya bersimpan segala harta yang kemas2 dan segala pakaian yang mulia2. Maka segala hamba sahaya-nya yang kasehkan dia itu semua-nya di-bawa-nya, dan di-beri-nya tahu di-suroh bersimpan dan di-beri-nya emas. Segala hamba sahaya-nya dan segala dayang2 itu pun terlalu

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

sukachita hati-nya hendak mengikut Tun Teja. Maka Tun Tuah pun bermohon-lah kapada inangda lalu kembali ka-rumah-nya.

• • •

Maka Tun Tuan pun membuka pustaka-nya. Maka di-lihat-nya dalam pustaka-nya bahawa Tun Ratna Diraja dan Tun Bija Sura sudah datang dari benua Siam membawa gajah, ada di-Kuala Inderapura ini. Sa-telah ia melihat pustaka-nya maka Tun Tuah pun pergi kapada Bendahara; Bendahara pun sedang hendak berjalan masok mengadap. Sa-telah sudah Bendahara melihat Tun Tuah datang, maka kata Bendahara, "Mari-lah tuan kita masok mengadap." Maka kata Tun Tuah, "Silakan-lah dato', di-perhamba iringkan."

Maka Bendahara pun berjalan-lah. Maka tatkala itu raja pun sedang ramai di-hadap orang. Sa-telah di-lihat raja Bendahara datang itu, maka titah raja, "Hai Bendahara, mana Tun Tuah itu?" Maka sembah Tun Tuah, "Daulat, tuanku; patek ada, tuanku, mengadap Duli Yang Di-Pertuan." Maka titah raja, "Mari Tun Tuah dudok di-bawah Bendahara; kita hendak mendengar riwayat perentah segala raja2 Melayu dahulu kala." Maka Tun Tuah pun menyembah lalu dudok di-bawah Bendahara. Maka Tun Tuah pun beriwayat-lah di-hadapan segala pegawai. Maka raja pun terlalu sukachita melihat kelakuan Tun Tuah beriwayat itu dengan merdu suara-nya dan manis muka-nya dan faseh lidah-nya.

Maka dalam berkata2 itu maka kedengaran-lah bunyi bedil di-kuala saperti berteh. Maka titah raja, "Hai Bendahara, bunyi bedil apa itu di-kuala?" Maka sembah Bendahara, "Patek tidak pereksa, tuanku, tetapi ada juga orang kuala memberitahu Shahbandar." Maka sembah Tun Tuah, "Pada bichara patek, utusan paduka baginda yang ka-benua Siam itu gerangan datang — Tun Ratna Diraja dan Tun Bija Sura."

Dalam berkata2 Shahbandar pun datang mengadap. Maka sembah Shahbandar, "Ya tuanku, utusan raja Melaka dari benua Siam membawa gajah: Tun Ratna Diraja dan Tun Bija Sura; sekarang ada-lah ia di-kuala." Maka titah raja, "Hai Shahbandar, segera-lah bawa utusan itu naik dan gajah yang di-bawa-nya itu pun suroh bawa naik; kita hendak melihat dia."

Maka Shahbandar pun lalu berjalan ka-kuala. Sa-telah bertemu maka segala titah raja itu semua-nya di-sampaikan-nya pada Tun Ratna Diraja dan Tun Bija Sura. Sa-telah Tun Ratna Diraja dan Tun Bija Sura menengar titah demikian itu, maka ia pun mengerahkan segala orang-nya turun dari ghali itu

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

menurunkan gajah itu. Sa-telah sudah gajah itu di-turunkan ka-tanah, maka Tun Ratna Diraja dan Tun Bija Sura pun berjalan-lah dengan segala orang-nya di-bawa oleh Shahbandar. Sa-telah datang ka-balairong, maka titah raja, "Ada berapa tinggi gajah ini?" Maka sembah Tun Ratna Diraja, "Lima hasta, tuanku, tinggi-nya, kerana paduka kakanda minta raja benua Siam lima hasta tinggi-nya. Hendak pun paduka kakanda minta gajah yang besar kerana tiada kuasa patek sakalian membawa dia." Maka titah raja, "Kita pun hendak mengutus ka-benua Keling, hendak minta gajah yang tinggi empat hasta jua, ada-kah di-peroleh atau tiada-kah?" Maka sembah Tun Ratna Diraja, "Beroleh, tuanku, kerana banyak gajah besar2. Jika tinggi empat hasta, pada orang besar-nya pun beroleh kita beli."

Sa-telah sudah raja bertitah demikian itu, maka Tun Ratna Diraja pun memandang Laksamana. Maka Tun Ratna Diraja dan Tun Bija Sura pun hairan melihat Tun Tuah, seraya bertanya, "Apa pekerjaan orangkaya Laksamana di-titahkan oleh Duli Yang Di-Pertuan ka-mari ini?" Maka kata Tun Tuah, "Beta di-murkai oleh Duli Yang Di-Pertuan kerana fitnah Pateh Kerma Wi aya dan segala pegawai." Maka kata Tun Ratna Diraja, "Apa-kah bichara orang-kaya Laksamana?" Maka kata Tun Tuah, "Jika beta mati pun hendak kembali juga ka-Melaka, kerana ibu bapa beta ada di-Melaka; sebab itu-lah maka beta hendak kembali." Maka kata Tun Ratna Diraja, "Jikalau orangkaya hendak kembali, mari-lah bersama2 dengan beta." Maka kata Tun Tuah, "Baik-lah, lamun orangkaya hendak membawa beta."

Maka Tun Ratna Diraja dan Tun Bija Sura pun di-perjamu oleh raja Inderapura makan minum dengan saperti-nya. Sa-telah Tun Ratna Diraja dan Tun Bija Sura sudah makan, maka ia pun bermohon-lah kapada raja Inderapura, dan Bendahara Seri Buana, lalu keluar berjalan kembali ka-jong-nya. Maka Bendahara pun menyembah lalu kembali di-iringkan oleh Tun Tuah dan segala pegawai.

Sa-telah Bendahara pulang ka-rumah-nya, maka Tun Tuah pun pergi men-dapatkan Tun Ratna Diraja dan Tun Bija Sura ka-jong-nya. Sa-telah bertemu maka kata Tun Tuah, "Berapa hari lagi orangkaya kedua akan belayar supaya hamba hendak bermuat dan bersimpan?" Maka kata Tun Ratna Diraja, "Insha' Allah Ta'ala, esok hari beta berlepas." Maka kata Tun Tuah, "Sunggoh-kah orangkaya hendak membawa beta?" Maka kata Tun Ratna Diraja, "Sunggoh." Maka kata Tun Tuah, "Sunggoh pun pergi beta ini membawa Tun Teja dan segala dayang2 dan segala hamba sahaya-nya dan isi istana-nya?"

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

Sa-telah Tun Ratna Diraja dan Tun Bija Sura mendengar kata Tun Tuah demikian itu, maka Tun Ratna Diraja dan Tun Bija Sura pun berdiam diri-nya. Maka kata Tun Tuah, "Apa-tah di-kata orangkaya kedua? Segera-lah katakan." Maka kata Tun Ratna Diraja dan Tun Bija Sura, "Jikalau saperti kata orangkaya, mohon-lah beta membawa orangkaya, kerana bersalahan pekerjaan beta. Jika sa-kadar empat lima orang pergi, beta bawa-lah; ini orangkaya hendak membawa Tun Teja bukan sa-orang dua." Sa-telah Tun Tuah mendengar kata Tun Ratna Diraja demikian itu, maka Tun Tuah pun amarah serta menyelak pendua-nya, kata-nya, "Cheh, mengapa bagitu? Jika Si-Tuah tiada di-bawa, sekarang juga jong ini ku-perbinasakan! Jika beta kembali ka-Melaka mengadap Duli Yang Di-Pertuan ka-Melaka, di-sana-lah beta presmbahkan orangkaya tiada mau membawa beta dan Tun Teja. Kerana Duli Yang Di-Pertuan beristeri ka-Majapahit pun kerana Tun Teja tiada di-peroleh. Bukan orangkaya tiada tahu akan Duli Yang Di-Pertuan berahi akan Tun Teja, malah keturunan gila akan Tun Teja. Berapa emas dan kain baginda belanjakan, tiada juga beroleh Tun Teja itu. Akan sekarang dengan mudah-nya juga di-peroleh. Pada bichara beta, yang kebaktian orangkaya kedua membawa gajah ini pun tiadakan lebeh orang membawa Tun Teja itu."

Maka tatkala Tun Tuah memekis itu, maka jong itu pun séngét saperti hendak terbalek. Maka Tun Ratna Diraja dan Tun Bija Sura pun dahshat melihat kelakuan Tun Tuah amarah itu. Maka kata Tun Ratna Diraja dan Tun Bija Sura sambil memegang tangan Tun Tuah, kata-nya, "Sabar juga orangkaya dahulu. Kita bicharakan adek-beradek; mengapa-tah maka beta tiada membawa Tun Teja itu? Pada bichara hati beta, kalau2 Tun Teja tiada mau pergi kalau dua orangkaya. Jikalau sa-suka hati-nya, sa-benar-lah; apa akan salah-nya? Tetapi pada malam ini-lah orangkaya bermuat supaya kita segera belayar. Pada malam ini-lah, orangkaya, baik."

Maka orang pada jong itu pun bermuat gajah itu. Maka kata Tun Tuah, "Baik-lah, beta naik." Sa-telah sudah maka Tun Tuah pun bermohon pada Tun Ratna Diraja dan Tun Bija Sura lalu kembali ka-rumah-nya.

Maka hari pun malam-lah. Maka Tun Tuah pun pergi ka-rumah inangda; maka Tun Tuah pun menyurohkan inangda ka-rumah Tun Teja. Maka Tun Teja pun sudah hadhir dengan segala dayang2-nya dan hamba sahaya-nya dan segala isi rumah-nya dan harta2 yang kemas. Sa-telah sudah Tun Teja melihat inangda datang itu, maka Tun Teja pun menyurohkan inangda dan segala dayang2 berangkat segala harta bermuat. Sa-telah sudah maka Tun Tuah pun pergi menyambut Tun Teja dan segala dayang2-nya yang di-dalam rumah-nya

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

lalu naik ka-jong. Maka orang pun membongkar sauh lalu menarek layar menuju Pulau Tinggi.

Hatta maka jong dan ghali itu pun belayar-lah. Berapa antara-nya maka sampai-lah ka-Pulau Tinggi. Maka angin pun sakal, maka jong dan ghali itu pun berlaboh-lah di-Pulau Tinggi itu menantikan angin, tiada-lah belayar.

• • •

Shahadan maka tersebut-lah perkataan Bendahara Seri Buana Inderapura. Sa-telah hari siang maka segala hamba sahaya Tun Teja yang di-luar itu pun hendak masok mengadap Tun Teja; maka di-lihat-nya rumah Tun Teja itu sunyi; tempat akan bertanya pun tiada. Maka orang pun segera memberitahu Bendahara Seri Buana. Maka sembah orang itu dengan tangis-nya, "Ya tuanku, paduka anakanda tuan puteri dengan segala dayang2-nya di-dalam rumah anakanda itu sa-orang pun tiada, akan tempat bertanya pun tiada. Ka-mana gerangan pergi-nya?" Apabila Bendahara mendengar kata orang itu, maka Bendahara pun terkejut, seraya kata-nya, "Wah, anak-ku di-larikan oleh Si-Tuah-lah!"

Maka Bendahara pun segera pergi ka-rumah Tun Teja. Maka di-lihat-nya oleh Bendahara sunggoh saperti kata orang itu. Maka Bendahara pun masok mengadap raja. Maka titah raja, "Apa pekerjaan Bendahara datang gopoh2 ini?" Maka Bendahara pun menyembah seraya berchuchoran ayer mata-nya saperti buah bemban masak. Maka titah raja, "Apa juga khabar maka Bendahara menangis?" Maka sembah Bendahara, "Apa-lah guna-nya patek di-jadikan orang tua? Patek beroleh kemaluan bukan kechil2 lagi." Akan sekarang anak patek Si-Teja itu di-larikan oleh Si-Tuah itu dengan segala dayang2-nya dan segala hamba sahaya-nya, dan isi rumah-nya pun habis di-bawa-nya oleh Si-Tuah itu."

Sa-telah raja mendengar sembah Bendahara demikian itu, maka raja pun terlalu amarah, lalu bertitah kapada Laksamana dan Seri Maharaja Lela, "Segera-lah berlengkap dengan segala pegawai dan petuanan yang muda2; pergi mengikut Hang Tuah itu!" Maka Laksamana di-jadikan panglima tua, Seri Maharaja Lela di-jadikan panglima muda, Tun Jenal jadi jejenang, Tun Pekerma jejenang muda. Sa-telah sudah lengkap maka beroleh dua puloh kelengkapan hadhir dengan alat senjata-nya. Sa-telah sudah musta'id maka Laksamana dan Seri Maharaja Lela dan Tun Jenal dan Tun Pekerma pun men-

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

junjong duli lalu ia bermohon kapada Bendahara, lalu turun ka-perahu lalu belayar ka-Pulau Tinggi mengikut jong dan ghali itu.

Hatta maka Laksamana pun sampai-lah ka-Pulau Tinggi. Maka jong dan ghali itu pun melihat perahu banyak mengikut dia itu. Maka Tun Tuah pun mendirikan tunggul dan panji2. Maka sa-telah di-lihat oleh Tun Ratna Diraja dan Tun Bija Sura Tun Tuah mendirikan panji2, maka Tun Ratna Diraja dan Tun Bija Sura pun mendirikan panji2. Maka jong dan ghali itu pun di-kembar oleh Tun Tuah jadi satu. Maka Laksamana pun datang-lah dengan kelengkapan yang banyak itu dengan tempek sorak-nya terlalu gempita. Maka Tuah pun berdiri di-atas kurong. Maka kata Tun Tuah pada hamba-nya yang bernama Si-Jaya, "Segera-lah kamu unjokkan panah-ku dan pinta anak panah-ku yang sembilan ratus sembilan puloh itu." Maka Si-Jaya pun segera meng-unjokkan panah itu.

Maka Laksamana dan Seri Maharaja Lela pun berseru2 dengan nyaring suara-nya, kata-nya, "Hai Si-Tuah! Jika kamu hendak hidup, baik-lah Tun Teja itu kembalikan pada kami sakalian dengan baik-nya. Jikalau tidak, sekarang juga jong dan ghali ini ku-binasakan; sa-orang pun engkau tiada ku-hidupi." Maka sahut Tun Tuah, "Hai laksamana, ada-kah adat laki2 yang demikian? Yang sudah di-perbuat itu menyesal? Jika engkau hendak tahu, aku-lah hulubalang Yang Di-Pertuan Melaka yang tiada berlawan di-tanah Majapahit. Jika sa-lagi ada keris-ku dua bilah ini dan anak panah-ku yang sembilan ratus sembilan puloh ini bahawa sa-kali2 Tun Teja ini tiada aku kembalikan," serta di-panah-nya, di-tuju-nya kepala perahu-nya kenaikan laksa-mana itu, lalu patah. Maka di-panah-nya pula, di-tuju-nya temberang; kena, lalu putus. Maka di-tuju-nya pula kemudi; itu pun kena, lalu patah.

Maka di-lihat oleh Laksamana dan Seri Maharaja Lela kelakuan Tun Tuah memanah itu, maka kata laksamana pada Seri Maharaja Lela, "Apa bichara supaya kita kerjakan?" Maka sahut Tun Jenal, "Apa-tah bichara di-perbanyak lagi? Mari-lah kita langgar jong dan ghali ini supaya lekas bertentu pekerjaan kita." Maka Laksamana pun berdiam diri-nya. Maka Tun Tuah pun ber-seru2 dengan nyaring suara-nya, kata-nya, "Hai Tun Jenal! Sayang, aku malu akan orangkaya kedua itu di-titahkan oleh Duli Yang Di-Pertuan; shahadan kaseh ayahanda pun banyak kapada hamba. Jikalau tiada gerangan ku-pandang kaseh-nya, sekarang juga kelengkapan datang ini habis ku-binasakan dengan anak panah-ku yang sembilan ratus sembilan puloh ini, suatu pun anak panah-ku tiada jatoh ka-tanah, sakalian-nya mengenai orang Inderapura juga," serta di-panah-nya tunggul perahu-nya Tun Jenal; kena, lalu patah.

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

Sa-telah sudah di-lihat oleh Laksamana kelakuan Tun Tuah memanah dan menengar kata Tun Tuah itu, maka kata Laksamana, "Hai segala pegawai dan peruanan, segera-lah kita undor segala kelengkapan ini, kerana Tun Tuah itu musafakat dengan Tun Ratna Diraja dan Tun Bija Sura laku-nya ini, dengan penyuroh raja Melaka." Maka sahut Tun Jenal dengan amarah-nya, kata-nya, "Cheh, mengapa bagitu hendak undor? Segera-lah langgarkan aku jong Si-Tuah itu!" Sa-telah Laksamana mendengar kata Tun Jenal, maka ia amarah, seraya berkata, "Lihat-lah Tun Jenal ini! Orang hendak membinasakan ra'ayat Duli Yang Di-Pertuan yang kita bawa ini. Bukan Tun Jenal di-jadikan oleh Duli Yang Di-Pertuan orang tua; melebeh2! Kerana aku dan Seri Maharaja Lela yang di-jadikan orang tua oleh Duli Yang Di-Pertuan membawa ra'ayat raja dan senjata raja ini. Jika satu2 peri, tiada-kah batang leher-ku dan Seri Maharaja Lela di-penggal oleh Duli Yang Di-Pertuan?"

Sa-telah Tun Jenal menengar kata Laksamana demikian itu, maka Tun Jenal dan segala perahu itu pun undor-lah. Maka angin pun turun terlalu keras. Maka jong ghali pun menarek layar dengan segala bunyi2an terlalu ramai.

Maka Laksamana pun belayar kembali ka-Inderapura. Maka Laksamana pun bersembahkan segala hal ahwal-nya Hang Tuah memanah itu dan Tun Ratna Diraja dan Tun Bija Sura itu semua-nya di-persembahkan kapada raja. Sa-telah raja mendengar sembah Laksamana demikian itu, maka titah raja kapada Bendahara, "Jika demikian, penyuroh Raja Melaka laku-nya ini. Jika demikian, baik-lah kita menyuroh ka-Terengganu kapada Megat Panji Alam, kerana ia empunya pekerjaan ini; kerana Megat Panji Alam empunya tunangan di-larikan orang; masakan ia mau menanggong malu, kerana ia pun anak raja besar." Maka sembah Bendahara, "Daulat tuanku, sa-benar-nya-lah seperti titah Duli Yang Di-Pertuan itu." Maka raja pun menitahkan Sang Perdana dan Sang Sura urusan ka-Terengganu itu.

• • •

Sa-bermula Hang Tuah dan Tun Ratna Diraja dan Tun Bija Sura belayar daripada Pulau Tinggi itu; maka jong dan ghali itu pun sampai-lah kuala Melaka. Maka Tun Ratna Diraja dan Tun Bija Sura itu pun mendirikan tunggul panji2 dan memasang meriam. Maka Bendahara pun segera masok mengadap raja. Maka tatkala itu raja pun sedang ramai di-hadap orang. Sa-telah di-lihat baginda Bendahara datang gopoh2 itu, maka titah baginda, "Apa khabar maka mamak Bendahara datang gopoh2 ini?" Maka sembah

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

Bendahara, "Daulat tuanku, utusan kita dari benua Siam, Tun Ratna Diraja dan Tun Bija Sura datang membawa gajah, tuanku." Sa-telah menengar sembah Bendahara demikian itu, maka raja pun terlalu amat sukachita menengar beroleh gajah itu. Maka titah baginda, "Jika demikian, segera-lah mamak Bendahara berlengkap akan menyambut surat itu."

Maka Bendahara pun menyembah lalu keluar dudok di-balai gendang berlengkap dan mengerahkan segala pegawai dan petuanan pergi menyambut surat dan bingkis itu. Sa-telah sudah lengkap, maka pergi-lah orang itu. Maka tatkala itu Tun Ratna Diraja dan Tun Bija Sura pun sudah hadhir. Maka Tun Tuah pun segera-lah mengikat diri-nya, lalu turun dengan Tun Ratna Diraja dan Tun Bija Sura bersama2. Maka orang pun datang-lah menyambut surat dan bingkis itu. Maka segala bingkis dan surat itu pun di-naikkan orang-lah ka-atas gajah, lalu di-arak dengan segala bunyi2an. Maka Tun Tuah pun tiada di-lihat orang-lah yang banyak itu, masing2 melihat gajah itu juga. Maka Tun Ratna Diraja dan Tun Bija Sura pun sampai-lah ka-balai gendang. Maka gajah itu pun berhenti di-balai gendang. Maka Tun Ratna Diraja dan Tun Bija Sura pun masok ka-balairong lalu menjunjong duli. Maka surat dan bingkis itu pun di-sambut orang-lah. Maka gajah itu pun di-bawa orang masok ka-dalam kota. Maka gajah itu pun di-lihat-nya oleh raja, terlalu baik rupa-nya dan sikap-nya. Maka titah raja pada Tun Ratna Diraja, "Ada pun gajah ini di-namai Permata Selan. Insha' Allah Ta'ala, jikalau gajah ini hidup di-tanah Melaka ini, kita hendak mengutus pula ka-benua Siam, kita hendak minta gajah yang enam hasta dan gajah betina dua ekor." Maka sembah Tun Ratna Diraja dan Tun Bija Sura, "Daulat tuanku, jangankan dua ekor tiga ekor, sa-puloh ekor pun di-peroleh, kerana gajah di-benua Siam itu terlalu banyak pada raja-nya; pada orang besar2-nya pun beroleh."

Sa-telah raja mendengar sembah Tun Ratna Diraja demikian itu, maka raja pun terpandang pada Tun Tuah. Maka titah raja, "Hai Tun Tuah, dari mana engkau datang dan di-mana dudok sa-lama ini? Aku pun lupa-lah akan engkau; sesal-ku pun tiada-lah berguna." Maka Tun Tuah pun meniarap di-bumi dengan ikat-nya. Maka sembah Tun Tuah, "Daulat tuanku shah alam, patek ini hamba yang hina mohonkan ampun dan kurnia di-bawah Duli Yang Di-Pertuan akan patek ini, kerana hamba shah alam tiada berdosa ka-bawah cherpu duli shah alam. Maka hamba shah alam pun harap akan ampun shah alam kerana Si-Tuah tiada mau bertuan lain daripada anak chuchu duli shah alam. Tatkala patek di-Inderapura beberapa kali raja Inderapura hendak

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

anugerah nama Laksamana akan patek dan hendak kurnia bini-nya akan patek; patek tiada mau; mohonkan juga patek, kerana patek Melayu tiada mau demikian; sa-hingga mati sudah-lah. Yang bernama tuan lain daripada anak chuchu shah alam itu mohon-lah patek. Bahawa Si-Tuah sa-kali2 tiada mau mengubahkan setia-nya dan kata-nya." Sa-telah raja menengar sembah Tun Tuah demikian itu, maka titah raja, "Hai Jebat, segera uraikan ikat tangan Tun Tuah itu."

Sa-telah sudah ikat Hang Tuah terurai, maka Tun Tuah pun bertelut di-bumi lalu berdatang sembah, "Ya tuanku shah alam, persembah patek anak panah ma'nikam yang lekat pada dada duli shah alam pada patek bawa dan chermin yang di-berahikan itu dan amat berchahaya2 gilang-gemilang itu ada patek bawa." Maka titah raja, "Hai Tun Tuah, anak panah yang kau bawa itu apa?" Maka sembah Hang Tuah, "Daulat tuanku shah alam, anak panah ma'nikam yang amat berchahaya2 saperti jauhar, gilang-gemilang saperti permata yang tiada berhargakan pada duli shah alam itu ada patek bawa."

Sa-telah raja menengar sembah Tun Tuah demikian itu, maka raja pun memandang pada Tun Ratna Diraja dan Tun Bija Sura. Maka Tun Ratna Diraja dan Tun Bija Sura pun bangkit daripada tempat-nya dudok itu lalu datang ka-bawah peterana itu, maka oleh Tun Ratna Diraja segala hal ahwal-nya Tun Tuah melarikan Tun Teja itu pun peri Laksamana dan Seri Maharaja Lela di-titahkan oleh raja Inderapura mengikut Hang Tuah itu sakalian-nya di-persembahkan-nya kapada baginda. Sa-telah raja menengar sembah Tun Ratna Diraja itu maka titah baginda, "Tun Teja-kah kau bawa itu?" Maka sembah Hang Tuah, "Daulat tuanku shah alam, chermin yang amat berchahaya saperti jauhar ada patek bawa akan persembah patek ka-bawah duli shah alam, kerana patek derhaka tujoh bulan meninggalkan duli shah alam."

Sa-telah raja mendengar Tun Tuah demikian itu, maka raja pun berbangkit memelok leher Hang Tuah itu, lalu di-bawa-nya naik dudok sama2 di-atas peterana itu. Maka raja pun meninggalkan pakaian sakalian-nya yang di-pakai oleh baginda itu; maka baginda sendiri mengena akan pakaian itu pada Tun Tuah. Maka Tun Tuah pun sujud kepala-nya lalu ka-bawah peterana itu. Maka sembah Tun Tuah, "Daulat tuanku shah alam, baik-lah tuan puteri itu di-suroh sambut dengan perentah, kerana ia pun jika di-bilang2 anak raja juga asal-nya, Bendahara Seri Buana itu." Maka baginda pun memberi titah kapada Bendahara Paduka Raja, "Ayo mamak Bendahara, segera-lah berlengkap segala perhiasan akan menyambut akan Tun Teja itu dan kerahkan segala pegawai dan petuanan dan bini orang kaya2 pergi menyambut Teja itu."

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

Maka Bendahara pun menyembah lalu dudok di-balai gendang mengimpunkan segala pegawai dan petuanan berlengkap anak bini-nya akan pergi menyambut Tun Teja itu. Maka Bendahara Paduka Raja pun menghiasi gajah kenaikan Tun Teja itu dan menghiasi perahu akan menaikan Tun Teja itu. Sa-telah lengkap maka Bendahara pun masok berdatang sembah, "Ya tuanku shah alam, segala kelengkapan itu sudah patek lengkapi; mana titah patek junjong." Maka titah raja, "Ada pun yang kita tahukan itu Tun Tuah-lah; kemudian dari itu, Tun Ratna Diraja dan Tun Bija Sura-lah dengan segala pegawai dan petuanan mengiringkan. Ada pun pekerjaan itu kita serahkan kapada mamak Bendahara dan Tun Tuah." Sa-telah Bendahara dan Tun Tuah menengar titah raja demikian itu, maka Bendahara pun menyembah lalu keluar dudok di-balai gendang. Maka Bendahara pun menyurohkan Hang Tuah dan Tun Ratna Diraja dan Tun Bija Sura pergi menyambut Tun Teja.

Ada pun tatkala Hang Tuah mengikat diri-nya itu maka kata Tun Teja pada inangda, "Pada bichara kita Tun Tuah itu entah datang entah tiada, kerana Tun Tuah itu orang berdosa." Maka kata inangda, "Jangan tuan puteri berkata demikian, kerana Tun Tuah itu orang bijaksana; datang juga ia sekarang." Maka sahut segala dayang2 itu, "Ya, tuanku, kita ini saperti orang berenang di-tengah laut, maka bertemu dengan sa-ekor naga; maka hendak berpegang pada naga itu takut di-telan-nya, hendak kita tiada berpegang pada naga itu, lemas. Akan kita sa-kali pun demikian-lah." Maka sembah Dang Dara Chita Hati, "Ya, tuanku, patek tidor sa-malam ini bermimpi patek lihat bulan jatoh ka-ribaan tuan puteri, bulan itu, lalu di-santap. Maka patek lihat segala tuboh tuanku itu berchahaya." Maka sembah inangda, "Ya, tuan puteri, jika saperti mimpi Dara Chita itu terlalu sa-kali baik padah-nya, tetapi sabar juga dahulu kerana Tun Tuah orang tahu pada ilmu dan bijaksana; masakan ia tiada datang. Ada pun akan raja Melaka itu membunoh Tun Tuah itu sa-kali2 tiada di-peroleh dengan mudah-nya ia mati, kerana Tun Tuah orang berani lagi hulubalang besar. Sahaja ia berkechil diri-nya, dan nama-nya yang benar itu: tiada-kah Laksamana di-sebut orang pada tanah Jawa?"

Dalam berkata2 itu maka di-lihat oleh Tun Teja dan inangda dan segala dayang2 perahu banyak datang dengan segala bunyi2an terlalu ramai. Maka perahu kenaikan Tun Teja pun sampai-lah ka-jong. Maka oleh Tun Tuah perahu itu di-buboh-nya tirai kelambu yang keemasan. Maka Tun Tuah pun naik ka-atas jong itu menyambut Tun Teja. Maka kata Tun Teja pada bini-

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

nya segala pegawai dan perluanan yang datang itu, "Hendak ka-mana tuan2 sakalian ini?" Maka kata segala tuan2 itu, "Patek ini di-titahkan oleh paduka kakanda Duli Yang Di-Pertuan Melaka menyambut tuan puteri naik ka-istana." Sa-telah Tun Teja mendengar kata tuan2 itu, maka Tun Teja pun menangis dan dukachita hati-nya. Maka kata Tun Teja, "Kita datang ini bukan kita hendak bersuamikan raja Melaka. Yang suami kita Tun Tuah juga, kita datang dari Inderapura itu. Jika mati pun redha-lah; yang jadi isteri raja Melaka itu mohon-lah kita."

Sa-telah Tun Tuah melihat kelakuan Tun Teja itu, maka Tun Tuah pun fikir di-dalam hati-nya: 'Ada pun jika sa-laku ini juga kelakuan Tun Teja ini, neschaya gila-lah akan aku. Jika demikian, baik-lah ku-perbuat suatu hikmat pembenchi.' Sa-telah sudah Tun Tuah fikir demikian itu, maka Tun Tuah pun membacha pustaka-nya, lalu di-tiupkan-nya ka-dalam kurong itu. Maka Tun Teja pun benchi-lah hati-nya akan Tun Tuah dan jangankan melihat rupa-nya, menengar suara-nya pun benchi serta menutup akan telinga-nya.

Maka Tun Teja pun turun-lah dari joong itu naik ka-perahu yang di-hiasi oleh Tun Tuah itu. Maka Tun Teja pun dudok di-atas peterana di-hadap oleh bini segala pegawai dan perluanan dan segala perwara-nya. Maka payong iram biru pun terkembang-lah, terlalu ramai segala orang Melaka daripada laki2 dan perempuan melihat Tun Teja di-sambut itu saperti laku orang berarak. Maka segala orang Melaka pun berlarian melihat Tun Teja di-sambut itu: segala orang berkedai tinggalkan kedai-nya, segala yang berjual tinggalkan jualan-nya, sakalian berlaki tinggalkan laki-nya, yang beranak tinggalkan anak-nya, ter-banyak pula yang terdada berlari2, susu-nya itu pun jadi tarek terayun2, datang dengan lelah-nya serta terchengang2. Dang Puasa pun baharu hendak tidor dengan laki-nya, berlari2 pergi melihat; bahafu sampai tengah jalan maka bertemu dengan kendak-nya, maka ia pun singgah. Maka Tun Teja dan segala dayang2 itu pun tertawa2 gelak2, suka melihat orang berkelahi itu. Dengan demikian maka Tun Teja pun berarak-lah masok ka-dalam istana.

Sa-telah raja melihat rupa Tun Teja itu maka baginda pun lupa-lah akan diri-nya sa-ketika. Sa-telah ingat-lah daripada lupa itu, maka baginda pun memberi titah kapada Bendahara menyuroh akan berbuat istana akan Tun Teja dan balai tempat Tun Teja. Sa-telah sudah istana dan balai itu maka baginda pun naik-lah dengan Tun Teja. Sa-telah sudah, lalu nikah. Sa-telah sudah nikah maka raja pun terlalu amat kaseh akan Tun Teja.

• • •

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

Sa-kali persetua raja Melaka dudok di-pengadapan di-adap oleh segala pegawai dan petuanan. Maka raja pun bertitah, "Ayo, mamak Bendahara; kita hendak anugerah nama akan Tun Tuah itu, kerana ia banyak kebaktian-nya pada kita dengan tegoh setia-nya." Maka sembah Bendahara, "Daulat tuanku, sa-benar-nya-lah patek itu di-anugerah nama." Maka titah raja, "Hai Hang Tuah, kita anugerahi nama 'Laksamana' dan dudok-mu di-atas segala hulubalang." Maka sembah Tun Tuah, "Daulat tuanku shah alam, kurnia duli shah alam di-atas kepala patek menanggong dia, tetapi patek mohonkan yang dato' inangda itu, jikalau ada kurnia, hendak-lah di-kurnia nama akan dia supaya ayer muka patek berseri2 dan mashhor-lah nama patek di-tanah Inderapura itu." Sa-telah raja mendengar sembah Laksamana demikian itu, maka dengan sa-ketika itu juga inangda di-suroh panggil. Maka inangda pun segera datang mengadap. Maka titah raja, "Hai inangda, engkau aku kurnia nama 'Paduka Maha Dewi' dan di-kurnia hamba akan dia laki2 dan perempuan sa-ratus orang dan di-anugerahi emas dan perak berpuloh2 kati dan akan Laksamana pun di-anugerahi anak sungai tiga buah.

Maka Laksamana pun terlalu karib kapada raja, keluar masok tiada berpintu lagi. Maka segala pegawai dan petuanan pun dengki akan Laksamana. Maka kata segala pegawai dan petuanan sama sendiri-nya, "Ada pun Hang Tuah ini sedang belum bergelar Laksamana lagi ia melihat kita mudah. Sekarang pula ia sudah bergelar Laksamana dan berjasa membawa Tun Teja itu, di-kurnia nama Laksamana itu, di-anugerahi anak sungai tiga buah itu, alang-kah kurnia. Duli Yang Di-Pertuan akan Si-Tuah itu? Tetapi Pateh Gajah Mada juga yang membunoh Si-Tuah itu." Maka kata sa-orang pula, "Sabar juga dahulu. Kita sakalian lihat tunangan Tun Teja anak Megat Terengganu yang bernama Megat Panji Alam itu, kerana ia pun raja besar juga; masakan ia mau berdiam diri-nya, kerana tunangan-nya di-ambil orang itu."

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

BAB XI

AL-KESAH maka tersebut-lah perkataan Megat Terengganu. Sa-telah di-dengar baginda dalam surat yang di-bawa oleh Sang Perdana dan Sang Sura itu, maka Megat Panji Alam pun terlalu amarah saperti api bernyala2, serta kata-nya, "Cheh! Si-Tuah itu hendak menunjokkan laki2-nya kapada-ku? Tetapi Si-Tuah itu bukan padan-ku; padan-ku raja Melaka juga. Ada pun pertikaman-ku yang empat ribu ini ku-amok di-dalam negeri Melaka itu sa-jam lama-nya; shahadan gajah-ku yang bernama Shah Kertas yang gila makan minyak ini ku-randongkan pada balairong raja Melaka yang tujoh belas ruang itu. Jikalau tiada ku-perbuat demikian saperti chakap ini, bukan-lah anak raja Terengganu."

Sa-telah sudah ia berkata2 demikian itu, maka Megat Panji Alam pun mengerahkan ra'ayat empat ribu pertikaman itu. Sa-telah berhimpun-lah maka orang empat ribu itu pun di-jamu-nya makan minum dengan segala bunyi2an dan di-beri-nya persalin masing2 pada layak-nya. Maka orang empat ribu itu pun berchakap-lah. Maka Megat Panji Alam pun berlengkap alat perang dengan segala bunyi2an. Sa-telah sudah lengkap maka Megat Panji Alam pun memakai pakaian takhta kerajaan sa-lengkap-nya dan memakai keris panjang-nya perbuatan Minangkabau empat jengkal dan memakai pendua berulukan bawang sa-bongkol di-tatah dengan permata merah. Sa-telah sudah ia memakai, maka ia pun naik gajah yang bernama Shah Kertas itu lalu ia mengadap ayah-nya raja Terengganu.

Sa-telah datang ka-balai gendang, maka Megat Panji Alam pun turun dari atas gajah-nya lalu berjalan masok di-iringkan oleh segala hulubalang. Sa-telah sampai ka-balairong, maka di-lihat oleh baginda anakanda baginda datang itu, maka titah raja, "Mari tuan dudok dekat ayahanda; rindu-nya ayahanda akan tuan." Maka Megat Panji Alam pun naik dudok dekat, seraya menyembah. Maka sembah Tun Megat, "Ya tuanku, patek datang mengadap Duli Yang

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

Di-Pertuan ini hendak bermohon ka-bawah Duli Yang Di-Pertuan hendak pergi ka-Melaka, kerana raja Melaka itu menunjokkan laki2-nya kapada patek. Apa-tah guna-nya patek hidup menanggong malu sama anak raja2 dan tewas? Baik-lah patek mati. Apa-tah tewas patek akan Sang Maniaka itu pada barang main-nya sa-kali pun? Ada pun yang orang patek yang empat ribu pertikaman itu, insha' Allah Ta'ala, patek amokkan di-dalam negeri Melaka itu sa-jam lama-nya dan gajah patek yang bernama Shah Kertas yang gila makan minyak itu patek randongkan pada balairong raja Melaka yang tujoh belas ruang itu. Jika tiada patek perbuat saperti chakap patek ini, bukan-lah anak raja Terengganu! Patek bermohon-lah hendak berjalan ka-Inderapura.

Sa-telah raja menengar sembah anakanda baginda demikian itu, maka baginda pun terkejut, serta bertitah, "Jangan-lah tuan pergi. Biar-lah ayahanda pinangkan anak raja lain mana yang berkenan pada tuan." Maka sembah Megat Panji Alam, "Patek mohonkan ampun dan kurnia; jikalau lepas pun patek pergi, jikalau tiada lepas pun patek pergi juga. Esok hari-lah patek berjalan." Sa-telah raja menengar sembah anakanda baginda demikian itu, maka raja pun segera menyuroh membuka gedong emas dan perak dan kain dan segala pakaian yang mulia2 dan senjata alat perang sakalian di-anugerahkan pada anakanda baginda dan orang yang empat ribu itu pun di-anugerahi.

Sa-telah sudah maka Megat Panji Alam pun bermohon-lah pada ayah-nya dan bonda-nya, lalu berjalan berhimpun pada suatu tempat. Maka Tun Megat pun memileh orang-nya enam ribu, empat ribu pertikaman dan dua ribu yang membawa bekal. Sa-telah sudah maka Megat Panji Alam pun berjamu segala hulubalang-nya makan minum dengan segala bunyi2an. Maka segala hulubalang Tun Megat pun berchakap-lah, kata-nya, "Cheh! Senda-lah berchakap mengamok di-dalam kampong Bendahara Paduka Raja." Maka sembah sa-orang lagi, "Cheh! Senda-lah yang berchakap mengamok di-dalam kampong Seri Maharaja Lela." Maka segala chakap hulubalang itu pun semua-nya di-dengar oleh Tun Megat. Maka kata Megat Panji Alam, "Ada pun yang chakap tuan2 itu sa-telah sudah-lah, tetapi kampong Laksamana itu siapa berchakap mengamok dia?" Maka tatkala itu sa-orang pun tiada menyahut dia. Maka Megat Kembar Ali itu saudara pada Megat Panji Alam — ia pun menyahut, seraya memekis, kata-nya, "Cheh! Aku-lah yang mengamok pada kampong Laksamana itu. Mengapa pula bagitu?" Sa-telah Megat Panji Alam menengar chakap Megat Kembar Ali demikian itu, maka Megat Panji Alam pun menyuroh khatib melihat surat: "Berapa haribulan baik kita berjalan?" Maka khatib pun melihat surat. Maka sembah khatib itu, "Ya tuanku, jikalau hen-

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

dak berperang itu pada sembilan haribulan Jamadi'l-awal pada hari Ahad pada ketika asar baik berjalan; ular alah oleh katak. Dua hari lagi."

Sa-telah Tun Megat menengar kata khatib demikian itu, maka Tun Megat pun dudok-lah makan minum bersuka2an dengan segala ra'ayat-nya. Sa-telah datang pada sembilan haribulan Jamadi'l-awal, pada hari Ahad, pada tengah tapak bayang2, maka Megat Panji Alam pun naik-lah ka-atas gajah-nya yang bernama Shah Kertas itu. Maka genderang arak2an pun di-palu orang-lah terlalu amat gempita bunyi-nya. Maka Megat Panji Alam pun berjalan-lah menuju Inderapura.

• • •

Berapa antara-nya berjalan itu maka Megat Panji 'Alam pun sampai-lah ka-Inderapura. Maka Megat Panji Alam pun berhenti di-seberang Inderapura itu. Maka di-persembahkan orang-lah pada raja Inderapura, "Ya tuanku shah alam, Megat Panji Alam sudah datang. Ia berhenti di-seberang Inderapura." Sa-telah raja menengar sembah orang itu, maka raja pun menyuroh memanggil Bendahara dan segala pegawai. Maka Bendahara pun segera datang.

Maka titah raja, "Hai Bendahara, akan sekarang Megat Panji Alam konon datang. Apa bichara kita, kerana Megat Panji Alam datang itu hendak menyerang Inderapura juga?" Maka sembah Bendahara, "Pada bichara patek, Tun Megat itu hendak menyerang Inderapura ini, apa-tah kita hebatkan? Jika sa-kadar Megat Terengganu ini, angkat dengan gunong-nya atau padang-nya sa-kali pun tiada patek hebatkan, tetapi yang kita beringat itu apa-tah salah-nya?" Sa-telah raja menengar sembah Bendahara demikian itu, maka raja pun baharu-lah hati-nya tetap sadikit.

Dalam berkata2 itu Megat Kembar Ali pun datang di-suroh oleh Megat Panji Alam mengadap raja Inderapura itu memberitahu akan raja, Megat Panji Alam esok hari hendak mengadap dengan perentah. Sa-telah raja melihat Megat Kembar Ali datang itu, maka segera di-tegor-nya oleh raja, "Silakan-lah Megat dudok." Maka Megat Kembar Ali pun menyembah lalu dudok bertimbalan dengan Bendahara. Maka sembah Megat Kembar Ali, "Ya tuanku shah alam; patek itu, Megat Panji Alam, empunya sembah ka-bawah duli shah alam; patek itu esok hari hendak naik mengadap duli shah alam. Patek itu hendak memakai perentah Megat saperti adat raja2 mengadap." Maka raja pun bretitah, "Baik-lah; yang mana adat segala orang tua2 yang dahulu-kala itu tiada kita ubahkan, kerana Tun Megat pun anak kapada kita."

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

Sa-telah Megat Kembar Ali menengar titah demikian itu, maka Megat Kembar Ali pun bermohon-lah kembali kapada Megat Panji Alam. Maka segala titah raja sakalian-nya di-persembahkan-nya pada Tun Megat Panji Alam. Sa-telah Megat Panji Alam menengar kata demikian, kata Megat Kembar Ali itu, maka ia pun berdiam-lah di-seberang Inderapura itu.

Sa-telah sudah Megat Kembar Ali kembali itu maka titah raja, "Hai Bendahara, apa perentah yang di-pakai oleh anak raja itu?" Maka sembah Bendahara, "Ya tuanku, ada patek dengar daripada orang tua2, adat anak raja Terengganu itu, apabila ia datang ka-Inderapura ini, jikalau ia memakai tiada larangan dan membunoh tiada bertanya; dudok-nya bertimbalan dengan raja muda. Datang mengadap itu pun berarak dengan gendang arak2an." Sa-telah raja menengar sembah Bendahara itu, maka titah raja, "Baik-lah; Bendahara segera berlengkap mengerahkan segala ra'ayat dan segala pegawai kita suroh memakai keris panjang dan pendua dan suroh memakai pakaian yang indah2, sa-orang pun jangan tiada beralat dan bersikap dan sa-genap kampong suroh beringat." Sa-telah Bendahara menengar titah raja demikian itu, maka Bendahara pun menyembah, lalu keluar dudok di-balai gendang mengerahkan segala pegawai berlengkap dan mengerahkan orang-nya dan sakai-nya berlengkap. Sa-telah sudah, Bendahara pun kembali kapada rumah-nya.

Sa-telah keesokan hari-nya maka Megat Panji Alam pun memakai segala pakaian kerajaan yang indah2 dan mengenakan pakaian gajah-nya yang bernama Shah Kertas itu. Sa-telah sudah memakai, Megat Panji Alam pun naik-lah ka-atas gajah; maka terkembang-lah payong iram biru berapit. Maka gendang arak2an pun di-palu orang-lah terlalu ramai. Maka Megat Terengganu pun berarak-lah masok ka-Inderapura. Maka segala orang Inderapura daripada laki2 dan perempuan sakalian-nya datang melihat Megat Terengganu berarak itu. Maka Megat Panji Alam pun sampai-lah ka-balai gendang. Maka Tun Megat pun turun dari atas gajah-nya lalu berjalan ka-dalam pagar, di-iringkan oleh segala megat2 dan petuanan.

Sa-telah raja Inderapura melihat Megat Terengganu datang itu maka raja pun berdiri memberi hormat, sambil berkata, "Silakan anak-ku dudok." Megat Terengganu pun dudok bertimbalan dengan raja muda dan Bendahara. Maka segala pegawai dan petuanan pun berator-lah dudok masing2 dengan ingat-nya. Sa-telah sudah maka hidangan pun di-angkat orang-lah. Maka raja pun santap sa-orang dan Megat dan raja muda dan Bendahara makan sa-hidangan. Maka segala pegawai dan petuanan pun makan-lah masing2 pada hidangan-nya. Sa-telah sudah makan minuman pula datang dengan tambul pelbagai2 rupa-

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

nya dan rasa-nya. Maka piala yang bertatahkan ratna mutu ma'nikam itu pun di-peredarkan orang-lah pada segala pegawai dan petuanan; maka minum-lah. Maka Megat Terengganu dan di-anggap oleh raja muda. Maka Megat Panji Alam pun minum-lah dua tiga piala. Maka Megat Terengganu pun berasa khayal-lah; maka ia memegang ulu keris panjang-nya dan menyelak penduanya lalu memekis, kata-nya, "Cheh! Sang Maniaka itu hendak menunjokkan laki2-nya kapada aku. Jika sampai aku ka-Melaka, yang pertikaman aku empat ribu orang ini ku-amokkan di-dalam negeri Melaka itu sa-jam lama-nya dan gajah-ku yang bernama Shah Kertas yang gila makan minyak ini ku-randongkan pada balairong raja Melaka yang tujoh belas ruang itu. Jika tiada kuperbuat saperti chakap-ku ini, bukan-lah anak raja Terengganu." Sa-telah dilihat raja Megat Terengganu itu mabok, maka titah raja, "Ya anak-ku, sabar dahulu, kerana raja Melaka itu pun tiada tahu akan pekerjaan Hang Tuah ini. Baginda hendak membunoh juga Hang Tuah itu; sebab itu-lah ia menchari jasa kapada raja Melaka supaya beroleh kembali." Maka kata Tun Megat, "Oleh di-sukakan oleh raja Melaka si-Tuah itu maka di-gelar Laksamana!" Maka titah raja, "Jika saperti kata anak-ku itu tiada-lah ayahanda tahu. Mana bichara Tun Megat-lah."

Maka orang minum itu pun berhenti-lah. Maka Megat Terengganu pun bermohon-lah pada raja Inderapura lalu pulang berarak kembali ka-tempat-nya singgah itu makan minum.

• • •

Al-kesah maka tersebut-lah perkataan raja Melaka. Ada sa-orang orang di-Melaka, orang Bendahara Paduka Raja, datang dari Inderapura; maka ia mengadap Bendahara Paduka Raja. Maka kata Bendahara, "Dari mana tuan-hamba datang?" Maka sembah orang itu, "Ya tuanku, sahaya datang dari Inderapura;" maka ia pun persembahkan peri Megat Terengganu hendak menyerang Melaka dan peri Megat Terengganu berchakap itu dan peri di-jamu oleh raja Inderapura itu.

Sa-telah Bendahara menengar sembah orang itu, maka Bendahara pun segera masok mengadap raja. Sa-telah raja melihat Bendahara datang gopoh2 itu maka titah raja, "Apa pekerjaan Bendahara datang gopoh ini?" Maka sembah Bendahara, "Daulat tuanku shah alam, patek menengar khabar orang dari Inderapura datang mengatakan Megat Terengganu itu sekarang sudah datang; lagi berhenti di-Inderapura di-perjamu oleh raja Inderapura. Pada bulan ini-

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

lah ia datang." Sa-telah raja menengar sembah Bendahara demikian itu, maka baginda pun terkejut serta bertitah, "Ayo, mamak Bendahara, siapa membawa khabar ini?" Maka sembah Bendahara, "Orang yang membawa khabar ini orang patek, nama-nya Hang Dolah; orang baik juga, tuanku; patut-lah di-dengar kata-nya. Kerana Hang Dolah itu baharu juga ia datang dari Inderapura itu. Ada pun akan kata Megat itu: 'Orang-ku empat ribu pertikaman ini ku-amokkan di-dalam negeri Melaka sa-jam lama-nya dan gajah-ku yang bernama Shah Kertas yang gila makan minyak ini ku-randongkan pada balairong raja Melaka yang tujoh belas ruang itu. Jikalau tiada ku-perbuat saperti chakap-ku ini, bukan-lah aku anak raja Terengganu.' Sa-telah raja menengar sembah Bendahara demikian itu, raja pun terkejut, seraya bertitah, "Jika demikian, apa-tah bichara mamak Bendahara?" Maka sembah Bendahara, "Apa-tah bichara paduka shah alam? Jika demikian, baik kita suroh sulor ka-Inderapura itu." Maka titah raja, "Mana benar pada mamak Bendahara-lah."

Maka titah raja pada biduanda, "Pergi memanggil Laksamana." Biduanda itu pun segera pergi memanggil Laksamana; Laksamana pun segera datang mengadap raja. Maka titah raja, "Hai Laksamana, sekarang apa bichara Laksamana akan Megat Terengganu itu? Sekarang ia telah datang-lah ka-Inderapura itu membawa ra'ayat yang pertikaman juga empat ribu dan membawa gajah perang yang bernama Shah Kertas. Akan chakap Megat Terengganu itu di-hadapan raja Inderapura itu: 'Ada pun jikalau patek sampai ka-Melaka, orang patek yang empat ribu pertikaman ini patek amok dalam negeri Melaka itu sa-jam lama-nya dan gajah patek yang bernama Shah Kertas yang gila makan minyak ini patek randongkan pada balairong raja Melaka itu. Jikalau tiada patek perbuat saperti chakap patek ini, bukan-lah patek anak raja Terengganu.'"

Sa-telah Laksamana mendengar titah raja demikian itu, maka Laksamana pun terlalu amarah saperti singa akan menerkam laku-nya. Maka Laksamana pun menyembah serta menyingsing tangan baju-nya, lalu memekis, kata-nya, "Cheh, Megat Panji Alam! Insha' Allah Ta'ala, ku-penggal leher-mu di-atas balairong raja Inderapura. Jika sa-lagi ada hayat Si-Tuah di-bawah duli tuan-nya, bahawa sa-kali2 Megat Terengganu tiada aku beri berjijak di-tanah Melaka ini. Jangankan ia mengamok, melihat kota Melaka pun tiada ku-beri! Tetapi pekerjaan Megat Panji Alam itu di-atas patek-lah mengerjakan dia, walakin patek mohonkan ampun dan kurnia ka-bawah duli, patek hendak ka-Inderapura supaya patek persudahkan pekerjaan Megat Panji Alam itu di-Inderapura juga." Sa-telah raja menengar chakap Laksamana demikian itu,

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

maka raja pun tetap-lah hati baginda dan sukachita. Maka raja pun memberi persalin akan Laksamana di-anugerahi emas dua kati.

Maka sembah Laksamana, "Patek pohonkan Tun Jebat, Tun Kasturi, akan jejenang, kerana pergi patek ini jalan laut; lagi pun supaya segera patek bertemu dengan Megat Panji Alam itu di-Inderapura. Pada bichara patek, jalan darat pun baik juga Duli Yang Di-Pertuan menitahkan pegawai yang bertentu dan ra'ayat barang dua tiga ribu pertikaman menanti di-jalan darat, kalau Megat Panji Alam itu tiada bertemu dengan patek, kalau ia sudah berjalan." Sa-telah raja menengar sembah Laksamana demikian itu, maka titah raja, demikian: "Tun Utama kita titahkan jadi panglima tua dan Tun Bija Sura jadi panglima muda, Tun Lekir jadi jejenang, Tun Lekiu jadi jejenang muda dan tiga ribu orang yang pertikaman serta-nya."

Sa-telah sudah raja bertitah demikian itu, maka Laksamana dan Hang Jebat, Hang Kasturi pun menjunjong duli, lalu bermohon keluar berjalan naik akan perahu yang bernama Mendam Berahi itu lalu berdayong ka-kuala. Sa-telah datang ka-kuala, maka Mendam Berahi pun belayar-lah terlalu laju seperti burong terbang. Berapa hari-nya belayar itu maka sampai-lah ka-Pulau Tinggi. Maka Laksamana pun singgah mengambil ayer dan kayu. Sa-telah sudah maka Laksamana pun berlaboh-lah.

Maka Tun Utama dan Tun Bija Sura, Hang Lekir, Hang Lekiu pun di-persalin oleh raja pakaian sa-lengkap-nya dan di-lengkapi orang tiga ribu pertikaman. Sa-telah sudah maka keempat-nya pun menjunjong duli lalu berjalan ka-hulu Melaka. Hatta berapa lama-nya berjalan itu sampai-lah.

• • •

Sa-bermula Laksamana belayar itu, sa-telah sampai-lah kapada Pulau Tinggi itu, maka Laksamana pun bertanya kapada orang Pulau Tinggi itu akan khabar Megat Terengganu itu, ada-kah ia di-Inderapura lagi. Maka kata orang Pulau Tinggi itu, "Ada pun Megat Terengganu itu ada lagi ia di-Inderapura; lagi ia bersuka2an dengan raja Inderapura. Khabar-nya pada sembilan haribulan Jamadi'l-awal, pada hari Ahad, Megat Terengganu akan berjalan ka-Melaka."

Sa-telah Laksamana menengar kata orang Pulau Tinggi itu demikian, maka Laksamana pun segera belayar menuju Inderapura. Berapa puloh hari belayar itu maka sampai-lah ka-Inderapura. Maka Mendam Berahi pun berdayong mudek dengan segala bunyi2an terlalu ramai. Maka segala orang itu pun daripada laki2 dan perempuan datang-lah melihat Laksamana berarak

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

mudek itu. Maka Laksamana pun sampai-lah ka-Inderapura. Maka Laksamana pun berlaboh di-pengkalan Bendahara Seri Buana.

Maka khabar Laksamana datang itu pun terdengar kapada Megat Terengganu; tetapi Megat Terengganu orang berhenti, tiada di-endahkan Laksamana datang itu. Maka terdengar-lah kapada raja Laksamana datang itu. Maka raja pun beringat.

Maka Laksamana pun meshuarat dengan Hang Jebat, Hang Kasturi. Maka kata Laksamana, "Insha' Allah Ta'ala, esok hari-lah kita naik mengadap, kita bertanyakan khabar Megat Terengganu itu kapada raja Inderapura." Maka kata Hang Jebat, "Benar-lah; esok kita masok mengadap; pada tujoh tapak bayang2 geroda alah oleh ular."

Harta sa-telah keesok hari-nya maka Laksamana dan Hang Jebat, Hang Kasturi pun memakai pakaian yang indah2 dan ketiga-nya memakai keris panjang dan berpendua. Maka di-pileh oleh Laksamana empat puloh orang baik2, maka di-beri-nya memakai keris pandak dua bilah pada sa-orang. Sa-telah sudah lengkap, maka Laksamana dan Hang Jebat, Hang Kasturi pun naik-lah pergi mengadap raja Inderapura.

Tatkala itu raja pun sedang ramai di-adap orang masing2 dengan ingat-nya belaka. Maka Laksamana pun sampai-lah ka-balai gendang. Maka Laksamana pun berhenti di-balai gendang. Maka biduanda kechil pun keluar membawa titah menyuroh akan Laksamana masok. Maka Laksamana pun masok-lah sama2 dengan biduanda kechil itu. Sa-telah raja melihat Laksamana datang, maka raja pun gemar hati-nya memandang sikap dan kelakuan Laksamana itu, saperti akan berjalan akan tiada; patut Laksamana berkeris panjang itu. Maka titah raja, "Silakan Laksamana." Maka Laksamana pun menyembah, seraya berkata, "Daulat tuanku," seraya berjalan naik ka-balairong itu. Maka balairong itu pun bergonchang saperti di-tiup angin. Maka Laksamana pun dudok bertimbalan dengan Seri Maharaja Lela. Maka Hang Jebat, Hang Kasturi pun dudok menyamar.

Sa-telah Laksamana sudah dudok, maka titah raja, "Apa pekerjaan Laksamana di-titahkan oleh Duli Yang Di-Pertuan Melaka." Maka sembah Laksamana, "Daulat tuanku, patek datang ini di-titahkan oleh paduka kakanda melihat Megat itu singgah di-Inderapura ini. Patek mohonkan ampun dan kurnia, sunggoh-kah Megat Terengganu itu hendak bermain2 ka-Melaka?" Maka kata raja Inderapura, "Sunggoh Megat Terengganu itu hendak menyerang Melaka. Sekarang Megat Terengganu itu ada di-Inderapura ini; pada tujoh belas hari-bulan Jamadi'l-awal akan berjalan ka-Melaka." Maka sembah Laksamana,

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

"Ya tuanku, jika ada kurnia Duli Yang Di-Pertuan akan patek, di-pertemukan apa-lah dengan Megat Terengganu itu; patek hendak melihat rupa-nya dan sikap-nya." Maka titah raja, "Baik-lah, jika Laksamana hendak bertemu dengan Megat itu dua hari lagi ia naik mengadap kita; ia hendak bermohon pada kita ia hendak berjalan ka-Melaka." Maka sembah Laksamana, "Baik-lah, dua hari lagi patek mengadap Duli Yang Di-Pertuan." Maka Laksamana pun bermohon-lah lalu kembali ka-perahu-nya.

Maka khabar Laksamana datang itu pun terdengar-lah pada orang banyak; bahawa Laksamana datang itu hendak mengenai Megat Terengganu itu mashhor-lah sa-genap kampong orang Inderapura itu. Maka kata itu pun terdengar-lah kapada Megat Terengganu yang bernama Megat Kembar Ali itu. Maka kata Megat Kembar Ali pada Megat Panji Alam, "Ya Tun Megat, pada bichara hati senda, baik juga Tun Megat beringat dan memakai alat perentah akan perang, kerana Laksamana datang ini di-titahkan oleh raja Melaka bunoh Tun Megat Panji Alam." Menengar kata Megat Kembar Ali demikian itu, maka Megat Panji Alam pun tertawa, seraya menyingsing tangan baju-nya, kata-nya, "Cheh, Laksamana dengan sa-buah dendang itu, esok hari ku-suroh langgar pada orang-ku empat ribu juga! Tetapi esok hari aku hendak mengadap raja Inderapura. Jika bertemu dengan Laksamana itu, di-hadapan raja Inderapura kelak ku-tampar muka-nya!" Maka sahut Megat Kembar Ali, "Jangan Tun Megat berkata demikian, kerana pada zaman ini Laksamana itu hulubalang besar pada tanah Melaka dan tanah Majapahit, mashhor nama-nya; masakan ia mau menanggong malu? Tetapi jika Tun Megat satu2 peri, masakan beta tumangkan; sa-hingga si-Kembar Ali mati sudah-lah. Tetapi baik juga Tun Megat beringat." Maka kata Megat Panji Alam, "Ada pun yang adinda mengingatkan senda itu, sa-benar-nya-lah, tetapi masakan ia lebeh daripada senda. Adinda lihat-lah pertemuan beta dengan Hang Tuah itu."

Maka Megat Panji Alam pun menyurohkan orang-nya memalu bunyi2an. Maka gendang perang pun di-palu orang-lah. Maka Megat Terengganu pun mengambil lembing perisai-nya lalu turun ka-tanah, serta memekis, kata-nya, "Cheh, raja Melaka! Mati engkau oleh-ku!" serta Megat Terengganu melompat saperti rajawali tangkas-nya bermain lembing dan perisai itu terlalu hebat laku-nya dan sikap-nya saperti singa yang galak laku-nya itu, tiada membilangkan lawan-nya. Sa-telah dua tiga langkah Megat Terengganu bermain lembing perisai itu, Megat Terengganu pun memekis, lalu di-champakkan-nya perisai-nya ka-bumi, kata-nya, "Cheh! Mengapa pula maka bagitu?" Maka di-lambongkan-nya lembing pada tangan-nya itu ka-udara, maka segera Megat

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

Terengganu menahankan dada-nya; maka lembing itu pun jatoh ka-dada Megat Terengganu terpelanting ka-bumi. Maka segera di-ambil pula lembing itu oleh Megat Terengganu lalu di-lambongkan ka-udara; maka Megat Terengganu pun menahan belakang-nya pula. Maka lembing itu pun jatoh ka-belakang Megat Terengganu, tiada lut, terpelanting ka-bumi. Maka Megat Terengganu pun memekis serta menghunus keris panjang-nya yang empat jengkal itu, maka Megat Terengganu pun melompat ka-kiri dan ka-kanan bermain keris panjang-nya itu, terlalu baik sikap-nya. Sa-telah sudah bermain keris lembing itu maka Megat Panji Alam pun dudok-lah makan minum bersuka2an dengan segala bunyi2an.

Maka kedengaran-lah bunyi2an Megat Terengganu itu akan Laksamana; Laksamana pun menyuroh memalu gendang perang dan di-palu paluan saperti adat panglima. Maka Laksamana pun meshuarat dengan Hang Jebat, Hang Kasturi, "Sekarang apa bichara kita akan pekerjaan ini, kerana kita sudah berchakap ka-bawah Duli Yang Di-Pertuan? Sekarang kita pun di-pertemukan Allah dengan Megat Terengganu itu." Maka kata Hang Jebat, Hang Kasturi itu, "Apa-tah bichara orangkaya supaya senda kedua kerjakan? Jikalau dengan sabda orangkaya panglima, esok hari-lah Megat Terengganu itu senda tikam di-atas balairong raja Inderapura itu." Sa-telah Laksamana menengar kata Hang Jebat dan Hang Kasturi demikian itu, maka sahut Laksamana, "Sabar dahulu. Kita jangan tikam di-atas balairong raja Inderapura itu; sa-olah2 di-kata orang kita tiada tahu bahasa, kerana baginda pun tiada serta dengan Megat Terengganu itu. Tatkala ia melangkah pintu hendak masok atau sedang hendak naik tangga balairong, kita tikam. Tetapi esok hari-lah kita mengadap. Jikalau kita bertemu dengan Megat Terengganu itu di-jalan, tatkala itu-lah hamba berhadapan dengan Megat Terengganu itu sama sa-orang; lihat-lah pertemuan hamba dengan Megat itu." Maka sahut Hang Jebat dan Hang Kasturi, "Jangan orangkaya hulubalang berkata demikian, kerana orangkaya hulubalang besar pada zaman ini. Baik, jika satu2 peri, di-kata orang: 'Lihat-lah Laksamana itu hendak berbuat kebaktian sa-orang2 ka-bawah Duli Yang Di-Pertuan. Bukan-kah ada lagi Hang Jebat, Hang Kasturi dapat di-surohkan? Kerana pekerjaan ini bukan sukar sangat. Pada hati hamba kedua, akan guna2 di-perhamba kedua di-titahkan oleh Duli Yang Di-Pertuan mengiringkan orangkaya panglima itu mau-lah beroleh nama yang baik.' Sa-telah Laksamana menengar kata Hang Jebat, Hang Kasturi itu, maka kata Laksamana, "Benar-lah saperti bichara Tun Jebat itu; pada bichara hamba pun demikian. Hendak-lah orang yang di-titahkan oleh tuan-nya itu pada barang sa-suatu pekerjaan

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

hendak-lah kita muafakat, tetapi jika hamba bertemu dengan Megat Terengganu itu di-jalan bahagian hamba-lah menikam dia."

Maka pada malam itu juga Laksamana pun berjaga membacha pustaka-nya; maka Hang Jebat, Hang Kasturi pun beramal berdiri kaki tunggal datang siang. Sa-telah hari siang maka Laksamana pun berlengkap di-atas ghali-nya mengator bedil dan meriam dan memasang tunggul. Maka Laksamana pun memakai pakaian yang indah2. Maka Hang Jebat, Hang Kasturi pun memakai keris panjang-nya dan berpendua. Sa-telah sudah memakai maka Laksamana pun turun-lah ka-darat. Maka orang-nya empat puloh yang pilehan itu pun di-beri-nya memakai pakaian yang indah2 dan berkeris pendua. Pertama berjalan dahulu di-hadapan Laksamana itu pedang berikat dan berantai emas dan bepermata dua bilah, lembing yang bersampak emas empat bilah dan yang berjalan dari kanan Hang Jebat, di-kiri Hang Kasturi dan di-belakang Laksamana, Hang Kamar dan Hang Shamsu dan orang pertikaman empat puloh itu di-pileh-nya mengiringkan Laksamana. Ada pun orang Laksamana empat puloh itu saperti sa-orang juga.

Maka Laksamana pun berjalan-lah pada hari Sabtu pada dua belas tapak bayang2 hendak mengadap raja Inderapura. Maka segala orang Inderapura pun sesak melihat perentah Laksamana berjalan itu. Maka kata sa-orang sama sendiri-nya, kata-nya, "Ada pun perentah Laksamana itu perentah hendak berkelahi laku-nya." Maka sahut sa-orang lagi, "Ada pun Megat Terengganu itu sa-benar lawan-lah; sama tahu ilmu-nya berperang dan sama tahu bermain keris panjang." Maka sahut sa-orang pula, "Sunggoh pun Megat Terengganu itu bergajah, pada penglihatan kita, tiadakan lekat di-atas gajah Tun Megat itu, kerana orang Laksamana yang empat puloh itu orang yang pilehan, tiada tumang-menumang, saperti telor ayam sa-sarang, pechah satu pechah semua-nya. Akan orang Megat ini sunggoh pun banyak empat ribu, nama-nya juga. Tetapi kita lihat-lah sekarang; entah di-hadapan raja, siapa tahu, di-tikam-nya oleh Laksamana itu." Maka segala kata orang banyak itu pun di-dengar-nya oleh Laksamana.

Sa-telah sampai ka-balai gendang maka Laksamana pun berhenti di-balai gendang. Maka biduanda kechil pun keluar membawa titah suroh masok sama2 dengan biduanda itu. Maka Hang Jebat, Hang Kasturi pun tinggal di-luar dengan orang empat puloh itu.

Sa-telah raja melihat Laksamana datang itu, maka titah raja, "Mari Laksamana; kita pun hendak memberitahu Laksamana, pada hari ini-lah Megat

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

Terengganu itu hendak bermohon kapada kita." Maka sembah Laksamana, "Daulat tuanku." Maka Laksamana pun dudok bertimbalan dengan Paduka Raja. Maka titah raja, "Kita pun teringat akan janji kita dengan Laksamana itu."

• • •

Al-kesah tersebut-lah perkataan Megat Terengganu hendak mengadap raja Inderapura dengan segala pakaian Megat Terengganu. Megat Terengganu pun memakai pakaian kerajaan yang indah2, shahadan mengenakan pakaian gajah-nya yang bernama Shah Kertas itu dengan segala pakaian yang keemasan. Sa-telah sudah memakai, maka Megat Terengganu pun naik-lah ka-atas gajah-nya; maka terkembang-lah payong iram2 kuning kerajaan berapit. Maka gendang arak2an pun di-palu orang-lah terlalu gempita bunyi-nya. Maka Megat Terengganu pun berarak masok ka-Inderapura. Maka segala orang Inderapura pun datang melihat Megat Terengganu. Maka segala hulubalang berjalan dahulu dan segala petuanan berjalan di-bawah gajah. Maka orang Inderapura pun penoh sesak melihat Megat Terengganu berarak itu. Ada pun akan Megat Terengganu berjalan itu di-belakang menjadi tutup.

Maka Megat Terengganu pun teringat akan Laksamana. Maka Megat Terengganu pun bertitah pada orang hulubalang-nya, "Pergi engkau lihat Laksamana itu ka-perahu-nya, ada-kah lagi di-perahu-nya atau sudah naik-kah mengadap raja Inderapura itu." Sa-telah sudah Megat Terengganu menyuroh-kan hulubalang-nya itu pergi melihat Laksamana itu, maka Megat Terengganu pun masok-lah ka-dalam kota.

Maka hulubalang yang di-titahkan Megat itu pun berjalan-lah pergi melihat Laksamana itu. Maka hulubalang itu pun bertanya kapada orang dalam ghali itu, kata-nya, "Ini-kah ghali Laksamana itu?" Maka kata orang dalam ghali itu, "Ia-lah, ghali Laksamana ini, yang di-titahkan oleh Duli Yang Di-Pertuan membuangkan Megat Terengganu itu." Sa-telah hulubalang itu menengar kata hulubalang dalam ghali itu, maka kata hulubalang itu, "Ada-kah Laksamana itu di-perahu ini?" Maka kata orang yang di-dalam ghali itu, "Laksamana sudah naik mengadap dari pagi2 tadi." Sa-telah hulubalang itu menengar kata demikian, maka hulubalang itu pun segera-lah berjalan mengikut Megat Terengganu berlari2 anak.

Maka Megat Terengganu pun berarak-lah dengan segala bunyi2an. Ada pun Megat Terengganu berjalan itu gajah-nya di-henti2kan-nya menyurohkan segala orang-nya bermain segala bunyi2an. Apabila ia bertemu dengan kampong

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

-orangkaya2 sana, Megat Terengganu berhentikan gajah-nya dan menyurohkan segala hulubalang bermain lembing perisai; ada yang bermain pedang, terlalu ramai. Maka segala hulubalang itu pun semua-nya memekis, kata-nya, "Cheh! Laksamana Melaka. Mari engkau oleh-ku!"

Maka hulubalang yang di-titahkan pergi melihat Laksamana itu pun datang mengadap Megat Terengganu. Maka segala kata orang Laksamana itu pun semua-nya di-persembahkan-nya pada Megat Terengganu. Apabila Megat Terengganu menengar kata hulubalang itu, maka Megat Panji Alam pun memekis, kata-nya, "Cheh! Si-Tuah! Ku-tampar muka-mu sekarang di-hadapan raja Inderapura itu," serta di-halau gajah-nya berjalan segera2. Maka gendang arak2an pun berbunyi-lah saperti di-tanak.

Maka terdengar-lah bunyi2an itu kapada raja dan Laksamana. Maka titah raja, "Hai Laksamana, Megat Terengganu-lah yang datang itu." Maka Laksamana pun tersenyum.

Maka dalam berkata2 itu maka bunyi genderang arak2an itu pun makin hampir. Maka segala orang Inderapura yang melihat Megat Terengganu itu pun masing2 berlari2an: ada yang naik kota, ada yang naik balai gendang. Maka Hang Jebat, Hang Kasturi dan orang empat puloh itu pun segera turun dari atas balai gendang itu menyamar masok sama2 dengan orang banyak masok itu. Sa-telah raja melihat Hang Jebat, Hang Kasturi itu, maka titah raja, "Hai Laksamana, panggil Hang Jebat dan Hang Kasturi itu naik dudok." Maka sembah Laksamana, "Biar-lah, tuanku, ia melihat temasha."

Maka Megat Panji Alam pun berarak-lah. Maka Megat Terengganu pun sampai-lah ka-balai gendang. Maka biduanda kechil pun datang membawa titah menyurohkan Megat Terengganu masok. Maka Megat Terengganu pun turun dari atas gajah-nya membaiki kain panjang-nya dan dastar-nya seraya menyingsing tangan baju-nya dan memakai keris panjang-nya dan menyelak pendua-nya, seraya memekis, kata-nya, "Cheh, Laksamana! Ku-tampar muka-mu sekarang di-hadapan raja Inderapura itu!" Maka Megat Panji Alam pun berjalan-lah sambil memegang ulu keris panjang-nya dan menyelak pendua-nya; shahadan berjalan itu saperti berjalan akan tiada, di-iringkan oleh segala petuanan dan anak megat2; dua langkah ia berjalan itu serta memandang ka-kiri dan ka-kanan sambil memegang ulu keris-nya.

Maka Megat Panji Alam pun sampai-lah ka-pintu wang. Maka Megat Panji Alam pun memekis serta melompat pintu itu lima depa jauh-nya dari pintu itu. Maka Hang Jebat, Hang Kasturi pun tiada sempat menikam, kerana ia berdiri di-balek pintu, kerana Megat Panji Alam masok pintu itu tiada

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

melangkah. Maka oleh Hang Jebat, Hang Kasturi segera di-perturut-nya akan Megat Panji Alam; Panji Alam pun melompat naik ka-atas tangga satu, lalu basoh kaki. Maka Megat Panji Alam pun baharu hendak basoh kaki melangkah anak tangga satu lagi, maka Hang Jebat pun menghunus keris pendua-nya, lalu di-tikam-nya rusok Megat Panji Alam sa-belah kanan terus ka-sabelah berbayang2. Sa-telah Megat Panji Alam merasai kena tikam Hang Jebat itu maka segera di-tangkap-nya tangan Hang Jebat itu seraya berpaling; di-lihat-nya muka Hang Jebat. Maka di-lihat oleh Hang Kasturi, Hang Jebat di-pegang oleh Megat Panji Alam itu, maka Hang Kasturi pun menghunus keris-nya, lalu di-tikam-nya rusok Megat Panji Alam terus terbayang2 ka-sa-belah kanan. Maka Megat Panji Alam pun memandang ka-kiri; maka di-lihat-nya muka Hang Kasturi menikam dia itu, maka segera di-lepaskan tangan Hang Jebat itu lalu di-tangkap-nya tangan Hang Kasturi. Maka di-tikam-nya pula oleh Hang Jebat belikat Megat Panji Alam terus ka-sabelah dada-nya. Maka Megat Panji Alam pun melepaskan tangan Hang Kasturi lalu berpaling serta di-tangkap-nya pula tangan Hang Jebat dengan kanan, tangan kiri menghunus keris-nya; baharu sa-kerat terhunus maka di-tikam pula oleh Hang Kasturi dada Megat Panji Alam terus ka-belakang. Maka Megat Panji Alam pun terdudok di-atas tangga itu dan tangan-nya pun terlepas daripada tangan Hang Jebat. Maka di-sentapkan oleh Hang Jebat keris panjang-nya di-pakai oleh Megat Panji Alam itu, maka oleh Hang Kasturi di-sentapkan-nya pendua-nya Megat Terengganu itu.

Sa-telah di-lihat oleh Megat Kembar Ali hal demikian, Megat Terengganu itu di-tikam oleh orang di-atas tangga balairong itu, maka Megat Kembar Ali pun berkata, "Bolak-kah, kata-ku tiada di-dengar-nya?" Maka Megat Kembar Ali pun memekis, kata-nya, "Cheh, Megat Kembar Ali tiada menumangkan!" serta di-hunus keris-nya, lalu berlari2 di-usir-nya akan Hang Jebat. Maka di-tikam-nya akan Hang Jebat, maka Hang Jebat pun melompat menyalahkan tikam Megat Kembar Ali itu. Maka oleh Megat Kembar Ali di-pertubi2-nya di-tikam akan Hang Jebat itu. Maka Hang Kasturi pun segera melompat, maka di-tikam-nya belikat Megat Kembar Ali terus terbayang2 ka-dada — dan Megat Kembar Ali menikam Hang Jebat juga. Apabila Megat Kembar Ali merasai luka, maka Megat Kembar Ali pun berpaling hendak naik meng-amok ka-atas balairong itu. Maka segala pegawai petuanan Inderapura pun gempar-lah, masing2 menghunus keris. Maka Laksamana pun tersenyum seraya memegang ulu keris-nya panjang. Maka tatkala itu Hang Jebat, Hang Kasturi pun segera melompat naik ka-serambi balairong itu, serta di-parang-

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

nya leher Megat Kembar Ali dengan keris pan ang-nya dan Hang Kasturi pun memarang belikat-nya. Maka leher Megat Kembar Ali putus dan belikat-nya pun roboh. Maka Megat Kembar Ali pun mati-lah dari serambi balairong itu.

Sa-telah di-lihat oleh orang Megat Terengganu Megat Kembar Ali sudah mati di-atas tangga balairong itu, maka orang Megat Terengganu itu pun gempar-lah terkejut sama sendiri-nya: ada yang lari keluar, ada yang lari menyeberang sungai, ada yang lari sa-genap kampong orang.

Sa-telah raja melihat hal Megat Terengganu di-tikam oleh Hang Jebat, Hang Kasturi itu, maka raja dan Bendahara pun amarah. Maka titah ra a, "Hai segala pegawai dan petuanan, segera tangkap si-Jebat dan si-Kasturi itu. Sulakan di-tepi sungai itu, kerana ia derhaka kapada-ku. Benar-kah ia membunoh Megat Terengganu itu di-hadapan-ku dan di-atas balairong-ku ini? Segera-lah tangkap! Jika ia melawan, bunoh oleh-mu, kerana ia tiada mengumpama akan aku."

Maka segala pegawai dan petuanan itu pun menyingsing tangan ba u-nya serta di-hunus keris panjang-nya lalu turun mendapatkan Hang Jebat, Hang Kasturi. Maka gempar-lah di-dalam kota raja itu. Maka Laksamana pun berdiri di-hadapan raja serta memegang ulu keris-nya. Maka Laksamana pun berkata, "Sabar dahulu, tuanku; tiada baik jadi-nya. Bukan orang-nya yang di-perbuat demikian itu."

Maka Hang Jebat dan Hang Kasturi pun melompat berdiri di-tengah halaman. Maka orang Laksamana empat puloh itu pun segera masok mendapatkan Hang Jebat, Hang Kasturi, lalu menghunus keris-nya. Maka segala pegawai dan petuanan itu pun berkata, "Hai si-Jebat, si-Kasturi, jika engkau hendak baik, nyawa-mu persembahkan ka-bawah Duli Yang Di-Pertuan. Jikalau tiada, sekarang juga engkau ku-bunoh, sa-orang pun engkau tiada aku hidupi" Maka sahut Hang Jebat, Hang Kasturi, "Hai orang Inderapura, bahawa Si-Jebat tiada bertuan dua tiga daripada Duli Yang Di-Pertuan Melaka. Tahan-lah baik2 bekas tangan Si-Jebat ini." Sa-telah di-dengar oleh segala pegawai dan petuanan kata Hang Jebat, Hang Kasturi itu, maka sakalian pun datang-lah berhadapan dengan Hang Jebat, Hang Kasturi. Sa-telah di-lihat raja segala pegawai dan petuanan yang banyak itu, maka raja pun terlalu amarah, serta bertitah, "Hai segala pegawai dan petuanan, "Segera-lah bunoh Si-Jebat itu. Jikalau Si-Jebat dan Si-Kasturi tiada mati, engkau ku-bunoh."

Sa-telah Laksamana menengar titah raja demikian itu, maka Laksamana pun di-hunus keris panjang-nya, lalu turun mendapatkan Hang Jebat, Hang Kasturi,

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

serta memekis, kata-nya, "Cheh! Siapa pula yang hendak bunoh beri mati itu? Mana mata-nya hendak membunoh Hang Jebat, Hang Kasturi itu? Mari-lah ku-lihat rupa-nya, kerana Laksamana ada lagi serta-nya." Maka raja dan Bendahara pun dahshat melihat Laksamana memekis itu. Maka titah raja, "Sabar dahulu, kerana kita tiada tahu akan Laksamana datang ini di-titahkan oleh raja Melaka membuangkan Megat Terengganu itu. Kita sangka sa-kadar sulor juga datang Laksamana ini."

Maka Laksamana pun bertemu-lah dengan Hang Jebat dan Hang Kasturi. Maka segala orang Megat Terengganu pun habis lari cherai-berai tiada berketahuan pergi-nya. Maka Laksamana dan Hang Jebat, Hang Kasturi pun segera berjalan keluar. Maka di-lihat oleh Laksamana gajah kenaikan Megat Terengganu itu ada terdiri di-balai gendang dengan perhiasan-nya. Maka Laksamana pun memberi isharat pada Hang Jebat, Hang Kasturi suroh ambil gajah itu. Maka Hang Jebat, Hang Kasturi pun menyembah Laksamana lalu melompat ka-atas gajah itu serta di-sentapkan kosa-nya daripada tangan gembala-nya, lalu di-palu-nya pada gembala gajah itu. Maka gajah itu pun di-bawa-nya turun ka-perahu-nya. Maka Laksamana pun datang lalu bermuat. Sa-telah gajah itu naik ka-perahu, maka Laksamana pun hilir-lah ka-kuala. Maka Laksamana pun belayar-lah serta menitirkan gendang perang lalu membuang ubat.

• • •

Hatta berapa lama-nya belayar itu, maka Laksamana pun sampai-lah ka-kuala Melaka. Maka di-persembahkan orang-lah kapada raja, "Ya tuanku shah alam, Laksamana itu sudah datang dengan kemenangan-nya dan Megat Terengganu pun sudah mati dua beradek dengan Megat Kembar Ali dan gajah Megat Terengganu yang bernama Shah Kertas itu pun beroleh akan Laksamana." Demi baginda menengar sembah orang itu, maka orang itu pun di-beri persalin.

Maka baginda pun menitahkan segala pegawai dan petuanan yang muda2 pergi menyambut. Laksamana dan Hang Jebat, Hang Kasturi pun naik-lah membawa gajah dan keris Megat Terengganu itu dan lembing bersampak emas berpermata empat bilah. Sa-telah raja melihat Laksamana datang itu, maka baginda pun turun dari atas peterana memberi hormat akan Laksamana. Maka titah raja, "Mari Laksamana, kita hendak menengar khabar Inderapura. Rindu-nya kita akan Laksamana." Maka sembah Laksamana, "Daulat tuanku."

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

Maka Laksamana dan Hang Jebat, Hang Kasturi pun menjunjong duli lalu dudok menyembah ketiga-nya. Maka titah raja, "Hai Laksamana, mari sini, kita hendak menengar khabar." Maka Laksamana pun berbangkit dudok di-bawah peterana. Maka baginda pun tundok menchium kepala Laksamana; maka Laksamana pun memegang kaki baginda lalu di-junjong-nya di-atas kepala-nya. Maka raja pun menanggalkan segala pakaian-nya daripada tuboh baginda di-anugerahkan pada Laksamana dan memberi anugerah akan Hang Jebat, Hang Kasturi dan keris panjang Megat Terengganu di-anugerahkan pada Hang Jebat, keris pandak itu pada Hang Kasturi; lembing bersampak emas itu di-ambil raja.

Maka titah raja, "Hai Laksamana, siapa2 serta Laksamana, kerana kita hendak tahu?" Maka sembah-nya, "Daulat tuanku, ada pun yang pergi dengan patek empat puloh orang yang baik, tuanku." Sa-telah raja menengar sembah Laksamana demikian itu, maka raja pun memberi anugerah persalin akan adipati Jemaja dan batin yang bergelar enam orang itu dan memberi anugerah akan orang yang empat puloh itu masing2 pada kadar-nya."

Maka sembah Laksamana, "Ya tuanku, gajah Megat Terengganu itu pada siapa tuanku titahkan memelihara akan dia?" Maka titah raja, "Ada pun gajah Megat Terengganu itu pada Laksamana-lah kita serahkan memelihara akan dia. Hendak pun kita serahkan kapada Bendahara kerana mamak Bendahara banyak kerja." Maka sembah Bendahara, "Daulat tuanku, gajah itu patut-lah pada Laksamana di-serahkan, kerana hulubalang besar2 patut-lah menaroh gajah perang itu; kerana akan menteri banyak pekerjaan yang lain." Maka sembah Laksamana, "Daulat tuanku, mana titah patek junjong, tetapi gajah itu patek peliharakan barang sa-tahun; jika di-lihat-nya bayang2-nya di-tikam-nya, jangankan sama gajah dan manusia tiada akan di-tikam-nya." Sa-telah sudah gajah itu di-serahkan kapada Laksamana, maka raja pun berangkat masok ka-dalam istana. Maka Bendahara dan segala pegawai dan petuanan pun menyembah lalu keluar masing2 pulang ka-rumah-nya.

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

BAB XII

MAKA baginda pun masok pada rumah Tun Teja. Sa-lama baginda beroleh Tun Teja itu, tiada keluar, di-adap segala pegawai2 pun jarang; hanya Laksamana dan Hang Jebat, Hang Kasturi juga yang dapat masok mengadap ka-dalam istana sa-kali. Barang satu2 sembah orang ketiga itu dan barang pekerjaan-nya tiada-lah baginda lalui, kerana ia itu terlalu karib. Maka barang kata Laksamana itu kata raja-lah.

Maka raja pun pergi ka-istana Raden Mas Ayu itu pun jarang-lah, tetapi Raden Mas Ayu sudah hamil. Sa-telah datang-lah kapada tujoh bulan, maka Raden Mas Ayu pun mengidam hendak santap ayer nyior gading itu, tumboh di-tengah negeri Melaka itu. Ada pun nyior itu tumboh sama2 dengan pohon Melaka itu; maka di-perbuatkan taman oleh raja Melaka. Ada pun nyior gading itu dua puloh depa tinggi-nya dan pada sama tengah nyior itu di-makan oleh anai2. Shahadan buah-nya pun sa-tandan dan ayer-nya terlalu manis saperti serbat rasa-nya dan isi-nya saperti serikaya. Maka nyior itu-lah yang hendak di-santap oleh tuan puteri. Maka sa-orang pun tiada berani naik nyior itu. Maka tuan puteri pun menangis hendak makan nyior itu juga. Maka raja pun terlalu dukachita hati-nya. Maka hendak di-tebang pun nyior itu maka tiada di-beri oleh Bendahara dengan segala pegawai dan petuanan. Maka sembah Bendahara dan segala pegawai yang tua2 itu: "Ya tuanku, patek mohonkan ampun dan kurnia; ada pun nyior itu bukan di-tanam oleh manusia; nyior itu tumboh dengan sendiri-nya sama2 negeri Melaka ini. Jika di-tebang juga, ada-lah satu2 padah-nya."

Sa-telah raja mendengar sembah Bendahara demikian itu, maka raja pun segera menyuroh memanggil Laksamana; Laksamana pun segera datang mengadap raja. Maka titah raja, "Hai Laksamana, tuan puteri terlalu sangat hendak santap nyior yang di-dalam taman itu; maka sa-orang pun tiada berchakap naik pohon nyior itu, terlalu tinggi. Ada pun sama tengah nyior itu di-makan oleh

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

anai2. Hendak pun kita tebang tiada di-beri oleh mamak Bendahara dan segala pegawai yang tua2. Kita tiada-lah terbicharakan lagi." Sa-telah Laksamana mendengar titah raja demikian itu, maka sembah Laksamana, "Daulat tuanku, mengapa-tah maka hendak di-tebang pohon nyior itu? Biar-lah patek chuba naik nyior itu; takut2 dengan daulat Yang Di-Pertuan dapat patek naik." Maka titah raja, "Segera-lah Laksamana naik nyior itu."

Maka Laksamana pun menyembah lalu masok ka-dalam taman itu. Maka orang pun banyak hendak melihat Laksamana naik nyior itu. Sa-telah Laksamana datang ka-bawah nyior itu, maka di-lihat oleh Laksamana pohon nyior itu kechil, saperti pohon pinang besar-nya. Maka pada sama tengah nyior itu di-makan oleh anai2. Sa-telah di-lihat oleh Laksamana nyior itu, maka Laksamana pun bersalin kain dan berchawat berikat pinggang. Maka di-ambil-nya sa-bilah golok yang tajam. Sa-telah sudah, lalu di-pakai-nya. Sudah itu maka Laksamana pun menyebut nama Allah Ta'ala dengan tulus hati-nya. Maka Laksamana pun naik-lah perlahan2. Maka kata segala orang yang melihat itu, "Apa gerangan dosa-nya kapada raja maka ia hendak di-bunoh tipu ini?" Maka Laksamana pun sampai-lah antara leher nyior itu. Maka Laksamana pun segera menghunus golok-nya dengan tangan-nya kanan, tangan kiri memegang tandan nyior itu, paha-nya kedua di-lekapkan-nya pada leher nyior itu. Sa-telah tegoh-lah paha-nya pada leher nyior itu, maka di-parang-nya putus. Maka pohon nyior itu pun parah-lah pada sama tengah pohon-nya. Maka Laksamana pun lekat pada leher nyior itu paha-nya. Apa-bila di-lihat oleh Laksamana pohon nyior itu hampir-lah akan sampai ka-tanah, maka Laksamana pun melompat ka-bumi sambil memegang tandan nyior itu dengan tangan kiri, tangan-nya kanan memegang golok itu. Maka Laksa-mana pun terdiri dengan tandan nyior itu dan golok sa-bilah, suatu pun tiada mara-nya. Maka segala orang yang melihat itu pun hairan terchengang2.

Maka Laksamana pun segera datang mengadap raja membawa nyior itu tujoh buah. Maka raja pun hairan, shahadan terlalu amat sukachita hati-nya baginda kerana melihat Laksamana selamat itu. Maka buah nyior itu pun di-suroh oleh baginda bawa kapada Laksamana persembahkan pada tuan puteri. Maka Raden Galuh pun terlalu sukachita, keraua melihat buah nyior yang di-kehendak itu di-peroleh. Maka titah raja, "Ya tuan puteri, banyak sa-kali kebaktian Laksamana ini kapada kita dan tuan puteri. Ya adinda, sa-orang pun segala pegawai kita tiada berchakap dan segala hamba sahaya kakanda yang ada ini, sa-orang pun tiada berchakap naik pohon nyior itu." Maka segala hal ihwal nyior itu semua-nya di-katakan-nya raja kapada tuan

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

puteri. Maka buah nyior itu pun di-santap oeh tuan puteri, terlalu ladzat chitarasa-nya dan ayer-nya. Maka Raden Galuh pun memberi anugerah akan Laksamana emas dan pakaian sa-lengkap-nya.

Maka raja pun makin bertambah2 kaseh-nya dan kurnia akan Laksamana; barang sembah Laksamana itu tiada-lah di-lalui oleh raja. Maka segala pegawai dan petuanan pun makin bertambah2 dengki-nya akan Laksamana.

• • •

Maka tuan puteri pun datang-lah pada dewasa-nya akan berputera. Maka Raden Galuh pun berputera-lah sa-orang laki2, terlalu amat elok rupa-nya. Baginda pun terlalu sukachita. Maka anak baginda itu di-namai Raden Bahar. Maka baginda pun menitahkan Tun Utama dan Tun Bija Sura pergi ka-Majapahit memberitahu ratu Majapahit. Maka Tun Utama dan Tun Bija Sura pun berlengkap-lah. Maka Bendahara Paduka Raja pun mengarang surat dan bingkis. Sa-telah sudah surat dan bingkis itu, maka Tun Utama dan Tun Bija Sura pun menjunjong duli lalu bermohon, lalu naik ka-perahu lalu be-layar.

Berapa lama-nya maka sampai-lah ka-Tuban lalu naik berjalan ka-Majapahit. Berapa antara-nya maka sampai-lah ka-Majapahit. Maka Tun Utama dan Tun Bija Sura pun naik mendapatkan Pateh Gajah Mada. Maka surat dan bingkis itu pun di-bawa berjalan dahulu oleh Pateh Gajah Mada dan Tun Utama dan Tun Bija Sura mengiringkan surat itu datang ka-paseban. Maka Seri Betara pun sedang ramai di-adap orang. Maka sembah Pateh Gajah Mada, "Ya tuanku paduka Betara, utusan paduka anakanda ratu Melaka datang mem-bawa surat dan bingkis." Maka titah Seri Betara, "Hai Pateh Gajah Mada, segera-lah bacha surat itu ku-dengar."

Maka surat dan bingkis itu pun di-sambut oleh Raden Aria lalu di-bacha-nya terlalu amat baik bunyi renchana-nya. Sa-telah baginda mendengar bunyi dalam surat daripada paduka anakanda baginda Raden Emas Ayu demikian, maka Seri Betara pun terlalu amat sukachita, kerana beroleh chuchu laki2. Maka pada ketika itu juga Seri Betara menitahkan Pateh Gajah Mada memungut anak periai yang muda2 dan yang perempuan empat puloh dan menyuroh memungut anak periai yang laki2 empat puloh yang baik sikap-nya dan tahu-nya bermain, seraya permainan akan chuchunda baginda itu lengkap dengan bunyi2an sa-kali; shahadan kuda tezi sa-ekor dengan pakaian sa-kali serba keemasan. Sa-telah sudah lengkap segala kiriman itu, maka Tun Utama dan

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

Tun Bija Sura pun di-anugerahi persalin dan emas akan belanja. Maka titah Seri Betara, "Hai rangga dan jaksa, pergi-lah engkau kedua bawa segala permainan chuchu-ku ka-Melaka." Maka Pateh Gajah Mada pun mengarang surat bingkis. Sa-telah sudah, maka di-berikan-nya surat itu kapada rangga. Maka Tun Utama dan Tun Bija Sura pun bermohon-lah ka-bawah duli Seri Betara dan Pateh Gajah Mada, lalu berjalan ka-Tuban. Maka rangga dan jaksa pun naik-lah ka-jong. Maka surat dan bingkis itu pun di-naikkan ka-atas jong itu. Maka Tun Utama dan Tun Bija Sura pun naik-lah ka-perahu lalu belayar.

Berapa lama-nya belayar itu, maka sampai-lah ka-Melaka. Maka di-persembahkan orang-lah kapada raja Melaka. Maka ra a pun segera menitahkan Bendahara berlengkap akan menyambut surat dan bingkis itu. Maka Bendahara pun segera berlengkap, sa-telah sudah lengkap, maka segala pegawai dan petuanan pun berjalan-lah. Sa-telah sampai-lah, maka surat dan bingkis itu pun di-naikkan orang-lah ka-atas ga ah lalu di-arak masok. Sa-telah sampai ka-balairong, surat dan bingkis itu pun di-sambut oleh Pateh Kerma Wi aya di-bawa-nya ka-hadapan ra a. Maka titah ra a, "Hai Pateh Kerma Wi aya, segera-lah bacha surat itu." Maka Pateh Kerma Wijaya pun menyembah lalu di-bacha-nya surat itu di-hadapan ra a. Maka raja pun terlalu sukachita.

Maka bingkis itu pun di-sambut orang-lah lalu di-bawa-nya masok ka-dalam istana. Maka rangga dan jaksa dan Laksamana pun menyembah pada Raden Emas Ayu. Maka tatkala itu Raden Bahar pun ada dudok di-sisi bonda baginda bermain gajah2an. Sa-telah di-lihat oleh Raden Bahar Laksamana datang itu, maka Raden Bahar pun segera berlari2 datang mendapatkan Laksamana, lalu di-pelok-nya leher Laksamana. Maka segera di-sambut oleh Laksamana tangan Raden Bahar, di-angkat-nya ka-atas bahu-nya. Maka Raden Emas Ayu pun tersenyum. Maka titah Raden Emas Ayu, "Hai rangga dan jaksa, apa khabar ayahanda dan bonda?" Maka sembah rangga dan jaksa, "Ya tuanku, terlalu sukachita ayahanda dan bonda mendengar khabar tuanku berputera. Maka patek di-titahkan oleh paduka ayahanda bonda membawa segala permainan paduka anakanda ini." Sa-telah Raden Emas Ayu melihat segala bingkis itu, maka Raden Emas Ayu pun terlalu sukachita kerana beroleh anak peria empat puloh laki2 dan empat puloh perempuan. Maka rangga dan jaksa pun di-anugerah persalin dan di-beri hayapan makan.

Sa-telah sudah makan, maka rangga dan jaksa dan Laksamana pun bermohon-lah hendak keluar; maka Raden Bahar pun menangis hendak mengikut Laksamana keluar, kerana anak raja itu menengar kata rangga dan jaksa

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

datang membawa kuda tezi itu. Sa-telah Raden Emas Ayu melihat anakanda baginda hendak mengikut Laksamana keluar itu, maka titah Raden Emas Ayu, "Hai Laksamana, bawa-lah keluar anakanda itu." Maka Laksamana pun berdatang sembah, "Ya tuanku, jikalau paduka anakanda ini hendak di-bawa keluar, baik-lah dengan perentah dan menyandang tetampan kerajaan." Sa-telah Raden Emas Ayu mendengar sembah demikian itu, maka Raden Emas Ayu pun segera mengeluarkan pakaian yang indah2 dan perempuan itu pun di-beri-nya memakai pakaian yang indah2 dan menyandang tetampan kekuningan. Maka segala permainan yang di-bawa dari Majapahit itu pun di-bawa keluar. Maka Raden Bahar pun di-julang oleh Laksamana; maka rangga dan jaksa pun berjalan mengiringkan.

Sa-telah raja melihat anakanda baginda keluar di-julang oleh Laksamana itu maka raja pun suka tertawa2, seraya bertitah, "Mari tuan dudok melihat kuda permainan tuan yang di-beri oleh paduka nenda dari Majapahit." Maka raja pun menyambut anakanda baginda, maka lalu di-riba oleh baginda. Maka kuda itu pun di-bawa orang-lah ka-hadapan Raden Bahar. Maka raja pun melihat kuda itu, hijau; sikap-nya dan rupa-nya terlalu amat baik dan segala pakaian kuda itu pun sakalian-nya daripada emas bertatahkan ratna mutu ma'nikam dan pelana-nya daripada emas yang permata dan laku-nya saperti tiada berjijak di-bumi.

Maka titah raja, "Hai segala tuan2 dan segala pegawai, siapa dapat naik kuda ini? Naik apa-lah kuda ini, kita hendak melihat pantas-nya." Maka sembah sa-orang demi sa-orang, "Patek tiada biasa naik kuda tezi ini; bukan mudah2an naik kuda tezi ini." Sa-telah raja mendengar sembah segala pegawai dan petuanan demikian itu, maka raja pun berpaling memandang pada Laksamana. Maka titah raja, "Hai Laksamana, dapat-kah diri naik kuda ini?" Maka sembah Laksamana, "Daulat tuanku, apa-tah takutkan naik kuda ini? Shahadan patek mohonkan ampun dan kurnia, ada-kah hulubalang itu tiada tahu naik kuda dan gajah? Apa-tah guna-nya menjadi hulubalang? Jikalau berperang dan sa-suatu, kesukaran pula akan dapat di-titahkan." Sa-telah raja mendengar sembah Laksamana demikian itu, maka baginda pun tersenyum, seraya bertitah, "Hai Laksamana, segera-lah naik kuda ini, kita hendak melihat dia."

Maka Laksamana pun menyembah, lalu ia menghunus keris panjang-nya di-letakkan pada ribaan Hang Jebat. Maka Laksamana pun membaiki kain-nya dan dastar-nya dan mengasak pendua-nya lalu turun mendapatkan kuda itu. Maka Laksamana pun menyinsing kain-nya serta mengambil chemeti dan kekang kuda itu. Maka Laksamana pun melompat naik kuda itu. Apa-

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

bila kuda itu merasai belakang-nya di-dudokkan orang itu, maka kuda itu pun melompat saperti kilat yang tangkas; dua tiga langkah berkeliling halaman balairong itu di-pechut-nya. Maka bunyi2an yang di-bawa dari Majapahit itu pun di-suroh Laksamana palu dua belas ragam. Maka kuda itu pun di-suroh Laksamana menari, pelbagai ragam tari-nya. Maka Raden Bahar pun terlalu sukachita. Sa-telah kuda itu menari, maka Laksamana pun melompat turun dari atas kuda itu, lalu menyembah raja.

Maka raja pun menganugerahi persalin akan Laksamana. Maka rangga dan jaksa dan Laksamana pun di-perjamu makan minum. Maka kedua-nya di-persalin dengan saperti-nya. Sa-telah sudah di-persalin, maka raja pun masok membawa Raden Bahar. Maka pada keesokan hari-nya maka rangga dan jaksa pun mohon-lah kembali ka-Majapahit.

• • •

Ada pun peninggal rangga dan jaksa itu, berapa bulan selang-nya, maka Raden Emas Ayu pun hamil pula. Sa-telah genap bulan-nya, maka Raden Emas Ayu pun berputera pula sa-orang laki2, terlalu amat elok rupa-nya. Maka raja pun terlalu amat sukachita melihat anakanda baginda itu. Maka di-namai Raden Bajau. Maka ra a pun memberi derma akan segala fakir miskin. Maka segala mereka itu pun men adi kaya-lah, sakalian-nya minta do'a anak anak chuchu raja itu.

• • •

Hatta berapa lama-nya maka anak raja kedua itu pun besar-lah dan tahu-lah ia bermain2 kedua-nya. Maka pada sa-kali persetua anak raja kedua itu pun bermain itu di-dalam taman hampir telaga tahi itu, tempat segala dayang2 ka-sungai itu. Maka anak raja kedua itu pun main-lah kuda itu. Maka di-suroh oleh anak raja kedua itu di-naiki kuda itu kapada segala anak periai yang tahu naik kuda. Maka segala bunyi2an dua belas ragam itu pun di-palu orang-lah. Maka kuda itu pun menari-lah. Maka Raden Bahar kedua bersaudara pun tertawa gelak2. Maka di-lihat oleh kuda itu sa-buah kolam hampir telaga tahi itu. Maka kuda itu pun berlari2 hendak minum ayer. Hatta kuda itu pun jatoh-lah ka-dalam telaga tahi itu. Maka datang-lah segala banyak itu hendak melepaskan kuda itu dari telaga tahi itu; tiada juga lepas. Maka anak raja kedua itu pun menangis, terlalu amat sangat sayang akan kuda itu.

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

Maka raja pun sedang ramai di-adap orang. Maka di-dengar-nya oleh baginda suara anakanda baginda menangis itu. Maka sembah biduanda, "Ya tuanku, kuda permainan paduka anakanda itu jatoh ka-dalam telaga tahi; sebab itu-lah maka paduka anakanda itu menangis berguling2." Sa-telah raja mendengar sembah biduanda itu, maka raja pun segera-lah berbangkit masok ka-dalam taman itu. Maka di-lihat oleh raja anakanda baginda kedua menangis berguling2 di-bumi itu. Maka raja pun hairan seraya bertitah pada segala pegawai dan petuanan yang mengiringkan baginda itu, "Hai segala tuan2, segera-lah lepaskan kuda ini dari dalam telaga tahi ini." Sa-telah segala tuan2 menengarkan titah raja demikian itu, maka sakalian pun datang-lah hendak melepaskan kuda itu; tiada juga lepas. Maka raja pun terlalu sa-kali dukachita.

Maka raja pun teringat akan Laksamana. Maka raja pun menyuroh memanggil Laksamana; Laksamana pun segera datang ka-dalam taman itu mengadap raja. Maka titah raja, "Hai Laksamana, kuda permainan anak-ku itu jatoh ka-dalam telaga tahi; sebab ini-lah maka kita suroh panggil Laksamana ini. Sa-orang pun segala tuan2 ini tiada ada berchakap menaikkan kuda itu." Maka Laksamana pun menyembah, "Daulat tuanku, patek lihat juga dahulu kuda itu."

Maka Laksamana pun menyembah lalu berjalan kapada tempat kuda itu. Maka di-lihat oleh Laksamana kuda itu jatoh terselam di-telaga tahi itu, sahingga kepala-nya juga lagi tinggal. Sa-telah di-lihat oleh Laksamana, Laksamana pun berdatang sembah, "Ya tuanku, mohonkan kain barang tujoh kayu akan patek. Insha Allah, patek-lah berchakap melepaskan kuda itu dari dalam telaga tahi itu."

Sa-telah raja mendengar sembah Laksamana itu, maka raja pun menyuroh mengambil kain tujoh kayu, lalu di-anugerah akan Laksamana. Maka kain tujoh kayu itu pun di-barutkan Laksamana pada tuboh-nya dari kepala-nya datang ka-kaki-nya. Sa-telah tuboh-nya terbarut itu, maka di-ambil oleh Laksamana tali, di-pegang-nya hujong tali itu, sa-belah di-pegang oleh orang yang di-atas telaga itu. Maka Laksamana pun turun ka-dalam telaga itu. Maka Laksamana pun menyelam dalam telaga tahi itu; dengan mudah-nya juga kuda itu pun di-tarek orang-lah. Maka kuda itu pun lepas-lah dari dalam tegala tahi itu.

Maka Raden Bahar dan Raden Bajau pun baharu-lah diam daripada menangis itu, kerana melihat kuda itu. Maka raja pun terlalu sukachita melihat kuda itu lepas. Maka raja pun terlalu amat kurnia akan Laksamana. Maka

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

raja pun menyuroh Laksamana mandi berlimau tujoh kali sa-hari; maka di-mandikan oleh raja sendiri. Maka di-ambil raja ayer mawar tujoh buyong, maka di-diruskan pada tuboh Laksamana itu. Sa-telah sudah maka di-buboh raja bau2an daripada narwastu dan kumkuma, terlalu harum bau-nya. Sudah itu maka raja pun menanggalkan pakaian daripada tuboh, maka di-anugerah-kan pada Laksamana dan raja sendiri mengenakan pakaian itu pada tuboh Laksamana. Maka segala pegawai dan petuanan pun dengki-lah akan Laksa-mana itu; hanya Bendahara dan Temenggong juga yang kaseh akan Laksamana itu.

• • •

Hatta berapa lama-nya, selang daripada lepas kuda itu, maka raja pun ter-lalu kaseh akan Tun Teja itu. Maka Laksamana pun berkata pada Bendahara dan Temenggong, "Ada pun pengelihatan di-perhamba, Duli Yang Di-Pertuan ini jarang-lah pergi ka-istana tuan puteri. Pada bichara sahaya, dato' kedua berdatang sembah, kerana Betara Majapahit itu raja besar, akhir-nya tiada baik datang-nya." Sa-telah Bendahara dan Temenggong menengar kata Laksa-mana itu, kata-nya, "Pada bichara sahaya pun demikian-lah. Siapa-tah yang dapat persembahkan? Pada bichara sahaya, pada masa ini hanya-lah Laksa-mana yang dapat menegor baginda sadikit." Maka sembah Laksamana, "Jika dengan sabda dato' kedua, berani-lah sahaya dato' berdatang sembah."

Hatta pada sa-kali waktu baginda dudok di-bendul. Maka Laksamana pun berdatang sembah, "Ya tuanku shah alam, pada bichara patek hamba yang hina mohonkan ampun ka-bawah Duli Yang Di-Pertuan, tetapi patek tiada mau melihat kejahatan, kerana pekerjaan ini patek juga akhir-nya mengerjakan dia. Jikalau ada ampun dan kurnia, maka berani-lah patek ini berdatang sembah." Sa-telah raja menengar sembah Laksamana demikian itu, maka titah raja, "Apa Laksamana hendak sembahkan kapada kita itu? Katakan-lah kapada kita, kita dengar. Jikalau benar, kita ikut; jikalau tiada benar, tiada kita ikut." Maka sembah Laksamana, "Ya tuanku shah alam, patek hamba yang hina tambahan bebal mohonkan ampun dan kurnia di-bawah Duli Yang Di-Pertuan; pada bichara patek, sa-benar-nya-lah segala raja2 itu beristeri ba-nyak, kerana raja itu tiada dapat di-tahani; barang kehendak-nya itu berlaku atas segala hamba-nya, kerana raja itu akan ganti Allah Ta'ala di-dalam dunia ini; tetapi pada bichara hati patek, baik juga Duli Yang Di-Pertuan beradu di-istana besar, kerana paduka adinda itu anak raja besar. Kalau di-dengar

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

kapada paduka ayahanda ka-Majapahit, jadi tiada baik nama Duli Yang Di-Pertuan anak raja besar. Apabila di-dengar-nya Duli Yang Di-Pertuan beristeri, tak dapat tiada Duli Yang Di-Pertuan di-sambut-nya juga ka-Majapahit, kerana ia raja besar pada zaman ini." Sa-telah raja menengar sembah Laksamana demikian itu, maka titah raja, "Jika demikian, apa-tah bichara Laksamana supaya kita dengar?" Maka sembah Laksamana, "Daulat tuanku shah alam, pada bichara patek hamba yang hina ini, baik juga Duli Yang Di-Pertuan beradu di-istana besar dengan paduka anakanda itu sa-puloh hari dan di-istana kechil tujoh hari, supaya jangan tergerak hati paduka adinda itu." Sa-telah raja menengar sembah Laksamana demikian itu maka titah raja, "Benar-lah saperti sembah Laksamana kapada kita; kita pun suka-lah."

Maka raja pun beradu di-istana besar dengan Raden Emas Ayu sa-puloh hari; baginda beradu dengan Tun Teja tujoh hari.

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

BAB XIII

AL-KESAH maka tersebut-lah perkataan Betara Majapahit. Sa-telah baginda menengar raja Melaka sudah beristeri akan anak Bendahara Seri Buana Inderapura itu, maka Seri Betara pun terlalu amarah akan raja Melaka. Maka Seri Betara pun bertitah pada Pateh Gajah Mada, "Akan sekarang apa bicharamu akan pekerjaan kita menyambut anak kita raja Melaka itu, kerana kita dengar khabar-nya bahawa raja Melaka sekarang sudah beristeri akan anak Bendahara Seri Buana Inderapura. Akan anak kita pun tiada di-pergunakan-nya oleh raja Melaka itu." Maka sembah Pateh Gajah Mada, "Ya tuanku, jikalau demikian, baik-lah paduka Betara mengutus ka-Melaka itu supaya kita dengar perbuatan-nya raja Melaka itu akan paduka anakanda." Maka titah Seri Betara, "Siapa-tah baik kita titahkan pergi itu?" Maka sembah Pateh Gajah Mada, "Ya tuanku, pada pengelihatan patek, rangga dan Barit Ketika-lah yang tahu akan perentah Melayu, tambahan ia biasa keluar masok meng-adap paduka anakanda itu." Maka titah Seri Betara, "Baik-lah, rangga dan Barit Ketika itu juga kita titahkan."

Maka Pateh Gajah Mada pun mengarang surat dan bingkis dan segala permainan dua belas bagai ragam-nya akan permainan chuchunda itu dan perempuan yang baik2 rupa-nya yang tahu memalu bunyi2an empat puloh dan anak periai empat puloh dan keris berhulu emas bersarongkan permata empat puloh bilah dan budak2 yang bongkok empat puloh dan tombak pengawitan yang bertatahkan ratna mutu ma'nikam dan bersampak emas empat puloh bilah Sa-telah sudah maka Barit Ketika dan rangga pun di-anugerah persalin dan pitis. Sa-telah sudah surat bingkis itu, maka di-arak orang-lah ka-Tuban. Maka rangga dan Barit Ketika pun naik-lah ka-perahu lalu belayar.

Berapa lama-nya maka sampai-lah ka-Melaka. Maka di-persembahkan orang-lah kapada raja, "Ya tuanku, utusan dari Majapahit. Dua buah penchalang dan dua buah ghurab, rangga dan Barit Ketika yang datang itu."

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

Sa-telah raja menengar sembah orang itu demikian, maka raja pun segera memanggil Bendahara dan Laksamana. Maka Bendahara dan Laksamana pun datang mengadap. Maka raja pun bertitah, "Ya mamak Bendahara, kita dengar utusan dari Majapahit konon datang. Apa2 kehendak-nya tiada tahu." Maka sembah Laksamana, "Daulat tuanku shah alam, apa-tah kehendak-nya lain daripada sulor ia datang itu? Pekerjaan datang itu hendak menyambut Duli Yang Di-Pertuan. Suatu lagi hendak menyambut paduka adinda gerangan itu." Maka titah raja, "Jika demikian, segera-lah Bendahara dan Laksamana berlengkap akan menyambut surat dan bingkis itu." Maka sembah Bendahara dan Laksamana, "Daulat tuanku, pada bichara patek, rangga dan Barit Ketika datang itu tiada lain daripada hendak menyambut Duli Yang Di-Pertuan dan paduka adinda." Sa-telah raja mendengar sembah Bendahara dan Laksamana demikian, maka titah raja, "Apa-tah bichara kita?" Maka sembah Laksamana, "Ya tuanku, pada bichara patek, jika apa2 pun kita dengar-lah dahulu bunyi dalam surat itu."

Maka Bendahara pun menyembah lalu keluar berlengkap dan mengerahkan segala pegawai dan petuanan berlengkap. Maka segala pegawai dan petuanan itu pun berjalan-lah pergi menyambut surat itu. Maka surat dan bingkis itu pun di-naikkan orang-lah ka-atas gajah lalu di-arak masok. Sa-telah datang ka-balairong, maka surat itu pun di-sambut oleh Pateh Kerma Wijaya lalu di-bacha-nya di-hadapan raja, terlalu sa-kali baik bunyi-nya. Sa-telah sudah di-bacha oleh Pateh Kerma Wijaya, maka rangga dan Barit Ketika pun dudok menyembah. Maka segala bingkis itu pun di-sambut orang-lah.

Maka rangga dan Barit Ketika pun berdatang sembah, "Ya tuanku shah alam, patek kedua bersaudara mohonkan ampun dan kurnia; patek ini di-titahkan oleh duli ayahanda mengadap Duli Yang Di-Pertuan; dan paduka ayahanda terlalu sangat rindu dengan akan Duli Yang Di-Pertuan, tetapi patek kedua ini bukan hendak menyambut Duli Yang Di-Pertuan, sa-kadar patek di-titahkan oleh paduka ayahanda: 'Apa sebab-nya maka anak kita ini tiada mengutus ka-Majapahit ini? Ada kesukaran-nya juga.' Demikian titah paduka ayahanda: 'Pergi-lah rangga dan Barit Ketika, lihat anak kita ka-Melaka.' Sa-telah raja mendengar sembah rangga dan Barit Ketika demikian itu, maka baginda pun tiada-lah terjawab kata rangga itu, tundok mengerling pada Laksamana dengan ekor mata-nya. Maka Laksamana pun menjawab dia, kata-nya, "Sa-benar-nya-lah titah paduka Betara itu, tetapi sunggoh pun Duli Yang Di-Pertuan tiada mengutus ka-Majapahit itu, kerana ada sebab sadikit per-kataan; sunggoh pun kechil, akan besar juga jadi-nya; kerana negeri ini hendak

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

di-serang oleh Megat Terengganu dan raja Inderapura. Kerana itu-lah maka Duli Yang Di-Pertuan tiada menyuroh ka-Majapahit mengadap. Akan sekarang pekerjaan ini sudah-lah. Akan Duli Yang Di-Pertuan ada-lah bichara hendak menyuroh pada Majapahit itu; lagi berlengkap surat dan bingkis juga." Sa-telah rangga dan Barit Ketika mendengar kata Laksamana demikian itu, maka rangga dan Barit Ketika pun memandang pada Laksamana, seraya berkata, "Manira pun ada mendengar khabar-nya segala dagang pergi ka-Majapahit itu, raja Inderapura dan Megat Terengganu hendak menyerang Melaka. Maka paduka Betara pun bertitah kapada Pateh Gajah Mada menyuroh berlengkap hendak membantu Melaka. Hatta maka di-khabarkan orang pula tiada nyata khabar itu; maka paduka Betara pun tiada jadi membantu lalu meshuarat dengan Pateh Ga ah Mada, lalu menyurohkan manira ini-lah bertanyakan khabar yang nyata."

Sa-telah sudah maka ra a pun bertitah kapada Bendahara, Beri tempat akan rangga dan Barit Ketika hampir kampong Bendahara." Maka sembah Bendahara, "Daulat tuanku." Maka rangga dan Barit Ketika pun di-anugerahi persalin. Sudah itu maka baginda pun berangkat masok. Maka Bendahara dan Laksamana pun menyembah lalu keluar masing2 pulang ka-rumah-nya.

Sa-telah keesokan hari-nya maka bag nda pun keluar ka-pengadapan di-adap oleh Bendahara dan Laksamana dan segala pegawai dan petuanan. Maka titah raja, "Ya mamak Bendahara, siapa baik kita surohkan ka-Majapahit itu" Maka sembah Bendahara, "Daulat tuanku, pada bichara patek, siapa-tah lain daripada Laksamana yang akan dapat kita surohkan, kerana Laksamana sudah ma'alum akan menjawab titah Betara Majapahit itu." Maka sembah Laksamana, "Daulat tuanku, mana titah patek junjong, tetapi patek pohonkan adek Jebat, adek Kasturi akan jejenang melihati patek baik dan jahat" Maka titah raja, "Baik-lah." Pada ketika itu juga Bendahara berlengkap surat dan bingkis.

Maka rangga dan Barit Ketika pun datang mengadap. Maka sembah rangga, "Ya tuanku, jika ada derma kurnia akan patek, patek hendak bermohon-lah ka-bawah Duli Yang Di-Pertuan akan pesan paduka ayahanda suroh patek segera kembali." Maka titah raja, "Baik-lah, kita pun sudah mengarang surat dan bingkis. Ada pun yang pergi ka-Majapahit itu Laksamana, kita titahkan akan mengadap paduka Betara. Ada pun Laksamana pergi ka-Majapahit itu ganti kita-lah." Maka sembah rangga, "Daulat tuanku." Maka rangga dan Barit Ketika pun di-persalin-nya.

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

Maka Laksamana pun menjunjong duli. Maka di-anugerah persalin dan emas sa-puloh kati dan kain dua peti. Maka Laksamana pun bermohon-lah kapada Bendahara dan Temenggong lalu berjalan keluar di-iringkan oleh Hang Jebat, Hang Kasturi, mengiringkan surat dan bingkis, lalu turun ka-perahu. Sa-telah sudah datang ka-perahu, maka surat dan bingkis itu pun di-sambut oleh Laksamana, lalu di-naikkan ka-atas Mendam Berahi. Maka Laksamana pun belayar-lah.

• • •

Berapa lama-nya belayar itu maka ia pun sampai-lah ka-Tuban. Maka rangga dan Barit Ketika pun berjalan-lah naik ka-Majapahit. Berapa lama-nya maka sampai-lah ka-Majapahit. Maka di-persembahkan orang-lah pada Betara Majapahit, "Ya tuanku, utusan daripada anakanda ratu Melaka datang bersama2 dengan rangga dan Barit Ketika, Laksamana panglima-nya." Sa-telah Seri Betara menengar sembah Pateh Gajah Mada demikian itu, maka titah Seri Betara, "Jika demikian, segera-lah Pateh Gajah Mada berlengkap." Maka sembah Pateh, "Ya tuanku, ada pun patek dengar khabar-nya Laksamana itu terlalu sa-kali berani-nya, tiada berlawan pada tanah Melayu itu. Jikalau dapat, patek hendak chuba juga berani-nya itu? Maka titah Seri Betara, "Mana benar pada Pateh, kerjakan-lah."

Maka Pateh Gajah Mada pun menyembah lalu keluar mengerah segala pegawai dan periai pergi menyambut surat itu. Sa-telah sudah lengkap, maka pergi-lah dengan segala bunyi2an. Hatta maka sampai-lah ka-Tuban.

Maka Laksamana dan Hang Jebat dan Hang Kasturi pun berlengkap memakai pakaian yang indah2. Maka surat dan bingkis itu pun di-naikkan oleh Laksamana ka-atas gajah. Maka Laksamana dan Hang Jebat, Hang Kasturi pun naik kuda. Maka rangga dan Barit Ketika pun naik kuda juga mengiringkan surat dan bingkis itu. Maka Laksamana pun berjalan-lah. Maka di-hadapan Laksamana itu pedang berikat empat bilah dan tombak pengawitan bersampak emas empat puloh bilah dan lembing bersampak emas bepermata empat puloh bilah. Maka segala bunyi2an pun di-palu orang-lah terlalu ramai. Maka surat dan bingkis itu pun di-arak orang-lah ka-Majapahit.

Hatta berapa lama-nya berjalan itu maka sampai-lah. Maka Laksamana dan Hang Jebat, Hang Kasturi pun turun dari atas kuda berjalan di-hadapan gajah. Maka rangga pun berkata, "Mengapa maka Laksamana turun dari atas kuda itu? Baik juga Laksamana naik kuda itu." Maka kata Laksamana,

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

"Hai rangga, ada pun akan segala hulubalang Melayu itu apabila nama turun-nya di-bawa ka-sabuah negeri itu hendak-lah sangat2 hormat dan takut akan nama tuan-nya itu. Jikalau satu2 peri surat nama tuan-nya itu, hingga mati sudah-lah; yang memberi 'aib itu sa-kali2 tiada di-peroleh, kerana negeri Majapahit ini negeri besar." Sa-telah rangga mendengar kata Laksamana demikian itu, maka ia pun diam lalu turun berjalan sama2 dengan Laksamana. Maka surat dan bingkis itu pun di-arak masok di-dalam kota, terlalu ramai orang melihat, penoh sesak sa-panjang jalan dan pesara itu.

Maka Pateh Gajah Mada pun berkata pada penjurit dua ratus itu, 'Hai kamu sakalian, pergi-lah kamu mengamok di-hadapan urusan itu, tetapi engkau mengamok itu jangan bersunggoh2; sa-kadar kamu chuba juga berani-nya. Jika lari, gulong oleh-mu sa-kali2, jika ia bertahan, kamu sakalian menyimpang Tetapi barang orang yang terlintang bunoh oleh-mu supaya main kita jangan ketara."

Maka penjurit dua ratus itu menyembah, lalu ka-tengah pesara, pesara pun sedang ramai orang hendak melihat orang mengarak surat itu. Maka penjurit itu pun berlari2 sambil menghunus keris-nya lalu mengamok di-tengah pesara itu; barang yang ada terlintang itu di-bunoh-nya. Maka orang pesara itu pun gempar-lah berlari2 ka-sana ka-mari tiada berketahuan. Maka penjurit dua ratus itu pun datang-lah ka-hadapan Laksamana dan anak periai di-atas kuda itu pun terkejut melihat orang mengamok itu terlalu banyak, tiada terkembari lagi. Barang di-mana di-tempoh-nya habis pechah. Maka segala pegawai itu pun berlarian berterjunan dari atas kuda-nya lalu berlari2 masok kampong orang. Maka segala orang memalu bunyi2an itu pun terkejut habis lari naik ka-atas kedai: ada yang lari ka-belakang Laksamana.

Sa-telah di-lihat oleh Laksamana orang gempar itu tiada berketahuan laku-nya — maka segala orang yang di-hadapan Laksamana itu pun habis lari, maka penjurit yang dua ratus itu pun kelihatan-lah di-lihat orang, mengamok terlalu banyak saperti ribut datang-nya, tiada berputusan datang-nya — maka Laksamana pun tersenyum, seraya memegang keris panjang-nya. Maka Hang Jebat, Hang Kasturi pun memegang hulu keris-nya berjalan dari kiri kanan Laksamana. Maka rangga dan Barit Ketika pun terkejut, di-sangka-nya orang yang mengamok itu bersunggoh2. Maka rangga pun segera menghunus keris-nya, seraya berkata, "Hai Laksamana, den eling, pakanira, kerana orang mengamok itu banyak." Maka sahut Laksamana seraya memekis, kata-nya, "Cheh! Mengapa pula bagitu? Bukan orang-nya yang hendak di-gertak2 itu." Maka Laksamana dan Hang Jebat, Hang Kasturi pun berjalan-lah, sa-orang pun

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

Melayu tiada undor dan tiada bergerak. Maka kata Laksamana, "Hai segala tuan2 sakalian, sa-orang pun jangan kamu undor dan bergerak. Jika kamu undor, sekarang ini juga ku-penggal leher-mu." Maka di-lihat oleh Barit Ketika orang mengamok datang saperti baling2. Maka Barit Ketika pun segera undor ka-belakang gajah.

Maka penjurit yang dua ratus itu pun berbahagi tiga menyimpang ka-kanan dan ka-kiri dan ka-hadapan Laksamana; mengamok itu lalu ka-belakang Laksamana. Maka Lakamana pun berjalan juga di-hadapan gajah itu. Maka penjurit itu pun berbalek pula dari belakang Laksamana. Maka Barit Ketika pun lari ka-hadapan berdiri di-belakang Laksamana. Maka Laksamana pun tersenyum seraya berkata, "Cheh! Mengapa bagitu? Bukan orang-nya yang hendak di-gertak2 itu." Maka Laksamana dan Hang Jebat, Hang Kasturi pun berjalan juga dengan segala orang-nya dan tiada di-indahkan-nya orang mengamok itu. Maka rangga dan Barit Ketika pun hairan melihat berani Laksamana dan segala Melayu itu. Sa-telah di-lihat oleh penjurit dua ratus itu Laksamana dan segala orang-nya tiada bergerak dan tiada di-indahkan lawan itu, maka penjurit itu pun mengamok pula ka-belakang Laksamana. Sa-ketika lagi datang pula penjurit itu ka-hadapan Laksamana pula, barang yang terlintang di-bunoh-nya dengan tempek sorak-nya, kata-nya, "Bunoh-lah segala Melayu ini!" seraya mengusir ka-sana ka-mari, barang yang terlintang di-bunoh-nya. Maka penjurit dua ratus itu pun bersunggoh2 rupa-nya. Maka sahut Laksamana, "Jika sa-banyak ini penjurit Majapahit ini, tiada ku-indahkan. Tambahan sa-banyak ini lagi pun tiada aku takut dan ku-indahkan. Jikalau luka barang sa-orang juga Melayu ini, negeri Majapahit pun habis ku-binasakan; shahadan Pateh Gajah Mada pun ku-bunoh," serta di-tendang-nya bumi tiga kali. Maka bumi itu pun bergerak. Maka Laksamana pun memekis, kata-nya, "Cheh! Tahan-lah bekas tangan-ku ini baik2!" Maka penjurit itu pun sa-konyong2 pechah lari tiada berketahuan pergi-nya.

Maka surat dan bingkis itu pun sampai-lah ka-paseban. Maka surat itu pun di-sambut oleh Raden Aria, lalu di-bacha-nya di-hadapan Seri Betara. Maka Laksamana dan Hang Jebat, Hang Kasturi pun naik-lah ka-paseban. Maka segala bingkis itu pun di-sambut orang-lah. Maka titah Seri Betara, "Hai Laksamana, kita hendak mengutus juga ka-Melaka menyuroh menyambut anak kita ratu Melaka, kerana kita pun terlalu sa-kali rindu-nya dan dendam akan anak kita. Dalam pada itu pun yang kita harap akan membawa anak kita kedua ka-Majapahit ini hanya-lah Laksamana." Maka sembah Laksamana, "Ya tuanku andika Betara." Betara pun memberi persalin akan Laksamana

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

dan Hang Jebat, Hang Kasturi pakaian sa-lengkap-nya. Maka titah Seri Betara, "Hai Laksamana, dudok-lah hampir kampong Pateh Gajah Mada itu." Maka sembah Laksamana, "Daulat tuanku, mana titah patek junjong."

Maka Seri Betara pun berangkat masok. Maka Pateh Gajah Mada dan Laksamana pun mohon-lah keluar lalu kembali ka-rumah-nya. Maka Laksamana pun di-beri tempat oleh Pateh Gajah Mada hampir kampong-nya. Maka Laksamana dan Hang Jebat, Hang Kasturi pun dudok-lah pada rumah itu.

Maka Laksamana pun menyurohkan orang-nya menghantar kapada Raden Aria. Maka kata Raden Aria kapada penyuroh Laksamana itu, "Katakan menerima kaseh-lah beta pada Laksamana. Manira pun sangat rindu dendam akan anak Laksamana. Ada suatu rahsia hendak manira katakan pada anak Laksamana akan Pateh Gajah Mada itu, kerana bichara-nya pada siang dan malam ia hendak mengenai anak Laksamana juga." Sa-telah sudah Raden Aria berpesan demikian itu, maka orang itu pun bermohon-lah kembali. Maka segala kata Raden Aria itu semua-nya di-sampaikan-nya pada Laksamana. Maka Laksamana pun tersenyum, seraya berkata, "Ada pun yang kaseh Raden Aria itu apa-tah lagi, tiada terbalas oleh manira. Tetapi, insha' Allah Ta'ala, yang di-tanah Majapahit ini tiada-lah Si-Tuah mati, di-manakan kuasa Pateh Gajah Mada itu?"

• • •

Sa-telah keesokan hari-nya maka Pateh Gajah Mada pun di-panggil oleh Seri Betara. Maka titah Seri Betara, "Hai Pateh Gajah Mada, akan sekarang apa bichara kita akan mengenai Laksamana itu?" Maka sembah Pateh, "Mari kita suroh sa-orang penjurit yang kepetangan sendal keris-nya Laksamana itu. Jikalau beroleh keris pandak-nya itu, dapat-lah kita mengenai dia." Maka titah Seri Betara, "Jika demikian, chari-lah penjurit."

Penjurit itu pun di-panggil oleh Pateh Gajah Mada. Maka penjurit itu pun segera datang mengadap. Maka titah Seri Betara, "Hai penjurit, dapat-kah engkau ku-suroh menyendal keris Laksamana yang di-pakai itu?" Maka sembah penjurit itu, "Daulat tuanku, pada bichara hati patek, jangankan keris Laksamana itu tiada dapat; jika di-titahkan chukor rambut-nya pun boleh. Indah apa-tah menyendal keris itu? Pekerjaan mudah juga." Sa-telah raja mendengar sembah penjurit itu demikian, maka Seri Betara pun terlalu suka-chita. Pada ketika itu juga di-suroh panggil Laksamana oleh Seri Betara.

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

Maka Laksamana pun segera datang berjalan saperti adat sediakala mengadap Seri Betara. Maka titah Seri Betara, "Mari Laksamana kita hendak mendengar khabar Melaka." Maka Laksamana, "Daulat tuanku andika Betara." Maka Hang Jebat, Hang Kasturi pun dudok menyembah. Maka titah Seri Betara, "Hai Laksamana, mari dudok di-bawah-ku sini; kita hendak mendengar beriwayat." Maka Laksamana pun bangkit dudok dekat Pateh dan Temenggong.

Maka hidangan pun di-angkat orang-lah. Maka segala menteri dan hulubalang pun makan-lah, masing2 pada hidangan-nya. Sa-telah sudah makan, maka minuman pula di-angkat orang. Maka piala yang bertatahkan ratna mutu ma'nikam itu pun di-peredarkan orang-lah kapada segala raja2 dan cheteria, perdana menteri dan hulubalang kesatria pun minum-lah. Maka titah raja, "Hai Laksamana, minum-lah." Maka sembah Laksamana, "Daulat tuanku andika Betara; patek mohonkan ampun dan kurnia, adat hulubalang minum juga sadikit2." Sa-telah Pateh menengar sembah Laksamana demikian itu, maka Pateh Gajah Mada pun segera beranggap kapada Laksamana. Maka titah raja kapada Laksamana, "Kita hendak mendengar riwayat sedang tatkala Laksamana perang dengan Megat Trengganu itu." Maka sembah Laksamana, "Daulat tuanku." Maka Laksamana pun beriwayat-lah: akan hal Megat Terengganu itu habis di-persembahkan-nya; kemudian dari itu maka Laksamana pun beriwayat pula akan perentah orang tua2 dahulu kala itu. Maka Seri Betara pun terlalu sukachita menengar dia.

Maka penjurit yang berchakap menyendal keris Laksamana itu pun ada menyamar makan sama2 dengan anak periai itu. Sa-telah di-lihat-nya kelakuan Laksamana beriwayat lawan Seri Betara itu, tiada di-endahkan-nya keris pendua-nya, hanya keris panjang-nya juga yang di-gamak2-nya, hatta maka penjurit itu pun perlahan2 datang ka-belakang Laksamana, di-sendal-nya keris pendua Laksamana itu dapat ka-tangan penjurit itu. Maka keris itu pun perlahan2 di-taroh-nya di-bawah permaidani Seri Betara. Tatkala itu Laksamana khayal, leka ia berkata2 itu. Sa-ketika lagi baharu ia teringat akan pendua-nya dan ingat akan pesan Raden Aria itu. Maka Laksamana pun segera menyendal keris-nya dengan siku-nya; maka di-rasa-nya tiada pendua-nya. Maka Laksamana pun berdebar2 seraya membacha pustaka-nya, maka di-sapukan-nya pada tangan-nya. Maka di-raba-nya keris Pateh Gajah Mada, dapat ka-tangan Laksamana, lalu di-sarongkan-nya oleh Laksamana pada keris-nya.

Maka titah Seri Betara, "Hai Laksamana, mana keris Laksamana yang di-peroleh pada Tameng Sari itu?" Maka sembah Laksamana, "Ada, tuanku," lalu di-hunus-nya oleh Laksamana, lalu di-tentangkan di-hadapan Seri Betara,

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

lalu di-pakai-nya pula." Maka titah Seri Betara, "Pateh Gajah Mada, mana keris Pateh, mari kita lihat?" Maka sembah Pateh, "Ada, tuanku, keris orang tua keris banyak karatan; apa guna-nya di-lihat?" sambil di-raba-nya keris-nya; maka di-rasai-nya pun tiada. Maka Pateh Gajah Mada pun kemalu2an lalu memandang kapada Temenggong, kerana Temenggong dudok dekat. Maka kata Pateh, "Hai Temenggong, mari keris-ku. Jangan di-gurau2 di-hadapan urusan Melayu ini. Rusok-mu bedah oleh-ku sekarang ini? Bukan aku tiada melawan orang maka aku engkau hendak guraukan ini." Maka sahut Temenggong, "Jangan kiai Pateh berkata demikian; jika berani Pateh pun tiada akan lebeh daripada manira."

Sa-telah di-lihat oleh Seri Betara Temenggong dan Pateh berbantah itu, maka Seri Betara pun segera mengeluarkan keris itu lalu di-unjokkan kapada Laksamana. Maka di-sambut oleh Laksamana. Maka titah Seri Betara, "Hai Laksamana dan Pateh, sahaja kita hendak bergurau2 pada Laksamana." Maka keris Pateh itu pun di-hunus-nya daripada pinggang-nya, lalu di-pulangkan-nya pada Pateh Gajah Mada. Maka sembah Laksamana, "Daulat tuanku, apa-tah salah-nya tuan bergurau dengan hamba-nya? Tetapi patek mohonkan ampun dan kurnia, jangan genap dua kali bergurau yang demikian ini, kalau2 tiada baik jadi-nya, kerana hulubalang Melayu itu tiada dapat berguraukan keris di-hadapan majlis. Jikalau sudah terhunus keris-nya itu, jikalau tiada mati, sa-kadar luka ada-lah. Tetapi pada permainan penjurit dan perlénté ini, masakan patek tewas daripada penjurit Majapahit ini."

Sa-telah Seri Betara mendengar sembah Laksamana demikian itu, maka Seri Betara pun kemalu2an, lalu bertitah, "Hai Laksamana, ada pun anak sungai kita Siantan itu anugerah kita-lah akan Laksamana; putus datang kapada anak chuchu Laksamana; akan jadi upah Laksaman beriwayat itu." Maka sembah Laksamana, "Daulat tuanku, patek menjunjong anugerah." Maka pada ketika itu juga mandalika Siantan itu pun di-suroh panggil di-serahkan pada Laksamana. Maka Laksamana pun menyembah lalu pulang ka-rumah-nya.

• • •

Sa-telah sudah Laksamana kembali itu, maka kata Temenggong, "Hai Pateh, tadi tuan hamba hendak menikam hamba kerana Laksamana menyendal keris pakanira itu; tikam-lah oleh pakanira Laksamana itu tadi. Alang-kah baik-nya; manira-lah menambahi dia." Sa-telah Pateh Gajah Mada menengar kata Temenggong demikian itu, maka kata Pateh Gajah Mada, "Hai Temenggong,

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

apa-tah daya-ku kerana Laksamana itu utusan; lagi pun ia biasa bergurau lawan manira. Jika Laksamana itu sama penggawa, neschaya sudah dari tadi manira tikam." Sa-telah Seri Betara mendengar kata Pateh demikian itu berbantah dengan Temenggong itu, maka titah Seri Betara, "Hai Pateh, pekerjaan apa ini saperti bukan orang tua? Mari juga kita meshuarat akan membunoh Laksamana itu."

Maka sembah Pateh Gajah Mada, "Ya tuanku, ada suatu bichara patek akan membunoh Laksamana itu. Dengan tiada bersusah-nya juga Laksamana itu mati. Mari chari sa-orang penjurit yang perlénté, kita suroh churi kain baju Laksamana itu; maka kita tarohkan kain baju Laksamana itu dalam istana; maka kita katakan Laksamana itu bermukah dengan orang dalam istana yang di-pakai oleh baginda. Maka kita kirim surat pada raja Melaka, kain dan baju Laksamana itu pun kita kirimkan; maka Laksamana pun kita suroh bunoh pada raja Melaka. Tiada dapat tiada di-bunoh-nya juga Laksamana itu oleh raja Melaka. Apabila Laksamana mati, yang raja itu mudah juga kapada kita." Sa-telah Seri Betara mendengar sembah Pateh Gajah Mada itu, maka titah Seri Betara, "Benar-lah saperti kata Pateh itu."

Maka Pateh pun memanggil sa-orang penjurit lagi kepetangan. Sa-telah penjurit itu datang, maka kata Pateh, "Hai Perwala, dapat-kah engkau ku-suroh menchuri kain baju Laksamana itu?" Maka sembah Perwala, "Jangankan kain baju Laksamana itu tiada dapat manira churi, jikalau tuboh Laksamana sa-kali pun dapat manira churi." Maka kata Pateh Gajah Mada, "Jangan-lah tuboh Laksamana itu kau churi; jikalau dapat, kain baju Laksamana itu juga churi." Maka sembah Perwala, "Baik-lah, atas manira-lah yang pekerjaan itu. Esok hari-lah manira persembahkan kain baju Laksamana itu." Maka Pateh Gajah Mada pun memberi ganjaran akan Perwala, empat puloh laksa pitis, kain sa-perangguan.

Sa-telah keesokan hari-nya maka Perwala, itu pun berjalan-lah ka-kampang Laksamana. Lakamana pun sediakala pagi2 hari pergi ka-sungai dan mandi. Maka Laksamana pun berjalan-lah dua berbudak. Sa-telah di-lihat oleh Perwala, akan Laksamana itu, di-ikut-nya di-hayam2i dari jauh. Sa-telah Laksamana datang pada tempat ka-sungai itu, maka Laksamana pun ka-sungai-lah. Sa-telah sudah maka Laksamana pun pergi pada suatu peng-kalan yang sunyi, ia bersuchi. Sa-telah bersuchi maka Laksamana pun me-nanggalkan kain baju-nya di-berikan-nya pada budak-nya itu. Maka Laksamana pun berkain basahan lalu ka-dalam sungai itu dengan keris panjang-nya. Maka Laksamana pun menyelam, sa-belah tangan-nya memegang keris panjang-nya.

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

Sa-telah di-lihat oleh Perwala, Laksamana menyelam itu, maka ia pun segera berlari2 datang ka-tebing sungai itu lalu di-rebut-nya kain baju Laksamana daripada tangan budak itu lalu di-larikan-nya. Maka budak itu pun berteriak, kata-nya, "Ayo, dato'! Kain baju dato' di-samun orang!"

Harta maka di-dengar oleh Laksamana di-dalam ayer itu suatu budak berteriak itu. Maka Laksamana pun segera berdiri, di-lihat-nya oleh Laksamana kain baju-nya yang di-pegang oleh budak-nya itu di-samun orang. Maka Laksamana pun segera melompat naik ka-tebing sungai itu serta di-usir-nya, seraya menghunus keris-nya. Maka di-lihat oleh Laksamana perlénté itu lari, maka Laksamana pun melompat dua tiga langkah lalu di-parang-nya oleh Laksamana, kena bahu-nya putus terpelanting kepala-nya. Maka Laksamana pun mengambil kain baju-nya lalu di-pakai-nya seraya berjalan kembali ka-rumah-nya. Maka Laksamana pun bersalin kain dan baju dan memakai pendua-nya seraya mengajak Hang Jebat, Hang Kasturi mengadap Seri Betara.

Tatkala itu Seri Betara pun sedang ramai di-adap orang banyak. Sa-telah Seri Betara melihat Laksamana datang itu, maka segera Seri Betara bertitah, "Mari Laksamana dudok. Sunggoh-kah Laksamana membunoh penyamun tadi? Shabas-lah, Laksamana!" Maka sembah Laksamana, "Daulat tuanku, sunggoh patek membunoh penyamun itu tadi." Maka titah Seri Betara, "Demikian-lah kehendak-ku." Maka Laksamana pun di-anugerahi persalin. Sa-telah sudah maka Laksamana pun bermohon pulang ka-rumah-nya.

• • •

Sa-telah sudah Laksamana kembali maka Seri Betara pun bertitah, "Hai Pateh, akan sekarang apa pula bichara kita akan mengenai Laksamana itu?' Maka sembah Pateh, "Ada suatu tipu patek akan mengenai dia itu. Mari kita perjamu makan minum; apabila ia mabok, maka kita anggap ia menari. Pada tatkala itu-lah kita tikam." Sa-telah Seri Betara mendengar sembah Pateh Gajah Mada demikian itu, maka titah Seri Betara, "Benar-lah saperti sembah Pateh Gajah Mada itu. Kita pun berkenan-lah."

Maka Pateh pun segera-lah menyuroh memanggil sa-orang penjurit terlalu kebal, Semirang nama-nya. Maka Semirang pun segera datang mengadap Betara Majapahit. Maka titah Seri Betara, "Hai Semirang, dapat-kah engkau menikam Laksamana?" Maka sembah Semirang, "Daulat tuanku andika Betara, lamun juga dengan titah Seri Betara ratu Melaka pun dapat patek tikam, tetapi

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

tiada di-kenal rupa-nya Laksamana itu." Maka titah Seri Betara, "Baik-lah, ku-suroh tunjokkan rupa-nya itu kapada-mu."

Sa-telah sudah maka Seri Betara pun menitahkan biduanda kechil memanggil Laksamana. Maka Laksamana dan Hang Jebat, Hang Kasturi pun datang mengadap. Maka titah Seri Betara, "Mari Laksamana, kita hendak melihat anak Melayu menari." Maka sembah Laksamana, "Daulat tuanku."

Maka hidangan pun di-angkat orang-lah. Sa-telah sudah makan minuman pula datang. Maka piala yang bertatahkan ratna mutu ma'nikam itu pun di-peridarkan orang-lah pada segala raja2 dan cheteria hulubalang sakalian pun minum-lah. Maka penjurit yang berchakap hendak membunoh Laksamana itu pun ada-lah dudok menyamar pada orang banyak minum itu. Sa-telah dua tiga piala sa-orang minum, maka titah Seri Betara, "Hai Laksamana, kita hendak melihat segera raja dan cheteria, hulubalang menari chara Melayu. Beranggap2an-lah tuan2 sakalian." Maka sembah Laksamana, "Daulat tuanku."

Maka segala raja2 dan menteri pun menari-lah di-hadapan Seri Betara, berganti2 menari, terlalu ramai; Pateh dan Temenggong pun sa-bagai berang-gap kapada Laksamana, di-pertubi2-nya anggap, tetapi Laksamana tiada mabok. Maka Pateh dan Temenggong pun mabok. Maka Pateh pun menyembah lalu berbangkit menari. Maka Seri Betara pun suka tertawa2 melihat Pateh menari itu, laku-nya kebudak2an. Laksamana pun tahu-lah akan semu-nya Pateh Gajah Mada itu. Maka titah Seri Betara, "Hai kiai Pateh, anggapkan kapada Laksamana, kerana kita hendak melihat Laksamana menari, kerana kita dengar Laksamana pandai menari chara Melayu." Maka Pateh pun lalu bangun menari, serta di-sinsing-nya tangan baju-nya; maka di-anggapkan-nya pada Laksamana. Maka Laksamana pun menyembah lalu bangun menari, serta di-sinsing tangan baju-nya, memegang hulu keris panjang-nya. Sa-telah itu maka di-kedang2kan tangan-nya apabila ia melompat ka-kiri dan ka-kanan, serta memekis, kata-nya, 'Cheh! Mana-tah penjurit Majapahit? Mari-lah berhadapan dengan aku, empat baik lima baik, tiada di-endahkan pada-ku."

Maka tatkala itu Semirang pun datang ka-iringan Laksamana. Maka Laksamana pun tahu akan Semirang hendak menikam dia itu. Maka Laksa-mana pun memegang hulu keris-nya serta mengerling dengan ekor mata-nya. Maka Hang Jebat dan Hang Kasturi pun menyelak pendua-nya, mata-nya tiada lepas daripada Seri Betara dan Pateh Gajah Mada juga di-kerling-nya, dalam hati-nya: 'Laksamana ini jika kena tikam, yang Seri Betara dan Pateh Gajah Mada ini semaja dalam tangan-ku-lah.' Maka di-lihat oleh Seri Betara kela-kuan Laksamana menari dan segala Melayu itu terlalu ingat, masing2 menyelak

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

pendua-nya. Maka beberapa Semirang hendak menikam akan Laksamana; jangankan tertikam, keris-nya pun tiada terhunus. Maka Semirang pun hairan.

Laksamana pun sudah-lah menari itu, lalu menyembah Seri Betara. Seri Betara pun kemalu2an, lalu bertitah, "Hai Laksamana, yang Pulau Hitam itu anugerah kita; pun sa-telah kapada Laksamana datang kapada anak chuchu Laksamana." Maka sembah Laksamana, 'Daulat tuanku."

Maka titah Seri Betara, 'Hai Laksamana, ada pun yang kita harap itu hanya-lah Laksamana akan membawa anak kita kedua ka-Majapahit ini, kerana kita terlalu rindu dendam akan anak kita. Jikalau kita bertemu dengan anak kita kedua, besar kebaktian Laksamana pada kita." Maka sembah Laksamana, "Daulat tuanku."

Maka orang minum itu pun sudah-lah. Maka Laksamana pun bermohon-lah kapada Seri Betara lalu pulang ka-rumah-nya.

• • •

Maka peninggal Laksamana itu maka titah Seri Betara pada Pateh, 'Apa bichara kita mengenai itu? Pada pengelihatan-ku, terlalu sukar mengenai, kerana terlalu ingat." Maka sembah Pateh, "Ada suatu bichara patek akan mengenai Laksamana itu. Kita chari penjurit empat puloh yang berani dan kepetangan. Maka kita suroh adang tatkala ia ka-sungai kita suroh tikam dengan tombak empat puloh itu, kerana adat Melayu yang membawa sharat hulubalang, apabila ia ka-sungai, mulut-nya tiada mau berkata2, kerana belum habis ka-sungai itu. Tatkala itu-lah kita tikam, kerana Laksamana ka-sungai itu tiada membawa keris pedang, hanya-lah budak sa-orang memegang kain baju-nya, tatkala itu-lah dapat di-tikam." Maka titah Seri Betara, 'Benar-lah saperti bichara Pateh Gajah Mada itu; segera-lah chari empat puloh penjurit itu."

Maka Pateh Gajah Mada pun menyembah lalu pulang ka-rumah-nya. Maka ia menyuroh panggil penjurit empat puloh itu. Maka kata Pateh, Hai penjurit yang empat puloh, dapat-kah engkau membunoh Laksamana itu?' Maka sembah penjurit itu, "Kiai, kula mohonkan ampun, jangankan Laksamana sa-orang, jikalau negeri Melaka sa-kali pun dapat kula alahkan." Sa-telah Pateh menengar chakap segala penjurit itu, maka Pateh pun memileh tombak empat puloh yang bertatahkan emas; maka di-berikan-nya pada penjurit itu Maka kata Pateh, "Pergi-lah kamu, adang Laksamana esok hari tatkala ka-sungai atau sedang ia bersuchi. Tikam oleh-mu sunggoh2; jangan lagi di-beri berjijak

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

di-bumi." Maka penjurit empat puloh itu pun di-perjamu-nya makan minum dan di-persalin-nya. Maka penjurit itu pun mohon-lah lalu pulang ka-rumah-nya.

Sa-telah keesokan hari-nya maka penjurit empat puloh itu pun pergi-lah mengadang tempat Laksamana ka-sungai itu.

Hatta maka Laksamana pun hendak ka-sungai. Maka ia pun mengambil keris panjang-nya lalu turun. Sa-telah sampai ka-tempat itu, maka bergerak bahu-nya kanan. Maka Laksamana pun fikir dalam hati-nya: 'Ada pun pada hari ini pada firasat-ku berperang juga rasa-nya dan melihat darah lawan.' Sa-telah sudah maka ia pun mengambil pendua-nya lalu di-pakai-nya. Maka keris panjang-nya di-pegang-nya dengan tangan-nya kiri. Maka Laksamana pun berjalan-lah dua berbudak pergi pada tempat ka-sungai itu lalu masok hutan pada tempat yang lindong.

Sa-telah sudah Laksamana ka-sungai, maka penjurit tempat puloh itu pun datang-lah dari kiri kanan Laksamana, seraya berkata, "Bunoh-lah Melayu ini beri mati2. Jangan lagi beri lepas." Maka penjurit itu pun berbahagi empat sa-puloh dari hadapan sa-puloh dari kanan sa-puloh dari kiri sa-puloh dari belakang, lalu di-tikam-nya pada Laksamana dengan tombak-nya. Maka di-tangkis oleh Laksamana dengan sarong-nya keris itu seraya di-hunus-nya keris panjang-nya seraya tertinggong ka-sungai. Maka di-tangkiskan oleh Laksamana tikam penjurit itu empat puloh, suatu pun tiada mengenai Laksamana. Maka Laksamana pun sudah-lah istinja-nya lalu berdiri. Maka penjurit itu pun undor. Maka Laksamana pun berjalan pergi pada sa-buah kolam bersuchi. Maka penjurit empat puloh itu pun datang pula mendapatkan Laksamana, serta di-tikam-nya di-pertubi2-nya. Maka di-tangkiskan oleh Laksamana tikam penjurit itu. Maka mata tombak-nya itu pun habis putus2 di-parang oleh Laksamana. Hatta maka Laksamana pun sudah-lah bersuchi lalu berdiri serta melompat, di-parang-nya telinga penjurit itu, kena, putus. Maka di-parang-nya sa-orang lagi, kena tangan-nya putus.

Sa-telah di-lihat oleh segala penjurit itu kelakuan Laksamana pandai bermain keris itu, maka segala penjurit itu pun habis lari mendapatkan Pateh Gajah Mada dengan berhiliran darah: ada yang keluar di-hidong-nya, ada yang keluar dari mulut-nya; ada yang keluar darah dari telinga-nya, ada yang keluar dari mata-nya. Maka segala hal ihwal ia menikam Laksamana itu semua-nya di-persembahkan-nya pada Pateh Gajah Mada. Menengar sembah penjurit itu maka Pateh pun hairan. Maka ia fikir dalam hati-nya: 'Jika di-bunoh-nya pun segala penjurit ini oleh Laksamana habis mati oleh-nya; sa-kadar ia hendak

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

menunjokkan tahu-nya juga maka di-perbuat-nya demikian ini.' Maka kata Pateh, "Hai segala penjurit, apa pengelihatan-mu, kerana ia sa-orang, engkau empat puloh lawan, tiada terbunoh oleh-mu?" Maka sembah segala penjurit itu, "Kiai, kula sakalian pun banyak-lah membunoh orang dan menikam orang, sama berhadapan kula tikam, dari belakang sudah kula tikam, tiada saperti menikam Laksamana ini. Belum kula tikam, mata tombak kula sakalian terbengkong. Apabila ia melompat, kula sakalian lihat saperti gunong api; kula2 sakalian lihat saperti singa yang galak tiada membilangkan lawan-nya. Demikian-lah kula sakalian lihat. Jika sa-laku ini, jangankan kula empat puloh, jika empat ribu pun sukar membunoh dia itu; angor-lah kula di-surohkan pergi mengalahkan negeri."

Sa-telah Pateh mendengar sembah penjurit itu, maka Pateh pun membawa penjurit itu mengadap Seri Betara. Maka sembah Pateh, "Ya tuanku, mohonkan ampun dan kurnia, yang penjurit empat puloh ini patek surohkan membunoh Laksamana itu," segala hal ihwal-nya itu semua-nya di-persembahkan-nya oleh Pateh. Maka Seri Betara pun terlalu hairan.

• • •

Maka sembah Pateh, "Ada sa-orang penjurit tua, lagi banyak tahu-nya dan 'ilmu-nya, lebeh tahu-nya daripada Tameng Sari itu. Sebab tiada dapat di-tentang oleh lawan, kerana keris-nya itu. Kerana sebab beroleh membunoh Tameng Sari pun, keris-nya itu beroleh akan Laksamana dengan tipu-nya juga. Jikalau dapat keris itu, maka dapat-lah Laksamana itu kita bunoh." Maka titah Seri Betara, "Jika demikian, baik-lah suroh panggil penjurit itu, kita suroh churi keris-nya itu juga." Maka sembah Pateh Gajah Mada, "Daulat tuanku". Maka Pateh pun menyembah lalu pulang ka-rumah-nya.

Maka ia menyuroh panggil penjurit yang bernama Sang Kertaksa; Sang Kertaksa pun datang mengadap Pateh. Maka kata Pateh, "Hai Sang Kertaksa dapat-kah engkau ku-surohkan?" Maka sembah Sang Kertaksa, "Hendak suroh ka-mana kula? Hendak di-surohkan membunoh orang, mohon-lah; kula lagi bertapa." Maka kata Pateh, "Tiada ku-suroh membunoh orang; hendak ku-suroh menchuri keris Laksamana utusan Melayu itu; keris pendua-nya yang berhulukan emas dan sarong-nya yang bepermata, kerana Seri Betara hendak akan keris itu dapat di-perbuat keris kerajaan. Jika boleh keris itu, besar ganjaran, entah sa-buah negeri, siapa tahu?" Sa-telah Sang Kertaksa menengar kata Pateh itu, maka ia pun tertawa gelak2, seraya berkata, "Kula di-titahkan

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

menchuri keris Laksamana itu dapat kula churi. Kelak malam-lah kula pergi dan kula persembahkan keris Laksamana itu, tetapi tiada tahu tempat-nya Laksamana itu." Maka kata Pateh Gajah Mada, "Baik-lah, ku-surohkan orang tunjokkan kapada-mu." Maka Sang Kertaksa pun di-perjamu makan minum dan di-beri persalin oleh Pateh Gajah Mada lalu kembali ka-rumah-nya bertapa itu.

Maka ia pun membuka pustaka-nya: dapat keris Laksamana itu di-churi-nya, tetapi tiada dapat orang yang lain daripada Laksamana yang memakai keris itu. Sa-telah sudah ia membuka pustaka-nya, maka hari pun malam-lah. Maka Sang Kertaksa pun berjalan-lah ka-pintu Laksamana. Maka oleh Sang Kertaksa di-buka-nya pintu kampong Laksamana itu. Sa-telah terbuka maka Sang Kertaksa pun berjalan-lah masok ka-dalam kampong Laksamana itu lalu berjalan ka-rumah Laksamana. Maka di-belah-nya pagar rumah Laksamana itu lalu masok ka-bawah rumah; maka di-hintai-nya.

Maka tatkala itu Laksamana lagi dudok berkata2 dengan Hang Jebat, Hang Kasturi. Maka kata Laksamana pada Hang Jebat, "Pada bichara hamba, penjurit empat puloh itu jika hamba bunoh keempat puloh-nya pun mati, tetapi tiada mashhor nama hamba kapada segala penjurit dalam negeri Majapahit ini; sebab itu-lah maka hamba tiada bunoh." Maka kata Hang Jebat, "Benar-lah saperti bichara orangkaya itu, tetapi lagi2-nya jika orangkaya hendak ka-sungai atau mandi, jangan alpa. Jika orangkaya hendak ka-sungai atau mandi, di-perhamba kedua bersaudara tiada-kah boleh mengiringkan orangkaya? Kerana kita ketiga ini saperti telor sa-sarang, jika pechah satu juga pechah semua-nya. Jikalau orangkaya satu2 peri di-tanah Majapahit ini, alang-kah nama Duli Yang Di-Pertuan 'aib, shahadan di-perhamba kedua pun tiada-lah berguna pada kebawah Duli Yang Di-Pertuan. Di-perhamba lihat, ini sangat-lah Duli Yang Di-Pertuan harap akan orangkaya; hanya-lah Betara Majapahit juga hendak membunoh orangkaya." Maka kata Laksamana, "Benar-lah saperti kata saudara-ku itu, tetapi, insha' Allah Ta'ala, dengan berkat pengajar guru-ku, tiada lebeh tahu-nya segala penjurit Majapahit ini daripada aku."

Maka segala kata Laksamana dan Hang Jebat, Hang Kasturi itu semua-nya di-dengar oleh Sang Kertaksa. Sa-telah sudah maka hari pun hampir tengah malam. Maka Laksamana pun hendak tidor. Maka di-ambil-nya keris penduanya di-taroh-nya di-kepala-nya tidor dan keris panjang-nya di-taroh-nya di-kiri-nya, dari kanan pedang perisai di-taroh-nya. Maka ia pun tidor-lah. Maka di-lihat oleh Sang Kertaksa Laksamana sudah tidor itu, maka Sang Kertaksa pun naik ka-atas rumah Laksamana itu. Maka di-raba-nya pintu itu.

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

Maka ia berdiri di-tengah pelantaran membacha pustaka-nya. Maka Laksamana dan Hang Jebat, Hang Kasturi dan segala Melayu itu pun tidor-lah berkaparan terlalu nyedera. Maka Sang Kertaksa masok-lah ka-dalam rumah Laksamana lalu ka-tempat tidor Laksamana. Maka di-lihat-nya kelakuan Laksamana tidor itu naga kepulir, tangan-nya kanan memegang hulu keris panjang-nya, tangan-nya kiri memegang hulu keris pendua-nya. Maka dalam hati-nya: 'Sunggoh-lah Laksamana ini hulubalang besar lagi penjurit amat kepetangan dan terlalu berani, tidor-nya pun terlalu ingat.' Sudah ia fikir demikian, di-raba-nya keris pandak-nya yang di-atas kepala-nya Laksamana itu, dapat pada tangan-nya lalu di-bawa-nya turun keluar kampong, di-bawa-nya mengadap Seri Betara.

Maka tatkala itu Seri Betara ada lagi jaga menantikan Sang Kertaksa. Sa-telah datang maka di-tegor oleh Seri Betara, "Mari Sang Kertaksa." Sang Kertaksa pun dudok menyembah. Maka keris itu pun di-persembahkan-nya. Sa-telah Seri Betara melihat keris itu maka baginda pun terlalu sukachita, dalam hati-nya, 'Sa-kali ini mati-lah Laksamana ini.' Maka keris itu pun di-bawa-nya masok ka-dalam istana lalu di-taroh baginda di-dalam peti tujoh lapis Maka baginda pun tidor-lah hampir peti itu. Maka orang bertunggu pun penoh sesak.

Sa-telah keris itu di-persembahkan-nya pada Seri Betara, maka Laksamana pun jaga daripada tidor-nya, kata-nya, "Sedap-nya aku tidor! Apa gerangan padah-nya?" Maka di-raba-nya keris-nya pandak di-taroh-nya di-atas kepala-nya itu, tiada. Maka berdebar2 hati-nya, kata-nya, "Wah, terkena-lah aku oleh Pateh Gajah Mada!" Maka Laksamana segera mengambil pustaka-nya, lalu di-bacha-nya. Maka di-lihat-nya keris-nya sudah di-persembahkan pada Seri Betara. Maka Laksamana pun segera turun dari rumah-nya lalu berjalan ka-dalam istana. Maka Laksamana pun membacha pustaka-nya. Maka segala pintu itu pun habis terbuka, dan sakalian-nya orang bertunggu itu pun habis tidor terlalu chendera-nya. Maka Laksamana pun masok ka-dalam istana itu lalu ka-peraduan. Maka di-lihat-nya ada sa-buah peti tujoh lapis. Maka fikir Laksamana: 'Ada pun keris-ku ini di-taroh-nya di-dalam peti ini-lah gerangan di-taroh-nya.' Maka Laksamana pun segera membuka peti itu. Maka di-lihat-nya keris itu di-dalam peti kechil. Maka di-ambil-nya; maka peti itu pun di-kunchi-nya pula ketujoh lapis.

Maka Laksamana pun turun dari atas istana itu lalu berjalan keluar pulang ka-rumah-nya. Maka kata Hang Jebat, Hang Kasturi, "Apa khabar-nya keris orangkaya itu?" Maka kata Laksamana, "Insha' Allah Ta'ala, berkat tapak guru-ku, boleh; ini-tah keris-nya." Maka kata Hang Jebat, Hang Kasturi,

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

"Itu-lah sahaya kedua saudara dan segala saudara ini meshuarat: jika tiada bertemu keris itu, esok hari kita sakalian masok mengamok ka-dalam istana Seri Betara. Sa-pala2 nama jahat jangan kepalang." Maka sahut Laksamana, "Benar-lah saperti bichara saudara-ku sakalian itu, tetapi mudah juga pekerjaan itu pada hamba."

Arakian hari pun siang-lah. Maka Pateh Gajah Mada pun masok mengadap Seri Betara. Maka sembah Pateh, "Ya tuanku, pada bichara patek baik Seri Betara mengerahkan segala pegawai dan periai ra'ayat sakalian beringat kalau2 Laksamana itu amarah, kerana keris-nya hilang itu, kalau ia mengamok ka-dalam." Maka titah Seri Betara, "Benar-lah saperti bichara Pateh Gajah Mada itu. Kerahkan-lah segala ra'ayat kita." Pateh Gajah Mada pun menyembah lalu keluar mengerahkan segala penggawa dan periai dan segala ra'ayat dengan alat senjata.

Hatta maka Laksamana pun masok mengadap di-iringkan oleh Hang Jebat, Hang Kasturi. Sa-telah sampai ka-dalam; maka di-lihat oleh Laksamana segala penggawa dan raja2 semua-nya berhimpun. Maka Laksamana orang berani, tiada di-endahkan. Maka Laksamana pun mengasak pendua-nya ka-hadapan. Maka di-lihat oleh Seri Betara Laksamana datang itu dan keris-nya dua bilah di-bawa-nya dan keris itu pun di-kenal-nya oleh Seri Betara, dua bilah keris itu. Maka segera di-tegor-nya oleh Pateh Gajah Mada, "Mari anak Laksamana." Maka Laksamana pun tersenyum, seraya dudok menyembah. Maka titah Seri Betara, "Ada pun yang kita harap hanya-lah Laksamana akan membawa anak kita kedua itu, tetapi Seri Betara takut akan Laksamana mengamok keris-nya hilang itu." Maka sembah Laksamana, "Daulat tuanku andika Betara, insha' Allah Ta'ala, hendak-lah paduka Betara segera melepaskan patek kembali mengadap paduka anakanda." Maka titah Seri Betara, "Baik-lah."

Maka baginda pun masok ka-dalam istana. Maka di-buka-nya peti tempat menaroh keris Laksamana itu, di-lihat-nya keris itu pun tiada. Maka Seri Betara pun terlalu hairan lalu keluar.

Maka hidangan pun di-angkat orang-lah. Sa-telah sudah maka minuman pula datang, tambul pelbagai rasa-nya. Maka segala pegawai pun minum-lah terlalu ramai. Maka Pateh Gajah Mada pun fikir di-dalam hati-nya: 'Baik-lah Laksamana ini ku-suroh pada pengawitan yang tujoh ribu itu membunoh dia. Apabila Laksamana turun daripada paseban juga segera-lah katup pintu paseban ini.' Sa-telah ia fikir demikian itu, maka Pateh pun menyembah lalu keluar, seraya berkata pada Temenggong, "Manira hendak ka-sungai." Maka Seri Betara pun tahu akan bichara Pateh Gajah Mada itu. Maka Pateh pun

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

turun-lah lalu berjalan kapada pintu paseban. Maka kata Pateh pada segala periai yang bertunggu pintu di-luar itu tujoh lapis, "Apabila Laksamana keluar sekarang, pintu paseban ini suroh tutup. Apabila pintu terkunchi, maka segala tombak kamu rebahkan, halakan pada Laksamana. Apabila kamu dengar bunyi gempar juga, maka sakalian tikam-lah Laksamana itu sunggoh2." Sa-telah sudah Pateh berpesan demikian itu, maka ia pun kembali mengadap Seri Betara lalu dudok menyembah.

Maka orang minum itu terlalu ramai. Maka Pateh dan Temenggong pun sa-bagai melarah Laksamana juga, tetapi Laksamana orang bijaksana, tahu ia minum, tiada mabok. Maka Pateh Gajah Mada dan segala penggawa pun habis mabok. Sa-telah di-lihat oleh Seri Betara Pateh Gajah Mada dan segala penggawa itu habis mabok, akan Laksamana dan Hang Jebat, Hang Kasturi juga tiada mabok, maka Seri Betara pun segera-lah berangkat masok ka-dalam istana.

Maka Laksamana pun menyembah lalu turun dari paseban. Maka Hang Jebat, Hang Kasturi berjalan-lah dari kiri kanan Laksamana lalu keluar pintu paseban itu. Maka segera di-katup orang pintu itu. Maka segala penggawa di-pintu itu pun merebahkan tombak, di-halakan-nya pada Laksamana, seraya kata-nya, "Bunoh-lah Laksamana dan segala Melayu ini." Sa-telah di-lihat oleh Laksamana segala penggawa itu hendak menikam dia itu, maka Laksamana pun segera mengambil pedang dan perisai, lalu di-hunus-nya, seraya melompat, kata-nya, "Tahan-lah bekas tangan-ku ini baik2!" Maka mata tombak itu pun terbengkong. Maka Laksamana pun melompat lalu di-parang-nya mata tombak itu habis putus2 Maka segala penggawa itu pun habis lari Maka Hang Jebat, Hang Kasturi pun lalu menghunus keris panjang-nya, serta me-lompat lalu di-parang-nya segala penggawa itu, empat puloh orang mati. Maka kata Laksamana, "Hai saudara-ku, jangan bunoh segala orang itu." Maka kata Hang Jebat, Hang Kasturi, "Mengapa orangkaya tiada di-beri, kerana di-perhamba terlalu geram rasa-nya melihat kelakuan datang itu?" sambil ia menyarongkan keris-nya. Maka kata Laksamana, "Kita ini sa-genap pintu tujoh lapis ini di-adang-nya juga oleh penggawa itu, tetapi lihat-lah juga oleh saudara-ku." Maka Laksamana pun menyarongkan pedang-nya, seraya ber-jalan.

Maka Laksamana pun sampai-lah pada sa-lapis pintu. Sa-telah di-lihat oleh segala penggawa itu, maka sakalian itu pun hendak menikam dia. Maka Laksamana pun menghunus pedang-nya serta memekis, kata-nya, "Cheh! Tahan-lah bekas tangan-ku baik2!" lalu di-parang-nya segala tombak yang

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

datang itu berkeliling tuboh-nya, kena putus2 batang-nya. Maka segala penggawa itu pun habis lari keluar. Maka Laksamana pun sampai-lah ketiga lapis pintu; demikian juga, di-pertubi2-nya oleh Laksamana. Maka datang kapada tujoh lapis pintu yang luar sa-kali. Maka segala penggawa yang lari itu pun berhimpun pula di-luar pintu itu dudok meshuarat. Maka kata sakalian yang berani, "Mari kita amok Laksamana itu dengan keris pandak." Maka sahut sa-orang lagi, "Benar-lah bichara pakanira itu, kerana Laksamana hulubalang besar dan pandai pada mematah tombak." Sa-telah ia meshuarat maka segala penggawa itu pun menghunus keris-nya. Maka beberapa hendak di-hunus, tiada juga terhunus. Maka di-parang-nya oleh Laksamana, Hang Jebat, Hang Kasturi seraya berjalan keluar. Sa-telah di-lihat oleh Laksamana segala hulubalang itu memegang hulu keris-nya, maka Laksamana dan Hang Jebat dan Hang Kasturi pun melompat lalu di-parang-nya segala penggawa itu, tetapi Laksamana memarang itu tiada membunoh, sa-hingga memberi dahshat dan takut juga; di-parang-nya hujong hidong dan telinga-nya dan hujong jari-nya juga. Sa-telah sudah Hang Jebat, Hang Kasturi melihat hal demikian itu, maka di-parang-nya sunggoh2, dua tiga puloh orang mati. Maka segala penggawa itu pun habis lari cherai-berai masing2 membawa diri-nya. Maka Laksamana pun kembali ka-rumah-nya.

Maka Pateh Gajah Mada pun keluar. Maka di-lihat-nya bangkai empat lima orang penggawa; pada suatu pintu itu berpuloh2 orang mati dan penggawa yang baik2. Maka ia pun hairan terchengang2 melihat hal demikian itu. Maka Pateh pun berjalan-lah ka-rumah-nya.

• • •

Pada malam itu Pateh Gajah Mada pun tiada tidor dudok membicharakan pekerjaan hendak membunoh Laksamana, kerana pekerjaan-nya itu semua-nya di-ketahui-nya oleh orang. 'Baik-lah Laksamana ini ku-suroh kembali ka-Melaka supaya raja Melaka segera datang ka-Majapahit ini. Apabila raja Melaka datang, banyak-lah bichara-ku akan membunoh Laksamana ini, kerana ia orang berani, mudah juga membunoh dia.' Sa-telah sudah ia fikir demikian maka Pateh Gajah Mada pun masok mengadap Seri Betara. Maka titah Seri Betara, "Apa-tah khabar?" Maka sembah Pateh, "Pada bichara patek, baik-lah Laksamana ini biar ia segera kembali supaya raja Melaka datang, kerana kita ini tiada dapat mengenai dengan bersegera2, kerana ia orang berani. Dengan perlahan2 ka-mana-tah pergi-nya?" Maka titah Seri Betara, "Benar-

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

lah bichara Pateh itu, tetapi malu kita memandang muka-nya." Maka sembah Pateh, "Jika demikian, baik-lah kita suroh panggil Laksamana itu ka-mari. Pura2 tuanku bertanya kapada-nya; akan titah Seri Betara: 'Kita tiada tahu akan pekerjaan segala penggawa mengamok itu, kerana kita sangat mabok, Pateh dan Temenggong pun sangat mabok.' Demikian-lah titah paduka Betara pada Laksamana." Sa-telah Seri Betara mendengar sembah Pateh Gajah Mada demikian itu, maka Seri Betara pun menitahkan Barit Ketika memanggil Laksamana.

Maka tatkala itu Laksamana pun sudah memakai hendak masok mengadap Maka kata Laksamana, "Ada pun kita mengadap ini lalu kita bermohon-lah, lepas tiada lepas pun mohon juga kita." Maka kata Hang Jebat, "Baik-lah bichara orangkaya itu. Jika sa-laku ini, sahaja akan di-atas paseban di-hadapan Seri Betara kelak gempar, kerana hati di-perhamba ini tiada tertahan melihat kelakuan Seri Betara dan Pateh Gajah Mada itu, terlalu sangat hendak membunoh kita sakalian ini." Dalam berkata2 maka Barit Ketika pun datang gopoh2. Maka Laksamana pun turun berdiri di-tanah. Maka di-pegang oleh Laksamana tangan Barit Ketika lalu berjalan sama dengan Hang Jebat, Hang Kasturi.

Sa-telah datang ka-paseban, maka titah Seri Betara, "Mari Laksamana kita hendak bertanya." Maka Laksamana pun dudok lalu menyembah. Maka titah Seri Betara, "Sunggoh-kah Laksamana di-adang oleh segala penggawa? Ada pun akan pekerjaan itu kita tiada tahu, kerana kita terlalu sangat mabok dan Pateh dan Temenggong pun mabok." Maka sembah Laksamana, "Daulat tuanku, sunggoh patek bertikam, tetapi patek2 itu hendak bersenda2 lawan patek juga. Jika bertikam sunggoh2 masakan tiada bermati2an." Maka titah Seri Betara, "Jahat-nya segala penggawa ini! Bukan pekerjaan yang bersenda2 tombak lawan keris ini. Baik-nya kapada Laksamana, jika urusan yang lain, alang-kah jahat-nya. Baik-nya Laksamana tiada mabok, jika Laksamana mabok, di-bunoh-nya pun benar-lah, kita pun suka-lah."

Maka sembah Laksamana, "Daulat tuanku, mohonkan ampun dan kurnia. Patek hendak bermohon ka-bawah duli, kerana perjanjian patek dengan paduka anakanda tiga bulan juga pergi datang. Akan sekarang enam bulan sudah patek di-Majapahit ini." Maka titah Seri Betara, "Baik-lah, kita pun menyuroh mengarang surat dan bingkis, tetapi yang kita harap hanya-lah Laksamana akan membawa anak kita kedua itu." Maka sembah Laksamana, "Daulat tuanku." Maka titah Seri Betara, "Hai Pateh, segera-lah mengarang surat dan bingkis."

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

Maka Laksamana dan Hang Jebat, Hang Kasturi pun di-beri-nya persalin dan di-anugerahi emas dan perak dan pitis berpuloh2 yuta. Maka surat dan bingkis pun sudah-lah. Maka Pateh Gajah Mada berlengkapan gajah kuda dan tunggul panji2 dan bunyi2an. Sa-telah sudah lengkap maka surat dan bingkis itu pun di-naikkan orang-lah ka-atas gajah, lalu di-arak dengan segala bunyi2an. Maka Laksamana dan Hang Jebat, Hang Kasturi pun berkuda berjalan di-hadapan gajah di-iringkan oleh periai. Beberapa lama-nya maka sampai-lah Tuban. Maka surat dan bingkis itu pun di-sambut oleh Laksamana dan di-naikkan ka-atas kenaikan yang bernama Sair'ul-'alamin. Maka segala penggawa dan periai itu pun bermohon-lah pada Laksamana kembali ka-Majapahit. Maka Laksamana pun belayar-lah dengan sembilan buah dendang itu.

PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

BAB XIV

BERAPA lama-nya maka sampai-lah ka-Kuala Melaka. Maka di-persembahkan orang-lah kapada raja, "Ya tuanku shah alam, Laksamana sudah datang, ada di-kuala." Sa-telah raja menengar sembah orang itu, maka baginda pun terlalu sukachita lalu memberi anugerah akan orang itu, lalu bertitah kapada Bendahara, "Ya mamak Bendahara, segera-lah berlengkap sambut surat dan bingkis itu."

Maka Bendahara pun menyembah lalu keluar berlengkap gajah dan kuda dan tunggul panji2 dan sakalian bunyi2an dan mengerahkan segala pegawai dan petuanan pergi menyambut surat dan bingkis itu. Segala tuan2 itu pun datang-lah. Maka surat dan bingkis itu pun di-naikkan orang-lah ka-atas gajah, lalu di-arak masok. Sa-telah datang ka-balairong, maka surat itu pun di-sambut oleh Pateh Kerma Wijaya, lalu di-bacha-nya di-hadapan raja dan Bendahara. Sa-telah sudah di-bacha, maka Laksamana dan Hang Jebat, Hang Kasturi pun datang ka-hadapan raja, lalu sujud meniarap pada kaki baginda. Maka raja pun tundok menchium kepala Laksamana. Maka titah raja, "Hai Laksamana, apa-tah khabar Majapahit? Ada-kah saperti dahulu kala kurnia Seri Betara?" Maka sembah Laksamana, "Daulat tuanku, pada pengelihatan patek, kurnia paduka ayahanda kapada patek lebeh pula daripada dahulu." Maka oleh Laksamana segala hal ihwal-nya itu semua-nya di-persembahkan-nya. Sa-telah raja dan Bendahara dan segala pegawai menengar khabar Laksamana itu, maka raja dan Bendahara pun terlalu belas akan Laksamana. Maka titah baginda, "Kurnia apa-tah yang demikian itu? Jika lain daripada Laksamana, entah kembali entah tiada." Maka sembah Hang Jebat, Hang Kasturi, "Sungguh saperti titah yang maha mulia itu." Maka titah baginda, "Pada bichara hati-ku, jangankan dua buah negeri di-beri-nya akan Laksamana, jikalau sa-puloh buah negeri pun tiada ku-tukar dengan hamba-ku Laksamana. Jika saperti perbuatan Seri Betara dan Pateh Gajah Mada akan Laksamana, enggan-lah

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

aku pergi ka-Majapahit itu." Maka sembah Laksamana, "Daulat tuanku, mengapa pula maka bagitu? Jika belum janji kita di-tanah Majapahit, di-mana dapat Pateh Gajah Mada itu melakukan kehendak-nya?"

Maka hidangan nasi di-angkat orang-lah. Maka segala pegawai dan petuan-an pun makan-lah. Sa-telah sudah makan, maka hidangan minuman pula di-angkat orang. Maka piala bertatahkan ratna mutu ma'nikam itu pun di-peredarkan orang-lah pada segala pegawai dan petuanan; segala pegawai dan petuanan pun minum-lah.

Maka raja pun sa-bagai bertitah pada Laksamana juga, "Suka baginda menengar riwayat tatkala Laksamana di-Majapahit itu." Maka Laksamana pun beriwayat-lah sambil minum di-hadapan raja dan segala pegawai. Maka raja pun terlalu suka menengar dia. Maka titah baginda, "Itu-lah maka kita tiada mau pergi ka-Majapahit itu, kerana ia berbuat akan Laksamana itu penaka tuboh kita-lah di-perbuat-nya." Maka sembah Laksamana, "Daulat tuanku, insha' Allah Ta'ala, mengapa pula Duli Yang Di-Pertuan tiada berangkat ka-Majapahit itu? Tetapi paduka adinda jangan di-bawa. Patek-lah berchakap membawa Duli Yang Di-Pertuan kembali dengan sempurna-nya, kerana main Seri Betara dan Pateh Gajah Mada habis patek ketahui."

Maka orang minum itu pun berhenti-lah. Maka raja pun berangkat masok. Bendahara dan Laksamana pun menyembah lalu kembali ka-rumah-nya.

Sa-telah keesokan hari-nya maka Bendahara dan Laksamana pun masok mengadap. Maka titah raja, "Hai mamak Bendahara dan Laksamana, apa bichara kita? Benar-kah kita pergi ka-Majapahit itu atau tiada-kah?" Maka sembah Bendahara, "Daulat tuanku, pada bichara patek, benar juga tuanku berangkat ka-Majapahit, kerana Duli Yang Di-Pertuan sudah berjanji dengan paduka ayahanda itu; jangan di-ubahkan. Tetapi paduka adinda juga jangan di-bawa. Dalam pada itu pun, lebeh tahu Laksamana akan pekerjaan itu." Maka sembah Laksamana, "Daulat tuanku, pada bichara patek, apa-tah di-perbanyak bichara? Jika Duli Yang Di-Pertuan hendak berangkat, segera-lah berlengkap." Maka titah baginda, "Ya Bendahara, jika demikian berlengkap-lah; tengah bulan lagi kita pergi." Maka sembah Bendahara, "Daulat tuanku."

Apabila segala pegawai dan petuanan menengar raja hendak berangkat itu, maka segala pegawai dan petuanan pun terlalu dukachita, seraya berbisek2 sama sendiri-nya, kata-nya, "Kerana Laksamana-lah mengulang2kan maka Yang Di-Pertuan berangkat ka-Majapahit ini, kerana ia hendak akan anugerah Betara Majapahit itu." Maka kata sa-orang lagi, "Akan di-rasai-nya juga bekas tangan penjurit Majapahit itu, kerana Pateh Gajah Mada itu pun hulubalang

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

besar pada tanah Majapahit itu, shahadan beribu2 penjurit yang di-peliharakan-nya di-beri-nya musara." Maka segala orang itu kata semua-nya di-dengar oleh Laksamana.

Maka Bendahara pun menyembah lalu keluar dudok di-balai gendang ber-bichara dengan segala pegawai dan petuanan yang tua2. Maka Temenggong Seri Sarwa Raja pun berkata, "Pada bichara hamba, baik juga pegawai yang tua2 itu di-bawa berbichara, sa-tengah pergi, sa-tengah yang tinggal, kerana Laksamana ini orang muda." Maka sahut Bendahara, "Siapa-tah pegawai yang lain daripada dato' dan sahaya dato'?" Maka kata Temenggong, "Jika demi-kain, baik-lah dato' persembahkan supaya dato' berlengkap." Maka kata Bendahara, "Ada pun Temenggong itu tiada dapat bergerak di-dalam negeri. Jika datang kapada suatu2 hal Bendahara, dapat mengiring raja." Maka sahut Pateh Kerma Wijaya, "Sahaya dato' dengan Laksamana pun dapat-lah meng-iringkan. Harap-lah dato' akan Allah Ta'ala, dengan sempurna-nya Duli Yang Di-Pertuan kembali ka-Melaka." Maka kata Bendahara, "Yang hamba harap pun hanya-lah kiai Pateh dan Laksamana yang mengiringkan Duli Yang Di-Pertuan. Kemudian dari itu yang hamba harap orang empat itu: Tun Jebat, Tun Kasturi, Tun Lekir, Tun Lekiu; orang empat ini-lah tiadakan tumang-menumang." Sa-telah Temenggong dan segala pegawai mendengar kata Bendahara demikian itu, kata Temenggong dan segala pegawai petuanan itu pun tundok malu. Maka kata Bendahara, "Hai segala pegawai dan petuanan dan segala mandalika yang memegang negeri dan telok rantau, kerahkan-lah orang yang berlengkap menurunkan segala kelengkapan Duli Yang Di Pertuan, empat hari lagi akan berangkat ka-Majapahit." Sa-telah sudah Bendahara berkata demikian itu, maka Bendahara pun kembali ka-rumah-nya.

Sa-telah keesokan hari-nya maka baginda pun dudok santap minuman di-bendul. Maka titah baginda, "Hai Laksamana, kita rindu sangat akan Laksamana, kerana kita menyurohkan Laksamana pergi ka-Majapahit itu, kemudian kita pun menyesal kerana Pateh Kerma Wijaya berchakap hendak bersama2 pergi dengan Laksamana," sambil memelok Laksamana. Maka baginda pun santap minuman sadikit; lebeh-nya di-tuangkan oleh raja ka-mulut Laksamana. Maka Laksamana pun menadahkan mulut-nya, tangan-nya memegang kaki baginda. Sa-telah sudah Laksamana di-tuang, maka baginda pun melepaskan tangan baginda daripada leher Laksamana itu. Maka sembah Laksamana, "Daulat tuanku, patek hamba yang hina persembahkan nyawa; apa lagi maksud Duli Yang Di-Pertuan supaya patek kerjakan, sementara ada lagi hayat patek?" Maka titah baginda, "Kita terkenang akan Laksamana

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

tatkala kita murkai dan kita suroh buangkan kapada Bendahara itu. Baik-nya Bendahara orang tua, berikhtiar; jika lain daripada Bendahara, entah mati siapa tahu Laksamana? Daripada kita tiada pereksa, kerana Laksamana tiada berdosa kapada kita, dengan beberapa pula kebaktian Laksamana pada kita." Maka sembah Laksamana, "Daulat tuanku, pada bichara patek, dato' Bendaharalah yang bernama menteri lagi bijaksana; pada penglihatan firasat raja2 dan menteri habis di-ketahui-nya. Sa-benar-nya-lah Duli Yang Di-Pertuan kurnia akan patek tua itu."

Maka baginda pun santap minuman dua tiga piala lalu sudah. Maka baginda pun memberi persalin akan Laksamana dan Hang Jebat, Hang Kasturi, Hang Lekir, Hang Lekiu.

Maka sembah Laksamana, "Ya tuanku, kenaikan mana tuanku hendak naik supaya patek turunkan?" Maka titah baginda, "Naik dendang Laksamana yang bernama Sair'ul-'alamin itu." Maka sembah Laksamana, "Sa-benar-nya-lah titah duli tuanku, tetapi Sair'ul-'alamin itu empat segala pegawai mengadap tiada baik. Patek dandani akan tempat berperang juga; patut hulubalang menaikkan dia. Sukar tempat segala pegawai mengadap." Maka titah baginda, "Baik-lah Sair'ul-'alamin kita naik, kerana kita pun tiada membawa perempuan." Maka sembah Laksamana, "Daulat tuanku, mana titah patek junjong." Maka baginda pun berangkat masok. Maka Laksamana dan Hang Jebat, Hang Kasturi pun menyembah lalu ka-rumah-nya.

Maka Bendahara pun menyuroh memanggil Laksamana; Laksamana pun datang segera. Maka Bendahara dan Laksamana pun pergi melihati segala perahu. Maka di-lihat dendang Laksamana itu terlalu baik perbuatan-nya, sikap peperangan. Maka kata Bendahara, "Ada pun Sair'ul-'alamin ini sedia; patut-lah akan kenaikan." Maka Sair'ul-'alamin itu pun di-turunkan orang-lah dengan Mendam Berahi dan Maratu'ssaffa. Maka Laksamana pun mendandani-lah Sair'ul-'alamin itu, di-perbuat-nya suatu singgahsana akan tempat raja semayam di-adap orang.

Sa-telah sudah maka Laksamana pun masok berdatang sembah, "Ya tuanku, ada pun kenaikan Duli Yang Di-Pertuan itu sudah-lah, tuanku, di-turunkan oleh Bendahara; mana titah patek junjong." Maka titah baginda, "Hai Laksamana, empat hari lagi kita pergi; bersimpan-lah senjata yang akan di-bawa dan segala pegawai dan petuanan yang pergi suroh tentukan pada Bendahara." Maka sembah Laksamana, "Daulat tuanku, sebab patek berdatang sembah ini pun kerana, pada pengelihatan patek, segala pegawai dan petuanan tiada suka akan tuanku berangkat sa-kali ini." Maka titah raja, "Hai Laksamana,

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

Hang Jebat, Hang Kasturi, kita pun tahu akan segala pegawai dan peruanan sakalian tiadakan suka kita pergi ka-Majapahit itu. Yang suka hanya-lah Laksamana dan Hang Jebat, Hang Kasturi, Hang Lekir, Hang Lekiu, orang besar-nya, Pateh Kerma Wijaya dan Tun Pikrama." Maka sembah Laksamana, "Daulat tuanku, pada bichara patek, baik juga Duli Yang Di-Pertuan bertitah kapada dato' Bendahara suroh pileh segala pegawai dan peruanan yang pergi mengiringkan duli tuanku supaya duli shah 'alam di-lihat oleh Betara Majapahit dan Pateh Gajah Mada, supaya berat pada mata-nya. Maka titah baginda, "Benar-lah saperti sembah Laksamana itu."

Maka tatkala itu Bendahara pun datang. Maka titah baginda, "Hai mamak Bendahara, mari kita meshuarat dengan Laksamana. Akan sekarang ini, akan pekerjaan kita pergi ini, akan sembah Laksamana suroh pileh segala pegawai yang pergi dengan kita ka-Majapahit itu." Maka sembah Bendahara, "Daulat tuanku, patek pun sudah meshuarat dengan segala pegawai dan Temenggong akan segala pegawai yang pergi mengiringkan Duli Yang Di-Pertuan dan yang tinggal menunggui negeri." Maka oleh Bendahara segala kata Bendahara dengan Temenggong semua-nya di-persembahkan-nya. Maka titah raja, "Benar-lah saperti kata Bendahara itu, kerana Temenggong dapat-lah akan ganti kita, tetapi jika kita lambat daripada empat bulan kita datang, hendak-lah Bendahara menyuroh orang yang bertentu pergi mendapatkan kita." Maka sembah Bendahara, "Daulat tuanku; mana titah patek junjong." Maka baginda berangkat masok. Maka Bendahara pun menyembah lalu keluar masing2 pulang ka-rumah-nya.

Maka Bendahara pun menyuroh memanggil Laksamana, Laksamana pun segera datang. Maka kata Bendahara, "Ada pun hamba memanggil Laksamana ini hamba hendak meshuarat akan pekerjaan Duli Yang Di-Pertuan berangkat ka-Majapahit itu." Maka sembah Laksamana, "Akan sekarang apa-tah di-kehendaki oleh dato' akan di-perhamba?" Maka kata Bendahara, "Ada pun Duli Yang Di-Pertuan ka-Majapahit ini, hanya-lah Laksamana menjadi orang tua akan ganti hamba. Jika dapat, jangan lambat kira-nya orangkaya dari Majapahit itu." Maka sahut Laksamana, "Insha' Allah Ta'ala, bukan dengan kuasa siapa2, segera juga Duli Yang Di-Pertuan di-perhamba bawa kembali ka-Melaka dengan sempurna-nya."

Maka Bendahara pun mengeluarkan emas sa-puloh kati dan kain baju yang baik2 dua peti. Maka kata Bendahara, "Ada pun emas dan kain ini akan penolong hamba-lah akan Laksamana, kalau2 Laksamana kekurangan belanja kerana Laksamana menanggong pekerjaan besar." Maka kata Laksamana,

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

"Di-perhamba pun hendak pohonkan pinjam emas barang dua kati pada kadam dato', kerana mandalika dan batin dan segala sakai sahaya-nya dato' sakalian itu ada-lah kekurangan bekal." Sa-telah sudah Laksamana pun bermohon kembali ka-rumah-nya.

Sa-telah keesokan hari-nya maka Bendahara dan Laksamana pun masok mengadap. Maka titah baginda, "Ya Bendahara, siapa2 yang tinggal dengan Bendahara?" Maka sembah Bendahara, "Daulat tuanku, pertama orangkaya2-nya Temenggong dan Maharaja Setia dan Tun Utama dan Singa Raja dan Tun Raja Diraja patek hendak suroh tunggu. Singa Raja dan Tun Bija Sura patek hendak suroh bertunggu di-Bukit China. Ada pun Tun Utama menunggui di-dalam, kerana ia hulubalang tua. Yang lain segala pegawai dan petuanan itu pergi mengiringkan Duli Yang Di-Pertuan. Maka titah raja "Benar-lah bichara Bendahara itu."

Maka baginda pun menitahkan orang bermuat dan bersimpan segala perkakas kerajaan dan pakaian yang indah2 dan senjata. Maka sembah Laksamana, "Ya tuanku, siapa yang akan di-titahkan menjadi orang tua naik pada Mendam Berahi dan Maratu'ssaffa?" Maka titah baginda, "Yang naik dengan kita pada kenaikan itu Laksamana dan Tun Bija Sura, ketiga bentara kiri, keempat bentara kanan, lima Tun Lekir benderang kanan, keenam benderang kiri Tun Lekiu. Lain daripada itu segala anak petuanan yang empat puloh dan biduanda empat puloh. Ini-lah yang bersama2 dengan kita naik pada Sair'ul-'alamin ini. Ada pun Pateh Kerma Wijaya orang tua pada Mendam Berahi dengan segala pegawai yang muda2 dan Tun Ratna Diraja jadi orang tua pada Maratu'ssaffa; dan orang baik2 lain daripada itu, masing2 dengan kelengkapan-nya dan alat senjata."

Sa-telah bertentu-lah maka baginda pun berangkat masok ka-istana Tun Teja bermohon. Maka titah baginda, "Kita pun tiada lama di-Majapahit, kadar empat bulan juga pergi datang." Maka sahut Tun Teja, "Insha Allah Ta'ala, di-peliharakan Allah Ta'ala juga kira-nya Duli Yang Di-Pertuan segera kembali ka-Melaka dengan sempurna-nya; tetapi, sembah patek, yang Laksamana itu jangan di-jauhkan daripada tempat duli tuanku, kerana hamba yang setiawan lagi bijaksana lagi berani." Maka raja pun pada malam itu beradu di-istana Tun Teja.

Sa-telah hari siang maka baginda pun di-langir oleh Tun Teja dan di-mandikan dengan ayer madu. Sa-telah sudah mandi maka di-buboh-nya narwastu pada tuboh baginda; baginda pun bertukar kain dengan Tun Teja lalu pergi mendapatkan Raden Emas Ayu. Di-dapati Raden Emas Ayu dudok meriba

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

anakanda baginda Raden Bahar. Sa-telah di-lihat oleh Raden Emas Ayu dan Raden Bahar ayahanda baginda datang, maka di-pegang-nya tangan ayahanda baginda lalu di-bawa-nya dudok dekat bonda baginda. Maka kata Raden Bahar, "Sunggoh-kah ayahanda hendak pergi ka-Majapahit?" Maka sahut raja, "Sunggoh, tuan," seraya di-chium-nya anakanda baginda lalu di-riba-nya. Maka kata Raden Bahar, "Patek hendak pergi hendak minta pada nenda kuda puteh yang tahu menari." Maka kata raja, "Jangan-lah tuan pergi, kerana tuan lagi kechil, tiada dapat bercherai dengan bonda. Ayahanda pun tiada lama; segera juga ayahanda datang. Sa-kali lagi ayahanda pergi, tuan ayahanda bawa." Sa-telah Raden Bahar mendengar ia pun diam-lah. Maka baginda pun beradu-lah di-istana Raden Emas Ayu.

Sa-telah hari siang maka raja pun bermohon-lah pada Raden Emas Ayu dan memelok menchium anakanda baginda kedua dan di-tangisi-nya. Sa-telah sudah bertangis2an maka raja pun keluar dudok pada balairong. Tatkala itu Bendahara dan Laksamana pun hadhir menantikan raja keluar. Sa-telah di-lihat Bendahara raja keluar, maka gajah kenaikan baginda yang bernama Permata Selan itu pun di-hias. Maka raja pun naik-lah ka-atas gajah itu; di-kepala gajah Laksamana, di-buntut Tun Jebat. Maka raja pun berangkat-lah ka-perahu di-iringkan oleh Bendahara dan Temenggong dan segala pegawai sakalian. Maka raja pun sampai-lah ka-pantai. Maka titah raja, "Ayu mamak Bendahara dan Temenggong, baik2 peliharakan ra'ayat yang tinggal itu. Ada pun anak isteri kita empat itu kita serahkan pada Bendahara dan Temenggong. Jika satu2 hal kita di-Majapahit, anak kita Raden Bahar-lah akan ganti kita naik raja di-Melaka ini." Maka sembah Bendahara dan Temenggong, "Daulat tuanku, minta di-peliharakan Allah Ta'ala juga duli shah alam dan di-jauhkan Allah Ta'ala kira-nya daripada seteru shah alam."

Sa-telah sudah bertitah demikian, maka raja pun naik-lah ka-atas kenaikan Sair'ul-'alamin itu. Maka gendang arak2an pun di-palu orang-lah dan chogan alamat yang bermalaikan emas yang bepermata di-karang pun terdiri-lah. Laksamana pun berdiri-lah di-haluan kenaikan. Maka Sair'ul-'alamin pun berdayong-lah ka-kuala. Maka segala kelengkapan pun masing2 berdayong mengikut kenaikan. Sa-telah sampai ka-kuala, maka segala pegawai dan petuanan di-suroh oleh Laksamana belayar dahulu. Maka Bendahara pun mengantarkan raja ka-kuala. Maka raja pun menanggalkan segala pakaian daripada tuboh baginda lalu di-anugerahkan pada Bendahara. Maka Bendahara

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

pun menjunjong duli baginda. Maka Laksamana pun datang menyembah Bendahara dan Temenggong. Temenggong pun turun ka-perahu lalu kayoh kembali. Maka Laksamana pun menyuroh orang menarek layar; maka memasang meriam. Maka Sair'ul-'alamin pun belayar-lah terlalu laju-nya; yang dapat mengikut hanya-lah Mendam Berahi dan Maratu'ssaffa dan manjungan Laksamana dan dendang Tun Pekerma: sa-buah pun tiada bercherai daripada kenaikan baginda.

• • •

Hatta berapa lama-nya maka raja pun sampai-lah ka-Palembang. Maka raja pun singgah di-Palembang tiga hari berburu bersuka2an makan minum. Sa-telah sudah genap tiga hari, maka raja pun bermohon-lah pada Adipati Palembang lalu belayar. Maka raja pun sampai-lah ka-Jayakatra. Maka raja pun berhenti-lah di-Jayakatra tiga hari makam minum bersuka2an dan berburu. Sa-telah genap tiga hari baginda di-Jayakatra itu, maka baginda pun bermohon-lah pada Adipati Jayakatra lalu belayar. Berapa lama-nya maka raja pun sampai-lah ka-Tuban. Maka Sang Agung Tuban dan segala periai dan orang besar2 pun datang-lah mengadap masing2 dengan persembah-nya. Maka sembah Sang Agung, "Ya tuanku shah 'alam, patek mohonkan ampun dan kurnia ka-bawah Duli Yang Di-Pertuan; jikalau ada kurnia duli tuanku di-atas kepala patek, baik juga duli shah 'alam berhenti di-barong2 patek; ada-lah nama patek hamba ka-bawah duli shah 'alam." Sa-telah raja mendengar sembah Sang Agung Tuban demikian itu, maka titah raja, "Baik-lah, mana kehendak Sang Agung Tuban kita turut, tetapi, jika lain daripada rumah Sang Agung Tuban, tiada-lah kita singgah; sedang kita di-Majapahit rumah Raden Aria itu yang kita pergi." Maka sembah Agung Tuban, "Daulat tuanku, ini hamba khas; ada pun patek itu Laksamana yang tahu akan 'adat patek ini." Maka sembah Laksamana, "Daulat tuanku, sunggoh sembah patek itu."

Sa-telah raja menengar sembah Laksamana dan Sang Agung Tuban demikian, maka raja pun berangkat naik ka-rumah Sang Agung Tuban. Maka raja dan segala pegawai pun di-perjamu oleh Sang Agung Tuban dengan saperti-nya. Maka titah raja, "Hai Sang Agung Tuban, sudah-kah Sang Agung persembah-kan Seri Betara dan Pateh Gajah Mada?" Maka sembah Sang Agung Tuban, "Sudah, tuanku; patek suroh beritahu Pateh Gajah Mada."

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

Hatta maka penyuroh Sang Agung Tuban pun sampai-lah ka-Majapahit, lalu mengadap Pateh Gajah Mada, sembah-nya, "Ya tuanku, bahawa raja Melaka sudah datang ka-Tuban menantikan sambut Betara lagi." Sa-telah Pateh Gajah Mada menengar sembah orang itu demikian, maka Pateh pun segera masok mengadap Seri Betara berdatang sembah, "Ya tuanku paduka Betara; ada pun sekarang ini ratu Melaka telah datang-lah ka-Tuban, mana titah patek junjong." Maka titah Seri Betara, "Segera-lah Pateh berlengkap menyambut anak kita ratu Melaka itu." Maka kata Temenggong, "Hai Pateh Gajah Mada, akan sekarang apa bichara? Akan ratu Melaka telah ia datang ka-Tuban." Maka kata Pateh, "Bichara apa daripada sambut ka-Tuban itu?" Maka kata Temenggong, "Bukan bagitu manira kata itu, kerana ratu Melaka datang itu di-panggil oleh Seri Betara hendak di-bunoh. Ada pun pada bichara manira, mana segala penggawa dan penjurit yang berchakap hendak menikam ratu Melaka itu, pada ketika ini-lah baik di-titahkan pergi ka-Tuban membunoh raja Melaka itu, supaya jangan Laksamana dan segala hulubalang-nya mengamok; di-Tuban juga; masakan ia sampai ka-Majapahit ini." Sa-telah Pateh Gajah Mada menengar kata Temenggong demikian itu — maka Seri Betara pun berkenan-lah akan bichara Temenggong itu — maka kata Pateh dengan amarah-nya, "Hai Temenggong, siapa-tah berchakap menikam ratu Melaka itu di-hadapan Laksamana itu, supaya ku-chium tapak kaki-nya?" Maka kata Temenggong, "Manira-lah yang berchakap menikam ratu Melaka itu di-hadapan Laksamana dan segala hulubalang-nya itu!" Sa-telah Pateh Gajah Mada mendengar kata Temenggong demikian itu, maka Pateh pun terlalu amarah, serta ia memegang ulu keris-nya, kata-nya, "Cheh! Jika berani Si-Temenggong pun tiadakan lebeh daripada-ku ini. Benar-kah ia hendak membinasakan negeri Seri Betara? Jika Laksamana dan segala hulubalang Melayu itu masok mengamok ka-dalam negeri, serta ia membakar, siapa-tah dapat menentang mata-nya? Kerana ratu Melaka datang sa-kali ini banyak orang baik2 di-bawa-nya pada khabar yang aku dengar. Sedang dahulu itu di-per buat oleh Laksamana itu, mana-tah ku-lihat melawan dia? Bukan aku meminjam berani orang; tahukan mati-nya Laksamana itu juga oleh manira."

Sa-telah sudah ia kata demikian, maka Pateh Gajah Mada pun lalu keluar berlengkap mengerahkan segala raja2 dan penggawa berlengkap menyambut raja Melaka ka-Tuban dengan segala bunyi2an dan segala tunggul panji2 dan gajah kuda terlalu banyak. Sa-telah sudah lengkap, maka segala raja2 itu pun berjalan-lah ka-Tuban. Maka Raden Aria dengan segala orang-nya pergi-lah sama2 orang banyak itu di-surohkan oleh Pateh Gajah Mada.

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

Berapa antara-nya maka sampai-lah ka-Tuban; lalu Raden Aria mengadap Sa-telah raja Melaka melihat Raden Aria, maka baginda pun bertitah, "Rindu-nya kita akan Raden Aria." Maka sembah Raden Aria, "Daulat tuanku, patek hamba kapada duli tuanku." Maka segala raja2 dan penggawa itu pun datang-lah mengadap raja Melaka. Maka raja pun memberi persalin akan segala raja2 itu. Maka sembah segala raja2 itu, "Ya tuanku shah 'alam, patek datang ini di-titahkan oleh paduka ayahanda; terlalu rindu dendam akan tuanku, sa-ketika tiada beroleh nama lupa dan lalai akan tuanku." Maka titah raja, "Kita pun telah hadhir hendak mengadap."

Maka Laksamana pun berlengkap-lah menurunkan segala senjata daripada kelengkapan tujoh buah itu. Maka Pateh Kerma Wijaya pun berlengkap pada suatu ketumbokan berjalan. Sa-telah sudah lengkap, di-ator oleh Laksamana masing2 pada ketumbokan-nya berjalan itu. Sa-telah sudah maka raja pun naik-lah ka-atas kenaikan yang bernama Inderajit itu. Maka Tun Pekerma di-kepala gajah, anak Tun Mahamenteri di-buntut, Laksamana berkuda berjalan dahulu, Hang Jebat, Hang Kasturi memikul pedang, bentara Hang Lekir benderang kanan memikul pedang dari kanan gajah, Hang Lekiu benderang kiri memikul pedang dari kiri gajah baginda. Maka Tun Bija Sura dengan segala orang-nya dan sakai-nya berjalan kemudian menjadi tutup, Pateh Kerma Wijaya berjalan dahulu menjadi chuchok.

Sa-telah sudah maka raja pun berangkat-lah. Maka segala bunyi2an pun di-palu orang-lah terlalu ramai. Maka raja pun berangkat-lah ka-Majapahit, sa-panjang jalan orang itu melihat penoh sesak dengan jalan-raya. Maka kata segala orang melihat itu, "Ada pun raja Melaka di-panggil ini hendak di-bunoh, kerana baginda beristeri dua." Maka kata sa-orang pula, "Siapa-tah dapat membunoh baginda itu? Sedang Laksamana sa-orang lagi tiada dapat terbunoh, ini pula raja-nya datang dengan ingat-nya dengan ra'ayat-nya dan hulubalang-nya. Lihat-lah kelengkapan ia berjalan itu, saperti laku orang akan berperang, masing2 dengan ketumbokan-nya." Maka segala kata orang itu semua-nya di-dengar oleh Laksamana.

Hatta berapa lama-nya antara-nya berjalan itu maka raja pun sampai-lah ka-Majapahit. Maka orang Majapahit daripada laki2 dan perempuan sakalian-nya datang melihat raja berarak itu semua-nya menangis kasehan akan raja Melaka. Maka kata sa-orang, "Terlalu sayang sa-kali anak raja ini hendak di-bunoh oleh Seri Betara. Jika manira di-kenal-nya, sekarang juga manira beritahu." Maka kata sa-orang lagi, "Masakan anak raja itu tiada tahu? Lihat-lah perentah-nya berjalan ini saperti orang hendak perang laku-nya."

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

Maka sahut sa-orang lagi, "Sunggoh saperti kata pakanira itu. Jika raja ini satu2 peri datang ini, neschaya binasa-lah negeri Majapahit ini oleh Laksamana dan segala hulubalang-nya, kerana kita lihat raja ini, dahulu lain datang perentah-nya." Maka kata sa-orang lagi, "Sedang masa dahulu perbuatan Seri Betara lain; akan sekarang perbuatan Seri Betara pun lain akan dia."

Hatta maka raja pun sampai-lah ka-pintu paseban. Maka Pateh Gajah Mada dan raja2 dan segala cheteria pun datang mengalu2kan baginda. Maka baginda pun segera turun-lah dari atas gajah. Maka Laksamana pun berjalan-lah di-hadapan raja lalu masok ka-paseban. Maka Pateh Gajah Mada pun pura2 berpimpin tangan dengan Temenggong. Maka Temenggong pun tahu-lah akan bichara Pateh Gajah Mada itu. Maka Pateh Gajah Mada pun sa-bagai memandang kapada Temenggong, takut Temenggong menikam raja Melaka. Maka Temenggong pun tersenyum.

Sa-telah Seri Betara melihat raja Melaka datang itu maka kaseh rasa hati-nya dan kasehan rasa-nya, kerana memandang rupa raja Melaka itu. Maka titah Seri Betara, "Silakan anak-ku raru Melaka; rindu-nya ayah akan tuan." Maka raja pun segera-lah datang ka-hadapan Seri Betara hendak menyembah lutut Seri Betara. Maka oleh Seri Betara di-pegang-nya tangan raja Melaka lalu di-bawa-nya dudok sama2 di-atas singgasana. Maka Laksamana dan Hang Jebat, Hang Kasturi pun dudok di-bawah lutut raja Melaka. Maka segala pegawai dan petuanan pun dudok bersaf2 masing2 dengan ingat-nya.

Maka sireh pada jorong emas pun datang-lah. Sa-telah sudah makan sireh, maka hidangan pun di-angkat orang-lah beratus2 hidangan. Maka Seri Betara pun santap sa-hidangan dengan raja Melaka. Maka segala raja2 dan cheteria, hulubalang pun makan-lah masing2 pada hidangan-nya. Sa-telah sudah makan, maka di-angkat orang pula sireh dan bau2an. Maka titah Seri Betara, "Hai Pateh Gajah Mada, istana anak-ku itu sudah lengkap-kah?" Maka sembah Pateh Gajah Mada, "Sudah, tuanku, patek lengkap." Maka titah Seri Betara, "Hai Pateh, bawa-lah anak kita hendak berhenti." Maka sembah Pateh, "Silakan-lah, tuanku."

Maka raja pun bermohon lalu turun naik gajah pergi melihat istana di-karang Daru'ssalam nama-nya, dan di-iringkan oleh Pateh dan segala pegawai dan segala petuanan. Maka Laksamana berjalan di-bawah gajah baginda. Sa-telah sampai ka-karang Daru'ssalam, maka raja pun naik ka-istana dudok di-pengadapan di-adap oleh Pateh Gajah Mada dan Pateh Kerma Wijaya dan segala pegawai dan petuanan sakalian. Maka di-lihat oleh Pateh Gajah Mada segala perentah raja dudok itu terlalu ingat saperti laku orang bermusoh.

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

Maka Pateh Gajah Mada pun fikir dalam hati-nya: 'Jika saperti ini laku-nya raja ini, sukar akan mengenai raja ini. Jika turut saperti bichara Temenggong itu, binasa-lah negeri Majapahit ini oleh Laksamana.' Sa-telah sudah ia fikir demikian itu, maka ia pun bermohon-lah kapada raja lalu kembali ka-rumah-nya.

• • •

Sa-telah keesokan hari-nya maka Pateh Gajah Mada pun masok mengadap berdatang sembah, "Ya tuanku, apa-tah bichara kita sekarang ini?" Maka titah Seri Betara, "Hai Pateh Gajah Mada, bichara-lah akan mengenai Laksamana itu. Ku-lihat raja Melaka itu terlalu ingat." Maka sembah Pateh, "Ya tuanku, ada suatu bichara patek." Maka titah Seri Betara, "Bagaimana tipu-mu itu, kerana keris dan tombak berbengkongan dan keris tiada terhunus daripada sarong-nya?" Maka sembah Pateh Gajah Mada, "Mari kita chari penjurit barang empat puloh yang kepetangan; maka kita suroh mengamok di-tengah pesara, barang yang terlintang suroh bunoh. Maka kita berpesan pada-nya: 'Apabila engkau melihat sa-orang orang Melayu datang hendak mengembari engkau, demikian sifat-nya dan rupa-nya sikap-nya, maka bunoh oleh-mu sunggoh2, jangan di-beri lepas lari. Jika mati Melayu itu, besar ganjaran-mu pada-ku.' Demikian-lah kita kata pada penjurit itu." Maka titah Seri Betara, "Benar-lah saperti bichara Pateh itu." Maka sembah Pateh, "Esok hari-lah suroh panggil raja Melaka itu supaya Laksamana itu mengiringkan raja Melaka. Tatkala itu-lah penjurit empat puloh itu mengamok; tiada dapat tiada Laksamana-lah yang berchakap mengembari dia, kerana Laksamana orang berani." Maka titah Seri Betara, "Segera-lah pileh penjurit empat puloh itu."

Maka Pateh Gajah Mada pun menyembah pulang ka-rumah-nya. Maka di-pileh-nya penjurit empat puloh itu di-perjamu-nya makan minum dan di-beri-nya pitis sa-puloh laksa pada sa-orang. Maka penjurit empat puloh itu pun berchakap-lah akan membunoh Laksamana itu. Sa-telah sudah maka masing2 pun bermohon-lah pada Pateh lalu pulang ka-rumah-nya, masing2 mengilir keris-nya.

Maka Pateh pun masok mengadap. Maka sembah Pateh, "Ya tuanku, pada hari ini-lah baik raja Melaka di-suroh panggil, kerana penjurit itu sudah hadhir menantikan Laksamana." Maka Seri Betara pun menitahkan Barit Ketika menyambut raja Melaka.

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

Tatkala itu raja Melaka dudok di-penghadapan berkata2 dengan Laksamana. Maka titah raja, "Ada pun pada hari ini kita lihat muka Laksamana berseri2 daripada sedia-kala." Maka sembah Laksamana, "Daulat tuanku, apa pengelihatan duli shah alam maka titah demikian?" Maka titah baginda, "Kita lihat warna muka Laksamana merah padam, laku orang marah." Maka sembah Laksamana, "Daulat tuanku, pada firasat patek, pada hari ini pada waktu 'asar ini sharat patek berperang dan melihat darah, tetapi, insha' Allah Ta'ala, tiada mengapa; barang siapa berhadapan dengan patek habis mati." Sa-telah baginda menengar sembah Laksamana demikian itu, maka titah raja, "Jika demikian, kita pun berhenti-lah pada hari ini tiada mengadap." Maka sembah Laksamana, "Daulat tuanku, pada hari ini-lah baik duli tuanku berangkat masok mengadap Pada pengelihatan patek, barang pekerjaan kita selamat; tetapi tiada akan lebeh tahu-nya penjurit Majapahit ini daripada patek."

Dalam berkata2 itu Barit Ketika pun datang bersama2 dengan raja2 yang banyak itu membawa gajah kenaikan. Maka sembah Barit Ketika dengan raja2 itu, "Duli tuanku di-persilakan paduka ayahanda." Maka titah raja, "Kita pun sudah hadhir." Maka raja pun naik ka-atas gajah lalu berjalan saperti 'adat sa-hari2.

Sa-telah di-lihat oleh Seri Betara akan raja Melaka datang itu, maka sembah Seri Betara, "Mari anak-ku dudok; suka-nya hati-ku melihat anak-ku datang ini." Maka raja Melaka pun naik dudok berhadapan dengan Seri Betara lalu menyembah. Maka Laksamana dan Tun Bija Sura pun dudok di-bawah lutut baginda. Maka Hang Jebat, Hang Kasturi dan petuanan pun dudok dengan ingat-nya.

Maka hidangan pun di-angkat orang-lah. Maka Seri Betara pun santap dengan raja Melaka. Maka segala pegawai dan petuanan pun makan-lah masing2 pada hidangan-nya. Sa-telah sudah makan, maka di-angkat orang pula minuman dengan tambul pelbagai rupa-nya dan rasa-nya. Maka piala yang bertatahkan ratna mutu ma'nikam itu pun di-peredarkan orang-lah kapada Laksamana dua tiga piala, lalu di-anggapkan-nya oleh Pateh; tiada juga ia mau minum. Maka kata Pateh, "Mengapa maka anak Laksamana tiada mau minum?" Maka kata Laksamana, "Ada pun firasat orang bijaksana dan berani itu, apabila ada suatu tanda-nya gerak2an di-rasai-nya, maka hendak-lah barang sa-suatu makanan dan minuman itu di-undori; kerana segala hulubalang yang bijaksana dan berani itu, apabila makanan khayal itu tiada harus di-makan dan minúm, sa-olah2 daripada khayal itu berani ia. Pada hari ini manira akan memandang senjata dn melihat darah juga." Sa-telah Pateh Gajah Mada

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

menengar kata Laksamana demikian itu, maka hati-nya pun berkata, 'Jika demikian, tahu Laksamana ini; di-mana akan bichara-ku hendak mengenai?' Maka raja pun minum-lah dua tiga piala lalu berhenti.

Sa-bermula penjurit empat puloh itu, sa-telah hari siang, maka penjurit itu pun makan minum pada suatu tempat. Sa-telah berasa mabok-lah ia keluar ka-pasar. Maka di-rebut-nya segala isi kedai orang itu. Maka orang yang empunya kedai itu pun di-bunoh-nya. Sa-telah di-lihat oleh orang pasar laku penjurit itu merampas, maka sakalian-nya pun habis berlarian ka-sana ka-mari. Maka penjurit itu pun dudok pada suatu kedai makan minum menantikan ramai pesara.

Maka pasar pun ramai-lah. Maka penjurit empat puloh itu pun keluar dari kedai menghunus keris-nya, seraya mengamok; barang yang terlintang di-bunoh-nya. Maka gempar-lah pasar itu dan banyak-lah orang mati dan luka. Maka orang dalam negeri itu pun gempar-lah lalu lari masok ka-dalam kampong, sa-tengah lari ka-dalam kota paseban. Maka kata Pateh Gajah Mada, "Mengapa maka kamu sakalian gempar ini?" Maka sembah orang itu, "Adoh, kiai Pateh, orang mengamok di-tengah pasar ini, banyak mati dan luka di-bunoh-nya." Sa-telah Seri Betara menengar sembah orang itu demikian, maka Seri Betara pun memandang raja Melaka, seraya berkata, "Ya anak-ku ratu Melaka, jika ada kaseh anak-ku akan ayahanda, apa-tah, jadi negeri ayahanda ini?" Belum sempat raja bertitah maka Laksamana pun berdiri menyembah raja Melaka, seraya menyinsing tangan baju-nya, lalu memekis, kata-nya, "Cheh! Beroleh lawan-lah aku! Insha' Allah Ta'ala, jangankan sa-orang, jika empat puloh orang sa-kali pun mengamok, tiada ku-endahkan. Sahaja ku-penggal leher-nya." Daripada geram Laksamana memekis itu, maka paseban itu pun bergerak saperti di-tiup ribut laku-nya. Maka Seri Betara dan Pateh Gajah Mada dan segala penggawa pun dahshat melihat Laksamana memekis itu. Maka kata Tun Jebat, Tun Kasturi, Tun Lekir, Tun Lekiu, "Beta pun serta mengiringkan orangkaya." Maka kata Laksamana, "Sa-orang pun saudara-ku jangan bergerak. Tunggui Duli Yang Di-Pertuan baik2."

Sa-telah sudah Laksamana berkata demikian, maka Laksamana pun menyembah pada raja Melaka, lalu berjalan menyinsing tangan baju-nya; maka menggamak2 hulu keris panjang-nya. Sa-telah datang ka-pintu, maka Laksamana pun berjalan segera2. Sa-telah datang ka-tengah pesara, maka di-lihat-nya banyak penjurit mengamok itu, dalam hati-nya: 'Wah, terkena-lah aku oleh Pateh Gajah Mada!' Maka Laksamana pun terdiri. Maka di-lihat oleh

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

penjurit itu akan Laksamana; maka di-usir-nya akan Laksamana. Laksamana pun undor sambil mengerling mata-nya melihat tempat bertahan. Hatta dengan takdir Allah Ta'ala maka Laksamana pun bertemu dengan lorong batu kiri kanan, tiada dapat orang berjalan. Maka Laksamana pun melompat masok ka-dalam lorong itu menghunus keris panjang-nya lalu bertahan di-muka lorong itu.

Maka di-lihat oleh penjurit itu Laksamana masok ka-dalam lorong itu, maka penjurit empat puloh itu pun datang-lah ka-muka lorong itu berchuchok akan masok ka-dalam lorong itu. Maka Laksamana pun melompat lalu di-parang-nya bahu-nya, putus. Maka datang sa-orang lagi hendak menikam; maka di-parang oleh Laksamana; itu pun putus. Dengan demikian penjurit empat puloh itu pun banyak-lah mati oleh Laksamana. Laksamana pun melompat keluar lorong itu. Maka penjurit empat puloh itu pun lari-lah. Maka Laksamana pun melompat lalu di-parang-nya bahu-nya penjurit, itu pun putus. Maka penjurit itu pun habis mati berkaparan di-tengah pesara itu.

Maka Laksamana pun berasa hendak mabok darah. Maka ia menghunus keris pandak-nya dengan tangan kiri, tangan-nya kanan memegang keris panjang-nya. Maka Laksamana pun dudok pada sa-buah kedai. Maka segala orang dalam negeri itu sa-orang pun tiada berani menghampiri Laksamana.

Hatta maka terdengar-lah kapada raja Melaka bahawa Laksamana bertikam dengan penjurit empat puloh itu, sekarang Laksamana undor membawa diri-nya ka-mana2 pergi-nya. Sa-telah raja menengar sembah orang itu, maka raja pun berdebar hati-nya, lalu menitahkan Tun Bija Sura dan Tun Jebat, Tun Kasturi, Tun Lekir, Tun Lekiu pergi. Maka ia pun menyembah, seraya menyinsing tangan baju-nya serta melompat dudok tinggi-nya, seraya memekis, kata-nya, "Cheh! Jika Laksamana mati atau satu2 peri, bahawa negeri Majapahit ini ku-jadikan muddat, Pateh Gajah Mada dan Temenggong pun ku-bunoh!" Sa-telah Hang Jebat berkata demikian, maka ia pun segera berlari2 dengan segala orang Laksamana. Telah datang Tun Jebat, Tun Kasturi pada kedai itu, maka di-lihat-nya Laksamana ada dudok bersandar pada tiang kedai itu. Maka segera di-dapatkan-nya, maka oleh Tun Jebat di-chium-nya dada Laksamana. Maka Laksamana pun membuka mata-nya, maka di-lihat-nya Tun Jebat, Tun Kasturi dengan segala orang-nya. Maka Laksamana pun menguchap sa-ribu shukor sambil menyarongkan keris-nya. Maka Laksamana pun turun dari atas kedai itu lalu berjalan, sa-belah tangan-nya memelok leher-nya Tun Jebat, sa-belah tangan memelok leher-nya Tun Kasturi. Maka orang dalam negeri itu semua-nya takut melihat Laksamana dengan segala

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

Melayu itu, kerana main Pateh habis di-ketahui-nya oleh Laksamana itu. Maka sakalian-nya pun menutup pintu-nya.

Hatta maka Laksamana pun sampai-lah ka-paseban. Sa-telah raja melihat Laksamana datang, maka raja pun terlalu sukachita. Maka Seri Betara dan Pateh Gajah Mada pun takut melihat Laksamana dan segala Melayu itu, kerana main-nya habis di-ketahui-nya oleh segala Melayu itu. Maka Laksamana pun naik dudok menyembah. Maka titah Seri Betara, "Kita tiada tahu orang mengamok empat puloh; kita katakan sa-orang dua juga maka kita lepaskan Laksamana. Jika tahu empat puloh, gila apa kita suroh Laksamana pergi sa-orang?" Maka sembah Laksamana, "Daulat tuanku, pada bichara patek, jangan-kan empat puloh orang mengamok itu, jika empat ribu sa-kali pun tiada patek endahkan." Maka Seri Betara pun memberi anugerah akan Laksamana. Raja Melaka pun bermohon-lah kembali ka-istana-nya.

• • •

Sa-telah Raja Melaka sudah kembali, maka titah Seri Betara pada Pateh Gajah Mada, "Apa bichara kita sekarang?" Maka sembah-nya, "Ada suatu bichara patek; ada sa-orang penjurit Petala Bumi nama-nya, terlalu amat kepe tangan-nya. Endah pada Laksamana itu kapada-nya?" Maka titah Seri Betara, "Segera-lah suroh panggil."

Maka Pateh pun bermohon kembali ka-rumah-nya. Maka di-suroh-nya panggil Petala Bumi itu. Maka Petala Bumi pun segera datang lalu dudok menyembah, kata-nya, "Apa pekerjaan manira di-panggil?" Maka kata Pateh Gajah Mada, "Hamba memanggil tuan-hamba ini dengan titah Andika Betara hendak menyurohkan membuang sa-orang hulubalang Melayu, Laksamana nama-nya. Jika ia mati, besar kebaktian-mu kapada Seri Betara." Maka kata Petala Bumi, "Manira tiada mengenal Laksamana itu; bagaimana rupa-nya?" Maka kata Pateh Gajah Mada, "Biar-lah ku-tunjokkan kelak ia mengiringkan Raja Melaka mengadap Seri Betara itu." Maka kata Petala Bumi, "Endah apa-tah membunoh Laksamana itu?"

Maka Pateh Gajah Mada pun masok mengadap membawa Petala Bumi itu. Maka titah Seri Betara, "Mana-tah penjurit itu?" Maka sembah Pateh Gajah Mada, "Boleh tuanku; ini-lah dia, Petala Bumi nama-nya." Maka titah Seri Betara, "Hai Petala Bumi, sunggoh-kah engkau berchakap membunoh Laksa-mana itu?" Maka sembah Petala Bumi, "Ya andika, endah apa-tah membunoh Laksamana itu? Tunjokkan juga rupa-nya kapada patek."

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

Maka tatkala itu Raja Melaka pun masok di-iringkan oleh Laksamana dan segala pegawai dan petuanan dengan ingat-nya. Sa-telah sampai ka-dalam, lalu masok mengadap Seri Betara. Seri Betara melihat Raja Melaka datang itu, maka segera di-tegor Seri Betara, "Mari-lah tuan dudok. Jika lambat anak-ku datang ayahanda hendak suroh sambut." Maka Raja Melaka pun menyembah lalu dudok pada tempat-nya. Shahadan Laksamana pun dudok di-bawah Raja Melaka dengan segala pegawai dengan ingat-nya. Maka di-lihat oleh Petala Bumi, dalam pegawai dan petuanan yang banyak itu, laku Laksamana-lah yang berani. Maka fikir Petala Bumi: 'Ini-lah gerangan yang bernama Laksamana itu, kerana laku-nya dan sikap-nya terlalu baik. Harus-lah maka ia dapat membunoh penjurit yang kepetangan itu, kerana pen urit besar lagi kepetangan.' Maka Pateh Gajah Mada pun memberi isharat pada Petala Bumi menunjokkan Laksamana itu.

Sa-ketika lagi hidangan pun di-angkat orang-lah. Maka Seri Betara pun santap-lah dengan Raja Melaka. Maka segala pegawai dan petuanan pun makan-lah masing2 pada hidangan-nya. Sa-telah sudah makan maka minuman pula di-angkat orang dan tambul pelbagai rupa-nya dan rasa-nya. Maka minum-lah terlalu ramai pada hari itu. Sa-telah itu hari pun hampir-lah malam. Maka Raja Melaka pun mohon-lah kembali ka-istana-nya. Maka Pateh pun bermohon kembali ka-rumah-nya.

Sa-telah hari malam maka ia pun menyuroh Barit Ketika dan Petala Bumi itu pergi membunoh Laksamana. Maka Barit Ketika dan Petala Bumi pun berjalan-lah menuju kampong Raja Melaka. Maka pada tatkala itu Ra a Melaka dudok berkira2 hendak bermohon kembali Maka Petala Bumi dan Barit Ketika pun datang-lah ka-pintu Raja Melaka. Maka kata Barit Ketika, "Ini lah kampong Laksamana; pergi-lah pakanira masok." Maka kata Petala Bumi, "Mari-lah engkau masok sama2 dengan aku, kerana aku tidak mengenal Laksamana." Maka kata Barit Ketika, "Manira takut, masok pakanira sa-kali orang-lah. Bukan aku berchakap kapada Seri Betara." Sa-telah Petala Bumi menengar kata Barit Ketika demikian itu, maka Petala Bumi pun tertawa, seraya berkata, "Penakut, andika," serta di-tampar muka-nya Barit Ketika, seraya kata-nya, "Jika engkau penakut, mengapa engkau datang dengan aku?" Maka Petala Bumi pun menghunus keris-nya, maka di-belah-nya pagar itu. Maka Barit Ketika pun takut masok. Maka di-pegang tangan Barit Ketika oleh Petala Bumi, seraya kata-nya, "Jika engkau tiada masok, sekarang ku-tikam." Maka Barit Ketika pun takut lalu masok.

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

Maka tatkala itu Raja Melaka lagi dudok meshuarat dengan Laksamana hendak kembali ka-Melaka. Maka Barit Ketika dan Petala Bumi pun masok ka-dalam kampong Raja Melaka. Maka di-lihat oleh Barit Ketika Raja Melaka di-hadap oleh Laksamana dan segala pegawai-nya. Maka Petala Bumi dan Barit Ketika pun bersembunyi di-bawah balairong raja itu mengintai Laksamana berkata2 dengan raja itu. Maka titah raja, "Hai Laksamana, pada bichara kita, tatkala Seri Betara amarah akan Laksamana sedang membinasakan taman yang dahulu itu, maka Seri Betara menitahkan pegawai beribu2 pergi membunoh Laksamana itu, pada bichara kita mati-lah Laksamana sa-kali ini; demikian kita pun sa-bagai memandang Tun Bija Sura, kita hendak mengamok rasa-nya dengan segala pegawai, daripada kita mati sahaja." Maka sembah Laksamana, "Daulat tuanku, pada bichara patek, patek lima saudara ini jangankan sa-ribu itu di-titahkan membunoh patek lima bersaudara ini, jika sa-banyak penggawa dan periai dalam negeri Majapahit ini pun di-titahkan membunoh patek, tiada patek endahkan dan hebat. Jikalau dengan daulat tuanku sahaja, patek bunoh segala penggawa itu, sa-orang pun tiada lepas daripada tangan patek lima bersaudara ini. Jika hendak mengamok di-dalam negeri ini, sekarang pun alah. Jikalau negeri Majapahit ini saperti negeri Melayu, sudah patek alahkan, kerana tuanku raja besar pada tanah Melayu itu, dapat di-pindah2kan." Sa-telah raja mendengar sembah Laksamana demikian itu, maka baginda pun tersenyum.

Maka segala kata Laksamana itu habis di-dengar oleh Barit Ketika. Maka kata Petala Bumi, "Hai Barit Ketika, siapa nama-nya yang berkata2 keras di-hadapan raja itu?" Maka kata Barit Ketika, "Itu-lah Laksamana yang di-suroh oleh Seri Betara itu." Sa-telah Petala Bumi mendengar kata Barit Ketika itu, maka Petala Bumi pun memandang kapada Laksamana, di-peramat2i-nya, di-pandang2 akan kelakuan Laksamana itu. Sa-telah sudah di-lihat-nya, maka dalam hati-nya, 'Sukar aku mengenai Laksamana ini, kerana ia penjurit besar, banyak tahu-nya. Tetapi aku sudah berchakap kapada Seri Betara, mari chuba juga pengajar guru-ku ini.'

Hatta maka hari pun hampir tengah malam. Maka baginda masok beradu. Maka Laksamana pun tahu akan penjurit datang hendak mengenai dia itu. Maka Laksamana pun berkata pada Hang Jebat, Hang Kasturi, "Ada pun pada malam ini hendak-lah kita beringat, kerana dalam kampong ini penjurit masok." Maka kata Hang Jebat dan Hang Kasturi, "Jika demikian, apa-tah bichara kita? Mari-lah di-perhamba dudok di-pintu." Maka Laksamana berkata, "Sabar

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

juga dahulu, kita lihat main-nya; tetapi jangan kita tidor, kerana penjurit ini berani rupa-nya." Sa-telah Tun Jebat, Tun Kasturi dan segala pegawai mendengar kata Laksamana demikian itu, maka sakalian-nya pun beringat dan berjaga sambil berkata2 akan Pateh Gajah Mada hendak mengenai Laksamana itu. Maka kata Tun Bija Sura, "Sedang orangkaya Laksamana dan Tun Jebat, Tun Kasturi, Tun Lekir, Tun Lekiu di-suroh bunoh pada segala pegawai yang sa-ribu pengawitan itu, beta ternanti2 akan Duli Yang Di-Pertuan bertitah juga, kerana segala pegawai dan petuanan sudah hadhir." Maka kata Laksamana, "Bagitu-lah hendak-nya segala hulubalang yang berani itu, tetapi baik2, fikir juga."

Maka di-lihat oleh Petala Bumi dan Barit Ketika kelakuan Laksamana dan segala pegawai bertunggu itu lambat tidor, maka Petala Bumi pun menjadikan diri-nya kuching dan Barit Ketika men ad kan diri-nya tikus. Maka kuching dan tikus itu pun melompat naik ka-atas balairong itu, mel mpat ka hadapan Laksamana. Maka oleh Laksamana di-lihat sa-ekor kuching dan sa-ekor tikus, kuching dan tikus pun datang melompat2 ka-hadapan-nya. Maka kata Tun Bija Sura, "Lihat juga kuching dan tikus ini melompat2, shahadan rupa-nya lain daripada tikus dan kuching yang banyak." Maka kata Laksamana, "Diam juga orangkaya sakalian; kita lihatkan main-nya dan berani nya penjurit ini Masakan lebeh tahu-nya dan berani-nya daripada aku." Maka Laksamana pun pura2 bertinggong, tangan-nya kanan menghunus keris pan ang nya, tangan-nya kiri menghunus pendua-nya. Sa-telah terhunus maka Laksamana pun melompat serta di-parang-nya kuching itu, kena kepala-nya. Kuching dan tikus itu pun melompat lari, tiada sempat akan Laksamana datang itu terlalu deras — maka kuching itu pun men adikan diri-nya tunggul. Maka Laksamana pun terkulang2 menchari tiada bertemu, Laksamana pun ber alan kembali d d k pada tempat-nya pula.

Sa-telah di-lihat oleh Petala Bumi Laksamana sudah kembali itu, maka ia pun menjadikan diri-nya manusia pula. Maka kata Barit Ketika, "Nyaris manira mati bersembunyi di-bawah kedai." Maka Petala Bumi pun berkata, seraya tertawa, "Masakan engkau sa-orang merasai? Aku pun nyaris-nya mati, baik sempat aku menjadikan diri-ku tunggul." Sa-telah Barit Ketika mendengar kata Petala Bumi demikian itu, maka ia pun tertawa gelak2 Sa-telah Petala Bumi melihat Barit Ketika tertawa akan dia itu, maka kata Petala Bumi, "Mengapa engkau tertawa akan aku?" Maka kata Barit Ketika, "Bolak-kah, kata-ku tiada perchaya?" Maka Petala Bumi pun terlalu amarah, kata-nya,

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

"Cheh, mengapa pula aku engkau tertawa2kan? Akan sekarang juga penjurit itu ku-bunoh!"

Sa-telah sudah kata-nya demikian, maka Petala Bumi pun menjadikan diri2 nya sa-ekor anjing terlalu besar dengan hebat-nya. Maka anjing itu pun berjalan masok ka-balairong mendapatkan Laksamana. Maka tatkala itu Laksamana pun sudah hadhir memegang keris panjang-nya sudah terhunus. Apabila di-lihat oleh Laksamana anjing itu datang, maka Laksamana pun segera melompat lalu di-parang-nya; anjing itu pun berteriak lalu terjun lari. Maka segera di-usir oleh Laksamana. Akan anjing itu pun menjadikan diri-nya harimau, lalu di-usir-nya akan Laksamana. Maka Laksamana pun berdiri menantikan harimau itu. Maka harimau itu pun datang-lah ka-hadapan Laksamana dengan suara-nya terlalu hebat hendak menerkam akan Laksamana itu. Maka Laksamana pun melompat, di-parang-nya harimau itu. Maka ia pun melompat; salah parang Laksamana itu. Maka Laksamana pun menjadikan diri-nya sa-ekor harimau pula, lalu bertangkap kedua-nya terlalu gempita bunyi-nya. Maka di-lihat oleh Barit Ketika harimau itu bertangkap, maka tewas Petala Bumi oleh Laksamana. Maka Petala Bumi pun menjadikan diri-nya raksasa, mulut-nya ternganga2 dan mata-nya bernyala2 saperti api, lalu di-usir-nya akan Laksamana, saperti ribut datang-nya. Maka Laksamana pun menjadikan diri-nya yang sedia, lalu menghunus keris panjang-nya, lalu di-parang-nya; maka kena kepala Petala Bumi, belah dua.

Maka Petala Bumi pun lari-lah mendapatkan Barit Ketika. Maka kata Barit Ketika, "Sudah-kah mati Laksamana itu?" Maka kata Petala Bumi, "Janganlah ia mati, aku pula nyaris putus kepala oleh-nya. Banyak sudah aku membunoh orang, tiada saperti Laksamana ini." Maka Barit Ketika pun tertawa gelak2, kata-nya, "Bolak-kah kata-ku? Pakanira tiada perchaya, kerana Laksamana itu penjurit besar lagi banyak tahu-nya." Sa-telah Petala Bumi mendengar kata Barit Ketika itu, maka Petala Bumi pun amarah, seraya kata-nya, "Cheh! Ada-kah penjurit itu mati sakit? Melainkan mati oleh senjata. Hai Barit Ketika, persembahkan oleh-mu kapada Seri Betara, yang aku ini mati-lah dengan pekerjaan Seri Betara. Ada pun anak-ku sa-orang, nama-nya Kikir Sari; sekarang lagi ku-suroh ia pergi menchuri ka-Daha; apabila ia datang hendak-lah Seri Betara kaseh dan peliharakan baik2. Anak-ku itu banyak ilmu-nya, lebeh daripada aku."

Sudah ia berkata dan berpesan pada Barit Ketika itu, maka ia pun menyingsing kain-nya lalu masok ka-kampong Raja Melaka. Maka di-tikam-nya segala orang yang bertunggu itu dua tiga orang mati. Maka gempar-lah orang

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

banyak itu. Maka Laksamana pun tahu-lah bahawa penjurit itu datang pula. Maka Laksamana pun menghunus pendua-nya. Maka Petala Bumi pun datang berlari2 serta di-tikam-nya akan Laksamana; Laksamana pun tiada sempat melompat, kerana tikam Petala Bumi itu terlalu deras, datang-nya saperti baling2. Maka Laksamana pun merebahkan diri-nya berguling2 di-atas balairong itu, sunggoh pun ia berguling, mata keris ka-atas juga. Maka di-tikam oleh Petala Bumi sunggoh2, di-pertubi2-nya tikam, tiada juga kena. Maka oleh Laksamana di-tendang-nya dada Petala Bumi; Petala Bumi pun tertelut. Maka Laksamana pun bangun, lalu di-tikam-nya oleh Laksamana dada Petala Bumi terus ka-belakang-nya. Sa-telah Petala Bumi merasai luka itu, maka ia pun terjun lalu lari ka-bawah. Maka Petala Bumi terduri menantikan Laksamana di-tengah halaman itu. Maka Laksamana pun datang lalu memekis, kata-nya, "Cheh! Mati engkau oleh-ku!" serta di-parang-nya kepala Petala Bumi, belah dua; maka tuboh-nya pun berguling2 keluar. Maka Laksamana pun menyarongkan keris panjang-nya lalu berjalan kembali. Maka Petala Bumi pun mati-lah di-luar kampong Raja Melaka.

Sa-telah Barit Ketika melihat Petala Bumi sudah mati, maka ia pun mendapatkan Pateh Gajah Mada. Maka kata Pateh Gajah Mada, "Sudah-kah mati Laksamana itu?" Maka tiada di-sahuti-nya, kerana lelah terenganga2 saperti anjing. Sa-telah berhenti lelah-nya, maka kata-nya, "Petala Bumi mati oleh Laksamana, Laksamana tiada mati. Tetapi ada suatu pesan-nya pada manira." Maka segala pesan Petala Bumi itu semua-nya di-beri-nya tahu akan Pateh Gajah Mada. Maka Pateh Gajah Mada pun terkejut hairan terchengang tiada terkata2 mendengar Petala Bumi mati itu. Maka hari pun siang-lah. Maka Petala Bumi pun bangkai-nya di-lihat orang-lah, sa-orang perlénté mati di-muka pintu raja.

Maka Pateh dan Barit Ketika pun masok mengadap Seri Betara. Maka titah Seri Betara, "Apa khabar kita semalam?" Maka sembah Pateh Gajah Mada, "Daulat tuanku," maka segala hal-ahwal-nya di-persembahkan-nya pada Seri Betara; Seri Betara pun tundok tiada terkata2.

Maka tatkala itu Raja Melaka pun datang mengadap Seri Betara. Sa-telah di-lihat-nya Raja Melaka datang itu, maka titah Seri Betara, "Sunggoh-kah kampong anak-ku di-masok orang? Perlénté mana gerang itu?" Maka sembah Raja Melaka, "Patek tiada pereksa, tuanku." Maka sahut Laksamana, "Sunggoh, tuanku, patek membunoh dia, tetapi perlénté mana2 patek tiada tahu." Maka titah Seri Betara, "Shabas-lah, Laksamana! Kita pun suka akan

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

Laksamana membunoh perlénté itu, kerana dalam negeri ini banyak penjurit yang jahat2."

Sudah itu maka hidangan pun di-angkat orang-lah; maka makan-lah masing2 pada hidangan-nya. Sa-telah sudah makan maka minuman pula datang, tambul pelbagai rupa-nya dan rasa-nya. Maka minum-lah segala pegawai dan petuanan. Maka Laksamana pun berasa khayal-lah. Maka ia menyingsing tangan baju-nya lalu di-gamak2-nya hulu keris-nya Sa-telah Seri Betara melihat laku Laksamana itu, ia pun takut lalu berangkat masok ka-dalam istana. Maka Raja Melaka pun bermohon-lah lalu kembali ka-istana-nya. Maka baginda pun meshuarat hendak bermohon kembali ka-Melaka.

* * *

Al-kesah maka tersebut-lah perkataan Bendahara Paduka Raja menyurohkan Tun Utama pergi ka-Majapahit membawa surat mengatakan Raden Bahar gering kerana rindu dan dendam akan ayahanda baginda. Hatta maka Tun Utama pun belayar-lah. Berapa lama-nya maka sampai-lah ka-Tuban. Maka Tun Utama pun berjalan-lah ka-Majapahit. Sa-telah sampai ka-Majapahit maka Tun Utama pun masok mengadap. Maka Raja Melaka pun tengah hendak masok mengadap Seri Betara. Maka Tun Utama pun datang membawa surat. Sa-telah Raja Melaka melihat Tun Utama datang itu lalu bertitah, "Mari Tun Utama dudok; apa pekerjaan-nya Tun Utama datang ini?" Maka Tun Utama pun dudok menyembah seraya mengunjokkan surat baginda Bentara Tun Jebat, lalu di-bacha-nya di-hadapan baginda. Sa-telah raja mendengar dalam surat itu paduka anakanda gering itu, maka raja pun chuchor ayer mata-nya saperti buah bemban yang masak. Maka baginda pun bertitah kapada Laksamana, "Mari kita, kita bermohon dan surat itu pun kita bawa dan kita suroh bacha di-hadapan Seri Betara." Maka sembah Laksamana, "Daulat tuanku."

Maka raja pun naik gajah lalu berjalan masok mengadap di-iringkan oleh segala pegawai dan petuanan. Tatkala itu Seri Betara pun sudah hadhir di-adap orang. Maka Raja Melaka pun datang. Maka titah Seri Betara, "Mari anak-ku dudok dekat ayahanda sini." Maka Raja Melaka pun dudok menyembah. Maka surat itu pun di-suroh raja bacha pada Bentara Tun Jebat di-hadapan Seri Betara dan Pateh Gajah Mada. Sa-telah Seri Betara mendengar bunyi dalam surat itu, maka titah Seri Betara, "Jikalau demikian, baik-lah anak-ku segera kembali, kerana chuchu kita sangat rindu akan anak-ku; itu-lah

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

dia gering." Maka sembah raja Melaka, "Jika-lah ada kurnia, esok hari-lah patek berjalan ka-Tuban." Maka titah Seri Betara, "Baik-lah, mana bichara anak-ku-lah. Nanti-lah ayahanda berlengkap."

Maka Seri Betara pun memberi anugerah akan Ra a Melaka emas tiga bahara dan segala pegawai dan petuanan sakalian di-beri-nya persalin dan anugerah emas perak. Sa-telah sudah maka Raja Melaka pun bermohon-lah kapada Seri Betara dan Pateh Gajah Mada. Maka kata Pateh Gajah Mada, "Anak Laksamana jangan lupa2 akan kita. Jika ada salah-silih pada anak Laksamana, jangan anak Laksamana ambil pada hati." Maka sahut Laksamana, "Kalau paman Pateh juga lupakan manira-lah! Manira sa-hari pun tiada lupa akan paman kodok. Siang dan malam manira ingat juga akan kaseh paman kodok itu." Sa-telah Pateh Gajah Mada mendengar kata Laksamana itu demikian, maka Pateh pun kemalu2an. Sa-telah itu maka Ra a Melaka pun menyembah lalu kembali ka-istana-nya berlengkap.

• • •

Maka titah Seri Betara, "Hai Pateh Gajah Mada, jika sa-laku ini Laksamana itu tiada-lah ia mati, sudah sa-kali, sa-kali pula." Maka sembah Pateh, "Ada suatu bichara patek. Dengan mudah-nya juga Raja Melaka dan Laksamana itu mati di-negeri Melaka, Melaka pun alah oleh kita. Mari kita surohkan pen jurit yang baik tujoh orang pergi mengalahkan negeri Melaka itu suroh churi harta-nya, bunoh Laksamana itu." Maka titah Seri Betara, "Benar lah saperti kata-mu itu, bawa ka-mari penjurit itu ku lihat rupa-nya."

Maka Pateh pun menyuroh memanggil, penjurit tujoh orang itu pun segera datang mengadap. Maka titah Seri Betara, 'Hai Marga Paksi, dapat-kah engkau ketujoh bersaudara ini ku-surohkan mengalahkan sa-buah negeri ' Maka Marga Paksi pun tertawa, seraya menyembah, kata-nya, "Endah apa tah mengalahkan sa-buah negeri itu? Patek sa-orang pun dapat mengalahkan dia, negeri Melaka itu." Maka titah Seri Betara, "Pergi-lah engkau ketu oh bersaudara mengalahkan negeri Melaka itu, hulubalang yang bernama Laksamana itu bunoh oleh-mu beri mati; maka engkau ketujoh bersaudara ini ku-jadikan pegawai di-atas segala pegawai yang banyak ini."

Sa-telah Sang Marga Paksi mendengar titah Seri Betara demikian itu, maka ketujoh beradek-nya pun berchakap-lah. Maka Seri Betara pun memberi

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

anugerah akan dia emas dan perak dan pitis berpuloh2 yuta dan akan anak bini-nya pun di-beri anugerah. Maka Marga Paksi pun terlalu sukachita melihat anugerah Seri Betara itu terlalu banyak akan dia. Maka Marga Paksi pun bermohon-lah kapada Seri Betara itu lalu berjalan ka-Tuban menyamar dengan ra ayat Raja Melaka.

• • •

Berapa lama-nya di-jalan maka baginda pun sampai-lah ka-Tuban. Maka Raja Melaka pun bermohon-lah pada Adipati Tuban lalu naik Sairul-alamin lalu belayar. Maka Marga Paksi ketujoh beradek pun menumpang pada perahu Pateh Kerma Wijaya. Maka ia mengatakan diri-nya orang Tuban hendak mendapatkan keluarga-nya di-Melaka.

Hatta berapa lama-nya belayar itu maka raja pun sampai-lah ka-Kuala Melaka. Maka terdengar-lah kapada Bendahara Paduka Raja mengatakan raja sudah datang-lah, ada di-kuala. Maka Bendahara dan Temenggong pun berlengkap gajah kenaikan dan mengerahkan segala pegawai lalu pergi menyambut raja. Maka Bendahara pun pergi-lah. Sa-telah sampai maka Bendahara dan Temenggong pun sujud pada kaki raja. Maka raja pun memelok leher Bendahara, seraya bertitah, "Apa khabar chuchunda itu?" Maka sembah Bendahara, "Daulat tuanku, insha' Allah Ta'ala, paduka anakanda pun sihat-lah daripada gering itu."

Maka raja pun turun dari atas kenaikan lalu naik gajah kenaikan, lalu baginda berangkat ka-negeri di-iringkan oleh Bendahara dan Laksamana dan segala pegawai dan petuanan, lalu masok ka-istana Raden Emas Ayu mendapatkan anakanda baginda Raden Bahar. Apabila Raden Bahar melihat ayahanda baginda datang itu, maka Raden Bahar pun segera berbangkit dudok di-riba ayahanda baginda serta menangis. Maka raja pun chuchor ayer mata-nya melihat kelakuan anakanda baginda itu. Maka Raden Bahar pun di-suapi santap; Raden Bahar pun baharu santap. Maka raja pun beradu-lah di-istana Raden Emas Ayu tiga berputera, tiga malam di-istana Raden Emas Ayu. Maka baginda pun berhikayat akan hal baginda di-Majapahit akan perbuatan Seri Betara dan Pateh Gajah Mada, shahadan Pateh Gajah Mada hendak membunoh Laksamana itu. Sa-telah Raden Emas Ayu mendengar hikayat raja demikian itu, maka Raden Emas Ayu pun terlalu belas akan Laksamana. Maka raja pun beradu-lah di-sana.

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

Sa-telah keesokan hari-nya maka raja pun pergi ka-rumah Tun Teja; Tun Teja pun sudah hadhir persantapan dan persalin dan bau2an. Sa-telah raja datang, lalu dudok dekat Tun Teja. Sa-telah sudah santap, maka baginda pun bercheritera-lah segala hal-ahwal-nya akan Tun Teja; Tun Teja pun tersenyum. Maka raja pun beradu-lah di-sana.

• • •

Sa-bermula maka tersebut-lah perkataan Sang Marga Paksi tujoh bersaudara itu: maka ia pun naik ka-darat menchari tempat singgah. Maka di-lihat-nya sa-buah bukit di-luar negeri itu terlalu baik tempat bersembunyi dan tempat menaroh harta. Maka Marga Paksi pun pergi-lah ka-bawah bukit itu. Maka di-lihat-nya banyak lembu dan kerbau. Maka penjurit itu pun mengambil sa-orang sa-ekor lalu di-bantai-nya. Sa-telah hari malam maka pergi dua orang menchuri arak dalam negeri itu sa-tempayan. Maka ia pun minum-lah ketujoh bersaudara itu. Sa-telah hari siang maka ia masok menyamar ka-dalam negeri bermain melihat temasha sa-genap pintu orangkaya2 dan saudagar. Sa-telah rata-lah, maka ia kembali dudok pada tempat-nya di-Bukit China itu. Sa-telah hari malam maka Sang Marga pun ber alan-lah ka-dalam negeri, maka masok pada kampong sa-orang saudagar yang kaya. Maka di-churi-nya harta-nya dan isteri-nya saudagar itu pun di-chabuli-nya. Maka ketujoh-nya pun sarat membawa harta itu. Maka di-taroh-nya di-Bukit China. Maka ia pun dudok makan minum bersuka2an. Sa-telah hari malam maka ia pun masok menchuri Maka ia pun banyak beroleh harta.

Hatta dengan demikian banyak-lah saudagar dalam negeri Melaka itu kechurian. Maka segala saudagar itu pun datang mengadap raja. Maka di-persembahkan-nya akan ahwal kechurian itu. Maka ra a pun terchengang. Maka sahut Temenggong, "Sa-hari2 menyuroh berkawal. Baik-lah, sekarang malam patek sendiri terbit berkawal pada segala rumah saudagar itu."

Maka Marga Paksi pun masok-lah ka-dalam negeri itu. Maka di-lihat-nya banyak orang berkawal dengan lembing perisai masing2 itu. Maka Marga Paksi pun masok ka-dalam orang yang berkawal itu. Maka di-churi-nya pula rumah saudagar yang lain. Maka hari pun siang-lah. Maka saudagar itu pun masok-lah berdatang sembah mengatakan diri-nya kechurian. Maka raja pun hairan lalu menyuroh memanggil Temenggong; Temenggong pun datang. Maka titah raja, "Hai Temenggong, mana-tah kawal maka saudagar ini kechurian sa-malam?" Maka sembah Temenggong, "Patek mohonkan ampun

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

dan kurnia, patek sendiri-lah berkawal; patek pun hairan akan diri-nya patek." Maka titah raja, "Datang-lah bala atas negeri-ku ini!"

Maka baginda pun menyuroh memanggil Bendahara dan Laksamana. Maka kedua-nya pun datang. Maka titah baginda, "Ayo mamak Bendahara dan Laksamana, apa-tah hal negeri kita ini? Binasa-lah segala saudagar dan orang-kaya2, habis kechurian. Apa-tah bichara Bendahara dan Laksamana?" Maka Bendahara pun memandang pada Laksamana; Laksamana pun berdatang sembah, "Ya tuanku, sudah-kah menyuroh Temenggong berkawal?" Maka titah baginda, "Makin berkawal makin kechurian." Maka sembah Laksamana, "Ya Tuanku Shah Alam, patek mohonkan ampun dan kurnia; jika ada kurnia, patek hendak bermohon ka-bawah duli barang tujoh hari juga; tiada patek pergi jauh, sa-kadar dalam negeri ini juga." Maka titah baginda, "Jika Laksamana pergi, siapa-tah teman kita?" Maka sembah Laksamana, "Tiada mengapa, tuanku, patek hendak chuba main penjurit itu juga." Maka titah raja, "Baik-lah; jangan lama."

• • •

Maka Laksamana pun bermohon-lah kapada raja dan Bendahara kembali ka-rumah-nya. Maka di-ambil-nya irong dua biji, maka di-buboh-nya ubat bihaus, dan sumpit beras sa-sumpit. Sa-telah hari malam maka Laksamana pun memakai serba hitam lalu berjalan mengandar irong arak dan sumpit beras itu keliling negeri. Maka tatkala itu maka Marga Paksi pun masok ka-dalam kota hendak menchuri. Maka di-lihat-nya sa-orang mengandar irong dua buah, maka di-kerumuni-nya, kata-nya, "Siapa engkau ini?" Maka kata Laksamana, "Hamba ini orang lepas dari dalam penjara hendak lari membawa diri, kerana hamba ini orang berdosa." Maka kata Marga Paksi, "Jika sunggoh engkau hendak lari, mahu-kah engkau bersama2 dengan aku?" Maka kata Laksamana, "Baik-lah."

Maka Laksamana pun pergi-lah menchuri sama dengan Marga Paksi itu ka-rumah saudagar. Maka kata Laksamana, "Mari-lah hamba naik ka-rumah saudagar ini." Maka kata Marga Paksi, "Baik-lah." Maka Laksamana pun meletakkan kandaran-nya lalu ia naik rumah saudagar itu; maka di-ambil-nya peti delapan butir di-bawa-nya kapada Marga Paksi; Marga Paksi pun terlalu sukachita, lalu kembali ka-Bukit China makan minum bersuka2an. Sa-telah hari malam maka ia pun masok ka-rumah orangkaya2 dan petuanan menchuri.

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

Hatta dengan demikian rata-lah segala orangkaya2 itu kechurian. Maka sakalian-nya datang mengadap raja mengadu hal-nya kapada raja; raja pun hairan. Maka kata raja, "Ka-mana gerang pergi-nya Laksamana ini? Jangan-kan berkurang, makin sangat galak-nya orang menchuri ini. Hairan-lah aku." Maka sembah Bendahara, "Sabar juga dahulu, tuanku, kerana janji Laksamana tujoh hari juga ia hendak persembahkan kepala penjurit itu, kerana Laksamana itu orang bijaksana lagi penjurit besar, masakan ia berchakap ka-bawah Duli Shah Alam itu, bersahaja2 ia datang." Sa-telah ra a mendengar sembah Bendahara demikian itu, baharu-lah tetap hati baginda sadikit.

Sa-telah hari malam maka Marga Paksi pun berjalan-lah masok ka-negeri menchuri. Maka di-churi-nya segala orangkaya2 dan pegawai, habis-lah di-churi-nya. Sa-telah sarat-lah delapan orang membawa harta itu, maka Marga Paksi pun kembali-lah ka-Bukit China. Hatta dengan demikian, habis-lah segala pegawai dan petuanan dalam negeri itu kechurian. Maka Marga Paksi pun terlalu kaseh akan Laksamana. Maka kata Marga Paksi, "Hai penjurit Melayu yang amat berani lagi amat kepetangan, sekarang apa bichara kita, kerana harta orang dalam negeri ini sudah-lah habis kita churi, hanya harta raja juga belum kita churi?" Maka kata Laksamana, "Ada pun yang harta raja itu atas manira-lah menchuri dia. Beri-lah manira sa-orang masok ka-dalam istana raja itu." Sa-telah Marga Paksi mendengar kata demikian, maka ia pun terlalu sukachita dudok makan minum di-atas Bukit China itu.

Sa-telah hari malam maka ia pun ber alan-lah menuju istana ra a. Sa telah sampai ka-balairong, maka Laksamana pun berkata, "Dudok-lah pakanira ketujoh ini di-balai, beri-lah manira sa-orang masok." Maka kata Marga Paksi, "Baik-lah, beta nanti di-sini." Maka Laksamana pun berjalan-lah ka-muka pintu. Maka di-buka-nya pintu itu lalu ia masok ka-dalam pagar istana. Maka Laksamana pun sujud meniarap tiga kali mengadap istana itu. Maka ia pun naik-lah ka-istana itu. Maka di-ambil-nya sa-batang dian, maka di-suloh-nya peti berisi emas dan pakaian kain dan baju dan pakaian raja delapan buah peti. Maka di-angkat oleh Laksamana peti itu di-bawa-nya keluar. Sa-telah sudah maka di-sambut oleh penjurit ketujoh itu. Maka kata Laksa-mana, "Apa-tah lagi kehendak pakanira supaya manira kerjakan?" Maka kata Marga Paksi, "Baik-lah, kita delapan orang, peti pun delapan buah." Maka peti itu pun di-bawa-nya sa-orang sa-buah lalu berjalan kembali.

Sa-telah hari siang maka di-lihat oleh raja peti delapan buah di-churi orang Maka raja pun menampar2 paha-nya, maka titah raja, "Wah, Laksamana ka-

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

mana gerangan? Jika aku tahu akan Laksamana itu lambat datang, tiada aku melepaskan pergi. Sekarang di-mana gerang dia pergi-nya?"

Maka Bendahara dan Temenggong dan segala pegawai dan petuanan pun semua-nya mengadukan hal-nya habis kechurian itu. Maka raja pun hairan serta bertitah, "Ayo mamak Bendahara, kita pun habis kechurian sa-malam tadi. Ini-lah maka kita hairan; akan Laksamana pergi ka-mana gerangan, maka lambat datang ini?" Sa-telah Bendahara menengar raja kechurian itu, maka ia pun fikir dalam hati-nya: 'Ada pun main ini Laksamana juga rupa-nya maka sa-laku ini.' Sa-telah ia fikir demikian, maka sembah-nya, "Daulat tuanku, pada bichara patek, Laksamana ini orang bijaksana; ada juga bichara-nya maka ia berchakap ka-bawah duli tuanku; sabar dahulu, tuanku." Sa-telah raja mendengar sembah Bendahara demikian itu, baharu-lah tetap hati baginda sadikit. Maka baginda pun menitahkan orang pergi menchari Laksamana sa-genap tempat. Maka di-chari-nya tiada juga bertemu sa-genap hutan itu.

• • •

Al-kesah maka tersebut-lah perkataan Laksamana dudok di-Bukit China itu. Maka kata Laksamana, "Ada pun pakanira tujoh bersaudara ini kaseh-kah akan hamba, kerana manira hendak berguru? Kerana segala penjurit Melayu tiada berilmu, melainkan berani dan kebal juga sahaja maka ia menjadi penjurit. Sa-telah Marga Paksi mendengar kata Laksamana demikian itu, kata-nya, "Baik-lah!" Maka Laksamana pun di-ajari-nya-lah segala ilmu penjurit. Sa-telah sudah di-ajar-nya, Laksamana pun menuang arak lalu di-berikan-nya pada Marga Paksi itu. Ada pun arak itu di-bihaus. Maka kata Marga Paksi, "Arak ini kalau2 engkau buboh rachun, minum-lah engkau dahulu ku-lihat." Sa-telah Laksamana mendengar kata Marga Paksi demikian itu, maka di-minum-nya, tetapi Laksamana tahu minum, dengan mudah-nya juga di-buang-nya arak itu dua tiga chawan. Di-lihat-nya Laksamana minum itu maka Marga Paksi ketujoh bersaudara-nya pun perchaya-lah akan Laksamana. Maka chawan itu pun di-sambut-nya lalu di-minum-nya dua tiga chawan sa-orang. Maka Marga Paksi pun mabok-lah lalu rebah tidor terlalu nyedar. Maka Laksamana pun rebah tidor. Maka sa-telah di-lihat oleh Laksamana penjurit itu tidor terlalu nyedar-nya, maka Laksamana pun bangun lalu di-hunus-nya pendua-nya lalu di-tendas-nya kepala Sang Marga Paksi itu ketujoh-nya. Sa-telah sudah maka di-ambil-nya tali lalu di-chuchok-nya kepala tujoh buah itu, lalu di-bawa-nya turun dari atas Bukit China itu.

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

Maka pada hari itu raja pun menitahkan segala pegawai dan petuanan dan segala ra'ayat pergi menchari Laksamana. Laksamana pun masok-lah ka-dalam negeri membawa kepala tujoh buah itu di-kandar-nya di-bawa berjalan. Maka Laksamana pun berjalan-lah bertemu dengan segala orang menchari dia itu. Maka di-lihat oleh orang Laksamana datang mengandar kepala tujoh itu, maka kata segala orang itu, 'Dari mana orangkaya datang mengandar kepala ini?" Maka kata Laksamana, "Hamba datang dari Bukit China." Maka kepala tujoh buah itu pun di-ambil oleh hamba-nya.

Maka Laksamana pun berjalan-lah dengan segala orang banyak. Tatkala itu raja pun sedang ramai di-adap oleh Bendahara dan Temenggong. Maka di-lihat oleh raja Laksamana datang membawa kepala tu oh buah itu. Maka raja pun berbangkit dari atas singgahsana lalu mendapatkan Laksamana. Maka Laksamana pun menundokkan kepala-nya itu lalu sujud pada kaki raja. Maka raja pun menchium kepala Laksamana, seraya bertitah, Kepala siapa ini?" Maka sembah Laksamana, "Ini-lah kepala Sang Marga Paksi tujoh ber-adek yang di-titahkan oleh Seri Betara Majapahit mengalahkan negeri Melaka ini dan hendak mengenai Duli Yang Di-Pertuan dan patek. Ada pun sekarang baik-lah duli tuanku menitahkan Bentara Tun Jebat mengadap segala ra ayat berangkat harta di-Bukit China itu." Sa-telah raja mendengar sembah Laksa-mana demikian itu, maka raja pun terlalu sukachita, seraya bertitah, 'Bagaimana cipu-nya Laksamana membunoh penjurit itu?" Maka oleh Laksamana segala hal ahwal-nya semua-nya di-persembahkan kapada ra a dan Bendahara. Maka segala pegawai dan petuanan mendengar itu pun hairan dan sukachita, kerana harta itu bertemu. Maka raja pun menitahkan Bentara Tun Jebat pergi ka-Bukit China berangkut segala harta itu.

Maka Bentara Tun Jebat pun menyembah lalu berjalan ka Bukit China. Sa-telah datang ka-atas Bukit China itu, maka di-lihat oleh Bentara Tun Jebat harta itu bertimbun2. Maka segala harta raja di-suroh-nya angkut, persembah-kan. Sudah itu maka segala harta Bendahara di-suroh-nya angkut. Sudah itu maka segala harta orang banyak itu pun di-angkut, tu oh hari lama-nya berangkut itu. Maka semua-nya segala harta itu di-suroh oleh Laksamana timbunkan pada halaman balairong. Maka sembah Laksamana, 'Daulat Tuanku Duli Shah Alam, baik-lah menitahkan segala orang yang empunya harta ini kenal harta-nya yang hilang itu, jangan lebeh dan kurang. Barang siapa mengambil harta ini lebeh kurang, ku-rampas harta-nya."

Maka raja pun menitahkan Bendahara dan Temenggong memalu mong-mongan berkeliling negeri itu dan mengerahkan segala saudagar dan orang-

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

kaya2 masok mengenal harta-nya. Sa-telah sudah bertitah demikian, maka Temenggong pun menyembah lalu keluar menyurohkan orang memalu mong-mongan berkeliling negeri. Maka sakalian yang kehilangan itu pun semua-nya datang mengadap raja dengan sukachita-nya. Maka titah raja, "Hai segala kamu sakalian di-hadapan-ku ini, kenal-lah segala harta kamu yang hilang itu." Sa-telah segala mereka itu mendengar titah raja demikian itu, maka masing2 pun mengenal harta-nya. Maka sembah sa-orang, "Ini, tuanku, harta-patek;" maka sembah sa-orang pula, "Ini, tuanku, peti patek." Sa-telah sudah habis-lah, maka titah raja, "Hai segala saudagar dan pegawai dan orangkaya2, ada pun yang harta ini hendak-lah bahagi tiga, yang empunya dua bahagi, akan Laksamana sa-bahagi, kerana harta ini sudah ghaib." Maka sembah orang itu, "Ya Tuanku Shah Alam, patek mohonkan ampun dan kurnia, mana titah patek junjong." Maka sembah Laksamana, "Daulat tuanku, mohonkan bagi tujoh; yang sa-bahagi itu akan patek, yang enam itu yang empunya harta. Dalam pada itu pun, lamun redha yang empunya maka patek ambil harta ini." Maka titah raja, "Hai segala tuan2 yang empunya harta, redha-kah kamu sakalian saperti kata Laksamana itu?" Maka sembah segala mereka itu, "Daulat tuanku, redha-lah patek sakalian saperti kata orangkaya Laksamana itu dengan suka hati patek."

Maka harta itu pun di-bahagi tujoh, yang sa-bahagi itu akan Laksamana dan yang enam bahagi itu orang yang empunya harta. Maka sakalian empunya harta itu pun terlalu sukachita hati-nya. Sa-telah sudah di-bahagi raja harta itu, maka kata Laksamana, "Hai tuan2 sakalian yang empunya harta ini, wallah, demi Allah, ada pun harta ini dengan tulus ikhlas tuan2 sakalian memberikan hamba, maka oleh hamba ambil?" Maka sahut segala mereka yang empunya harta itu, "Wallah, demi Allah yang menjadikan hamba, dengan tulus ikhlas hamba-lah memberikan orangkaya." Sa-telah Laksamana mendengar kata yang empunya harta demikian itu, maka ia pun di-ambil-nya harta itu. Maka di-bahagi tiga pula, sa-bahagi itu di-berikan-nya pada segala pegawai yang tiada berpenguasaan dan yang sa-bahagi lagi di-dermakan pada segala fakir miskin. Maka segala fakir miskin pun meminta do'a akan Laksamana datang kapada anak chuchu-nya menjadi hulubalang juga.

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

BAB XV

MAKA negeri Melaka pun kacau-lah pada zaman Laksamana menjadi hulubalang itu. Maka raja pun terlalu kurnia akan Laksamana; barang sembah-nya tiada di-lalui oleh baginda. Maka segala pegawai pun dengki-lah akan Laksamana, hanya Bendahara dan Temenggong juga yang kaseh akan Laksamana. Maka segala pegawai dan petuanan pun meshuarat mengadakan fitnah. Maka kata segala pegawai dan petuanan itu, "Ada pun Hang Tuah ini jika di-diamkan juga neschaya kita sakalian tiada-lah berguna, makin di-kurnia oleh Duli Yang Di-Pertuan akan dia. Entah menjadi Bendahara, siapa tahu, jika sa-laku ini?" Maka kata sa-orang pula, "Ada pun jika kita perdiamkan ini, neschaya tiada baik jadi-nya." Maka kata sa-orang pula, "Jika demikian, mari-lah kita meshuarat dengan Pateh Kerma Wijaya, kerana ia pun menteri besar, masakan tiada di-dengar-nya oleh Duli Yang Di-Pertuan barang sembah-nya; kerana ia pun tiada berkenan akan Hang Tuah itu dudok di-atas."

Sa-telah sudah meshuarat, maka segala pegawai dan petuanan pun pergi-lah pada Pateh Kerma Wijaya. Maka segala mereka itu pun menghempaskan dastar-nya dan keris-nya di-hadapan Pateh Kerma Wijaya. Maka kata Pateh Kerma Wijaya, "Mengpa tuan2 sa-laku ini? Apa juga sebab-nya?" Maka kata segala pegawai dan petuanan itu, "Apa-tah guna-nya hamba sakalian di-jadikan pegawai, sedang sa-orang berbuat chabul di-dalam istana lagi tiada terbunoh oleh hamba sakalian? Jika musoh yang lain, berapa lagi? Apa-tah guna-nya hamba dudok berkawal siang malam di-bawah Duli Yang Di-Pertuan ini? Saperti pantun Melayu, 'Pagar makan padi' itu, ada-lah hamba sakalian lihat. Hendak pun hamba sakalian persembahkan ka-bawah Duli Yang Di-Pertuan tiada akan di-dengar-nya; hendak pun sahaya diamkan, kalau esok hari atau lusa-nya sahaya sakalian beroleh malu; maka sahaya ma'alumkan pada Kiai Pateh, kerana kiai pun menteri besar. Lamun sudah kiai tahu, pada-lah akan jadi saksi hamba sakalian." Apabila Pateh Kerma Wijaya mendengar

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

kata segala pegawai itu demikian, maka kata Pateh Kerma Wijaya, "Siapa-tah yang berani berbuat chabul dalam istana itu?" Maka kata segala pegawai, "Siapa-tah yang lebeh daripada Hang Tuah yang berani melakukan pekerjaan yang demikian itu? Pada malam tadi hamba sakalian berkawal di-bawah istana, maka hamba sakalian bertemu dengan Hang Tuah bersenda gurau dan berkata2 dengan kendak raja yang di-kasehi; maka hamba hendak tikam pada ketika itu, kalau hamba beroleh salah pada baginda, kerana Duli Yang Di-Pertuan terlalu amat kurnia akan dia, sa-olah2 di-kata dengki akan dia."

Demi Pateh Kerma Wijaya mendengar kata segala pegawai demikian itu, maka Pateh Kerma Wijaya pun terlalu amat amarah akan Laksamana, lalu masok mengadap di-iringkan oleh segala pegawai yang dengki itu. Tatkala itu raja pun sedang ramai, segala biduanda mengadap. Maka Pateh Kerma Wijaya dan segala pegawai dudok menyembah serta menghempaskan dastar-nya dan keris-nya. Maka raja pun terkejut, serta bertitah, "Hai Pateh Kerma Wijaya dan segala pegawai, mengapa maka menghempaskan dastar dan keris di-hadapan kita ini?" Maka sembah Pateh Kerma Wijaya dan segala pegawai, "Ya Tuanku Shah Alam, patek sakalian mohonkan ampun dan kurnia beribu2 ampun, takut patek sakalian berdatang sembah. Jika ada ampun duli yang maha mulia, berani-lah patek sakalian berdatang sembah." Maka titah raja, "Hai Pateh Kerma Wijaya dan segala pegawai, sembahkan-lah juga kita dengar." Maka sembah Pateh, "Patek persembahkan sembah durhaka ka-bawah duli. Apa-tah guna-nya patek sakalian di-jadikan pegawai lagi? Sedang sa-orang berbuat chabul di-dalam istana lagi tiada terbunoh oleh patek, istimewa pula musoh dan seteru Duli Yang Di-Pertuan akan lawan oleh patek sakalian; saperti pantun Melayu, pagar makan padi!" Maka titah raja, "Apa erti-nya itu?" Maka sembah Pateh Kerma Wijaya, "Ya tuanku, tadi malam patek sakalian berkawal di-bawah istana; maka ia bertemu dengan sa-orang perempuan dalam istana dengan Laksamana. Maka patek2 hendak bunoh takut beroleh salah ka-bawah duli tuanku, kerana tuanku amat perchaya akan dia; lagi pula ia penghulu pada patek2 sakalian." Sa-telah raja mendengar sembah Pateh Kerma Wijaya demikian itu, maka raja pun terlalu amarah akan Laksamana. Maka baginda pun menampar2 dada-nya, seraya bertitah, "Alang-kah baik budi-nya Si-Tuah ini! Harap-lah aku akan dia."

Maka raja pun menyuroh memanggil Bendahara; Bendahara pun segera datang. Belum sempat Bendahara dudok, maka titah raja, "Hai Bendahara, segera-lah buangkan Si-Tuah! Derhaka pada kita." Sa-telah Bendahara mendengar titah demikian itu, maka Bendahara pun terkejut, seraya berdatang

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

sembah, "Daulat tuanku, patek mohonkan ampun dan kurnia, apa juga dosa-nya patek tiada pereksa? Ada pun yang membuangkan itu pekerjaan mudah pada patek; kalau akhir-nya itu bicharakan juga; takut kemudian hari-nya duli Yang Di-Pertuan menyesal tiada berkesudahan. Ini-lah patek bicharakan." Maka titah raja, "Hai Bendahara, buangkan juga Si-Tuah itu! Kita tahukan mati-nya juga di-atas Bendahara." Bendahara pun menangis seraya tundok lalu bermohon kembali ka-rumah-nya memanggil Laksamana.

Maka tatkala itu Laksamana pun tiada di-rumah-nya pergi ka-dusun-nya di-hulu Melaka membawa anak isteri-nya. Maka orang itu pun kembali memberitahu Bendahara. Bendahara pun segera berdatang sembah, "Ya tuanku, patek itu Laksamana tiada di-rumah. Ia membawa anak isteri-nya bermain ka-hulu Melaka." Maka titah raja, "Jika demikian, pergi-lah bentara kedua dengan alat senjata memanggil Si-Tuah itu; segera bawa kapada Bendahara."

Maka bentara kedua pun menyembah lalu berlengkap dua buah perahu dengan alat senjata-nya lalu mudek mendapatkan Laksamana ka-hulu Melaka. Ada pun tatkala itu Laksamana pergi menjala dengan anak bini-nya dengan perahu kechil bermain2. Maka Laksamana pun menyampak jala sambil memandang ka-hilir sungai itu. Maka di-lihat-nya dua buah perahu datang berkayoh mudek, orang-nya terlalu banyak. Maka Laksamana pun tahu-lah akan orang memanggil dia. Maka perahu itu pun hampir-lah. Maka di-lihat-nya Hang Jebat, Hang Kasturi yang datang itu. Maka kata Laksamana, "Apa pekerjaan saudara-ku kedua datang ini?" Maka sahut Hang Jebat, "Titah Duli Yang Di-Pertuan suroh orangkaya segera kembali." Sa-telah Laksamana mendengar titah demikian itu, maka Laksamana pun segera menarek jala-nya lalu melompat ka-perahu-nya Hang Jebat. Maka perahu Tun Jebat kedua buah itu pun di-kayohkan orang-lah hilir. Maka dengan sa-ketika itu juga sampai-lah ka-kuala Melaka.

Maka Laksamana pun dudok di-balai gendang. Maka Tun Jebat, Tun Kasturi berjalan masok berdatang sembah, "Ya tuanku, patek itu Laksamana sudah datang berhenti di-balai gendang." Sa-telah raja mendengar sembah Hang Jebat itu, maka titah raja, "Hai Bendahara, segera-lah buangkan Si-Tuah itu." Maka Bendahara pun menangis lalu sujud meniarap pada kaki raja, sembah-nya, "Daulat tuanku, patek mohonkan ampun beribu2 ampun Sayang, tuanku, Laksamana itu di-buangkan. Sukar tuanku mencharı hamba saperti patek itu Laksamana. Kerana ia tiada berdosa, lagi pun kita berseteru dengan Majapahit, kalau2 kemudian kelak Duli Yang Di-Pertuan menyesal." Maka

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

titah raja dengan amarah-nya, "Hai Bendahara, segera buangkan Si-Tuah itu! Kita tahu akan mati-nya atas Bendahara."

Sa-telah Bendahara mendengar titah demikian itu, maka Bendahara pun menangis seraya berbangkit keluar mendapatkan Laksamana. Sa-telah di-lihat oleh Laksamana Bendahara keluar menangis itu, maka ia pun tahu-lah. Maka Bendahara pun berkata, "Mari-lah Laksamana kita kembali." Maka Bendahara pun berjalan di-iringkan oleh Laksamana. Sa-telah datang ka-balai, maka kata Bendahara, "Ada pun beta ini di-titahkan Duli Yang Di-Pertuan membuangkan orangkaya. Akan sekarang apa bichara orangkaya?" Maka kata Laksamana, seraya memekis, kata-nya, "Cheh, mengapa pula bagitu? Si-Tuah tiada mahu derhaka. Daulat tuanku, patek persembahkan nyawa patek, patek tiada bertuankan yang lain." Maka kata Bendahara, "Jangan orangkaya berkata demikian, kerana orangkaya tiada berdosa ka-bawah Duli Yang Di-Pertuan. Bagaimana beta membunoh orangkaya, kerana orangkaya kena fitnah segala pegawai?" Maka sahut Laksamana, "Di-perhamba chari pun dengan benar-nya di-perhamba. Baik juga dato' kerjakan saperti titah yang maha mulia itu, kerana titah suroh buangkan kapada dato'. Maka dato' tiada kerjakan sa-olah2 jadi kadam dato' melalui titah pula; kerana nyawa di-per-hamba ini persembahkan ka-bawah duli sa-suka hati di-perhamba." Maka daripada geram Laksamana itu, maka balai Bendahara pun bergonchang saperti di-tiup taufan memberi dahshat dan hebat. Maka kata Bendahara, "Tiada demikian. Ada pun yang kata orangkaya itu sa-benar-nya-lah. Ada pun yang beta ini menteri tua, maka beta lihat orangkaya tiada berdosa; maka beta kerjakan saperti titah itu, sa-olah2 jadi nama beta keji di-kata orang; akan kata-nya 'Lihat-lah Bendahara Paduka Raja tiada pereksa membunoh Laksamana itu, tiada dengan dosa-nya. Kapada Allah Ta'ala pun makin besar dosa-nya, orangkaya hulubalang besar pegawai negeri. Ada pun yang hamba mem-buangkan orangkaya itu bahawa sa-kali2 tiada hamba mahu. Baik juga orang-kaya berlepas dahulu barang ka-mana. Kutok Duli Yang Di-Pertuan hamba tanggong."

Dalam berkata2 itu maka bentara kedua pun datang di-titahkan minta keris pandak-nya Laksamana pakai itu. Maka di-lihat oleh bentara kedua Laksamana lagi berkata2 dengan Bendahara. Maka Hang Jebat, Hang Kasturi pun me-nangis lalu memelok berchium dengan Laksamana. Maka kata Bendahara, "Hai bentara kedua, apa pekerjaan bentara kedua datang ini?" Maka kata Bentara Tun Jebat, Tun Kasturi, "Sahaya dato' di-titahkan Duli Yang Di-Pertuan minta keris pandak yang di-pakai oleh Laksamana itu." Sa-telah

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

Bendahara mendengar titah demikian, maka Bendahara pun memandang pada Laksamana. Maka Laksamana pun menyelak baju-nya lalu menghunus penduanya lalu di-persembahkan kapada Bendahara. Maka di-sambut oleh Bendahara lalu di-riba-nya. Maka Laksamana pun berkata pada Hang Jebat, "Ada pun pada firasat hamba dan pengelihatan hamba, sa-peninggalan hamba ini, saudara-ku, jangan saudara-ku menanggong nama Paduka Raja kerana Paduka Raja itu nama Bendahara; barang siapa menjadi Bendahara maka sahut bernama Paduka Raja itu." Sa-telah sudah Laksamana berpesan demikian, maka bentara kedua pun berjabat tangan dengan Laksamana. Sudah itu maka keris itu pun di-berikan Bendahara pada bentara kedua. Maka Bentara Tun Jebat, Tun Kasturi pun bermohon-lah pada Bendahara dan Laksamana. Maka di-bawa-nya keris itu mengadap raja. Maka titah raja, "Mana-tah keris itu?" Maka sembah Hang Jebat, "Daulat tuanku," maka keris itu pun di-persembahkan-nya. Maka titah raja, "Pakai-lah keris itu, Tun Jebat." Maka di-dengar Hang Jebat titah demikian itu, maka ia pun terlalu sukachita sebab beroleh keris itu, dalam hati-nya: 'Aku pula rupa-nya menjadi Laksamana!'

• • •

Sa-telah sudah Hang Jebat, Hang Kasturi kembali itu, maka Laksamana pun berkata, "Wah, sayang-nya negeri Melaka!" Maka kata Bendahara, "Sekarang apa bichara orangkaya?" Maka sembah Laksamana, "Mana sabda dato' di-perhamba junjong." Maka kata Bendahara, "Jika demikian, baik-lah orangkaya berlepas supaya kita melihat main Hang Jebat jadi orang tua dalam istana." Maka kata Laksamana, "Baik-lah, sabda dato' sahaya turut, tetapi tiada lama Si-Tuah terbuang." Maka Laksamana pun menyembah lutut Bendahara; Bendahara pun memelok menchium Laksamana. Maka Laksamana pun berjabat tangan dengan Tun Pekerma. Di-suroh oleh Bendahara pada orang-nya empat orang hantarkan Laksamana ka-hulu Melaka, tujoh hari tujoh malam dari negeri Melaka jauh-nya; di-sana-lah Laksamana dudok pada dusun Bendahara.

Maka pada dusun itu ada sa-orang Sheikh Mansur nama-nya, tempat segala orang hulu Melaka itu berguru. Maka Laksamana pun memakai serba hitam berbaju hayat dan memakai chindai pada bahu-nya dan pisau yang di-anugerahkan oleh Betara Majapahit berhulukan chula bersarong emas yang bepermata ma'nikam dan intan puspa itu di-pakai-nya. Maka ia pun pergi-lah pada tempat sheikh itu. Maka di-lihat-nya oleh Laksamana ada suatu dusun pada

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

kaki bukit itu terlalu banyak buah2an sedang bermasakan. Maka Laksamana pun masok dalam dusun itu. Maka di-lihat-nya ada sa-orang sheikh dudok di-balai di-hadap oleh orang banyak. Sa-telah sheikh melihat Laksamana datang, maka kata Sheikh Mansur, "Mari anak-ku dudok." Maka Laksamana pun dudok menyembah. "Mari anak-ku dudok di-atas, kerana anak-ku orang mulia." Maka Laksamana pun menyembah lalu naik dudok. Maka kata sheikh, "Apa maksud anak-ku datang ini?" Maka sembah Laksamana, "Ada pun maksud di-perhamba ini, minta di-perhamba oleh tuan sheikh." Sa-telah sheikh mendengar kata Laksamana itu, maka kata Sheikh Mansur, "Anak-ku tiada dapat dudok di-dalam hutan padang dan tiada dapat anak-ku jauh daripada sisi raja. Ada pun dua puloh hari lagi akan di-panggil raja, kerana sa-lama anak-ku tiada itu maka negeri Melaka itu pun haru-biru-lah." Sa-telah Laksamana mendengar kata sheikh itu, maka ia pun tersenyum. Maka di-jamu-nya oleh sheikh segala buah2an di-dalam dusun itu. Sa-telah sudah makan maka Laksamana pun dudok-lah pada sheikh itu berguru.

• • •

Al-kesah maka tersebut-lah perkataan Raja Melaka. Sa-telah baginda menyuroh Bendahara membunoh Laksamana itu, maka raja pun tujoh hari tiada keluar di-hadap orang. Maka Hang Jebat pun berdatang sembah, "Ya tuanku, apa sebab-nya maka Yang Di-Pertuan tiada keluar di-hadap orang? Menyesal-kah Duli Yang Di-Pertuan membunoh Laksamana itu?"

Sa-telah baginda mendengar sembah Hang Jebat itu, maka raja pun keluar dudok di-bendul di-hadap oleh segala biduanda. Maka Hang Jebat pun datang mengadap. Maka di-suroh-nya oleh raja membacha hikayat, kerana ia tahu membawa suara bagai2, tambahan suara-nya terlalu baik. Maka Hang Jebat pun membawa hikayat, terlalu nyaring suara-nya lagi merdu. Maka segala dayang2 dan perwara dan gundek raja sakalian-nya pun dudok mengintai di-balek dinding, mengintaikan Hang Jebat membacha hikayat itu. Maka segala gundek raja pun berahi-lah akan Hang Jebat. Maka raja pun terlalu sukachita mendengar Hang Jebat membacha hikayat itu, suara-nya terlalu manis saperti buloh perindu, kerana Hang Jebat pandai mengadakan suara memberi sakalian mendengar dia pilu dan rawan; barang siapa mendengar dia menjadi kaseh hati-nya. Maka raja pun beradu-lah di-riba-nya Hang Jebat. Maka

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

Hang Jebat pun berhenti daripada membacha itu lalu bernyanyi pula mengulit raja beradu itu, terlalu sa-kali merdu suara-nya. Maka raja pun tidor-lah di-riba Hang Jebat terlalu nyedar.

Sa-telah di-lihat oleh segala dayang2 dan perwara dan sakalian gundek raja itu raja beradu di-ribaan Hang Jebat itu, maka segala dayang2 dan gundek raja pun membuat sireh masak, maka di-lontarkan-nya pada Hang Jebat: ada yang melontar dengan telepa berisi bau2an, ada yang melempar dengan chembul berisi narwastu. Maka Hang Jebat pun suka tertawa, seraya mengambil sireh dan bau2an itu lalu di-makan-nya dan di-pakai-nya.

Maka segala kelakuan Hang Jebat itu di-lihat oleh Hang Kasturi: "Datang-lah saperti kata Laksamana di-balai Bendahara itu!" Maka ia pun lalu pulang ka-rumah-nya. Maka kata Hang Jebat, "Lihat-lah bentara kanan, Yang Di-Pertuan lagi beradu ia pulang." Maka kata Hang Kasturi, "Aku tiada terlihat akan perbuatan-mu itu. Geli rasa hati-ku melihat dia; sayang sadikit engkau saudara aku." Sa-telah Hang Jebat mendengar kata Hang Kasturi itu, maka Hang Jebat pun tertawa, seraya berkata pada Hang Lekir, "Adat-nya-lah bentara kiri itu akan di-kasehi oleh segala isi istana; mangapa maka bentara kanan salah tampa? Kerana bentara kiri penghulu." Maka Jebat pun tertawa sambil di-lontar-nya akan Hang Lekir dengan sireh masak dua tiga kapor. Maka di-sambut oleh Hang Lekir sireh itu lalu di-kendong-nya.

Sa-ketika raja pun bangun lalu masok ka-istana Tun Teja. Sa-telah sudah mandi, maka baginda pun santap. Sa-telah sudah maka titah raja pada segala dayang2, "Pergi panggil bentara kiri masok." Maka segala dayang2 pun keluar pergi memanggil Hang Jebat. Maka Hang Jebat pun masok dudok di-tapakan tempat raja dudok. Maka hidangan itu pun di-angkat ka-hadapan Tun Jebat. Maka Tun Jebat pun makan-lah sambil berdiri lutut. Sa-telah sudah maka di-suroh raja angkat puan Tun Teja itu ka-hadapan Tun Jebat. Maka Hang Jebat pun makan sireh pada puan Tun Teja itu.

Maka segala kelakuan Hang Jebat itu di-lihat oleh Tun Teja, maka dalam hati Tun Teja: 'Jika sa-laku ini juga laku Hang Jebat ini, pandak-lah umor-nya. Sedang Laksamana itu dengan sopan santun akan isi istana dengan merendahkan diri-nya pada segala dayang2-ku, lagi di-bunoh-nya tiada dengan dosa-nya; ini pula Hang Jebat: laku-nya saperti anak raja2 dengan pungah-nya melihat isi istana ini.' Maka Tun Teja pun terkenang akan Laksamana itu, banyak kebaktian kapada raja tatkala dari Majapahit dan banyak kaseh-nya

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

tarkala ia di-Inderapura akan segala orangkaya2 dan banyak kaseh-nya pada Paduka Mahadewi dan kapada hamba sahaya-lah Tun Teja dengan pemberian-nya. Jika tiada kain di-beri-nya kain, jika tiada belanja di-beri-nya belanja dan baik budi-nya. Maka Tun Teja pun titek ayer mata-nya.

Maka raja pun bertitah pada Tun Teja, "Ada pun Hang Jebat ini kita hendak gelar Paduka Raja. Hendak kita gelar Laksamana itu ada Hang Nadim itu kita hendak gelar Laksamana, kerana Hang Nadim itu di-angkat anak oleh Bendahara." Sa-telah Tun Teja mendengar titah demikian, maka Tun Teja pun tersenyum, seraya berkata, "Jangan tuanku gelar Hang Jebat itu Paduka Raja, kerana nama Bendahara; menjadi tergerak hati Bendahara ini daripada anak chuchu-nya tiada dapat di-gelar Paduka Raja. Di-dalam itu pun mana titah Yang Di-Pertuan. Kalau2 tiada tertangong oleh Hang Jebat nama Paduka Raja itu?" Demi di-dengar kata Tun Teja demikian, maka raja pun tersenyum. Maka Hang Jebat pun lalu keluar tidor dari atas bendul tempat raja dudok itu.

Maka Hang Lekir, Hang Lekiu pun pergi kapada Bendahara. Maka di-lihat oleh Hang Lekir, Hang Lekiu Bendahara pun ada dudok di-balai berkata2-kan kelakuan Hang Jebat di-dalam istana itu. Maka Hang Lekir, Hang Lekiu pun datang. Maka oleh Hang Lekir sireh masak dan telepa berisi bau2an itu pun di-persembahkan-nya pada Bendahara. Maka Bendahara pun terlalu amarah akan Hang Jebat, seraya berkata, "Di-lihat-nya bapa-nya Laksamana tiada, itu-lah maka ia berani melakukan diri-nya demikian itu!" Maka sembah Hang Lekir, "Di-perhamba dengar titah Duli Yang Di-Pertuan akan Hang Jebat itu hendak di-kurnia nama Paduka Raja." Sa-telah mendengar kata Hang Lekir itu, maka Bendahara pun tundok fikir dalam hati-nya; maka kata Bendahara: 'Wah datang-lah saperti kata Laksamana itu sudah!' Maka Bendahara pun berkata, "Ada pun pada hati beta, apa-tah salah-nya tuan mengurniakan hamba-nya yang di-kaseh-nya? Tetapi jika Si-Jebat itu di-gelar Paduka Raja, lihat-lah tuan2, tiada akan sempat empat puloh hari dudok pada tempat Paduka Raja itu. Tetapi pada hati hamba, baik-lah Hang Jebat di-jadikan Paduka Raja, angor-lah di-jadikan Duli Yang Di-Pertuan Bendahara; lagi, kerana hamba pun sudah tua tiada beroleh mengerjakan titah Duli Yang Di-Pertuan." Maka sembah Hang Lekir, Hang Lekiu, "Di-perhamba kedua mohonkan ampun, siapa mahu menyembah dia?" Maka Hang Kasturi, Hang Lekir, Hang Lekiu pun bremohon-lah pulang ka-rumah-nya.

* * *

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

Maka segala pegawai dan petuanan pun hendak masok mengadap ka-bendul; maka tiada di-beri oleh Hang Jebat masok. Segala pegawai dan petuanan pun terlalu amarah akan Hang Jebat. Maka kata Hang Jebat, "Jangan tuan2 masok baru-biru, kerana dahulu lain sekarang lain, bukan seperti adat Laksamana di-jadikan orang tua ini." Maka segala pegawai itu pun tiada-lah berani masok lagi, lalu keluar dudok di-balai gendang. Maka kata segala pegawai, "Jika sa-lagi Hang Jebat di-jadikan orangkaya dalam istana raja, kita sakalian pun tiada berguna kapada raja." Maka kata sa-orang, "Oleh Laksamana tiada itu-lah maka berani Hang Jebat melakukan yang demikian barang kehendak-nya di-istana raja ini, kerana di-lihat-nya tiada dapat di-sopani-nya. Maka kata sa-orang pula, "Kita sakalian pun ada-lah sadikit kesalahan kita, akan Laksamana itu jangan kita dengki akan dia. Alang-kah baik bichara-nya menjadi orang tua? Sekarang rasa-lah perbuatan Si-Jebat atas kita sakalian! Alang-kah kaseh Laksamana itu akan kita sakalian; kita pun tidak bersusah berlelah mengerjakan kerja yang sukar2 itu, di-ganti-nya." Maka segala pegawai dan petuanan pun menangis akan Laksamana.

Maka tatkala itu raja pun dudok di-bendul. Maka titah raja, "Hai bentara, siapa ada pegawai di-luar?" Maka sembah Hang Jebat, "Daulat tuanku, semua-nya segala pegawai ada Dato' Bendahara dan Temenggong juga tiada." Maka titah raja pada Tun Lekir, "Hai benderang kanan, segera-lah panggil Bendahara dan Temenggong, kita hendak menggelar bentara kiri Paduka Raja." Sa-telah Hang Jebat mendengar titah demikian itu, maka sembah Hang Jebat, "Jikalau Duli Yang Di-Pertuan hendak mengurnia nama akan patek, jangan-lah Bendahara dan Temenggong di-suroh panggil, tuanku, kerana segala pegawai dan petuanan pun ada mengadap. Jika tiada Bendahara dan Temenggong pun, masakan tiada sah Duli Yang Di-Pertuan mengurniakan nama akan patek."

Maka Hang Jebat pun di-gelar baginda Paduka Raja. Sa-telah sudah maka baginda pun berangkat masok. Maka segala pegawai pun pulang ka-rumah-nya. Maka Hang Kasturi pun mengadap Bendahara; maka segala hal ahwal-nya Hang Jebat di-gelar oleh raja Paduka Raja itu pun semua-nya di-persembahkan-nya. Maka kata Bendahara, "Baik-lah sudah, apa-tah salah-nya tuan mengurniakan hamba-nya?" Maka kata Hang Kasturi, "Sedang masa Laksamana lagi orang tua2, sahaya dato' sakalian pun tiada bersusah dan berlelah." Maka Hang Kasturi pun terkenang akan Laksamana lalu menangis. Maka Bendahara pun menangis. Maka Hang Kasturi pun hendak bermohon, maka di-tahan oleh Bendahara. Maka di-beri-nya makan. Sa-telah sudah makan lalu bermohon pulang ka-rumah-nya.

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

BAB XVI

ARAKIAN maka Hang Jebat pun sentiasa dudok di-dalam istana raja; ia temasha dengan segala dayang2 isi istana dan gundek dengan segala bunyi2an, terlalu ramai. Maka Hang Jebat pun bermukah dengan segala dayang2; maka di-lihat-nya sa-orang pun tiada berani menegor dia. Maka ia pun bermukah pula dengan biduan raja yang hampir; itu pun sa-orang pun tiada berani segala pegawai menegor dia. Maka Hang Jebat pun bermukah pula dengan gundek raja yang di-kaseh raja; itu pun tiada berani orang berkata akan dia. Maka Hang Jebat pun dudok-lah makan minum dengan tepok tari-nya.

Maka segala kelakuan Hang Jebat itu di-hintaikan oleh Hang Kasturi. Maka ia pun tiada tertahani hati-nya; maka kata Hang Kasturi pada Hang Jebat, "Ada pun tatkala Laksamana jadi orang tua, Bendahara dan Temenggong dan segala pegawai hamba lihat sedia-kala masok ka-balairong dan ka-bendul. Akan sekarang tuan-hamba jadi orang tua, hamba lihat Bendahara dan Temenggong dan segala pegawai yang tua2 tiada masok bermain ka-balairong dan ka-bendul. Apa juga sebab-nya?" Maka kata Hang Jebat, "Ada pun Laksamana itu sa-bagaimana maka Bendahara tiada kaseh akan dia, kerana anak-nya di-angkat anak oleh Bendahara dan barang kata Laksamana kata Bendahara-lah? Sebab itu-lah maka Dato' Bendahara tiada mahu membunoh Laksamana. Dalam pada itu pun, entah hidup, kerana Dato' Bendahara itu terlalu kaseh akan dia. Ada pun hamba, bagaimana Bendahara kaseh, kerana nama-nya di-kurnia oleh Duli Yang Di-Pertuan akan hamba? Sebab itu-lah maka Dato' Bendahara tiada masok mengadap. Pada bichara hamba, jika perbuatan Bendahara dan Temenggong tiada suka rupa-nya akan hamba di-gelar Paduka Raja ini, hukum-nya derhaka-lah Bendahara dan Temenggong, baik-lah di-perhamba sembahkan kelak." Maka sahut Hang Kasturi, "Jika tuan-hamba sembahkan pun, masakan Duli Yang Di-Pertuan murka akan dia, kerana Bendahara menteri pun tua penghulu kita sakalian? Kerana Yang Di-Pertuan

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

sudah beseteru dengan Majapahit; akan dahulu Laksamana yang di-harap oleh Duli Yang Di-Pertuan." Maka kata Hang Jebat, "Mengapa-tah tuan-hamba berkata demikian? Masakan Laksamana sa-orang hulubalang? Gerangan tiada, Si-Jebat-lah akan ganti Laksamana, jika ada musoh dan seteru Duli Yang Di-Pertuan." Maka sahut Hang Kasturi, "Kehendak hamba pun demikian," lalu ia pulang ka-rumah-nya.

Maka Hang Jebat pun tiada-lah pulang ka-rumah-nya lagi, siang malam dalam istana raja-lah makan minum dengan tempek sorak-nya, terlalu ramai dengan segala isi istana dan dayang2.

• • •

Maka raja melihat Hang Jebat melakukan diri-nya saperti anak raja2, tiada ia sopan santun akan raja dan Bendahara. Maka raja pun tiada keluar di-adap oleh segala pegawai; maka titah raja pada Tun Teja, "Hai tuan puteri, sekarang apa bichara kita akan Si-Jebat ini? Pada penglihatan kita, demikian, salah perbuatan dan laku-nya ini, tiada saperti Laksamana menjadi orang tua dengan sopan santun akan isi istana." Maka sahut Tun Teja, "Patek mohonkan ampun, itu-lah duli tuanku tiada pereksa dan tiada mahu mendengar sembah Laksamana menteri tua. Barang sembah-nya harus di-turut oleh Duli Yang Di-Pertuan, kerana sukar tuanku menchari hamba saperti Laksamana itu. Jika ada Laksamana itu, masakan Si-Jebat berani berbuat demikian saperti laku anak raja2. Pada bichara patek, baik juga Duli Yang Di-Pertuan beredar diri ka-rumah Bendahara dahulu. Apabila sudah Yang Di-Pertuan undor, suroh segala pegawai bicharakan, kerana ia sa-orang." Sa-telah raja mendengar sembah Tun Teja demikian itu, maka titah raja, "Jika demikian, baik-lah tuan puteri bersimpan segala harta yang kemas2."

Maka Tun Teja pun bersimpan-lah segala harta yang kemas2 itu. Maka raja pun berangkat-lah ka-istana Raden Emas Ayu. Raden Emas Ayu tiga beranak pun lari-lah ka-rumah Tun Teja mendapatkan raja; maka bertemu di-jalan. Maka raja pun terkejut melihat Raden Emas Ayu datang tiga berputera ini. Maka raja pun hairan. Maka oleh Raden Emas Ayu segala kelakuan Hang Jebat itu semua-nya di-persembahkan-nya kapada raja. Mendengar sembah Raden Emas Ayu demikian itu, maka raja pun menyuroh memanggil Hang Kasturi, Hang Lekir, Hang Lekiu. Sa-telah datang orang tiga itu, maka titah raja suroh sambut segala harta yang kemas2.

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

Hatta maka raja pun menyuroh memanggil Tun Utama dan Tun Bija Sura. Sa-telah datang maka titah raja, "Akan sekarang Si-Jebat itu derhaka-lah pada kita; kita pun hendak berundor ka-rumah Bendahara." Sa-telah Tun Utama dan Tun Bija Sura mendengar titah raja demikian itu, maka Tun Utama dan Tun Bija Sura pun berdatang sembah, "Ya Tuanku Shah Alam, patek pohonkan keris pandak Laksamana itu supaya patek kedua-lah membuangkan Si-Jebat derhaka itu." Maka titah raja, "Keris itu sudah kita berikan Si-Jebat derhaka itu. Sa-telah Tun Utama dan Tun Bija Sura mendengar titah raja demikian, maka ia pun menampar2 kepala-nya, seraya berkata, "Sayang-nya keris Laksamana itu di-anugerahkan pada Si-Jebat derhaka itu. Harus-lah maka ia melakukan diri-nya demikian." Maka titah raja, "Hai Tun Utama dan Tun Bija Sura, bawa juga kita dengan anak isteri kita, perlepaskan oleh kamu pada rumah Bendahara. Ada pun keris banyak pada kita, baik2 daripada keris Laksamana itu."

Arakian raja pun turun-lah dari istana itu lima berputera, lalu ka-rumah Bendahara, Tun Bija Sura berjalan dahulu, Hang Lekir, Hang Lekiu dari kiri kanan, Hang Kasturi dengan segala biduanda empat puloh itu dari belakang. Maka segala perempuan isi istana dua buah itu pun turun-lah dari istana berlarian mengikut raja. Segala dayang2 dan perwara dalam istana yang bermukah dengan Si-Jebat terlalu kaseh akan Si-Jebat — lain daripada gundek raja empat puloh dan pendikir empat orang, lain daripada itu semua-nya kaseh akan Hang Jebat — tiada lagi ia mahu mengikut raja.

Hatta maka titah raja, "Ayo mamak Bendahara, hapuskan apa-lah arang di-muka kita." Maka sembah Bendahara, "Daulat tuanku, "Apa sebab-nya maka Duli Yang Di-Pertuan sa-laku ini?" Maka raja pun bertitah dengan ayer mata-nya, kata-nya, "Ayo mamak Bendahara, hendak kita berkata mamak Bendahara nama bapa kapada kita, kita pun berkata-lah. Bahawa Si-Jebat telah derhaka-lah kapada kita." Sa-telah Bendahara mendengar titah raja demikian itu, maka Bendahara pun memelokkan tangan-nya kedua, seraya kata-nya, "Bolak-kah kata patek orang yang hina itu jangan di-hampirkan? Maka hamba baik di-buangkan, ini-lah jadi-nya."

Maka Bendahara laki isteri pun bersimpan-lah rumah-nya akan tempat raja. Maka Bendahara laki isteri pun dudok di-rumah lain. Sa-telah sudah maka pada malam itu Bendahara pun memanggil segala pegawai dengan alat senjata-nya menunggu raja pada kampong Bendahara. Maka sakalian-nya pun datang-lah pada kampong Bendahara.

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

Maka hari pun siang-lah. Maka di-lihat oleh Hang Jebat raja anak beranak sudah undor dari istana. Maka ia pun terlalu sukachita lalu ia dudok di-atas peterana yang keemasan tempat raja dudok itu. Maka biduan empat itu pun bernyanyi-lah, terlalu ramai makan minum dengan segala bunyi2an. Maka Hang Jebat pun mandi berlangir pada pasu emas tempat raja mandi. Maka ia memakai bau2an; maka ia pun menyuroh mengambil peti pakaian raja itu. Maka di-ambil-nya kain raja yang berpakaikan emas itu di-pakai-nya dan baju raja daripada ramburi itu pun di-pakai-nya. Maka dastar daripada emas yang bepermata itu di-pakai-nya. Sa-telah sudah maka Si-Jebat pun dudok di-atas peterana yang keemasan. Maka nasi pun di-angkat orang-lah. Maka Hang Jebat pun makan-lah saperti kelakuan ra a santap; demikian-lah laku-nya. Sa-telah sudah makan maka Hang Jebat pun tidor-lah pada tempat raja tidor itu.

• • •

Sa-bermula raja dudok di-rumah Bendahara itu, sa-telah hari siang, maka titah raja, "Hai Pateh Kerma Wijaya, pergi-lah kamu sakalian dengan segala pegawai membuangkan Si-Jebat itu." Maka sembah Pateh Kerma Wijaya dengan segala pegawai itu, "Daulat tuanku, pada bichara patek, patek hendak tangkap dengan hidup-nya juga." Maka titah raja, "Yang kehendak hati-ku pun demikian-lah."

Maka Pateh Kerma Wijaya dengan segala pegawai itu pun menyembah lalu keluar dari kampong Bendahara itu. Maka kata Pateh Kerma Wijaya, "Ada pun segala pegawai yang pergi dengan hamba dua puloh orang itu kita bahagi empat ketumbokan dan ra'ayat-nya sa-ribu, supaya hati Si-Jebat bimbang." Maka kata segala pegawai itu, "Benar-lah saperti kata kiai Pateh itu." Maka Pateh Kerma Wijaya pun berjalan-lah di-iringkan oleh segala pegawai Sa-telah datang ka-balai gendang maka di-dengar oleh Pateh Kerma Wijaya bunyi rebana terlalu ramai. Maka Pateh Kerma Wijaya pun berkata, "Pergi-lah tuan2 sakalian masok membunoh Si-Jebat itu. Jika dapat, kita tangkap hidup; jika tiada dapat, biar hamba menangkap dia kalau ia keluar berlepas lari." Maka kata segala pegewai itu, "Benar-lah bichara Kiai Pateh itu."

Maka segala pegawai dan petuanan pun berjalan-lah masok ka-dalam kota dengan segala hulubalang dan orang yang sa-ribu itu. Maka di-kepong-nya-lah istana itu dengan tempek sorak-nya terlalu gempita. Maka kata-nya, "Hai Si-Jebat derhaka! Jika engkau berani, turun-lah engkau dari istana tuanku

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

itu supaya leher-mu ku-penggal!" Sa-telah di-lihat oleh Hang Jebat orang banyak datang mengepong dia itu, maka ia pun tertawa, seraya berbangkit lalu berjalan ka-muka pintu. Maka di-lihat-nya segala pegawai yang datang itu muda2 Maka di-lihat oleh segala pegawai Hang Jebat berdiri di-muka pintu itu; maka sakalian pun datang hendak melihat dia. Maka Hang Jebat pun menghunus keris-nya lalu berjalan turun. Maka oleh Hang Jebat di-usir-nya orang yang hampir pintu itu, habis mati di-tikam-nya, sa-tengah lari keluar. Maka sa-telah di-lihat oleh segala pegawai dan orang banyak itu Hang Jebat turun mengamok itu, maka segala pegawai itu pun habis lari mendapatkan Pateh Kerma Wijaya, sa-tengah lari kembali ka-rumah-nya. Sa-telah di-lihat oleh Hang Jebat segala orang itu habis lari, maka ia pun kembali ka-istana dudok makan minum.

Sa-telah di-lihat oleh Pateh Kerma Wijaya segala pegawai lari itu, maka kata Pateh Kerma Wijaya, "Mengapa kamu sakalian lari?" Maka kata segala pegawai itu, "Demi Si-Jebat mengamok itu, pada penglihatan hamba sakalian, saperti orang beribu2 mengamok serta Si-Jebat itu. Pada hati hamba, jangan-kan di-bunoh dan di-tangkap, menentang mata-nya pun tiada dapat." Sa-telah Pateh Kerma Wijaya mendengar kata segala pegawai itu, maka Pateh Kerma Wijaya pun tundok fikir dalam hati-nya, 'Bahawa Si-Jebat ini ada juga sa-suatu permainan-nya, kerana ia sangat berkaseh dengan Laksamana itu; masakan Si-Jebat itu tiada di-ajar-nya. Kerana aku pun hulubalang tua, mash-hor nama-ku di-tanah Jawa, tiada pernah di-usir orang. Jika demikian baik-lah aku persembahkan ka-bawah duli raja. Jika di-murka-nya pun aku tiada beroleh aib, lamun jangan aku di-usir oleh Si-Jebat pun pada-lah.' Sa-telah sudah ia fikir demikian, maka Pateh Kerma Wijaya pun berjalan-lah kembali di-iringkan oleh segala pegawai.

Sa-telah di-lihat raja Pateh Kerma Wijaya datang itu, maka titah baginda, "Hai Pateh Kerma Wijaya, sudah-kah mati Si-Jebat derhaka itu?" Maka sembah-nya, "Daulat tuanku, patek mohonkan ampun dan kurnia, apa tipu-nya? Ada pun Si-Jebat dudok itu pada tempat di-dalam istana; pada pematah idaran hulubalang tua2, akan tempat Si-Jebat itu amat sukar segala hulubalang membunoh dia dan berhadapan dengan dia. Jangankan ia mati, luka pun tiada, melainkan segala hulubalang dan ra'ayat juga yang binasa, kerana Si-Jebat itu bukan barang2 orang penjurit; lagi pula barang yang tiada pada Laksamana tiada-lah kapada-nya Si-Jebat itu. Dalam pada itu pun mana titah patek junjong."

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

Maka demi raja mendengar sembah Pateh Kerma Wijaya itu, maka raja pun terlalu dukachita seraya memandang kapada Bendahara serta bertitah, "Ayo mamak Bendahara, akan Si-Jebat derhaka itu, berkenan-kah ia dudok di-istana kita itu?" Maka sembah Bendahara, "Ya tuanku, jika demikian, tuanku tiada berhamba-kah? Biar-lah patek pergi membuangkan Si-Jebat itu." Maka raja pun tundok terkenang akan Laksamana lalu chuchor ayer mata-nya. Sa-telah Hang Kasturi mendengar titah raja dan sembah Bendahara itu, maka ia pun berdatang sembah, "Ya Tuanku Shah Alam, mengapa-tah maka Dato' Bendahara hendak berchemar2 dengan Si-Jebat itu, kerana di-perhamba dua tiga ini lagi di-bawah Duli Yang Di-Pertuan? Kerana ada lagi hulubalang yang muda2 dan pegawai dapat akan di-titah membunoh Si-Jebat derhaka itu. Akan Si-Jebat itu baik-lah di-perhamba melawani dia; pada barang empat dan pada barang main-nya sa-kali pun di-perhamba tiada akan tewas daripada-nya. Sa-telah baginda mendengar sembah Hang Kasturi demikian itu maka titah raja, "Hai Tun Kasturi, bahawa engkau-lah hamba kapada-ku yang setiawan. Ada pun sekarang Tun Kasturi-lah ku-titahkan membuang Si-Jebat itu. Jika ia mati, tahu aku membalas dia. Bawa-lah segala budak2 kita empat puloh ini dan bawa-lah ra'ayat yang pertikaman sa-ribu akan teman-mu."

Maka di-pileh oleh Bendahara orang baik2 sa-ribu yang memegang lembing perisai dan biduanda empat puloh dan tombak pengawitan sa-ratus. Sa-telah sudah lengkap, maka Tun Kasturi pun menjunjong duli berjalan ka-istana. Sa-telah Hang Kasturi sampai ka-dalam kota, maka Hang Kasturi pun berdiri di-halaman; maka segala ra'ayat pun berbaris-lah. Maka Hang Kasturi pun berseru2, "Hai Si-Jebat derhaka! Jika engkau berani, mari-lah bertikam dengan aku sama sa-orang!"

Sa-telah Hang Jebat mendengar suara orang memanggil dia itu, maka Hang Jebat pun segera berbangkit dari atas peterana itu lalu berdiri di-muka pintu istana itu. Maka di-lihat-nya yang datang itu Tun Kasturi, Tun Lekir, Tun Lekiu, segala budak2 raja empat puloh itu. Maka di-lihat Tun Kasturi Si-Jebat berdiri di-muka pintu itu. Maka kata Tun Kasturi, "Hai Si-Jebat derhaka, demikian-lah perbuatan-mu ka-bawah Duli Yang Di-Pertuan? Alangkah kurnia Duli Yang Di-Pertuan akan-mu, maka engkau balas yang demikian Akan sekarang mari-lah engkau bertikam dengan aku sama sa-orang" Sa-telah Si-Jebat mendengar kata Tun Kasturi demikian, maka Si-Jebat pun tertawa, seraya berkata, "Hai saudara-ku, apa-tah daya-ku? Sudah-lah gerang untong-ku. Ada pun nama laki2 yang berani itu tiada demikian, sa-hingga

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

mati sudah-lah; tetapi Si-Jebat tiada mati di-dalam istana ini, tiada dapat barang2 hulubalang membunoh Si-Jebat ini. Tetapi Si-Jebat tiada menyesal pada barang pekerjaan-nya," seraya tersenyum, kata-nya, "Sa-hingga lupur nyawa sudah-lah Si-Jebat, tetapi, akan kata orang yang tahu, jika berhimpun segala ra'ayat dalam negeri itu pun di-titahkan membunoh Si-Jebat, tiada aku mati. Akan sekarang Laksamana tiada-lah dalam dunia ini: betapa aku mati? Sebab pun aku berbuat pekerjaan demikian, kerana Laksamana tiada dalam dunia ini. Ada pun akan darah Laksamana itu aku-lah yang membalas dia pada Raja Melaka dan segala pegawai yang dengki akan dia. Sekarang mengapa maka segala pegawai yang dengki akan Laksamana itu tiada di-titahkan raja membunoh aku supaya aku penggal leher-nya? Ada pun saudara-ku yang tiga itu bukan-lah lawan pada-ku dan aku tiada mahu mendapatkan tangan kapada saudara-ku ketiga itu. Demi Allah dan Rasul-nya, bahawa aku tiada mahu bertikam dengan saudara-ku." Sa-telah Tun Kasturi mendengar kata Hang Jebat itu, maka kata Tun Kasturi, "Hai Si-Jebat, aku pun tahu-lah akan kata-mu itu, tetapi apa-tah daya-ku, kerana aku di-titahkan tuanku? Jika aku mati pun redha-lah aku. Ada pun jika engkau tiada mahu turun, aku naiki."

Sa-telah Si-Jebat mendengar demikian, maka ia pun tertawa, seraya berkata, "Baik-lah ku-turun, tetapi tahan-lah bekas tangan-ku Si-Jebat derhaka ini! Pala2 jahat jangan kepalang," serta ia menghunus keris-nya. Akan orang yang banyak itu maka di-tikam-nya empat lima orang mati dan luka. Sa-telah di-lihat oleh biduanda empat puloh dan pertikaman yang sa-ribu itu Hang Jebat turun mengamok itu, maka segala orang itu pun habis lari tiada berketahuan pergi-nya. Maka Hang Kasturi pun terdiri di-halaman itu dengan keris-nya menantikan amok Si-Jebat. Maka Hang Jebat pun naik-lah balek istana pula dudok makan minum bersuka2an bersenda gurau dengan segala dayang2 dan isi istana yang tujoh ratus itu.

Maka Hang Kasturi pun kembali mengadap raja; segala ahwal-nya dan kata Hang Jebat itu semua-nya di-sembahkan-nya kapada raja; raja pun terlalu duka-chita hati-nya. Maka sembah Pateh Kerma Wijaya, "Bolak-kah kata patek, kerana Si-Jebat itu ada pengetahuan maka ia tiada dapat di-lawan orang?" Maka raja pun tundok mashgul. Maka di-lihat oleh Temenggong; Temenggong pun berdatang sembah, "Daulat Tuanku Shah Alam, patek mohonkan ampun; pada sa-kali ini patek-lah akan berchakap membuangkan Si-Jebat derhaka itu. Jika tiada mahu turun dari istana itu, patek suroh naik ka-istana, tetapi patek mohonkan Tun Utama dan Tun Bija Sura akan teman patek." Sa-telah raja mendengar sembah Temenggong itu, maka raja pun bertitah pada Tun Utama

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

dan Tun Bija Sura, pergi-lah orangkaya kedua kita titahkan meneman Temenggong, kerana tuan-hamba hulubalang tua pada kita." Maka sembah orang kedua itu, "Daulat tuanku, patek kedua persembahkan nyawa kedua bersaudara ini ka-bawah duli." Maka Temenggong dan Tun Utama dan Tun Bija Sura pun menyembah lalu keluar pulang.

Maka Temenggong pun memileh orang-nya, dalam tiga ribu itu dua ratus juga di-bawa-nya. Sa-telah sudah berlengkap, maka ia pun berjalan-lah ka-istana. Maka segala orang dalam negeri itu pun pergi-lah mengikut Temenggong. Sa-telah sampai ka-halaman istana itu, maka segala orang banyak pun bersorak-lah saperti tagar bunyi-nya. Maka di-kepong-nya-lah istana itu berkeliling. Maka Hang Jebat pun tertawa mendengar bunyi sorak orang itu lalu ia berbangkit dari atas peterana itu berjalan ka-pintu istana. Maka di-lihat-nya Temenggong dan Tun Utama dan Tun Bija Sura yang datang itu. Sa-telah di-lihat oleh orang banyak, orang banyak pun berkata, "Hai Si-Jebat derhaka, jika engkau berani, mari-lah tuan supaya ku-penggal leher-mu Maka Hang Jebat pun tertawa, seraya berkata, "Hai Temenggong dan Tun Utama dan Tun Bija Sura, sayang engkau hulubalang tua di-tanah Melaka ini, lagi pun bukan engkau yang dengki akan Laksamana dan berbuat fitnah akan dia. Ada pun jika engkau dengki dan fitnah akan Laksamana itu, sekarang juga engkau ku-beri malu, ku-perhambat saperti kawan kambing. Tetapi engkau kaseh akan Laksamana: apa-tah daya-ku? Mengapa maka Patch Kerma Wijaya dan segala pegawai yang dengki dan fitnah akan Laksamana itu tiada di-titahkan suroh membunoh aku? Hai Temenggong, pergi-lah engkau kembali, persembahkan ka-bawah Duli Yang Di-Pertuan suroh Patch Kerma Wijaya dan segala pegawai yang dengki akan Laksamana itu suroh membunoh Si-Jebat derhaka ini supaya ku beri balas darah Laksamana itu oleh bekas tangan Si-Jebat derhaka ini." Sa-telah Temenggong mendengar kata Hang Jebat demikian itu, maka ia pun hairan, dalam hati-nya: 'Ada pun jika saperti kata Si-Jebat ini, sahaja ia hendak membalas kematian Laksamana rupa-nya.'

Maka segala orang pun bersorak-lah, kata-nya, "Hai Si-Jebat derhaka, mengapa maka engkau takut turun? Jika engkau tiada mahu turun supaya kunaiki istana itu." Maka kata Hang Jebat, "Baik-lah tahan-lah bekas tangan-ku baik2. Sa-pala2 nama derhaka, jangan kepalang!" serta di-hunus keris-nya turun melompat serta di-usir-nya akan orang yang banyak itu, barang yang terlintang di-tikam-nya. Maka segala orang banyak itu pun habis cherai-berai melihat Hang Jebat itu saperti harimau yang galak tiada membilang akan

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

lawan-nya, shahadan maka keris-nya bernyala2 saperti gunong api hendak membakar. Orang yang banyak itu hanya yang tinggal Temenggong dan Tun Utama dan Tun Bija Sura juga, terdiri di-tengah halaman istana itu, serta memegang pedang perisai menantikan Si-Jebat datang, shahadan terchengang2 melihat kelakuan Hang Jebat mengamok itu. Maka dalam hari-nya: 'Sunggoh-lah Si-Jebat ini penjurit besar, banyak tipu-nya. Maka datang ia ka-hadapan-ku bertikam dia, jangankan dapat membunoh dia, pedang-ku pun tiada terangkat. Hendak lari malu, kerana aku hulubalang tua.' Sa-telah di-lihat oleh Hang Jebat segala orang itu habis lari, hanya yang terdiri Temenggong dan Tun Bija Sura dan Tun Utama jua, maka Hang Jebat pun melompat lalu naik ka-istana itu makan minum.

Maka Temenggong pun kembali mengadap raja. Maka titah raja, "Hai Temenggong, apa khabar Si-Jebat derhaka itu?" Maka sembah Temenggong, "Daulat Tuanku Shah Alam, pada bichara patek dan pengelihatan patek, pekerjaan membunoh Si-Jebat itu pekerjaan besar, jangan di-permudah; sukar kelak jadi-nya. Sunggoh-lah saperti sembah Pateh Kerma Wijaya itu." Maka segala hal ahwal-nya itu semua-nya di-sembahkan-nya pada raja dan Bendahara. Demi raja mendengar sembah Temenggong demikian itu, maka raja pun teringat akan Laksamana. Maka baginda pun tundok berlinang2 ayer mata-nya seraya menampar2 paha-nya. Maka titah raja, "Sayang-nya hamba-ku Laksamana. Di-mana aku menchari saperti Laksamana?" Maka raja pun bertitah dengan murka-nya pada segala pegawai yang dengki akan Laksamana itu, "Hai kamu sakalian yang dengki! Pergi-lah kamu membunoh bapa-mu Si-Jebat itu. Aku tahu akan mati-nya juga pada-mu sakalian. Jikalau Si-Jebat tiada mati, engkau sakalian ku-bunoh!" Sa-telah segala pegawai mendengar titah Raja Melaka demikian itu, maka sakalian pun tundok dengan takut-nya. Maka titah raja, "Hai Pateh Kerma Wijaya dan petuanan, pergi-lah kamu penggal leher bapa-mu Si-Jebat itu! Mengapa maka kamu sakalian berdiam diri, kamu biarkan bapa-mu dudok dalam istana itu?"

Maka titah raja, "Ya mamak Bendahara, mana anak Laksamana yang mamak Bendahara peliharakan itu?" Maka sembah Bendahara, "Daulat tuanku, ada patek kechil itu, tetapi ia lagi budak, belum lagi tahu bahasa." Maka titah raja, "Ada berapa umor-nya? Ada-kah saperti besar bapa-nya tatkala mamak Bendahara pungut jadi budak2 kita itu?" Maka sembah Bendahara, "Kechil sadikit, tuanku." Maka titah raja, "Panggil ia ka-mari ku-lihat."

Maka di-suroh oleh Bendahara panggil; maka Tun Nadim pun berlari2 datang mengadap raja. Maka Tun Nadim pun dudok di-bawah Bendahara

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

seraya menyembah. Maka kata raja, "Hai Bendahara, ini-kah anak Laksamana?" Maka sembah Bendahara, "Daulat tuanku." Maka sembah Tun Nadim, "Daulat tuanku." Sa-telah raja mendengar sembah Tun Nadim itu dan melihat segala kelakuan-nya itu terlalu tertib dan merendahkan diri-nya kapada raja dan segala pegawai2, raja pun gemar dan kaseh akan Tun Nadim. Maka titah raja, "Hai Bendahara, Nadim ini kita pinta akan anak kita, dapat akan kita pandang ganti bapa-nya Laksamana." Maka sembah Bendahara, "Daulat tuanku, persembahkan ka-bawah duli, kerana patek kechil itu sedia hamba ka-bawah duli tuanku, tambahan pula akan pesan bapa-nya suroh persembahkan anak-nya ini kapada paduka anakanda jadi budak2." Maka raja pun bertitah, "Hai Nadim, bahawa engkau ku-ambil akan anak-ku, kerana bapa-mu itu banyak kebaktian kapada-ku." Maka sembah Tun Nadim, "Daulat tuanku, mana titah patek junjong. Patek ini hamba yang hina lagi papa."

Maka raja pun terbayang2 akan Laksamana. Sa-telah di-lihat oleh Bendahara terlalu amat raja kenang akan Laksamana itu, maka sembah Bendahara, "Daulat tuanku, patek mohonkan ampun dan kurnia ka-bawah duli yang maha mulia, jika sa-kira-nya ada Laksamana itu hidup, ada-kah ampun Duli Yang Di-Pertuan?" Maka titah raja, "Ayo mamak Bendahara, mana-tah orang mati hidup pula? Pada hati kita, Laksamana itu jika hidup pula penaka kita mendapat perbendaharaan di-muka bumi; demikian-lah pada rasa hati kita. Jangan mamak Bendahara menyebut nama Laksamana dua kali lagi. Jikalau Laksamana itu hidup pula, pada rasa hati, saperti paduka marhum yang di-Bukit Seguntang itu hidup pula." Sa-telah Bendahara mendengar titah demikian itu, maka sembah Bendahara, "Ya tuanku, ini-lah sebab-nya maka patek persembahkan nyawa, lamun Duli Yang Di-Pertuan murka dan menitahkan membunoh segala hamba sahaya; patek kirakan akhir-nya. Bolak-kah kata patek? Tetapi akan Si-Jebat itu ada akan lawan-nya yang dapat membunoh dia." Maka oleh Bendahara sa-bagai di-kilat2kan-nya pada raja, akan Laksamana juga di-sebut-nya. Maka raja pun ma'alum akan kias Bendahara itu.

Sa-telah di-dengar oleh Tun Nadim raja dan Bendahara menyebut nama bapa-nya itu maka sembah-nya, "Ya tuanku, akan patek mohonkan ampun ka-bawah duli; patek hendak bertikam dengan Si-Jebat derhaka itu, kerana patek dengar khabar-nya, bapa patek Hang Tuah itu dari kechil-nya sudah bertikam dengan musoh. Apa-tah guna-nya patek di-peliharakan, jika tiada patek berbuat kebaktian ka-bawah duli? Patek mati pun redha-lah dengan pekerjaan Shah Alam." Sa-telah raja mendengar sembah Tun Nadim demikian

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

itu, maka raja dan Bendahara pun terlalu hairan. Maka titah raja, "Hai Nadim, ada pun engkau belum tahu erti berperang; jika engkau sudah tahu berperang, sekarang juga engkau aku titahkan membuang Si-Jebat itu. Hulubalang yang tua2 lagi tiada dapat berhadapan dengan Si-Jebat itu."

Sudah itu maka Bendahara pun berdatang sembah, "Ya tuanku, sebab itu-lah maka patek menahani Duli Yang Di-Pertuan membuangkan akan Laksamana itu; sukar Duli Yang Di-Pertuan menchari hamba dan hulubalang saperti Laksamana itu. Sekarang apa-tah rupa-nya, tiada-kah Duli Yang Di-Pertuan menyesal?" Sa-telah raja mendengar sembah Bendahara demikian itu, maka raja pun menangis, seraya bertitah, "Apa-tah daya kita; sudah-lah rupa-nya untong kita akan beroleh kemaluan. Jika ada Laksamana, masakan demikian pekerjaan ini?" Maka sembah Bendahara, "Daulat tuanku, patek mohonkan ampun dan kurnia; itu-lah maka patek berani berdatang sembah. Jika sa-kira2-nya Laksamana itu ada hidup, ada-kah ampun duli tuanku akan dia?"

Sa-telah raja mendengar sembah Bendahara demikian itu, maka raja pun ma'alum-lah akan kias Bendahara itu. Maka baginda pun berdebar2 hati-nya lalu berbangkit memegang tangan Bendahara lalu di-bawa-nya masok ka-dalam rumah pada tempat yang sunyi. Maka titah raja, "Ya mamak Bendahara, apa juga erti-nya kata mamak Bendahara itu, kerana Laksamana sudah mati kita suroh buangkan kapada Bendahara? Sekarang mamak Bendahara me-ngatakan Laksamana itu ada hidup. Ada pun jika Laksamana itu ada hidup, pada bichara kita, saperti di-sambut oleh mamak Bendahara di-Bukit Seguntang, maka di-rajakan oleh mamak Bendahara pada negeri Bentan; kemudian dari itu maka kita pun kerajaan pula di-Melaka; ini pun dengan perentah mamak Bendahara juga. Akan sekarang kita beroleh kemaluan, tiada dapat di-bichara-kan dan di-katakan di-tengah majlis itu di-buat oleh Si-Jebat. Harang pada muka kita melainkan mamak Bendahara-lah membasoh dia. Siapa-tah kita harap, kerana kita umpama orang sakit payah; mamak Bendahara-lah yang mengubati."

Sa-telah Bendahara mendengar titah raja demikian itu, maka Bendahara pun terlalu kasehan akan raja; maka sembah-nya, "Daulat tuanku, patek mohonkan ampun dan kurnia, patek persembahkan nyawa patek anak-beranak ka-bawah Duli Shah Alam, kerana patek derhaka. Maka patek tahani Laksamana itu; patek lihat dia tiada berdosa. Sa-perkara, sayang patek akan Laksamana itu, di-mana tuanku menchari hulubalang saperti Laksamana itu? Sekarang ia sudah menjadi fakir. Mahu-kah ia menjadi hulubalang saperti dahulu atau tiada-kah? Kerana Laksamana itu keras hati-nya, bukan ia takut akan mati.

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

Dengan dari kudrat patek juga maka ia mahu lepas diri itu." Sa-telah raja mendengar sembah Bendahara demikian itu, maka raja pun terlalu sukachita lalu bangkit memelok menchium Bendahara, serta bertitah, "Ya mamak Bendahara, mamak Bendahara-lah yang menghidupkan kita di-dunia akhirat. Yang mamak Bendahara bapa-lah kapada kita; yang Tun Mat itu dunia akhirat saudara-lah pada kita. Demi Allah! Tidak ada sir chita kita hendak membunoh Laksamana itu lagi. Jika saperti sembah Bendahara itu, baik-lah mamak Bendahara pergi sendiri memanggil ia. Jika tiada mahu mari, kita sendiri memanggil Laksamana itu." Maka sembah Bendahara, "Jangan-lah duli tuanku berangkat. Tiadakan Laksamana itu tiada datang. Baik-lah Tun Pekerma dan Tun Kasturi di-titahkan pergi memanggil Laksamana itu."

Sa-telah raja mendengar sembah Bendahara demikian maka baginda pun menitahkan Tun Pekerma dan Tun Kasturi pergi memanggil Laksamana itu. Maka Tun Pekerma dan Tun Kasturi pun mudek-lah ka-hulu Melaka.

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

BAB XVII

BERAPA lama-nya maka sampai-lah pada tempat Laksamana itu. Maka Tun Pekerma dan Tun Kasturi pun naik-lah bertanya pada orang dusun itu, kata-nya, "Ka-mana pergi-nya Laksamana itu?" Maka kata orang itu. "Ada berguru pada Sheikh Mansur nama-nya. Ada pun Laksamana itu di-angkat anak oleh sheikh itu." Sa-telah Tun Kerma dan Tun Kasturi menengar kata orang itu demikian, maka kata Tun Pekerma dan Tun Kasturi, "Baik-lah, esok hari kita mendapatkan Laksamana itu, kerana hari ini sudah hampir malam."

Maka pada malam itu Laksamana dudok berkata2 dengan Sheikh Mansur. Maka kata Sheikh Mansur, "Hai anak-ku Laksamana, esok hari anak-ku di-suroh raja panggil, kerana negeri Melaka itu haru-hara saperti alah musoh. Sunggoh pun tiada alah, istana raja itu beroleh akan orang; tetapi raja tiada keluar di-negeri itu." Sa-telah Laksamana menengar kata sheikh demikian itu, maka Laksamana pun tundok melihat sa-ketika; sunggoh saperti kata Sheikh Mansur itu. Maka sembah Laksamana, "Ya tuanku, hamba-mu pohon-kan suatu alamat daripada tuanku tanda menjadi hamba ka-bawah kadam tuanku." Maka Sheikh Mansur itu pun mengambil mastul-nya yang burok itu lalu di-berikan pada Laksamana. Maka kata sheikh, "Ya anak-ku Laksamana, ada pun mastul-ku ini jika engkau hendak berperang pakai oleh-mu." Maka Laksamana pun terlalu sukachita kerana beroleh mastul itu. Maka hari pun siang-lah.

Maka Tun Pekerma dan Tun Kasturi pun pergi-lah pada dusun sheikh itu. Tatkala itu Laksamana pun ada dudok mengadap sheikh itu. Sa-telah di-lihat oleh Laksamana Tun Pekerma dan Tun Kasturi datang itu, maka Laksamana pun berdiri memberi hormat akan Tun Pekerma dan Tun Kasturi. Maka kata Tun Kasturi, "Assalamu'alaikum, hai saudara-ku Laksamana yang amat mashhor pada tanah Jawa dan Melayu!" Maka sahut Laksamana, "Wa alaikumus-

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

salam, yang saudara-ku kedua; apa pekerjaan saudara-ku kedua datang?" Maka Tun Pekerma dan Tun Kasturi pun naik dudok, seraya berkata, "Titah Duli Yang Di-Pertuan memanggil orangkaya, kerana Duli Yang Di-Pertuan terlalu sangat rindu dendam akan orangkaya, bermula anakanda Tun Nadim pun di-ambil oleh baginda di-angkat anak." Sa-telah sudah menyampaikan demikian, maka Tun Pekerma dan Tun Kasturi pun menyembah pada Sheikh Mansur. Sa-telah Laksamana menengar titah raja dan menengar anak-nya di-angkat oleh raja itu maka Laksamana pun menguchap sa-ribu shukor akan Tuhan Rabbu'l-ghafur.

Maka Tun Pekerma dan Tun Kasturi pun di-jamu-nya oleh sheikh makan segala buah2an yang di-alam dusun itu. Maka kata sheikh, "Ya anak-ku Laksamana, baik-lah anak-ku segera kembali; jika anak-ku lambat kembali, negeri Melaka itu pun habis binasa; raja pun entah mati siapa tahu." Sa-telah Laksamana menengar kata sheikh demikian itu, maka ia pun terlalu belas akan raja lalu titek ayer mata-nya serta menghunus pisau dari pinggang-nya; maka di-persembahkan-nya pada sheikh itu. Maka kata Laksamana, "Ya tuanku, suatu pun tiada persembah hamba ka-bawah kadam tuanku, hanya-lah pisau sa-bilah ini permainan tangan tuanku." Maka di-sambut oleh sheikh pisau itu; maka di-lihat-nya pisau itu sarong-nya daripada emas sa-puloh mutu di-tatah mas permata sembilan bagai, shahadan hulu-nya daripada chula. Maka pada hulu-nya suatu intan di-buboh-nya, chahaya-nya amat gilang-gemilang dan mata pisau itu terlalu baik. Maka sheikh pun terlalu sukachita seraya berkata, "Sunggoh-lah tuan anak kapada-ku. Bermula pisau itu sa-buah negeri dengan isi-nya tiada ku-tukarkan. Ada pun yang kaseh anak-ku itu Allah Ta'ala juga membalas dia, tetapi insha Allah Ta'ala, barang di-mana tempat anak-ku itu di-peliharakan Allah subhanahu wa Ta'ala juga, bala di jauhkan Allah Ta'ala pada kadam."

Sa-telah sudah Sheikh Mansur memberi do'a akan Laksamana, Laksamana pun sujud pada kaki sheikh itu lalu ia bermohon. Maka sheikh pun memelok menchium Laksamana. Maka Tun Pekerma dan Tun Kasturi pun bermohon-lah pada sheikh itu.

Maka Laksamana pun berjalan-lah dari dusun Bendahara. Sa-telah sampai ka-perahu, lalu di-kayohkan orang-lah ka-Melaka, terlalu sa-kali laju. Sa-telah sampai maka Laksamana pun hendak mengikat diri-nya, maka kata Tun Pekerma, "Akan titah raja pada hamba, 'Jika Laksamana hendak mengikat diri-nya jangan di-beri.'" Sa-telah Laksamana menengar kata Tun Pekerma itu, maka Laksamana pun berjalan-lah naik di-iringkan oleh Tun Pekerma

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

dan Tun Kasturi. Sa-telah di-lihat oleh orang dalam negeri Melaka Laksamana datang itu maka segala orang negeri itu pun terlalu sukachita dan berlari2 datang menyembah Laksamana, seraya berkata, "Sa-kali ini hidup-lah kita sakalian; lepas-lah daripada si-Jebat itu, kerana bapa kita yang mati itu hidup pula." Maka Laksamana pun sampai-lah ka-kampong pintu Bendahara lalu dudok di-luar pintu berhenti.

Maka Tun Pekerma pun masok mengadap raja. Sa-telah raja melihat Tun Pekerma datang, maka titah raja, "Mana-tah Laksamana?" Maka sembah Tun Pekerma, "Daulat tuanku, ada patek itu di-luar pintu." Sa-telah raja menengar sembah Tun Pekerma itu maka raja pun segera berlari2 mendapat-kan Laksamana. Sa-telah Laksamana melihat raja datang, maka Laksamana pun segera meniarap sujud pada kaki raja. Maka raja pun memelok menchium Laksamana seraya di-pegang tangan Laksamana lalu di-bawa baginda ka-rumah Bendahara. Maka Lakamana pun sujud pada lutut Bendahara; Bendahara pun memelok menchium Laksamana. Maka titah raja, "Ada pun mamak Bendahara-lah yang menghidupkan kita dan menghapuskan arang pada muka kita. Ada pun mamak Bendahara itu dunia akhirat bapa kapada kita." Maka sembah Bendahara, "Daulat tuanku, patek hamba ka-bawah duli shah alam."

Maka Laksamana pun di-suroh raja mandikan dan langiri. Sa-telah sudah raja pun menanggalkan segala pakaian kerajaan lalu di-anugerahkan pada Laksamana. Sa-telah sudah di-persalin, maka persantapan pun di-angkat orang-lah. Maka raja pun santap dua tiga suap lalu sudah; maka sisa-nya di-anugerahkan Laksamana. Maka titah raja, "Hai kekaseh-ku, makan-lah ayapan-ku." Maka Laksamana pun menyembah, kata-nya, "Daulat tuanku, patek menjunjong ayapan." Maka Laksamana pun makan-lah ayapan itu.

Sa-telah sudah maka Laksamana pun menyembah, "Daulat tuanku." Maka titah raja, "Ya kekaseh-ku, bahawa aku terlalu amat beroleh malu. Ada pun sekarang siapa-tah lain daripada kekaseh-ku yang menghapuskan arang pada muka ini?" Maka sembah Laksamana, "Daulat tuanku," seraya berpaling menyembah Bendahara, kata-nya, "Saya pohonkan keris panjang sahaya dato'." Maka Bendahara pun segera menyuroh mengambil keris panjang itu, maka di-unjokkan kapada Laksamana. Maka di-sambut oleh Laksamana keris itu serta di-kuchupi-nya. Maka Laksamana pun mohon pada raja lalu turun ka-tanah. Maka ia pun menyembah pula lalu menghunus keris panjang-nya. Maka Laksamana pun bermain keris panjang-nya dua tiga lompat di-rasai-nya tuboh-nya tiada saperti dahulu. Maka sudah bermain keris itu, maka sembah Laksamana, "Daulat tuanku, pada hari ini tiada dapat patek bertikam dengan

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

Si-Jebat derhaka itu, kerana patek rasai tuboh patek berat, tiada saperti dahulu, kerana empat bulan-lah patek tiada memegang keris dan pedang." Maka titah raja, "Sunggoh kata Laksamana itu. Kita pun lihat sangat chedera-nya Laksamana melompat dan bermain keris itu," seraya bertitah, "Ya mamak Bendahara, suroh panggil orang yang pandai mengurut suroh urut Laksamana itu; barang empat lima hari peliharakan baik2."

Laksamana pun di-bawa-lah Bendahara ka-rumah-nya. Maka Laksamana pun berurut lima hari lima malam. Sa-telah sudah maka Laksamana pun bermain-lah keris panjang dan bermain pedang perisai, terlalu hebat rupa-nya, sambil menyarongkan keris panjang-nya. Maka Laksamana pun di-bawa oleh Bendahara mengadap raja. Maka titah baginda, "Dapat-kah kekaseh-ku membunoh Si-Jebat demikian itu?" Maka sembah Laksamana, "Daulat tuanku, patek mohonkan ampun, patek pohonkan keris pandak patek supaya patek pergi membuangkan Si-Jebat derhaka itu." Maka titah raja, "Ayo Laksamana, keris itu sudah kita berikan Si-Jebat derhaka itu." Sa-telah Laksamana mendengar titah raja demikian itu maka Laksamana pun menampar2 paha-nya, seraya berkata, "Wah, sayang-nya keris itu beroleh akan Si-Jebat. Siapa-kah dapat berhadapan dengan dia?" Maka titah raja, "Hai Laksamana, jangan-lah kekaseh-ku berchintakan keris itu. Keris banyak pada kita, baik2 daripada keris itu: bingkis dari Majapahit tujoh bilah, ketujoh-nya baik2 dengan bisa-nya dan pendarah-nya dan tajam-nya. Ada pun akan keris bingkis dari Daha tiga bilah itu pun baik; dan keris pemberian Adipati Palembang pada kita itu pun baik2 juga. Pileh-lah oleh Laksamana yang mana berkenan pada hati."

Maka segala peti keris itu pun di-buka oleh Laksamana di-lihat-nya sa-bilah demi sa-bilah di-hunus-nya. Demikian juga, sa-bilah pun tiada berkenan pada-nya dan tiada sama dengan keris Hang Jebat itu. Maka di-buka-nya pula peti sa-buah lagi; itu pun banyak keris berbagai2 perbuatan-nya dan rupa-nya ada kapada hati-nya. Maka di-lihat oleh Laksamana sa-bilah sempana betul, di-tatahkan sampai ka-hujong, hulu-nya tembaga suasa di-tatahkan dengan pudi ma'nikam bersarongkan emas di-pahat, di-tatahkan permata merah bersalut lagi berantai. Maka di-hunus-nya keris itu, tiada berkenan pada hati-nya. Maka ada parong sari sa-bilah tujoh belas lok bertatah sampai ka-hujong, tatah-nya orang2an. Keris itu berkenan sadikit. Pada hati Laksamana: 'Keris ini yang dapat ku-pakai akan pendua. Keris ini banyak membunoh, barang siapa memakai dia, mati di-bunoh. Kerana keris ini chelaka.' Sa-telah sudah di-lihat-nya, maka di-sarongkan-nya pula. Maka sembah Laksamana, "Daulat tuanku, mohonkan ampun, di-dalam keris banyak ini sa-bilah pun tiada

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

dapat menyangga keris Si-Jebat itu pun sa-bilah dan tiada berkenan pada hati. Keris parong sari ini berkenan sadikit, dapat patek pakai akan pendua patek, tetapi keris ini tiada dapat membunoh Si-derhaka itu dan Si-Jebat pun tiada dapat membunoh patek, tetapi ra'ayat-lah binasa oleh-nya."

Sa-telah raja menengar sembah Laksamana demikian itu, maka raja pun baharu teringat akan keris anugerah ayahanda di-Bukit Seguntang itu. Maka titah raja, "Ayo mamak Bendahara, kita lupa akan keris kita pemberian paduka marhum; baharu kita teringat." Maka sembah Bendahara, "Mana-tah keris itu?" Maka titah raja, "Keris itu tiada terbawa oleh kita; tinggal di-istana kita taroh di-atas bantal seraga." Sa-telah Bendahara menengar titah demikian, maka Bendahara dan Laksamana pun tersayang2 akan keris itu. Maka titah raja, "Siapa gerang dapat kita titahkan pergi mengambil keris itu? Terlalu besar-nya kebaktian pada kita." Maka sa-orang pun tiada menyahut titah raja itu; tiga kali bertitah, sa-orang pun tiada berchakap. Maka Laksamana pun memandang pada Tun Kasturi; Tun Kasturi pun menyembah, "Daulat tuanku, patek-lah pergi mengambil keris itu." Maka titah raja, "Hai bentara kanan, pergi-lah kamu ka-istana ambil keris-ku itu, ku-taroh di-dalam peraduan di-atas bantal seraga." Maka sembah Tun Kasturi, "Daulat tuanku," lalu menyembah berjalan keluar bersikap diri-nya dan memakai keris pendua-nya.

Maka bentara kanan pun berjalan-lah sa-orang diri-nya ka-istana. Sa-telah sampai ka-pintu istana itu lalu ia masok ka-dalam pintu lalu ia berjalan ka-tengah pelantaran. Maka Tun Kasturi pun hendak masok ka-istana, tiada boleh, kerana Hang Jebat dudok makan minum bersuka2an dengan segala perempuan di-muka pintu istana itu. Maka Tun Kasturi pun terdiri di-tengah pelantaran. Maka di-lihat oleh Hang Jebat Hang Kasturi datang itu, maka kata Hang Jebat, "Silakan-lah saudara-ku santap sireh sa-kapor." Maka kata Tun Kasturi, "Aku tiada mau, kerana aku di-titahkan Duli Yang Di-Pertuan mengambil keris di-peraduan." Maka kata Hang Jebat, "Mari-lah saudara-ku santap sireh sa-kapor dahulu." Maka kata Tun Kasturi, "Aku tiada perchaya akan engkau, kerana engkau tiada tegoh setia-mu dengan tuan-mu, istimewa aku sahabat pada-mu." Maka Hang Jebat pun mengambil sireh sa-kapor pada puan, maka di-bawa-nya pada Tun Kasturi. Maka kata Hang Jebat, "Santap-lah sireh sa-kapor dahulu." Maka Tun Kasturi pun memegang hulu keris-nya sa-belah menyambut sireh itu. Maka kata Hang Jebat, "Lihat-lah budak ini tiada perchaya akan kita; kita mengunjokkan sireh pada-nya, ia memegang ulu keris-nya." Maka kata Tun Kasturi, "Engkau tiada tegoh setia; sedang tuan-mu yang memberi engkau kurnia lagi engkau durjana,

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

istimewa aku sahabat-mu." Maka kata Hang Jebat, "Apa-tah daya-ku? Sudah-lah gerangan unrong-ku tersurat dahulu-nya: demikian-lah perjanjian-ku. Sekarang hendak ka-mana saudara-ku?" Maka kata Hang Kasturi, "Aku di-titahkan oleh Duli Yang Di-Pertuan mengambil keris di-peraduan." Maka kata Hang Jebat, "Nanti-lah saudara-ku di-sini, aku pergi mengambil dia."

Maka Hang Jebat pun pergi-lah ka-peraduan raja mengambil keris itu lalu di-berikan-nya pada Tun Kasturi lalu di-junjong-nya. Maka kata Hang Jebat, "Tahu-lah aku akan keris ini di-ambil-nya, bahawa sa-kali2 keris ini tiada membuoh Si-Jebat, kerana kematian-ku ini pada tangan Laksamana tersurat pada keris-nya. Sekarang Laksamana sudah mati, tambahan pula keris-nya ini beroleh ka-tangan-ku; siapa-tah dapat membunoh aku? Hulubalang mana dapat membunoh aku dan dapat menentang mata-ku? Lagi, bukan aku tiada tahu akan pegawai Melaka ini: orang besar-nya Bendahara dan Temenggong, hulubalang, Tun Utama dan Tun Bija Sura, keempat Pateh Kerma Wijaya, lain daripada itu hanya-lah saudara-ku tiga orang ku-sopani. Lain daripada orang lapan itu ku-perhambat saperti kambing juga, ada-nya. Tetapi lihat-lah oleh saudara-ku bekas tangan Si-Jebat derhaka ini, sa-pala2 nama jahat jangan kepalang." Sa-telah Tun Kasturi menengar kata Hang Jebat demikian itu, maka ia pun tertawa, seraya berkata, "Di-mana-tah menchari Laksamana lagi, kerana sudah mati. Masakan hidup pula?" Maka kata Hang Jebat, "Ku-perbuat demikian ini pun, kerana Laksamana tiada dalam dunia ini, tetapi segera saudara-ku pergi persembahkan keris itu." Maka Tun Kasturi pun bermohon-lah pada Hang Jebat lalu berjalan keluar membawa keris itu.

Sa-telah di-lihat oleh raja Tun Kasturi datang, maka titah raja, "Hai bentara, boleh-kah keris itu?" Maka sembah Tun Kasturi, "Boleh." Keris itu pun di-persembahkan kapada raja. Maka di-sambut oleh raja di-berikan pada Laksamana. Maka titah raja, "Hai Laksamana, ini-lah daripada paduka marhum di-Bukit Seguntang." Maka di-sambut oleh Laksamana lalu di-junjong-nya; maka di-lihat-nya keris itu ulu-nya ma'nikam hijau, sarong-nya ma'nikam merah, salut-nya intan dan berchahaya-nya gilang-gemilang. Maka di-hunus-nya keris itu, maka di-lihat-nya keris, kata-nya, "Dapat sadikit, tetapi kechil lagi tua, tatah-nya sudah samar, lok-nya tujoh." Maka titah raja, "Dapat-kah di-pakai keris itu?" Maka sembah Laksamana, "Daulat tuanku, keris ini dapat di-pakai bertikam dengan Si-Jebat, tetapi keris ini tiada dapat membunoh Si-Jebat dan melukai dia pun tiada dapat. Dalam banyak ini, hanya-lah dua bilah ini yang dapat di-pakai."

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

Maka keris parong sari itu pun di-suroh oleh Laksamana kilir pada Pateh Kerma Wijaya dan keris raja itu di-kilir oleh Laksamana sendiri, tiga hari tiga malam Laksamana dan Pateh Kerma Wijaya mengilir keris itu. Maka titah raja, "Berapa hari lagi Laksamana hendak bertikam dengan Si-Jebat derhaka itu?" Maka sembah Laksamana, "Mana titah patek junjong, tetapi esok baik bertikam dengan Si-Jebat itu, kerana esok hari pada hari Ahad pada tengah hari itu-lah patek menaiki istana bertikam dengan Si-Jebat. Tetapi baik kampong Dato' Bendahara ini kotai beri tegoh2 dan segala pegawai suroh bertunggu dengan alat senjata, kalau2 Si-Jebat turun mengamok, kerana ia orang mati hendak bela." Maka titah raja, "Benar-lah saperti kata Laksamana itu; segera-lah Bendahara kerahkan segala pegawai dan petuanan dan segala ra'ayat suroh kotai kampong Bendahara ini tujoh lapis."

• • •

Sa-telah sudah segala pegawai dan petuanan bertunggu dengan segala alat senjata-nya, maka keesokan hari-nya, maka raja pun memberi anugerah akan Laksamana pakaian yang indah2 dan di-beri anugerah ayapan pada tempat raja santap. Sa-telah sudah maka raja pun memelok leher Laksamana seraya di-chium baginda kepala Laksamana, seraya bertitah, "Hai kekaseh-ku Laksamana, segera-lah hapuskan arang pada muka-ku ini." Maka sembah Laksamana, "Daulat tuanku." Maka Laksamana pun meniarap pada kaki raja, seraya memakai di-hadapan raja :pertama di-pakai-nya serual beledu hijau sampai kalutut-nya, sudah itu maka berkain hijau di-gangsi yang bertepi emas di-pahat bersirat, di-ragam dan ikat pinggang khatifah tujoh belit bersurat ayat Qur'an dan berbaju kesumba murup bersurat do'a besar2 dan memakai keris parong sari itu. Maka mastul pemberian Sheikh Mansur itu di-pakai-nya. Sudah itu maka keris raja itu di-pakai ka-hadapan. Sa-telah sudah maka Laksamana pun bertelut menyembah lalu turun berjalan di-iringkan oleh orang-nya empat puloh itu.

Maka di-lihat segala ra'ayat di-dalam negeri Melaka itu Laksamana di-titah kan raja membunoh Si-Jebat itu, maka kata orang banyak itu, "Mari-lah kita melihat temasha Laksamana bertikam dengan Si-Jebat itu. Sa-kali ini baharu-lah Si-Jebat beroleh lawan, sama berani dan sama tahu, kerana Laksamana pun banyak tahu-nya." Maka kata sa-orang pula, "Si-Jebat pun tahu banyak maka ia tiada dapat di-lawan orang." Maka kata sa-orang pula, "Apa-tah kita perbantahkan? Kita lihat sekarang; siapa mati siapa hidup pun bertentu-lah,

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

kerana Laksamana hulubalang besar; sudah ia berchakap ka-bawah Duli Yang Di-Pertuan masakan ia kembali sahaja."

Hatta dengan demikian maka Laksamana pun sampai-lah ka-balai gendang. Maka Laksamana berhenti di-balai gendang menengar bunyi rebana itu terlalu ramai, Si-Jebat makan minum dengan segala isi istana. Sa-telah di-lihat-nya hari hampir tengah hari, maka di-dengar oleh Laksamana bunyi rebana dan redap itu berhenti, hingga bunyi rebana kechil juga lagi bunyi-nya mengulit Si-Jebat tidor. Maka Laksamana pun tahu-lah akan Si-Jebat tidor itu. Maka Laksamana pun melihat ketika dan edaran. Sa-telah sudah sampai ketika-nya, maka Laksamana pun turun dari balai gendang itu lalu berjalan masok ka-dalam pagar lalu berdiri di-tengah halaman istana itu. Maka segala orang-nya empat puloh itu pun berdiri di-belakang Laksamana. Maka segala orang banyak pun berdiri dari jauh melihat temasha: ada yang naik pohon kayu, ada yang naik bumbongan, ada yang naik ka-halang jambatan raja, maka sakalian yang berani masok berdiri di-belakang Laksamana.

Maka gempar-lah segala perempuan isi istana itu menengar bunyi lembing perisai dan tempek sorak orang banyak mengepong istana itu. Maka Hang Jebat pun terkejut daripada tidor-nya lalu bangun. Maka Laksamana pun berseru2, kata-nya, "Hai Si-Jebat derhaka! Tiada-kah setia-mu pada tuan-mu? Jika engkau berani, mari-lah engkau turun bertikam dengan aku sama sa-orang, kerana aku pun lama-lah tiada bertikam." Maka di-dengar oleh Hang Jebat suara Laksamana sayup2, di-dengar-nya bunyi lembing perisai gemeretak dan bunyi suara orang terlalu gempita. Maka di-dalam hati-nya, 'Raja-lah rupa-nya yang datang ini.' Maka Hang Jebat pun menghunus keris-nya lalu di-kilir-nya.

Maka Laksamana pun berseru2 pula, kata-nya, "Hai Si-Jebat derhaka! Sunggoh engkau berani tiada berlawan! Mari-lah engkau turun dari istana ini bertikam sama sa-orang." Maka suara itu pun terdengar kapada Hang Jebat, di-kenal-nya suara Laksamana. Maka Hang Jebat, ia pun naik ka-peranginan; maka di-buka-nya peranginan itu, maka di-lihat-nya Laksamana terdiri di-tengah halaman itu. Maka Hang Jebat pun berdebar2 hati-nya, ia pun fikir dalam hati-nya: 'Ada pun Hang Tuah itu sudah mati di-bunoh oleh Bendahara; sekarang Laksamana itu tiada dalam dunia ini, siapa pula yang datang ini saperti Laksamana pun sikap-nya dan laku-nya? Kalau mata-ku bekas tidor ini gerangan, maka jadi salah pemandangan-ku?'

Maka Hang Jebat pun turun dari peranginan itu lalu ia mandi pada pasu emas itu dan di-basoh muka-nya. Sa-telah sudah maka Hang Jebat pun me-

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

makai pakaian kerajaan lalu ia membuka pintu itu. Maka Laksamana pun berseru2, kata-nya, "Hai Si-Jebat, segera-lah engkau turun. Jika engkau tiada turun, sekarang istana ini ku-naiki, tetapi sukar kita bertikam." Sa-telah Hang Jebat menengar suara Laksamana itu, maka ia pun membuka pintu itu sadikit; maka di-lihat-nya Laksamana, di-peramat2i-nya, di-kenal-nya itu Laksamana. Maka nyata-lah Laksamana itu. Maka Hang Jebat pun hairan.

Maka di-lihat-nya oleh Laksamana Hang Jebat membuka pintu istana itu, maka Laksamana pun menyinsing tangan baju-nya. Maka kata Laksamana, "Cheh, Si-Jebat derhaka! Mati engkau oleh-ku!" Maka Hang Jebat pun segera menutup pintu istana itu, seraya berkata, "Siapa engkau yang datang hendak bertikam dengan aku itu dan siapa nama-mu?" Maka kata Laksamana, "Hai Si-Jebat derhaka, takut-kah engkau akan aku bertanya? Aku-lah Laksamana, baharu datang dari berguru di-hulu Melaka." Maka sahut Jebat, "Hai Laksamana, bahawa aku tiada takut akan engkau. Ku-dengar engkau sudah di-bunoh oleh Bendahara; sebab itu-lah maka aku hairan." Maka kata Laksamana, "Aku-lah Hang Tuah di-titahkan Duli Yang Di-Pertuan membunoh engkau, kerana aku tiada mati; aku di-taroh oleh Bendahara di-hulu Melaka."

Sa-telah Hang Jebat menengar kata Laksamana demikian, maka ia pun hairan, seraya berkata, "Hai orangkaya Laksamana, kerana-mu-lah maka aku berbuat pekerjaan ini. Pada bichara-ku, engkau tiada dalam dunia ini lagi. Jika aku tahu akan engkau ada hidup, demi Allah dan Rasul-Nya, tiada aku berbuat pekerjaan yang demikian ini." Maka kata Laksamana, "Hai Si-Jebat, menyesal-kah engkau?" Maka kata Hang Jebat, "Hai Laksamana, sa-kali2 tiada aku menyesal dan takut akan mati, tetapi aku sudah tahu akan kematian-ku ini pada tangan-mu, di-mana dapat ku-salahi lagi? Tetapi tuan hamba lihat-lah tikam Si-Jebat derhaka ini, empat puloh hari orang Melaka membuangkan bangkai dalam negeri Melaka ini dan tiada menderita bau busok bangkai. Sa-pala2 jahat jangan kepalang; ku-perbuat sunggoh2." Maka sahut Laksamana, "Hai Si-Jebat, tersalah chita-mu itu. Ada pun pekerjaan-mu derhaka pada tuan-mu itu berapa2 dosa-nya kapada Allah, tiada tertanggong oleh-mu di-dalam akhirat jemah. Akan sekarang engkau hendak membunoh orang yang tiada berdosa pula berpuloh2 ribu itu; benar-kah bichara-mu itu?" Maka kata Hang Jebat, "Apa-tah daya-ku? Sakalian itu dengan kehendak-nya juga; tiada dengan kuasa-ku perbuat itu, supaya nama-ku mashhor pada segala negeri." Maka kata Hang Jebat, "Ada pun aku tiada mau turun dari istana ini berlawan dengan engkau, kerana engkau hulubalang besar lagi ternama; tiada boleh ku-permudahkan saperti lawan yang dahulu itu dan engkau saudara tua pada-

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

ku: tiada baik. Jika engkau hendak bertikam dengan aku, mari-lah naik.' Maka sahut Laksamana, "Bukakan-lah pintu itu." Maka kata Hang Jebat, "Nanti-lah aku sa-ketika lagi; aku hendak berlangirkan keris-ku."

Maka Hang Jebat pun menutup pintu istana empat puloh itu. Sa-telah sudah maka Hang Jebat pun menghunus keris-nya, maka di-tikam-nya segala perempuan isi istana yang tujoh ratus itu, sa-orang pun tiada tinggal. Maka darah pun saperti hujan yang lebat turun ka-bawah istana. Maka Laksamana pun berseru2, kata-nya, "Hai Si-Jebat, pekerjaan apa kau kerjakan ini? Alang-kah dosa-nya." Maka sahut Hang Jebat, "Ini-lah pekerjaan yang sempurna. Sa-pala2 jahat jangan kepalang, saperti pantun Melayu, rosak bawang di-timpa jambak-nya." Maka Laksamana berkata pula, "Hai Si-Jebat, segera-lah bukakan aku pintu ini."

Sa-telah sudah maka Hang Jebat pun makan ni'mat pada persantapan raja itu. Sa-telah sudah makan maka ia makan sireh pada puan raja lalu ia ber-jalan ka-muka pintu istana itu. Maka Hang Jebat pun membuka pintu istana itu sa-belah; maka kata Hang Jebat, "Silakan-lah orangkaya naik, kerana ayapan sudah hahdir." Maka kata Laksamana, "Aku tiada mau naik, kerana engkau hendak mengenai aku. Buka-lah pintu itu kedua-nya supaya aku naik." Sa-telah Hang Jebat menengar kata Laksamana demikian itu, maka oleh Hang Jebat di-buka-nya pintu sa-belah lagi. Maka kata Hang Jebat, "Silakan-lah orangkaya naik, pintu sudah terbuka." Maka kata Laksamana, "Baik-lah." Maka Laksamana pun menyinsing tangan baju-nya, seraya memekis, kata-nya, "Cheh, Si-Jebat! Mati engkau oleh-ku," serta ia melompat ka-atas anak tangga-nya itu. Maka Hang Jebat pun menghunus keris-nya lalu menikam dada Laksamana; maka Laksamana pun melompat ka-tanah. Maka kata Laksamana, "Chih! Bukan laki2 menikam menchuri!" Maka Hang Jebat pun tertawa, kata-nya, "Hai orangkaya, aku geram melihat engkau terdiri2 di-atas tangga itu, tiada tertahan hati-ku." Maka kata Laksamana, "Bukan laki2 berani. Jika hendak bertikam beri-lah aku berjijak dahulu." Maka kata Hang Jebat, "Silakan-lah orangkaya, hamba beri jalan." Maka kata Laksamana, "Baik-lah," serta ia melompat ka-atas tangga tiga butir anak tangga. Maka Laksamana pun terdiri di-atas tapakan tangga itu. Maka baharu hendak melompat kaki-nya sa-belah ka-dalam pintu, maka di-tikam-nya akan Laksamana. Maka di-lepaskan-nya tikam Hang Jebat itu, salah; maka di-pertubi2-nya tikam oleh Hang Jebat. Maka Laksamana pun terjun ka-tanah pula.

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

Maka kata Laksamana, "Si-Jebat orang yang tiada tegoh setia-nya! Sunggoh-lah kamu orang yang hina. Mana-tah kata-mu tiada menyesal dan berani mati?" Maka kata Hang Jebat, "Lebeh ampun orangkaya-lah akan di-perhamba, kerana hati di-perhamba tiada tertahan melihat orangkaya terdiri2 di-tengah tangga itu. Maka kata Laksamana, "Jika demikian, mari-lah engkau turun." Maka kata Hang Jebat, "Aku bertikam di-tanah dengan engkau tewas-lah aku, kerana aku sa-orang, engkau banyak." Maka kata Laksamana, "Mengapa pula aku meminjam berani orang-nya demikian itu? Dalam pada itu pun jika hendak turun supaya ku-halaukan segala orang banyak itu." Maka kata Hang Jebat, "Tiada mau aku turun. Jika engkau hendak bertikam dengan aku, mari-lah engkau naik ka-istana ini." Maka kata Laksamana, "Baik-lah, aku pinta-lah jalan naik." Maka kata Hang Jebat seraya undor, "Silakan-lah orangkaya naik." Maka Laksamana pun melompat naik ka-atas anak tangga. Maka kata Laksamana, "Hai Si-Jebat undor-lah beri aku berjalan." Maka Hang Jebat pun undor dari pintu itu sa-kira2 sempat melompat menikam; di-sana-lah ia menantikan Laksamana; maka Laksamana pun melangkah naik sa-kali lagi. Ia melompat lalu ka-atas anak tangga yang di-atas. Maka Laksamana pun terdiri dudok di-atas ibu tangga itu; maka Hang Jebat pun melompat, maka di-tikam-nya dada Laksamana. Maka di-salahkan-nya sadikit tikam Hang Jebat; maka Laksamana pun melompat masok ka-dalam pintu istana itu lima depa jauh-nya daripada pintu itu. Sa-telah di-lihat oleh Hang Jebat salah tikam-nya itu, maka ia berpaling di-pertubi2-nya tikam. Maka Laksamana pun melompat ka-kiri dan ka-kanan menyalahkan tikam Hang Jebat itu, saperti tiada berjijak rupa-nya, kerana tikam Hang Jebat itu tikam orang berani, ter-lalu deras datang-nya, saperti baling2. Maka Laksamana pun sa-bagai me-lompat undor. Maka di-lihat oleh Laksamana Si-Jebat berupa lelah. Maka Laksamana pun berdiri serta di-tikam-nya dada Hang Jebat; serta di-lompatkan oleh Hang Jebat, salah tikam Laksamana itu.

Sa-telah di-lihat orang banyak Laksamana sudah masok ka-dalam istana ber-tikam dengan Si-Jebat itu, maka orang banyak itu pun datang-lah ka-bawah istana dengan tempek sorak-nya lalu di-radak-nya kaki Hang Jebat. Maka Hang Jebat pun melompat ka-atas tempat raja beradu itu. Maka Laksamana pun melompat berdiri di-atas birai istana itu, seraya berkata, "Hai segala kamu orang kita, pekerjaan apa ini? Baik kena pada kaki Si-Jebat, jika kena pada kaki-ku, siasia-lah pekerjaan tuanku! Sekarang undor-lah kamu sakalian." Sa-telah di-dengar oleh orang banyak itu kata Laksamana itu, maka ia pun keluar-lah dari bawah istana itu dan Hang Jebat pun turun. Maka kata Hang

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

Jebat, "Hai Laksamana, sekarang ini apa bichara-mu?" Maka kata Laksamana, "Hai Si-Jebat derhaka, mari kita muafakat sama menyarongkan keris dahulu. Maka kita kedua berusong talam, kita letakkan di-tengah ruang ini, maka bertikam di-atas talam itu supaya terpelihara kaki kita kedua daripada radak orang itu."

Demi di-dengar kata Laksamana itu, maka Hang Jebat pun menyarongkan keris-nya. Maka Laksamana pun menyarongkan keris-nya, maka berjalan-lah kedua-nya masok ka-dalam perbendaharaan raja itu. Maka di-lihat-nya talam ada beratus2. Maka di-pileh-nya empat buah talam yang besar saperti ruang istana itu, maka di-usong-nya bawa keluar maka di-letakkan pada tengah ruang istana itu. Maka di-ambil-nya permadani yang berpakan emas itu di-hamparkan-nya di-atas talam itu berhenti, tetapi Laksamana orang bijaksana; sunggoh pun ia dudok berhadapan dengan Hang Jebat itu, mata-nya mengerling2 pada ulu keris Hang Jebat juga. Akan Hang Jebat pun terlalu ingat, mata-nya saperti helang hendak menyambar, tangan-nya tiada lepas daripada ulu keris-nya, di-gamak2-nya. Maka Laksamana pun tiada endah laku-nya dudok itu.

Maka kata Laksamana, "Hai Si-Jebat, mari-lah kita bertikam." Maka Hang Jebat pun berbangkit lalu di-tikam-nya akan Laksamana, Laksamana pun tiada sempat berdiri lalu berguling2 di-atas talam itu. Maka di-tikam oleh Hang Jebat di-pertubi2-nya. Maka Laksamana pun menghunuskan keris-nya sambil berguling, saperti jentera ia menyalahkan tikam Hang Jebat itu. Maka oleh Hang Jebat di-pertubi2-nya tikam berturut2, tiada juga kena. Maka Hang Jebat pun amarah, maka di-tikam-nya dengan sunggoh2 hati-nya, maka tersalah daripada Laksamana kena talam itu, lekat keris-nya. Maka di-sentakkan-nya keris itu tiada terchabut. Maka Laksamana pun berbangkit bangun berdiri seraya melela di-hadapan Hang Jebat itu tertitar2, seraya berkata, "Cheh, Si-Jebat! Mari engkau oleh-ku." Maka Hang Jebat pun amarah saperti api bernyala2. Maka di-tendang-nya talam itu serta di-sentakkan-nya keris; keris itu pun terchabut-lah. Maka oleh Hang Jebat di-tikam-nya akan Laksamana, Laksamana pun melompat ka-kiri dan ka-kanan menyalahkan tikam Hang Jebat itu. Maka kata Hang Jebat, serta di-tikam-nya akan Laksamana, kata-nya, "Cheh, Laksamana! Jangan engkau undor. Berdiri-lah engkau." Maka kata Laksamana, "Hai Si-Jebat, bukan aku lari membuang belakang. Mana kehendak-mu tikam-lah." Maka Hang Jebat pun sa-bagai menikam, tiada juga kena, saperti tikam bayang2 laku-nya. Maka Hang Jebat pun lelah. Maka ia berdiri di-tengah talam itu. Sa-telah di-lihat oleh Laksamana Hang Jebat berupa lelah itu, maka Laksamana pun melompat serta di-tikam-nya

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

dada Hang Jebat. Maka Hang Jebat pun melompat menyalahkan tikam Hang Tuah itu, kerana tikam Laksamana itu terlalu deras datang-nya. Maka Hang Jebat pun merebahkan diri-nya berguling saperti jentera rupa-nya. Maka oleh Laksamana di-pertubi2-nya tikam, tiada juga kena. Maka pada penglihatan Laksamana segala tuboh Hang Jebat itu habis di-selimuti oleh keris-nya.

Maka Laksamana pun lelah terdiri di-atas talam itu. Maka Hang Jebat pun berbangkit lalu berdiri. Maka kata Hang Jebat, "Hai Laksamana, apa perimu akan membunoh aku?" Maka Laksamana pun berkata, "Hai Si-Jebat, bahawa tiada dengan kuasa-ku membunoh engkau; bahawa Tuhan-ku yang amat kuasa membunoh engkau. Insha Allah Ta'ala, mati juga engkau dalam tangan-ku." Maka kata Hang Jebat, "Hai Laksamana, sunggoh2 rupa-nya engkau hendak membunoh aku." Maka kata Laksamana, "Mengapa-tah maka tiada sunggoh? Jika tiada engkau mati oleh-ku, aku mati oleh-mu, maka sudah-lah pekerjaan ini." Maka Hang Jebat pun memekis, kata-nya, "Cheh! Si-Jebat dengan Si-Tuah hulubalang raja Melaka mati tiada berguna! Jika Si-Jebat dengan Si-Tuah gerangan di-titahkan raja Melaka menyerang negeri orang, aku dua orang itu pun alah." Maka kata Laksamana, "Sunggoh saperti kata-mu itu; pada hati-ku pun demikian-lah. Sayang engkau berdosa. Jika lain daripada dosa ini, tiada engkau mati, barang tipu-nya daya-ku pun ku-perlepaskan juga engkau daripada mati." Maka Hang Jebat pun menangis menengar kata Laksamana demikian itu. Maka Laksamana pun menangis kasehan hati-nya akan Hang Jebat. Maka kata Hang Jebat, "Aku pun kerana melihat engkau di-bunoh oleh Bendahara tiada dengan dosa-nya; sebab itu-lah maka sakit hati-ku. Akan istimewa aku pula orang permainan tiada akan di-bunoh-nya, kerana raja itu membunoh tiada dengan pereksa-nya. Pada bichara hati-ku, sedang engkau banyak kebaktian-mu dan jasa-mu lagi di-bunoh-nya oleh raja, istimewa aku pula. Sebab pun ku-perbuat demikian ini, sa-pala2 nama jahat jangan kepalang, saperti pantun Melayu, rosak bawang di-timpa jambak-nya; maka sempurna-lah nama derhaka dan nama jahat." Maka kata Laksamana, "Sunggoh saperti kata-mu itu, tetapi akan kita di-perhamba raja ini hendak-lah pada barang sa-suatu pekerjaan itu bicharakan sangat2, saperti kata orang tua2: 'Baik mati dengan nama yang baik, jangan hidup dengan nama yang jahat,' supaya masok shurga jemah." Maka kata Hang Jebat, "Sa-benar-nya-lah saperti kata orangkaya itu. Apa-tah daya di-perhamba? Sudah-lah gerangan rupa-nya perjanjian di-perhamba akan mati dengan nama yang jahat; tetapi Si-Jebat tiada memberi ayer muka sahabat-nya binasa, sa-hingga mati sudah-lah. Tetapi Si-Jebat tiada beranak. Ada

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

pun akan sekarang ada sa-orang perempuan, dayang2 dato' Bendahara, Dang Baharu nama-nya, perempuan itu bermukah dengan di-perhamba. Sekarang ia bunting tujoh bulan. Ada pun jika perempuan itu beranak laki2, ambil oleh orangkaya jadikan pegawai anakanda Tun Nadim. Jika ia perempuan, mana perentah ibu-nya-lah. Ini-lah pesan di-perhamba pada orangkaya." Maka kata Laksamana, "Baik-lah."

Sudah Hang Jebat berpesan demikian itu, maka Hang Jebat pun fikir dalam hati-nya: 'Ada pun jika aku bertikam dengan Laksamana ini sama sa-orang di-istana ini, jika aku mati sa-orang pun tiada berbela dan nama-ku pun tiada mashhor. Jika demikian, baik-lah aku turun mengamok supaya banyak bela-ku.'

Ada pun tatkala itu sa-moga2 di-tutup Allah Ta'ala hati Si-Jebat daripada membakar istana. Jika ia membakar, habis-lah negeri Melaka itu binasa, Si-Jebat tiada terbunoh oleh Laksamana; itu pun daulat Sultan Melaka juga.

Sa-telah sudah ia fikir demikian, maka Hang Jebat pun mengerling ka-pintu istana itu, empat puloh tertutup terkunchi2. Maka Laksamana pun tahu-lah akan Hang Jebat hendak turun mengamok itu. Maka di-dalam hati Laksamana: 'Sa-kali ini mati-lah si-Jebat; tatkala ia membuka pintu itu ku-tikam.' Sa-telah sudah maka Hang Jebat pun memekis, kata-nya, "Cheh, Laksamana! Ingat2 engkau menyalahkan tikam-ku ini," serta di-usir-nya Laksamana lalu di-tikam-nya dada Laksamana. Maka di-elakkan sadikit, salah tikam Hang Jebat itu, sa-kali lagi di-tikam-nya, maka Laksamana pun melompat ka-kiri ka-kanan menyalahkan tikam Hang Jebat itu, tetapi Laksamana tiada jauh daripada pintu itu. Maka di-tikam-nya bersunggoh2 oleh Hang Jebat, hendak di-beri-nya jauh daripada pintu istana itu supaya dapat membuka pintu. Dalam pada itu pun Laksamana tiada melompat jauh. Maka Hang Jebat pun undor sadikit. Maka Laksamana pun menikam Hang Jebat, di-pertubi2-nya tikam. Maka Hang Jebat pun sa-bagai melompat saperti tiada berjijak rupa-nya, kerana deras datang-nya tikam Laksamana itu. Maka Hang Jebat pun tergelinchir kaki-nya dari atas talam itu; maka Hang Jebat pun tertelut. Maka Laksamana pun datang. Maka Hang Jebat pun berbangkit berdiri. Maka Laksamana pun undor. Tiada sempat bangun berdiri, maka ia pun merebah-kan diri-nya berguling di-atas talam itu. Maka di-tikam oleh Laksamana, di-pertubi2-nya tikam, tiada kena.

Maka Laksamana pun undor sadikit pada tiang istana itu berhentikan lelah-nya. Maka Hang Jebat pun berbangkit berdiri, tetapi mata-nya memandang pada Laksamana juga, ekor mata-nya mengerling pada pintu. Maka Laksamana pun ingat, ekor mata-nya mengerling2 Hang Jebat, shahadan mata-nya me-

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

ngerling ka-pintu sambil berkata dengan orang luar itu, "Pintu istana ini, apabila Si-Jebat luka kena tikam, segera-lah bukakan pintu ini." Maka kata orang itu, "Baik-lah."

Maka di-lihat oleh Hang Jebat Laksamana membelakang lagi berkata2 itu, maka Hang Jebat pun segera melompat di-tikam-nya dada Laksamana; maka Laksamana pun lepa sadikit menyalahkan tikam Hang Jebat itu, salah, kena pada dinding kambi itu; maka di-sentakkan-nya, tiada tanggal. Maka Laksamana pun tertawa lalu melela di-hadapan Hang Jebat itu tertitar2, sambil berkata, "Hai Si-Jebat, mati engkau oleh-ku sa-kali ini!" Maka oleh Hang Jebat dua tiga kali di-sentakkan-nya tiada juga terchabut daripada papan kambi itu. Maka hendak di-tikam oleh Laksamana, terkedang rasa-nya tangan Laksamana. Maka Hang Jebat pun amarah serta di-tentang-nya papan kambi itu di-sentakkan-nya, keris itu pun tanggal. Maka di-usir-nya akan Laksamana; Laksamana pun berdiri menantikan tikam Hang Jebat. Hang Jebat pun darang serta di-tikam-nya dada Laksamana bersunggoh2. Maka Laksamana pun melompat undor menyalahkan tikam Hang Jebat itu saperti tiada berjijak rupa-nya. Maka Hang Jebat pun terlalu lelah terdiri di-atas talam itu menantikan Laksamana datang. Maka Laksamana pun terdiri pada suatu tempat menantikan pertandaan alamat Si-Jebat itu. Maka di-lihat dan di-tilek-nya oleh Laksamana: bahawa Si-Jebat pada hari ini tiada mati, tetapi luka Si-Jebat pada hari ini.

Sa-telah sudah di-tilek-nya, maka kata Laksamana, "Hai Si-Jebat, apa bicharamu, mati-lah aku oleh-mu?" Maka sahut Si-Jebat, "Pada firasat-ku, bahawa aku tiada dapat membunoh engkau, engkau pun tiada dapat membunoh aku pada hari ini. Ada pun aku ini sahajakan mati-lah oleh-mu, tetapi negeri Melaka ini habis binasa oleh-ku, saperti kiamat-lah laku-nya negeri Melaka ini oleh-ku. Oleh itu-lah maka aku hendak turun mengamok, tiada dapat, kerana engkau tiada jauh daripada pintu istana ini. Jika pintu istana ini terbuka, sekarang juga ku-turun dari istana ini." Sa-telah Laksamana menengar kata Hang Jebat demikian itu, maka Laksamana pun tertawa.

Maka orang banyak itu pun sa-bagai naik ka-atas birai istana itu dari kisi2 istana itu. Maka Laksamana pun menyarongkan keris-nya lalu dudok di-atas talam itu. Maka Hang Jebat pun menyarongkan keris-nya juga lalu dudok pada sa-bulah talam itu berhadapan dengan Laksamana. Maka kata Laksamana, "Hai Si-Jebat, apa-tah daya-ku, kerana aku di-titahkan raja membuangkan engkau? Dalam pada itu pun, jika engkau berdosa ini lain daripada dosa yang demikian, tahu juga ku-pohonkan. Yang engkau dan Hang Kasturi, Hang

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

Lekir, Hang Lekiu ini bukan-lah sahabat lagi pada-ku, penaka saudara-ku-lah. Sukar aku berkata." Sa-telah Hang Jebat menengar kata Laksamana itu, maka ia pun menangis, kata-nya, "Kerana kita ini pun lima bersaudara berkechil2an; bukan lagi bersahabat. Penaka saudara-lah."

Maka di-lihat oleh Laksamana Hang Jebat berkata2 itu ada-lah alpa-nya. Maka Laksamana pun mata-nya tiada lepas mengerling ulu keris Hang Jebat juga; sunggoh pun Laksamana berkata2 itu, kaki tangan-nya sudah hadhir menantikan Si-Jebat chedera sadikit juga. Maka dengan takdir Allah Ta'ala, maka Hang Jebat pun meléng mata-nya memandang kapada pintu istana itu melihat orang banyak mengintai dari kisi2 itu. Maka Laksamana pun segera melompat, maka di-sentakkan-nya keris pada pinggang Hang Jebat itu, dapat ka-tangan Laksamana. Maka Hang Jebat pun terkejut, di-lihat-nya Laksamana menyentak keris-nya itu. Maka Hang Jebat pun berbangkit, serta di-usir-nya akan Laksamana, kata-nya, "Hai Si-Tuah, demi Allah, bunoh-lah aku, kerana tiada berkeris." Maka Laksamana pun undor sadikit, seraya kata-nya sambil tertawa, "Hai saudara-ku, kerana keris ini keris-ku di-anugerahkan oleh Betara Majapahit; sebab itu-lah maka aku ambil pula daripada-mu." Maka sahut Hang Jebat, "Hai Laksamana, mana-tah kata-mu hulubalang besar lagi berani ternama? Sekarang membunoh aku tiada bersenjata. Jika tiada mau engkau membunoh aku tiada berkeris, pinta-lah aku keris yang lain supaya kita bertikam, supaya aku bangat mati dengan senjata, supaya mashhor-lah nama-ku."

Maka oleh Laksamana di-hunus pendua-nya di-lontarkan-nya pada Hang Jebat. Melihat Laksamana melontarkan keris pendua-nya itu, maka segera di-sambut-nya lalu di-hunus-nya. Maka keris parong sari bertatah sampai ka-hujong, lok-nya tujoh belas, terlalu baik rupa-nya dan kukoh-nya dan tajam-nya saperti getah. Maka kata Hang Jebat, "Hai Laksamana, baik2-lah engkau menantikan tikam Si-Jebat derhaka ini," seraya di-usir-nya akan Laksamana lalu di-tikam-nya di-dada Laksamana. Maka Laksamana pun tiada sempat menghunus keris-nya. Maka oleh Hang Jebat di-pertubi2-nya tikam akan Laksamana. Maka Laksamana pun segera menghunus keris-nya serta berguling di-atas talam itu. Maka oleh Hang Jebat maka di-pertubi2-nya tikam, kerana pada tuboh Laksamana, kena talam itu terus tiada bertahan. Maka Hang Jebat pun lelah, tetapi sunggoh pun Laksamana berguling mata keris-nya ka-atas juga. Shahadan keris Hang Jebat pun sa-bagai lekat pada talam itu. Arakian maka Laksamana pun segera berbangkit berdiri, serta kata-nya, "Cheh, mati engkau oleh-ku!" Maka Laksamana pun melompat serta di-tikam-nya dada Hang Jebat, kena dada-nya terus bayang2 ka-belakang-nya.

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

Sa-telah di-lihat oleh orang banyak Si-Jebat kena tikam oleh Laksamana itu, maka pintu istana itu pun segera di-buka-nya. Sa-telah Hang Jebat merasai luka, maka oleh Hang Jebat di-sambar-nya ikat pinggang Laksamana, tiada kena; di-sambar-nya pula kain Laksamana, dapat, lalu di-tikam-nya oleh Hang Jebat. Maka Laksamana pun melompat undor ka-pintu istana itu, maka lalu terjun di-atas pintu itu. Maka Hang Jebat di-pertubi2-nya tikam belakang Laksamana, tiada lut; mastul Laksamana pun tanggal dari kepala-nya lalu berbelit2 pada leher-nya. Maka Laksamana pun berjalan-lah pulang ka-rumah-nya sambil melambai-kan keris-nya.

* * *

Sa-telah di-lihat Hang Jebat Laksamana sudah pulang itu, maka Hang Jebat pun segera menutupkan pintu istana itu. Maka ia pun mabok darah. Sa-ketika maka darah-nya pun berhenti-lah. Maka Hang Jebat pun segera mengambil kain yang berpakan emas itu pun lalu di-barut-nya pada mata luka-nya itu.

Sa-telah di-lihat oleh orang banyak itu Laksamana terjun dari istana itu, maka kata orang banyak itu, "Mari-lah kita sakalian naik ka-istana ini melihat temasha Si-Jebat di-tikam oleh Laksamana." Maka segala orang banyak pun naik-lah. Maka di-lihat-nya Si-Jebat lagi hidup, darah-nya menyembor2 ka-muka-nya dan sa-genap dinding istana itu, sambil membarut luka-nya dengan kain-nya, sambil menahan darah. Sa-telah di-lihat oleh orang banyak Hang Jebat lagi hidup itu, arakian maka sa-kali terkejut habis berterjunan dari atas istana itu, sa-telah terjun menimpa teman-nya. Maka segala orang banyak itu pun jatoh bertimpa2: ada yang jatoh tertiarap, ada yang jatoh terdudok lalu terbit tahi, ada yang patah kaki-nya, ada yang patah tangan-nya, ada yang patah pinggang-nya, ada yang ter-lentang lalu terkenching, ada yang pechah muka-nya, ada yang pechah hidong-nya, ada yang pechah dahi-nya, lalu lari pulang ka-rumah-nya; maka kata bini-nya, "Wah, apa mula-nya hidong pa' Awang pechah ini?" Maka ia pun berdiam diri-nya. Maka di-chium oleh bini-nya, "Aduh, sakit, ma' Awang!" Shahadan terbanyak pula orang jatoh kena senjata sama sendiri-nya: ada yang luka, ada yang mati.

Maka gempar segala orang yang banyak itu habis berlarian. Maka segala yang berani dudok bertahan, kata-nya, "Apa-tah yang di-takutkan?" serta ia menghunus keris-nya pada tangan-nya seraya berator dan berbaris sambil berkata sama sendiri-nya, "Kerana ia pun sudah di-tikam oleh Laksamana tadi, masakan Si-Jebat dapat turun dari istana itu mengamok? Kerana tikam Laksamna tikam orang

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

berani, masakan dua liang. Sama sa-liang itu pun mati-lah Si-Jebat itu." Dalam berkata2 itu, maka Si-Jebat pun berseru2 kata-nya, "Hai segala orang Melaka, tahan-lah baik2 tikam Si-Jebat derhaka ini, kerana aku lagi membarut luka-ku." Maka kata segala orang banyak itu, "Hai Si-Jebat derhaka, mari-lah engkau supaya ku-tindas leher-mu."

Sa-telah di-lihat Si-Jebat lagi hidup, maka di-kepong-nya-lah istana itu ber-keliling dengan tempek sorak-nya. Maka Hang Jebat pun turun serta di-hunus keris-nya. Maka Hang Jebat pun memekis, kata-nya, "Cheh, orang Melaka! Tahan-lah baik2 tikam Si-Jebat derhaka ini," serta ia melompat, di-usir-nya segala orang yang mengepong dia itu, barang yang terlintang di-tikam-nya, tiada bertahan lagi mati dan luka. Maka segala orang banyak itu pun habis lari masing2 membawa diri-nya.

Maka Hang Jebat pun lalu keluar mengamok di-tengah pasar itu. Maka orang Melaka pun beribu2 mati dan luka daripada laki2 dan perempuan. Maka negeri Melaka pun haru-hara-lah. Maka Hang Jebat pun masok meng-amok daripada suatu kampong kapada suatu kampong, daripada suatu lorong kapada suatu lorong, daripada suatu tempat kapada suatu tempat itu; banyak mati dan luka; keluar masok membunoh saperti orang gila. Maka bangkai pun bertimbun2, pada sa-genap lorong dan sa-genap kampong dan pintu dan jambatan penoh dengan bangkai.

Maka hari pun hampir malam. Maka Hang Jebat pun keluar dari dalam negeri. Ia membunoh orang luar negeri saperti sewah menyambar ka-sana ka-mari. Maka ra'ayat isi negeri itu pun keluar dari negeri membawa anak bini-nya; sa-tengah mendapatkan Raja. Sa-telah baginda melihat demikian itu, maka baginda pun terlalu dukachita melihat ra'ayat-nya demikian itu, banyak mati dan luka dan negeri itu pun terlalu huru-hara-nya saperti alah oleh musoh laku-nya, masing2 membawa diri-nya ka-sana ka-mari.

Maka titah Raja pada segala ra'ayat yang lari itu. "Hai segala kamu, ada-kah kamu melihat Laksamana itu? Ka-mana pergi-nya sekarang maka di-beri-nya Si-Jebat itu mengamok?" Maka sembah segala ra'ayat itu, "patek sakalian lihat Laksamana sudah menikam Si-Jebat itu. Maka patek lihat Laksamana terjun dari istana itu berjalan pulang. Pada penglihatan patek, kalau luka itu-lah maka ia pulang ka-rumah, maka tiada datang mengadap Duli Yang Di-Pertuan."

Sa-telah Raja menengar sembah orang itu, maka Raja dan Bendahara pun terkejut fikirkan Laksamana itu, kerana hulubalang besar Laksamana itu dengan bijaksana. Maka sembah Bendahara, "Daulat tuanku, baik juga bentara Tun

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

Kasturi di-titahkan pergi melihat Laksamana itu ka-rumah-nya, kalau2 sunggoh Laksaman itu luka." Sa-telah Raja menengar sembah Bendahara demikian itu, maka raja pun memandang kapada Bentara Tun Kasturi; maka titah Raja, "Hai Bentara, dapat-kah engkau ku-titahkan pergi ka-rumah Laksamana itu?" Maka sembah Bentara, "Daulat tuanku, jangankan pergi ka-rumah Laksamana itu tiada patek pergi; jika di-titahkan membuang Si-Jebat sa-kali pun patek pergi, tetapi tikam Laksamana tikam membunoh, kerana Laksamana menikam tiada pernah dua kali. Jika patek bertemu dengan Si-Jebat itu patek lari, kerana ada pesan patek itu Laksamana."

Sa-telah sudah Bentara berdatang sembah itu, maka ia pun menyembah lalu berjalan. Maka kata orang banyak yang bertunggu itu, "Jangan Bentara keluar, kerana Si-Jebat itu sekarang ini ia mengusir orang lari dari pintu ini." Maka Bentara Tun Kasturi pun tertawa menengar kata orang itu lalu keluar. Maka di-lihat-nya Hang Jebat mengusir orang luar negeri itu.

Maka Tun Kasturi pun sampai-lah ka-rumah Laksamana lalu ia masok bertemu dengan isteri Laksamana Dang Kamala itu. Maka Tun Kasturi pun lihat-lah Laksamana di-dalam rumah dudok berkhalwat dalam rumah-nya tiada dapat berkata2 dengan orang. Maka Tun Kasturi pun tahu-lah akan Laksamana khalwat itu. Maka di-lihat-nya segala tuboh Laksamana, suatu pun tiada luka. Maka Tun Kasturi pun bermohon-lah pada isteri Laksamana lalu kembali mengadap raja.

Maka oleh Tun Kasturi segala penglihatan-nya itu semua-nya di-persembahkan-nya kapada Raja. Sa-telah Raja menengar sembah Tun Kasturi demikian itu, maka Raja dan Bendahara pun terlalu sukachita menengar Laksamana tiada luka itu. Maka raja pun diam-lah dan Bendahara pun menantikan Laksamana datang.

* * *

Arakian sa-telah genap tiga hari tiga malam Laksamana khalwat itu, maka Laksamana pun hendak ka-sungai. Maka di-lihat oleh Laksamana Si-Jebat mengusir orang di-pasar itu, saperti helang menyambar ka-sana ka-mari. Maka Laksamana pun berseru2 sambil berdiri melihatkan kelakuan Hang Jebat membunoh orang itu, tiada ada kasehan, barang yang terlintang di-bunoh-nya. Maka Laksamana pun tiada-lah tertahan hati-nya. Maka Laksamana pun berseru2 dengan nyaring suara-nya, kata-nya, "Hai Si-Jebat, pada-lah engkau membunoh orang beribu2 ini, kerana engkau pun akan mati juga; sudah-lah.

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

Sekarang segala nyawa orang berpuloh2 ribu itu tiada-kah tertanggong atas kepala-mu?"

Arakian maka suara Laksamana itu pun terdengar-lah kapada Hang Jebat; Hang Jebat pun segera datang mendapatkan Laksamana. Maka di-lihat-nya Laksamana ada terdiri. Maka kata Laksamana, "Hai Si-Jebat, pada-lah engkau membunoh orang yang berpuloh ribu ini, kerana engkau pun akan mati juga." Sa-telah Hang Jebat menengar kata Laksamana demikian itu, maka Hang Jebat pun segera-lah menyembah kaki Laksamana, serta kata-nya, "Hai orangkaya, segera-lah buangkan di-perhamba. Daripada orang lain membunoh hamba, baik-lah orangkaya mendapatkan tangan kapada di-perhamba."

Sa-telah Laksamana menengar kata Hang Jebat demikian itu, maka di-pimpin oleh Laksamana tangan Hang Jebat di-bawa-nya masok ka-kampong-nya. Maka oleh Laksamana di-sapu-nya darah pada sa-genap tuboh Hang Jebat itu. Sa-telah sudah maka Hang Jebat pun di-bawa-nya ka-rumah-nya. Maka kata Laksamana pada Hang Jebat, "Hai saudara-ku, mau-kah saudara-ku makan nasi barang sa-suap?" Maka sahut Hang Jebat, "Mohon di-perhamba, tetapi yang kaseh orangkaya itu tiada-lah terbalas oleh di-perhamba, melainkan Allah Ta'ala jua membalas dia. Jikalau ada kaseh akan di-perhamba, ada suatu pesan di-perhamba." Maka kata Laksamana, "Pesan yang mana itu?" Maka kata Hang Jebat, "Ada pun di-perhamba bermukah dengan Dang Baru, dayang2 Dato' Bendahara; maka sekarang ia bunting tujoh bulan. Jika ia beranak laki2, ambil oleh orangkaya peliharakan jadikan hamba; mana perentah orangkaya. Itu-lah pesan di-perhamba." Maka Laksamana pun berkata, "Baik-lah, insha' Allah Ta'ala, anak saudara-ku itu anak-lah kapada hamba."

Sa-telah Hang Jebat sudah berpesan demikian itu, maka Laksamana pun memberi sireh sa-kapor akan Hang Jebat; maka segera di-sambut-nya lalu di-makan-nya. Sa-telah sudah makan sireh itu, maka Hang Jebat pun minta uraikan barut luka-nya itu. Laksamana pun tahu-lah akan Si-Jebat hendak mati itu; maka segera di-urai-nya barut luka Hang Jebat itu. Demikian barut itu terurai, maka darah pun menyembor2 ka-muka-nya dan keluar darah-nya di-hidong-nya dan mulut-nya dan dari mata-nya dan telinga-nya dan dari sa-genap roma-nya pun keluar darah-nya bergumpal2. Maka Hang Jebat pun rebah pada riba-nya Laksamana lalu mati.

Sa-telah sudah Hang Jebat mati itu, maka Laksamana pun mandi berlangir dan bau2an di-pakai-nya. Sa-telah sudah maka Laksamana pun segera pergi

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

mengadap raja. Apabila segala orang dalam negeri itu melihat Laksamana berjalan itu, maka sakalian berlari2an mengikut Laksamana. Laksamana pun sampai-lah ka-pintu kampong Dato' Bendahara. Sa-telah di-lihat orang Laksamana datang itu, maka segera di-buka-nya pintu itu. Maka Laksamana pun masok mengadap Raja.

Sa-telah baginda melihat Laksamana datang itu — maka Laksamana pun segera sujud pada kaki Raja — Raja pun memelok leher Laksamana lalu di-chium oleh baginda kepala Laksamana seraya bertitah, "Hai kekaseh-ku, segera-lah buangkan Si-Jebat derhaka itu, kerana negeri kita pun sudah habis binasa oleh Si-Jebat derhaka itu." Maka sembah Laksamana, "Daulat tuanku, bahawa Si-Jebat derhaka itu sudah-lah patek buangkan pagi tadi dan bangkai-nya pun ada. Mana titah patek junjong." Maka raja pun terlalu sukachita menengar sembah Laksamana itu, serta bertitah, "Ada pun bangkai Si-Jebat itu, mana persembah Laksamana-lah. Bukan Laksamana tiada tahukan orang derhaka." Maka sembah Laksamana, "Daulat tuanku shah alam, patek mohon-kan ampun dan kurnia, hendak-lah Duli Yang Di-Pertuan menitahkan Bentara Tun Kasturi ia pergi melihat bangkai Si-Jebat derhaka itu, kerana ia sahabat patek saperti saudara patek; dari kechil berkaseh tiada bercherai dengan patek lima bersahabat ini; kerana hal dunia ini tuanku-lah ma'alum."

Sa-telah raja menengar sembah Laksamana demikian itu, maka raja pun memandang kapada Bentara; maka titah Raja, "Hai Bentara, pergi-lah engkau dengan Laksamana memereksai Si-Jebat derhaka itu." Maka Laksamana dan Bentara pun lalu berjalan pulang ka-rumah-nya. Maka di-lihat oleh Bentara Hang Jebat itu terbaring di tanah di-muka pintu Laksamana, tuboh-nya ber-lumor dengan darah dan mata-nya pejam saperti orang tidor. Maka Bentara pun menangis, seraya berkata, "Wah Si-Jebat saudara-ku, mati tiada berguna dan tiada dengan pekerjaan tuanku. Jikalau engkau mati dengan pekerjaan tuan-mu, aku pun sa-orang serta-mu." Sa-telah sudah di-lihat bangkai Hang Jebat itu, maka Hang Kasturi pun bermohon-lah mengadap Raja. Maka oleh Tun Kasutri segala penglihatan-nya itu di-persembahkan-nya kapada Raja; maka Raja pun terlalu sukachita memuji2 Laksamana.

Sa-telah Hang Kasturi sudah kembali itu, maka bangkai Hang Jebat pun di-suroh oleh Laksamana tarek ka-pintu gerbang pada tengah jalan raya besar, di-pasarkan supaya di-lihat orang banyak pergi datang. Sa-telah genap tujoh hari, maka bangkai Hang Jebat pun di-gantong orang pula di-tengah jalan raya.

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

Sa-telah sudah Laksamana pun masok mengadap Raja. Maka titah Raja, "Hai Bendahara dan Laksamana, segera-lah bangunkan kita istana yang lain, kita hendak buangkan ka-laut istana itu." Maka sembah Bendahara dan Laksamana, "Baik-lah tuanku."

Maka Bendahara dan Laksamana pun membangunkan istana itu di-perbuat terlalu indah2 perbuatan-nya. Sa-telah sudah istana itu, di-perbuat-nya pula balairong dan pengadapan; dan dalam empat puloh hari juga di-perbuat-nya sudah-lah lengkap. Sa-telah sudah maka Bendahara dan Laksamana pun masok mengadap berdatang sembah. "Ya tuanku, patek di-titahkan membangun istana itu sudah-lah patek berbuat sa-lengkap-nya. Baik-lah Duli Yang Di-Pertuan berangkat naik ka-istana baharu itu."

Maka Raja pun menitahkan Bentara dan Biduanda mengangkat segala perkakas kerajaan bawa ka-istana baharu itu. Sa-telah sudah maka pada hari yang baik maka Raja pun berangkat naik ka-istana baharu itu. Maka Raden Emas Ayu dan Tun Teja pun dudok muafakat berkaseh2 saperti bersaudara. Jikalau santap pun bersama2, jika beradu pun sama2, demikian-lah. Itu pun daripada sebab sharat dan hikmat Laksamana juga, di-persembahkan-nya sharat pengaseh kapada Raja. Raja pun terlalu kurnia akan Laksamana, sa-orang pun tiada sama-nya dan sa-hari pun tiada dapat bercherai dengan Laksamana itu. Shahadan barang suatu peker aan, jika tiada Laksamana membicharakan, belum putus, kerana barang kata-nya Laksamana kata Raja-lah, tiada berani Bendahara dan Temenggong dan segala pertuanan melalui bichara Laksamana itu. Maka segala pegawai dan pertuanan pun dengki-lah akan Laksamana itu, tetapi tiada berani kerana melihat Bendahara dan Temenggong kaseh akan Laksamana itu, tambahan Raja pun sangat kaseh kurnia akan Laksamana itu Anak sungai pun banyak di-pegang-nya dan orang pun banyak kaseh akan dia Bermula orang pertikaman sa-ribu tujoh ratus di-bawah-nya dan di-beri-nya makan musara. Lain daripada itu, sakai pula belayar beberapa ribu. Dalam pada itu pun kebesaran Laksamana tiada ia takbor, laku-nya saperti budak2 yang banyak itu juga, tiada ubah-nya.

• • •

[Hatta berapa lama-nya, kira2 dua bulan lepas daripada Raja membunoh Hang Jebat itu, maka Dang Baru mukah Hang Jebat itu pun beranak-lah sa-orang laki2. Maka di-namai oleh ibu-nya Hang Kadim. Maka di-persembahkan orang-lah kapada Raja, "Bahawa Si-Jebat mati itu di-mukah-nya bunting tujoh

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

bulan. Akan sekarang anak Hang Jebat itu sudah jadi, laki2, Hang Kadim nama-nya, tuanku." Sa-telah Raja menengar sembah orang itu, maka titah Raja, "Laksamana, suroh di-buangkan ka-laut budak itu."

Maka Laksamana pun masok mengadap Tun Teja, pohonkan kurnia dengan nama Tun Teja, hantarkan budak itu kapada Bendahara Seri Buana Inderapura. Maka Tun Teja pun berkenan-lah akan bichara Laksamana itu. Maka Hang Kadim pun suroh di-hantarkan ka-Inderapura. Maka Tun Teja pun berpesan pada Bendahara Seri Buana. Maka di-peliharakan-lah oleh Bendahara Seri Buana itu dengan saperti-nya.

Bermula akan tempat Si-Jebat derhaka di-gantong itu sampai sekarang ini tiada tumboh rumput, ada sa-bidang belulang luas-nya. Demikian-lah tempat Si-Jebat di-negeri Melaka itu, wal-lahu a'lamu bissawab.]

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

BAB XVIII

AL-KESAH maka tersebut-lah perkataan Seri Betara Majapahit dan Pateh Gajah Mada dan peri mengatakan penjurit ketujoh berchakap kapada Seri Betara dan Pateh Gajah Mada hendak mengalahkan negeri Melaka itu dengan sa-orang diri-nya, peri mengatakan tatkala Laksamana membunoh penjurit tujoh bersaudara di-Bukit China itu. Berapa lama-nya di-dengar oleh Pateh Gajah Mada penjurit yang tujoh bersaudara yang di-titahkan Seri Betara pergi ka-Melaka itu sudah mati. Maka Pateh pun hairan. Maka Pateh Gajah Mada pun fikir dalam hati-nya: 'Ada pun negeri Melaka itu sukat binasa maka puas hati-ku. Ada pun saperti khabar penjurit tujoh bersaudara yang di-Bukit China itu, jika tiada ia mati, neschaya alah-lah Melaka itu.' Sa-telah sudah ia fikir, maka Pateh Gajah Mada pun ingat akan Petala Bumi itu. Maka Pateh Gajah Mada pun segera menyuroh kapada bini Petala Bumi bertanyakan anak-nya yang bernama Kertala Sari pergi menchuri ka-Daha itu, sudah-kah datang dari Daha atau belum-kah. Maka orang Pateh Gajah Mada pun pergi-lah kapada bini-nya Petala Bumi.

Tatkala itu Kertala Sari sudah datang dari Daha, terlalu banyak beroleh harta daripada emas dan perak dan pakaian dan pitis berpuloh2 yuta dan orang banyak di-churi-nya. Sa-telah sudah Kertala Sari datang ka-rumah-nya, maka ia pun bertanya kapada ibu-nya, "Hai ibu-ku, ka-mana pergi bapa-ku maka tiada aku lihat ini?" Sa-telah sudah ibu-nya menengar kata anak-nya demikian itu, maka ibu-nya pun menangis, seraya berkata, "Hai anak-ku, yang bapa-mu it sudah mati di-bunoh oleh sa-orang Melayu bernama Laksamana hulubalang Ratu Melaka." Sa-telah Kertala Sari mendengar kata ibu-nya demikian itu, maka Kertala Sari pun terlalu amarah, kata-nya, "Siapa menyuroh membunoh bapa-ku itu supaya negeri Majapahit ini habis ku-binasakan?" Maka oleh ibu-nya segala hal-ahwal-nya dari mula-nya datang kesudahan-nya di-ceritakan-nya pada anak-nya. Sa-telah Kertala Sari mendengar cheritera ibu-nya

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

demikian itu, maka Kertala Sari pun terlalu sangat amarah-nya, "Cheh, Ratu Melaka dan Laksamana! Mati engkau oleh-ku! Tanpa kedép tembung laku Shahadan negeri Melaka pun habis ku-binasakan. Jikalau tiada ku-perbuat demikian, bukan-lah aku anak penjurit yang berani dan kepetangan."

Sa-telah sudah Kertala Sari berkata2 demikian itu, maka orang penyuroh daripada Pateh Gajah Mada pun datang. Maka di-lihat-nya Kertala Sari berkata2 dengan ibu-nya saperti laku orang berkelahi. Sa-telah di-lihat-nya oleh Kertala Sari orang datang itu, maka kata Kertala Sari, "Siapa tuan-hamba ini?" Maka kata orang itu, "Manira ini di-surohkan oleh Pateh Gajah Mada melihat pakanira, sudah-kah datang dari Daha atau belum-kah, kerana Pateh Gajah Mada hendak bertemu dengan manira." Maka Kertala Sari segera mengambil keris-nya lalu berjalan di-iringkan oleh orang itu.

Sa-telah datang kapada Pateh Gajah Mada, Kertala Sari pun dudok menyembah. Maka kata Pateh Gajah Mada, "Hai anak-ku Kertala Sari, sebab aku menyuroh memanggil anak-ku ini, kerana pesan bapa-mu kapada aku, 'Jangan tiada di-kasehi anak-ku ini,' kerana bapa-mu sudah-lah mati dengan pekerjaan Seri Betara. Akan sekarang anak-ku hendak di-jadikan penggawa agong." Sa-telah Kertala Sari menengar kata Pateh Gajah Mada itu, maka Kertala Sari pun terlalu sukachita hati-nya, seraya menyembah kaki Pateh Gajah Mada. Maka sembah Kertala Sari, "Endah apa-tah pekerjaan membunoh Ratu Melaka dan Laksamana itu? Pada hati manira, jika negeri-nya pun dapat manira alahkan dengan sa-orang kula juga, shahadan segala anak bini-nya orang Melaka itu pun dapat manira ambil. Ada pun jika belum manira bunoh Ratu Melaka dan Laksamana itu belum mati, tiada mau manira jadi penggawa." Sa-telah Pateh Gajah Mada menengar demikian itu, maka ia pun terlalu sukachita, seraya di-perjamu-nya makan minum dan bersuka2an dan di-beri-nya persalin.

Sa-telah sudah maka Kertala Sari pun di-bawa-nya masok mengadap Seri Betara. Maka sembah Pateh Gajah Mada, "Ada pun penjurit tujoh orang yang di-titahkan oleh paduka Betara pergi ka-Melaka itu khabar-nya sudah mati di-bunoh oleh Laksamana ketujoh-nya. Sa-bermula negeri Melaka pun sadikit alah oleh-nya. Akan sekarang baharu-lah patek beroleh penjurit terlalu kepetangan; ini-lah penjurit-nya, Kertala Sari nama-nya, anak Petala Bumi yang di-pesan oleh bapa-nya kapada patek." Sa-telah Seri Betara menengar sembah Pateh Gajah Mada demikian itu, maka titah Seri Betara, "Hai Kertala Sari, dapat-kah engkau ku-titahkan membunoh Ratu Melaka dan hulubalang yang bernama Laksamana itu?" Maka sembah Kertala Sari, "Daulat tuanku andika

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

Betara, endah apa-tah pekerjaan membunoh Ratu Melaka dan Laksamana itu, sedang negeri Daha patek alahkan?" Sa-telah Seri Betara menengar chakap Kertala Sari itu, maka titah Seri Betara, "Segera-lah engkau pergi ka-Melaka itu. Kerjakan saperti chakap-mu itu supaya engkau ku-jadikan penggawa agong." Maka sembah Kertala Sari, "Jikalau tuanku hendak menitahkan patek aji, baik-lah segera patek suroh hantarkan ka-Melaka dengan sa-buah perahu supaya patek segera kerjakan saperti titah paduka Betara itu." Maka titah Seri Betara, "Hai Pateh Gajah Mada, segera-lah suroh hantar ka-Melaka." Maka Pateh Gajah Mada pun berlengkap sa-buah perahu dengan sa-puloh orang serta-nya pergi. Sa-telah sudah lengkap maka Kertala Sari pun belayar-lah.

• • •

Berapa lama-nya maka Kertala Sari pun sampai-lah ka-Melaka. Maka ia pun singgah di-luar kota pada kampong segala Jawa. Maka Kertala Sari pun menyamarkan diri-nya kapada segala Jawa yang banyak itu. Maka Kertala Sari pun sedia-kala berjalan keluar masok bermain2 sa-genap kampong orang kaya2 dan saudagar.

Sa-telah di-ketahui-nya, maka Kertala Sari pun masok menyamar pada orang Pateh Kerma Wijaya. Tatkala itu Kertala Sari pun masok sa-orang-nya mengikut Pateh Kerma Wijaya pergi mengadap sama dengan Jawa yang banyak itu. Maka oleh Kertala Sari segala hulubalang yang mengadap sama2 itu di-lihat-nya sa-orang kapada sa-orang. Maka Kertala Sari pun pandang pada Laksamana; maka ia pun fikir dalam hati-nya. 'Dia-lah gerangan hulubalang Ratu Melaka yang bernama Laksamana itu. Jikalau demikian laku-nya, sunggoh-lah ia dapat membunoh bapa-ku, kerana ia perjurit besar lagi kepetangan.' Sa-telah sudah ia fikir demikian, maka Kertala Sari pun di-lihat pula perihal pengadapan dan tempat orang bertunggu raja itu. Sa-telah di-lihat-nya rata-lah, maka Kertala Sari pun kembali pada tempat-nya singgah itu. Maka ia pun berjalan-lah menchari tempat akan menaroh harta. Maka di-lihat-nya oleh Kertala Sari ada sa-buah bukit di-luar kota itu. Maka ia pun pergi ka-atas bukit itu. Maka di-lihat-nya tempat itu terlalu baik menaroh harta. Maka ia pun berjalan-lah turun dari Bukit China itu.

Berapa lama-nya hatta hari pun malam-lah. Maka Kertala Sari pun bersikap diri-nya; maka lalu berjalan masok ka-dalam kota. Maka ia masok ka-rumah sa-orang saudagar yang kaya. Maka di-lihat oleh Kertala Sari saudagar itu

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

lagi makan nasi laki isteri. Maka Kertala Sari pun masok makan sama2 dengan saudagar itu. Hatta sa-telah jauh malam, maka saudagar itu pun masok tidor. Maka oleh Kertala Sari di-churi-nya segala harta saudagar itu sa-kuasa2 ia membawa dan bini saudagar itu pun di-chabuli-nya. Maka ia pun kembali pada tempat-nya singgah itu.

Maka hari pun siang-lah. Maka saudagar itu pun gempar-lah mengatakan diri-nya kechurian.

Hatta maka hari pun malam-lah. Maka Kertala Sari pun masok menchuri pula sa-buah rumah saudagar yang lain. Sa-telah sudah banyak-lah ia beroleh harta, maka ia pun kembali pada tempat-nya pula. Dengan demikian habis-lah segala saudagar yang kaya2 itu di-churi-nya. Maka segala saudagar dan orang kaya2 itu pun masok mengadap raja berdatang sembah, "Ya tuanku, patek mohonkan ampun, ada pun patek sakalian ini habis kechurian tinggal sa-helai sa-pinggang." Sa-telah baginda mendengar sembah orang itu, maka baginda pun terkejut seraya menampar2 paha-nya. Maka titah baginda, "Wah, datang-lah pula bala' atas negeri-ku! Baik-nya ada Laksamana; jikalau Laksamana ku-utuskan ka-negeri orang, binasa-lah negeri ini."

Maka baginda pun bertitah kapada Temenggong, "Hai Temenggong, suroh orang berkawal dan segala saudagar berkawal pada kampong-nya." Maka Temenggong pun menyurohkan orang-nya berkerah orang kaya2 dan saudagar berkawal pada kampong-nya. Sa-telah hari malam, maka Temenggong pun menyuroh orang-nya berkawal, terlalu banyak dengan lembing perisai dan segala saudagar pun masing2 berkawal pada kampong-nya.

Sa-bermula maka Kertala Sari pun masok ka-dalam. Maka di-lihat-nya oleh Kertala Sari orang berkawal terlalu banyak dengan alat senjata-nya. Maka Kertala Sari pun membacha pustaka-nya lalu berjalan di-tengah orang banyak itu. Maka ia pun pergi ka-rumah sa-orang kaya. Maka di-churi-nya harta yang kemas2 itu lalu di-bawa-nya kembali dan bini orang kaya2 itu di-chabuli-nya. Maka ia pun kembali ka-tempat-nya.

Sa-telah hari pun siang maka orang kaya2 itu pun datang mengadap Raja mengadukan hal-nya kechurian sa-malam itu. Maka baginda pun hairan serta bertitah pada Temenggong, "Hai Temenggong, tiada-kah menyurohkan orang-nya berkawal tadi?" Maka sembah Temenggong, "Daulat tuanku shah alam, patek menyuroh orang berkawal sa-malam tadi, sa-orang pun ta' bertemu. Patek hamba itu pun hairan-lah akan penjurit itu." Maka titah baginda, "Apa-tah sebab-nya maka dapat di-churi-nya oleh penjurit itu?" Maka baginda pun murka sadikit akan Temenggong. Maka baginda pun menyuroh me-

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

manggil Laksamana; Laksamana pun segera datang lalu dudok menyembah. Maka titah baginda, "Hai kekaseh-ku Laksamana, datang-lah ka-atas negeri-ku dan banyak-lah orang aku kechurian; masing2 mengadukan hal-nya pada kita." Maka sembah Laksamana, "Daulat tuanku, mohonkan ampun dan kurnia; ada pun penjurit ini bukan penjurit negeri ini, penjurit negeri lain." Maka sembah Bendahara, "Daulat tuanku shah alam, ada pun pekerjaan berkawal itu pekerjaan Temenggong; apabila Temenggong tiada berchakap, Laksamana pula mengerjakan dia." Maka titah raja, "Pada malam ini Temenggong sendiri keluar berkawal." Maka sembah Temenggong, "Daulat tuanku, patek sendiri masok berkawal." Maka Temenggong pun bermohon kembali ka-rumah-nya berkerah segala sakai-nya lima ratus orang dengan alat senjata-nya.

Sa-telah hari malam maka Kertala Sari pun masok-lah ka-dalam kota. Maka di-dengar-nya bunyi orang berkawal dan bunyi lembing perisai gemeretak. Maka Kertala Sari pun membacha pustaka-nya lalu ia berjalan pada tengah orang banyak itu lalu masok ka-rumah Bendahara. Maka di-churi-nya harta yang kemas2 lalu di-bawa-nya kembali.

Sa-telah hari siang maka Bendahara pun gempar-lah mengatakan kechurian. Maka Bendahara pun berdatang sembah, "Ya tuanku, patek mohonkan ampun pada malam ini patek habis kechurian, habis-lah segala harta yang kemas2." Maka titah raja, "Hai Temenggong, tiada-kah kita titahkan Temenggong sendiri pada malam berkawal? Mengapa pada malam ini mamak Bendahara kechurian ini?" Maka sembah Temenggong, "Ya tuanku, patek mohonkan ampun dan kurnia, ada pun pada malam ini patek sendiri nya-lah berkawal. Pada sa-genap pintu dan rumah saudagar dan orang kaya2 patek suroh tunggui maka sa-orang pun tiada bertemu dengan patek2 itu. Mana titah duli yang maha mulia patek junjong."

Maka Laksamana pun berdatang sembah, "Ya tuanku, ada pun penjurit yang datang ini bukan barang2 penjurit, lebeh tahu-nya daripada patek. Jika ada derma kurnia, patek hendak bermohon ka-bawah duli hendak chuba bermain dengan penjurit itu." Maka titah raja, "Ada pun Laksamana itu tiada-lah dapat jauh daripada kita. Jikalau Laksamana pergi berkawal, siapa teman kita di-istana ini? Yang kita harap hanya-lah Laksamana." Maka Laksamana pun berdiam diri-nya mendengar titah Raja demikian itu.

Hatta berapa hari maka segala orang kaya2 dan saudagar itu pun habis kechurian; shahadan semua-nya datang mengadap Raja. Maka Raja pun tiada terkata2 lagi. Maka sembah Laksamana, "Pada firasat patek, pada malam ini datang pula penjurit itu ka-istana kita ini." Maka titah Raja, "Apa bichara

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

kita supaya penjurit itu tiada beroleh masok ka-istana ini?" Maka sembah Laksamana, "Daulat tuanku, ada suatu perbuatan; hikmat itu daripada penjurit yang tahu patek peroleh." Maka titah baginda, "Segera-lah perbuat, kekaseh-ku Laksamana, hikmat itu." Maka sembah Laksamana, "Ya tuanku, pada malam ini lepaskan-lah patek pergi berkawal, tiada jauh." Maka baginda ber-titah, "Baik-lah."

Maka Laksamana pun menyuroh membawa segala senjata yang banyak2 itu, lembing dan tombak dan kayu. Maka di-ator oleh Laksamana berkeliling istana itu. Maka di-buboh-nya suatu hikmat, suatu tali pesawat. Maka segala senjata itu pun tikam-menikam, radak-meradak dan tetak-menetak sama sendiri-nya dan kayu itu pun palu-memalu, terlalu gemuroh bunyi-nya.

Maka hari pun malam-lah. Maka Laksamana pun memakai serba hitam lalu berjalan. Maka Kertala Sari pun masok-lah. Maka di-lihat oleh Laksamana sa-orang penjurit; maka Laksamana pun berselindong pada suatu tempat. Maka Kertala Sari pun menyimpang pada tempat yang lain masok menchuri. Maka Kertala Sari pun fikir dalam hati-nya hendak menchuri harta Raja; apa-bila habis-lah harta Raja itu, maka ia pun hendak membakar serta mengamok. 'Ada pun bini raja muda2 itu ku-ambil akan bini-ku.' Maka ia pun sampai-lah ka-istana. Di-dengar bunyi gemuroh, maka di-hampiri-nya; maka di-lihat-nya senjata dan kayu palu-memalu, tikam-menikam dan radak-meradak. Maka Kertala Sari pun hairan, berfikir dalam hati-nya: 'Ada pun hikmat ini bukan hikmat Melayu, hikmat penjurit Jawa yang tahu2 juga.' Maka di-ambil-nya suatu kayu, maka di-sarong-nya. Maka di-palu oleh kayu hikmat Laksamana itu gemuroh bunyi-nya. Maka di-dengar oleh orang berkawal bunyi kayu itu terlalu gemuroh. Maka ia pun hendak pergi mendapatkan, maka ia teringat akan pesan Laksamana: tiada di-beri-nya bergerak, masing2 pada tempat-nya. Maka kata penjurit itu, "Apa tipu-nya aku masok ini, kerana senjata ini ada bertikam. Jika aku masok neschaya kalah-lah aku oleh senjata ini?" Maka penjurit itu pun kembali pula pergi pada tempat yang lain. Maka di-churi-nya lalu di-bawa-nya pada tempat itu.

Maka hari pun siang-lah. Maka Laksamana pun kembali. Maka kata Laksamana pada orang yang bertunggu itu, "Ada-kah tuan2 dengar bunyi kayu dan senjata itu lain daripada bunyi sedia-kala?" Maka sahut orang itu, "Ada pun pada pendengaran sahaya, kayu itu memalu kayu lain-lah." Maka Laksamana pun melihat, sunggoh. Maka Laksamana pun masok mengadap. Maka titah Raja, "Hai kekaseh-ku, ada-kah bertemu dengan penjurit itu?" Maka sembah Laksamana, "Daulat tuanku, tiada patek bertemu. Insha Allah

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

manggil Laksamana, Laksamana pun segera datang lalu dudok menyembah. Maka titah baginda, "Hai kekaseh-ku Laksamana, datang-lah ka-atas negeri-ku dan banyak-lah orang aku kechurian; masing2 mengadukan hal-nya pada kita." Maka sembah Laksamana, "Daulat tuanku, mohonkan ampun dan kurnia; ada pun penjurit ini bukan penjurit negeri ini, penjurit negeri lain." Maka sembah Bendahara, "Daulat tuanku shah alam, ada pun pekerjaan berkawal itu pekerjaan Temenggong; apabila Temenggong tiada berchakap, Laksamana pula mengerjakan dia." Maka titah raja, "Pada malam ini Temenggong sendiri keluar berkawal." Maka sembah Temenggong, "Daulat tuanku, patek sendiri masok berkawal." Maka Temenggong pun bermohon kembali ka-rumah-nya berkerah segala sakai-nya lima ratus orang dengan alat senjata-nya.

Sa-telah hari malam maka Kertala Sari pun masok-lah ka-dalam kota. Maka di-dengar-nya bunyi orang berkawal dan bunyi lembing perisai gemeretak. Maka Kertala Sari pun membacha pustaka-nya lalu ia berjalan pada tengah orang banyak itu lalu masok ka-rumah Bendahara. Maka di-churi-nya harta yang kemas2 lalu di-bawa-nya kembali.

Sa-telah hari siang maka Bendahara pun gempar-lah mengatakan kechurian. Maka Bendahara pun berdatang sembah, "Ya tuanku, patek mohonkan ampun, pada malam ini patek habis kechurian, habis-lah segala harta yang kemas2." Maka titah raja, "Hai Temenggong, tiada-kah kita titahkan Temenggong sendiri pada malam berkawal? Mengapa pada malam ini mamak Bendahara kechurian ini?" Maka sembah Temenggong, "Ya tuanku, patek mohonkan ampun dan kurnia, ada pun pada malam ini patek sendiri-nya-lah berkawal. Pada sa-genap pintu dan rumah saudagar dan orang kaya2 patek suroh tunggui, maka sa-orang pun tiada bertemu dengan patek2 itu. Mana titah duli yang maha mulia patek junjong."

Maka Laksamana pun berdatang sembah, "Ya tuanku, ada pun penjurit yang datang ini bukan barang2 penjurit, lebeh tahu-nya daripada patek. Jika ada derma kurnia, patek hendak bermohon ka-bawah duli hendak chuba bermain dengan penjurit itu." Maka titah raja, "Ada pun Laksamana itu tiada-lah dapat jauh daripada kita. Jikalau Laksamana pergi berkawal, siapa teman kita di-istana ini? Yang kita harap hanya-lah Laksamana." Maka Laksamana pun berdiam diri-nya mendengar titah Raja demikian itu.

Hatta berapa hari maka segala orang kaya2 dan saudagar itu pun habis kechurian; shahadan semua-nya datang mengadap Ra a. Maka Raja pun tiada terkata2 lagi. Maka sembah Laksamana, "Pada firasat patek, pada malam ini datang pula penjurit itu ka-istana kita ini." Maka titah Raja, "Apa bichara

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

kita supaya penjurit itu tiada beroleh masok ka-istana ini?" Maka sembah Laksamana, "Daulat tuanku, ada suatu perbuatan; hikmat itu daripada penjurit yang tahu patek peroleh." Maka titah baginda, "Segera-lah perbuat, kekaseh-ku Laksamana, hikmat itu." Maka sembah Laksamana, "Ya tuanku, pada malam ini lepaskan-lah patek pergi berkawal, tiada jauh." Maka baginda ber-titah, "Baik-lah."

Maka Laksamana pun menyuroh membawa segala senjata yang banyak2 itu, lembing dan tombak dan kayu. Maka di-ator oleh Laksamana berkeliling istana itu. Maka di-buboh-nya suatu hikmat, suatu tali pesawat. Maka segala senjata itu pun tikam-menikam, radak-meradak dan tetak-menetak sama sendiri-nya dan kayu itu pun palu-memalu, terlalu gemuroh bunyi-nya.

Maka hari pun malam-lah. Maka Laksamana pun memakai serba hitam lalu berjalan. Maka Kertala Sari pun masok-lah. Maka di-lihat oleh Laksamana sa-orang penjurit; maka Laksamana pun berselindong pada suatu tempat. Maka Kertala Sari pun menyimpang pada tempat yang lain masok menchuri. Maka Kertala Sari pun fikir dalam hati-nya hendak menchuri harta Raja; apa-bila habis-lah harta Raja itu, maka ia pun hendak membakar serta mengamok. 'Ada pun bini raja muda2 itu ku-ambil akan bini-ku.' Maka ia pun sampai-lah ka-istana. Di-dengar bunyi gemuroh, maka di-hampiri-nya; maka di-lihat-nya senjata dan kayu palu-memalu, tikam-menikam dan radak-meradak. Maka Kertala Sari pun hairan, berfikir dalam hati-nya: 'Ada pun hikmat ini bukan hikmat Melayu, hikmat penjurit Jawa yang tahu2 juga.' Maka di-ambil-nya suatu kayu, maka di-sarong-nya. Maka di-palu oleh kayu hikmat Laksamana itu gemuroh bunyi-nya. Maka di-dengar oleh orang berkawal bunyi kayu itu terlalu gemuroh. Maka ia pun hendak pergi mendapatkan, maka ia teringat akan pesan Laksamana: tiada di-beri-nya bergerak, masing2 pada tempat-nya. Maka kata penjurit itu, "Apa tipu-nya aku masok ini, kerana senjata ini ada bertikam. Jika aku masok neschaya kalah-lah aku oleh senjata ini?" Maka penjurit itu pun kembali pula pergi pada tempat yang lain. Maka di-churi-nya lalu di-bawa-nya pada tempat itu.

Maka hari pun siang-lah. Maka Laksamana pun kembali. Maka kata Laksamana pada orang yang bertunggu itu, "Ada-kah tuan2 dengar bunyi kayu dan senjata itu lain daripada bunyi sedia-kala?" Maka sahut orang itu, "Ada pun pada pendengaran sahaya, kayu itu memalu kayu lain-lah." Maka Laksamana pun melihat, sunggoh. Maka Laksamana pun masok mengadap. Maka titah Raja, "Hai kekaseh-ku, ada-kah bertemu dengan penjurit itu?" Maka sembah Laksamana, "Daulat tuanku, tiada patek bertemu. Insha Allah

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

manggil Laksamana; Laksamana pun segera datang lalu dudok menyembah. Maka titah baginda, "Hai kekaseh-ku Laksamana, datang-lah ka-atas negeri-ku dan banyak-lah orang aku kechurian; masing2 mengadukan hal-nya pada kita." Maka sembah Laksamana, "Daulat tuanku, mohonkan ampun dan kurnia; ada pun penjurit ini bukan penjurit negeri ini, penjurit negeri lain." Maka sembah Bendahara, "Daulat tuanku shah alam, ada pun peker aan berkawal itu pekerjaan Temenggong; apabila Temenggong tiada berchakap, Laksamana pula mengerjakan dia." Maka titah raja, "Pada malam ini Temenggong sendiri keluar berkawal." Maka sembah Temenggong, "Daulat tuanku, patek sendiri masok berkawal." Maka Temenggong pun bermohon kembali ka-rumah-nya berkerah segala sakai-nya lima ratus orang dengan alat senjata-nya.

Sa-telah hari malam maka Kertala Sari pun masok-lah ka-dalam kota. Maka di-dengar-nya bunyi orang berkawal dan bunyi lembing perisai gemeretak Maka Kertala Sari pun membacha pustaka-nya lalu ia berjalan pada tengah orang banyak itu lalu masok ka-rumah Bendahara. Maka di-churi-nya harta yang kemas2 lalu di-bawa-nya kembali.

Sa-telah hari siang maka Bendahara pun gempar-lah mengatakan kechurian. Maka Bendahara pun berdarang sembah, "Ya tuanku, patek mohonkan ampun, pada malam ini patek habis kechurian, habis-lah segala harta yang kemas2 Maka titah raja, "Hai Temenggong, tiada-kah kita titahkan Temenggong sendiri pada malam berkawal? Mengapa pada malam ini mamak Bendahara kechurian ini?" Maka sembah Temenggong, "Ya tuanku, patek mohonkan ampun dan kurnia; ada pun pada malam ini patek send ri nya lah berkawal Pada sa-genap pintu dan rumah saudagar dan orang kaya2 patek suroh tunggui, maka sa-orang pun tiada bertemu dengan patek2 itu. Mana titah duli yang maha mulia patek junjong."

Maka Laksamana pun berdatang sembah, "Ya tuanku, ada pun pen urit yang datang ini bukan barang2 penjurit, lebeh tahu-nya daripada patek J ka ada derma kurnia, patek hendak bermohon ka-bawah duli hendak chuba bermain dengan penjurit itu." Maka titah ra a, "Ada pun Laksamana itu tiada-lah dapat jauh daripada kita. Jikalau Laksamana pergi berkawal, siapa teman kita di-istana ini? Yang kita harap hanya-lah Laksamana." Maka Laksamana pun berdiam diri-nya mendengar titah Raja demikian itu.

Hatta berapa hari maka segala orang kaya2 dan saudagar itu pun habis kechurian; shahadan semua-nya datang mengadap Ra a. Maka Raja pun tiada terkata2 lagi. Maka sembah Laksamana, "Pada firasat patek, pada malam ini datang pula penjurit itu ka-istana kita ini." Maka titah Raja, "Apa bichara

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

kita supaya penjurit itu tiada beroleh masok ka-istana ini?" Maka sembah Laksamana, "Daulat tuanku, ada suatu perbuatan; hikmat itu daripada penjurit yang tahu patek peroleh." Maka titah baginda, "Segera-lah perbuat, kekaseh-ku Laksamana, hikmat itu." Maka sembah Laksamana, "Ya tuanku, pada malam ini lepaskan-lah patek pergi berkawal, tiada jauh." Maka baginda ber-titah, "Baik-lah."

Maka Laksamana pun menyuroh membawa segala senjata yang banyak2 itu, lembing dan tombak dan kayu. Maka di-ator oleh Laksamana berkeliling istana itu. Maka di-buboh-nya suatu hikmat, suatu tali pesawat. Maka segala senjata itu pun tikam-menikam, radak-meradak dan tetak-menetak sama sendiri-nya dan kayu itu pun palu-memalu, terlalu gemuroh bunyi-nya.

Maka hari pun malam-lah. Maka Laksamana pun memakai serba hitam lalu berjalan. Maka Kertala Sari pun masok-lah. Maka di-lihat oleh Laksamana sa-orang penjurit; maka Laksamana pun berselindong pada suatu tempat. Maka Kertala Sari pun menyimpang pada tempat yang lain masok menchuri. Maka Kertala Sari pun fikir dalam hati-nya hendak menchuri harta Raja; apa-bila habis-lah harta Raja itu, maka ia pun hendak membakar serta mengamok. 'Ada pun bini raja muda2 itu ku-ambil akan bini-ku.' Maka ia pun sampai-lah ka-istana. Di-dengar bunyi gemuroh, maka di-hampiri-nya; maka di-lihat-nya senjata dan kayu palu-memalu, tikam-menikam dan radak-meradak. Maka Kertala Sari pun hairan, berfikir dalam hati-nya: 'Ada pun hikmat ini bukan hikmat Melayu, hikmat penjurit Jawa yang tahu2 juga.' Maka di-ambil-nya suatu kayu, maka di-sarong-nya. Maka di-palu oleh kayu hikmat Laksamana itu gemuroh bunyi-nya. Maka di-dengar oleh orang berkawal bunyi kayu itu terlalu gemuroh. Maka ia pun hendak pergi mendapatkan, maka ia teringat akan pesan Laksamana: tiada di-beri-nya bergerak, masing2 pada tempat-nya. Maka kata penjurit itu, "Apa tipu-nya aku masok ini, kerana senjata ini ada bertikam. Jika aku masok neschaya kalah-lah aku oleh senjata ini?" Maka penjurit itu pun kembali pula pergi pada tempat yang lain. Maka di-churi-nya lalu di-bawa-nya pada tempat itu.

Maka hari pun siang-lah. Maka Laksamana pun kembali. Maka kata Laksamana pada orang yang bertunggu itu, "Ada-kah tuan2 dengar bunyi kayu dan senjata itu lain daripada bunyi sedia-kala?" Maka sahut orang itu, "Ada pun pada pendengaran sahaya, kayu itu memalu kayu lain-lah." Maka Laksamana pun melihat, sunggoh. Maka Laksamana pun masok mengadap. Maka titah Raja, "Hai kekaseh-ku, ada-kah bertemu dengan penjurit itu?" Maka sembah Laksamana, "Daulat tuanku, tiada patek bertemu. Insha Allah

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

Ta'ala, kelak malam patek chuba main penjurit itu, dengan berkat afwah guru patek." Maka raja pun diam-lah.

Sa-telah hari malam maka Kertala Sari pun memakai pakaian yang indah2 dan memakai bau2an yang harum lalu masok ka-dalam kota, dalam hati-nya: 'Pada malam ini aku masok membakar dan mengamok, kerana harta orang Melaka itu pun habis aku churi.' Sa-bermula maka Laksamana pun memakai pakaian penjurit. Maka Laksamana pun berjalan-lah. Pada malam itu kelam kabut dan hujan pun rintek2. Maka Kertala Sari pun masok-lah ka-dalam kota. Maka Laksamana pun tidor di-tengah pasar itu. Maka di-dengar oleh Laksamana kaki Kertala Sari itu terlalu gemuroh bahana-nya. Maka Laksamana pun tahu-lah akan Kertala Sari datang itu. Maka Kertala Sari pun berjalan-lah ka-tengah pasar itu. Maka tertendang kaki-nya pada tuboh Laksamana. Maka Kertala Sari pun berdiri-lah atas kepala Laksamana itu, kata-nya, "Teritek bangkai pula aku ini!" Ada pun akan Laksamana tidor itu keris-nya sudah terhunus, lalu ia bangun melompat menikam dada Kertala Sari terus ka-belakang-nya. Maka Laksamana pun berkata, "Cheh, mati engkau oleh-ku!" Sa-telah Kertala Sari merasai luka itu, maka di-hunus-nya keris-nya lalu meng-usir Laksamana. Dua tiga langkah maka ia pun rebah terjerumus lalu mati. Maka oleh Laksamana di-iris-nya shahwat-nya di-ambil-nya lalu ia kembali ka-rumah-nya.

Sa-telah hari hampir siang maka orang pun lalu. Maka di-lihat-nya sa-orang perlente mati; maka segera di-kerat-nya telinga di-bawa kapada raja, sembah-nya, "Ya tuanku, ini-lah tanda-nya patek membunoh penjurit yang terlalu buas itu." Maka datang pula sa-orang lagi, di-kerat-nya kepala, lalu di-bawa mengadap raja, kata-nya, "Ini-lah tanda-nya patek membunoh penjurit pada malam tadi." Dengan demikian habis-lah kaki tangan Kertala Sari di-kerat-nya di-bawa-nya kapada raja. Maka baginda pun hairan. Maka titah baginda kapada Bendahara, "Ayo mamak Bendahara, kita pun hairan kelakuan ini. Siapa juga yang sunggoh?" Maka sembah Bendahara, "Ya tuanku, pada bichara patek, dua pertandaan lagi maka sunggoh; tambahan Laksamana belum datang."

Sa-ketika lagi maka Laksamana pun datang membawa shahwat dan keris Kertala Sari. Maka sembah Bendahara, "Ini-lah, tuanku, pertandaan yang sunggoh. Pada bichara patek, jika lain daripada Laksamana, tiada akan dapat membunoh penjurit itu. Jangankan membunoh dia, menentang mata-nya pun tiada dapat." Maka segala mereka itu pun masing2 tundok kemalu2an, lalu kembali.

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

Maka titah baginda, "Bagaimana tipu Laksamana maka dapat membunoh penjurit itu?" Maka di-cheritakan-nya segala hal ahwal-nya. Maka baginda pun hairan terlalu sukachita. Maka baginda pun memberi anugerah akan Laksamana. Maka sembah Laksamana, "Ya tuanku, baik-lah titahkan segala ra'ayat berangkut segala harta itu." Maka titah Raja pada Tun Kasturi, "Pergi-lah Bentara mengadapi orang mengangkut segala harta dan kerahkan segala orang mengangkut harta itu." Maka Bentara pun menyembah lalu pergi dengan ra'ayat mengangkut segala harta itu di-Bukit China. Maka harta itu pun terlalu banyak. Maka segala harta itu di-timbunkan di-halaman balairong itu, tujoh hari tujoh malam berangkut segala harta itu. Sa-telah sudah maka sembah Laksamana, "Baik juga Duli Yang Di-Pertuan menitahkan orang memalu mongmongan suroh mari mengenal harta-nya. Maka baginda pun bertitah pada Temenggong menyuroh orang memalu mongmongan. Maka di-palu orang-lah berkeliling negeri.

Maka segala orang yang kehilangan itu pun semua-nya berhimpun masok ka-dalam pergi mengenal segala harta, sa-orang pun tiada tinggal. Maka kata sa-orang, "Ini harta patek, tuanku." Maka sa-orang, "Ini pun ia harta patek, tuanku." Maka kata sa-orang, "Ini, tuanku benda patek." Kata sa-orang, "Ini bantal patek, tuanku." Sa-telah habis-lah di-kenali-nya segala yang empunya, maka titah raja, "Hai segala kamu sakalian, hendak-lah segala harta ini bahagi tiga, dua bahagi akan Laksamana, sa-bahagi akan orang yang empunya harta, kerana harta ini sudah-lah hilang beroleh akan Laksamana." Maka sembah orang itu, "Daulat tuanku, mana titah patek junjong." Maka sembah Laksamana, "Ya tuanku, jika demikian, sahaja aniaya-lah duli yang maha mulia dan dukachita-lah sakalian empunya harta. Yang sa-bahagi itu akan patek. Dalam pada itu pun, mana kaseh hati-nya hendak memberi akan patek." Maka titah baginda, "Hai segala kamu, suka-kah saperti kata Laksamana ini?" Maka sembah mereka itu, "Suka-lah patek sakalian memberikan Laksamana. Demi Allah dan Rasul-Nya, dengan tulus ikhlas hati patek sakalian." Masing2 pun memberikan segala harta-nya akan Laksamana. Maka Laksamana pun membahagi tiga, di-ambil oleh Laksamana harta itu sa-bahagi. Maka yang sa-bahagi Laksamana ambil itu di-bahagi tiga pula; yang sa-bahagi itu di-dermakan pada segala fakir miskin dan yang sa-bahagi lagi di-berikan pada segala pegawai yang tiada penguasaan dan sa-bahagi di-berikan pada segala orang-nya. Maka segala harta itu pun habis-lah, suatu pun tiada di-ambil oleh Laksamana.

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

Maka baginda pun terlalu amat kurnia akan Laksamana; barang sa-suatu bichara, jikalau tiada Laksamana, tiada-lah putus. Maka negeri Melaka pun karar-lah.

• • •

Berapa lama-nya maka terdengar ka-Majapahit kapada Pateh Gajah Mada bahawa Kertala Sari sudah mati di-bunoh oleh Laksamana. Maka Pateh Gajah Mada pun menchari daya dan upaya hendak mengalahkan negeri Melaka dan membunoh Laksamana itu juga, sentiasa menyuroh ka-gunong dan sa-genap bukit bertanyakan orang yang berchakap membunoh Laksamana dan Ratu Melaka. Demikian-lah pekerjaan-nya.

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

BAB XIX

HATTA berapa lama-nya pada sa-kali persetua raja di-adap oleh Bendahara dan Temenggong dan Laksamana dan segala pegawai dan petuanan. Maka titah baginda, "Hai mamak Bendahara, ada pun pada bichara kita, kita hendak mengutus ka-benua Keling kapada saudara kita. Apa bichara Bendahara dan Temenggong dan Laksamana?" Maka sembah Bendahara, "Ya tuanku shah alam, pada bichara patek, baik juga tuanku mengutus ka-benua Keling pada paduka adinda itu, kerana baginda itu pun raja besar; lagi pula, tuanku pun berseteru dengan Majapahit; supaya ada-lah malu segala raja2 akan Duli Yang Di-Pertuan." Maka titah baginda, "Hai mamak Bendahara, siapa baik kita surohkan ka-benua Keling itu?" Maka sembah Bendahara, "Pada bichara patek, siapa-tah lain daripada Laksamana, kerana Laksamana tahu akan bahasa Keling, tambahan tahu perentah segala raja2?" Maka titah baginda, "Apa bichara Laksamana kita hendak suroh ka-benua Keling?" Maka sembah Laksamana, "Daulat tuanku shah alam, patek ini hamba yang hina; mana titah patek junjong. Jangankan kira-nya ka-benua Keling, jika ka-dalam laut api sa-kali pun patek pergi juga, tetapi patek pohonkan bentara Tun Kasturi akan teman. Patek itu tahu akan bahasa Keling dan hendak-nya di-kurnia nama akan bentara itu." Maka titah raja, "Baik-lah, kerana bentara Kasturi itu sa-lama-nya kita hendak kurnia nama juga; bentara juga mohon."

Maka pada ketika itu juga baginda pun mengurniakan nama akan Tun Kasturi, Maharaja Setia dan di-anugerahi persalin dengan saperti-nya. Maka baginda pun bertitah kapada Bendahara, "Baik-lah mamak Bendahara mengarang surat dan bingkis." Maka sembah Bendahara, "Daulat tuanku." Maka baginda pun berangkat masok.

Maka Bendahara dan Laksamana dan Maharaja Setia pun menyembah lalu kembali mengiringkan Bendahara. Sa-telah sampai ka-balai maka sabda Bendahara, "Mari orangkaya kedua kita mengarang surat." Maka kata

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

Laksamana, "Baik-lah, tuanku, di-perhamba ikut, tetapi, pada bichara di-perhamba, masakan lebeh sahaya pada kadam dato'." Maka kata Bendahara, "Jangan demikian bichara, kerana manusia itu bukan sedar atas salah bebal-nya juga. Barang suatu bichara itu hendak-lah muafakat, sekarang sempurna pekerjaan tuan-nya, kemudian hari jangan sesal lagi." Maka kata Laksamana, "Apa-tah lagi, sa-benar-nya-lah sabda tuanku itu."

Maka Bendahara pun menyurat, demikian bunyi-nya:

> Salam do'a kakanda Seri Sultan Melaka datang kapada adinda Seri Sultan benua Keling yang empunya kerajaan negeri Bijaya Nagaram yang amat mashhor ka-bawah angin.
>
> Kemudian daripada itu, kurnia kakanda menyurohkan Laksamana dan Maharaja Setia mengadap ka-hadhrat paduka adinda, kerana kakanda terlalu rindu dan dendam hendak mendengarkan adinda itu dan hendak menengarkan kalam yang mu'azzam daripada adinda. Shahadan pada bichara kakanda, antara Melaka dan benua Keling itu hendak-lah di-hampirkan, jangan-lah lagi helat dalam-nya.
>
> Bermula hendak Laksamana dan Maharaja Setia itu di-segerakan kembali-nya supaya kakanda menengar khabar yang sah daripada adinda itu.

Sa-telah sudah di-surat maka kata Bendahara kapada Laksamana, "Bagaimana bichara orangkaya kedua, baik-kah?" Maka kata Laksamana, "Baik-lah sudah, di-perhamba, melainkan ka-bawah duli juga." Maka Bendahara pun ter-senyum. Maka Laksamana dan Maharaja Setia pun bermohon kembali ka-rumah-nya.

Sa-telah keesokan hari-nya maka Bendahara pun berlengkap bingkis bagai2 Sa-bermula maka Bendahara dan Laksamana pun mengeluarkan segala emas dan perak beberapa kati. Maka di-berikan-nya kapada orang muda2-nya harta sakalian-nya. Sa-telah sudah maka Laksamana pun berkata, "Hai tuan2 saka-lian, berlengkap-lah dan beli-lah segala dagangan yang patut di-bawa ka-benua Keling, kerana hamba hendak di-titahkan ka-benua Keling, kerana hamba pun hendak segera juga." Maka kata segala orang muda2-nya, "Baik-lah."

Maka Laksamana pun berjalan-lah ka-rumah Bendahara; maka bertemu dengan Bendahara di-tengah jalan. Maka kata Bendahara, "Baik-lah, orang-kaya kedua, kita masok mengadap." Maka Bendahara pun masok-lah. Sa-telah di-lihat raja Bendahara dan Laksamana datang itu maka titah raja,

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

"Mari-lah Bendahara dudok." Maka Bendahara dan Laksamana pun menyembah. Maka titah raja, "Sudah-kah mamak Bendahara mengarang surat dan bingkis?" Maka sembah Bendahara, "Daulat tuanku shah alam." Maka surat itu pun di-suroh bacha pada bentara. Sa-telah raja menengar bunyi dalam surat itu, maka raja pun terlalu sukachita. Maka titah raja, "Kala mana akan belayar?" Maka sembah Laksamana, "Esok hari-lah baik." Maka baginda menganugerahi akan Laksamana dan Maharaja Setia persalin dan emas berkati2 dan akan Maharaja Setia dua kati.

Sa-telah sudah maka Bendahara pun berlengkap dudok ka-balai gendang mengerahkan segala orang mengarak surat. Sa-telah sudah lengkap, maka surat dan bingkis itu pun di-arak orang-lah dengan segala bunyi2an. Maka Laksamana dan Maharaja Setia pun menjunjong duli lalu mengiringkan surat itu. Sa-telah sampai ka-perahu, maka di-sambut oleh Laksamana di-bawa-nya naik ka-perahu. Maka segala kayu dan ayer pun di-muatkan orang-lah. Maka orang daripada Bendahara pun membawa bingkis akan Bendahara mangkubumi benua Keling dan segala bekalan Laksamana. Maka Laksamana pun dudok di-bawah payong iram kuning berapit. Maka Laksamana pun menyuroh membongkar sauh dan memasang tunggul dan memasang bedil. Maka di-kerjakan orang-lah; Laksamana pun belayar-lah.

• • •

Maka perahu dua belas buah itu pun belayar-lah mengikut Mendam Berahi tujoh hari tujoh malam. Maka Laksamana pun berkata pada malim, "Hai mu'allim, berapa hari lagi kita bertemu dengan tanah benua Keling?" Maka kata mu'allim itu, "Hai panglima kami, sa-hari sa-malam lagi belayar maka bertemu dengan sa-buah pulau; daripada pulau itu tiga hari tiga malam maka sampai-lah ka-jajahan benua Keling; daripada jajahan itu tujoh malam maka sampai-lah kita ka-jajahan kuala benua Keling." Maka Laksamana pun berdiam-lah diri-nya.

Maka antara sa-hari sa-malam maka kelihatan-lah tanda suatu rupa, saperti gajah kelihatan dari jauh. Maka Laksamana pun bertanya, "Hai mu'allim, pulau apa nama-nya ini?" Maka kata mu'allim itu, "Hai panglima kami, ini-lah pulau yang bernama Biram Dewa itu. Ada pun pulau ini tiada pernah orang singgah." Maka kata Laksamana, "Apa sebab-nya?" Maka kata mu'allim, "Barang siapa singgah pada pulau ini maka turun-lah ribut taufan kelam kabut tiada berketahuan." Maka kata Laksamana pada mu'allim, "Pada

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

bichara hamba, hamba hendak singgah di-pulau ini, kerana hati hamba terlalu berahi." Maka kata mu'allim, "Mana bichara orangkaya panglima-lah." Maka Laksamana pun berkata, "Hai jurumudi, belokkan Mendam Berahi ini." Maka di-belokkan-nya-lah oleh jurumudi. Maka angin pun turun-lah terlalu keras dan ombak pun terlalu besar-lah. Maka Laksamana pun meminta do'a kapada Allah Ta'ala: "Ya Tuhan-ku, sampaikan apa-lah kira-nya hamba-mu pada pulau ini, kerana hati hamba-mu terlalu hasrat hendak melihat kebesaran-mu."

Harta dengan sa-ketika itu juga angin pun turutan. Maka Laksamana pun sampai-lah ka-pulau itu. Maka perahu dua belas buah itu pun lagi tinggal di-belakang. Maka kata Laksamana, "Hai segala orang-ku, jangan siapa2 mengambil kayu dan ayer dan buah2an pada pulau ini. Jikalau kamu hendak ambil, bacha fatihah dahulu. Pada bichara hamba, ada juga wali-nya dan nabi-nya." Maka kata orang itu, "Baik-lah, tuanku." Maka kata Laksamana, "Dudok-lah kamu sakalian dari sini. Bahawa aku hendak ber alan sa-orang melihat kekayaan Allah Ta'ala."

Maka Laksamana pun berjalan-lah sa-orang diri-nya berkeliling pulau itu. Maka di-lihat-nya oleh Laksamana ada suatu batu saperti kapas di-busor dan saperti tikar sudah terhampar. Maka di-atas batu itu ada orang tua sa-orang dudok sembahyang. Maka fikir Laksamana: 'Bahawa orang tua ini nabi khidhir juga.' Maka Laksamana pun datang perlahan2 dengan ta zim-nya dudok mengadap orang tua itu lagi sembahyang. Maka sa-telah sembahyang, maka Laksamana pun memberi salam. Maka di-sahut oleh orang tua itu salam Laksamana itu. Maka nabi Khidhir pun berkata, 'Hai Laksamana, apa maksud datang ka-pulau ini, kerana tiada pernah manusia sampai ka-pulau ini?" Maka Laksamana pun menyembah dengan hormat-nya, kata-nya, "Ya tuanku, suatu pun tiada maksud-ku melainkan hati hamba-mu hendak bertemu dengan kadam beroleh berkat daripada kadam tuanku. Maka kata nabi Khidhir, "Hai Laksamana, tahu-lah bahawa engkau ini di-surohkan raja Melaka ka-benua Keling. Apabila sampai engkau ka-benua Keling, beberapa kurnia raja benua Keling akan engkau. Dari benua Keling di-surohkan raja benua Keling itu ka-benua China: itu pun kau beroleh kurnia raja China dan engkau pun selamat kembali ka-negeri-mu, selamat bertemu dengan anak bini-mu."

Maka Laksamana terlalu sukachita menengar kata nabi Khidhir itu. Maka nabi Khidhir pun berkata, "Ambil oleh-mu buah kayu itu. Apabila engkau sampai ka-benua Keling kelak, di-hadapan raja benua Keling itu, maka engkau ambil biji-nya sa-butir, maka engkau tanam; sa-ketika itu juga berbunga dan

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

berdaun dan berbuah." Maka segera di-ambil oleh Laksamana buah kayu itu di-chuba-nya, sunggoh saperti kata nabi Khidhir itu. Maka nabi Khidhir pun ghaib-lah. Maka Laksamana pun kembali-lah ka-perahu-nya dengan sukachita-nya.

Maka Laksamana pun belayar-lah dari sana, tiga hari tiga malam, suatu pun tiada di-lihat-nya melainkan langit dan ayer juga. Maka kata Laksamana, "Hai mu'allim, belayar ini ada berapa hari lagi maka sampai ka-benua Keling itu?" Maka kata mu'allim itu, "Hampir-lah jajahan benua Keling; esok hari sampai-lah kita melihat alamat." Sa-telah pagi2 hari maka kelihatan jajahan benua Keling yang kota itu. Maka Laksamana pun belayar-lah tujoh hari tujoh malam. Maka sampai-lah ka-benua Keling. Maka bedil pun di-pasang orang-lah dan bunyi2an pun di-palu orang-lah.

Maka terdengar-lah kapada orang kuala bunyi bedil saperti berteh. Maka segera di-lawati-nya. Maka orang pun pergi bertanya, "Perahu dari mana datang ini?" Maka sahut segala orang dalam perahu itu, "Kami sakalian ini utusan daripada Melaka datang hendak mengutus mengadap paduka sultan benua Keling ini. Maka panglima kami Laksamana dan panglima muda-nya Maharaja Setia dan dua belas buah perahu-nya lagi di-belakang, entah esok ia datang." Sa-telah di-dengar orang itu, maka ia pun segera kembali memberi-tahu shahbandar, "Ya tuanku, ada pun yang datang itu utusan daripada Sultan Melaka kapada duli Kisna Rayan. Apa maksud-nya di-perhamba tiada tahu." Maka kata shahbandar, "Baik-lah, aku naik ka-perahu-nya aku bertanya kapada-nya."

Shahbandar pun turun-lah ka-perahu kechil lalu di-kayohkan orang ka-perahu Laksamana. Sa-telah sampai, lalu naik. Sa-telah Laksamana melihat shah-bandar itu, maka Laksamana pun berdiri memberi hormat akan shahbandar. Maka kata Laksamana, "Silakan-lah orangkaya shahbandar dudok." Maka shahbandar pun dudok sama2 dengan Laksamana. Maka kata shahbandar, "Dari mana perahu ini datang? Apa pekerjaan tuan2 sakalian datang ini?" Maka kata Laksamana, "Ada pun pekerjaan hamba datang ini di-titahkan oleh Sultan Melaka kapada duli Kisna Rayan tanda muafakat dan berkaseh2an. Ada pun yang hamba datang ini pertama shahbandar-lah yang hamba dapat-kan, kerana hamba dagang. Ada pun yang shahbandar itu umpama bapa kapada hamba sakalian." Maka shahbandar pun kaseh rasa-nya akan Laksa-mana itu, kerana ia berkata2 itu terlalu merendahkan diri-nya dan barang yang keluar daripada mulut-nya itu terlalu manis. Maka kata shahbandar, "Apa-tah salah-nya yang anak-ku mengaku hamba bapa itu? Ada pun yang anak-ku

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

ini anak-lah kapada-ku. Apa nama rajaduta-nya dan upaduta-nya?" Maka kata Laksamana, "Nama hamba Laksamana dan upaduta-nya Maharaja Setia." Maka Laksamana pun berjamu shahbandar makan ni'mat yang di-bawa-nya dari Melaka itu.

Sa-telah sudah makan maka shahbandar pun bermohon-lah kapada Laksamana dan Maharaja Setia lalu kembali ka-rumah-nya. Sa-telah sampai ka-darat, maka shahbandar pun pergi-lah mendapatkan Nala Sang Guna. Sa-telah di-lihat oleh Nala Sang Guna shahbandar datang itu, maka Nala Sang Guna pun berkata, "Hai shahbandar, bunyi bedil apa di-kuala saperti berteh itu?" Maka kata shahbandar, "Ya tuanku, perahu utusan dari Melaka datang membawa surat ka-bawah duli Kisna Rayan tanda berkaseh2an dan muafakat." Maka kata Nala Sang Guna, "Baik-lah shahbandar beri tempat akan utusan itu. Dua hari lagi hamba hendak berjalan ka-negeri Bijaya Nagaram, hamba persembahkan ka-bawah duli Kisna Rayan." Maka kata shahbandar, "Baik-lah, tuanku." Maka kata Nala Sang Guna, "Esok hari bawa utusan itu ka-mari, kerana hamba hendak menengar khabar daripada utusan itu."

Maka shahbandar pun bermohon-lah kembali menyuroh bermasak2 nasi dan makanan hendak berjamu Laksamana dan menyuroh menyambut Laksamana dan Maharaja Setia. Maka pergi-lah orang itu menyambut Laksamana. Sa-telah sampai, maka kata orang itu, "Ya orangkaya kedua, di-persilakan oleh shahbandar."

Sa-telah di-dengar oleh Laksamana dan Maharaja Setia kata orang itu, maka Laksamana dan Maharaja Setia pun memakai dan di-bawa-nya keluar barang parut di-bawa-nya kapada shahbandar itu. Sa-telah itu maka Laksamana dan Maharaja Setia dan mandalika yang ketujoh puloh itu pun turun-lah ka-sampan lalu di-kayohkan-nya orang ka-darat. Maka Laksamana dan Maharaja Setia pun berjalan-lah di-iringkan oleh segala orang-nya. Sa-telah sampai ka-balai shahbandar, shahbandar pun berdiri seraya memberi hormat akan Laksamana dan Maharaja Setia, kata-nya, "Silakan-lah orangkaya kedua. Sudah hamba memberitahu Nala Sang Guna anak anak-ku kedua datang ini. Maka kata Nala Sang Guna menyuroh hamba membawa anak-ku kedua kapada-nya; ia hendak menengar khabar Melayu; dan Nala Sang Guna pun dua hari lagi akan berjalan ka-negeri Bijaya Nagaram bersembahkan ka-bawah duli Kisna Rayan. Pada bichara ayahanda, baik juga anak-ku kedua dan segala orangkaya2 mengiringkan anak-ku naik dudok ka-darat supaya ayahanda beri suatu tempat. Ada pun negeri Bijaya Nagaram itu tujoh hari jauh-nya dari

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

sini." Maka kata Laksamana, "Baik-lah, apa-tah salah-nya kaseh bapa hamba itu?"

Maka Laksamana pun menyuroh ka-perahu mengambil segala perkakas akan singgah itu. Maka Laksamana pun di-beri-nya oleh shahbandar suatu gedong singgah. Maka Laksamana pun di-perjamu oleh shahbandar. Sa-telah sudah makan, maka kata shahbandar, "Mari-lah anak-ku pergi mendapat-kan Nala Sang Guna." Maka kata Laksamana, "Silakan-lah bapa-ku hamba iringkan."

Maka shahbandar pun berjalan-lah sama2 dengan Laksamana dan Maharaja Setia ka-rumah Nala Sang Guna. Nala Sang Guna pun ada di-balai dudok di-adap oleh segala saudagar dan biaperi. Maka shahbandar pun datang. Sa-telah di-lihat oleh Nala Sang Guna shahbandar datang di-iringkan oleh Laksamana dan Maharaja Setia itu, maka Nala Sang Guna pun memberi upachara akan Laksamana, seraya berkata, "Silakan-lah orangkaya panglima dudok." Maka Laksamana dan Maharaja Setia pun dudok-lah dengan hormat-nya dan merendahkan diri-nya pada Nala Sang Guna dan pada segala saudagar dan biaperi itu. Maka kata Nala Sang Guna, "Apa pekerjaan anak-ku kedua datang di-titahkan sultan Melaka ka-negeri Bijaya Nagaram ini?" Maka kata Laksamana, "Ada pun di-perhamba datang di-titahkan sultan Melaka membawa surat tanda berkaseh2an antara sultan Melaka dan Kisna Rayan, kerana sultan Melaka terlalu hasrat hendak menengar khabar adinda baginda. Sa-lama-nya baginda hendak mengutus kerana baginda di-dalam kesukaran; akan sekarang baharu-lah negeri Melaka itu sentosa, maka hamba kedua di-titahkan baginda mengadap duli Kisna Rayan ini."

Maka Nala Sang Guna pun kaseh mesra akan Laksamana, kerana melihat laku Laksamana berkata2 itu manis mulut-nya dan dengan faseh lidah-nya dan merdu suara-nya dan sangat merendahkan diri-nya. Maka kata Nala Sang Guna, "Baik juga shahbandar suroh segala kelengkapan orangkaya itu berlaboh pada tempat perahu Feringgi, kerana sultan Melaka ini saudara tua ka-bawah duli Kisna Rayan." Maka kata shahbandar, "Baik-lah, di-perhamba suroh sekarang."

Maka Nala Sang Guna pun berjamu akan Laksamana dan Maharaja Setia. Sa-telah sudah makan, maka kata Nala Sang Guna, "Hai anak-ku Laksamana, nanti-lah; hamba dua hari lagi hamba berjalan ka-negeri Bijaya Nagaram meng-adap duli Kisna Rayan. Anak-ku dudok-lah di-darat dahulu sementara aya-handa pergi ka-negeri Bijaya Nagaram itu." Maka kata Laksamana, "Sudah hamba di-beri tempat singgah pada suatu gedong bapa di-perhamba shahbandar

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

ini." Maka kata Nala Sang Guna, "Baik-lah." Maka Laksamana pun bermohon kembali pada gedong-nya tempat singgah itu.

Maka segala perahu itu pun di-suroh oleh shahbandar bertempat pada pengkalan perahu utusan Feringgi itu. Sa-telah di-lihat oleh utusan Feringgi utusan Melaka itu segala kelengkapan-nya berlaboh pada tempat-nya utusan raja Feringgi dan sangat2 di-permulia-nya oleh orang Keling, maka ia pun amarah. Maka kata segala soldadu yang di-perahu itu, "Jangan kamu sakalian berlaboh pada tempat kami ini; kami sakalian tiada suka." Maka kata orang Melaka, "Mengapa maka kamu sakalian larang kami? Kami pun dagang, barang di-mana di-suroh orang dudok, kami sakalian berlaboh. Sahaja kamu sakalian hendak berkelahi dengan kami, melihat kami sadikit, kamu banyak. Itu-lah. Jikalau hendak berkelahi dengan kami, sama sa-orang kami lawan dan jikalau sama banyak pun kami lawan, jikalau sama sa-buah pun kami lawan juga." Maka kata soldadu itu, 'Baik-lah, kami beritahu kapada kapitan kami, kerana kapitan kami lagi pergi ka-Bijaya Nagaram." Maka kata segala orang Melaka, "Tiada baik kita berkelahi di-dalam negeri orang. Kemudian, lamun kami kembali kelak, adang-lah oleh kamu sakalian." Maka kata soldadu itu, "Baik-lah."

• • •

Sa-telah keesokan hari-nya Laksamana pun datang ka-rumah Nala Sang Guna. Maka Nala Sang Guna pun bertanya kapada Laksamana akan perihal segala raja2 Melayu itu. Maka Laksamana pun bercheritera-lah dengan manis laku-nya dan faseh lidah-nya bahasa Keling itu. Maka Nala Sang Guna pun suka dan kaseh mesra akan Laksamana. Maka kata Nala Sang Guna, "Hai anak ku Laksamana, jikalau anak-ku tulus ikhlas, saperti mana bapa kapada tuan-hamba, jangan lagi lain." Maka kata Laksamana, "Apa-lah salah-nya tuan-hamba hendak mengasehi hamba? Pertama hamba datang ini, yang hamba dapatkan akan ganti ibu bapa segala dagang orang besar2, bertarohkan diri hamba." Maka kata Nala Sang Guna, "Hai anak-ku, esok hari-lah ayahanda pergi mengadap duli Kisna Rayan itu." Maka kata Laksamana, "Mana perentah tuanku-lah itu, kerana pengarapan di-perhamba datang kapada tuanku, tuanku-lah akan menyampaikan barang2 suatu2 hal di-perhamba ka-bawah duli Kisna Rayan." Maka Laksamana pun di-perjamu oleh Nala Sang Guna makan ni'mat perbuatan orang negeri Nagapatam. Sa-telah sudah makan, maka Laksamana pun bermohon-lah lalu kembali ka-gedong-nya.

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

Maka Nala Sang Guna pun berlengkap-lah akan berjalan ka-negeri Bijaya Nagaram itu. Sa-telah keesokan diri-nya maka shahbandar dan Laksamana pun datang kapada Nala Sang Guna; Nala Sang Guna pun sudah hadhir akan berjalan. Sa-telah sudah Nala Sang Guna melihat Laksamana datang itu. maka kata Nala Sang Guna, "Silakan-lah anak-ku dudok." Maka Laksamana dan Maharaja Setia pun naik dudok. Maka kata Nala Sang Guna, "Senyampang anak-ku datang, ayahanda pun akan berjalan."

Maka di-lihat oleh Laksamana usongan emas bertatahkan ratna mutu ma'nikam dan empat puloh hamba yang tebusan dan beberapa senjata dan pedang berulu emas bertatah akan emas ratna mutu ma'nikam dan terbil daripada emas dan empat puloh payong iram hijau berumbai2kan mutiara; shahadan beberapa pakaian yang terkena pada tuboh Nala Sang Guna. Maka fikir Laksamana, 'Ada pun saudagar di-benua Keling ini sa-orang sa-puloh orang saudagar Melayu pun tiada sama-nya.' Maka kata Nala Sang Guna, "Silakan-lah anak-ku kembali, kerana ayahanda hendak mengadap duli Kisna Rayan segera, kerana surat anak-ku bawa ini belum bertentu." Maka kata Laksamana, "Silakan-lah, tuanku." Maka Nala Sang Guna naik-lah ka-atas usongan-nya lalu berarak ka-negeri Bijaya Nagaram. Maka Laksamana pun kembali-lah ka-rumah shahbandar.

Sa-bermula Nala Sang Guna berjalan itu berapa hari maka sampai-lah ka-negeri Bijaya Nagaram lalu masok mengadap duli Kisna Rayan. Melihat Nala Sang Guna datang itu, Kisna Rayan pun memberi upachara akan Nala Sang Guna. Maka Nala Sang Guna pun ber alan perlahan2 dengan hormat-nya lalu dudok menyembah. Maka titah Kisna Rayan, "Apa pekerjaan Nala Sang Guna datang kapada kita?" Maka sembah Nala Sang Guna, "Ya tuanku, patek mohonkan ampun dan kurnia ka-bawah duli Kisna Rayan. Pateh hendak persembahkan ka-bawah duli, utusan daripada paduka kakanda dari Melaka datang mengadap Duli Yang Maha Mulia." Maka fikir Bendahara, "Tiada lain bahawa yang datang itu Laksamana-lah.' Maka titah Kisna Rayan, "Apa nama rajaduta-nya dan upaduta-nya?" Maka sembah Nala Sang Guna, "Ya tuanku, ada pun akan nama rajaduta-nya itu Laksamana dan upaduta-nya Maharaja Setia dan dua belas orang yang bergelar." Maka Kisna Rayan pun tersenyum menengar sembah Nala Sang Guna itu. Maka titah baginda, "Baik-lah tujoh hari lagi kita suroh berlengkap sambut surat dan bingkis itu. Kembali-lah Nala Sang Guna dahulu, kita lagi hendak berlengkap." Maka titah Kisna Rayan pada Bendahara mangkubumi, "Hai mamak Bendahara, segera-lah kerah-

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

kan segala raja2 dan pendékar Malabari dan Kandi dan segala hulubalang sakalian-nya."

Maka Nala Sang Guna pun bermohon-lah kembali ka-Nagapatam. Sa-telah datang ka-rumah-nya, maka Nala Sang Guna pun menyuroh orang membawa kuda dua belas ekor pergi menyambut Laksamana. Sa-telah sampai maka Laksamana pun naik-lah ka-atas kuda itu lalu berjalan ka-rumah Nala Sang Guna lalu dudok. Maka kata Nala Sang Guna, "Hai anak-ku, berlengkap-lah, kerana tujoh hari lagi Kisna Rayan hendak menyuroh menyambut surat itu dan bingkis kapada anak-ku itu." Maka kata Laksamana, 'Baik-lah." Maka Laksamana pun bermohon-lah kembali ka-gedong-nya.

• • •

Sa-telah berapa hari maka Kisna Rayan pun menyurohkan orang pergi menyambut surat dan bingkis itu kapada Nala Sang Guna dengan sa-lengkap-nya: beberapa takhta, beribu2 gajah dan kuda sakalian memakai keemasan dan bertatahkan ratna mutu ma'nikam. Shahadan maka Laksamana pun sudah hadhir. Maka Nala Sang Guna pun pergi kapada Laksamana. Maka kata Nala Sang Guna, "Sudah-kah anak-ku berlengkap?" Maka kata Laksamana, "Sudah-lah." Maka surat dan bingkis itu pun di-sambut orang-lah lalu di-naikkan ka-atas gajah. Maka Laksamana pun naik kuda. Maka segala pega-wai dari Melaka yang dua belas itu pun masing2 naik-lah kuda lalu berjalan dengan segala bunyi2an terlalu gempita bunyi-nya.

Berapa hari di-jalan maka kelihatan-lah kota negeri Bijaya Nagaram ter-dinding saperti kapas sudah terbusar. Sa-telah hampir-lah maka di-lihat oleh Laksamana pintu gerbang negeri itu sakalian-nya di-ukir rupa binatang terlalu indah2, kata-nya, di-perbuat-nya daripada batu yakut dan pada sa-lapis pula daripada batu hitam saperti sayap kumbang berkilat2, pada sa-lapis pula dari-pada itu di-lihat-nya oleh Laksamana tulisan-nya cheritera Seri Rama dan pada sa-lapis lagi lelakon Pandawa Jaya dan pada sa-lapis di-tulis-nya pelbagai rupa binatang yang di-dalam rimba belantara dan pintu-nya daripada tembaga suasa. Maka beribu2 rumah berhala di-dalam negeri itu, terlalu indah2 perbuatan-nya dan sa-ribu masjid di-dalam negeri itu tempat anji wantar sembahyang dan beribu2 khemah khatifah terbentang akan tempat segala saudagar berniaga dan berkedai.

Maka segala orang negeri itu pun terlalu ramai melihat surat dari Melaka itu, kerana sangat di-permulia-nya oleh segala orang benua Keling itu. Maka

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

kata sa-orang, "Apa sebab-nya juga maka surat dari Melaka ini sangat di-permulia-nya?" Maka kata sa-orang lagi, "Bagaimana tiada di-permulia, kerana raja kita ini asal-nya raja Melayu juga?" Maka sahut sa-orang pula, "Ada kami dengar yang raja pada negeri Melaka itu saudara-nya tua kapada raja kita; sebab itu-lah." Dengan demikian ini maka surat dan bingkis itu pun sampai-lah ka-pintu balairong. Maka surat dan bingkis itu pun di-sambut orang-lah. Maka Nala Sang Guna dan Laksamana dan Maharaja Setia pun turun-lah dari atas kuda-nya lalu berjalan masok mengiringkan surat itu.

Tatkala itu Kisna Rayan pun sudah keluar di-adap oleh segala raja2 dan cheteria dan perdana menteri, sida2, bentara dan hulubalang sakalian. Maka baginda pun dudok di-atas singgahsana yang keemasan bertatahkan ratna mutu ma'nikam berumbai2kan mutiara. Shahadan lima ratus raja2 yang memakai mahkota dudok mengadap dari kanan Kisna Rayan dan lima ratus raja2 yang memakai mahkota dudok di-kiri Kisna Rayan dan tujoh puloh ribu hulubalang berbaju zirah berketopong berdiri dari kanan Kisna Rayan dan tujoh puloh ribu hulubalang dari kiri Kisna Rayan, musta'id dengan alat senjata-nya, dan sa-ribu gajah perang berdiri kanan Kisna Rayan, sakalian gajah itu berbaju zirah, dan tujoh ribu kuda perang berdiri dari kanan Kisna Rayan.

Sa-telah di-lihat oleh Kisna Rayan Nala Sang Guna dan Laksamana datang itu, maka titah Kisna Rayan, "Bawa ka-mari utusan itu, hai Nala Sang Guna; kita hendak menengar khabar saudara kita di-Melaka itu." Sa-telah Nala Sang Guna menengar titah Kisna Rayan demikian itu, maka surat itu pun di-bawa orang-lah ka-hadapan Kisna Rayan. Maka Laksamana dan Maharaja Setia pun di-bawa oleh Nala Sang Guna ka-hadapan duli Kisna Rayan. Maka surat itu pun di-suroh bacha pada khatib. Sa-telah di-bacha maka Kisna Rayan pun tersenyum kerana menengar bunyi di-dalam surat itu.

Maka titah baginda dengan bahasa Bijaya Nagaram, "Siapa nama-nya utusan Melayu ini?" Maka Nala Sang Guna pun memandang kapada Laksamana, Laksamana pun berdatang sembah dengan bahasa Bijaya Nagaram, "Daulat tuanku shah alam, patek ini hamba yang hina ka-bawah duli Kisna Rayan." Laksamana dan patek ini Maharaja Setia, hamba ka-bawah duli Kisna Rayan." Menengar sembah Laksamana dengan bahasa Nagaram itu, maka Kisna Rayan dan Bendahara mangkubumi dan segala raja2 dan menteri yang mengadap itu pun hairan terchengang2, kerana melihat Laksamana tahu bahasa Nagaram itu, kerana segala raja2 dan menteri yang banyak itu berpileh yang tahu akan bahasa Nagaram itu. Maka Kisna Rayan pun gemar melihat laku Laksamana berkata2 itu dengan bahasa Keling itu dengan faseh lidah-nya dan manis muka-

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

nya dan dengan merdu suara-nya, patut ia berkata2 itu. Maka titah Kisna Rayan, "Hai Laksamana, engkau ini peranakan apa?" Maka sembah Laksamana, "Ya tuanku shah alam, patek ini peranakan Melayu, tetapi patek dari kechil2 pergi ka-Majapahit; maka patek berlajar mengaji bahasa Keling pada sa-orang lebai; sebab itu-lah maka patek mengerti sadikit akan bahasa Keling ini, tuanku." Sa-telah Kisna Rayan menengar sembah Laksamana demikian itu, maka titah baginda, "Hai Laksamana, terlalu sa-kali engkau berbahagia dan bertuah, maka engkau beroleh mengadap aku dan berkata2 dengan aku dan berhadapan dengan aku. Pada hati-ku, jika raja Melaka sa-kali pun datang mengadap aku, sakian-lah pertemuan aku dengan dia." Maka sembah Laksamana, "Daulat tuanku shah alam, patek ini hamba yang hina ka-bawah cherpu duli shah alam. Pada bichara patek, di-Melaka hamba kapada paduka kakanda di-Melaka; akan sekarang patek di-benua Keling ini hamba ka-bawah duli shah alam; mana pekerjaan duli shah alam patek kerjakan."

Sa-telah Kisna Rayan menengar sembah Laksamana demikian itu, maka Kisna Rayan pun terlalu sukachita. Maka titah Kisna Rayan, "Hai Laksamana, apa khabar ayahanda di-Bukit Seguntang dan paduka kakanda di-Melaka? Maka sembah Laksamana, "Daulat tuanku, khabar baik, tuanku, kerana patek datang mengadap duli shah alam itu umpama tuboh ayahanda di-Bukit Seguntang dan paduka kakanda di-Melaka itu." Sa-telah Kisna Rayan menengar sembah Laksamana demikian itu, maka titah raja, "Sunggoh-kah saudara kita hendak muafakat dengan kita maka Laksamana dan Maharaja Setia di-suroh-nya mengadap kita? Tatkala kita di-Melaka, tiada muafakat dengan kita, melainkan Bendahara dan si-pengail juga muafakat dengan kita. Maka ada-lah kita lihat Laksamana datang ini saperti ayahanda di-Bukit Seguntang-lah dan kakanda di-Melaka, pada rasa hati kita, dan kita melihat Laksamana dan Maharaja Setia ini umpama kita melihat Bendahara Paduka Raja-lah dan si-pengail-lah, pada rasa-nya dengan kita."

Maka Laksamana dan Maharaja Setia pun di-anugerahi persalin oleh Kisna Rayan pakaian keemasan sa-lengkap-nya. Maka titah Kisna Rayan, "Hai Nala Sang Guna, beri tempat singgah akan Laksamana dan Maharaja Setia ini; peliharakan baik2; dan segala Melayu ini beri musara-nya. Sa-lagi dudok di-benua Keling ini beri ia makan dan pakai. Di-atas Nala Sang Guna dan shahbandar, aku tahu." Maka sembah Nala Sang Guna, "Daulat tuanku shah alam, mana titah patek junjong."

Sa-telah sudah Kisna Rayan bertitah demikian itu, maka baginda pun berangkat masok ka-dalam istana. Maka Laksamana dan Maharaja Setia pun

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

menyembah lalu berjalan sama2 dengan Nala Sang Guna dan shahbandar pulang ka-rumah-nya. Maka Laksamana dan Maharaja Setia pun di-perjamu oleh Nala Sang Guna makan minum dengan segala bunyi2an bahasa Keling, terlalu sa-kali merdu bunyi-nya. Maka segala biduan yang baik suara-nya dan baik rupa-nya pun bernyanyi-lah terlalu ramai. Maka Laksamana dan Maharaja Setia pun terlalu sukachita melihat Keling bermain itu, pelbagai rupa-nya.

Sa-telah sudah makan minum, maka isteri Nala Sang Guna pun dudok sama dengan Nala Sang Guna. Demi Laksamana dan Maharaja Setia melihat isteri Nala Sang Guna keluar itu, maka kedua-nya undor sadikit dengan hormat-nya. Maka kata isteri Nala Sang Guna, "Jangan tuan takut akan bonda, kerana tuan sudah di-ambil akan anak-ku." Maka Laksamana pun menyembah, seraya berkata, "Pada hati di-perhamba pun demikian-lah; yang ayahanda bonda itu dunia akhirat ayahanda-lah kapada hamba, tiada lagi sangka dalam-nya, demi Allah!" Sa-telah isteri Nala Sang Guna menengar kata Laksamana demikian itu, maka isteri Nala Sang Guna pun mengeluarkan persalin tujoh semberap akan Laksamana dan Maharaja Setia tiga semberap dan segala Melayu itu yang tujoh puloh yang baik2 itu pun di-persalini-nya. Maka kata isteri Nala Sang Guna kapada Laksamana dan Maharaja Setia, "Ini, tuan, persalin bonda. Jangan di-aibkan; bukan saperti-nya, daripada tanda bonda ambil tuan akan anak, kerana ayahanda bonda pun tiada beranak; tuan-lah akan jadi anak." Maka Laksamana dan Maharaja Setia pun menyembah.

Maka kata Nala Sang Guna, "Anak-ku tahu-kah berbuat ubat beranak, kerana ayahanda terlalu hasrat hendak beranak. Beberapa pula ayahanda minta kapada segala orang yang tahu, tiada juga di-beri Allah Ta'ala." Maka kata Laksamana, "Insha' Allah Ta'ala, ada pun yang kehendak ayahanda bonda akan anak itu beroleh. Ada suatu ubat hamba tahu; akan ayahanda di-anugerahkan Allah Ta'ala anak saperti kehendak bonda itu." Sa-telah Nala Sang Guna menengar kata Laksamana itu, maka ia pun terlalu sukachita hati-nya. Maka Nala Sang Guna pun berkata, "Ayahanda beroleh anak, anak laki2 atau perempuan, bahawa anak-ku ku-timbang dengan emas."

Sa-telah sudah Laksamana berkata dengan Nala Sang Guna laki isteri itu, maka Laksamana pun bermohon-lah pada Nala Sang Guna laki isteri lalu kembali ka-gedong tempat-nya singgah itu. Maka Laksamana pun melihat kekayaan Nala Sang Guna: sa-hingga gedong berisi harta juga dua puloh gedong dan gedong yang berisi emas dan perak tujoh buah; lain daripada itu,

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

gedong yang berisi dagangan daripada kain dan permata dan mutiara dan suf, sakhlat, ainul-banat dan tembaga suasa dan timah berpuloh gedong, Lain daripada itu, beberapa ratus mata dagangan, beratus2 bahara emas modal-nya. Dan hamba tebusan juga tiga ribu; lain daripada itu, orang utang2an lima ribu; lain daripada itu, segala upahan. Maka sakalian-nya itu makan musara dan memakai daripada Nala Sang Guna juga. Maka dalam hati Laksamana, 'Sunggoh-lah raja Keling ini raja besar, sedang sa-orang saudagar lagi terlalu kaya. Sa-puloh raja2 Melayu pun tiada sama sa-orang saudagar'

Maka Laksamana pun berbuat suatu ubat, rupa-nya saperti madat. Sa-telah sudah maka ubat itu pun di-suroh oleh Laksamana hantarkan kapada Nala Sang Guna.

Sa-telah keesokan hari-nya maka Kisna Rayan pun keluar di-adap orang di-balairong, di-adap oleh segala raja2 dan cheteria dan perdana menteri ke-sateria, sida2, bentara, hulubalang, sakalian hadhir mengadap Kisna Rayan dengan alat senjata-nya dan ra'ayat-nya Feringgi tujoh puloh ribu dan pendekar yang memegang pedang bertelanjang berdiri di-kanan Kisna Rayan, sakalian hadhir memegang senjata-nya. Lain daripada itu, beberapa puloh keti Malabari dan Kalikut dan Hindi, sakalian hadhir dengan senjata-nya mengadap Kisna Rayan. Maka tatkala itu Kisna Rayan memakai anting2 daripada ma'nikam yang merah dan sa-belah telinga-nya ma'nikam yang hijau.

Maka titah baginda pada biduanda kechil, "Pergi panggil Laksamana." Maka Nala Sang Guna dan Laksamana dan Mahara a Setia pun datang lah mengadap Kisna Rayan lalu naik dudok menyembah. Maka titah Kisna Rayan, "Hai Laksamana, mari dudok di-bawah-ku, kerana engkau hamba-ku Maka Laksamana pun menyembah lalu dudok di-bawah singgasana. Maka di-pandang oleh Laksamana segala pakaian yang di-pakai oleh Kisna Rayan itu, sa-belah tuboh-nya berchahaya2 merah di-bawah datang ka-muka-nya dan sa-belah tuboh-nya warna hijau berchahaya di-kaki datang ka-muka-nya. Maka Laksamana pun hairan melihat permata anting2 pada telinga raja dan makota-nya itu dan hairan melihat kebesaran takhta Kisna Rayan itu. Maka titah Kisna Rayan, "Hai Laksamana, tahu-kah engkau naik kuda tezi?" Maka Laksamana pun menyembah, "Daulat tuanku, patek mohonkan ampun dan kurnia ka-bawah duli yang maha mulia. Tahu, tuanku, tetapi, jika dengan titah shah alam, maka berani patek naik." Maka titah Kisna Rayan, "Hai Laksamana, ada sa-ekor kuda kita, persembah raja ta'alokan, terlalu baik kuda itu, tiada barang2 orang menaiki dia." Maka sembah Laksamana, "Daulat tuanku, patek chuba-lah dahulu."

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

Maka kuda itu pun di-suroh raja ambil bawa ka-hadapan balairong itu. Sa-telah datang ka-balairong itu, maka di-lihat oleh Laksamana kuda itu kuda tinggi enam hasta dan roma-nya hijau saperti sayap kumbang dan laku-nya saperti tiada berjijak di-bumi dan kelakuan-nya kuda itu saperti singa yang galak. Maka di-dalam hati Nala Sang Guna dan segala orang yang melihat kelakuan kuda itu, 'Ada pun Laksamana ini hendak di-bunoh oleh raja juga. Ada-kah kuda yang saperti harimau ini di-suroh naik kapada-nya?' Maka titah Kisna Rayan, "Hai Laksamana, chuba-lah naik oleh-mu kuda itu."

Maka Laksamana pun menyembah seraya turun, lalu di-singsing kaki-nya dan di-asak-nya keris-nya ka-hadapan. Maka Laksamana pun berjalan-lah mendapatkan kuda itu. Maka di-pegang-nya tali kekang kuda itu. Maka kata Laksamana pada gembala kuda itu perlahan2, "Hai gembala kuda, ajar-lah sharat naik kuda tezi itu dan segala sharat-nya." Sa-telah sudah di-ajar-nya, maka Laksamana pun melompat naik ka-atas belakang kuda itu, serta di-pechut-nya oleh Laksamana. Apabila kuda itu merasai orang di-atas belakang-nya itu, maka kuda itu pun melompat saperti kilat saperti tidak berjijak di-bumi laku-nya. Maka di-pechut oleh Laksamana di-hadapan balairong itu berkeliling. Maka baju Laksamana pun habis charek2, berkeping2 berterbangan. Maka Laksamana pun ingat akan pengajar guru-nya gembala kuda itu. Maka Laksamana pun segera menundokkan kepala-nya di-lindongkan di-balek telinga kuda itu. Hatta dua tiga kali di-pechut-nya berkeliling pada balairong itu, maka oleh Laksamana di-tarek-nya tali kekang; kuda itu pun terdiri. Maka Laksamana pun segera terjun di-atas kuda itu lalu sujud di-bumi. Sudah itu maka Laksamana pun naik dudok pada tempat-nya.

Maka titah Kisna Rayan, "Hai Laksamana, sunggoh-lah engkau hulubalang besar maka engkau dapat naik kuda ini; kerana dalam hulubalang-ku yang banyak berpuloh2 keti ini, sa-orang pun tiada berchakap menaiki dia." Maka sembah Laksamana, "Daulat tuanku shah alam, dalam itu pun dengan daulat shah alam maka dapat patek naik kuda ini." Maka Kisna Rayan pun memberi persalin akan Laksamana emas dan perak berpuloh2 kati. Maka kata segala raja2 banyak itu, "Sunggoh-lah Laksamana ini hulubalang besar pada tanah Melayu, dan pada tanah benua Keling ini pun sukar menchari hulubalang saperti Laksamana ini."

Maka Kisna Rayan pun berangkat masok. Maka Nala Sang Guna dan Laksamana dan Maharaja Setia pun menyembah lalu keluar naik kuda-nya lalu berjalan kembali ka-gedong-nya.

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

Sa-telah keesokan hari-nya maka Nala Sang Guna dan Laksamana di-suroh panggil oleh Kisna Rayan. Maka Nala Sang Guna pun naik ka-atas usongan-nya lalu berjalan. Maka Laksamana dan Maharaja Setia pun naik ka-atas kuda-nya berjalan mengadap Kisna Rayan. Tatkala itu Kisna Rayan pun sedang ramai di-adap orang banyak. Sa-telah di-lihat oleh Kisna Rayan akan Laksamana datang itu, maka di-peramat2i-nya oleh Kisna Rayan Laksamana berjalan itu, terlalu muhtasham dengan merendahkan diri-nya, terlalu baik barang laku-nya dan sikap-nya berjalan di-hadapan Kisna Rayan itu. Maka fikir baginda, 'Ada pun Laksamana itu terlalu baik sa-kali sikap-nya, patut menjadi hulubalang-ku dan sa-ratus buah negeri di-pegang-nya dan dudok-nya di-atas segala hulubalang-ku.' Sa-telah sudah Kisna Rayan fikir demikian itu, maka titah Kisna Rayan, "Hai Laksamana, mari dudok di-bawah-ku sini." Maka Laksamana pun bertelut menyembah lalu dudok di-bawah singgahsana Kisna Rayan. Maka titah Kisna Rayan, "Hai Sang Guna, kita hendak pergi ber alan bermain2 dan beramai2an ka-rumah Sang Guna." Maka Nala Sang Guna pun menyembah, "Daulat tuanku, patek ini hamba yang tua, mana titah patek junjong, tetapi patek mohonkan ampun dan kurnia, patek hendak pohonkan janji barang tengah bulan, patek hendak berlengkap mencharı kasehan miskin ' Maka titah baginda, "Baik-lah, kita nanti "

Maka sembah Nala Sang Guna, "Ya tuanku shah alam, ada pun patek ini Laksamana hendak bermohon pergi kuil tempat berhala melihat sifat negeri ini supaya ia membawa khabar ka-tanah Melayu akan peri kebesaran Kisna Rayan." Maka titah Kisna Rayan, "Baik-lah, lamun sudah kita ka-rumah Nala Sang Guna, bawa-lah Laksamana dan Maharaja Setia dan segala Melayu ini melihat temasha dalam negeri ini."

Maka Laksamana dan Maharaja Setia pun di-anugerahi emas dan perak ber-puloh kati. Sa-telah sudah maka baginda pun berangkat masok. Maka Laksamana dan Maharaja Setia pun menyembah lalu keluar berjalan naik kuda kembali ka-rumah-nya.

• • •

Sa-bermula sa-telah Nala Sang Guna datang ka-rumah-nya, maka ia pun menyuroh memanggil segala keluarga-nya dan segala saudagar yang di-bawah-nya dan segala orangkaya2 berhimpun. Maka segala mereka itu pun datang-lah ka-rumah Nala Sang Guna. Maka kata Nala Sang Guna pada segala orangkaya2 itu, "Ada pun hamba memanggil saudara hamba ini berhimpun,

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

hamba minta tolong, kerana duli Kisna Rayan hendak berangkat ka-rumah hamba ini. Maka hamba bertanggoh tengah bulan lagi; sebab ini-lah maka hamba minta tolong kapada saudara hamba sakalian." Maka kata segala orangkaya2 itu, "Baik-lah, hamba menolong sa-puloh kati emas." Maka sahut sa-orang lagi, "Hamba menolong lima puloh kati emas." Maka kata Nala Sang Guna, "Bukan hamba pinta tolong dengan emas dan perak pada saudara hamba sakalian. Ada pun yang hamba pinta tolong itu orang yang akan bermasak nasi juga dan segala makan2an itu dan akan tempat segala menteri yang datang itu." Maka kata segala mereka itu, "Baik-lah hamba sakalian tolong."

Maka pada ketika itu juga Nala Sang Guna berbuat suatu tempat, di-ikat-nya dengan batu dan di-tulis-nya pelbagai bunga dan awan dan mega. Maka di-hampiri-nya ch.y.m. dan permadani suf, sakhlat, ainul-banat. Sudah itu maka di-perbuat-nya suatu balai pula dan khemah akan tempat Kisna Rayan dudok di-adap orang sakalian. Ada pun balai khemah tempat Kisna Rayan itu pegawai-nya daripada emas dan perak dan tembaga suasa terlalu sa-kali indah2 perbuatan-nya. Sudah itu maka Nala Sang Guna pun mengeluarkan emas sa-puloh bahara akan belanja makan2an dan minuman dan perak sa-puloh bahara; pelbagai rupa-nya dan warna-nya makanan itu di-perbuat-nya.

Arakian maka Kisna Rayan pun memanggil Temenggong. Maka titah Kisna Rayan, "Hai Temenggong segera-lah palu gong berkeliling negeri ini, jangan di-beri orang berjual kayu api akan Nala Sang Guna. Jikalau orang itu berjual kayu api kapada Nala Sang Guna, orang itu ku-bunoh dan tuan-nya ku-rampas." Maka sembah Temenggong, "Daulat tuanku shah alam." Maka Temenggong pun menyembah lalu keluar. Maka Temenggong pun menyuroh orang-nya memalu gong berkeliling negeri itu, berseru2 saperti titah Kisna Rayan itu. Sa-telah genap-lah tujoh hari Temenggong memalu gong itu, maka segala ra'ayat dalam negeri itu pun tahu-lah akan amar raja itu tiada meberi berjual kayu api akan Nala Sang Guna dan segala hamba sahaya-nya.

Sa-telah itu maka Nala Sang Guna pun berlengkap-lah akan berjamu segala raja2 itu. Maka Nala Sang Guna pun menyuroh hamba sahaya-nya membeli kayu api akan bermasak2 itu, sa-orang pun tiada orang berjual kayu api. Maka di-suroh-nya chari sa-genap negeri itu dan berkeliling negeri itu, tiada juga ada orang berjual kayu api. Maka di-suroh chari sa-genap lorong itu, tiada juga ada. Maka Nala Sang Guna pun hairankan diri-nya dan terlalu dukachita hati-nya, kerana tiada ada orang berjual kayu api itu. Maka Nala Sang Guna pun meshuarat dengan segala saudagar di-bawah-nya itu, maka kata Nala Sang Guna,

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

"Apa bichara kita sakalian, kerana hendak bermasak nasi tiada orang berjual kayu api dalam negeri ini? Kerana Kisna Rayan pun tiga hari lagi akan berangkat ka-rumah-nya." Maka kata segala saudagar yang banyak itu, "Apa-tah daya lagi?" Maka kata Laksamana, "Apa tuan-hamba chintakan kayu api, kerana tuan-hamba pun sa-orang saudagar dalam negeri ini? Supaya nama tuan-hamba di-tinggalkan pada akhir zaman. Tuan-hamba yang banyak kain berpuloh2 gedong ini; apa hendak buat sangat di-taroh harta dunia ini? Anak chuchu tuan-hamba pun tiada. Baik-lah tuan-hamba ambil kain maka kita chelup dengan minyak, perbuatkan kayu api, neschaya masak juga." Sa-telah Nala Sang Guna mendengar kata Laksamana itu, maka ia pun fikir dalam hati-nya, 'Sunggoh saperti kata Laksamana itu. Jikalau tiada ku-perbuat saperti kata-nya itu di-mana ku-peroleh kayu api? Kerana raja pun hendak segera berangkat ka-rumah-nya.'

Sa-telah sudah ia fikir, maka Nala Sang Guna pun menyurohkan bendahari-nya membuka gedong kain mengeluarkan kain dari dalam gedong-nya itu. Maka bendahari itu pun segera mengeluarkan kain dari dalam gedong-nya itu. Maka bendahari itu pun segera menimbunkan kain itu di-hadapan Nala Sang Guna. Sa-telah sudah maka kain itu pun di-chelup-nya pada minyak, beribu2 tempayan minyak. Sa-telah sudah di-chelup-nya kain itu dengan minyak itu, maka di-perbuat kayu api. Maka Nala Sang Guna pun menyuroh orang bermasak nasi makan2an pelbagai rupa-nya. Maka hairan-lah sakalian-nya melihat kelakuan Nala Sang Guna itu.

Arakian datang-lah kapada tiga hari. Maka Kisna Rayan pun berangkat ka-rumah Nala Sang Guna. Maka beberapa puloh ribu raja2 dan cheteria pergi mengiringkan Kisna Rayan. Sa-telah sampai-lah ka-rumah Nala Sang Guna, maka dudok-lah pada khemah emas itu di-adap oleh segala raja2 dan cheteria dan perdana menteri dan kesatria, sida2, bentara, hulubalang sakalian. Sa-telah sudah Kisna Rayan dudok, maka kata Bendahara mangkubmui, "Hai Nala Sang Guna, sudah-kah tuan-hamba bermasakkan nasi berjamu Kisna Rayan dan segala cheteria dan segala raja2 yang datang mengiringkan Kisna Rayan ini?" Maka kata Nala Sang Guna, "Sudah-lah hamba bermasak barang sa-dapat-nya, kerana hamba tiada beroleh kayu api, kerana dalam negeri ini tiada orang berjual kayu api. Apa-tah daya hamba?" Sa-telah Bendahara mangkubumi mendengar kata Nala Sang Guna demikian, maka Bendahara mangkubumi pun tersenyum.

Arakian maka dusun pisang pun di-ator orang-lah berpuloh2 keti banyak-nya. Sa-telah sudah maka gulai pun beratus2 mata gulai Maka segala anak

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

raja2 dan cheteria dan perdana menteri, kesatria berpuloh2 berketi itu pun makan-lah masing2 pada daun-nya. Maka Kisna Rayan dan Bendahara mangkubumi dan Temenggong pun hairan terchengang2 kerana melihat nasi dan gulai Nala Sang Guna itu. Maka di-dalam hati Kisna Rayan dan Bendahara dan Temenggong: 'Dengan apa jua Nala Sang Guna ini bermasak nasi gulai yang berpuloh2 keti dan berpuloh2 ribu gulai beras ini, kerana orang di-dalam negeri ini sa-orang pun tiada ku-beri berjual kayu api kapada-nya?'

Sa-telah Kisna Rayan dan segala raja2 makan itu, maka titah Kisna Rayan, "Hai Nala Sang Guna, di-mana tuan-hamba beroleh kayu api bermasak nasi dan gulai ini?" Maka sembah Nala Sang Guna, "Ya tuanku, ada pun tatkala patek hendak bermasak itu, maka patek suroh chari beli kayu api berkeliling negeri ini, tiada di-peroleh. Maka patek pun terlalu dukachita. Sa-telah di-lihat oleh patek itu Laksamana patek sangat dukachita akan kayu api itu, maka kata Laksamana, 'Mengapa bapa-ku dukachita akan kayu api ini? Kerana kain pada bapa-ku pun terlalu banyak, perbuatkan kayu neschaya masak juga.' Maka patek pun ikut-lah saperti kata Laksamana itu." Maka baginda dan segala raja2 itu pun hairan menengar dia.

Sa-telah sudah maka Nala Sang Guna pun mengangkat hidangan persantapan Kisna Rayan pula. Maka raja pun santap sa-orang-nya dan menteri empat itu makan sa-hidangan. Ada pun hidangan daun-nya emas di-tatah dengan permata dan kendi-nya daripada gemala yang hijau dan ayer-nya daripada ayer mawar dan kumkuma dan lapek-nya daripada emas di-tatah dengan permata yang merah. Sa-telah sudah santap, maka daun-nya tempat Kisna Rayan santap dan kendi-nya itu pun di-angkat oleh hamba-nya lalu di-bawa-nya kembali ka-rumah Bendahara dan menteri empat itu. Sa-telah sudah maka Nala Sang Guna pun mengeluarkan balai emas, suatu2 balai itu panjang-nya sa-hasta dan lebar-nya sa-jengkal dan tebal-nya tiga jari dan berat-nya dua puloh kati, lalu di-bawa-nya ka-hadapan persembahkan kapada Kisna Rayan.

Sa-telah sudah maka Kisna Rayan itu pun naik-lah ka-atas gajah dan hulubalang berjalan dahulu. Maka oleh Nala Sang Guna segala tapak gajah Kisna Rayan itu di-isi dengan emas dan permata. Sa-telah sampai ka-pintu, segala saudagar masing2 keluar-lah dalam kampong-nya membawa persembah emas dan permata yang indah2; persembah itu pun terlalu banyak beratus2 bahara emas dan beribu2 bahara perak dan beberapa bahara permata. Maka Kisna Rayan pun hairan melihat banyak saudagar kaya2 di-dalam negeri itu. Dengan demikian maka Kisna Rayan pun sampai-lah ka-istana.

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

Maka titah baginda pada Bendahara mangkubumi, "Apa bichara kita hendak mengurus ka-benua China? Siapa yang patut pada Bendahara?" Maka sembah Bendahara, "Siapa lain daripada Laksamana, kerana Laksamana itu tahu akan perentah segala raja2 yang besar2, tambahan ia orang bijaksana?" Maka titah Kisna Rayan, "Pada bichara kita pun demikian, kerana raja benua China itu raja besar. Kita lihat Laksamana-lah yang dapat kita titahkan ka-benua China itu." Maka raja pun sa-bagai memandang Laksamana, kerana baginda sangat berkenan akan Laksamana.

Maka raja pun berangkat masok ka-dalam istana. Maka biduanda kechil pun keluar membawa titah memanggil Bendahara dan Nala Sang Guna dan Laksamana dan Maharaja Setia dan Paduka Raja. Maka orang lima itu pun segera masok ka-dalam taman. Maka di-lihat oleh Laksamana raja sudah dudok dalam taman; maka di-lihat-nya dudok di-balai gading di-adap oleh segala perwara-nya dan biduan. Sa-telah raja melihat Laksamana datang itu, maka titah Kisna Rayan, "Hai Laksamana, mari-lah dudok di-bawah-ku ini." Maka Laksamana pun menyembah lalu dudok. Maka titah Kisna Rayan, "Lain daripada Laksamana tiada kita bawa masok ka-dalam taman tempat kita bermain dengan permaisuri ini." Maka sembah Laksamana, "Daulat tuanku, patek ini hamba yang hina."

Sa-ketika maka hidangan pun di-angkat orang-lah. Maka Kisna Rayan pun santap-lah. Maka segala raja2 dan menteri pun minum-lah terlalu ramai. Maka Laksamana pun berdatang sembah, "Ya tuanku shah alam, patek mohonkan ampun dan kurnia; akan patek hendak persembahkan suatu permainan terlalu ajaib. Jikalau dengan titah duli shah alam, maka berani patek mengeluarkan permainan itu." Maka titah Kisna Rayan, "Hai Laksamana, permainan apa engkau hendak permainkan itu, kerana dalam negeri ini berbagai2 segala permainan: sudah mati hidup pula dan ada yang lain daripada itu beratus2 permainan. Jikalau Laksamana hendak menunjokkan permainan yang tiada pernah kita lihat, permain-lah." Maka sembah Laksamana, "Daulat tuanku, baik-lah."

Maka Laksamana pun mengeluarkan suatu beneh daripada kandongan-nya serta ia menyembah lalu turun dari atas balai itu serta berjalan ka-hadapan balai itu. Maka Laksamana pun menyembah pula lalu di-tanam-nya buah kayu itu. Maka Laksamana pun naik dudok pula. Maka pohon kayu itu pun tumboh serta berdaun dan sa-sa'at itu juga berbunga lalu berputek dan berbuah masak. Maka Kisna Rayan dan segala raja2 pun hairan terchengang2 melihat. Maka Kisna Rayan pun segera suroh mengambil buah kayu itu. Maka titah

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

Kisna Rayan, "Hai Laksamana, boleh-kah di-makan buah kayu ini?" Maka sembah Laksamana, "Boleh, tuanku." Maka buah kayu itu pun di-santap oleh baginda terlalu ladzat chitarasa-nya. Maka segala raja2 dan Nala Sang Guna pun makan-lah buah kayu itu. Maka titah Kisna Rayan, "Hai Laksamana, peroleh buah kayu ini dari mana?" Maka sembah Laksamana, "Daulat tuanku, patek peroleh daripada mimpi, tetapi buah kayu ini tiada dapat di-tanam saperti pohon kayu yang lain. Apabila sudah kita makan buah-nya, pohon-nya pun ghaib-lah." Apabila Kisna Rayan menengar kata Laksamana itu, maka baginda pun hairan-lah. Sa-telah sudah di-santap buah kayu itu, maka pohon-nya pun ghaib-lah.

Maka Kisna Rayan pun bertitah, "Hai Bendahara, kita mengutus ka-benua China siapa dapat kita surohkan?" Maka sembah Bendahara, "Daulat tuanku, patek mohonkan ampun dan kurnia; ada pun daripada pengelihatan patek, mengutus ka-benua China itu pekerjaan besar, kerana raja itu raja besar. Jikalau barang2 orang, jangankan bertemu dengan raja itu, dengan menteri-nya pun tiada dapat." Maka titah Kisna Rayan, "Hai Laksamana, dapat-kah kita surohkan ka-benua China itu?" Maka sembah Laksamana, "Daulat tuanku, mengapa-tah maka patek tiada dapat di-titahkan ka-benua China itu? Jika ka-benua Rom pun dapat, kerana pekerjaan duli shah alam itu pekerjaan paduka kakanda sultan di-Melaka; patek hamba ka-bawah duli paduka kakanda."

Sa-telah Kisna Rayan menengar sembah Laksamana itu, maka raja pun mengambil piala lalu di-minum-nya sadikit oleh baginda; maka di-pegang oleh baginda bahu Laksamana lalu di-tuangkan ka-mulut-nya. Maka sembah Laksamana, "Daulat tuanku, insha' Allah Ta'ala, jika belum patek melihat muka raja China itu, belum patek kembali ka-benua Keling mengadap duli shah alam." Sa-telah itu maka raja pun berangkat masok ka-istana. Maka Nala Sang Guna dan Laksamana dan Maharaja Setia pun bermohon-lah lalu pulang ka-rumah-nya.

* * *

Sa-telah keesokan hari-nya maka Laksamana pun pergi mengadap. Sa-telah raja melihat Laksamana, maka titah baginda, "Hai Laksamana, tahu-kah engkau bermain pedang perisai?" Maka sembah Laksamana, "Daulat tuanku, tahu juga patek barang2 kadar-nya." Maka Kisna Rayan pun bertitah, "Mau-kah kita adukan dengan pendékar kita?" Maka sembah Laksamana, "Daulat tuanku, patek mohonkan ampun dan kurnia; ada pun adat hulubalang itu

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

tiada demikian. Pada bichara patek, jangankan patek di-titah bermain, jika patek di-titahkan berperang sa-kali pun patek kerjakan juga. Sa-hingga mati sudah-lah patek dengan pekerjaan tuanku."

Maka baginda pun menyuroh memanggil pendekar yang tahu terlalu sa-kali pada bermain pedang dan perisai. Maka titah Kisna Rayan, "Hai pendékar, engkau hendak ku-surohkan bertuju dengan Laksamana hulubalang Melayu." Maka sembah pendekar itu, "Daulat tuanku, berapa puloh hulubalang Melayu itu akan bertuju dengan patek? Jika sa-orang dua, bukan lawan patek." Sa-telah Laksamana menengar kata pendekar itu, maka ia pun amarah, serta di-singsing tangan baju-nya. Maka kata Laksamana, "Hai pendékar, siapa engkau hendak berikan empat lima puloh itu ku-lihat rupa-nya?" Maka pendekar itu pun berkata, "Aku-lah." Maka Laksamana pun memegang ulu keris-nya, kata-nya, "Sayang-nya engkau di-hadapan Kisna Rayan. Jika di-tempat lain sekarang juga ku-penggal leher-mu!" Maka pendekar itu pun terlalu amarah mendengar kata Laksamana hendak memenggal kepala-nya di-hadapan majlis itu. Maka pendekar itu pun turun berjalan keluar pintu berdiri menantikan Laksamana. Maka segala raja2 dan menteri itu pun takut-lah akan pendekar itu amarah mengadang Laksamana itu.

Sa-ketika lagi Kisna Rayan pun berangkat masok. Maka Laksamana pun melangkah pintu lalu keluar. Maka di-lihat oleh Laksamana pendekar itu hadhir menanti dengan perisai di-luar pintu itu. Maka Laksamana pun segera mengambil pedang dan perisai di-luar pintu itu daripada tangan orang-nya. Maka Laksamana pun memekis serta menghunus pedang-nya, lalu melompat serta di-kirap-nya perisai menyalahkan parang pendekar itu. Sa-telah lalu parang pendekar itu, maka di-parang oleh Laksamana kena perisai-nya, belah dua lalu ka-pinggang-nya. Maka Laksamana pun menyarongkan pedang-nya. Maka Nala Sang Guna pun memegang tangan Laksamana lalu di-bawa-nya masok ka-balairong.

Arakian maka orang gempar itu pun kedengaran kapada raja. Maka raja pun terkejut serta bertitah, "Hai mamak Bendahara dan Nala Sang Guna, bunyi apa gempar di-luar itu?" Maka sembah Bendahara dan Nala Sang Guna, "Daulat tuanku, patek mohonkan ampun dan kurnia, patek itu Laksamana berperang dengan pendekar. Pendekar itu pun mati di-bunoh oleh Laksamana. Sekarang patek itu ada-lah ia sekarang bersembahkan nyawa; mana perentah shah alam." Maka titah Kisna Rayan, "Apa sebab-nya maka Laksamana membunoh hulubalang kita?" Maka sembah Bendahara dan Nala Sang Guna, "Daulat tuanku, patek sakalian lihat ada-lah tersalah pendekar itu, kerana

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

ia mengadang Laksamana, serta Laksamana keluar juga, lalu di-parang-nya. Maka Laksamana pun melompat serta mengambil pedang-nya dan perisai-nya — tetapi pengelihatan patek sakalian ada-lah tahu Laksamana sadikit daripada pendekar kita — maka segera di-parang oleh Laksamana kepala-nya pendekar itu, belah dua lalu ka-pinggang-nya, tiada lagi sempat membalas." Sa-telah Kisna Rayan menengar sembah Bendahara dan Nala Sang Guna demikian itu, maka titah baginda, "Shabas-lah, Laksamana! Jangankan sa-orang pendekar; jika di-bunoh sa-ratus sa-kali pun, sa-benar-nya-lah, kerana ia derhaka melalui titah-ku. Bukan sudah ku-larang, mengapa pula maka ia mengadang Laksamana? Sedang di-hadapan-ku lagi ia berkata hendak membunoh Laksamana dan hendak di-beri empat lima puloh. Sekarang mana-tah Laksamana itu? Segera-lah suroh bawa masok, kerana ia hamba-ku."

Hatta maka Laksamana pun segera di-panggil orang masok ka-dalam. Maka Laksamana pun segera masok tiada berkeris. Maka di-lihat oleh Kisna Rayan Laksamana datang tiada di-pakai-nya keris itu, maka titah baginda, "Hai Laksamana, mengapa maka tuan-hamba tiada memakai keris?" Maka sembah Laksamana, "Daulat tuanku shah alam, patek hamba yang dha'if lagi derhaka melalui titah maha mulia itu; kerana adat segala hulubalang Melayu demikian-lah, tuanku. Hendak pun tiada patek kerjakan patek hulubalang di-bawah duli Kisna Rayan." Demi baginda menengar sembah Laksamana itu, maka baginda pun bertitah kapada bentara menyuroh mengambil keris berulu bawang sa-bongkol permata dan bersalut emas bertatah sembilan bagai, lalu di-anugerah akan Laksamana pakaian sa-lengkap-nya.

• • •

Maka titah Kisna Rayan, "Ayu mamak Bendahara, segera-lah karang surat dan bingkis kapada menteri empat itu." Maka sembah Bendahara, "Daulat tuanku, berapa hari lagi Laksamana akan di-titahkan?" Maka titah Kisna Rayan, "Tujoh hari lagi Laksamana akan berjalan ka-Nagapatam itu; ber-lengkap-lah mamak Bendahara." Maka Bendahara pun memandang kapada Laksamana. Maka kata Bendahara, "Hai Laksamana, apa bichara tuan-hamba akan pekerjaan ka-benua China itu? Hendak naik jong-kah atau naik kapal-kah atau sa-hingga perahu orangkaya-kah?" Maka sembah Laksamana, "Dengan perahu di-perhamba-lah pergi ka-benua China itu, tetapi hamba hendak melihat ka-kuil dan masjid segala Islam dahulu." Maka titah Kisna Rayan, "Hai Nala Sang Guna, bawa-lah Laksamana melihat bermain dalam negeri kita ini barang

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

sa-hari dua dahulu, melihat temasha." Maka sembah Nala Sang Guna, "Daulat tuanku."

Maka baginda pun berangkat masok ka-dalam. Maka Bendahara dan Nala Sang Guna dan Maharaja Setia pun menyembah lalu pulang ka-rumah-nya. Maka Nala Sang Guna berkata, "Mari-lah anak-ku bermain2." Maka kata Laksamana, "Baik-lah."

Maka Nala Sang Guna pun naik ka-atas usongan. Maka Laksamana pun naik kuda berjalan berkeliling negeri itu, dan sa-panjang jalan pintu derma dan balai derma itu, terlalu indah2 perbuatan-nya. Maka Nala Sang Guna dan Laksamana pun sampai-lah pada suatu sitam berama, erti-nya tempat berhala, jadi sendiri-nya, dan tempat segala raja2 pergi menyembah berhala pada ketika hari raya. Sa-telah Nala Sang Guna dan Laksamana sampai kapada tempat itu, maka di-lihat oleh Laksamana rumah berhala itu, terlalu indah2 perbuatan-nya di-dalam rumah berhala itu. Ada pun barang siapa nakhoda dan saudagar kekurangan modal, maka ia datang kapada raja sitam berama ini berhutang emas berhala ini; sa-bahara atau dua bahara pun baik di-beri-nya oleh raja yang menunggu berhala ini. Jikalau saudagar itu hendak berdusta akan emas berhala itu, ka-mana ia pergi, binasa. Jikalau benar pada berhala itu, selamat barang ka-mana ia pergi. Ada pun dua puloh kati di-ambil-nya sa-kati juga di-persembahkan-nya pada berhala itu. Demikian-lah maka emas itu pun jadi banyak. Maka di-lihat oleh Laksamana suatu kolam penoh dengan minyak. Maka kata Nala Sang Guna, "Ini-lah minyak akan pelita berhala itu." Maka Laksamana hairan melihat kebesaran raja benua Keling itu.

Sa-telah dua malam dudok di-sitam berama itu, maka Nala Sang Guna pun berjalan pada yang lain pula. Maka di-lihat oleh Laksamana suatu balai ber-puloh2 timbunan nasi dan gulai dan banyak orang dudok makan pada balai itu berlapis2. Maka kata Laksamana, "Hai bapa-ku, apa pula ini?" Maka kata Nala Sang Guna, "Ini-lah balai derma, di-suroh oleh Kisna Rayan pada sa-orang raja. Maka segala hasil-nya tiada di-ambil-nya daripada-nya, di-suroh beri derma. Barang siapa tiada berupaya, pada balai ini-lah ia dudok, segala makan pakai-nya sakalian di-beri oleh yang memberi derma itu." Maka Laksamana pun hairan. Maka beberapa pula Laksamana melihat kebesaran raja benua Keling itu. Maka Nala Sang Guna pun kembali-lah ka-rumah-nya.

Sa-telah keesokan hari-nya maka Nala Sang Guna dan Laksamana dan Maharaja Setia pun masok mengadap raja. Maka di-lihat oleh Kisna Rayan Laksamana datang itu, maka titah baginda, "Mari Laksamana, kita pun hendak menyuroh memanggil Laksamana, Laksamana pun datang." Maka Laksamana

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

pun menyembah lalu dudok. Maka titah baginda, "Sudah-kah Laksamana melihat perentah sitam berama itu?" Maka sembah Laksamana, "Ya tuanku, sudah patek melihat segala perentah sitam berama itu." Maka titah baginda, "Manakala Laksamana akan berjalan?" Maka sembah Laksamana, "Ya tuanku, patek ini dua hari lagi akan berjalan." Maka titah Kisna Rayan, "Baik-lah," serta menganugerahkan emas dan bahara dan perak empat bahara akan Laksamana dan Maharaja Setia. Maka Laksamana pun menjunjong anugerah berpuloh2 bendela kain. Sudah itu pun Laksamana pun menjunjong duli lalu keluar.

Sa-telah sampai ka-balai gendang, maka surat dan bingkis itu pun di-arak orang-lah dengan segala bunyi2an. Hatta maka sampai-lah ka-rumah Nala Sang Guna. Maka surat itu pun di-sambut orang di-taroh pada tempat yang mulia. Maka kata Nala Sang Guna, "Hai Laksamana, baik-lah anak-ku suroh segala orang anak-ku membeli dagangan yang patut di-bawa ka-benua China itu, sangat laba-nya, asa sa-puloh; dan ayahanda pun berlengkap sa-buah kapal menyuroh pergi sama dengan anak-ku. Apabila ia sampai ka-benua China, akui oleh anak-ku kapal ayahanda itu supaya lepas daripada chukai-nya. Jika anak-ku selamat datang ka-benua Keling, ayahanda bahagi dua laba-nya akan anak-ku, kerana chukai di-benua China itu terlalu keras." Maka kata Laksamana, "Ada pun di-perhamba ini dua belas buah; pada bichara di-perhamba, di-perhamba pergi ini sa-kadar tujoh buah juga, lima buah itu tinggal." Maka kata Nala Sang Guna, "Jika demikian, baik-lah orang anak-ku yang tinggal tiga ratus itu naik kapada kapal ayahanda yang tiga buah itu. Jika Kisna Rayan bertanya, ayahanda-lah menjawab dia." Maka kata Laksamana, "Baik-lah, di-perhamba pergi ini akan berperang juga."

Maka penyuroh daripada Bendahara mangkubumi pun datang membawa emas tiga puloh kati; lain daripada itu, kain sa-ratus kayu akan belanja Laksamana dan Maharaja Setia. Maka kata Laksamana, "Katakan sembah di-perhamba ka-bawah kadam daro'." Maka orang itu pun kembali-lah.

Sa-telah sampai dua hari maka surat dan bingkis di-rumah Nala Sang Guna itu pun di-bawa orang-lah ka-perahu. Maka segala bunyi2an pun berbunyi-lah. Maka surat itu pun di-naikkan orang-lah ka-atas gajah. Maka Nala Sang Guna pun naik ka-atas usongan. Maka Laksamana dan Maharaja Setia dan segala Melayu yang banyak itu pun naik kuda. Maka Laksamana pun sampai-lah ka-Nagapatam. Maka surat dan bingkis itu pun di-sambut orang di-taroh pada tempat yang mulia. Maka Nala Sang Guna dan orang Laksamana yang tujoh ratus itu pun semua-nya bermuat-lah dagangan. Sudah bermuat itu

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

maka surat dan bingkis itu pun di-arak orang-lah ka-perahu. Maka Laksamana dan Maharaja Setia dan Tun Pekerma Indera dan Tun Bijaya Pekerma pun bermohon-lah kapada Nala Sang Guna. Maka Laksamana dan Maharaja Setia pun naik-lah ka-atas Sairul-'alamin. Maka bunyi2an pun di-palu orang-lah dan meriam pun di-pasang orang-lah saperti berteh. Maka segala kelengkapan pun menarek layar lalu belayar-lah.

• • •

Kira2 dua bulan lama-nya maka Laksamana pun sampai-lah ka-benua China yang bernama Bakang Hainam itu. Maka Laksamana pun menyuroh mendiri-kan tunggul dan panji2 dan memasang meriam dan bedil. Maka segala bunyi2an pun di-palu orang-lah terlalu gempita bunyi-nya. Maka di-lihat oleh shahbandar perahu banyak datang itu, maka datang-lah segala orang shahbandar bertanya perahu: "Dari mana datang ini dan siapa nama-nya panglima-nya? Apa kehendak-nya datang ini?" Maka sahut orang yang di-dalam perahu kapal itu, "Kami sakalian ini dari benua Keling. Ada pun kami ini di-titahkan oleh duli Kisna Rayan kapada raja benua China, maksud raja kami hendak berkaseh2an. Ada pun nama panglima kami Laksamana dan Maharaja Setia dan nama jejenang-nya Tun Pekerma." Sa-telah orang itu menengar kata orang di-dalam kapal itu, maka segera di-persembahkan kapada shahbandar. Maka kata shahbandar, "Jika ia utusan, suroh-lah ia berlaboh pada tempat utusan Feringgi itu."

Maka orang shahbandar itu pun pergi-lah ka-perahu Laksamana itu, maka segala kata shahbandar itu di-katakan. Maka Laksamana pun berlaboh-lah hampir perahu Feringgi itu. Maka kata Feringgi itu, 'Hai Melayu dan Keling, jangan engkau berlaboh di-sini dekat ghali kapitan ini. Sekarang ia datang di-bedil-nya segala perahu itu." Maka segala Melayu itu pun tertawa. Maka kelengkapan itu pun berlaboh-lah pada tempat ghali Feringgi itu. Maka soldadu itu pun amarah, kata-nya, "Orang Melayu dan orang Keling ini tiada berbudi. Sahaja hendak berkelahi rupa-nya dengan kita ini, kerana ia melihat diri-nya banyak itu." Maka sahut segala Melayu, "Mengapa engkau berkata demikian? Kami ini dagang, di-mana shahbandar suroh, kami dudok. Tetapi engkau hendak sama banyak pun baik atau sama sa-orang pun baik, kerana Feringgi dan Melayu ini seteru." Sa-telah di-lihat oleh orang shahbandar maka kata-nya, "Jangan tuan-hamba berkelahi pada tempat ini; jika hendak

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

berkelahi pergi-lah ka-laut." Maka kata soldadu itu, "Baik-lah, kami sakalian beritahu akan kapitan kami."

Sa-telah itu maka kata Laksamana kapada shahbandar, "Berapa hari lagi surat ini akan di-sambut?" Maka kata shahbandar, "Jika apa2 pun hamba persembahkan kapada menteri empat itu dahulu, kerana utusan yang datang ini tiada sampai kapada raja, sa-hingga menteri empat itu-lah." Maka kata Laksamana, "Jikalau demikian baik-lah shahbandar persembahkan kapada menteri empat itu." Maka Laksamana pun bermohon pulang ka-perahu-nya.

Sa-telah keesokan hari-nya maka shahbandar pun pergi mengadap menteri empat itu. Ada pun nama menteri itu pertama W.ng-K.m-S.ng, kedua bernama Pa.shi.nga, ketiga bernama L.w-t.y, keempat bernama S.m-p.y-Q.p. Apabila menteri empat itu melihat shahbandar datang itu, kata-nya, "Hai shahbandar, bunyi bedil apa yang datang itu? Maka sembah shahbandar, "Ya tuanku, ada pun bunyi bedil itu utusan Keling itu. Nama panglima-nya Laksamana dan Maharaja Setia. Maksud-nya hamba tiada pereksa." Sa-telah menteri empat itu menengar kata shahbandar itu, maka kata menteri keempat itu, "Baik-lah, esok hari aku persembahkan kapada raja."

Sa-telah keesokan hari-nya maka menteri keempat pun datang mengadap raja. Maka titah raja, "Hai menteri empat, peliharakan ra'ayat-ku baik2; adat jangan di-buang." Maka sembah menteri empat itu, "Daulat tuanku, sekarng utusan dari benua Keling datang hendak berkaseh2an. Maka titah raja, "Hai menteri-ku keempat, segera-lah suroh sambut surah daripada saudara kita itu." Sa-telah sudah raja bertitah demikian itu, maka raja pun berangkat masok ka-dalam istana. Maka menteri keempat dan segala raja2 dan menteri yang berpuloh keti itu pun masing2 kembali-lah ka-tempat-nya.

Pada keesokan hari-nya maka menteri empat itu pun menyuroh memanggil shahbandar, shahbandar pun datang. Maka sabda menteri keempat itu, "Hai shahbandar, suroh utusan Keling itu berlengkap surat dan bingkisan itu, kerana aku di-titahkan raja menyambut surat itu." Maka menteri itu pun mengerahkan segala raja2 dan menteri dan cheteria, kesateria, hulubalang berlengkap segala gajah dan kuda dan bunyi2an. Maka shahbandar pun lalu pergi memberitahu Laksamana. Laksamana pun berhadhir-lah dan memakai segala pakaian yang indah2. Maka Laksamana pun berlengkap-lah segala alat akan mengiringkan surat dan bingkis itu.

Arakian maka orang yang menyambut surat itu pun datang-lah. Maka surat dan bingkis itu pun di-naikkan orang-lah ka-atas gajah. Maka sa-orang menteri besar meriba surat itu. Maka berkembang-lah payong kerajaan empat puloh

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

bagai; maka lalu di-arak masok ka-dalam negeri. Maka di-lihat oleh Laksamana perbuatan negeri itu terlalu indah2 perbuatan-nya, kota-nya tujoh lapis daripada batu puteh dan pintu-nya daripada tembaga suasa. Maka di-lihat oleh Laksamana lorong dalam negeri itu beribu2 lorong-nya, sakalian di-ikat dengan batu puteh saperti kapas sudah terbusar. Maka kata Laksamana kapada Maharaja Setia dan segala orang-nya, "Ada pun tuan2 sakalian, sekarang kita masok berjalan ka-dalam balairong raja China itu, ingat2 tuan2 sakalian, jangan menyinsing kain. Lain daripada itu, beberapa perbuatan-nya yang gharib2 yang tiada pernah kita melihat, kerana orang negeri China ini banyak hikmat-nya." Maka kata Maharaja Setia, 'Di-mana orangkaya panglima menengar?" Maka kata Laksamana, "Hamba dengar pada sa-orang China tua hamba angkat bapa tatkala di-Melaka, ia ceriterakan."

Dengan demikian maka surat dan bingkis itu pun sampai-lah ka-balai gendang. Maka surat itu pun hendak di-turunkan dari atas gajah. Maka biduanda kechil pun datang membawa titah suroh masok dengan gajah sa-kali Maka gajah itu pun di-halau-nya masok ka-balairong. Sa-telah sampai ka-balairong, maka surat itu pun di-sambut oleh sa-orang anak raja lalu di-bawa-nya masok ka-dalam istana lalu di-bacha-nya di-hadapan raja, terlalu sa-kali baik bunyi renchana-nya. Maka titah raja kapada menteri empat itu, "Mana utusan itu? Segera-lah bawa masok ka-mari."

Maka Laksamana dan Maharaja Setia dan Tun Pekerma Indera dan Tun Bijaya Pekerma pun segera masok. Maka di-lihat oleh Laksamana berombak2 di-halaman itu, tiada ia menyingsing kain-nya sa-hingga sampai ka-balairong itu, lalu dudok dekat shahbandar. Maka segala bingkis itu pun di-sambut orang bawa masok. Maka raja pun berkenan melihat Laksamana dudok itu dengan tertib-nya. Maka titah raja kapada menteri empat itu, "Apa maksud saudara kita menyurohkan Laksamana kita ini?" Maka kata Laksamana, "Suatu pun tiada. Maksud raja benua Keling itu hendak berkaseh2an saudara bersaudara juga, kerana tuanku raja besar dan raja benua Keling pun besar juga; tanda muafakat." Maka di-sembahkan oleh menteri keempat itu Maka baginda pun terlalu suka. Maka titah raja, "Suroh ka-mari utusan Keling itu; kita hendak bertanya sendiri kapada-nya."

Maka persalin pun datang-lah. Maka sakalian pakaian itu daripada emas sa-puloh mutu akan Laksamana dan Maharaja Setia dan perak pula dua pikul akan Laksamana. Maka titah raja, "Hai Laksamana, anugerah kita akan Laksamana akan belanja di-benua China ini juga." Maka sembah Laksamana, "Daulat tuanku, patek menjunjong anugerah duli tuanku." Maka titah raja,

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

"Hai Laksamana, berapa2 surat datang tiada sampai kapada kita, sa-kadar pada menteri empat itu-lah. Akan sekarang surat saudara kita, maka kita suroh sambut bawa kapada kita." Maka sembah Laksamana, "Daulat tuanku, pada bichara patek pun demikian." Maka titah raja, "Hai menteri-ku keempat, esok hari perjamu Laksamana ini, kerana kita hendak melihat orang Keling ini makan."

Maka raja pun lalu berangkat masok ka-dalam istana. Maka menteri keempat dan Laksamana pun pulang ka-rumah-nya. Maka Laksamana pun mengikut menteri empat itu. Maka sa-telah ka-balai-nya, maka Laksamana pun di-perjamu-nya makan minum dan di-beri-nya suatu gedong. Dalam antara menteri empat itu semua-nya kaseh akan Laksamana dan sakalian-nya memberi persalin dan emas akan belanja. Maka Laksamana pun dudok berkata2 dengan menteri empat itu.

Maka beberapa kali Laksamana mengadap, tiada juga beroleh melihat raja itu, dudok di-dalam mulut naga emas. Maka raja pun sa-bagai memberi anugerah akan Laksamana. 'Pada tatkala ia berjamu itu-lah aku melihat raja China ini.' Maka kata Laksamana pada menteri empat itu, "Ada pun jika tuanku hendak berjamu hamba sakalian orang Keling ini, orang besar-nya tiada makan ikan dan daging. Sakalian-nya makan segala sayor2, daun kayu dan buah kayu juga. Itu-lah di-gulai. Sayor itu pun tiada di-kerat; beri panjang2. Itu-lah akan lauk-nya hamba makan, kerana kalau hendak melihat hamba makan." Maka kata menteri itu, "Baik-lah." Maka raja pun berangkat masok. Maka raja2 yang berpuloh2 keti itu pun semua-nya menyembah lalu pulang.

Sa-telah keesokan hari-nya maka Laksamana pun di-bawa oleh shahbandar pada menteri empat itu. Maka menteri empat itu pun sudah hadhir akan berjamu. Sa-telah di-lihat-nya Laksamana datang itu, maka kata menteri itu, "Mari-lah orangkaya kita mengadap." Maka kata Laksamana, "Silakan-lah, tuanku, di-perhamba iringkan."

Maka menteri empat itu pun naik-lah ka-atas usongan emas. Maka payong iram empat puloh pun terkembang-lah. Maka raja2 dan menteri hulubalang itu pun dudok-lah berator di-balairong, masing2 pada tempat-nya. Maka raja pun memakai makota dan segala pakaian kerajaan sa-lengkap-nya. Sa-telah sudah maka segala bunyi2an empat puloh ragam itu berbunyi-lah alamat raja berangkat. Maka segala raja2 yang dua belas ribu itu pun semua-nya berdakap tuboh tundok berdiam diri-nya. Maka raja pun keluar-lah lalu dudok di-dalam mulut naga emas itu. Maka menteri empat itu pun sujud meniarap

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

di-hadapan raja. Maka titah raja, 'Hai menteri-ku keempat, peliharakan segala ra'ayat baik, adat jangan di-ubah." Maka sembah menteri itu, "Daulat tuanku shah alam." Maka raja pun dudok-lah di-adap segala raja2 dan menteri. Maka titah raja, "Hai menteri-ku keempat, mana-tah utusan Keling itu? Perjamu-lah oleh-mu." Maka sembah menteri itu, "Daulat tuanku."

Maka hidangan pun di-angkat orang-lah ka-hadapan Laksamana. Maka Laksamana pun membasoh tangan lalu makan dan segala Melayu pun makan-lah dua tiga suap. Maka Laksamana pun mengambil sayor kangkong di-suap-nya dengan chikap emas itu lalu di-angkat-nya ka-atas dahi-nya, maka di-suap-nya ka-mulut-nya sambil melihat raja China itu, dudok di-dalam mulut naga emas bersisek akan permata sembilan bagai rupa-nya, dudok di-atas peterana ma'nikam berumbai2 akan mutiara, saperti dian di-dalam tanglong: demikian-lah, ber-chahaya2 saperti bulan pernama empat belas hari. Tatkala Laksamana memandang ka-atas kepala naga itu di-lihat oleh bentara empat puloh itu, yang memegang pedang sudah terhunus akan memenggal kepala segala yang memandang ka-atas kepala naga itu, maka masing2 datang hendak memarang Laksamana. Maka segala kelakuan Laksamana itu di-lihat oleh ra a dan menteri empat itu. Maka titah raja, "Hai bentara-ku, jangan ia engkau penggal. Ia-lah orang bijaksana yang hendak berbuat kebaktian kapada tuan-nya, sukar mencheri hamba dan hulubalang saperti Laksamana ini." Maka Laksamana pun makan-lah. Sa-telah sudah makan maka hidangan minuman pula di-angkat orang. Maka Laksamana pun minum-lah dengan segala raja2 dan menteri itu.

Maka titah raja, "Hai menteri ku keempat, ada pun segala utusan datang dari benua Keling ini beri persalin dengan saperti-nya." Maka sembah menteri empat itu, "Daulat tuanku." Maka ia pun menyuroh mengambil persalin dengan saperti-nya, terlalu banyak persalin itu. Sa-telah datang maka Laksamana pun di-beri-nya tujoh semberap. Sudah itu maka segala Melayu yang banyak itu pun di-persalin, tujoh2 semberap pada sa-orang.

Sa-telah sudah maka Laksamana dan Maharaja Setia dan segala Melayu dan orang Keling pun menjunjong duli lalu kembali ka-tempat-nya. Maka menteri empat itu pun menyembah lalu keluar naik ka-atas tandu-nya kembali ka-rumah-nya. Maka penghulu balairong itu pun datang-lah menyapu balairong itu dengan segala sakai-nya, maka beroleh berpuloh2 gantang permata luroh daripada makota segala anak raja2 itu, berantok sama-nya makota. Maka Laksamana pun di-bawa oleh Shahbandar kembali ka-tempat-nya.

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

Sa-telah keesokan hari-nya maka Laksamana dan Maharaja Setia pun pergilah ka-tengah negeri itu melihat temasha beberapa puloh ratus rumah berhala, indah2 perbuatan-nya dan berbagai2 rupa-nya binatang di-tulis-nya, saperti binatang hidup rupa-nya, sa-hingga tiada berkata2 dan bernyawa juga; di-suroh-nya berdiri ia berdiri, di-suroh-nya dudok ia dudok, di-suroh-nya berkata2 ia berkata2, di-suroh-nya menyembah ia menyembah, di-suroh-nya menari ia menari, di-suroh-nya berhenti ia berhenti, terlalu ramai Laksamana dan segala orang-nya yang melihat itu. Maka Laksamana pun berjalan pula ka-tengah negeri itu. Maka di-lihat oleh Laksamana sa-orang berhala terlalu besar saperti bukit besar-nya. Maka berhala itu pun dudok menangis, suara-nya saperti guroh. Maka di-lihat oleh Laksamana di-bawah berhala itu beribu2 menadah ayer mata-nya daripada laki2 dan perempuan. Maka Laksamana pun bertanya, "Apa sebab-nya maka berhala itu menangis dan apa pergunaan-nya ayer mata-nya berhala ini?" Maka kata segala China itu, "Ada pun berhala ini ibu bapa segala China sakalian; maka ia melihat segala anak chuchu-nya yang banyak, ada yang jahat. Sebab itu-lah maka hati-nya tiada suka, lalu ia menangis dan ayer mata-nya berhala itu barang siapa memandikan dia lepas daripada dosa sakalian." Maka Laksamana dan Maharaja Setia pun tertawa lalu berjalan pula. Maka beberapa Laksamana melihat yang tiada pernah di-lihat-nya. Maka Laksamana pun kembali-lah ka-gedong-nya.

• • •

Maka Laksamana pun lama-lah dudok di-benua China itu, kira2 dua bulan lama-nya. Maka pada sa-kali waktu menteri empat dan Laksamana pun masok mengadap. Maka kata Laksamana kapada menteri empat itu sambil berjalan, maka kata Laksamana, "Ada pun akan di-perhamba ini lama-lah sudah di-benua China ini. Perjanjian hamba dengan Kisna Rayan sa-kadar dua bulan juga akan kembali; sekarang lalu-lah sudah." Maka kata menteri empat itu, "Baik-lah, sekarang hamba persembahkan." Maka Laksamana pun sampai-lah ka-balairong lalu masok berator dudok sa-ketika.

Maka raja pun berangkat keluar. Maka segala bunyi2an yang empat puloh ragam itu pun di-palu orang-lah saperti akan bergerak balairong itu. Maka segala raja2 dan menteri itu pun sakalian-nya berdakap tuboh. Maka baginda pun dudok di-atas singgasana di-dalam mulut naga emas itu. Maka raja pun bertitah, "Hai menteri-ku keempat, pelihara akan segala ra'ayat-ku baik2, adat

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

jangan di-ubahkan." Maka sembah menteri empat itu, "Daulat tuanku shah alam."

Maka menteri empat itu pun berdatang sembah, "Ya tuanku shah alam, patek mohonkan ampun dan kurnia, ada pun akan sekarang utusan Keling ini hendak kembali, kerana perjanjian sa-kadar dua bulan juga dudok di-benua China akan kembali. Akan sekarang ini hendak bermohon-lah kembali ka-bawah duli shah alam." Maka raja pun bertitah, "Hai menteri-ku keempat, baik-lah karang surat dan bingkis akan saudara kita di-benua Keling itu. Maka sembah menteri empat itu, "Daulat tuanku." Maka Laksamana dan Maharaja Setia dan Tun Pekerma Indera dan Tun Wijaya Pekerma pun di-anugerahi oleh raja berpuloh2 keti emas akan belanja. Maka Laksamana dan Maharaja Setia pun menjunjong duli.

Maka menteri pun berangkat ka-tempat-nya berbichara mengarang surat dan bingkis akan di-kirimkan kapada Bendahara mangkubumi. Maka di-surat-nya-lah berbagai2 renchana-nya dan bingkis pun bertimbun2. Sa-telah sudah maka keesokan hari-nya maka menteri empat itu pun masok mengadap raja di-iringkan oleh Laksamana dan Maharaja Setia. Sa-telah sampai ka-balairong, masing2 dudok berator pada tempat-nya. Sa-ketika lagi maka raja pun berangkat keluar saperti adat sedia-kala itu. Maka titah raja, "Hai menteri-ku keempat, sudah-kah engkau mengarang surat akan saudara kita?" Maka sembah menteri empat itu, "Sudah, tuanku." Surat itu pun di-beri pada sa-orang bentara; maka di-sembah-nya lalu di-bacha-nya. Sa-telah sudah maka titah baginda, "Suroh-lah segala hulubalang yang muda2 mengiringkan surat itu." Maka Laksamana pun di-anugerah persalin empat bagai warna-nya dan rupa-nya. Maka Laksamana dan Maharaja Setia pun pakai persalin itu dan segala orang Melaka dan Keling pun semua-nya di-persalin.

Maka baginda pun berangkat masok ka-istana. Maka menteri empat dan hulubalang pun keluar. Maka menteri empat itu pun kembali ka-rumah-nya berlengkap akan mengarak surat itu. Maka Laksamana pun di-anugerahi oleh menteri empat itu, pada sa-orang2 menteri itu sa-puloh perangguan, dan segala orang Keling dan orang Melaka yang banyak itu semua-nya di-beri persalin. Maka gajah kuda pun berhimpun-lah dengan segala bunyi2an yang empat puloh bagai ragam-nya itu pun berbunyi-lah terlalu azamat. Jika guroh berbunyi pun tiada kedengaran dan berapa puloh ribu raja2 dan hulubalang mengiring-kan surat itu.

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

Sa-bermula kapitan Feringgi itu pun datang-lah ka-perahu-nya. Maka segala soldadu itu pun datang mengadap kapitan. Maka segala hal-ahwal-nya Laksamana berlaboh itu pun semua-nya di-sembahkan-nya kapada kapitan itu. Maka kapitan itu pun melihat, sunggoh perahu Laksamana itu berlaboh hampir ghali itu. Maka ia pun amarah, tambahan ia melihat laku Laksamana sangat di-permulia oleh orang China itu dan surat-nya pun sampai kapada raja; akan surat-nya dia itu tiada sampai; pada menteri itu juga. Maka ia pun menyuroh mengisi ubat bedil dan meriam lalu hilirkan perahu-nya serta menantikan Laksamana keluar.

Sa-bermula surat bingkis itu pun di-sambut oleh Laksamana di-taroh-nya pada tempat yang mulia. Maka Laksamana pun berpelok berchium dengan segala menteri yang mengiringkan surat itu lalu turun ka-perahu-nya. Maka Laksamana pun dudok pada suatu tempat. Maka payong iram kuning pun terkembang-lah keempat puloh-nya di-atas kepala Laksamana dan bedil pun di-pasang orang-lah dan sauh pun di-bongkar orang-lah lalu berdayong keluar ka-kuala.

Maka di-lihat oleh Feringgi empat puloh itu akan perahu Laksamana, maka lalu di-bedil-nya. Maka segala orang dalam perahu itu pun gempar-lah. Maka di-lihat oleh orang bandar perahu Feringgi dan Keling hendak berkelahi itu. Maka orang bandar pun datang, kata-nya, "Hai tuan2 sakalian, jika hendak berkelahi, jangan di-kuala ini. Jika hendak berkelahi, keluar-lah ka-laut." Maka sahut orang Keling itu, "Bukan kami hendak berkelahi. Feringgi ini garang akan kami; apa-tah kami sakalian takutkan?" Maka kata orang Keling itu, "Hai Feringgi, mari-lah kita berkelahi keluar kuala." Maka segala Feringgi itu pun keluar-lah mengadang Laksamana. Maka orang itu pun pergi memberitahu shahbandar. Shahbanldar pun segera pergi memberitahu menteri keempat itu akan segala hal-ahwal-nya itu. Maka menteri itu amarah, serta kata-nya, "Sunggoh-lah Feringgi itu tiada berbudi!" Maka makin sangat amarah, kata-nya, "Surat itu pun belum kita balas!"

Hatta maka Feringgi itu pun sampai-lah ka-laut. Maka ghali itu pun bertemu-lah dengan Feringgi itu, lalu di-bedil-nya oleh Feringgi itu. Maka Laksamana pun amarah lalu berdiri membacha pustaka-nya. Sa-telah sudah, maka di-bedil-nya pula. Maka sa-kali itu tiada-lah berbunyi lagi. Maka soldadu itu pun mengambil istinggar-nya. Maka Maharaja Setia pun menyuroh orang melanggar ghali itu. Sa-telah hampir-lah, maka di-bedil-nya pula, tiada juga berbunyi. Maka ia pun hairan-lah. Maka kapal itu pun berkepil-lah

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

dengan Maharaja Setia. Maka Maharaja Setia dan segala orang-nya pun melompat naik lalu di-amok-nya. Maka segala Feringgi itu pun habis mati berterjunan ka-ayer. Maka ghali itu pun alah-lah.

Sa-telah Laksamana melihat Maharaja Setia mengamok itu maka Laksamana pun melanggar sa-buah ghalias kapitan itu. Maka Feringgi itu pun membedil, tiada berbunyi-nya. Maka ghali Laksamana pun hampir-lah. Maka soldadu itu memegang p.n.t.w.nya, erti-nya pedang-nya dan shamsir-nya. Maka Laksamana pun mengamok-lah. Maka perang-lah terlalu ramai. Sa-ketika maka alah-lah ghalias itu. Sa-telah di-lihat oleh kapitan hal itu, maka ia pun segera terjun ka-sampan, lari. Maka ada sa-orang hulubalang-nya terlalu besar panjang-nya lagi berani datang hendak memarang Laksamana. Maka tangan-nya pun terkangkang. Maka di-parang oleh Laksamana penggal dua. Maka segala perahu itu pun alah-lah ka-empat puloh-nya, tiga buah juga lari.

• • •

Maka Laksamana pun belayar menuju tanah benua Keling. Berapa lama-nya maka sampai-lah ka-benua Keling. Maka bedil pun di-pasang orang-lah. Maka orang bandar pun berdatang sembah kapada raja, "Laksamana sudah datang, ada berlaboh di-kuala." Sa-telah Kisna Rayan menengar sembah shahbandar itu, maka baginda pun bertitah, "Hai mamak Bendahara, segera-lah sambut surat itu." Maka Bendahara pun segera keluar ka-balai gendang mengerahkan orang dan segala bunyi2an pergi menyambut surat itu. Maka sakalian-nya pun pergi-lah dengan segala bunyi2an terlalu azmat-nya. Shahadan Laksamana pun sudah hadhir Sa-telah sampai ka-pantai, maka surat dan bingkis itu pun di-naikkan orang-lah ka-atas, lalu di-arak masok ka-dalam kota.

Sa-telah datang ka-balairong, maka titah Kisna Rayan, "Mari Laksamana dudok, aku hendak mendengar khabar benua China itu." Maka ia pun menjunjong duli lalu dudok. Maka surat itu pun di-bacha di-hadapan ra a itu. Maka terlalu baik bunyi renchana-nya. Maka baginda pun terlalu sukachita menengar dia. Maka bingkis itu pun di-sambut orang-lah. Sa-telah sudah maka raja pun bertitah, "Hai Laksamana, apa khabar benua China?" Maka Laksamana pun beriwayat-lah akan kelakuan negeri China itu, semua-nya di-sembahkan-nya ka-bawah duli Kisna Rayan. Maka raja pun hairan serta dengan sukachita-nya, seraya bertitah menyuroh memberi persalin akan Laksamana.

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

Sa-telah sudah maka raja pun lalu berangkat masok. Maka Bendahara dan Laksamana dan Nala Sang Guna pun menyembah lalu pulang kapada tempat-nya. Maka Bendahara dan Nala Sang Guna pun pulang, Laksamana meng-iringkan. Maka kata Nala Sang Guna, "Hai anak-ku, bonda itu pun sudah-lah hamil." Maka Laksamana pun tersenyum menengar kata itu.

Kira2 sa-bulan lama-nya Laksamana dudok di-benua Keling itu, maka isteri Nala Sang Guna pun beranak-lah sa-orang laki2. Maka Nala Sang Guna pun terlalu sukachita-nya. Maka Laksamana pun di-suroh panggil oleh isteri-nya Nala Sang Guna itu, di-beri-nya persalin dan segala Melayu itu pun di-beri-nya persalin sa-lengkap-nya. Maka ia pun menyuroh mengambil emas dan perak berpuloh2 pikul, maka di-timbun-nya pada tuboh Laksamana dengan emas itu hingga leher-nya. Sa-telah sudah di-perjamu-nya makan minum maka Laksamana pun berkata, "Jikalau ada kaseh bapa akan hamba, hendak-lah persembahkan akan hamba ini sudah lama dudok di-negeri ini; Sultan Melaka pun berseteru dengan Majapahit itu." Maka kata Nala Sang Guna, "Baik-lah, mari kita mengadap." Maka Bendahara dan Nala Sang Guna pun pergi-lah mengadap. Maka sembah Bendahara mangkubumi saperti kata Laksamana. Maka titah raja, "Baik-lah, segera-lah mamak Bendahara mengarang surat dan bingkis akan saudara kita."

Maka Bendahara pun mengarang surat bingkis dan budak2 tahu bermain sulap dan beberapa intan dan ma'nikam. Sa-telah sudah lengkap, maka Nala Sang Guna dan Laksamana pun berjalan-lah masok mengadap. Maka sembah Bendahara, "Daulat tuanku, titah suroh patek berlengkap itu sudah-lah patek lengkapi; mana titah patek junjong." Maka titah baginda, "Siapa yang kita hendak surohkan ka-Bukit Seguntang menengar khabar Bukit Seguntang?" Maka sembah Bendahara, "Daulat tuanku, yang pergi itu orangkaya Seri Kamala Dewa; lain daripada itu orang yang bergelar. Enam buah kapal yang pergi itu." Maka Laksamana dan Maharaja Setia pun menjunjong duli. Maka di-persalin oleh baginda dengan sa-lengkap-nya; maka serta bertitah, "Hai Laksamana, jangan lupa2 akan kita." Maka sembah Laksamana, "Patek ini hamba. Ada pun pada bichara patek, duli Kisna Rayan pun tuan kapada patek."

Maka surat dan bingkis itu pun di-naikkan orang-lah ka-atas gajah lalu di-arak keluar kota dengan segala bunyi2an. Sa-telah sampai ka-perahu; maka surat dan bingkis itu pun di-sambut oleh Laksamana di-taroh-nya pada tempat yang mulia. Maka sauh pun di-bongkar orang-lah lalu berdayong hilir lalu menarek layar belayar.

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

Hatta berapa lama-nya maka sampai-lah ka-kuala Melaka. Maka bedil pun di-pasang orang-lah. Maka shahbandar pun masok berdatang sembah kapada raja, "Ya tuanku, Laksamana sudah datang." Sa-telah baginda menengar sembah shahbandar itu, maka baginda pun terlalu sukachita serta bertitah, "Hai mamak Bendahara, segera-lah sambut surat daripada saudara kita itu."

Maka Bendahara pun keluar dudok di-balai gendang mengerahkan segala pegawai dan petuanan. Sa-telah sudah lengkap, maka pergi-lah segala bunyi2an. Sa-telah datang ka-perahu, maka surat dan bingkis itu pun di-naikkan orang-lah ka-atas gajah lalu di-arak masok. Sa-telah sampai ka-balairong, maka Bendahara pun datang menyambut surat dan bingkis itu lalu di-bawa-nya ka-hadapan raja. Maka Laksamana dan Maharaja Setia pun menjunjong duli keempat-nya. Maka surat itu pun di-bacha oleh bentara, terlalu sa-kali baik bunyi renchana-nya. Maka titah baginda, "Mari Laksamana, aku hendak menengar khabar benua Keling." Maka Laksamana pun datang lalu sujud pada kaki baginda, serta beriwayat tatkala di-benua Keling dan tatkala ia di-surohkan ka-benua China dan tatkala ia hendak melihat raja China, semua-nya di-per-sembahkan-nya. Maka raja pun terlalu sukachita dan makin bertambah2 kurnia baginda akan Laksamana, masok terbit pun tiada berpintu lagi. Maka segala pegawai petuanan pun dengki-lah akan Laksamana.

Demikian-lah di-ceriterakan orang yang empunya ceritera.

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

BAB XX

AL-KESAH maka tersebut-lah perkhabaran ratu Majapahit itu mati. Sa-telah sudah mati maka Pateh Gajah Mada pun meshuarat mengarang surat dan bingkis. Sa-telah sudah di-karang, maka lalu di-berikan-nya pada Barit Ketika. Barit Ketika pun belayar-lah. Berapa lama-nya maka sampai-lah ka-kuala Melaka. Maka surat itu pun di-sambut orang-lah lalu di-bawa-nya ka-hadapan raja. Maka di-sambut oleh bentara lalu di-bacha-nya, demikian bunyi-nya:

> Ini surat daripada Pateh Gajah Mada datang kapada Sultan Melaka. Ada pun paduka ayahanda telah mangkat-lah. Akan sekarang patek hendak menyambut paduka anakanda Raden Bahar hendak di-rajakan.

Sa-telah di-dengar raja bunyi dalam surat itu, maka baginda pun tundok fikir. Sa-telah sudah fikir maka titah baginda, "Jika demikian, baik-lah anak kita Raden Bahar kerajaan di-Majapahit itu." Maka sembah Bendahara dan Laksamana, "Daulat tuanku."

Maka raja pun masok ka-dalam istana. Maka raja pun berkata, "Hai adinda, apa bichara tuan? Rangga dan Barit Ketika menyambut anak kita Raden Bahar dengan penyuroh Pateh Gajah Mada, kerana paduka ayahanda pun sudah hilang." Sa-telah Raden Emas Ayu menengar titah raja demikian, maka ia pun menangis terlalu sangat. Sa-telah berhenti daripada menangis itu, maka kata Raden Emas Ayu, "Mana bichara tuanku-lah, kerana patek ini hamba ka-bawah duli shah alam." Sa-telah raja menengar sembah isteri-nya demikian itu, maka raja pun terlalu sukachita hati-nya.

Maka sa-bermula raja Melaka pun menyurohkan Laksamana ka-Majapahit merajakan Raden Bahar itu. Maka raja pun berangkat keluar. Maka Bendahara dan Laksamana pun datang lalu menyembah. Maka raja pun bertitah kapada Laksamana, "Hai Laksamana, ada pun pekerjaan anak-ku ini, Laksamana-lah kita surohkan menghantar anak kita." Maka sembah Laksamana, "Daulat tuanku, mana titah patek junjong." Maka Bendahara dan Laksamana

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

pun keluar mengerahkan segala petuanan, barang yang ada anak-nya laki2 atau perempuan, suroh bawa ka-mari, kerana titah Duli Yang Di-Pertuan suroh berhimpun hendak di-ambil akan dayang2 dan biduanda, Raden Bahar naik raja di-Majapahit. Maka segala pegawai dan petuanan pun berhimpun-lah membawa anak-nya daripada laki2 dan perempuan.

Sa-telah sudah lengkap saperti titah raja itu maka Bendahara pun masok berdatang sembah, "Ya tuanku shah alam, sudah-lah patek lengkapi kelengkapan paduka anakanda itu." Maka titah raja, "Hai Laksamana, berapa hari lagi Laksamana membawa anak kita?" Maka sembah Laksamana, "Dua hari lagi, tuanku." Sa-telah raja menengar sembah Laksamana itu maka titah baginda, "Baik-lah."

Sa-telah sudah bertitah demikian, maka raja pun berangkat masok ka-istana lalu mendapatkan isteri-nya kedua. Maka Raden Emas Ayu pun memanggil anak-nya. Maka Raden Bahar pun datang lalu dudok menyembah. Maka kata bonda baginda, "Sebab ayahanda memanggil tuan ini ayahanda hendak memberituan pakaian dan dayang2." Maka baginda pun berkata pula, Hai anak-ku, ada pun anak-ku pergi ini menjadi raja di-Majapahit; baik2 tuan memeliharakan segala menteri dan ra'ayat dan tahu2 mengambil hati Pateh itu. Yang mana adat jangan di-buang." Maka sembah Raden Bahar, "Mana titah patek junjong."

Sa-telah datang kapada dua hari, maka Laksamana pun berdatang sembah, "Ya tuanku, baik-lah paduka anakanda di-beri berangkat pada saat ini." Maka titah raja, "Pergi-lah tuan, anak-ku." Maka baginda pun menanggalkan pakaian pada tuboh baginda lalu di-anugerahkan kapada Laksamana. Sa-telah sudah maka gajah kenaikan pun di-bawa orang-lah. Maka Raden Bahar pun menjunjong duli lalu naik ka-atas gajah. Maka Laksamana pun menjunjong duli. Sa-telah sudah lalu ia turun ka-tanah. Sa-telah sampai ka-perahu maka Laksamana mengator dan mengerahkan segala perahu itu. Sa-telah lepas-lah alangan, maka Sairul-'alamin pun belayar-lah. Maka segala perahu yang banyak itu pun belayar-lah. Dua belas hari dua belas malam maka sampai-lah ka-Tuban lalu naik berjalan dari Tuban ka-Majapahit. Sa-telah sampai ka-Majapahit, maka Pateh Gajah Mada pun datang menyambut dengan segala raja2 di-bawa-nya masok ka-dalam istana. Sa-telah sudah Raden Bahar dudok itu, maka Pateh Gajah Mada pun bermohon pulang.

Sa-telah berapa hari maka Laksamana pun di-panggil oleh Pateh Gajah Mada. Maka Laksamana pun pergi-lah. Sa-telah datang maka Pateh Gajah Mada

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

pun berkata, "Hai orangkaya, apa bichara kita akan pekerjaan ini? Hamba dan segala pegawai semua-nya sudah berlengkap menantikan orangkaya juga." Maka sahut Laksamana, "Benar-lah, kerana hamba pun hendak segera kembali."

Sa-telah keesokan hari-nya Pateh Gajah Mada pun mengerahkan segala pegawai dan petuanan dan menteri sakalian dudok bersaf2 mengadap. Maka tabal pun di-palu orang-lah. Maka segala orang itu pun sujud mengatakan, "Daulat tuanku, Paduka Seri Sultan!" Sa-telah sudah sujud tiga kali, masing2 naik dudok berator. Maka hidangan pun di-angkat orang-lah. Sa-telah sudah makan, piala yang bertatahkan ratna mutu ma'nikam itu pun di-peredarkan orang-lah. Maka sakalian-nya pun minum-lah terlalu ramai. Maka segala biduan yang baik suara pun bernyanyi-lah. Maka sakalian-nya berahi pun berbangkit menari. Sa-telah sudah makan, maka Pateh pun pulang ka-rumah-nya. Maka Laksamana pun pulang ka-kampong raja Melaka dahulu.

Sa-bermula Raden Bahar pun tetap-lah di-atas kerajaan. Maka Laksamana pun hendak bermohon kembali, meshuarat dengan segala pegawai. Sa-telah keesokan hari-nya maka Laksamana dan Pateh Kerma Wijaya dan Maharaja Setia pun sakalian masok mengadap. Pada tatkala itu Seri Betara pun sedang ramai di-adap orang. Maka Laksamana dan segala pegawai pun datang lalu naik dudok menyembah. Maka Laksamana pun berdatang sembah, "Ya tuanku shah alam, ada pun patek datang ini hendak bermohon ka-bawah duli shah alam, kerana perjanjian dengan paduka ayahanda sudah lalu, kerana pekerjaan tuanku pun sudah bertentu." Maka titah Seri Betara, "Benar-lah kata orang-kaya itu. Jikalau orangkaya sampai ka-Melaka, katakan sembah kita ka-bawah Duli Yang Di-Pertuan." Sa-telah sudah baginda bertitah demikian, maka raja pun berangkat masok. Maka Laksamana dan segala pegawai pun menyembah lalu berjalan kembali ka-tempat-nya.

Sa-telah keesokan hari-nya maka Laksamana dan segala pegawai pun masok-lah mengadap hendak bermohon. Pada tatkala itu baginda pun sedang ramai di-adap orang. Maka Laksamana pun dudok menyembah. Sa-ketika maka Laksamana pun berdatang sembah, "Ya tuanku shah alam, pada hari ini-lah patek hendak bermohon, kerana hari ini sampai pada ketika patek. Pada firasat patek, jikalau patek berperang pun tiada dapat di-tentang lawan, tetapi alamat akan berperang itu ada-lah."

Dalam berkata2 maka hidangan pun di-angkat orang. Sa-telah sudah makan maka baginda pun bertitah, "Hai Laksamana, ingat2 tuan-hamba akan kerja

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

berperang itu." Maka sembah Laksamana, "Daulat tuanku." Maka persalin akan Laksamana dan segala pegawai pun datang-lah. Sa-telah sudah maka Laksamana dan segala pegawai pun menjunjong duli lalu keluar berjalan naik kuda dengan segala pegawai lalu berjalan dengan segala orang-nya.

• • •

Al-kesah maka tersebut-lah perkataan anak raja Berunai, Adipati Solok nama-nya di-sebut orang. Maka terdengar-lah kapada-nya khabar hulubalang raja Melaka, Laksamana nama-nya, ia ka-Majapahit merajakan anak raja. Maka Adipati Solok pun berbichara dengan orang yang di-bawah-nya hendak pergi mengadang Laksamana. Sa-telah sudah ia berbichara demikian, maka ia pun masok ka-dalam di-iringkan oleh segala hamba sahaya-nya. Maka Adipati Solok pun datang lalu menyembah ayahanda baginda. Sa-ketika lagi maka ia pun berdatang sembah, "Ya tuanku shah alam, patek pohonkan kelengkapan patek hendak bermain2 sa-genap pulau." Maka kata Adipati Agong, "Mana bichara anak-ku ayahanda turut."

Maka baginda pun bertitah kapada perdana menteri, "Hai perdana menteri, pergi-lah turunkan kelengkapan." Maka perdana menteri itu pun menyembah lalu keluar menghimpunkan segala kelengkapan lalu di-turunkan lima belas buah dengan alat senjata-nya. Sa-telah sudah maka perdana menteri pun berdatang sembah, "Ya tuanku, segala kelengkapan sudah-lah patek lengkapi, lima belas buah." Maka titah baginda, "Baik-lah, bukan anak-ku hendak berperang, sa-kadar bermain temasha juga." Sa-telah itu maka Adipati Solok pun menjunjong duli ayahanda lalu keluar

Maka Adipati Solok pun sampai-lah, lalu naik ka-perahu-nya lalu menarek layar. Maka segala perahu yang banyak itu pun belayar-lah mengikut kenaikan itu. Berapa hari-nya belayar, maka Adipati Solok pun sampai-lah ka-tanjong Jayakatra, nama-nya tanjong itu Tanjong Krawang. Maka kata Adipati Solok, "Baik-lah, berhenti di-sini." Maka kata jurumudi itu, "Baik-lah, tuanku. Jika hendak mengadang Laksamana itu, baik-lah di-sini labohkan; serba angin pun tiada kena." Apabila Adipati Solok menengar kata jurumudi itu, maka ia pun menyuroh belok; maka sampai-lah. Maka segala perahu itu pun berlaboh-lah pada Tanjong Krawang itu, tiada tersebut lagi.

• • •

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

Sa-bermula Laksamana berjalan itu dari Majapahit turun ka-Tuban itu, sa-telah datang ka-Tuban, maka segala pegawai yang berserta Laksamana itu pun naik-lah masing2 pada perahu-nya. Maka Laksamana pun berkata pada Maharaja Setia, "Hai saudara-ku ada pun kita belayar ini ingat2, jangan bercherai perahu kita, kerana pada firasat hamba akan bertemu lawan di-hadapan kita ini. Insha' Allah Ta'ala, tiada mengapa; lihatkan juga oleh saudara-ku main Si-Tuah dengan seteru-nya." Maka Laksamana pun menyuroh orang membongkar sauh lalu menarek layar, lalu-lah belayar. Maka segala perahu yang banyak itu pun belayar-lah.

Tiga hari tiga malam maka Laksamana pun sampai-lah ka-Tanjong Krawang. Maka di-lihat oleh Adipati Solok; perahu lima belas buah itu pun di-suroh-nya memasang tunggul panji2 genap segala perahu itu. Maka perahu Laksamana pun dekat-lah. Maka di-tanya oleh orang perahu Adipati Solok, "Dari mana perahu ini dan siapa nama-nya panglima ini?" Maka sahut orang dalam perahu Laksamana itu, "Kami sakalian ini dari Majapahit hendak ka-Melaka dan panglima kami nama Laksamana dan Maharaja Setia. Dan perahu yang datang itu dari mana dan hendak ka-mana pergi?" Maka sahut orang dalam perahu itu, "Ada pun kami ini tiada berpanglima. Ada pun yang datang ini Adipati Solok anak pengeran Berunai. Kami sakalian datang ini sengaja hendak mengadang Laksamana." Maka kata Adipati Solok, "Jika hendak baik, ambil-lah layar, kerana kami hendak menengar khabar Majapahit." Maka Laksamana pun menyuroh orang mengambil layar. Maka kata Maharaja Setia, "Apa bichara orangkaya? Perahu ini hendak garang rupa-nya akan kita."

Dalam berkata2 itu maka di-bedil-nya akan perahu Laksamana dan Maharaja Setia. Maka perahu Maharaja Setia pun kena jongor-nya, patah. Akan perahu Laksamana suatu pun tiada mara bahaya-nya. Maka Maharaja Setia dan Laksamana pun amarah melihat perahu Maharaja Setia kena bedil itu. Maka ia pun membacha pustaka-nya. Maka di-bedil-nya pula oleh Adipati Solok. Maka bedil itu pun tiada berbunyi, sa-hingga asap-nya juga keluar. Maka Adipati pun hairan.

Sa-bermula Maharaja Setia pun amarah melihat jongor perahu itu; maka di-suroh langgarkan. Maka di-apitkan orang-lah perahu Laksamana dan Maharaja Setia. Maka perahu yang banyak itu pun undor ka-belakang kenaikan Adipati Solok. Maka Laksamana pun menyurohkan hamba-nya yang bernama si-Jaya pun segera membawa anak panah itu. Maka si-Jaya pun segera membawa anak panah itu. Maka Laksamana pun mengambil busar-nya lalu di-kenakan-nya. Maka di-tuju-nya tiang perahu Adipati Solok itu, kena, lalu

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

patah. Maka Adipati Solok pun amarah. Maka di-suroh-nya pasang segala bedil perahu yang banyak itu, suatu pun tiada berbunyi. Maka sakalian orang-kaya2 itu pun hairan. Maka di-panah pula oleh Laksamana, di-tuju-nya kemudi, maka kena, kemudi Adipati Solok itu pun patah. Maka Adipati Solok pun tiada-lah terbicharakan lagi. Hendak pun ia melanggar kerana kemudi-nya sudah patah; hendak belayar lari tiang-nya sudah patah. Maka segala perahu yang banyak itu pun, melihat hal demikian, maka sakalian-nya menarek layar lari ka-laut; yang tinggal itu perahu Adipati Solok dan perahu Sang Aria juga terpusing2.

Sa-telah sudah di-lihat oleh Laksamana perahu banyak itu sudah lari, maka Laksamana pun berkata pada Maharaja Setia dan Mahara a Dewa, "Hai saudara-ku, ikut perahu yang lari itu." Maka di-perikut oleh Maharaja Setia dan Maharaja Dewa, yang tinggal perahu Laksamana dan perahu Pateh Kerma Wijaya dan perahu Tun Ratna Diraja.

Sa-telah sa-peninggal Maharaja Setia pergi mengikut perahu itu, maka Laksamana pun menyuroh berdayong mendapatkan perahu Adipati Solok itu. Sa-telah dekat-lah, maka kata Laksamana, "Jika hendak baik, turun-lah panglima ka-mari," serta di-churah-nya dengan bedil, sa-kadar jauh2 juga di-bedil-nya, tiada di-beri-nya kena. Maka Adipati Solok pun segera ka-sampan. Maka di-kayohkan orang-lah. Sa-telah sampai maka adipati pun naik dudok. Ia hendak menyembah, maka kata Laksamana, "Jangan tuanku menyembah patek. Maka adipati pun di-bawa-nya dudok sama2 tara. Maka kata Laksamana, "Akan sekarang apa bichara anak ra a?" Maka kata adipati, "Apa bichara tuanhamba-lah, kerana hamba sudah di-dalam tangan tuanhamba." Maka kata Laksamana, "Hendak pun di-perhamba lepaskan pulang, kerana perahu itu pun tiada tiang; tambahan perahu yang banyak itu pun habis lari. Pada bichara patek, baik juga ka-Melaka, kemudian hamba menghantarkan tuanku pulang ka-negeri Berunai itu." Maka Adipati Solok pun berdiam diri-nya. Dalam berkata2 itu maka Maharaja Setia dan segala pegawai itu pun datang Segala perahu yang di-ikut itu tiada dapat, kerana sudah lama belayar.

Maka Laksamana pun menyuroh membongkar sauh lalu belayar. Sa-kira2 dua puloh hari dua puloh malam, maka sampai-lah ka-kuala Melaka. Maka bedil pun di-pasang orang-lah. Maka terdengar kapada shahbandar. Maka orang bandar pun datang melihat; maka di-lihat-nya perahu yang datang itu perahu Laksamana. Maka orang itu pun kembali memberitahu shahbandar, shahbandar pun pergi mengadap Bendahara; Bendahara pun segera mengadap

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

raja, sembah-nya, "Ya tuanku shah alam, Laksamana sudah datang membawa perahu dua buah. Perahu apa2 patek tiada pereksa."

Dalam berkata2 itu maka Laksamana pun datang. Maka segera di-tegor oleh baginda, "Datang-lah Laksamana." Laksamana pun dudok menyembah raja. Maka titah baginda, "Hai kekaseh-ku, sunggoh-kah orangkaya membawa perahu dua buah?" Maka sembah Laksamana, "Daulat tuanku, sunggoh; perahu Adipati Solok anak pengeran Berunai." Maka segala hal ahwal-nya di-per-sembahkan-nya kapada raja. Maka raja dan sakalian menengar dia itu pun hairan. Maka titah raja, "Laksamana, pergi panggil ia ka-mari."

Maka Laksamana pun menyuroh memanggil Adipati Solok; Adipati Solok pun segera datang dudok menyembah. Maka di-pandang2 oleh baginda akan Adipati Solok; dalam hati baginda terlalu sa-kali baik rupa-nya dan laku-nya. Maka baginda pun bertitah, "Apa sebab-nya maka anak-ku datang mengadang Laksamana?" Maka sembah Adipati Solok, "Daulat tuanku, suatu pun tiada sebab-nya Ada pun tatkala patek di-Berunai, maka patek dengar khabar orangkaya Laksamana ini mashhor pada tanah benua China dan benua Keling; sebab itu-lah maka patek datang hendak melihat berani-nya anak Melaka. Akan sekarang sudah-lah di-kehendaki Allah Ta'ala atas hamba-nya." Maka titah baginda, "Akan sekarang apa bichara anak-ku?" Maka sembah Adipati Solok, "Mohonkan ampun dan kurnia, patek ini umpama kain puteh, dapat tuanku berbuat warna-nya pelbagai. Akan patek pun demikian-lah ada-nya di-bawah duli shah alam. Demikian-lah adat anak laki2 dan hulubalang yang berani dan mashhor." Maka segala menteri pun hairan menengar kata-nya itu. Maka sahut Laksamana dan Maharaja Setia, "Demikian-lah hendak-nya yang bernama hulubalang itu."

Maka baginda pun berangkat masok. Maka Laksamana dan Adipati Solok pun menyembah lalu pulang ka-rumah-nya membawa Adipati Solok itu. Sa-telah sampai ka-rumah-nya, maka di-beri oleh Laksamana rumah, pagi dan petang di-hantari-nya nasi dan di-pelihara-nya dengan saperti-nya.

Sa-bermula berapa lama-nya Adipati Solok pun masok mengadap dengan Laksamana, lalu dudok menyembah. Maka raja pun terpandang kapada Adipati Solok. Maka baginda fikir, 'Ada pun anak raja ini, pada bichara-ku, baik aku hantarkan pulang supaya nama-ku di-sebut orang.' Sa-telah sudah maka baginda pun bertitah, "Hai Laksamana, apa bichara kita akan anak raja ini?" Maka sembah Laksamana, "Daulat tuanku, patek mohonkan ampun; pada bichara patek, kerana duli shah alam raja besar pada tanah Melayu ini, pengeran Berunai Adipati Agong pun raja besar juga pada tanah Berunai; tetapi

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

sembah patek sembah derhaka. Pada bichara patek, yang Adipati Solok itu baik juga di-hantarkan pulang ka-Berunai supaya nama Duli Yang Di-Pertuan mashhor pada pengeran Berunai, pada negeri asing dan patek pun ada-lah bernama berbuat kebaktian ka-bawah Duli Yang Di-Pertuan." Maka titah baginda, "Benar-lah saperti kata Laksamana itu. Pada bichara kita pun demikian juga, tetapi Laksamana-lah kita surohkan menghantar anak raja ini." Maka sembah Laksamana, "Daulat tuanku, Insha' Allah Ta'ala, dengan sempurna-nya patek mengadap Duli Yang Di-Pertuan." Sa-telah raja menengar sembah Laksamana demikian itu, maka raja pun terlalu sukachita, serta bertitah, "Berapa hari lagi Laksamana akan pergi?" Maka sembah Laksamana, "Daulat tuanku, esok hari-lah patek pergi, kerana kelengkapan sudah sedia di-ayer, datang turun beras bekal sahaja." Maka titah baginda, "Hai mamak Bendahara, karang-lah surat dan bingkis." Sa-telah sudah raja bertitah demikian itu, maka ra a pun berangkat masok.

Maka Bendahara dan Laksamana pun bermohon pulang lalu mengiringkan Bendahara berangkat. Sa-telah datang ka-pintu Bendahara, maka kata Bendahara, "Mari-lah orangkaya kita mengarang surat dan bingkis." Maka Laksamana pun menyembah, seraya berkata, "Baik-lah tuanku." Maka Bendahara pun mengarang surat dan bingkis itu. Sa-telah sudah maka Laksamana pun bermohon pulang ka-rumah-nya lalu mengerahkan segala orang-nya turun ka-perahu.

Sa-telah kayu dan ayer pun sedia lah maka Bendahara dan Laksamana dan adipati pun masok mengadap Tatkala itu raja pun sedang ramai di adap orang banyak Maka sembah Bendahara, "Daulat tuanku, yang saperti titah Duli Yang Di-Pertuan itu sudah patek kerjakan. Mana titah patek jun ng Maka titah baginda, "Segera lah arak surat itu." Maka Bendahara pun menyembah lalu keluar dudok di-balai gendang mengiringkan surat dan b ngk s itu.

Sa-telah sudah lengkap maka Bendahara pun masok berdatang sembah, "Ya tuanku, sudah-lah hadhir surat dan bingkis." Sa-telah itu maka baginda pun memandang kapada bentara kanan, bentara kanan pun tahu-lah akan pandang raja itu. Maka ia pun menyembah lalu masok ka-dalam istana. Sa-ketika lagi maka bentara pun datang membawa persalin, Sa telah datang maka titah raja, "Ya mamak Bendahara, beri-lah persalin ini, anugerah kita akan adipati." Maka sembah adipati, "Daulat tuanku, patek menjunjong anugerah." Maka Adipati Solok pun bersalin-lah. Sa-telah sudah ia memakai, maka ia naik dudok menyembah.

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

Maka surat dan bingkis itu pun di-arak orang-lah. Sa-telah sampai maka surat itu pun di-simpan-lah oleh Laksamana naik kapada Sairul-'alamin. Maka Adipati Solok pun di-beri naik Mendam Berahi dengan segala orang-nya dua buah perahu itu. Maka sauh pun di-bongkar orang-lah lalu berdayong hilir serta menarek layar-lah.

* * *

Berapa lama-nya maka sampai-lah ka-kuala Berunai. Bedil itu pun di-pasang orang-lah. Maka orang bandar pun datang melawati, kata-nya, "Perahu dari mana ini dan hendak ka-mana dan siapa nama panglima-nya?" Maka sahut orang Laksamana, "Kami sakalian ini orang Melaka. Datang ini di-titahkan Duli Yang Di-Pertuan menghantarkan Adipati Solok. Nama panglima kami Laksamana dan Maharaja Setia." Maka orang itu pun segera memberitahu shahbandar. Shahbandar pun memberitahu perdana menteri; perdana menteri pun segera masok mengadap raja persembahkan saperti kata shahbandar itu. Sa-telah raja menengar sembah perdana menteri demikian itu, maka baginda pun bertitah, "Hai mamak menteri, segera-lah sambut surat dan bingkis saudara kita. Apa gerangan sebab-nya maka anak kita pergi ka-Melaka itu?"

Maka perdana menteri pun menyembah lalu keluar dudok di-balai gendang mengerahkan segala pegawai berlengkap akan menyambut surat dan bingkis. Sa-telah sudah lengkap, maka pergi-lah dengan segala bunyi2an dan gajah dan kuda. Sa-telah sampai-lah maka surat dan bingkis itu pun di-naikkan ka-atas gajah lalu di-arak masok ka-dalam kota. Maka Adipati Solok pun naik gajah dengan pakaian kerajaan. Maka berjalan-lah dari belakang surat itu.

Sa-telah sampai ka-balairong, maka surat itu pun di-sambut oleh bentara lalu di-bacha-nya. Sa-telah raja menengar bunyi dalam surat itu, maka baginda pun terlalu sukachita. Maka titah raja kapada Laksamana, "Hai orangkaya Laksamana, apa sebab-nya maka anak kita pergi ka-Melaka?" Maka sembah Laksamana, "Daulat tuanku shah alam, patek mohonkan ampun dan kurnia; patek tiada mau persembahkan ka-bawah duli shah alam melainkan tuanku bertanya-lah kapada paduka anakanda." Maka Adipati Agong pun berdiam diri-nya fikir dalam hati-nya. Maka baginda pun tahu-lah akan erti-nya sembah Laksamana itu. Maka raja pun bertitah pula, "Orangkaya, perahu yang lagi itu ka-mana pergi-nya?" Maka sembah Laksamana, "Daulat tuanku shah alam, patek kurang pereksa. Tatkala patek mendapatkan perahu paduka anakanda itu maka perahu yang banyak itu pun lari-lah. Maka patek suroh ikut pada

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

saudara patek, tiada sempat. Ka-mana pergi-nya patek tiada pereksa. Sa-telah sudah, perahu paduka anakanda pun patek bawa masok ka-Melaka mendapatkan paduka adinda di-Melaka. Tatkala paduka anakanda di-Melaka, perentahkan juga, tetapi orangkaya Sang Aria yang bersama2 dengan paduka anakanda itu."

Sa-telah raja menengar sembah Laksamana demikian itu, maka baginda pun memandang pada Sang Aria. Maka Sang Aria pun menyembah, "Akan sembah-nya orangkaya itu sunggoh-lah, tuanku, tiada lain lagi saperti sembah orangkaya Laksamana itu. Pada penglihatan patek, jikalau duli shah alam pun demikian-lah pada rasa hati-nya, melainkan beda-nya negeri orang dengan negeri sendiri juga." Sa-telah raja menengar sembah Sang Aria itu, maka baginda pun terlalu sukachita hati-nya oleh anak-nya di-permulia oleh ra a Melaka itu. Maka bingkis itu pun di-angkat, beberapa timbun. Sa-ketika maka hidangan pun di-angkat orang-lah. Maka Laksamana dan segala pegawai dan perluanan pun makan-lah masing2 pada hidangan-nya. Sa-telah sudah makan, maka hidangan minuman pula datang. Maka Laksamana dan Maharaja Setia pun minum-lah dengan segala bunyi2an.

• • •

Maka sa-bermula perahu yang lari itu, beberapa hari selang nya, maka perahu itu pun datang-lah. Maka terdengar-lah kapada Adipati Agong M ka Adipati Agong pun menyuroh memanggil perdana menteri, perdana ment ri pun datang mengadap Belum sempat dudok maka bag nda pun bertitah, "Hai perdana menteri, pergi-lah tangkap segala pegawai yang datang itu, sebab ia meninggalkan anak kita di-laut Baik ada kaseh raja Melaka menghantarkan anak-ku pulang ini."

Sa-telah perdana menteri menengar titah demikian, maka di-kerjakan-lah saperti titah baginda itu. Maka segala pegawai itu pun habis di-tangkap-nya dan di-rampas-nya serta di-penjarakan. Sa-telah sudah maka perdana menteri pun masok mengadap. Maka sembah-nya, "Ya shah alam, yang titah tuanku itu sudah-lah patek kerjakan." Sa-ketika lagi Laksamana pun datang lalu dudok menyembah. Maka titah baginda, "Hai perdana menteri, pergi buangkan si-derhaka itu!" Sa-telah di-dengar oleh Laksamana, maka sembah-nya, "Daulat tuanku shah alam patek mohonkan ampun dan kurnia, pada bichara patek, sunggoh pun ia undor, kali2 berbalek pula mencharı paduka anakanda. Sebab itu-lah maka ia datang kemudian daripada paduka anakanda, kerana

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

patek anakanda pun lama dudok di-Melaka. Patek2 ini tiada datang dahulu; di-mana tempat-nya dudok jikalau ia tiada menchari paduka anakanda itu? Pasti sampai ia dahulu." Sa-telah raja menengar sembah Laksamana demikian itu, maka raja pun tundok fikir dalam hati-nya, 'Benar saperti kata Laksamana ini.' Maka titah baginda, "Apa-tah daya hamba, kerana Laksamana sendiri meminta kapada hamba? Jikalau tiada kira-nya Laksamana meminta, tahu-lah hamba membalas dia."

Sa-ketika maka hidangan pun di-angkat orang-lah. Sa-telah sudah makan, maka datang-lah sireh dan bau2an. Maka Laksamana pun memakai-lah bau2an itu. Shahadan maka Laksamana pun menyembah, "Daulat tuanku shah alam, patek mohonkan ampun dan kurnia; patek pohonkan-lah patek2 itu." Maka titah baginda, "Mana bichara Laksamana-lah, kerana kaseh Laksamana banyak kapada kita; kita tiada terbalas. Insha' Allah Ta'ala, jikalau Laksamana kembali, tahu-lah juga kita membalas kaseh Laksamana itu dan kaseh saudara kita." Sa-telah sudah berkata2 demikian, maka raja pun berangkat masok ka-dalam istana. Maka Laksamana pun bermohon ka-perahu-nya.

Maka segala orang yang di-pertegoh itu pun lepas-lah. Sa-telah sudah lepas, maka ia pun mendapatkan Laksamana. Serta datang, lalu dudok menyembah Laksamana minta ampun. Maka kata Laksamana pada segala pegawai itu, "Jangan saudara hamba minta ampun kapada hamba. Ada pun yang bernama hulubalang bermain senjata itu, demikian-lah; tetapi lagi2-nya jangan demikian meninggalkan nama tuan dan nama jahat itu. Jikalau mati pun dengan nama yang baik di-sebut orang."

Sa-bermula Laksamana dudok di-Berunai itu berapa bulan lama-nya maka sa-hari2 masok mengadap raja.

* * *

Hatta maka berhenti-lah perkataan ini; maka tersebut-lah perkataan Laksamana hendak bermohon pulang. Maka Laksamana pun masok-lah keempat bersaudara. Tatkala itu baginda pun sedang ramai di-adap orang di-balairong. Maka Laksamana pun datang lalu dudok menyembah. Sa-ketika dudok, Laksamana pun berdatang sembah, "Ya tuanku shah alam, patek pohonkan ampun dan kurnia, patek hendak bermohon kembali, kerana patek sudah lama dudok di-Berunai itu. Perjanjian patek di-bawah Duli Yang Di-Pertuan sa-bulan lama-nya pergi datang; akan sekarang patek tengah tiga bulan sudah." Sa-telah raja menengar sembah demikian itu, maka titah baginda, "Mana bichara

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

orangkaya-lah. Hai mamak menteri, karang surat dan bingkis akan saudara kita, kerana Laksamana ini hendak bermohon."

Sa-telah perdana menteri menengar titah raja demikian itu, maka perdana menteri pun menyembah lalu keluar dudok di-balai gendang mengerahkan orang mengangkut gendaga. Maka itu di-bawa turun ka-perahu Laksamana itu. Maka di-muatkan orang-lah pada perahu dua belas buah itu sarat dengan gendaga. Maka surat dan bingkis itu pun sudah-lah di-karang oleh perdana menteri. Maka perdana menteri pun masok berdatang sembah, "Ya tuanku, surat dan bingkis pun sudah-lah patek karang." Maka titah baginda, "Hai Laksamana, ada pun Laksamana kembali ini suatu pun tiada pemberian kita akan Laksamana dan pada saudara kita, hanya-lah gendaga ini. Lain daripada itu, kapor barus tiga pikul dan gendaga lima ratus — pada suatu gendaga itu sa-tahil harga-nya — dan sumpitan sa-puloh laras bertatah emas. Lain daripada itu, tikar pachar dua ratus kodi dan budak2 Berunai tiga ratus orang. Dan kita berikan Laksamana lima bahara kapor barus dan budak2 Berunai sembilan puloh; akan orangkaya2 tiga ini dua puloh orang pada sa-orang." Sa-telah pengeran Berunai melengkap kiriman akan raja Melaka itu, maka baginda pun bertitah pula pada perdana menteri, "Arak-lah surat ini."

Maka perdana menteri itu pun menyembah lalu keluar melengkap Sa-telah sudah maka Laksamana keempat bersaudara pun menjunjong duli lalu turun berjalan mengiringkan surat itu. Maka bunyi2an pun di-palu orang-lah, di-arak keluar negeri. Sa-telah sampai ka-perahu, maka surat itu pun di-sambut orang-lah. Maka Laksamana pun bermohon-lah pada segala pegawai yang pergi menghantarkan surat itu. Sa-telah sudah ia bermohon, maka di-suroh-nya membongkar sauh lalu berdayong hilir. Maka bedil pun di-pasang orang-lah dan tunggul panji2 pun terdiri-lah. Sa-telah Laksamana lepas-lah halangan, maka Laksamana pun belayar-lah. Maka segala perahu yang banyak itu pun belayar-lah menuju tanah Melaka.

Hatta berapa lama-nya belayar itu, maka sampai-lah ka-kuala Melaka. Maka bedil pun di-pasang orang saperti berteh bunyi-nya. Maka orang bandar pun datang melawati. Maka di-lihat-nya oleh orang perahu Laksamana yang datang itu, maka orang itu pun kembali memberitahu shahbandar. Shah-bandar pun segera masok memberitahu Bendahara; Bendahara pun masok mengadap raja-nya. Maka di-persembahkan-nya kapada raja. Maka titah raja, "Segera-lah mamak Bendahara sambut surat itu."

Maka Bendahara pun keluar mengerahkan segala pegawai pergi menyambut surat itu. Maka segala pegawai itu pun pergi-lah. Sa-telah sampai maka

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

surat dan bingkis itu pun di-naikkan orang-lah ka-atas gajah lalu di-arak masok ka-dalam negeri. Sa-telah sampai ka-balai gendang, maka surat itu pun hendak di-turunkan orang. Maka biduanda kechil pun datang membawa titah suroh di-bawa masok sa-kali. Maka gajah itu pun di-halau orang-lah masok ka-balairong di-sambut oleh Pateh Kerma Wijaya lalu di-bacha-nya di-hadapan baginda, terlalu sa-kali baik bunyi-nya renchana-nya. Maka segala bingkis itu pun di-sambut orang-lah. Maka Laksamana pun menyembah, "Daulat tuanku shah alam, ada lagi di-perahu itu, gendaga." Maka kata baginda, "Apa guna-nya gendaga itu kapada kita? Mana bichara Laksamana-lah itu." Maka Laksamana pun menyembah, "Daulat, tuanku." Maka baginda pun berangkat masok. Maka Laksamana pun pulang ka-rumah-nya. Shahadan berhenti-lah perkataan ini.

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

BAB XXI

SA-BERMULA raja Melaka hendak mengutus ka-benua Siam. Maka pada hari baginda dudok semayam. Maka baginda pun bertitah, "Hai mamak Bendahara, akan sekarang kita hendak mengutus ka-benua Siam, minta beli gajah pada raja barang empat ekor yang jantan, dua ekor betina. Siapa baik kita surohkan?" Maka sembah Bendahara, "Daulat tuanku shah alam, patek mohonkan ampun dan kurnia; jikalau lain daripada Laksamana ada-lah lambat pergi datang." Maka raja pun memandang kapada Laksamana, Laksamana pun menyembah, "Daulat tuanku, patek-lah ka-benua Siam itu." Maka titah baginda, "Benar-lah kata Laksamana itu. Pada bichara kita, kerana kita ada menengar khabar negeri baharu di-perbuat, nama-nya Patani, pada bichara kita, kita hendak suroh alahkan." Maka sembah Laksamana, "Daulat tuanku, barang kala patek lalu ka-laut Patani itu patek singgah melihat dia, tetapi, pada firasat patek, terlalu baik tempat kedudokan Patani itu, tiada dapat di-alahkan oleh musoh." Maka titah raja, "Karang-lah surat dan bingkis oleh Bendahara."

Bendahara pun menyembah lalu keluar dudok di-balai gendang mengarang surat dan bingkis. Sa-telah sudah di-karang, maka Bendahara pun masok berdatang sembah. Maka titah baginda, "Segera-lah arak surat itu." Maka surat itu pun di-arak orang-lah. Maka Laksamana dan Maharaja Setia pun menjunjong duli lalu keluar. Sa-telah sampai ka-perahu maka di-sambut oleh Laksamana di-taroh-nya pada tempat yang mulia. Sa-telah sudah maka Laksamana pun menyuroh membongkar sauh berdayong hilir sambil memasang bedil. Sa-telah sampai ka-laut, lalu menarek layar lalu belayar menuju benua Siam.

Berapa lama-nya maka sampai-lah antara Hujong Sawang. Maka kata Laksamana, "Hai mu'alim, apa nama negeri ini?" Maka kata mu'alim itu, "Ini-lah negeri Patani nama-nya." Maka Laksamana pun menyuroh belokkan

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

perahu itu menuju penarekan lalu di-laboh-nya. Maka Laksamana pun turun ka-sampan lalu menuju Patani. Sa-telah datang ka-pantai, maka Laksamana pun naik ka-darat lalu ka-bandar. Maka di-lihat-nya kota Patani itu. Maka Laksamana pun memuji2 akan kedudokan negeri itu, sukar di-alahkan oleh musoh. Ada pun muka pintu gerbang-nya itu, kepala naga matahari hidup, ekor-nya matahari mati.

Sa-telah sudah maka Laksamana pun turun ka-perahu lalu belayar menuju Siam. Berapa lama-nya maka sampai-lah ka-benua Siam. Maka bedil pun di-pasang orang-lah terlalu azmat bunyi-nya. Maka orang bandar pun datang melawati, kata-nya, "Perahu dari mana ini?" Maka sahut orang dalam perahu ghali itu, "Kami sakalian utusan dari Melaka." Maka orang bandar itu pun masok mengadap shahbandar; shahbandar pun segera memberitahu Oya Bagelang. Oya Bagelang pun segera masok mengadap Phra Chau sembahkan saperti sembah shahbandar itu. Maka titah Phra Chau, "Arak-lah surat." Maka Oya Bagelang pun menyembah lalu keluar. Maka kata Oya Bagelang pada shahbandar, "Beritahu utusan itu suroh berhadhir, sekarang di-sambut surat-nya. Maka ajar-lah oleh tuan-hamba akan perentah mengadap Phra Chau."

Maka shahbandar pun menyembah lalu pergi ka-perahu Laksamana. Sa-telah datang kapada Laksamana, maka kata shahbandar, "Ada pun hamba datang ini di-surohkan Oya Bagelang mengajar perentah mengadap Phra Chau, kerana perentah Siam lain, Melayu lain. Pertama, masok ka-dalam itu dengan sa-orang diri-nya, tiada boleh masok dengan budak2. Apabila sampai ka-hadapan raja, merangkak sambil menyembah." Maka kata Laksamana, "Yang shahbandar mengingatkan hamba itu benar-lah sudah. Ada pun akan hamba segala Melayu ini umpama perahu; ada pun perahu itu, apabila tiada berkemudi, neschaya tiada-lah betul haluan-nya. Dan sa-perkara pula, tiada dapat hamba merangkak, kerana ada penyakit pada tuboh hamba ini. Jika ada kaseh shahbandar, persembahkan ka-bawah duli Oya Bagelang, minta persembahkan ka-bawah duli Phra Chau." Maka kata shahbandar, "Baik-lah, hamba persembahkan saperti kata orangkaya Laksamana itu." Maka shahbandar pun bermohon lalu pergi kapada Oya Bagelang di-persembahkan kapada Oya Bagelang. Oya Bagelang pun masok mengadap Phra Chow persembahkan saperti kata Laksamana itu. Maka titah Phra Chau, "Biar-lah ia berjalan dan berkeris saperti adat raja Melaka ia mengadap itu."

Maka Oya Bagelang pun menyembah lalu mengerahkan segala Oya dan menteri hulubalang dan ban2 dan okun2 dan amum pergi menyambut surat

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

itu. Maka orang itu pun pergi-lah ka-pantai. Maka surat dan bingkis itu pun di-naikkan orang-lah ka-atas gajah lalu di-arak masok ka-dalam kota. Sa-telah sampai ka-kota wang, maka surat itu pun di-turunkan orang-lah lalu di-bawa masok-lah. Maka Laksamana pun sama2 dengan Oya Bagelang. Sa-telah berhadapan-ku dengan Phra Chau, maka Oya Bagelang pun merangkak-lah sambil menyembah. Maka Laksamana dan Maharaja Setia pun berjalan-lah sambil dudok menyembah.

Maka surat itu pun di-bacha orang-lah. Sa-telah sudah maka titah Phra Chau, "Hai Oya Bagelang, panggil mari utusan itu hampir kita ini." Laksamana pun serta menyembah. Maka titah Phra Chau, "Hai Laksamana, jangankan empat ekor raja Melaka hendakkan gajah, jika empat puloh sa-kali pun kita beri." Maka sembah Laksamana, "Daulat tuanku." Maka Phra Chau pun hairan melihat sikap Laksamana dan tahu berkata2 chara Siam dengan faseh lidah-nya dan manis suara-nya. Maka raja pun terlalu amat kurnia akan Laksamana dan di-persalin chara Siam. Sa-telah itu maka Phra Chau pun berangkat masok. Maka Laksamana dan Oya Bagelang pun kembali

• • •

Berapa lama-nya Laksamana dudok di-benua Siam itu, sa-kali persetua, maka Phra Chau pun bertitah, "Hai Oya Bagelang, mana dia pendekar Jepun yang bernama Chin Chu itu?" Maka sembah Oya Bagelang, "Ada, tuanku, pendekar itu, dari Kamboja datang, terlalu mashhor Jika sa-puloh dua puloh, bukan lawan-nya." Maka titah Phra Chau, "Segera panggil pendekar Jepun."

Maka pendekar itu pun segera datang mengadap dengan tujoh orang serta-nya, sarong pedang-nya sampai ka-tanah. Sa-telah ia sampai ka-dalam, maka ia pun menyembah; shahadan tiada ia membilangkan segala menteri dan hulu-balang benua Siam itu. Maka titah Phra Chau, "Hai pendekar, engkau aku titahkan bermain pedang dengan utusan Melayu ini." Maka kata Jepun itu, "Berapa puloh orang Melayu itu? Jika sa-orang dua, bukan lawan patek." Tatkala itu di-dengar oleh Laksamana kata pendekar itu, maka ia pun amarah, serta di-singsingkan tangan baju-nya dan mengisarkan keris-nya ka-hadapan, serta kata-nya, "Cheh! Hendak berdusta pula. Bichara kamu ini empat lima berdiri pun tiada indah pada-ku!" Maka pendekar Jepun itu pun amarah. Sa-telah di-lihat oleh Phra Chau Laksamana amarah itu, maka titah Phra Chau, "Laksamana jangan amarah." Maka Laksamana pun menyembah, "Daulat tuanku, patek mohonkan ampun. Ada pun hulubalang Melayu itu tiada dapat

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

menengar kata yang keji di-tengah majlis." Maka titah Phra Chau, "Benar-lah saperti kata Laksamana itu, tetapi kita pinta-lah, kerana kita sangat hendak melihat Laksamana bermain." Sembah-nya, "Daulat tuanku, patek hamba ka-bawah duli Phra Chau; mana titah patek junjong. Tetapi si-Tuah tiada mengilangkan nama tuan-nya."

Maka pendekar Jepun itu pun turun ka-tanah menghunus pedang-nya serta dengan amarah-nya, beberapa di-larang oleh hulubalang Siam tiada di-dengar-nya. Phra Chau sendiri lalu di-larang-nya. Maka ia pun berseru2, kata-nya, "Hai Melayu, turun-lah engkau! Jika tiada turun supaya ku-naiki balairong ku-tendas kepala-mu."

Maka Laksamana pun amarah lalu mengambil pedang perisai keluar. Maka Laksamana pun menyembah lalu turun berhadapan dengan pendekar itu. Maka kata Laksamana, "Hai si-kafir yang keras hati-mu, apa engkau hendak perbuat, perbuat-lah oleh-mu." Sa-telah pendekar itu melihat Laksamana sudah turun, maka segera di-parang-nya. Maka Laksamana pun melompat hendak menangkiskan parang-nya itu, kerana memarang dengan dua belah tangan-nya. Sa-telah lalu, di-parang pendekar itu, maka di-parang-nya oleh Laksamana telinga-nya, putus terpelanting ka-tanah. Maka Laksamana pun segera melompat naik ka-atas balairong itu. Maka orang pun hairan melihat pantas Laksamana itu. Sa-telah pendekar itu melihat telinga-nya putus itu, makin bertambah2 amarah-nya dan malu-nya lalu di-usir-nya akan Laksamana hendak naik ka-balairong itu. Maka Laksamana pun segera terjun di-atas balai berhadapan dengan Jepun itu pula. Maka di-parang oleh Jepun itu, di-salah-nya oleh Laksamana, serta di-parang-nya hidong pendekar itu, putus. Maka Laksamana pun segera melompat naik ka-atas balairong itu pula. Maka di-rasa-nya oleh pendekar itu hidong-nya putus, maka lalu di-usir-nya; maka hendak di-naiki ka-balairong itu. Maka Laksamana pun segera terjun pula berhadapan dengan Jepun itu, lalu di-parang-nya Jepun; bahu-nya pun putus gugor ka-tanah. Maka Jepun itu pun mengusir pula dengan bersunggoh2 hati-nya; maka di-parang pula oleh Laksamana kepala-nya belah dua. Maka pendekar itu pun mati-lah. Maka Laksamana pun melompat ka-balairong itu serta menyembah Phra Chau. Maka titah Phra Chau, "Shabbas-lah Laksamana membunoh si-derhaka itu."

Sa-bermula si-Jepun yang ketujoh itu pun terlalu amarah serta kata-nya, "Cheh! Tiada berbudi Melayu ini. Ia hendak menunjokkan berani-nya kapada-ku," lalu ia menghunus pedang-nya lalu di-parang-nya segala hulubalang yang di-hadapan itu. Maka gempar-lah segala oban dan okun, aprak, amum2

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

pun habis berterjunan di-balairong itu. Maka maksud Jepun itu hendak membunoh Phra Chau; Phra Chau itu pun segera masok ka-istana. Sa-ketika lagi maka Jepun itu pun keluar, lalu ia mengamok di-tengah pesara itu. Maka Laksamana pun lalu menyingsing kain-nya lalu keluar dengan segala orang-nya mendapatkan Jepun itu. Maka di-lihat oleh Jepun itu Laksamana datang; maka di-parang-nya akan Laksamana. Maka di-salah oleh Laksamana, Laksamana pun lalu di-parang-nya, kena leher-nya, putus terpelanting. Maka datang pula hendak memarang Laksamana, itu pun mati di-bunoh oleh Laksamana. Dengan demikian Jepun itu pun mati lima orang, teman-nya yang dua itu pun lari-lah. Sa-telah Jepun lari, maka kata-nya, "Mari-lah kita pergi mengambil teman kita di-kuala Kamboja itu, tatkala ia keluar kita alahkan." Sa-telah hari malam maka ia menchuri perahu orang. Maka Jepun itu pun hilir-lah ka-kuala benua Siam. Berapa antara-nya maka sampai-lah.

• • •

Sa-bermula maka Laksamana pun kembali mengadap Phra Chau. Phra Chau pun berangkat keluar. Maka titah Phra Chau, "Hai Laksamana, sudah-kah mati Jepun itu?" Maka sembah Laksamana, Daulat tuanku, sudah mati lima orang patek bunoh, yang dua lagi itu lari." Sa-telah Phra Chau menengar sembah Laksamana demikian itu, maka titah Phra Chau, "Shabbas-lah Laksamana." Laksamana pun di-persalin oleh Phra Chau. Sa-telah sudah maka Phra Chau pun masok. Maka Oya Bagelang pun keluar-lah di-iringkan oleh Laksamana. Sa-telah sampai ka-pintu Oya Bagelang, maka Laksamana dan Maharaja Setia pun bermohon-lah lalu turun ka-perahu-nya.

Sa-telah keesokan hari-nya maka Laksamana pun di-panggil oleh Phra Chau. Maka Laksamana pun datang lalu dudok menyembah. Maka titah Phra Chau, "Mari Laksamana dudok di-bawah kita, kita hendak menengar khabar Laksamana beriwayat itu." Maka sembah Laksamana, 'Daulat tuanku." Sa-telah sudah maka hidangan pun di-angkat orang-lah. Sa-telah sudah makan, maka piala yang bertatahkan ratna mutu ma'nikam itu pun di-peredarkan orang-lah. Maka di-minum-nya terlalu ramai.

Sa-telah sudah maka Laksamana pun berdatang sembah, "Ya tuanku shah alam, ada suatu patek hendak persembahkan. Ada pun pada penglihatan patek, Phra Chau raja besar, ra'ayat pun banyak; sakalian terhal laku-nya: belanja pun benda yang pechah belah, batil pechah di-belanjakan." Maka titah Phra Chau, "Jika demikian apa baik kita belanja segala ra'ayat kita?" Maka sembah Laksamana, "Ya tuanku, ada suatu patek bawa mari dari Berunai."

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

Maka titah Phra Chau, "Benda apa itu yang patut jadi belanja itu?" Maka sembah Laksamana, "Daulat tuanku, patek bawa gendaga, rupa-nya saperti siput." Maka titah Phra Chau, "Suroh ambil sadikit hendak ku-lihat." Maka gendaga itu pun di-suroh ambil Laksamana di-persembahkan kapada Phra Chau; Phra Chau pun berkenan-lah akan gendaga itu belanja negeri. Maka titah Phra Chau, "Hai Laksamana, terlalu sa-kali baik gendaga ini belanja negeri kita, kerana gendaga ini terlalu jauh, bukan mudah2an mengambil dia." Maka titah Phra Chau, "Terlalu sa-kali besar kebaktian Laksamana kapada kita, tetapi jika Laksamana kembali, tahu kita membalas dia. Suroh-lah angkut gendaga itu bawa kapada Bagelang."

Maka Laksamana pun menyembah lalu pergi ka-perahu-nya menyurohkan orang mengangkat gendaga itu. Maka di-angkat orang-lah gendaga itu ka-kampong Oya Bagelang itu bertimbun2.

Sa-telah keesokan hari-nya maka Laksamana pun masok mengadap Phra Chau. Maka titah Phra Chau, "Mari Laksamana, dudok di-bawah-ku. Maka Laksamana pun dudok menyembah. Maka titah Phra Chau, "Sudah-kah Laksamana suroh angkut gendaga itu?" Maka sembah Laksamana, "Daulat tuanku, sudah-lah patek angkat kapada kampong Oya Bagelang." Maka titah Phra Chau kapada Temenggong, "Hai Temenggong, palu momongan bahawa gendaga ini akan belanja negeri ini." Sa-telah itu maka Temengong pun menyembah lalu memalu momongan berkeliling negeri. Sa-telah sudah maka raja pun berangkat masok. Maka Laksamana pun berkata pada Oya Bagelang, "Jika ada kaseh tuanku, di-perhamba minta-lah persembahkan esok hari, kerana di-perhamba berjanji dengan sultan Melaka sa-kadar empat bulan juga pergi datang." Maka Oya Bagelang pun berkata, "Baik-lah."

Sa-telah keesokan hari maka Oya Bagelang dan Laksamana pun masok mengadap. Tatkala itu Phra Chau pun sedang ramai di-adap orang. Sa-telah Phra Chau melihat Laksamana, maka di-tegor-nya oleh baginda, "Mari Laksamana dudok." Maka Laksamana pun menyembah lalu dudok." Maka Oya Bagelang pun persembahkan Laksamana hendak bermohon itu. Maka titah Phra Chau, "Baik-lah, balas surat dan bingkis, Bagelang, akan raja Melaka itu dan beri gajah sa-puloh ekor, enam ekor akan raja Melaka, empat ekor akan Laksamana, kerana Laksamana banyak kebaktian kapada kita." Maka sembah Laksamana, "Daulat tuanku, patek junjong anugerah."

Sa-telah sudah maka Oya Bagelang pun menyembah lalu keluar ka-balairong mengarang surat dan bingkis. Sa-telah sudah lengkap, maka Bagelang pun masok berdatang sembah, "Ya tuanku shah alam, sudah-lah patek lengkap

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

saperti titah duli Phra Chau itu." Maka titah raja, "Arak-lah surat-ku itu." Maka Bagelang pun menyembah lalu keluar. Maka surat itu pun di-arak orang-lah. Sa-telah sampai ka-perahu, maka Laksamana pun menyembah lalu keluar. Maka sauh pun di-bongkar orang-lah dan memasang bedil lalu hilir ka-kuala.

• • •

Maka sa-bermula Jepun yang lepas dua orang itu lalu mudek ka-hulu Siam, lalu ka-Kemboja. Sa-telah sampai maka ia memberitahu segala tempat di-Kemboja itu, segala hal ahwal-nya di-beri-nya tahu. Maka segala Jepun yang di-Kemboja itu pun terlalu amarah lalu berlengkap akan mengadang Laksamana itu. Sa-telah lengkap maka Jepun itu pun hilir-lah lalu ka-benua Siam. Maka kata panglima Jepun itu, "Di-sini-lah baik kita mengadang Laksamana itu." Maka lalu ia dudok di-kuala itu.

Sa-bermula maka Laksamana pun sampai-lah ka-tempat perahu Jepun itu. Maka oleh Jepun itu di-bedil-nya. Maka kata Maharaja Setia, "Apa bichara orangkaya, kerana Jepun itu hendak membalas kematian teman-nya yang di-bunoh itu rupa-nya?" Maka di-bedil-nya pula oleh Jepun itu akan Laksamana; Laksamana pun amarah lalu di-bacha-nya pustaka-nya. Maka Maharaja Setia pun melanggar sa-buah kulim Jepun itu. Maka di-bedil-nya pula oleh Jepun itu. Maka bedil-nya itu pun tiada berbunyi lagi sa-hingga asap-nya juga keluar. Maka segala Jepun itu pun hairan akan diri-nya, maka lalu menghunus pedang-nya hendak memarang Laksamana. Maka pedang itu pun jatoh pada tangan-nya. Maka perahu Jepun itu pun alah-lah. Maka Laksamana pun melanggar sa-buah lagi pada panglima itu. Maka Laksamana pun melompat naik dengan segala orang-nya lalu mengamok Maka segala Jepun itu pun habis berterjunan ka-ayer. Sa-telah itu maka segala Jepun itu pun alah-lah. Maka Laksamana pun menyuroh membuka segala pintu perahu itu Maka di-lihat oleh Laksamana emas dan perak terlalu banyak. Maka di-muat oleh Laksamana emas dan perak dan harta terlalu banyak. Maka perahu Laksamana itu pun sarat-lah dengan emas perak dan harta terlalu banyak. Sa-telah sudah bermuat maka Laksamana pun belayar-lah menuju kuala Melaka.

Berapa hari lama-nya maka sampai-lah ka-kuala Melaka lalu berdayong memasang bedil. Maka di-persembahkan shahbandar kapada Bendahara mengatakan Laksamana sudah datang. Maka Bendahara pun masok bersembahkan Laksamana sudah datang. Maka baginda pun terlalu sukachita serta bertitah,

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

"Ayo mamak Bendahara, sambut-lah surat itu." Maka Bendahara pun menyembah lalu keluar menyuroh orang menyambut surat. Surat pun di-sambut orang-lah lalu di-arak orang masok ka-balairong. Maka surat itu pun di-sambut oleh bentara lalu di-bacha-nya. Sa-telah baginda menengar bunyi dalam surat itu, maka baginda pun terlalu sukachita. Maka titah baginda, "Hai Laksamana, apa khabar benua Siam?" Maka sembah Laksamana, "Khabar baik, tuanku." Maka Laksamana pun beriwayat-lah daripada pertama-nya darang kesudahan-nya. Maka raja dan segala pegawai pun hairan menengar dia. Maka titah baginda, "Ada pun gajah yang besar ini kita namai Pudi Ma'nikam dan yang sa-ekor ini Permata Sailan." Sa-telah sudah maka baginda pun berangkat masok ka-dalam istana itu.

* * *

Maka negeri Melaka pun karar-lah, kerana Laksamana dan Bendahara memelihara akan negeri itu dengan sempurna-nya. Maka raja Melaka pun hendak merajakan anakanda baginda Raden Bajau di-Bukit Seguntang. Pada suatu hari baginda pun keluar di-adap oleh segala pegawai dan petuanan. Maka baginda pun bertitah, "Hai Bendahara, sekarang kita hendak merajakan anak kita Raden Bajau di-Bukit Seguntang. Laksamana-lah hendak kita suroh pergi ka-Bukit Seguntang merajakan anak kita akan ganti paduka marhum." Maka sembah Laksamana, "Daulat tuanku, mana titah patek junjong, tetapi patek hendak pohonkan saudara patek ketiga itu." Maka titah baginda, "Baik-lah."

Sa-bermula maka baginda pun sedia-kala menyukakan hati isteri-nya kedua itu. Maka Raden Emas Ayu pun hamil-lah. Kira2 berapa bulan maka Tun Teja pun hamil pula. Maka baginda pun terlalu sukachita, tetapi baginda sudah tahu akan anak Raden Emas Ayu itu perempuan, anak Tun Teja itu laki2. Sa-telah genap bulan-nya, maka Raden Emas Ayu pun berputera-lah sa-orang perempuan, terlalu elok paras; maka di-peliharakan dengan saperti-nya. Sa-bermula selang tiga bulan lama-nya, maka Tun Teja pun berputera pula sa-orang laki2, maka di-peliharakan dengan saperti-nya. Berapa lama-nya maka Tun Teja pun hamil pula. Sa-telah genap bulan-nya maka Tun Teja pun berputera pula sa-orang laki2, terlalu elok rupa-nya, hampir2 ayahanda baginda. Maka oleh baginda di-namai anakanda baginda ketiga itu. Ada pun perempuan di-nama[Puteri Gunong Ledang, laki2 yang tengah di-namai Sultan Mahmud, yang bongsu di-nama[Sultan Muhammad.

Maka berhenti-lah perkataan ini.

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

BAB XXII

AL-KESAH maka tersebut-lah perkataan raja Melaka hendak menyurohkan orang ka-Sailan membeli permata intan hendak di-perbuatkan pakaian anakanda baginda. Pada suatu hari baginda di-adap orang; maka titah baginda kapada Tun Ratna Diraja dan Tun Maharaja Diraja, "Kita hendak surohkan pergi ka-Sailan membeli permata pada raja Sailan." Maka sembah orangkaya kedua itu, "Daulat tuanku, mana titah patek junjong." Maka titah baginda, 'Hai mamak Bendahara, karang-lah surat dan bingkis." Bingkis pun di-karang oleh Bendahara. Sa-telah sudah maka surat itu pun di-arak orang-lah keluar negeri. Sa-telah sampai ka-pantai, maka surat itu pun di-sambut orang-lah naik ka-perahu lalu belayar-lah menuju negeri Sailan.

Berapa lama-nya maka sampai-lah ka-kuala Sailan. Maka bedil pun di-pasang orang-lah terlalu gempita bunyi-nya. Maka orang shahbandar pun datang melawati, kata-nya, "Hai segala tuan2, ada pun perahu ini dari mana datang dan siapa nama panglima-nya?" Maka sahut orang di-dalam Sairu l-'alamin itu, "Hamba sakalian ini utusan daripada raja Melaka. Nama panglima-nya Tun Ratna Diraja dan Tun Maharaja Diraja." Maka orang itu pun segera kembali memberitahu shahbandar. Shahbandar pun segera memberitahu Bendahara; Bendahara pun masok persembahkan raja. Maka titah raja, 'Segera-lah sambut surat daripada saudara kita itu."

Maka Bendahara pun menyembah lalu keluar berlengkap. Sa-telah sudah maka surat itu pun di-sambut orang-lah dengan segala bunyi2an lalu di-arak masok ka-dalam kota. Sa-telah sampai ka-balairong lalu di-sambut orang di-bawa ka-hadapan raja. Maka Tun Ratna Diraja dan Tun Maharaja Diraja pun menjunjong duli. Maka surat itu pun di-bacha oleh bentara, terlalu sakali baik bunyi renchana-nya. Maka titah baginda, "Hai Tun Ratna Diraja, hendak di-perbuat apa permata intan itu?" Maka sembah Tun Ratna Diraja, "Daulat tuanku, hendak di-perbuatkan pakaian anakanda baginda." Maka

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

titah raja, "Anak saudara kita itu laki2-kah atau perempuan?" Maka sembah Tun Ratna Diraja, "Tiga lagi yang ada bersama2 dengan paduka adinda itu, laki2 dua, perempuan sa-orang. Yang dua itu sudah kerajaan, di-Majapahit sa-orang, di-Bukit Seguntang sa-orang." Sa-telah sudah baginda menengar sembah Tun Ratna Diraja demikian itu, maka baginda pun diam-lah. Demikian-lah di-cheriterakan oleh yang empunya cheritera ini.

* * *

Maka sa-bermula raja Melaka, sa-peninggalan Tun Ratna Diraja pergi ka-Sailan itu, maka baginda pun dudok semayam di-adap oleh Bendahara dan Laksamana dan segala pegawai sakalian. Maka titah baginda pada Bendahara dan Laksamana, "Pergi-lah menchari tempat yang mana patut di-perbuatkan negeri, supaya kita hendak rajakan anak kita. Kita pun sudah tua." Maka sembah Bendahara dan Laksamana, "Daulat tuanku, mana titah patek junjong." Sa-telah sudah maka baginda pun berangkat masok.

Sa-telah keesokan hari-nya maka Bendahara dan Laksamana pun pergi-lah melihat tempat yang mana baik, sa-genap pulau yang besar. Tiada juga berkenan pada hati. Maka lalu-lah pergi ka-gunong pula. Maka di-lihat-nya pada lurah bukit itu terlalu permai dengan medan-nya, patut di-perbuatkan negeri. Ada pun pada tempat itu sungai-nya besar, patut menjadi bandar. Maka kata Bendahara, "Baik-lah di-sini di-perbuatkan negeri." Maka Bendahara dan Laksamana pun menyuroh orang pergi menyuchikan tanah itu. Maka segala ra'ayat pun bekerja-lah; maka malam siang tiada berhenti lagi. Berapa lama-nya maka tanah itu pun suchi-lah dua yujana mata memandang, empat persegi dengan kota parit-nya. Sa-telah sudah maka Bendahara pun berkata, "Mari-lah kita kembali mengadap Duli Yang Di-Pertuan dahulu." Maka kata Laksamana, "Silakan-lah dato', di-perhamba iringkan."

Maka Bendahara dan Laksamana pun kembali-lah. Sa-telah sampai ka-negeri, lalu masok mengadap raja, sembah-nya, "Ya tuanku shah alam, sudah-lah patek perbuatkan negeri itu pada gunong Lingga. Ada pun gunong itu patek jadikan hulu negeri. Sungai-nya pun terlalu besar, patut sa-kali di-perbuatkan negeri. Bandar sakalian-nya sudah patek perbuat." Maka titah baginda, "Baik-lah, barangkali utusan kita dari Sailan datang, kita rajakan anak kita." Sa-telah sudah bertitah demikian, maka raja pun berangkat masok. Maka Bendahara dan Laksamana pun pulang ka-rumah-nya. Demikian-lah di-cheriterakan oleh orang yang empunya cheritera ini.

* * *

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

Maka sa-bermula Tun Ratna Diraja, berapa lama-nya dudok di-Sailan itu, sedia-kala hari masok mengadap. Sa-bermula akan raja Sailan itu ada anak-nya sa-orang laki2, nama-nya raja itu, Raja Chulan, pergi bermain2 ka-hulu negeri itu; maka bertemu dengan sa-biji telor hayam. Maka lalu di-ambil-nya lalu di-kendong-nya. Maka telor hayam itu pun menetas-lah di-dalam kendongan-nya. Sa-telah sudah telor itu menetas, maka Raja Chulan pun kembali ka-rumah-nya. Maka hayam itu pun besar-lah. Shahadan di-negeri Sailan itu pun banyak-lah orang menyabong. Pada tatkala itu Raja Chulan pun menyabong dengan segala orang besar; orang besar itu pun habis alah-lah oleh-nya daripada sangat pulon-nya raja itu, tambahan hayam-nya sangat bertuah tiada berlawan. Ada pun tuah hayam itu jika di-bawa ka-balairong itu ia berkokok.

Sa-telah raja Sailan menengar khabar raja Melaka ada anak-nya perempuan itu, maka raja pun bertitah, "Hai menteri-ku keempat, ada pun akan raja Melaka itu ada anak-nya perempuan; kita hendak pinangkan anak kita." Maka sembah perdana menteri, "Daulat tuanku, sa-benar-nya-lah seperti titah Duli Yang Di-Pertuan itu." Maka baginda pun bertitah pula, "Siapa baik kita surohkan pergi meminang itu?" Maka sembah perdana menteri, "Daulat tuanku, pada bichara patek, baik juga duli shah alam bertanya dahulu kapada Tun Ratna Diraja."

Dalam berkata2 itu maka Tun Ratna Diraja pun datang-lah, lalu dudok menyembah. Maka titah raja, "Hai orangkaya kedua, ada pun hamba hendak berbichara pekerjaan kebajikan. Dalam pada itu pun lamun orangkaya mau mengata maka dapat-lah hamba katakan." Maka Tun Ratna Diraja pun menyembah serta mengatakan, "Daulat tuanku, patek ini hamba ka-bawah duli shah alam. Pada bichara patek, ini pula pekerjaan kebajikan, jika pekerjaan mati sa-kali pun patek kerjakan juga." Maka titah raja, "Hai orangkaya, kita hendak minta di-perbambakan anak kita kapada raja Melaka. Jika mau orangkaya kedua meluluskan pekerjaan anak kita itu, maka kita hendak berlengkap-lah. Ada pun pakaian anak kita itu atas kita-lah membuat dia." Maka sembah Tun Ratna Diraja, "Daulat tuanku, patek hendak berchakap kalau tiada akan lulus; hendak pun patek tidak berchakap kalau lulus. Pada bichara patek, patek-lah persembahkan dia."

Sa-telah itu Raja Chulan pun berdatang sembah, "Ya tuanku shah alam, patek mohonkan ampun dan kurnia; jika ada derma dan kurnia duli shah alam, patek hendak bermohon sendiri pergi ka-Melaka itu, patek hendak menengar dia sendiri; lagi pun patek hendak pergi menyabong." Sa-telah raja menengar sembah anak baginda itu, maka baginda tiada-lah terbichara

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

lagi. Maka raja pun bertitah pada Tun Ratna Diraja, "Apa bichara orangkaya, kerana anak kita hendak pergi sendiri?" Maka sembah Tun Ratna Diraja, "Daulat tuanku, pada bichara patek, anakanda baginda hendak pergi itu, mana perentah duli yang maha mulia dan anakanda juga. Ada pun yang patek ini hendak bermohon-lah." Maka titah raja, "Jika demikian, karang-lah surat bingkis akan membalas surat saudara kita dan beri permata yang baik2."

Maka Bendahara pun menyembah lalu mengarang surat dan bingkis. Sa-telah lengkap maka ia pun masok pula. Maka surat itu pun di-arakkan-lah oleh orang. Maka baginda pun persalin akan orangkaya kedua itu. Maka Tun Ratna Diraja dan Tun Maharaja Diraja pun menjunjong duli lalu turun. Maka surat pun di-naikkan orang-lah ka-atas Sairu'l-'alamin. Maka sauh pun di-bongkar orang-lah lalu belayar menuju negeri Melaka. Demikian-lah di-cheriterakan oleh orang yang empunya cheritera ini.

* * *

Sa-bermula sa-peninggalan Tun Ratna Diraja dan Tun Maharaja Diraja kembali itu, maka baginda pun bertitah pada menteri empat, "Hai menteri-ku empat, suroh orang berbuat bahtera kenaikan anak kita." Maka sembah Bendahara, "Daulat tuanku shah alam, patek mohonkan ampun dan kurnia, yang tuanku menitahkan berbuat bahtera itu sa-benar-nya-lah, tetapi, pada bichara patek, akan pekerjaan anakanda berangkat ini hendak segera-lah. Kerana bahtera duli shah alam itu patut sa-kali akan tempat paduka anakanda, kerana bahtera itu hendak di-surohkan ka-benua China tiada jadi. Ada pun bahtera itu patek sakalian juga berbuat dia." Sa-telah baginda menengar sembah Bendahara keempat itu, maka titah raja, "Baik-lah bahtera itu. Kita pun lupa akan bahtera itu. Jika demikian, berlengkap-lah segera2."

Maka menteri itu pun menyembah lalu pergi menurunkan perahu itu. Ada pun besar bahtera itu saperti sa-buah negeri besar-nya dan dalam-nya di-tanam nyior dan pinang. Ada pun tiang agong-nya itu sa-kira2 sa-jenang kuda ber-lari pergi datang. Dalam-nya di-buboh pasir. Demikian-lah besar-nya bah-tera itu. Sa-telah sudah lengkap, maka titah baginda, "Hai anak-ku, jika tuan pergi, baik2 hormat dan muliakan raja itu." Maka sembah Raja Chulan, "Daulat tuanku, maka mana titah patek junjong." Maka raja pun turun-lah ka-bahtera-nya dengan segala dayang2 dan perempuan isi istana. Shahadan maka bahtera Raja Chulan pula belayar-lah. Shahadan hayam sabongan pun beratus dan hayam yang bertuah pun di-taroh sama tengah bahtera; itu pun

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

apabila ia berkokok maka bahtera itu senget. Demikian-lah di-ceriterakan orang empunya ceritera ini.

Maka bahtera Raja Chulan pun belayar-lah menuju Tanah Melayu. Di-mana ia bertemu negeri dan bandar yang ramai di-sana-lah ia singgah bermain dan menyabong. Hatta berapa lama-nya belayar itu maka sampai-lah ka-kuala Melaka. Maka bedil pun di-pasang orang-lah dan tunggul panji2 yang di-dirikan orang-lah. Maka shahbandar pun segera persembahkan Bendahara. Maka Bendahara pun segera masok mengadap raja. Maka tatkala itu baginda pun sedang ramai di-adap orang. Maka Bendahara pun datang gopoh2 Maka titah baginda, "Apa khabar mamak Bendahara maka datang gopoh2 ini?" Maka sembah Bendahara, "Daulat tuanku, ada pun bahtera Ra a Chulan itu sudah datang, tuanku; ada berlaboh di-kuala kita ini." Maka baginda pun bertitah, "Sudah-kah mamak Bendahara berlengkap menyambut anak ra a kita itu?" Maka sembah Bendahara, "Daulat tuanku shah alam, belum lagi, tetapi segala pegawai dan petuanan yang muda2 sudah hadhir, patek kerahkan. Mana titah patek junjong." Maka titah baginda, "Segera-lah mamak Benda-hara sambut surat anak raja itu."

Maka Bendahara pun menyembah lalu keluar dudok di-balai g ndang menyurohkan segala pegawai dan petuanan pergi menyambut anak ra a itu. Sa-telah sampai-lah sakalian orang itu, lalu naik mengadap Ra a Chulan itu. Berdatang sembah segala pegawai itu, "Ada pun patek sakalian datang ini di-titahkan duli paduka ayahanda menyambut tuanku naik bermain2 ka-darat." Maka kata Raja Chulan, "Baik-lah, kita pun sudah sedia hendak mengadap Duli Yang Di-Pertuan." Maka raja pun turun-lah dari bahtera nya, lalu naik ka-atas gajah masok ka-dalam negeri di-iringkan oleh segala pegawai dan petuanan sakalian. Penoh sesak segala orang Melaka melihat anak ra a tu di-sambut, terlalu ramai sa-panjang jalan.

Hatta maka Raja Chulan pun sampai-lah ka-balai gendang lalu turun di atas ga ah-nya berjalan masok. Maka Pateh Kerma Wijaya pun datang sembah lalu naik berjalan sama2. Maka tatkala itu baginda pun sudah keluar di-adap oleh Bendahara dan Laksamana dengan segala pegawai dan petuanan sakal an, penoh sesak, bertindeh2 dudok itu. Maka Raja Chulan p n ber alan naik lalu dudok menyembah. Maka titah baginda, "Silakan-lah anak-ku dudok dekat ayahanda sini." Maka Raja Chulan pun bangkit dudok bertimbalan dengan Bendahara Paduka Raja. Maka segala persembah Raja Chulan itu pun di-sambut orang-lah di-bawa masok ka-dalam istana. Maka sireh pada jorong emas pun datang-lah Maka titah baginda, "Makan lah sireh, anak-ku."

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

Maka puan jorong itu pun di-sambut Raja Chulan serta menyembah lalu makan sireh itu. Maka titah baginda, "Berapa hari anak-ku datang ini di-laut?" Maka sembah Raja Chulan, "Daulat tuanku, dua bulan, tuanku, patek di-laut, kerana banyak tempat patek singgah, bermain sa-genap pulau dan kuala; jadi lama patek di-laut." Maka titah baginda, "Di-mana-tah segala raja2 berangkat itu tiada bermain dan berburu sa-genap pulau?"

Sa-ketika dudok maka hidangan pun di-angkat orang-lah, beriring2 saperti di-dalam tulisan rupa-nya orang menyandang tetapan itu. Maka Raja Chulan pun makan-lah sa-hidangan dengan Bendahara Paduka Raja. Maka sakalian pun makan-lah masing2 pada hidangan-nya. Sa-telah sudah makan, maka hidangan minuman pula di-angkat orang. Maka minum-lah terlalu ramai. Sa-telah sudah maka Raja Chulan pun datang menyembah, "Daulat tuanku shah alam, jikalau ada ampun dan kurnia Duli Yang Di-Pertuan, patek hendak bermohon pergi bermain ka-Terengganu melihat termasa negeri orang serta patek hendak menyabong. Apabila sudah, segera juga patek mengadap ka-bawah duli shah alam, serta patek pohonkan minta tuanku sudahkan pekerjaan patek itu." Maka baginda pun tersenyum menengar sembah Raja Chulan itu; maka titah baginda, "Baik-lah itu; mana sa-kehendak hati tuan-lah ayah-anda turut." Maka raja pun terlalu sukachita menengar titah itu.

Sa-ketika itu maka Raja Chulan pun bermohon-lah turun ka-bahtera-nya. Maka baginda pun berangkat masok ka-istana Tun Teja. Maka segala persembah Raja Chulan itu semua-nya di-suroh baginda hantarkan kapada anakanda baginda Puteri Gunong Ledang itu.

Bermula sa-telah Raja Chulan sampai ka-bahtera-nya, maka ia pun menyuroh-kan orang-nya pergi menghantarkan Bendahara dan Laksamana daripada harta yang gharib2 dan kain baju dan permata yang indah2, kira2 empat kati emas harga-nya, di-berikan Bendahara dan Laksamana itu minta tolong menyembah-kan raja meluluskan pekerjaan-nya itu. Maka kata Bendahara dan Laksamana pada orang penyuroh-nya, "Pekerjaan ini, Insha' Allah Ta'ala, di-atas sahaya-lah." Maka orang itu pun kembali-lah mengadap tuan-nya menyampaikan sembah Bendahara dan Laksamana itu. Maka Raja Chulan pun terlalu sukachita hati-nya menengar chakap Bendahara dan Laksamana itu.

Sa-telah berapa lama-nya Raja Chulan dudok di-Melaka itu, maka ia pun naik mengadap raja Melaka hendak bermohon pergi bermain ka-Terengganu lalu ka-Patani. Kehendak hati-nya, tatkala sudah bermain sa-genap negeri itu-

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

lah ia hendak kembali ka-Melaka kahwin dengan Puteri Gunong Ledang itu. Maka ia pun turun-lah ka-bahtera-nya. Maka Raja Chulan pun belayar-lah; di-mana bertemu dengan bandar yang baik2, di-sana-lah ia bermain dan menyabong.

• • •

Hatta berapa lama-nya maka bahtera Raja Chulan pun sampai-lah ka-kuala Terengganu. Ada pun bahtera Raja Chulan itu haluan-nya sudah masok ka-muka Kuala Terengganu itu buritan-nya antara Pulau Kapas itu lagi. Maka Raja Chulan pun menyuroh memasang bedil dan mendirikan tunggul panji2. Maka kedengaran-lah bunyi bedil itu kapada shahbandar. Maka shahbandar pun segera menyuroh orang melawati. Sa-telah sampai orang itu ka-perahu Raja Chulan itu, maka ia pun bertanya kapada orang dalam perahu itu, dari mana datang-nya dan siapa nama panglima-nya dan apa kehendak-nya. Maka sahut orang dalam bahtera itu, "Kami sakalian ini datang dari Sailan mengikut anak raja Sailan yang bernama Raja Chulan; hendak pergi meminang ka-Melaka. Sebab ia singgah di-sini kerana di-khabar orang raja Terengganu ini pandai menyabong, hendak mengajak raja Terengganu menyabong." Sa-telah di-dengar-nya kata orang itu demikian, maka ia pun segera kembali memberitahu shahbandar. Maka shahbandar pun segera masok mengadap ra a persembahkan segala ahwal-nya perkataan orang dalam bahtera itu, semua-nya di-persembahkan oleh shahbandar.

Sa-telah raja Terengganu menengar sembah shahbandar demikian itu, maka raja pun segera memanggil Pa' Si-Molong suroh membawa hayam. Maka Pa' Si-Molong pun segera datang membawa hayam. Sa-telah raja Terengganu melihat Pa' Si-Molong datang membawa hayam itu, maka raja pun tersenyum, seraya bertitah, "Hai Pa' Si-Molong baharu-lah akan beroleh lawan baik dan baharu datang." Maka sembah Pa' Si-Molong, "Daulat tuanku, patek menengar khabar raja Chulan itu hendak berlawan dengan tuanku menyabong."

Sa-telah sudah berkata2 itu maka raja Terengganu pun memakai pakaian yang indah2 lalu turun berjalan dengan Pa' Si-Molong di-iringkan oleh segala menteri pegawai sakalian menuju ka-tengah gelanggang. Sa-telah sampai maka raja pun berhenti-lah di-gelanggang itu menyurohkan Pa' Si-Molong pergi memberitahu Raja Chulan suroh silakan ka-tengah gelanggang. Maka Pa' Si-Molong pun pergi-lah kapada bahtera Raja Chulan itu Sa-telah sampai maka Pa' Si-Molong pun naik-lah ka-atas bahtera itu mengadap Raja Chulan

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

itu, semua-nya, "Ada pun patek datang ini di-titahkan oleh raja Terengganu menyambut duli tuanku naik bermain2 ka-darat, kerana raja Terengganu itu ada menanti di-gelanggang." Sa-telah Raja Chulan mendengar sembah Pa' Si-Molong demikian itu, maka kata Raja Chulan, "Baik-lah, esok hari kita pergi." Maka Pa' Si-Molong pun bermohon-lah lalu turun kembali mengadap raja-nya. Maka segala kata Raja Chulan itu semua-nya di-persembahkan-nya kapada raja Terengganu.

Sa-telah keesok hari-nya maka Raja Chulan pun naik-lah ka-gelanggang. Sa-telah sampai maka ia pun membuat suatu tuah ayam itu. Sa-telah sudah di-perbuat-nya, maka di-lihat-nya tuah pada paroh-nya dan pada susoh-nya dan pada tatah-nya. Sa-ketika lagi maka raja Terengganu pun datang-lah. Maka juara pun berpadan-lah hayam lalu melepaskan yang di-padan itu dua tiga pelepasan, alah juga Raja Chulan, tiada menang. Maka di-bawa hayam yang di-perbuat tuah itu pula ka-tengah gelanggang. Maka di-lihat oleh Pa' Si-Molong hayam itu: 'Terlalu sangat bertuah hayam ini, lebeh pula daripada hayam raja Terengganu ini.' Maka kata Pa' Si-Molong kapada Raja Chulan itu, "Kita bermain ini baik2, jika di-peroleh hayam itu kapada beta maka mau beta." Maka kata raja Terengganu, "Peralehkan hayam ini." Maka kata juara itu, "Peralehkan." Maka Pa' Si-Molong pun terlalu sa-kali suka-chita hati-nya, di-sangka-nya bertuah sunggoh hayam itu. Maka segala juara itu pun banyak-lah masok kapada Pa' Si-Molong. Maka kata raja Terengganu, "Berapa sudah anak raja alah oleh hamba?" Maka kata Raja Chulan, "Ada pun pada kira2, yang patek alah sudah tiga ratus empat keti banyak-nya." Maka sahut raja Terengganu, "Jika demikian, sa-banyak itu-lah kita tarohkan." Sa-telah sudah bertaroh, maka kata Raja Chulan, "Baik-lah, tuanku, demikian, kerana patek pun lama-lah sudah di-Terengganu ini. Patek hendak segera kembali ka-Melaka."

Maka hayam itu pun di-lepaskan juara-lah. Maka berpupoh-lah dua tiga pupoh. Maka alah hayam raja Terengganu. Maka orang Raja Chulan pun bersorak-lah saperti tagar bunyi-nya. Maka raja Terengganu pun terlalu amarah melihat hayam-nya mati itu. Maka titah raja Terengganu, "Pergi ambil hayam yang mati itu bawa ka-mari." Maka di-bawa orang-lah hayam itu. Sa-telah di-lihat-nya baginda hayam itu tuah-nya di-perbuat, makin sangat amarah-nya akan Raja Chulan itu. Maka Raja Chulan pun kembali ka-bahtera-nya dengan sukachita-nya.

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

Maka raja Terengganu pun bertanya Pa' Si-Molong, "Hai bedebah, apa penglihatan-mu maka engkau peraleh hayam-ku itu?" Maka sembah Pa' Si-Molong, "Daulat tuanku, patek lihat tuah pada susoh-nya dan paroh-nya." Maka titah raja Terengganu, "Jika demikian, chungkil mata-nya kedua, si-bedebah ini! Tiada melihat tuah hayam di-perbuat orang itu." Maka Pa' Si-Molong pun di-chungkil orang-lah mata-nya kedua itu. Maka sa-lama hayam raja Terengganu alah dan mata Pa' Si-Molong di-chungkil itu, maka sa-hari2 raja Terengganu tiada menang lagi; sa-genap pelepasan pun alah juga raja Terengganu akan Raja Chulan itu. Maka bagında pun tiada-lah ter-bicharakan lagi; pulang ka-istana pun tiada-lah; dudok di-Pulau Sakti itu-lah, malam siang membicharakan hayam-nya itu juga. Raja Chulan juga yang turun ka-bahtera-nya.

Maka pada suatu hari titah raja Terengganu, "Pergi panggil Pa' Si-Molong itu bawa ka-mari. Aku hendak bertanya kapada-nya kalau2 ia dapat melawan Si-Chulan itu." Maka Pa' Si-Molong itu pun datang-lah di-pimpin oleh orang. Maka kata raja Terengganu, "Hai Pa' Si-Molong, dapat-kah engkau melawan Si-Chulan itu?" Maka Pa' Si-Molong pun menyembah, "Daulat tuanku, patek mohonkan ampun dan kurnia; mata patek sudah tiada bagai mata sedia, bagai-mana patek hendak menchari hayam akan melawan hayam raja Chulan itu? Barang bagaimana pun biar-lah patek chuba chari kalau2 boleh saperti pematah guru patek itu." Maka titah raja, "Hai Pa' Si-Molong, mana bichara-mu-lah, lamun juga alah hayam Si-Chulan itu. Biar-lah aku anugerah akan engkau gundek empat orang." Maka sembah Pa' Si-Molong, "Daulat tuanku, jika patek boleh gundek pun mata patek tiada, bagaimana hendak di-pandang?' Maka orang pun ramai tertawa melihat laku Pa' Si-Molong itu

Maka Pa' Si-Molong pun bermohon-lah pulang ka-rumah-nya. Maka ia berkata pada anak-nya perempuan, "Hai anak-ku Si-Molong, aku di panggil raja, di-suroh-nya menchari hayam." Maka kata anak-nya, "Bagaimana bapa aku akan tahu tuah chelaka hayam itu, kerana mata bapa-ku tiada kedua-nya itu?" Maka kata Pa' Si-Molong, "Hai dayang, bawa juga aku sa-genap kam-pong dan lorong orang." Maka di-ajarkan anak-nya saperti sharat-nya. Maka ia pun berjalan-lah di-bawa oleh anak-nya daripada suatu kampong kapada suatu kampong dan daripada suatu lorong kapada suatu lorong, di-mana bunyi hayam berkokok, di-sana-lah ia pergi di-pimpin anak-nya melihat hayam itu, tiada juga dapat melawan hayam Raja Chulan itu. Maka Pa' Si-Molong pun berpesan pada anak-nya, kata-nya, "Hai anak-ku, apabila ada engkau bertemu

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

dengan perempuan berjual hayam di-ikat-nya dengan tali molong, engkau beritahu aku."

Sa-bermula habis-lah tanah Terengganu itu di-chari-nya. Maka Pa' Si-Molong pun berjalan hendak kembali. Maka ia bertemu dengan sa-orang perempuan berjalan mengikat hayam itu, di-ikat-nya dengan tali molong. Maka kata anak Pa' Si-Molong, "Ayoh bapa-ku, ini hayam orang hendak jual. Ada pun hayam ini ada-lah saperti pematah bapa-ku itu." Maka kata Pa' Si-Molong, "Mana dia? Bawa ka-mari aku lihat." Maka lalu di-bawa-nya oleh Si-Molong kapada bapa-nya hayam itu. Maka di-raba-nya oleh Pa' Si-Molong. Maka hayam itu pun berkokok di-tangan Pa' Si-Molong itu. Sa-telah sudah di-lihat-nya maka ia pun berkata pada anak-nya, "Beli-lah hayam itu." Maka di-beli oleh Si-Molong lalu di-bawa-nya kembali ka-rumah-nya.

Maka Pa' Si-Molong dua beranak pun mandi berlimau. Sa-telah sudah maka ia pun memakai pakaian yang indah2. Dalam ia memakai itu maka biduanda kechil pun datang memanggil dia. Maka Pa' Si-Molong pun berjalan-lah di-bawa oleh anak-nya dengan hayam itu. Maka sa-telah datang ka-dalam, maka titah raja, "Hai Pa' Si-Molong, boleh-kah hayam akan melawan Raja Chulan itu?" Maka sembah Pa' Si-Molong, "Boleh, tuanku, tetapi tiada sampai saperti maksud patek. Ada pun pematah guru, yang nama alah itu sa-kali2 tiada. Jikalau tuanku hendak bertaroh, jangan kepalang. Jikalau adat juara, sa-habis2 modal-nya di-tarohkan-nya juga. Akan jadi andalan-nya patek-lah; sayangkan hayam ini." Sa-telah baginda menengar sembah Pa' Si-Molong itu, maka baginda pun terlalu sukachita, seraya melihat hayam itu. Tuah-nya sunggoh saperti kata Pa' Si-Molong itu. Maka hayam itu terlalu baik peroman-nya. Maka raja pun masok beradu lalu bermimpi sa-ekor geroda turun di-indera ka-negeri Terengganu itu, di-makan-nya segala orang Raja Chulan di-bahtera itu. Maka raja pun terkejut daripada tidor-nya, lalu bangun mandi dan memakai pakaian yang indah2 lalu berangkat ka-Pulau Sakti tempat gelanggang sabongan itu.

Sa-ketika lagi maka Raja Chulan pun datang dari bahtera-nya. Maka segala hayam banyak itu pun di-bawa orang-lah ka-tengah medan. Maka mereka sakalian-nya menyabong-lah terlalu ramai dengan tempek sorak-nya. Maka Pa' Si-Molong pun berpadan-lah dengan juara Raja Chulan itu. Maka kata raja Terengganu, "Jika hamba alah, sa-kerat negeri Terengganu ini taroh-nya." Maka kata Raja Chulan, "Baik-lah, patek pun jika alah sa-kerat bahtera patek akan jadi chagar-nya." Sa-telah sudah bertegoh2an janji akan taroh-nya, maka hayam kedua itu pun di-lepaskan orang-lah. Maka hayam itu pun berpupoh-lah.

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

Sa-bermula anak Pa' Si-Molong itu pun pergi bersama2 di-bawa oleh bapa-nya. Maka kata Pa' Si-Molong, "Hai dayang, lihat2 hayam kita itu kalau2 patah taji-nya." Maka berpupoh-lah dua tiga kali pupoh hayam itu. Maka kena hayam Pa' Si-Molong pada kaki-nya. Maka kaki hayam itu pun patah-lah. Maka kata Si-Molong, "Ayoh, bapa-ku, hayam kita patah kaki-nya." Maka kata Pa' Si-Molong, "Cheh! mengapa bagitu? Itu-lah anak raja bertongkat besi. Sabar juga dahulu anak-ku, kita lihatkan main-nya," seraya tertawa Pa' Si-Molong di-hadapan raja kedua itu. Sa-ketika lagi maka kena pula sayap-nya hayam Pa' Si-Molong; maka sayap-nya pun rebeh ka-tanah. Maka kata Si-Molong, "Ayoh bapa-ku, hayam kita rebeh sayap-nya ka-tanah." Maka sahut Pa' Si-Molong, "Sabar juga dahulu anak-ku. Itu-lah anak raja bersamir tiba," serta ia menyingsing tangan baju-nya. Maka kena pula di-tikam-nya oleh hayam Raja Chulan pada temolok-nya hayam Pa' Si-Molong itu. Maka padi di-temolok itu pun berhamboran-lah. Maka kata Si-Molong, "Ayoh bapa-ku, hayam kita sudah terbit padi berhamboran." Maka sahut Pa' Si-Molong serta menggamak tangan-nya, "Hai anak-ku, itu-lah anak raja mengembar bela." Sa-ketika kena pula paha-nya hayam Pa' Si-Molong. Maka kata Si-Molong, "Ayoh bapa-ku, hayam kita kena paha-nya pula." Maka kata Pa' Si-Molong, "Itu-lah anak raja mengikat dendang." Sa-ketika lagi hayam Pa' Si-Molong pun menggelupor hendak mati. Maka kata Si-Molong, "Ayoh bapa-ku, hayam kita sudah menggelupor hendak mati." Maka sahut Pa' Si-Molong, "Cheh, mengapa pula bagitu? Jika demikian, terbang-lah lawan-mu!" Maka hayam Raja Chulan pun terbang-lah. Maka hayam Pa' Si-Molong pun mati-lah.

Harta maka hayam raja Chulan itu pun terbang-lah lalu ka-bahtera-nya. Dengan takdir Allah Ta'ala di-atas hamba-nya, maka bahtera Raja Chulan pun tenggelam-lah. Sa-telah di-lihat oleh hayam itu bahtera itu tenggelam, maka hayam itu pun terbang pula ka-istana raja Terengganu; maka istana itu pun habis di-makan api dan semua-nya negeri itu pun habis hangus. Maka negeri Terengganu pun huru-hara-lah. Ada pun api itu tujoh hari tujoh malam lama-nya maka baharu-lah padam api itu.

Sa-bermula maka Raja Chulan pun hendak kembali ka-bahtera-nya. Maka di-lihat bahtera-nya sudah tenggelam itu, maka ia pun hairan akan diri-nya, seraya menangis terlalu sangat. Ada pun yang di-dalam bahtera itu, ra'ayat-nya sembilan laksa itu sa-orang pun tiada lagi hidup, habis mati semua-nya;

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

yang lepas hanya-lah yang bersama2 dengan raja itu, kira2 tiga ratus orang banyak-nya. Maka Raja Chulan pun menchari daya upaya menumpang ka-negeri-nya Sailan.

* * *

Sa-bermula maka terdengar-lah kapada raja Melaka di-khabarkan orang yang pergi datang bahawa bahtera Raja Chulan itu tenggelam di-muka Kuala Terengganu. Maka titah baginda, "Hai Laksamana, apa bichara kita? Sunggoh-kah atau tiada sunggoh saperti khabar ini?" Maka sembah Laksamana, "Daulat tuanku, patek pun ada menengar khabar-nya." Maka baginda pun berangkat masok.

Hatta maka terdengar-lah kapada Puteri Gunong Ledang akan bahtera tunangan-nya binasa itu. Maka ia pun amarah lalu ia pergi mengadap ayah-anda baginda. Serta datang, di-lihat-nya ayahanda baginda mashghul laku-nya. Maka Puteri Gunong Ledang pun dudok menyembah pura2 bertanya, "Ya tuanku, apa sebab-nya maka Duli Yang Di-Pertuan mashghul?" Maka sahut baginda, "Suatu pun tiada ayahanda mashghul." Maka sembah Puteri Gunong Ledang, "Ya tuanku, patek ini ada-lah saperti pantun orang: nama-nya ada di-sebut, rupa-nya tiada. Akan patek ini pun demikian laku. Apa-tah daya patek perempuan. Jika patek laki2, tahu-lah patek membicharakan dia." Sa-telah sudah ia berkata2 demikian, maka ia pun bermohon pulang ka-istana-nya.

Maka baginda pun terlalu amarah menengar kata Puteri Gunong Ledang itu saperti orang mengajok laku-nya. Maka baginda pun keluar serta me-manggil Laksamana; Laksamana pun segera datang. Maka titah baginda, "Pergi-lah Laksamana engkau alahkan Terengganu itu." Sa-telah Laksamana menengar titah raja demikian itu, maka Laksamana pun menyembah, serta memekis, kata-nya, "Cheh! Mengapa pula maka baginda? Patek-lah mengalahkan Terengganu itu. Jika belum alah Terengganu itu, belum patek mengadap Duli Yang Di-Pertuan, tetapi patek pohonkan saudara patek ketiga ini ganti mata telinga duli shah alam melihat patek dengan anak Terengganu bertikam itu." Sa-telah raja menengar chakap Laksamana itu, maka baginda pun segera menanggalkan pakaian daripada tuboh baginda di-anugerah akan Laksamana. Maka baginda pun bertitah kapada Bendahara pergi menurunkan segala kelengkapan barang yang ada-nya. Maka Laksamana pun menyembah lalu kembali ka-rumah-nya.

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

Maka Bendahara pun pergi-lah menurunkan segala kelengkapan yang hendak di-bawa pergi itu, beroleh tujoh puloh buah haluan-nya. Maka Laksamana dan Maharaja Setia dan benderang Tun Lekir pun mengerahkan segala orang-nya turun ka-perahu-nya. Ada pun Pateh Kerma Wijaya mata2, Laksamana, Maharaja Setia panglima-nya dan Tun Lekir, Tun Lekiu jadi jejenang-nya. Sa-telah sudah musta'id dengan alat senjata-nya, maka Laksamana kelima-nya pun menjunjong duli lalu turun ka-perahu-nya. Maka sauh pun di-bongkar orang-lah dan tunggul panji2 pun di-dirikan orang-lah. Meriam pun di-pasang saperti berteh. Maka Mendam Berahi pun berdayong hilir-lah. Sa-telah lepas halangan, maka segala perahu yang tujoh puloh itu pun menarek layar-lah menuju tanah Terengganu.

Hatta berapa lama-nya maka Laksamana pun sampai-lah ka-Terengganu. Maka tatkala itu raja Terengganu dengan segala menteri pegawai ra'ayat sakalian habis huru-hara, yang ka-sana sini pergi datang, sebab ia kebakaran api itu. Maka Laksamana pun naik-lah ka-darat. Maka segala orang di-kuala itu pun habis lari masok ka-negeri-nya membawa anak bini-nya. Maka di-langgar-nya sakali2. Maka orang Terengganu pun huru-hara-lah. Maka raja-nya pun undor ka-hulu negeri Terengganu, Terengganu pun alah-lah, pada sa-genap tahun menghantarkan upeti ka-Melaka.

Arakian maka Laksamana pun masok ka-dalam istana raja Terengganu; di-lihat raja sudah undor, tinggal lagi di-istana itu puteri Sekanda Jaya Leka dengan Megat Ma'sum anak Megat Kembar 'Ali. Maka di-suroh bawa ka-perahu oleh Laksamana dengan segala harta dan hamba sahaya-nya. Maka Terengganu pun ta'alok-lah ka-Melaka. Maka Laksamana pun mengerahkan segala orang-nya turun ka-perahu-nya lalu membongkar sauh berdayong hilir. Telah lepas halangan maka Laksamana pun belayar-lah.

Hatta berapa lama-nya belayar itu, maka Laksamana pun sampai-lah ka-Melaka lalu naik-lah membawa puteri Sekanda Jaya dengan Megat Ma'sum itu dengan segala harta Terengganu itu pun semua-nya di-persembahkan kapada raja. Sa-telah raja melihat Laksamana datang itu, maka titah baginda, "Mari Laksamana kita hendak menengar khabar Terengganu. Maka Laksamana pun dudok menyembah lalu menjunjong duli baginda. Maka titah raja, "Hai Laksamana, ini anak siapa dua orang ini?" Maka sembah Laksamana, "Daulat tuanku, ini anak Bendahara, Tun Sekanda Jaya Leka nama-nya dan sa-orang ini anak Megat Kembar Ali, Megat Ma'sum nama-nya. Maka titah baginda, "Bahagi-lah segala harta rampasan itu. Yang mana harta anak Bendahara dengan anak Megat Kembar Ali itu kembalikan kapada-nya." Sa-telah sudah

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

maka baginda pun berangkat masok; Laksamana pun menyembah lalu pulang masok ka-rumah-nya.

Demikian-lah di-cheriterakan oleh orang yang empunya cheritera ini. Maka berhenti-lah perkataan ini.

• • •

Al-kesah maka tersebut-lah perkataan raja Melaka hendak merajakan anakanda baginda kedua. Pada suatu hari baginda dudok semayam di-adap segala menteri dan pegawai dan petuanan sakalian ada hadhir mengadap baginda. Maka titah baginda, "Hai mamak Bendahara dan Laksamana, segera-lah kerahkan segala pegawai suroh berlengkap kita hendak merajakan anak kita kedua." Maka sembah Bendahara dan Laksamana, "Daulat tuanku, mana titah patek junjong."

Sa-telah keesokan hari-nya maka Bendahara dan Laksamana pun masok berdatang sembah, "Daulat tuanku, patek di-titahkan berlengkap itu sudah-lah patek lengkapi." Maka Laksamana pun menyembah pula, "Daulat tuanku, berapa hari lagi paduka anakanda itu akan berangkat?" Maka titah baginda, "Bangat juga, tetapi ada kita hendak berkata2 dengan mamak Bendahara." "Daulat tuanku, titah apa itu?" Maka titah baginda, "Ada pun jikalau sa-orang anak kita jadi raja itu dengan tiada sa-suka Bendahara, tiada-lah sempurna."

Maka Bendahara pun tahu-lah akan titah baginda itu. Maka sembah Bendahara, "Daulat tuanku, ada pun pada bichara patek, ini pula pekerjaan yang kebajikan. Jikalau pekerjaan yang kejahatan sa-kali pun tiada patek melalui titah duli shah alam itu, kerana patek anak-beranak ini hamba ka-bawah duli. Sa-benar-nya-lah duli shah alam memerentahkan patek kechil itu." Maka titah baginda, "Sebab itu-lah maka kita hendak nikahkan dengan anak kita Sultan Mahmud itu. Hai Laksamana, ada pun puteri Terengganu itu kita hendak dudokkan dengan anak kita Sultan Ahmad." Maka sembah Laksamana, "Daulat tuanku, sa-benar-nya-lah saperti titah yang maha mulia itu." Maka titah baginda, "Jika demikian, pergi-lah mamak Bendahara dan Laksamana perbaiki negeri Bentan itu; kita hendak merajakan anak kita Sultan Mahmud di-sana. Ada pun anak kita yang perempuan ini kita hendak rajakan ganti kita. Hendak pun kita beri negeri lain kerana anak perempuan." Maka sembah Bendahara dan Laksamana, "Daulat tuanku, sa-benar-nya-lah saperti titah shah alam itu. Ada pun Lingga itu sudah patek perbuatkan

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

istana-nya sedia sa-hingga di-Bentan juga yang ada tiada di-perbuat istana lagi Ada pun dato' Bendahara, baik juga dudok berlengkap di-negeri, kerana pekerjaan ini hendak akan segera. Patek perbuat pun mau sudah-lah."

Maka Laksamana pun bermohon kembali ka-rumah-nya mengerahkan segala pegawai dan petuanan dan batin2 dan orang-nya berlengkap. Sa-telah sudah, Laksamana pun turun-lah ka-perahu lalu belayar. Sa-telah sampai ka-Bentan, maka Laksamana pun mengerahkan orang bekerja hendak akan segera sudah istana itu. Harta berapa puloh hari lama-nya maka istana itu pun terdiri-lah tujoh belas ruang. Sa-telah sudah maka Laksamana pun kembali-lah. Serta sampai ka-Melaka lalu ia masok mengadap raja. Maka Laksamana pun dudok menyembah. Maka titah baginda, "Hai Laksamana, sudah-kah istana Bentan yang di-perbuat oleh Laksamana itu?" Maka sembah Laksamana, "Daulat tuanku, sudah-lah patek perbuat saperti titah duli shah alam itu." Maka baginda pun terlalu sukachita lalu memberi anugerah akan Laksamana emas dan perak berpuloh2 keti. Maka baginda pun berangkat masok; Laksamana pun menyembah lalu pulang ka-rumah-nya.

Sa-telah keesok hari-nya maka baginda pun berangkat keluar di-adap oleh segala pegawai dan petuanan sakalian. Maka titah baginda, "Hai mamak Bendahara, kerahkan segala orang suroh berjaga2." Maka segala pegawai dan petuanan sakalian pun berjaga2-lah memalu bunyi2an masing2 dengan tahunya, terlalu ramai tujoh hari tujoh malam. Sa-telah sudah maka Sultan Mahmud pun di-hias-lah dengan sa-lengkap-nya lalu di-naikkan ka-atas gajah. Maka chogan alamat pun terdiri-lah lalu berarak. Maka segala orang isi negeri Melaka pun penoh sesak melihat anak raja berarak itu.

Harta maka Sultan Mahmud pun sampai-lah ka-rumah Bendahara. Maka Sultan Mahmud pun di-sambut oleh Bendahara di-dudokkan-nya di-atas peterana yang keemasan. Sa-telah sudah maka khatib pun datang ka-hadapan Sultan Mahmud. Maka khatib pun mengajarkan khutbah nikah. Sa-telah sudah maka Sultan Mahmud pun di-dudokkan di-kanan puteri Sekanda Jaya Leka. Maka nasi adap2an pun di-angkat orang-lah. Maka Sultan Mahmud pun santap-lah kedua laki isteri. Sa-telah sudah maka tirai kelambu pun di-labohkan orang-lah. Maka Sultan Mahmud pun dudok-lah dalam tirai kelambu itu membujok isteri-nya. Maka tiada-lah tersebut lagi perkataan itu. Kemudian dari itu maka di-kahwinkan pula Sultan Ahmad dengan anak-nya Bendahara Terengganu itu, saperti adat Sultan Mahmud itu-lah baginda mengerjakan anakanda baginda kedua.

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

Sa-telah sudah maka titah baginda, "Hai Laksamana, berapa hari lagi Laksamana hendak membawa anak kita kedua itu?" Maka sembah Laksamana, "Daulat tuanku, mana titah patek junjong, tetapi dua hari lagi-lah baik, tuanku, pada hari Ahad paduka anakanda itu berangkat."

Sa-telah datang-lah pada dua hari, pada pagi2 Ahad, maka gajah kenaikan pun di-bawa orang masok-lah. Maka Sultan Mahmud dan Sultan Ahmad pun memakai sa-lengkap-nya lalu keluar mengadap ayahanda. Baginda pun bertitah, "Hai Laksamana, pergi-lah rajakan anak kita kedua ini." Maka sembah Laksamana, "Daulat tuanku, mana titah patek junjong." Maka titah baginda, "Hai anak-ku kedua, baik2 pelihara akan ra'ayat dan tahu2 mengambil hati segala menteri hulubalang-mu itu; yang mana adat jangan di-ubah." Maka anakanda baginda kedua pun sujud menyembah pada kaki ayahanda baginda. Maka di-pelok di-chium baginda kepala anakanda baginda kedua itu. Maka Sultan Mahmud kedua bersaudara pun naik-lah ka-atas gajah. Maka payong iram2 pun terkembang-lah. Maka segala bunyi2an pun di-palu orang-lah. Maka baginda kedua bersaudara pun berarak-lah turun ka-perahu, terlalu ramai orang isi negeri Melaka itu datang melihat, penoh sesak sa-panjang jalan itu.

Hatta maka baginda kedua pun sampai-lah ka-pantai. Maka sultan kedua pun turun di-atas gajah-nya menyambut tangan isteri-nya di-bawa-nya naik ka-perahu. Sa-telah sudah maka Laksamana pun mengerahkan orang-nya membongkar sauh lalu berdayong hilir. Telah lepas alangan maka Sairu'l-'alamin pun menarek layar-lah menuju tanah Lingga.

* * *

Hatta berapa antara-nya maka anak raja kedua pun sampai-lah ka-Lingga lalu turun di-perahu-nya itu, kedua-nya menyambut tangan isteri-nya di-bawa-nya naik ka-istana. Maka sultan pun dudok-lah di-istana itu. Sa-telah sudah maka Laksamana pun mengator segala pegawai dan petuanan itu sakalian-nya dudok bersaf2. Maka pedang kerajaan pun terpikul-lah oleh segala anak raja2. Maka bentara pun terdiri-lah kiri kanan baginda itu memikul pedang yang keemasan. Maka chogan alamat yang bermalaikan emas itu pun terdiri-lah. Maka nobat dan tabal pun di-titir orang-lah. Maka segala menteri dan pegawai pun menundokkan kepala-nya ka-tanah serta mengatakan, "Daulat tuanku, Seri Sultan! Bertambah2 daulat dirgahayu!" Sa-telah sudah sujud tiga kali maka nobat dan tabal pun berhenti-lah.

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

Sa-ketika lagi maka hidangan pun di-angkat orang-lah. Maka segala menteri dan pegawai pun makan-lah masing2 pada hidangan-nya. Sa-telah sudah makan, minuman pula datang. Maka segala pegawai dan petuanan pun minum-lah terlalu ramai dengan tepok tari-nya. Sa-telah sudah makan minum, segala pegawai dan petuanan pun masok mengadap baginda. Maka raja pun berangkat keluar. Maka segala menteri dan segala pegawai yang baharu di-beri nama itu semua-nya datang mengadap baginda. Sa-ketika dudok maka persalin pun di-bawa orang-lah berarus2 perangguan. Maka di-persalin oleh baginda segala pegawai dan petuanan itu di-anugerah emas, sudah itu, akan segala ra'ayat pula, masing2 pada kadar-nya. Sa-telah itu maka baginda pun berangkat masok ka-istana. Maka segala pegawai pun bermohon-lah pulang ka-rumah-nya. Maka berhenti-lah perkataan ini.

• • •

Al-kesah maka tersebut-lah perkataan Laksamana hendak pergi ka-Bentan membawa Sultan Ahmad. Pada suatu hari maka Laksamana pun bermohon kapada baginda laki isteri. Maka Laksamana pun turun menyambut Sultan Ahmad laki isteri di-bawa-nya ka-perahu, di-iringkan oleh segala menteri dan pegawai sakalian. Sa-telah sampai ka-pantai maka baginda pun menyambut tangan isteri-nya lalu di-bawa-nya naik ka-perahu. Maka sauh pun di-bongkar orang-lah. Maka perahu kenaikan pun berdayong hilir-lah lalu menarek layar menuju tanah Bentan. Berapa antara-nya maka sampai-lah ka Bentan Maka tunggul panji2 pun di-dirikan orang-lah. Maka bedil pun di pasang orang-lah terlalu azmat bunyi-nya. Maka baginda pun menaikkan isteri-nya ka-darat lalu berjalan masok ka-dalam kota lalu ka-istana.

Maka Laksamana pun mengerahkan segala pegawai dan petuanan berjaga2. Maka segala menteri dan pegawai pun berjaga-lah terlalu ramai dengan segala bunyi2an. Sa-telah genap tujoh hari tujoh malam maka baginda naik-lah ka-atas perarakan. Maka chogan alamat yang bermalaikan emas pun terdiri-lah. Maka nobat dan tabal pun di-palu orang-lah. Maka baginda berarak-lah berkeliling negeri itu dengan bunyi2an. Sa-telah genap tiga kali, lalu ber-arak masok ka-istana. Maka baginda pun dudok di-atas singgahsana yang keemasan. Maka Laksamana pun mengator segala pegawai dan petuanan. Maka pedang kerajaan pun terpikul-lah. Maka nobat dan tabal pun di-titir orang-lah. Maka menteri dan pegawai dan petuanan pun sakalian-nya sujud serta menundokkan kepala-nya ka-tanah serta mengatakan, "Daulat tuanku!

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

Dirgahayu paduka Seri Sultan, yutawwilu 'Llahu 'umra kumu's-Sultani'l-'azimi'l-karimi shah-shah bani fi'l-judi'l-kirami shah-shah bani Adam. Sa-telah genap-lah tiga kali maka nobat dan tabal pun berhenti-lah. Sa-telah sudah Laksamana pun memileh segala pegawai yang tua di-jadikan Perdana Menteri keempat, di-gelar-nya Temenggong Seri Seroja dan Maharaja Lela dan Seri Pekerma Raja dan Kemala Dewa dan Seri Bija Wangsa dan Seri Lela Wangsa dan Seri Paduka Raja Diraja. Maka barang sembah ra'ayat pada menteri dua belas itu-lah; maka menteri itu pula menyampaikan kapada raja. Dan di-pileh-nya pula segala anak pegawai dan petuanan sa-ratus dua puloh, di-jadikan pegawai di-bawah menteri dua belas itu.

Sa-telah sudah maka hidangan pun di-angkat orang-lah. Maka segala menteri dan pegawai hulubalang sakalian pun makan-lah masing2 pada hidangan-nya. Sa-telah sudah makan, maka minuman pula datang. Maka piala yang bertatahkan ratna mutu ma'nikam pun di-peredarkan orang-lah. Maka segala pegawai dan petuanan dan mandalika pun minum-lah terlalu ramai ber-anggap2an. Maka biduan yang baik suara-nya pun bernyanyi-lah. Maka segala yang berahi pun berbangkit-lah menari dengan tepok tari-nya dan menyukakan hati-nya. Maka segala yang minum itu pun sangat-lah mabok-nya: ada yang menari sambil terlompat2 ada yang menari sambil tertonggeng2, ada yang menari sambil terkentot2, ada yang tiada sempat pulang ka-rumah-nya tertidor pada tempat minum itu. Maka baginda pun berangkat masok ka-istana. Maka Laksamana dan segala pegawai pun bermohon-lah pulang ka-rumah-nya. Demikian-lah di-cheriterakan oleh orang yang empunya cheritera ini.

Berhenti-lah pekerjaan Sultan Ahmad. Maka baginda pun karar-lah di-atas kerajaan dengan pereksa-nya dan adil-nya serta dengan murah-nya dengan tegor sapa-nya pada segala ra'ayat dan dagang santeri yang pergi datang itu. Maka Bentan pun menjadi bandar besar-lah. Maka banyak-lah dagang santeri pergi datang berniaga. Maka nama Laksamana pun mashhor-lah sampai pada segala negeri yang asing.

* * *

Sa-bermula Laksamana pun hendak bermohon kembali ka-Melaka. Pada suatu hari baginda dudok di-balairong di-adap segala menteri dan pegawai dan petuanan sakalian. Maka Laksamana pun masok mengadap lalu dudok menyembah; maka segera di-tegor baginda, "Mari orangkaya dudok." Sa-

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

ketika lagi maka Laksamana pun berdatang sembah, "Ya tuanku shah alam, patek mohonkan ampun dan kurnia; akan pekerjaan duli shah alam pun sudah-lah tertentu. Jika ada derma kurnia duli shah alam akan hamba tua, patek mohon kembali mengadap duli paduka ayahanda, kerana patek pun sudah-lah lama meninggalkan paduka ayahanda." Maka titah baginda, Mana bichara orangkaya-lah, tetapi Duli Yang Di-Pertuan itu juga penaroh kita lah kapada orangkaya sakalian, kerana baginda orang tua." Maka Laksamana dan Maharaja Setia pun menyembah, kata-nya, "Daulat tuanku." Maka persalin pun datang-lah. Maka segala pegawai yang banyak itu pun di-persalin-lah tetapi lebeh juga Laksamana, di-anugerah emas dan perak dan pakaian yang mulia2. Maka Laksamana pun menjunjong duli lalu turun ber alan. Sa-telah sudah sampai ka-perahu-nya maka Laksamana pun mengerahkan orang-nya membongkar sauh lalu berdayong hilir. Sa-telah lepas alangan maka Laksamana pun belayar-lah menuju tanah Melaka.

Hatta berapa lama-nya belayar itu maka Laksamana pun sampai-lah ka-kuala Melaka. Maka bedil pun di-pasang orang-lah saperti berteh. Maka Laksamana dan segala pegawai yang banyak itu pun naik-lah berjalan ka-pantai lalu masok ka-dalam kota. Pada tatkala itu baginda ada di-adap orang di-balairong, segala menteri dan pegawai sakalian. Maka Laksamana pun datang lalu sujud pada kaki baginda. Maka baginda pun segera memelok leher lalu di-chium-nya Laksamana. Maka baginda bertanya, "Apa khabar anak kita kedua?" Maka sembah Laksamana, "Daulat tuanku, ada pun patek anakanda kedua itu sudah-lah bertentuan, maka patek bermohon kembali mengadap duli shah alam ini." Maka baginda pun berangkat masok, Bendahara dan Laksamana dan segala pegawai sakalian pun menyembah lalu keluar masing2 pulang ka-rumah-nya.

Maka negeri Melaka pun sentosa-lah sebab Bendahara dan Laksamana memeliharakan. Maka bertambah2 kurnia baginda akan Laksamana. Maka Laksamana pun keluar masok tiada-lah berhingga lagi. Demikian-lah di-ceriterakan oleh orang yang empunya ceritera ini.

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

BAB XXIII

MAKA tersebut-lah perkataan negeri Inderapura di-serang oleh ikan yang bernama todak itu. Shahadan pada suatu hari raja Inderapura dudok di-adap segala menteri hulubalang sakalian. Maka di-kehendaki Allah Ta'ala atas segala hamba-nya, maka datang ikan todak itu; maka di-serang-nya-lah lalu di-tikam-nya dengan jongor-nya, saperti hujan yang lebat datang-nya. Maka segala orang di-luar kota pun semua-nya habis lari masok ka-dalam kota mengatakan todak menyerang negeri itu. Maka khabar todak itu pun di-persembahkan orang-lah kapada raja. Maka raja pun terlalu hairan serta terkejut, lalu bertitah pada biduanda kechil pergi panggil Bendahara. Maka Bendahara Seri Buana pun segera masok mengadap. Maka titah baginda, "Hai mamak Bendahara, apa bichara kita? Akan sekarang negeri ini di-serang oleh ikan todak ini?" Sa-telah Bendahara Seri Buana menengar titah baginda demikian itu, maka sembah Bendahara, "Daulat tuanku, apa-tah bichara patek? Akan sekarang ini, jikalau manusia dapat-lah di-bicharakan dia; ini binatang." Sa-telah baginda menengar sembah Bendahara demikian itu, maka titah baginda, "Jikalau demikian, baik-lah kita pagarkan manusia supaya mashhor nama kita, lagi pun kita raja besar, banyak ra'ayat." Maka sembah Bendahara, "Sa-benar-nya-lah saperti titah duli shah alam itu." Maka titah baginda, "Jika demikian, segera-lah mamak Bendahara bicharakan dia."

Maka Bendahara pun menyembah lalu keluar dudok di-balai gendang mengerahkan segala orang besar2 yang memegang anak sungai dan telok rantau itu suroh bawa ra'ayat-nya berhimpun ka-Inderapura. Hatta berapa hari lama-nya maka ra'ayat sakalian pun berhimpun-lah. Maka segala ra'ayat itu pun di-suroh berkota akan betis-nya. Sa-bermula todak itu pun datang-lah saperti hujan yang lebat, di-tikam-nya dengan jongor-nya. Akan segala yang menjadi kota itu pun banyak-lah mati dan luka, berapa ribu mati dan luka itu. Maka bangkai pun bertimbun2. Maka ra'ayat yang ada itu pun lari-lah membawa

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

diri-nya, terbanyak pula merebahkan diri-nya pada bangkai itu. Sa-telah Bendahara melihat segala ra'ayat itu undor dan banyak mati dan luka, maka Bendahara pun masok mengadap persembahkan hal ahwal itu. Maka baginda pun tiada-lah terbicharakan lagi.

Sa-bermula tatkala itu anak Hang Jebat yang bernama Tun Kadim yang di-suroh oleh Tun Teja pergi ka-Inderapura kapada bapa-nya Bendahara Seri Buana itu pun ada mengikut Bendahara. Sa-telah ia melihat laku raja dan Bendahara demikian itu, maka ia pun berdatang sembah, "Daulat tuanku shah alam, patek mohonkan ampun dan kurnia; pada bichara patek sunggoh pun duli tuanku raja besar dan banyak ra'ayat, pada bichara patek yang hina, jangankan sa-buah negeri shah alam ini akan bertahan, jika sa-puloh buah negeri sa-kali pun tiadakan bertahan oleh binatang todak itu, kerana todak itu terlalu banyak." Sa-telah raja menengar sembah Hang Kadim demikian itu, maka baginda pun bertitah, "Hai budak, bagaimana bichara-mu pula? Katakan-lah ku-dengar." Maka Hang Kadim pun berdatang sembah, "Ya tuanku shah alam, pada bichara patek, ada suatu tipu-nya. Baik juga kita berkota-kan batang pisang; chuba kalau2 di-turut Allah Ta ala, bertambah daulat shah alam." Sa-telah baginda menengar sembah Hang Kadim itu, maka baginda pun bertitah, "Hai Bendahara, segera-lah kerahkan segala ra'ayat kita suroh perbuat akan saperti bichara budak ini."

Maka Bendahara pun menyembah lalu keluar dudok di-balai gendang mengerahkan segala ra'ayat berbuat kota batang pisang itu. Maka di-kerjakan orang-lah saperti titah itu. Beberapa hari lama-nya maka kota itu pun sudah-lah. Maka ikan todak itu pun sa-bagai datang tiada berhenti lagi menikam kapada batang pisang itu juga. Demikian beberapa ribu todak itu mati lekat pada batang pisang itu. Maka segala orang Inderapura pun terlalu sukachita melihat todak yang lekat pada batang pisang itu habis mati Dengan demikian maka todak itu pun habis-lah mati; yang tinggal itu tiada-lah menikam lagi Shahadan maka raja todak itu pun kembali-lah. Ada pun raja todak itu terlalu indah2 rupa-nya dan besar-nya pun terlebeh daripada todak yang banyak.

Sa-telah di-lihat oleh orang sakalian todak itu tiada-lah menikam lagi, maka di-persembahkan orang kapada Bendahara dengan Hang Kadim; Bendahara dengan Hang Kadim pun masok persembahkan raja akan hal ahwal todak itu tiada-lah menikam lagi. Sa-telah sudah baginda menengar sembah Bendahara ikan itu sudah kembali, maka baginda pun terlalu sukachita, lalu bertitah, "Hai mamak Bendahara, siapa budak ini dan apa nama-nya?" Maka sembah Bendahara, "Daulat tuanku, ada pun budak ini Hang Kadim nama-nya."

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

Maka di-ceriterakan daripada permulaan datang kesudahan-nya di-suroh hantar oleh Tun Teja itu. Sa-telah raja menengar sembah Bendahara demikian itu, maka baginda pun fikir sa-ketika: 'Sayang-nya bapa budak ini durhaka. Jikalau tiada, anak-nya Hang Jebat ini aku jadikan hulubalang yang menanggong negeri-ku ini. Jikalau demikian, biar-lah aku gelar Hang Kadim ini orangkaya Sang Setu kerana ia bapa-nya orang durhaka.' Sa-telah baginda fikir demikian itu, maka titah baginda, "Hai Bendahara, ada pun Hang Kadim ini kita anugerah nama akan dia orangkaya Sang Setu." Maka sembah Bendahara, "Daulat tuanku." Maka sembah orangkaya Sang Setu, "Patek menjunjong kurnia shah alam." Sa-telah sudah baginda memberi nama akan Hang Kadim itu, maka baginda pun berangkat masok ka-dalam istana dengan sukachita-nya.

Shahadan baginda pun sa-bagai memberi persalin akan Sang Setu, beberapa emas perak dan kain baju. Maka segala menteri dan orangkaya2 itu pun lain-lah bichara-nya, siang malam hendak menchari kesalahan Sang Setu juga kerja-nya. Maka pada sa-kali waktu pergi-lah segala menteri dengan segala pegawai sakalian kapada Temenggong; ia hendak meshuarat mengadakan fitnah akan Sang Setu itu. Maka kata Temenggong, "Hendak ka-mana tuan2 sakalian datang pagi2 ini?" Maka sahut mereka itu, "Tiada ka-mana, tuanku; sahaja di-perhamba hendak bermain." Maka segala menteri itu pun dudok-lah, tetapi Temenggong orang bijaksana, ia tahu akan kehendak segala menteri itu. Ada pun balai Temenggong itu di-tepi pesara. Maka Bendahara dan Sang Setu pun berjalan di-tengah pasar itu hendak masok mengadap raja. Maka di-lihat oleh Temenggong Bendahara lalu dengan Sang Setu itu; maka kata Temenggong pada segala pegawai yang dengki itu, "Ada pun budak ini sa-lama di-anugerahi nama oleh Duli Yang Di-Pertuan sa-bagai, hamba lihat, masok mengadap dan kurnia Yang Di-Pertuan banyak akan dia." Maka kata mereka sakalian itu, "Sunggoh tuanku, pada penglihatan di-perhamba pun demikian juga. Sedang kechil-nya lagi sudah sa-kain kurnia Yang Di-Pertuan; jikalau besar kelak entah menjadi hulubalang besar, siapa tahu?" Sa-telah Temenggong menengar kata segala pegawai itu, maka Temenggong pun berkenan-lah bichara itu, "Sabar dahulu, pada bichara hamba pun demikian juga." Sa-telah segala pegawai itu menengar kata Temenggong demikian itu, maka sakalian-nya pun terlalu sukachita, dalam hati-nya: 'Sa-kali ini sampai-lah saperti maksud aku.'

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

Harta berapa lama-nya maka datang kehendak Allah Ta'ala, maka Laksamana Seri Buana pun datang sakit. Berapa antara-nya Bendahara sakit itu lalu mari-lah. Sudah baginda menengar Bendahara mati itu, maka raja pun berangkat kapada rumah Bendahara. Maka jenazah Bendahara pun di-kuborkan orang-lah. Sa-telah sudah baginda menaroh baginda itu, maka baginda pun pulang ka-istana dengan mashghul-nya akan Bendahara mati itu. Ada pun yang suka hanya-lah Temenggong dengan segala pegawai yang dengki itu, sebab ia hendak membunoh Sang Setu itu. Kemudian dari itu maka baginda pun sangat-lah kurnia akan Sang Setu itu; tiada masok, di-suroh panggil oleh raja.

Maka Temenggong pun meshuarat-lah dengan segala pegawai yang dengki itu hendak mengadakan fitnah akan Sang Setu itu. Sa-telah sudah ia meshuarat, maka ia pun masok-lah mengadap raja di-iringkan oleh segala menteri dan pegawai yang banyak itu. Maka tatkala itu baginda pun lagi dudok di-bendul di-adap oleh segala biduanda. Maka Temenggong dan segala menteri itu pun datang lalu dudok menyembah serta mengempaskan dastar-nya dan keris-nya di-hadapan raja itu; maka serta berdatang sembah, "Daulat tuanku, patek mohonkan ampun dan kurnia ka-bawah duli shah alam, di-perbanyak2 di-atas batu kepala patek. Ada pun pekerjaan ini lama-lah sudah patek dengar, di-beritahu patek2 ini."

Sa-telah baginda menengar sembah Temenggong itu, maka raja pun terkejut, serta bertitah, "Hai segala kamu sakalian, apa penglihatan dan pendengaran kamu?" Maka sembah segala menteri itu, "Daulat tuanku, patek hamba yang hina ini tiada berani patek berdatang sembah, melainkan patek tua itu-lah yang empunya perentah pekerjaan ini." Maka titah baginda, "Hai Temenggong, katakan juga kita dengar; tahu kita membalas dia." Maka sembah Temenggong, "Daulat tuanku, patek mohonkan ampun dan kurnia, hendak pun patek berdatang sembah patek takut, kerana yang empunya kerja itu tuanku kurnia sangat akan dia. Baik masa tuanku perchaya akan sembah patek ini; jikalau tiada, alang-kah jahat-nya nama patek hamba tuanku ka-bawah duli shah alam, sa-olah2 kata orang, dengki akan kurnia shah alam akan orang itu." Sa-telah baginda menengar sembah Temenggong demikian itu, maka titah baginda, "Siapa itu? Sang Setu-kah?" Maka sembah Temenggong, "Siapa-tah lagi yang berani daripada Sang Setu itu? Ada pun di-cheriterakan oleh patek2 ini; patek tiada perchaya, lalu patek pun berkawal-lah sendiri. Maka patek bertemu Sang Setu itu berkata2 dengan sa-orang perempuan di-dalam istana tuanku ini, perempuan Dang Setia nama-nya. Hendak pun patek tikam pada

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

malam itu kerana ia dalam istana tuanku, kalau beroleh salah ka-bawah Duli Yang Di-Pertuan."

Sa-telah baginda menengar sembah Temenggong demikian itu, maka raja pun terlalu murka, merah padam muka baginda, lalu bertitah pada segala menteri dan pegawai yang dengki itu, "Hai segala kamu sakalian, pergi-lah buangkan si-derhaka itu!"

Maka segala pegawai itu pun pergi-lah dengan sukachita hati-nya. Sa-telah sampai kapada balai Temenggong Sang Setu itu, maka di-tangkap-nya Sang Setu itu lalu di-ikat-nya. Sa-telah sudah di-ikat-nya, maka di-bawa orang-lah Sang Setu itu ka-pintu gerbang lalu di-tendas kepala-nya. Maka Sang Setu pun mati-lah.

Arakian sa-telah sudah baginda membunoh Sang Setu itu maka baginda pun menyesal lalu tiada keluar ka-penghadapan tujoh hari mati Sang Setu itu. Demikian-lah di-cheriterakan oleh orang yang empunya cheritera ini.

• • •

Al-kesah maka tersebut-lah perkataan Hang Kamar orang Melaka. Ada pun Hang Kamar itu orang Temenggong Seri Seroja; maka ia pergi berniaga ka-Inderapura. Sa-telah di-dengar-nya Bendahara mati dan Sang Setu di-bunoh oleh raja Inderapura itu tiada berdosa, sahaja Temenggong dengan segala pegawai dengki akan dia, maka fikir-nya, 'Jika demikian baik-lah aku khabarkan ka-Melaka Bendahara mati itu dan Sang Setu itu di-bunoh oleh Temenggong.' Sa-telah sudah ia fikir demikian, maka Hang Kamar pun segera kembali ka-Melaka. Maka ia pun naik mengadap Temenggong lalu dudok menyembah. Maka kata Temenggong, "Dari mana mika datang ini?" Maka sembah Hang Kamar, "Ada pun sahaya dato' ini datang di-Inderapura, baharu sampai kel-marin. Tatkala sahaya dato' di-Inderapura itu Bendahara Seri Buana dengan Hang Kadim anak Hang Jebat itu mati di-bunoh oleh raja Inderapura dengan sebab fitnah Temenggong hendak menjadi Bendahara. Akan sekarang ia pun sudah raja Inderapura jadikan Bendahara."

Bermula Hang Kamar itu tatkala ia di-Inderapura, di-hukumkan oleh Temenggong dengan sebab perguaman sadikit utang piutang. Maka ia pun sakit hati-lah akan Temenggong Inderapura itu.

Maka Temenggong menengar cheritera Hang Kamar itu, maka Temenggong pun segera masok mengadap raja. Maka tatkala itu baginda pun sedang ramai di-adap oleh segala menteri dan pegawai sakalian. Sa-telah sudah baginda

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

melihat Temenggong datang gopoh2, maka titah baginda, "Apa khabar maka Temenggong datang gopoh2 ini?" Maka sembah Temenggong, "Daulat tuanku, ada khabar sadikit patek dengar." Maka Temenggong pun menyembah serta berdatang sembah, "Daulat tuanku, ada pun orang patek, Hang Kamar nama-nya, baharu datang di-Inderapura; ia-lah membawa khabar mengatakan dato' Bendahara Seri Buana Inderapura sudah mati di-bunoh oleh ra a Inderapura, sebab fitnah Temenggong hendak menjadi Bendahara. Akan sekarang Temenggong pun sudah di-jadikan Bendahara oleh raja." Maka titah baginda, "Hai Temenggong, siapa membawa khabar ini? Ada-kah sah atau tiada-kah?" Maka sembah Temenggong, "Daulat tuanku, ada pun khabar ini, pada bichara patek, tentu-lah, kerana Hang Kamar itu orang patek. Baharu juga ia datang dari Inderapura itu kelmarin. Lagi pun orang baik, harus di-pakai kata-nya."

Sa-telah raja menengar sembah Temenggong demikian itu, maka baginda pun berangkat masok ka-istana membawa khabar pada Tun Teja. Sa-telah Tun Teja menengar titah raja demikian, maka Tun Teja pun menangis terlalu sangat, lupa akan diri-nya mengenangkan untong-nya sebab meninggalkan ayah bonda-nya. Sa-telah sedar daripada lupa-nya itu, maka kata Tun Teja, "Ada pun patek ini perempuan dengan bujang-nya. Akan sekarang, jikalau patek laki2, tahu-lah patek membalas dia."

Sa-telah baginda melihat hal Tun Teja dan menengar perkataan itu, maka baginda pun sangat amarah-nya akan raja Inderapura itu sambil baginda berjalan keluar menyuroh memanggil Laksamana. Laksamana pun segera datang. Sa-telah raja melihat Laksamana datang itu, maka baginda pun bertitah, 'Hai kekaseh-ku Laksamana, pergi-lah engkau alahkan negeri Inderapura itu dan raja-nya pun Laksamana bunoh." Sa-telah Laksamana menengar titah raja demikian, maka sembah Laksamana, "Daulat tuanku, patek pohonkan saudara patek ketiga ini, kerana patek melangkah laut, akan ganti mata telinga Duli Yang Di-Pertuan. Insha' Allah Ta'ala, patek-lah mengalahkan Inderapura itu." Kata-nya "Cheh! Mengapa pula bagitu? Maka dengan sempurna-nya patek datang mengadap duli shah alam."

Sa-telah baginda menengar chakap Laksamana demikian itu, maka baginda pun menanggalkan pakaian yang di-pakai baginda itu di-anugerahkan Laksamana, baginda sendiri mengenakan pakaian itu pada tuboh Laksamana. Maka Laksamana dan Maharaja Setia dan Tun Lekir dan Tun Lekiu pun menjunjong duli lalu keluar berjalan mengiringkan Laksamana turun ka-perahu-nya.

Sa-telah sampai ka-perahu-nya, maka Laksamana pun menyuroh orang membongkar sauh lalu berdayong hilir sambil memasang bedil dan mendirikan

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

tunggul panji2. Sa-telah sampai ka-kuala lepas alangan maka Mendam Berahi pun menarek layar-lah menuju tanah Inderapura. Ada pun perahu serta Laksamana itu enam puloh haluan banyak-nya. Hatta berapa lama-nya belayar itu maka Laksamana pun sampai-lah ka-Pulau Tinggi. Maka sauh pun di-labohkan orang-lah. Maka tunggul panji2 pun di-dirikan orang-lah. Maka bedil pun di-pasang orang-lah terlalu azmat bunyi-nya.

Bermula khabar Laksamana datang hendak menyerang Inderapura itu pun di-persembahkan orang-lah kapada raja. Maka raja pun segera menghimpunkan segala pegawai hulubalang sakalian. Maka sakalian-nya pun datang-lah berhimpun mengadap raja. Maka titah baginda, "Hai Temenggong, akan sekarang apa bichara kita, kerana Laksamana itu sudah datang ka-Pulau Tinggi, khabar-nya di-suroh oleh raja Melaka mengalahkan negeri kita ini?" Maka sembah Temenggong dengan segala pegawai yang tua2, "Daulat tuanku, jikalau demikian, pada bichara patek, baik juga tuanku menyerahkan diri kita. Jika kita melawan pun tiada akan terlawan, kerana Laksamana itu hulubalang besar pada zaman ini, mashhor nama-nya di-tanah Majapahit dan segala tanah Melayu ini yang telah di-perbuat-nya masa ini. Alang-kah aib-nya nama Duli Yang Di-Pertuan. Mana mata-nya yang hendak menahan dia?" Sa-telah baginda menengar sembah Temenggong dan segala pegawai demikian itu, maka titah baginda, "Jika demikian, bagaimana bichara?" Maka baginda tundok fikir sa-ketika, dalam hati-nya: 'Benar saperti sembah Temenggong itu', maka titah baginda, "Jika demikian, baik-lah kita menyuroh dahulu kapada Laksamana itu sementara belum ia sampai ka-negeri kita ini." Maka sembah Temenggong, "Daulat tuanku, mana titah patek junjong." Maka titah raja, "Jikalau demikian, Seri Maharaja Lela dan Tun Pekerma-lah baik kita surohkan pergi ka-Pulau Tinggi itu menyambut Laksamana itu." Maka sembah orangkaya kedua itu, "Daulat tuanku, mana titah patek junjong."

Maka Seri Maharaja Lela dan Tun Pekerma pun turun berjalan ka-perahu. Sa-telah sampai, lalu belayar menuju Pulau Tinggi. Hatta berapa antara-nya maka orangkaya kedua itu pun sampai-lah lalu mendapatkan Laksamana. Maka kata Seri Maharaja Lela, "Ada pun sahaya datang ini di-titahkan oleh Duli Yang Di-Pertuan menyambut orangkaya minta sila bermain2 ka-Inderapura, kerana Duli Yang Di-Pertuan sangat rindu hendak bertemu dengan orangkaya sendiri. Maka sahut Laksamana, "Ada pun sahaya datang ini, jikalau tiada saudara-ku kedua datang memanggil pun, sahaja sahaya akan pergi juga-lah ka-Inderapura itu, kerana titah Duli Yang Di-Pertuan Melaka suroh mari memereksai siapa orang-nya yang membunoh Hang Kadim itu; sahaya hendak

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

ketahui akan dosa-nya." Maka orangkaya kedua itu pun berdiam diri-nya, suatu pun tiada ada jawab-nya. Maka kata Laksamana pada Maharaja Setia dengan bahasa Feringgi, "Hai saudara-ku, apa bichara kita?" Jika demikian mari-lah kita belayar ka-Inderapura." Maka kata Maharaja Setia, "Baik-lah, mana benar pada orangkaya segera-lah kerjakan."

Maka Laksamana pun mengerahkan perahu yang banyak itu suroh belayar Maka Laksamana pun belayar-lah menuju Inderapura. Berapa antara-nya maka Laksamana pun sampai-lah ka-kuala Inderapura, lalu belayar berdayong mudek sambil memasang bedil dan mendirikan tunggul panji2 dan memalu bunyi2an perang, terlalu gemuroh bunyi-nya. Maka segala orang Inderapura pun ghalabah ka-sana ka-mari sangat takut mendengar bunyi bedil Laksamana itu. Maka Laksamana pun sampai-lah ka-pengkalan Bendahara Seri Buana lalu berlaboh dengan segala perahu yang banyak itu.

Sa-bermula Maharaja Lela dan Tun Pekerma telah sampai lalu naik mengadap raja, persembahkan segala hal ahwal Laksamana sudah datang itu dan segala kata Laksamana itu semua-nya di-persembahkan-nya. Maka raja pun sangat ketakutan dengan mashghul bichara-nya, lalu menyuroh menyambut Laksamana naik.

Maka Laksamana naik-lah mengadap raja Inderapura dengan segala orang-nya, penoh sesak di-penghadapan itu. Sa-telah raja melihat Laksamana datang itu, maka titah baginda, "Silakan Laksamana." Maka Laksamana pun dudok, seraya berdatang sembah, "Daulat tuanku, ada pun patek datang ini di-titahkan oleh duli paduka kakanda suroh mari memereksai akan kematian Hang Kadim itu, apa gerangan dosa-nya ka-bawah Duli Yang Di-Pertuan di-sini." Maka baginda pun tundok fikir sa-ketika tiada terkata2, lalu memandang kapada Temenggong. Maka Temenggong pun tiada terjawab kata Laksamana itu Maka titah raja, "Hai Laksamana, ada pun kita ini sa-umpama benang puteh, barang yang hendak di-warnakan oleh saudara kita raja Melaka itu jadi-lah. Akan kita pun demikian-lah. Maka ini Laksamana datang sangat-lah kesukaan kita. Sekarang Laksamana sembahkan-lah kapada Yang Di-Pertuan Melaka itu, katakan sembah kita kapada saudara kita itu, yang mana di-dalam negeri kita ini yang patut, biar-lah kita hantarkan ka-Melaka pada sa-tahun sa-kali akan jadi upeti adat negeri ta'alok ka-Melaka datang kapada sama anak chuchu Yang Di-Pertuan dengan anak chuchu kita, tiada berputusan." Maka sembah Laksamana, "Daulat tuanku shah alam, yang saperti titah tuanku itu sa-benar-nya-lah, tetapi patek pohonkan kurnia ka-bawah duli, patek minta bebas hendak ambil orang membunoh Hang Kadim itu hendak bawa ka-Melaka dengan anak

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

bini-nya dan hamba sahaya-nya, kerana titah duli paduka kakanda suroh ambil bawa ka-Melaka." Sa-telah baginda menengar sembah Laksamana demikian itu, maka raja pun tundok fikir sa-ketika lalu bertitah, "Hai Laksamana, ada pun pekerjaan itu mana perentah pandang tilek Laksamana-lah, kerana kita orang salah."

Sa-telah sudah berkata2 itu, di-angkat orang-lah beratus2 hidangan. Maka Laksamana pun makan-lah dengan segala orang-nya sakalian masing2 pada hidangan-nya. Sa-telah sudah makan, maka datang pula sireh dan bau2an. Maka Laksamana pun makan-lah sireh dan memakai bau2an. Sa-ketika lagi maka harta persembah ka-Melaka itu pun datang-lah ka-hadapan raja bertimbun2an. Maka titah raja, "Hai Laksamana, ini-lah persembah akan Yang Di-Pertuan Melaka itu akan Laksamana." Maka sembah Laksamana, "Daulat tuanku, patek menjunjong kurnia-lah."

Maka Laksamana pun bermohon-lah kapada raja lalu turun ka-perahu-nya. Sa-telah sampai ka-perahu, maka Laksamana pun menyurohkan segala orang-nya pergi menchari orang yang membunoh Sang Setu itu: mana yang bertemu habis di-ambil-nya di-bawa ka-perahu, terbanyak pula lepas membawa diri-nya ka-sana ka-mari. Maka ada yang tinggal anak-nya dan ada yang tinggal hamba-nya, di-tangkap di-bawa turun ka-perahu. Maka Laksamana pun menyuroh orang-nya membongkar sauh lalu berdayong hilir sambil memasang bedil terlalu azmat bunyi-nya. Sa-telah lepas alangan, maka Mendam Berahi pun menarek layar-lah; maka menuju tanah Melaka. Maka perahu yang banyak itu pun belayar-lah mengikut kenaikan Laksamana itu.

Hatta berapa lama-nya belayar itu maka Laksamana pun sampai-lah ka-kuala Melaka. Maka bedil pun di-pasang orang-lah saperti berteh bunyi-nya. Maka terdengar-lah kapada Bendahara bahawa Laksamana sudah datang itu. Maka Bendahara pun segera masok mengadap baginda berdatang sembah, "Ya tuanku, Laksamana sudah datang dengan kemenangan-nya dan orang-nya Inderapura pun banyak di-bawa-nya oleh Laksamana mari." Sa-telah raja menengar sembah Bendahara demikian itu, maka baginda pun terlalu sukachita.

Sa-ketika lagi maka Laksamana dan Maharaja Setia, Tun Lekir, Tun Lekiu pun datang lalu sujud pada kaki baginda. Maka baginda pun memelok leher Laksamana, lalu bertitah, "Hai Laksamana, apa khabar Inderapura." Maka Laksamana pun berdatang sembah, "Ya tuanku, khabar baik, tuanku." Maka hal ahwal-nya semua-nya di-persembahkan raja oleh Laksamana. Maka baginda pun hairan menengar sembah Laksamana itu. Sa-ketika lagi maka Laksamana pun berdatang sembah, "Ada pun segala orang Inderapura yang patek bawa

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

mari ini di-mana di-titahkan ia berbuat rumah?" Maka titah baginda, "Ada berapa banyak-nya orang itu?" Maka sembah Laksamana, "Laki2 dan perempuan kechil besar-nya patek ketemui sa-ribu enam ratus delapan orang banyak-nya." Maka titah baginda, "Laksamana lihat-lah tempat-nya; yang mana patut pada Laksamana suroh-lah berbuat kampong."

Maka harta persembah itu pun di-bawa orang-lah masok ka-dalam istana. Maka baginda pun berangkat masok. Maka Bendahara dan pegawai sakalian pun menyembah lalu keluar masing2 pulang ka-rumah-nya. Demikian-lah di-ceriterakan oleh orang yang empunya cherita ini.

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

BAB XXIV

AL-KESAH maka tersebut-lah perkataan raja Melaka hendak pergi bermain beramai2an ka-Singapura. Maka pada suatu hari baginda dudok di-balai di-adap oleh orang sakalian terlalu ramai. Maka baginda pun bertitah pada Bendahara dan Laksamana, "Segera-lah kerahkan segala menteri dan pegawai suroh berlengkap menurunkan perahu kenaikan-nya. Kita hendak pergi ka-pulau bermain2 membawa isteri kita."

Sa-telah Bendahara menengar titah baginda demikian, maka Bendahara pun menyembah lalu keluar dudok di-balai gendang mengerahkan segala menteri dan pegawai yang muda2 berlengkap dan menurunkan perahu-nya. Shahadan maka Laksamana pun menurunkan segala perahu-nya dan mengerahkan segala orang-nya berlengkap. Sa-telah sudah musta'id maka datang-lah kapada tujoh hari-nya. Maka Bendahara dan Laksamana pun masok mengadap berdatang sembah, "Daulat tuanku, patek di-titahkan berlengkap itu sudah-lah patek lengkapi saperti titah Duli Yang Di-Pertuan itu. Mana titah patek junjong, tetapi pada bichara patek, baik-lah duli shah alam berangkat pada tengah naik matahari ini, alamat geroda alah oleh ular." Maka baginda pun berangkat masok mendapatkan isteri-nya kedua-nya, seraya bertitah, "Mari-lah adinda kita turun, kerana hari sudah tinggi."

Maka Raden Emas Ayu dengan segala dayang2 pun bersimpan-lah. Maka Tun Teja pun mengerahkan orang-nya dan segala dayang2-nya bersimpan. Maka raja Melaka pun memakai-lah sa-lengkap-nya dan memakai makota yang di-beri oleh paduka ayahanda di-Bukit Seguntang itu. Sa-telah sudah memakai maka gajah kenaikan pun di-bawa oleh Laksamana masok ka-dalam-lah. Maka baginda pun membawa isteri-nya kedua naik ka-atas gajah. Maka segala dayang2 dan inang pengasoh-nya tuan Puteri Gunong Ledang itu pun sakalian-nya turun-lah berjalan mengiringkan gajah kenaikan baginda itu. Maka payong kerajaan pun terkembang-lah dan chogan alamat pun terdiri-lah dan tunggul

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

panji2 pun di-dirikan orang-lah. Maka segala bunyi2an pun di-palu orang-lah. Maka baginda pun berangkat-lah turun ka-perahu-nya, penoh sesak orang sa-panjang jalan melihat baginda berangkat itu terlalu ramai. Sa-telah sampai ka-perahu, maka baginda pun turun di-atas gajah-nya lalu menyambut tangan isteri-nya kedua dan anakanda Puteri Gunong Ledang di-bawa-nya naik ka-perahu dengan segala dayang2 sakalian-nya. Maka segala pegawai dan petuanan pun semua-nya naik-lah masing2 dengan perahu-nya, Bendahara dan Laksamana menghantarkan dia. Sa-bermula Maharaja Setia naik ghali baharu di-perbuat oleh Laksamana itu, menjadi chuchok. Sudah itu, Maharaja Dewa naik Sairul-alamin di-hadapan kenaikan baginda itu. Maka Tun Bija Sura naik Miratus-safa menjadi tutup, Laksamana naik Mendam Berahi, kenaikan Raden Emas Ayu, dan baginda sendiri dengan Tun Teja naik sa-buah s.ka.p.r mengiringkan perahu isteri-nya Raden Emas Ayu dan Bendahara Paduka Raja naik Batil Tuasa dengan anak isteri-nya dan Tun Mat naik Ranchong Mengkuang. Sa-telah sudah berator maka sakalian-nya pun berdayong-lah hilir lalu menarek layar menuju Singapura.

Hatta berapa antara-nya maka baginda pun sampai-lah antara selat Singapura. Maka dengan takdir Allah Ta'ala, maka sa-konyong2 datang sa-ekor ikan bersisekan emas dan bermatakan ma'nikam terlalu indah2 rupa-nya dudok di-bawah perahu kenaikan baginda itu. Maka di-lihat oleh segala orang dalam perahu itu ikan emas menimbul akan diri-nya mengikut perahu raja itu, maka gempar-lah masing2 melihat, serta mengatakan, "Ikan emas di-bawah perahu ini." Maka terdengar-lah kapada raja, maka titah baginda, "Apa di-lihat kamu sakalian itu?" Maka sembah segala biduanda itu, "Ya tuanku, patek mohonkan ampun dan kurnia, ada pun di-bawah perahu ini ikan emas sa-ekor terlalu indah2 rupa-nya." Maka titah baginda, "Ambil-lah layar perahu ini, laboh-kan; kita hendak melihat ikan emas itu."

Maka di-kerjakan orang-lah saperti titah itu. Sa-telah sudah terlaboh perahu itu maka baginda pun bangkit berjalan ka-tepi perahu itu lalu baginda memandang ka-bawah perahu itu. Maka dengan takdir kehendak Allah Ta'ala atas hamba-nya, maka makota yang di-pakai baginda itu pun jatoh ka-dalam ayer. Maka baginda pun terkejut seraya menampar2 paha-nya, seraya berkata, "Wah! Sayang-nya makota jatoh ka-dalam ayer!" Maka baginda pun menyuroh memanggil Bendahara dan Laksamana. Maka segala pegawai sakalian-nya pun datang berhimpun-lah. Maka titah baginda, "Hai mamak Bendahara dan Laksamana, makota kita jatoh ka-dalam ayer ini. Siapa gerangan berchakap menyelam dia? Besar kebaktian kapada kita." Maka sa-

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

orang pun tiada berchakap, kerana pada selat Singapura itu buaya banyak, terlalu buas, dan ayer-nya pun terlalu dalam. Maka Laksamana pun berdatang sembah, "Daulat tuanku, patek-lah menyelam dia." Sa-telah baginda menengar chakap Laksamana itu demikian, maka baginda pun segera memelok leher Laksamana.

Maka Laksamana pun bersikap-lah diri-nya dengan keris pandak-nya pun di-hunus-nya. Maka Laksamana pun menyembah baginda lalu terjun turun ka-dalam ayer itu menyelam. Maka ia di-raba oleh Laksamana makota itu, bertemu; maka di-pegang-nya lalu ia bawa timbul. Apabila hampir ka-perahu, maka datang sa-ekor buaya puteh, mata-nya bernyala2. Maka di-sambar-nya oleh buaya keris pada tangan Laksamana itu, dapat oleh buaya itu. Maka Laksamana pun terkejut. Maka makota pada tangan-nya itu pun terlepas jatoh ka-dalam ayer itu pula. Maka segera di-turut oleh Laksamana buaya itu lalu di-tangkap oleh Laksamana ekor-nya. Maka di-bawa oleh buaya itu Laksamana tenggelam. Maka Laksamana pun lemas-lah; maka segera di-lepaskan oleh Laksamana ekor-nya buaya itu.

Maka segala orang di-dalam perahu itu pun gempar-lah mengatakan Laksamana di-tangkap oleh buaya. Maka baginda pun terlalu amat sangat sayang akan Laksamana. Sa-ketika lagi maka Laksamana pun timbul lalu naik ka-perahu menyembah baginda; baginda pun sukachita sadikit melihat Laksamana naik ka-perahu itu. Maka titah baginda, "Hai Laksamana, mana keris Laksamana tiada ku-lihat ini?" Maka sembah Laksamana, "Daulat tuanku, patek mohonkan ampun dan kurnia; ada pun makota duli shah alam itu patek selam, dapat bawa naik. Sa-telah hampir sampai ka-perahu, maka datang sa-ekor buaya puteh, lalu di-sambar-nya keris patek, dapat ka-mulut-nya. Maka patek pun terkejut. Maka makota itu pun terlepas pada tangan patek; serta patek usir buaya puteh itu, patek pegang ekor-nya. Maka di-bawa-nya patek tenggelam. Maka patek pun lemas lalu patek timbul. Ini-lah hal patek, melainkan ampun dan kurnia shah alam; sudah-lah gerangan di-kehendaki Allah Ta'ala atas patek." Maka titah baginda, "Kita pun sudah melihat Laksamana timbul membawa makota itu. Pada bichara kita, boleh-lah makota itu akan Laksamana. Maka ini apa-tah daya kita lagi? Jangankan makota itu, jikalau lebeh daripada makota itu pun tiada-lah kita samakan dengan Laksamana."

Maka baginda pun memberi titah pada Bendahara, "Suroh-lah segala perahu berbalek sakalian-nya pulang, kerana tiada baik padah-nya." Maka segala perahu itu pun di-kerah oleh Bendahara balek-lah, lalu kembali ka-Melaka. Maka Laksamana pun terlalu dukachita oleh kerana keris-nya hilang itu.

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

Maka Laksamana pun tahu-lah akan alamat diri-nya itu, tetapi ia orang berani, tiada di-endahkan. Mashghul-nya itu tiada di-katakan pada sa-saorang.

Sa-telah sampai ka-negeri maka baginda pun naik ka-istana dengan mashgul-nya, tujoh hari tiada keluar dan Laksamana pun tujoh hari tiada mengadap dan tiada terbit keluar, dudok berkhalwat. Sa-telah sampai tujoh malam maka Laksamana masok mengadap. Maka titah baginda, "Lama Laksamana tiada datang kapada kita, apa sebab-nya?" Maka sembah Laksamana, "Daulat tuanku, tuboh patek tiada betah." Maka baginda pun menganugerahkan Laksamana keris daripada Bukit Seguntang itu bersarongkan emas, bertatahkan ratna mutu ma'nikam, bertebu2kan emas di-pahat. Maka titah baginda, "Jangan Laksamana susah hati akan keris Laksamana yang hilang itu, kerana ini pun terlalu baik." Maka sembah Laksamana, "Daulat tuanku, patek junjong anugerah-lah." Maka keris itu pun di-sambut oleh Laksamana lalu di-junjong-nya, sudah itu maka di-pakai-nya.

Harta berapa lama-nya Bendahara dan Laksamana memelihara akan negeri Melaka itu. Maka terlalu-lah adil-nya dan pereksa-nya akan negeri itu dan segala ra'ayat dengan sangat tafahus-nya. Maka negeri Melaka pun sentosa-lah dan dagang santeri pun banyak-nya pergi datang berniaga. Tetapi tuboh baginda sa-lama hilang makota itu tiada-lah baik, gila2 dengan sakit kepala-nya dan demam. Bermula Laksamana pun demikian-lah juga sa-lama hilang keris-nya itu, gila2 dengan sakit kepala-nya dan tuboh-nya demam. Maka ia pun tahu-lah akan diri-nya. Demikian-lah di-ceriterakan oleh orang yang empunya cherita ini.

• • •

Al-kesah maka tersebut-lah perkataan Dong Manila dan Dong Chuala yang lepas dari benua China itu. Sa-telah ia sampai ka-Manila, maka segala hal-ahwal sakalian-nya di-beri-nya tahu kapada bapa-nya Gebernador. Maka bapa-nya Kapitan Gebernador pun terlalu sangat amarah; maka kata-nya, "Baik ku-persembahkan kapada sultan Portugal." Maka ia pun berlengkap. Sa-telah sudah maka ia pun belayar-lah menuju Portugal lalu masok mengadap raja. Maka titah raja, "Hai Kapitan Gebernador, sebab apa maka engkau datang dari Manila ini, kerana belum sampai tiga tahun?" Maka oleh Gebernador segala hal-ahwal-nya semua-nya di-persembahkan-nya. Maka raja Portugal pun amarah lalu bertitah pada sa-orang wazir-nya suroh berlengkap ghali empat puloh dengan segala senjata-nya. Ada pun sa-buah ghali itu lima

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

ratus orang-nya dan lima puloh meriam-nya. Sa-telah sudah maka titah raja pada Dong Suala dan Gebernador, engkau kedua ku-titahkan jadi panglima akan menyerang negeri Melaka itu. Aku tahukan alah-nya juga kapada-mu membawa kelengkapan armada." Maka sembah kedua mereka itu, "Daulat tuanku." Maka kedua-nya pun menjunjong duli lalu berjalan turun ka-perahu. Maka di-suroh-nya bongkar sauh lalu belayar menuju Melaka.

Berapa antara-nya dan berapa bulan lama-nya maka sampai-lah ka-negeri Melaka. Maka ada dua buah perahu sakai menchari karang2an; maka di-usir-nya oleh ghali Feringgi sa-puloh buah itu. Maka sakai itu pun segera berdayong lari tiada dapat oleh-nya, kerana sakai itu terlalu laju di-dayong-nya. Maka perahu sakai itu pun sampai-lah ka-Bentan lalu memberitahu penghulu-nya mengatakan, "Ghali Feringgi terlalu banyak; ka-mana2 pergi-nya hamba tiada tahu." Maka kata penghulu sakai itu pada segala sakai-nya, "Kelak malam hari kita berlengkap barang sa-puloh buah perahu, chuba kita langgar." Maka kata penghulu sa-orang lagi, "Benar-lah saperti kata-mu itu, supaya kita beroleh khabar yang sah, supaya kita persembahkan ka-bawah Duli Yang Di-Pertuan."

Maka penghulu kedua itu pun berlengkap-lah. Sa-telah hari petang maka ia pun keluar; hujan pun turun rintek2. Maka sakai itu pun perlahan2 ia berdayong masok ka-tengah perahu yang banyak itu. Maka di-bilang banyak-nya kapal armada itu empat puloh. Sa-telah sudah maka ia pun berdayong keluar perlahan2. Maka bertemu dengan sa-buah ghali; maka di-tikam-nya dengan seligi saperti hujan yang lebat. Maka segala seridadu itu pun ter-kejut, tiada-lah dapat memegang senjata lagi, kerana banyak seligi itu datang, kapada sa-orang menikam seligi itu delapan batang. Maka segala seridadu itu pun habis beterjunan ka-ayer. Maka di-tangkap-nya oleh sakai itu beroleh sa-puloh orang lalu di-ikat-nya dan di-naikkan-nya ka-perahu. Maka segala kulakasar di-dalam jalia itu di-ambil-nya.

Maka gempar-lah segala perahu banyak itu. Maka perahu sakai itu pun segera-lah lari di-usir-nya oleh Feringgi itu, tiada dapat. Maka perahu sakai itu pun belayar sambil bertanya kapada Feringgi itu, "Hendak ka-mana kamu sakalian ini?" Maka kata Feringgi itu, "Kami sakalian ini hendak menyerang Melaka di-titahkan oleh sultan Portugal dengan empat puloh buah ghali, dan pada sa-buah ghali itu orang-nya lima ratus dan lima puloh meriam-nya." Sa-telah di-dengar-nya oleh penghulu sakai itu kata Feringgi itu, maka kata penghulu batin itu, "Jikalau bagitu baik-lah kita pergi ka-Melaka sa-kali2, kita persembahkan ka-bawah Duli Yang Di-Pertuan akan khabar ini." Maka

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

kata sa-orang lagi, "Benar-lah, kerana Duli Yang Di-Pertuan tiada tahu akan hal-nya ini."

Maka ia pun belayar-lah. Apabila tiada berangin, maka di-dayong-nya Harta maka ia pun sampai-lah ka-Melaka. Maka ia pun segera masok mengadap Bendahara mengatakan segala hal-ahwal Feringgi hendak menyerang Melaka itu, semua-nya di-ceriterakan oleh penghulu itu. Maka Bendahara pun terkejut lalu masok mengadap gopoh2. Maka tatkala itu baginda pun sedang ramai di-adap orang. Sa-telah baginda melihat Bendahara datang gopoh2 di-iringkan oleh penghulu batin dua orang itu, maka titah baginda, "Hai mamak Bendahara, apa khabar di-dengar oleh mamak Bendahara?" Maka sembah Bendahara, "Daulat tuanku shah alam, ada penghulu ini mengatakan ghali datang dari armada hendak menyerang negeri duli shah alam ini. Maka oleh penghulu batin di-alahkan sa-buah ghali, maka dapat Feringgi itu di-tangkap-nya sa-puloh orang di-bawa-nya ka-mari." Sa-telah baginda menengar sembah demikian itu, maka baginda pun terkejut. Maka titah baginda, "Suroh bawa ka-mari Feringgi tawanan itu."

Maka segera di-bawa orang-lah segala Feringgi itu dengan ikat-nya. Maka Bendahara pun bertanya kapada seridadu itu. Maka kata seridadu itu, "Kami ini empat puloh buah ghali, pada sa-buah ghali lima ratus orang-nya dan lima puloh meriam-nya, di-titahkan oleh raja Portugal menyerang Melaka ini." Sa-telah sudah baginda menengar sembah Feringgi itu, maka baginda pun memberi titah kapada Bendahara, "Apa bichara kita akan sekarang?" Maka sembah Bendahara, "Mana titah patek junjong, tetapi kapal armada itu tiada dapat kita sakalian menyangga di-laut, kerana kelengkapan-nya besar sangat."

Maka baginda pun memberi persalin akan penghulu batin itu kedua-nya dengan sa-lengkap-nya di-anugerah oleh baginda masing2 pada kadar-nya. Maka di-kurnia akan dia nama, sa-orang nama-nya Raja Mambang Negara dan sa-orang nama-nya Raja Indera Negara.

Sa-telah sudah maka titah baginda, "Ka-mana Laksamana? Pergi panggil ia ka-mari." Maka biduanda kechil pun segera pergi-lah. Sa-telah sampai ka-rumah Laksamana, maka di-lihat-nya Laksamana sakit sangat, di-tunggui oleh anak isteri-nya. Maka biduanda kechil itu pun segera masok berdatang sembah mengatakan Laksamana sakit sangat. Sa-telah baginda menengar sembah biduanda itu, maka titah baginda, "Wah! Alah-lah Melaka ini oleh Feringgi itu, kerana Laksamana lagi sakit." Maka baginda pun sangat mashgul-nya.

Maka Bendahara pun bermohon keluar menyurohkan pergi ka-telok rantau mengerahkan segala sakai dan segala yang di-ta'alok oleh raja Melaka itu dan

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

menyuroh berbaiki kota parit. Maka ramai-lah orang Melaka itu bekerja masing2 dengan ketumbokan-nya. Maka titah baginda kapada Maharaja Setia dan Maharaja Dewa, "Hai orangkaya kedua, dapat-kah kita titahkan pergi sulu lihat?" Maka sembah Maharaja Setia, "Daulat tuanku, mengapa-tah tiada dapat patek di-titahkan pergi sulu? Jikalau di-titahkan pergi mengeluari Feringgi itu pun patek lawan, sa-hingga mati sudah, kerana nyawa patek kedua ini patek persembahkan ka-bawah duli; kerana sa-benar2 lawan kapada patek. Jikalau mati sa-kali pun redha-lah dengan pekerjaan Duli Yang Di-Pertuan." Maka baginda pun bertitah, "Bukan kita surohkan melawan kelengkapan Feringgi itu, kerana bukan lawan kita. Ia banyak, kita sadikit."

Maka Maharaja Setia dan Maharaja Dewa pun bermohon-lah lalu turun ka-perahu berlengkap. Maka Maharaja Setia pun belayar-lah. Sa-telah sampai ka-Bentan, maka bertemu-lah dengan perahu sakai terlalu banyak lari dengan anak bini-nya. Maka ia pun bertanya, "Di-mana kelengkapan armada itu?" Maka kata sakai itu, "Ada di-laut Bulang, hamba sakalian pun di-usir-nya." Sa-ketika lagi datang jalia empat buah mengusir perahu itu. Maka Maharaja Setia dan Maharaja Dewa melihat jalia datang empat buah itu, maka. Maharaja Setia dan Maharaja Dewa pun mengisi ubat peluru dan mengator seligi. Maka di-dayong-nya Mendam Berahi itu terlalu laju. Sa-telah hampir-lah, lalu berbedil2an sa-ketika. Maka di-dayong-nya Mendam Berahi itu di-langgar-nya oleh Maharaja Setia dalam kelam-kabut; maka bertindeh pada sama tengah jalia itu. Maka jalia itu pun karam-lah. Maka segala seridadu itu pun habis berenang-lah. Maka di-tangkap-nya segala Feringgi itu di-bunoh-nya. Maka di-langgar-nya sa-buah lagi; itu pun alah juga. Maka yang dua buah lagi itu pun lari menyuroh perahu besar-nya.

Sa-telah ia sampai maka di-ma'alumkan-nya Gebernador mengatakan bahawa sulu datang dengan sa-buah ghali mengalahkan jalia dua buah itu, sudah tenggelam oleh-nya. Maka Kapitan Gebernador pun terlalu amarah lalu berdayong terlalu laju, di-dayong-nya dua lapis. Sa-ketika lagi maka di-lihat oleh orang di-Mendam Berahi itu banyak ghali berdayong itu, maka kata Maharaja Setia, "Apa bichara orangkaya?" Maka kata Maharaja Dewa, "Mari kita lawan berperang barang sa-ketika." Maka kata Maharaja Setia, "Ada pun kita ini di-titah oleh Duli Yang Di-Pertuan sa-kadar sulu juga, bukan kita di-titahkan berperang. Jikalau kita satu2 peri, siapa membawa khabar ka-bawah Duli Yang Di-Pertuan?" Tambahan pula bukan lawan kita yang sa-banyak ini,

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

kerana kita empat buah." Maka kata Maharaja Dewa, "Mana bichara orang-kaya-lah di-perhamba turut." Maka ghali Feringgi itu pun hampir-lah sampai. Maka berbedil2an pula sa-ketika. Sambil undor Mendam Berahi pun menarek layar terlalu laju.

• • •

Sa-kira2 sa-hari sa-malam sampai-lah ka-Melaka. Maka di-lihat-nya orang Melaka pun sudah hadhir segala kelengkapan akan berperang. Maka Maharaja Setia dan Maharaja Dewa pun naik lalu masok mengadap membawa Feringgi itu. Maka tatkala itu baginda pun sedang ramai di-adap orang banyak. Maka Maharaja Setia dan Mahara'a Dewa pun datang lalu menyembah. Maka segala hal-ahwal semua-nya di-persembahkan kapada raja. Maka titah baginda, "Ada pun Feringgi tawanan ini pen arakan." Maka di-penjarakan orang-lah." Maka titah baginda, "Wah! Laksamana lagi sakit!"

Harta maka ghali Feringgi itu pun hampir sampai-lah ka-Melaka. Maka di-khabarkan orang-lah kapada Bendahara; Bendahara pun segera masok mengadap raja. Maka sembah Bendahara, "Ya tuanku shah alam, ghali Feringgi itu pun hampir-lah sampai ka-Melaka ini. Apa bichara Duli Yang Di-Pertuan?" Maka titah baginda, "Mana bichara mamak Bendahara-lah." Maka sembah Bendahara, "Pada bichara patek, baik juga keluar barang sa-ketika berperang di-laut." Maka titah baginda, "Siapa dapat menjadi pang-lima?" Maka sembah Bendahara, "Mana titah patek junjong" Maka titah baginda pada biduanda, "Pergi lihat Laksamana, dapat sadikit-kah atau sakit lagi-kah?"

Maka pergi-lah biduanda itu kapada Laksamana. Maka di-lihat-nya akan Laksamana dudok makan nasi dua tiga suap lalu sudah. Maka di tegor oleh Laksamana, "Mari tuan dudok. Beta bendak menengar khabar" Maka biduanda itu pun dudok menyampaikan titah itu. Maka Laksamana pun minta bangunkan; maka di-bangunkan orang-lah. Maka Laksamana pun minta kain dan dastar-nya lalu di-pakai-nya. Maka Laksamana pun datang-lah gembira-nya. Maka di-rasai diri-nya dapat ber'alan itu, maka Laksamana pun turun lalu berjalan. Maka di-iringkan oleh segala hamba sahaya-nya di-kembari-nya kalau2 Laksamana itu rebah. Maka Laksamana pun sampai-lah ka-dalam. Maka di-lihat oleh baginda Laksamana itu, maka baginda pun terlalu sukachita. Maka di-tegor-nya oleh baginda, "Mari Laksamana," Laksamana pun datang lalu dudok menyembah raja. Maka titah baginda, "Mari Laksamana."

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

Laksamana pun datang lalu dudok menyembah raja. Maka titah baginda, "Kita terlalu terkejut hati kita menengar kata Laksamana sakit. Akan sekarang apa bichara Laksamana, ghali empat puloh buah datang akan menyerang Melaka ini?" Maka sembah Laksamana, "Apa-tah bichara patek, melainkan patek mohonkan ka-bawah Duli Yang Di-Pertuan mengeluari dia juga. Ada pun yang nyawa patek ini patek persembahkan ka-bawah Duli Yang Di-Pertuan. Jikalau ada sa-ribu sa-kali pun patek persembahkan ka-bawah duli shah alam."

Sa-telah baginda menengar chakap Laksamana itu, maka baginda pun terlalu sukachita lalu menyuroh memberitahu Bendahara. Ada pun pada tatkala itu Bendahara lagi mengadap orang berbaiki kota parit dan mengatorkan meriam dan rentaka. Maka orang membawa titah itu pun sampai-lah. Maka kata biduanda itu, "Titah Duli Yang Di-Pertuan kapada dato', turunkan segala ghali ada-nya, kerana Laksamana hendak mengeluari perahu Feringgi itu." Maka kata Bendahara, "Persembahkan ka-bawah Yang Di-Pertuan: "Ada pun segala ghali dan penchalang itu sakalian-nya sudah hadhir ka-ayer dengan dayong-nya sudah terkilas dan beras bekal pun sudah hamba hadhirkan. Maka titah patek tua junjong." Maka kembali-lah biduanda itu. Sa-telah sampai-lah ka-hadapan raja, maka biduanda pun dudok menyembah; maka segala sembah Bendahara itu semua-nya di-persembahkan kapada raja.

Maka Laksamana pun menjunjong duli lalu keluar pulang ka-rumah-nya berlengkap segala senjata. Sa-telah lengkap maka Laksamana pun turun di-rumah-nya. Maka di-lihat oleh Laksamana alamat akan kena senjata itu ada-lah, tetapi tiada Laksamana mati. Maka dalam hati Laksamana: 'Allah Ta'ala juga yang memeliharakan hamba-nya. Insha' Allah Ta'ala, Si-Tuah tiada mati oleh senjata.' Maka Laksamana pun berjalan-lah turun ka-perahu-nya. Maka Laksamana pun mengerahkan segala orang-nya turun ka-perahu. Maka segala pegawai yang berserta Laksamana itu pun semua-nya turun-lah ka-perahu masing2 kapada perahu-nya. Sa-telah sudah maka Laksamana pun menyuroh orang-nya berdayong keluar kuala.

Sa-kira2 sa-hari belayar maka bertemu-lah dengan ghali Feringgi yang sa-puloh buah yang terdahulu itu. Maka lalu berperang-lah berbedil2an ter-lalu azmat tiada berketahuan bunyi-nya. Maka oleh Laksamana di-langgar-nya sa-buah ghali itu. Sa-telah hampir maka Laksamana pun segera melompat dengan pedang-nya dan perisai-nya lalu naik ka-perahu Feringgi itu mengamok dengan orang-nya empat puloh tujoh itu. Sa-ketika maka seridadu itu pun banyak mati dan luka, sa-tengah terjun ka-ayer. Maka ghali Feringgi itu pun alah Maharaja Dewa pun melanggar sa-buah lalu berperang. Sa-ketika maka

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

ghali itu pun alah. Maka Laksamana pun turun ka-perahu kechil lalu naik ka-perahu sa-buah ghali Feringgi itu pula. Maka segala orang Feringgi dan seridadu itu pun menikam di-atas ghali itu dengan tombak dan shamsir, tiada juga di-khabarkan oleh Laksamana, di-langgar-nya juga lalu di-naik-nya. Ghali itu pun alah-lah. Maka ghali Feringgi yang enam buah lagi itu pun undor-lah mendapatkan perahu yang banyak itu.

Sa-telah sampai-lah maka segala hal-ahwal itu semua-nya di-katakan kapada Kapitan Gebernador dan Dong Suala itu. Sa-telah kedua panglima itu menengar kata demikian itu, maka ia pun lalu menyuroh segera berdayong mendapatkan Laksamana. Maka bertemu-lah dengan Laksamana lalu berperang terlalu gempita bunyi-nya. Maka di-tembak oleh Laksamana di-tu u tiang ghali Kapitan Gebernador itu, kena lalu patah. Maka di-bedil-nya pula kemudi ghali; itu pun patah. Maka Kapitan Gebernador pun amarah. Maka di-bedil-nya, kena perahu di-belakang Laksamana — perahu Laksamana suatu pun tiada mara — maka kena kenaikan Maharaja Setia, patah tiang-nya dan perahu Maharaja Dewa patah kemudi-nya. Maka berperang itu terlalu ramai bertukar peluru dan perahu. Maka lawan-nya itu pun tiada-lah kelihatan oleh asap bedil dan istinggar itu. Sa-ketika lagi maka Kapitan Gebernador pun luka di-bedil oleh Laksamana. Maka Kapitan Gebernador pun terdudok Maka segala Feringgi itu pun amarah lalu memasang meriam terlalu gempita. Maka Dong Suala pun berbedil2an dengan Maharaja Setia. Maharaja Setia pun mengambil istinggar, maka di-bedil-nya kena pada Dong Suala Dong Suala pun rebah terdudok. Maka di-bedil-nya oleh seridadu di-mitar-nya di-tuju-nya akan Laksamana, kena, lalu di-bawa-nya oleh peluru itu sa-puloh depa terpelanting. Maka Laksamana pun jatoh ka-ayer, tetapi suatu pun tiada luka. Maka segera di-sambut oleh penjajap Laksamana lalu di-naik ka perahu-nya. Maka Laksamana pun tiada dapat berkata2. Maka segera di-naikkan orang ka-atas Mendam Berahi lalu di-dayong orang-lah Mendam Berahi itu menuju negeri Melaka.

Sa-telah di-lihat oleh Maharaja Setia dan Maharaja Dewa perahu Laksamana sudah undor, maka ia pun segera berdayong turut perahu Laksamana itu Sa-telah di-lihat oleh Feringgi itu ghali orang Melaka sudah undor, maka segera di-perturut-nya. Ada pun Kapitan Gebernador rebah di-atas p b la y n itu tiada khabarkan diri-nya; Dong Suala pun sangat kesakitan kebisaan bedil itu Maka kata segala seridadu sakalian itu, "Ada pun akan sekarang kapitan pun sudah luka kedua-nya. Ada pun Kapitan Gebernador itu entah mati entah hidup. Pada bichara hamba, jika sa-orang mati, ada sa-orang, dapat-lah kita

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

fatwa akan bichara-nya; ini kedua-nya sudah luka." Maka kata sa-orang pula, "Benar-lah saperti kata tuan-hamba itu. Barang bichara pun mari-lah kita undor dahulu menantikan kapitan kedua ini sihat." Sa-telah sudah putus bichara itu masing2 pun undor-lah menuju pulau. Maka Kapitan Gebernador pun mati-lah dan Dang Suala pun sangat kesakitan, berapa2 ubat di-buboh tiada juga meraksi lagi. Maka Dong Suala pun minta hantarkan tuboh-nya ka-Portugal. Maka ghali itu pun kembali-lah sakalian-nya ka-Portugal.

* * *

Bermula Laksamana dan Maharaja Setia pun sampai-lah ia ka-Melaka. Maka Laksamana pun di-usong orang-lah naik ka-rumah-nya. Maka Maharaja Setia dan Maharaja Dewa pun masok mengadap raja. Sa-telah baginda melihat orang ketiga itu, maka Laksamana tiada datang itu, maka berdebar2 hati baginda, seraya bertitah, "Mana Laksamana tiada datang ini?" Maka Maharaja Setia pun berdatang sembah akan hal-ahwal-nya Laksamana itu. Sa-telah baginda menengar Laksamana kena senjata tiada boleh berkata2 itu, maka baginda pun segera berangkat pergi ka-rumah Laksamana, tiada sempat bergajah dan berperentah, lalu berjalan sahaja. Maka gajah kenaikan pun di-bawa orang di-belakang. Sa-telah baginda sampai ka-rumah Laksamana, lalu naik dudok hampir Laksamana. Maka baginda pun hairan melihat Laksamana kesakitan itu, kasehan hati baginda lalu titek ayer mata-nya. Maka titah baginda, "Siapa gerangan berchakap mengubat Laksamana ini? Besar kebaktian kapada kita dan banyak anugerah kita kapada-nya." Maka sembah Maharaja Setia, "Daulat tuanku, ada pun Laksamana ini tiada mengapa, kerana Laksamana ini tiada mengapa oleh senjata." Maka tetap-lah hati baginda, kerana Laksamana tatkala pergi itu baharu bangun daripada sakit; maka ini kena senjata pula. Maka beberapa ubat dan penawar di-bubohkan-nya pada tuboh Laksamana itu.

Sa-telah hari petang maka baginda pun berangkat kembali ka-istana dengan mashgul-nya akan Laksamana sakit itu. Shahadan khabar Feringgi itu pun sudah balek kembali ka-Portugal, maka baginda pun sukachita sadikit. Bermula akan Laksamana itu tiga hari tiga malam tiada berkata2 dan tiada makan nasi dan tiada minum ayer. Sa-telah datang-lah pada empat hari, maka Laksamana pun baharu-lah berkata2 dan mandi berlangir dan makan nasi. Sa-telah sudah maka ia pun memakai kain baju lalu turun berjalan masok mengadap raja. Sa-telah di-lihat oleh segala orang di-pesara itu akan Laksamana berjalan

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

itu, maka kata-nya, "Hidup-lah bapa kita sakalian ini!" Maka segala orang negeri Melaka itu pun terlalu sukachita melihat Laksamana selamat itu. Maka Laksamana pun masok-lah ka-balairong. Maka di-lihat-nya raja tiada dudok di-luar lagi, di-adap segala biduanda di-bendul. Maka Laksamana pun masok-lah ka-bendul. Sa-telah di-lihat oleh baginda Laksamana datang itu, maka segera di-tegor-nya baginda, "Mari Laksamana. Berdebar rasa hati kita melihat Laksamana tiada dapat berkata2 itu." Maka Laksamana pun dudok menyembah, kata-nya, "Daulat tuanku." Maka baginda pun santap makanan tepong barang sadikit; maka sisa-nya di-anugerahkan Laksamana. Maka Laksamana pun makan-lah ayapan itu. Maka baginda pun berangkat masok dengan sukachita-nya. Maka Laksamana pun menyembah lalu pulang ka-rumah-nya.

Maka negeri Melaka pun sentosa-lah dengan adil-ya dan murah-nya sebab Bendahara dan Laksamana memeliharakan segala ra'ayat itu, sangat pereksa-nya pada segala yang teraniaya. Tetapi Laksamana sa-lama keris-nya hilang itu tuboh-nya pun tiada saperti dahulu kala, sa-bagai dengan sakit juga, hampir-lah kedatangan maut-nya.

Ada pun selat Singapura itu, apabila hari malam, maka pergi-lah segala sakai berhimpun menikam ikan pada selat itu. Apabila ikan itu sampai kapada makota itu, maka berenang2 ikan itu pun semua-nya, menimbulkan diri-nya, kerana melihat chahaya makota, kerana chahaya ma'nikam pada makota itu terlalu gilang-gemilang. Demikian-lah sentiasa pada selat itu segala sakai mengambil ikan, datang kapada akhir zaman pun demikian-lah juga.

Sa-bermula baginda pun sa-lama kehilangan makota itu tuboh baginda pun gila2 akan demam dan sakit kepala, sa-hingga kedatangan ajal juga lagi. Demikian-lah peri-nya raja Melaka dan Laksamana itu di-hikayatkan oleh orang yang empunya hikayat ini. Maka berhenti-lah perkataan raja Melaka dan Laksamana itu.

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

BAB XXV

AL-KESAH maka tersebut-lah perkataan Raja Melaka hendak mengutus ka-benua Rom. Sa-kali persetua pada suatu hari baginda dudok semayam di-adap Bendahara dan Laksamana dengan segala pegawai sakalian. Maka titah baginda, "Hai Bendahara dan Laksamana, apa bichara kita, kerana kita hendak mengutus ka-benua Rom hendak beli bedil meriam itu, kerana anak kita yang laki2 itu habis-lah sudah masing2 dengan negeri-nya? Di-Melaka ini kita hendak rajakan anak kita yang perempuan, Puteri Gunong Ledang itu, akan ganti kita, kerana kita sudah tua-lah. Kita hendak bersetia berbuat amal sementara akan mati. Sebab ini-lah maka kita hendak menchari senjata yang besar2. Pada bichara kita, kita hendak kotai dengan bedil-lah negeri Melaka ini, kerana anak kita perempuan." Maka sembah Bendahara dan Laksamana, "Daulat tuanku shah alam, mana titah patek junjong; tetapi pada bichara patek, sa-patut sangat-lah saperti titah Duli Yang Di-Pertuan itu, kerana raja benua Rom itu raja besar, lagi pula raja yang amat budiman dan tuanku pun raja besar juga pada zaman ini. Patut-lah kita berkaseh2an dengan dia, supaya mashhor nama tuanku, datang kapada akhir zaman di-sebut orang sampai pada masa anak chuchu duli shah alam." Maka titah baginda, "Jikalau demikian, siapa-tah baik kita titahkan pergi ka-benua Rom itu?" Maka sembah Benda-hara, "Daulat tuanku, lain daripada Laksamana yang pergi ka-benua Rom itu ada-lah kurang sempurna nama shah alam, lagi pun maksud shah alam tiada-lah sampai. Jangankan hendak membeli bedil, bertemu dengan raja atau mangkubumi-nya pun tiadakan di-peroleh, kerana raja Rom itu raja besar lagi Wali Allah." Telah baginda menengar sembah Bendahara demikian itu, maka baginda pun memandang kapada Laksamana seraya bertitah, "Hai Laksamana, apa bichara Laksamana kita hendak suroh ka-benua Rom itu?" Maka sembah Laksamana, "Daulat tuanku, sa-lagi ada nyawa dalam badan patek ini, insha' Allah Ta'ala, jangankan ka-benua Rom, jikalau di-titahkan pergi ka-Bukit Qaf sa-kali pun patek pergi juga. Tetapi patek pohonkan patek itu

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

Maharaja Setia akan teman patek; sa-bagai lagi, bendak-lah di-kurnia akan teman patek itu pegawai yang baik2 beri banyak supaya terberat pada mata orang."

Maka baginda pun terlalu sukachita menengar sembah Laksamana itu serta bertitah, "Baik-lah, Maharaja Setia kita titahkan pergi sama2 dengan Laksamana, enam belas orang pegawai yang muda2 serta mengiringkan Laksamana. Bawa kelengkapan barang tiga empat puloh buah, kalau2 di-sampaikan Allah saperti kehendak hati kita beroleh bedil itu, akan tempat bermuat dia. Lagi pula negeri Rom itu terlalu amat jauh pelayaran-nya, banyak permusohan di-jalan, khabar-nya." Maka titah baginda pada Bendahara, "Jika demikian, segera-lah mamak Bendahara berlengkap mengarang surat dan bingkis akan raja Rom dan mangkubumi." Maka sembah Bendahara, "Daulat tuanku, mana titah patek junjong."

Maka baginda pun berangkat masok. Maka Bendahara dan Temenggong dan Laksamana pun menyembah lalu pulang masing2 ka-rumah-nya, maka berlengkap. Maka Bendahara pun berlengkap-lah mengarang surat dan bingkis itu. Maka Laksamana pun berkerah segala pegawai enam belas orang itu suroh berlengkap dan Maharaja Setia pun mengerahkan orang-nya suroh berlengkap. Maka ia pun berlengkap-lah bekal dan membeli mata dagangan yang parut di-bawa ka-benua Rom itu. Maka Laksamana pun mengerahkan orang-nya suroh berlengkap menchari bekalan dan dagangan ka-benua Rom itu. Maka datang-lah kapada tujoh hari-nya. Maka Bendahara dan Temenggong pun sudah-lah mengarang surat dan bingkis itu lalu masok mengadap. Maka tatkala itu Laksamana pun ada mengadap. Maka Bendahara dan Temenggong pun datang lalu dudok menyembah, serta bersembahkan surat itu, sembah-nya, "Daulat tuanku, patek di-titahkan berlengkap mengarang surat dan bingkis itu sudah-lah patek lengkapi; mana titah patek junjong," serta di-unjokkan-nya surat itu kapada Bentara lalu di-bacha-nya di-hadapan raja, terlalu baik bunyi renchana-nya. Maka titah baginda, "Baik-lah sudah surat ini, segera-lah mamak Bendahara dan Temenggong arak turun ka-perahu."

Maka Bendahara dan Temenggong pun menyembah lalu keluar dudok di-balai gendang mengerahkan orang mengarakkan surat dan bingkis itu. Maka Laksamana dan Maharaja Setia dan segala orangkaya2 enam belas orang itu pun di-kurnia persalin dengan sa-lengkap-nya dan di-kurnia emas akan Laksamana dan Maharaja Setia sa-puloh keti dan akan orangkaya2 sakalian itu masing2 dengan kadar-nya. Maka baginda pun mengeluarkan emas dan perak pula berpuloh2 pikul di-beri baginda akan Laksamana dan Maharaja Setia akan membeli bedil itu. Maka Laksamana dan Maharaja Setia sakalian

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

orangkaya2 itu pun menjunjong duli lalu keluar bermohon kapada Bendahara dan Temenggong lalu turun berjalan ka-perahu mengiringkan surat dan bingkis itu.

Sa-telah sampai ka-perahu surat dan bingkis itu pun di-sambut oleh Laksamana di-taroh-nya pada tempat yang mulia. Sa-telah sudah maka Laksamana dan Maharaja Setia pun berdiri menyuroh orang mendirikan tunggul panji2 dan memasang meriam saperti berteh bunyi-nya. Maka kayu dan ayer pun di-muatkan orang-lah sa-genap buah kelengkapan yang keempat puloh itu. Maka orang daripada Bendahara Paduka Raja pun datang membawa bingkis akan mangkubumi benua Rom dan menghantarkan segala bekal2an akan Laksamana dan Maharaja Setia. Maka kata Laksamana dan Maharaja Setia, "Katakan sembah sahaya ka-bawah kadam dato'." Maka segala orangkaya2 sakalian-nya pun naik-lah masing2 dengan perahu-nya. Maka Laksamana pun menyuroh orang membongkar sauh lalu berdayong hilir dengan segala bunyi2an, terlalu ramai orang sa-panjang sungai itu melihat dia. Sa-telah lepas alangan, amak Mendam Berahi pun menarek layar-lah menuju tanah Acheh, terlalu laju. Maka perahu yang banyak itu pun belayar-lah mengikut kenaikan Laksamana itu.

Sa-kira2 lima hari lima malam maka Laksamana pun sampai-lah ka-bandar Acheh Darus-salam. Maka Mendam Berahi pun di-labohkan orang-lah menantikan perahu banyak dari belakang itu datang, kerana segala perahu yang banyak itu tiada dapat menurut Mendam Berahi itu; yang lekat bersama2 hanya-lah Sairu'l-'alamin, kenaikan Maharaja Setia dan Maharaja Dewa itu juga.

Hatta selang dua hari maka perahu yang banyak itu pun datang-lah lalu berlaboh. Maka Laksamana pun naik-lah ka-darat lalu masok mengadap Sultan Salahuddin. Tatkala itu baginda pun sedang ramai di-adap orang di-balairong. Maka Laksamana pun naik dudok menyembah lalu menjunjong duli. Maka titah baginda, "Hai orangkaya Laksamana, apa pekerjaan Laksamana datang ka-negeri kita ini?" Maka sembah Laksamana, "Daulat tuanku shah alam, patek mohonkan ampun dan kurnia; ada pun patek ini di-titahkan oleh duli paduka kakanda mengutus pergi ka-benua Rom. Maksud paduka kakanda hendak menchari bedil yang besar2 supaya di-tinggalkan paduka anakanda itu." Maka segala hal-ahwal-nya semua-nya maksud raja Melaka itu di-persembahkan oleh Laksamana. Maka titah baginda, "Hai Laksamana, apa khabar paduka kakanda dari Melaka?" Maka sembah Laksamana, "Daulat tuanku, khabar baik. Tatkala patek di-titahkan ka-benua Rom itu paduka

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

kakanda itu dudok meshuarat dengan Dato' Bendahara Paduka Raja hendak mengutus ka-mari dan meshuarat hendak merajakan paduka anakanda perempuan itu di-Melaka itu akan ganti paduka kakanda, kerana paduka kakanda pun sudah tua." Maka titah baginda, "Hai Laksamana, apa pekerjaan-nya kakanda hendak menyuroh ka-mari pada kita itu?" Maka sembah Laksamana, "Daulat tuanku, ada pun pekerjaan itu patek kurang pereksa-lah, tetapi pada bichara patek, ada pun negeri Acheh dengan negeri Melaka itu sa-umpama suatu permata dua chahaya-nya. Demikian-lah ada-nya. Sa-bagai lagi, tanda berkaseh2an saudara-bersaudara. Bermula patek ini hamba ka-bawah duli paduka kakanda di-Melaka, maka tatkala patek di-Acheh ini hamba juga ka-bawah duli shah alam."

Sa-telah baginda menengar sembah Laksamana demikian itu, maka baginda pun tersenyum, gemar dan kaseh rasa-nya melihat laku-nya Laksamana berkata itu terlalu manis, faseh lidah-nya dengan bahasa Acheh itu. Maka Laksamana pun di-perjamu oleh baginda dengan saperti-nya dan di-anugerah persalin sa-lengkap-nya dan di-beri-nya persalin akan Maharaja Setia dan segala pegawai yang baik itu, semua-nya di-beri-nya baginda masing2 dengan patut-nya. Sa-telah sudah maka Laksamana dan Maharaja Setia pun menjunjong duli lalu turun ka-perahu-nya.

Maka kira2 dua belas hari Laksamana dudok di-bandar Acheh itu, maka Laksamana pun menyuroh orang membeli sireh pinang dan mengambil kayu dan ayer. Maka Laksamana pun membongkar sauh lalu belayar dengan segala perahu yang banyak itu menuju Pulau Dewa. Kira2 sa-puloh hari lama-nya maka sampai-lah antara tanah Dewa. Maka kata Laksamana pada mu'alim, "Hai mu'alim, apa nama negeri ini terlalu banyak pulau-nya kelihatan di-hadapan kita ini?" Maka kata mu'alim itu, "Hai orangkaya panglima, ini-lah negeri Dewa nama-nya." Maka Laksamana pun belayar-lah di-situ. Berapa lama-nya maka sampai-lah antara Bab Mokha. Maka kata Laksamana pada mu'alim, "Apa nama-nya laut ini? Kerana ayer-nya pun terlalu deras, tanah daratan-nya pun hampir laku-nya, pegari kita pandang kiri kanan ini. Maka kata mu'alim, "Ini-lah laut Mokha. Ada pun sa-belah kiri tanah Habshah nama-nya dan sa-belah kanan ini tanah Mokha."

Maka Laksamana pun belayar-lah kira2 dari Dewa itu dua bulan lama-nya, maka Laksamana pun sampai-lah ka-antara laut Judah. Maka kelihatan-lah alamat negeri Judah itu. Maka kata Laksamana, "Hai mu'alim, apa nama negeri ini?" Maka kata mu'alim, "Ini-lah negeri Judah nama-nya, pengkalan Mekah. Tempat Siti Hawa; negeri Judah ini-lah kubor-nya. Bermula segala

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

orang naik haji pun naik berjalan di-Judah ini-lah pergi ka-Mekah." Sa-telah Laksamana menengar kata mu'alim itu demikian, maka kata Laksamana, "Berapa hari jauh-nya berjalan dari Judah ini maka sampai ka-Mekah itu?" Maka kata mu'alim, "Ada dua malam perjalanan jauh-nya." Maka kata Laksamana pada juru-mudi itu, "Belok-lah Mendam Berahi ini; hamba hendak singgah mengunjong kubor Siti Hawa itu mengambil berkat-nya."

Maka di-belokkan-lah Mendam Berahi itu menuju bandar Judah. Tiada berapa antara-nya maka kata mu'alim, "Labohkan-lah Mendam Berahi ini dahulu, kerana laut ini terlalu chemar, banyak karang-nya." Maka Mendam Berahi pun di-labohkan-lah oleh juru-batu lalu memasang bedil meriam terlalu azmat bunyi-nya. Maka orang bandar pun turun melawati dan bertanya, "Perahu dari mana datang ini dan apa kehendak-nya?" Maka kata orang di-dalam Mendam Berahi itu, "Hamba sakalian ini utusan dari sultan Melaka hendak pergi ka-benua Rom mengadap sultan Rom. Sahaja panglima hamba hendak singgah naik mengunjong kubor Siti Hawa mengambil berkat ka-Judah ini."

Maka sauh pun di-bongkar orang-lah lalu belayar menuju labohan kapal yang banyak itu di-bawa oleh orang bandar itu. Sa-ketika belayar maka sampai-lah, lalu berlaboh. Maka orang bandar itu pun bermohon-lah pada Laksamana lalu berkayoh naik memberitahu Shahbandar saperti kata orang Melaka itu. Maka Shahbandar pun segera turun sendiri ka-perahu Laksamana itu hendak bertanyakan khabar yang sah. Sa-telah Shahbandar sampai ka-perahu lalu di-kayoh orang-lah ka-perahu itu. Sa-telah sampai maka Laksa-mana pun berdiri memberi hormat akan Shahbandar itu serta kata-nya, "Silakan-lah tuanku naik." Maka Shahbandar pun naik dudok lalu berjabat tangan dengan Laksamana dan segala orang baik2 dalam perahu itu. Maka kata Shahbandar, "Dari mana perahu ini datang? Apa pekerjaan tuan2 sakalian datang ini?" Maka kata Laksamana, "Ada pun hamba datang ini di-titahkan oleh sultan Melaka mengadap ka-bawah duli Sultan Mardha Shah Alau'ddin Rom, tanda muafakat dan berkaseh2an. Shahadan kemudian daripada itu hendak membeli bedil meriam yang besar2, kerana negeri Melaka itu ada-lah kekurangan bedil besar sadikit. Bermula sebab pun hamba singgah di-Judah ini kerana hamba hendak naik mengunjong kubor Siti Hawa mengambil ber-kat; kerana hamba orang jauh tiada tahu erti bahasa melainkan Shahbandar-lah yang hamba harap; kerana hamba dagang. Ada pun Shahbandar itu umpama bapa-lah kapada hamba sakalian."

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

Maka Shahbandar pun kaseh mesra rasa-nya melihat laku Laksamana berkata2 dengan bahasa Arab itu, faseh lidah-nya dengan manis muka-nya berkata2 itu, sangat ia merendahkan diri-nya. Maka kata Shahbandar, "Apa-tah salah-nya yang anak-ku mengakukan bapa itu? Ada pun yang anak-ku ini anak-lah kapada-ku." Maka Laksamana pun berjamu akan Shahbandar makan ni'mat bekal2an yang di-bawa di-Melaka itu. Sa-telah sudah maka kata Shahbandar, "Apa nama rajaduta-nya dan upaduta-nya?" Maka kata Laksamana, "Nama hamba Laksamana dan upaduta-nya Mahara a Setia."

Maka Shahbandar pun memohon-lah kapada Laksamana dan Maharaja Setia lalu kembali. Sa-telah sampai ka-darat, lalu pergi mengadap Malek R.s.t.l. Sa-telah melihat Shahbandar itu, maka kata Malek R.s.t.l. "Hai Shahbandar, bunyi bedil perahu apa terlalu banyak itu?" Maka kata Shahbandar, "Ya tuanku, perahu urusan raja Melaka datang membawa surat ka-bawah duli sultan Rom. Kasad-nya hendak muafakat berkaseh2an dan hendak membeli bedil." Maka Malek R.s.t.l pun berkata, "Esok hari bawa urusan itu naik mari; hamba hendak menengar khabar-nya."

Maka Shahbandar pun memohon kembali menyuroh memasak nasi dan makanan hendak berjamu Laksamana lalu di-suroh sambut Laksamana itu naik. Maka pergi-lah orang itu menyambut. Telah sampai, maka kata orang itu, "Ya orangkaya kedua, di-persilakan oleh Shahbandar naik ka-darat bermain2 barang sa-ketika." Sa-telah di-dengar Laksamana kata orang itu, maka Laksamana dan Maharaja Setia pun segera memakai dan di-bawa-nya yang mana patut di-bawakan Shahbandar itu. Sa-telah sudah maka Laksamana dan Maharaja Setia dan segala orangkaya2 yang enam belas orang itu dan mandalika sakalian itu pun turun-lah ka-sampan lalu di-kayohkan orang ka-darat naik berjalan di-iringkan oleh segala orang-nya sakalian itu. Telah sampai ka-balai Shahbandar, maka Shahbandar pun berdiri memberi hormat akan Laksamana dan Maharaja Setia, kata-nya, "Silakan-lah orangkaya sakalian naik dudok." Maka Laksamana dan Maharaja sakalian-nya pun naik-lah dudok seraya menyembah. Maka Shahbandar pun berkata, "Sudah hamba memberitahu Malek R.s.t.l. akan anak-ku kedua datang ini. Maka kata Malek R.s.t.l. suroh hamba bawa anak-ku kedua naik kapada-nya, hendak menengar khabar Melayu dan Malek R.s.t.l pun dua tiga hari lagi hendak berjalan ka-Mekah. Pada bichara ayahanda, baik juga anak-ku dudok singgah di-darat sa-hari dua hari dudok di-sini. Lagi pula, tiadakan anak-ku menanti bulan haji, kerana bulan haji pun sudah hampir? Baik juga anak-ku pergi Mekah naik haji, kerana sudah anak-ku sampai dekat. Sedang dari jauh lagi orang ka-mari, ini pula

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

sudah dekat." Maka kata Laksamana, "Pada bichara hamba pun, jikalau di-sampaikan Allah Subhanahu wa Ta'ala, demikian-lah kehendak hamba."

Maka Laksamana dan Maharaja Setia pun menyuroh orang-nya turun ka-perahu mengambil segala perkakas akan singgah pergi. Maka Laksamana pun di-beri tempat sa-buah gedong oleh Shahbandar itu. Maka Laksamana dan Maharaja Setia pun dudok-lah di-gedong itu, kira2 tiga ratus orang sahaja yang naik dudok bersama2 dengan Laksamana dan Maharaja Setia itu. Ada pun perahu empat puloh dua itu kira2 orang-nya sa-ribu enam ratus semua-nya tinggal di-perahu itu.

Sa-telah keesokan hari-nya Laksamana sakalian pun di-perjamu oleh Shah-bandar dengan saperti-nya. Sa-telah sudah maka kata Shahbandar, "Hai anak-ku Laksamana, mari-lah kita pergi mengadap Malek R.s.t.l." Maka kata Laksamana, "Silakan-lah bapa-ku hamba iringkan." Maka Shahbandar dan Laksamana dan Maharaja Setia pun lalu turun berjalan ka-rumah Malek R.s.t.l. Maka tatkala itu Malek R.s.t.l pun ada dudok di-adap oleh segala saudagar dan biaperi sakalian. Sa-telah di-lihat Malek R.s.t.l Shahbandar datang mem-bawa Laksamana itu, maka Malek R.s.t.l pun berdiri memberi hormat akan Laksamana, seraya berkata, "Silakan-lah orangkaya panglima dudok." Maka Laksamana dan Maharaja Setia dengan Shahbandar pun naik dudok dengan hormat-nya dan merendahkan diri-nya pada Malek R.s.t.l dan segala saudagar dan biaperi itu berjabat tangan sakalian-nya. Maka kata Malek R.s.t.l., "Apa pekerjaan anak-ku kedua ini di-titahkan sultan Melaka ka-negeri Rom ini?" Maka kata Laksamana, "Ada pun hamba sakalian datang ini di-titahkan sultan Melaka membawa surat dan bingkis tanda berkaseh2an antara sultan Melaka dan duli sultan Rom, hendak membeli bedil yang besar2 dari, kerana bedil besar ada-lah kekurangan sadikit dalam negeri Melaka itu. Ada pun hamba lihat akan tanah atas angin terlalu banyak bedil besar2."

Maka Malek R.s.t.l pun kaseh mesra akan Laksamana rasa hati-nya, kerana melihat laku Laksamana berkata2 itu terlalu manis mulut-nya dan faseh lidah-nya dan merdu suara-nya berkata2 dengan bahasa Arab dan sangat ia me-rendahkan diri-nya. Maka Malek R.s.t.l. pun berjamu Laksamana dan Maharaja Setia sakalian itu. Sa-telah sudah maka kata Malek R.s.t.l., "Hai anak-ku Laksamana, ada pun ayahanda ini hendak pergi ka-Mekah; nanti-lah ayahanda kembali dahulu jika anak-ku hendak belayar pun." Maka kata Laksamana, "Jikalau dengan kurnia khadam tuanku, tolong hamba sewakan unta akan tempat bermuat bekal. Hamba pun, insha' Allah Ta'ala, hendak pergi meng-iringkan khadam tuanku bersama2, kerana hamba hendak melihat ka'batu'llah

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

yang maha mulia itu, serta hamba hendak pergi ka-Madinah itu mengunjong kubor Nabi Sallallahu alaihi wa-sallam itu. Dalam pada itu pun lamun dengan kurnia tuanku tolong, maka boleh hamba pergi sama2 dengan khadam tuanku." Maka kata Malek R.s.t.l., "Apa-tah salah-nya? Tiada sukar pada hamba unta itu. Baik-lah hamba bicharakan barang maksud anak-ku itu, kerana hamba pun dua hari lagi hendak berjalan segera, kerana hamba di-panggil oleh Amirul-mu'minin."

Bermula pada masa itu hijrah Nabi Sallallahu alaihi wa-sallam baharu delapan ratus delapan puloh enam tahun. Maka tatkala itu anak Zainul Abidin yang bernama Sharif Ahmad itu-lah menjadi raja di-negeri Mekah itu dengan perentah Sultan Rom. Shahadan di-negeri Madinah pun anak Zainul Abidin juga menjadi raja pada masa itu, nama-nya Sharif Bahar Lauddin. Sa-telah Laksamana berkata2 dengan Malek R.s.t.l itu maka ia pun bermohon kembali ka-gedong-nya tempat singgah itu berlengkap akan berjalan ka-Mekah itu.

Sa-telah keesokan hari-nya maka Laksamana dan Maharaja Setia pun pergi-lah mengunjong kubor Siti Hawa itu di-bawa oleh Shahbandar. Sa-telah sampai maka di-lihat oleh Laksamana dan Maharaja Setia kubor itu panjang-nya antara nesan kepala datang kapada nesan kaki sa-habis2 kuat dua kali orang melompat. Ada pun pada sama tengah pusat-nya itu di-buboh nesan juga dan di-perbuat kubah terlalu tinggi. Maka Laksamana pun membacha do'a dan salawat akan Nabi sakalian. Sa-telah sudah, lalu kembali ka-gedong-nya.

• • •

Datang-lah kapada dua hari-nya, maka Malek R.s.t.l. dengan Laksamana dan Maharaja Setia pun bermuat unta lalu berjalan ka-Mekah. Apabila hari siang ia berhenti; telah hari malam ia berjalan, kerana pada tengah hari sangat panas matahari. Maka sa-kira2 tengah malam Laksamana berjalan itu sampai pada kaki bukit itu, terlalu permai tempat itu. Maka orang sakalian pun berhenti-lah sa-ketika akan lelah-nya.

Maka Laksamana pun pergi pada suatu tempat yang sunyi hendak buang ayer. Maka di-lihat oleh Laksamana sa-orang tua dudok di-atas batu puteh saperti kapas di-busor. Apabila orang tua itu melihat Laksamana datang hampir dia itu, maka orang tua itu pun segera turun berjalan mendapatkan Laksamana, serta memberi salam akan Laksamana. Maka Laksamana pun menyahut salam orang tua itu, "Hai Laksamana, mari apa-lah pinjam perak rial barang sa-rial akan hamba, kerana hamba sa-orang darwish yang amat

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

dha'if sangat kelaparan, hendak membeli roti tiada dapat." Maka fikir Laksamana, 'Ini bukan ia darwish rupa-nya. Pada fikir aku, ia ini nabi2 atau wali Allah juga.' Maka Laksamana pun mengambil rial dalam baju-nya dua tiga rial di-berikan orang tua itu. Maka di-ambil-nya perak itu sa-rial juga sahaja oleh orang tua itu. Sa-telah sudah maka ia pun memelok menchium kepala Laksamana, seraya kata-nya, "Hai anak-ku Laksamana, ambil-lah chembul ini. Apabila engkau tiada tahu berkata2 dengan bahasa orang itu maka engkau keluarkan ayer-nya dalam chembul ini, sapukan pada mulut-mu dan telinga-mu, maka tahu-lah kamu serba bahasa orang itu. Aku-lah Nabi Hidhir."

Maka orang tua itu pun ghaib-lah. Maka Laksamana pun terlalu sukachita hati-nya, lalu ia pergi ka-sungai. Telah sudah ia ka-sungai, lalu ia berjalan kembali pada segala khafilah yang banyak itu, lalu berjalan. Antara dua malam perjalanan maka sampai-lah ka-Mekah yang maha mulia. Maka Laksamana dan Maharaja Setia pun dudok-lah di-Mekah itu menantikan sampai hari haji, di-beri suatu tempat oleh Malek R.s.t.l. Sa-telah sudah maka ia pun mengadap Sharif Ahmad.

Bermula Laksamana dan Maharaja Setia pun pergi ziarah segala kubor sheikh dan wali Allah nabi, sa-genap tempat ziarah itu semua-nya di-kerjakan. Maka Amir haji di-negeri Masir dan negeri Sham pun membawa emas dan perak berpuloh2 belakang unta akan musara orang isi Mekah dan Madinah itu, ter-lalu banyak ra'ayat datang kedua buah negeri itu berketi2 banyak-nya, terlalu indah2 dengan takhta kebesaran-nya, dan membawa pelbagai mata dagangan daripada yang gharib dan indah2 pada suf, sakhlat, ainul-banat, dewangga dan beledu dan daripada permaidani terlalu indah2 di-bawa-nya; dan membawa usongan daripada takhta Rasulullah itu dengan perhiasan-nya terlalu indah2, tiada pernah di-lihat oleh Laksamana dan Maharaja sakalian perentah itu. Maka Laksamana dan Maharaja Setia pun hairan-lah melihatkan kekayaan dan kebesaran orang Arab itu.

Sa-telah sampai tiga hari lama-nya amir haji dudok di-Mekah itu, lalu me-makai emas dan perak itu masing2 dengan surat nama-nya datang di-Masir dan Sham itu. Sa-telah sudah maka datang-lah pada sembilan-nya haribulan Dzulhijjah. Maka berhimpun-lah berjalan sakalian orang Mekah itu pergi dengan Sharif Ahmad itu masing2 dengan takhta kebesaran-nya, beberapa ratus tunggul panji2 daripada sakhlat, dewangga, beledu dan kimkha berkibaran saperti kota chemara, pergi haji ka-Bukit Arafah. Maka Laksamana dan Maharaja Setia pun pergi-lah bersama2 dengan orang Mekah sakalian itu mengerjakan saperti rukun haji itu. Sa-telah sudah habis-lah di-kerjakan-nya,

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

lalu turun ka-Mina pula melontar batu yang bernama Jamratul-akabah dan Jamratul-wusta dan Jamratul-ula itu. Sa-telah sudah, lalu mengorban. Maka Laksamana dan Maharaja Setia pun berchukor. Maka habis-lah rata saperti sharat perentah haji dan ziarah dan haji umrah semua-nya di-kerjakan-nya. Maka Laksamana dan Maharaja Setia pun kembali-lah ka-Mekah dengan sakalian orang banyak itu lalu ziarah pula pada makam Ibrahim. Maka sampai-lah pada sa-puloh haribulan; tirai ka'batullah pun di-salin orang-lah. Maka Laksamana pun membeli-lah tirai itu barang sa-dapat-nya. Sa-telah keesokan hari-nya maka Laksamana pun masok-lah ka-dalam ka'batullah sembahyang lalu menchium batu yang bernama Hajarul-aswad. Sa-telah sudah lalu keluar bersama2 dengan orang banyak lalu tawaf pula ia akan tawaf rukun. Telah selesai-lah habis di-kerjakan-nya maka Laksamana dan Maharaja Setia pun mengambil ayer pada telaga zamzam itu lalu berjalan ka-Madinah bersama2 dengan kafilah yang banyak itu.

Hatta maka sampai-lah dua belas hari dua belas malam melalui padang majnun itu, tiada-lah pegari sa-suatu alamat, melainkan yang di-pandang oleh Laksamana hanya-lah langit dan bumi juga. Maka Laksamana pun sampai-lah ka-Madinah yang maha mulia itu lalu masok ka-dalam kota Madinah. Maka Laksamana pun dudok-lah dalam Madinah serta ia mengunjong kubor Nabi Sallahu alaihi wa-sallam. Sudah itu maka Laksamana pun pergi pula ziarah pada kubor Sayyidina Othman di-Baki' dan kubor Halimah lalu pergi ziarah pada kubor Sayyidina Hamzah di-kaki bukit yang bernama Jabal-Uhud itu. Sa-telah sudah maka Laksamana pun kembali pergi pada kubor Sallallahu alaihi wa-sallam mengunjong Nabi Allah dan Sayyidina Abu Bakar dan Omar ibni Khattab dan Fatimah zuhra', lalu menjamah mashaf Sayyidina Othman itu lalu mengadap Sheikh Jamaluddin penghulu kubor Nabi Allah itu membawa hadiah saperti kayu gaharu dan chendana dan kemenyan. Maka Laksamana pun dudok dalam Madinah itu sentiasa siang malam mengadap tuan sheikh itu.

Kira2 dua belas hari lama-nya ia dudok di-Madinah itu maka Laksamana dan Maharaja Setia pun memohon-lah. Maka di-pelok di-chium oleh tuan sheikh itu kepala Laksamana, seraya berkata, "Hai anak-ku Laksamana, minta di-jauhkan Allah Ta'ala kira-nya bala' dunia akhirat dan selamat anak-ku kembali." Sa-telah sudah tuan sheikh itu memberi do'a akan Laksamana, maka ia meniarap pada kaki tuan sheikh itu lalu berjabat tangan. Maka Laksamana dan Maharaja Setia pun naik-lah ka-atas unta lalu berjalan turun ka-Judah mengikut kafilah yang banyak itu, tiada-lah mengikut ka-jalan Mekah lagi. Kira2 sa-belas hari lama-nya maka Laksamana dan Maharaja Setia pun sam-

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

pai-lah ka-Judah. Maka tatkala itu Malek R.s.t.l. pun kembali dari Mekah. Maka Laksamana dan Maharaja Setia pun bermohon-lah pada Malek R.s.t.l. dan Shahbandar, lalu turun ka-perahu serta bertangis2an dan berpelok berchium dengan Malek R.s.t.l. dan Shahbandar itu. Maka sauh pun di-bongkar orang-lah lalu menarek layar menuju ka-tanah benua Rom.

* * *

Hatta berapa lama-nya, kira2 dua puloh hari lama-nya, maka Laksamana pun sampai-lah antara laut Masir. Maka kelihatan-lah alamat gunong Masir itu. Maka kata Laksamana, "Hai mu'allim, tanah mana ini dan apa nama negeri ini?" Maka kata mu'allim, "Ini-lah negeri Masir nama-nya tempat Nabi Allah Yusuf alaihis salam di-buangkan ka-dalam Sungai Nil itu oleh saudara-nya." Maka kata Laksamana, "Hai juru-mudi, belokkan Mendam Berahi menuju tanah Masir itu, kerana hamba hendak singgah melihat kekayaan Allah Subhanahu wa Ta'ala barang sa-hari dua di-sini dan hendak minum ayer Sungai Nil itu, kerana sungai Masir itu hulu-nya mari dalam shurga khabar-nya." Mendam Berahi pun di-belokkan oleh juru-mudi menuju kuala Masir. Sa-telah sampai ka-labohan maka Mendam Berahi pun di-labohkan orang-lah lalu memasang meriam tujoh kali.

Maka bunyi bedil itu kedengaran-lah pada Shahbandar. Maka Shahbandar pun menyuroh orang melawati menanyakan: "Perahu dari mana datang ini?" Maka sahut orang dari dalam Mendam Berahi itu, "Ada pun kami sakalian ini utusan daripada sultan Melaka ka-benua Rom di-suroh mengadap ka-bawah duli paduka seri Sultan Mardha Shah Alauddin tanda berkaseh2an. Ini sahaja. Panglima kami singgah hendak melihat kekayaan Allah Subhanahu wa Ta'ala dalam negeri Masir ini, serta hendak mengunjong kubor Yusuf alaihis salam dan segala nabi dan aulia Allah." Maka orang itu pun kembali memberitahu Shahbandar saperti kata orang dalam Mendam Berahi itu. Maka Shahbandar pun segera pergi persembahkan kapada Perdana Menteri. Maka tatkala itu Perdana Menteri pun ada dudok di-balai berkata2 dengan segala wazir sakalian. Maka Shahbandar sampai-lah; maka kata Perdana Menteri, "Bunyi bedil apa di-kuala itu saperti berteh bunyi-nya itu?" Maka sembah Shahbandar, "Ya tuanku, ada pun bedil itu perahu utusan daripada raja Melaka hendak ka-benua Rom. Sahaja ia singgah hendak melihat Masir itu." Maka kata Perdana Menteri, "Hai Shahbandar, pergi panggil panglima-nya naik ka-mari, kita

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

hendak mengajari dia akan perentah benua Rom itu; terlalu jauh, tiga bulan perjalanan dari Masir ini."

Maka Shahbandar pun bermohon-lah turun ka-perahu Laksamana. Sa-telah melihat Shahbandar datang itu, maka Laksamana berdiri memberi hormat akan Shahbandar itu, serta kata-nya, "Silakan-lah orangkaya Shahbandar naik dudok." Maka Shahbandar naik dudok sama2 dengan Laksamana. Maka kata Shahbandar, "Perahu dari mana datang ini dan apa pekarjaan tuan2 sakalian datang ini?" Maka kata Laksamana, "Ada pun pekerjaan hamba datang ini di-titah-kan oleh duli sultan Melaka kapada duli sultan Rom tanda muafakat dan ber-kaseh2an." Maka kata Shahbandar, "Hamba datang ini pun di-suroh oleh Perdana Menteri membawa anak-ku naik ka-darat, kerana Perdana Menteri hendak mendengar khabar negeri bawah angin." Maka kata Laksamana, "Baik-lah, hamba pun sahaja singgah ini hendak naik melihat kekayaan Allah Subhanahu wa Ta'ala dalam negeri ini, kerana di-khabarkan orang terlalu besar, lebeh kekayaan-nya pada segala negeri di-bawah angin."

Maka Shahbandar pun kaseh rasa-nya melihat laku Laksamana itu, terlalu manis barang yang keluar daripada mulut-nya itu. Maka kata Laksamana, "Ada pun yang hamba harap membawa hamba berjalan melihat kekayaan takhta negeri Masir ini hanya-lah bapa-ku orangkaya Shahbandar." Maka kata Shahbandar, "Insha' Allah Ta'ala, baik-lah anak-ku silakan naik; esok hari hamba hendak bawa anak-ku kapada Perdana Menteri." Maka kata Laksamana, "Baik-lah, esok hari hamba naik."

Maka Shahbandar pun di-perjamu oleh Laksamana makan segala ni'mat yang di-bawa-nya di-Melaka itu. Sa-telah sudah makan maka Shahbandar pun bermohon-lah kapada Laksamana dan Maharaja Setia lalu turun pulang ka-rumah-nya.

Sa-telah keesokan hari-nya maka Laksamana dan Maharaja Setia dan segala orangkaya2 sakalian pun naik pergi ka-rumah Shahbandar, serta membawa barang yang patut akan Shahbandar itu dan persembahan akan Perdana Menteri itu. Sa-telah sampai ka-balai Shahbandar, maka Shahbandar pun berdiri memberi hormat akan Laksamana dan Maharaja Setia, seraya kata-nya, "Silakan-lah orangkaya sakalian." Maka Laksamana dan Maharaja Setia pun naik dudok lalu berjabat tangan dengan Shahbandar. Sa-ketika maka hidangan pun di-angkat orang-lah. Maka Laksamana dan Maharaja Setia sakalian-nya pun makan-lah jamu-nya Shahbandar itu. Sa-telah sudah makan, maka kata Shahbandar, "Hai anak-ku kedua, mari-lah kita pergi mengadap Perdana Menteri."

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

Maka kata Laksamana, "Silakan-lah bapa hamba, hamba iringkan," lalu turun berjalan sama2.

Maka tatkala itu Perdana Menteri pun ada di-balai di-adap orang sakalian penoh sesak. Maka Shahbandar dan Laksamana pun datang lalu naik dudok berjabat tangan dengan Perdana Menteri. Maka persembah Laksamana itu pun di-sembahkan oleh Shahbandar; maka di-suroh terima-lah oleh Perdana Menteri. Maka kata Perdana Menteri, "Apa-kah pekerjaan anak-ku ini di-suroh oleh raja Melaka ka-mari ini?" Maka kata Laksamana dan Maharaja Setia, "Ada pun hamba sakalian ini di-titahkan oleh duli sultan Melaka mengutus ka-benua Rom. Sekarang sahaja hamba singgah hendak melihat takhta kebesaran negeri Masir ini, supaya dapat khabarkan ka-bawah angin kelak." Maka kata Perdana Menteri, "Baik-lah maksud anak-ku melihat perentah negeri. Biar-lah ayahanda menyurohkan Shahbandar membawa anak-ku sakalian ini." Sa-ketika dudok maka hidangan pun di-angkat orang-lah ka-hadapan. Maka kata Perdana Menteri, "Makan-lah anak-ku barang rupa-nya." Maka Laksamana dan Maharaja Setia sakalian pun makan-lah.

Sa-telah sudah makan, Laksamana pun hendak bermohon turun ka-perahu-nya. Maka di-pegang oleh Perdana Menteri, serta kata-nya, "Hai anak-ku kedua, sa-lagi anak-ku dudok di-negeri Masir ini, jangan-lah anak-ku turun ka-perahu lagi; biar-lah ayahanda beri tempat akan anak-ku dudok sakalian-nya singgah, sementara anak-ku belayar, kerana ayahanda kaseh ikhlas rasa hati melihat anak-ku kedua ini." Maka kata Laksamana dan Maharaja Setia, "Ada pun yang kurnia tuanku hendak berhambakan hamba ini, apa-tah salah-nya? Tetapi umpama dagang yang gharib bertambah dha'if, sangat-lah harap-kan ampun dan ma'af khadam tuanku di-perbanyak2, kerana hamba tiada tahu erti bahasa negeri di-atas angin ini, melainkan harap hamba khadam tuanku-lah akan mengajari hamba." Maka kata Perdana Menteri, "Baik-lah, yang anak-ku kedua ini anak-lah pada ayahanda dunia akhirat, ayahanda saudarakan dengan anak ayahanda sakalian ini." Maka sembah Laksamana, "Kehendak hati yang di-perhamba pun demikian-lah; yang khadam tuanku ini bapa-lah pada hamba dunia akhirat. Barang apa pekerjaan tuanku hamba kerjakan sa-lagi hamba dudok di-sini, tiada-lah hamba salahi lagi. Apa-tah daya hamba, kerana negeri Masir ini sangat berjauhan?"

Maka Laksamana dan Maharaja Setia pun di-bawa naik oleh Perdana Menteri ka-rumah-nya. Maka se-ketika dudok maka isteri Perdana Menteri pun keluar dudok sama2 dengan Perdana Menteri. Demi Laksamana dan Maharaja Setia melihat isteri Perdana Menteri keluar itu, maka kedua-nya pun undor sadikit

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

dengan hormat-nya. Maka kata isteri Perdana Menteri itu, "Jangan tuan takut akan bonda, kerana tuan sudah ku-ambil akan anak-ku." Maka Laksamana dan Maharaja Setia pun menyembah, seraya berkata, "Pada hati di-perhamba pun demikian-lah. Yang ayahanda bonda dunia akhirat itu bonda-lah pada hamba, tiada lagi sangka dalam-nya, demi Allah!" Sa-telah isteri Perdana Menteri menengar kata Laksamana demikian itu, maka isteri Perdana Menteri pun mengeluarkan persalin tujoh semberap akan Laksamana dan Mahara'a Setia tiga sembarap dan segala Melayu yang tujoh puloh yang baik2 itu pun di-persalin-nya. Maka kata isteri-nya Perdana Menteri kapada Laksamana dan Maharaja Setia, "Ini persalin bonda. Jangan di-aibkan; bukan dengan saperti-nya daripada tanda bonda ambil tuan akan anak." Maka sembah Laksamana dan Maharaja Setia, "Menerima kurnia-lah di-perhamba."

Maka Laksamana dan Maharaja Setia pun bermohon-lah pada Perdana Menteri laki isteri pun turun. Maka Laksamana pun di-beri tempat singgah sa-buah gedong. Maka Laksamana dan Maharaja Setia pun menyuroh orang-nya turun ka-perahu mengambil perkakas dudok di-darat itu. Maka Laksamana pun dudok-lah di-Masir itu melihat termasa takhta kekayaan orang Masir itu, beberapa yang indah2 dan yang gharib2, tiada pernah di-lihat oleh Laksamana dan Maharaja Setia dan orang Melaka sakalian itu.

Bermula maka Laksamana dan Maharaja Setia pun pergi mengikut Perdana Menteri masok mengadap. Maka beberapa di-lihat oleh Laksamana dan Maharaja Setia takhta kebesaran dalam negeri Masir itu dengan kota parit-nya berlapis2, tiada dapat di-kira2 lagi oleh Laksamana dan Maharaja Setia. Maka fikir Laksamana dan Maharaja Setia, 'Tiada-lah aku lihat dalam dunia sa-umor-ku ini. Ada pun sa-buah negeri Masir ini dua tiga ratus buah negeri Melayu tiada sama kekayaan orang Masir ini.' Maka beberapa pula Laksamana dan Maharaja Setia melihat senjata bedil besar2 bertimbun pada segala saudagar dan orangkaya2 dalam negeri itu. Maka kata Laksamana pada Maharaja Setia, "Pada maksud Yang Di-Pertuan suroh ka-benua Rom; jikalau tiada, negeri Masir ini pun dapat-lah kita membeli bedil Yang Di-Pertuan ini." Maka kata Maharaja Setia, "Sunggoh saperti kata orangkaya itu. Pada fikir yang di-perhamba, baik juga kita beli bedil saperti maksud Duli Yang Di-Pertuan itu di-negeri Masir ini satengah2 dahulu, kerana negeri Rom itu jauh lagi. Kalau2 bertemu dengan ardh-nya jadi tiada sampai saperti kehendak Duli Yang Di-Pertuan itu." Maka kata Laksamana, "Benar-lah saperti kata saudara-ku itu." Maka Laksamana dan Maharaja Setia pun menchari-lah daya upaya pada

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

Perdana Menteri itu menolong dia. Maka beberapa ratus di-peroleh Laksamana bedil itu di-angkat turun di-muatkan ka-perahu.

Shahadan berapa lama-nya Laksamana dudok dalam negeri Masir itu, kira2 tiga bulan lama-nya, tiada rata Laksamana dan Maharaja Setia dan segala orang Melaka sakalian itu melihat kekayaan Allah Subhanahu wa Ta'ala perentah kebesaran orang dalam negeri Masir itu. Maka Laksamana dan Maharaja Setia pun bermohon-lah pada Perdana Menteri kedua laki isteri dan Shahbandar, serta berpelok berchium bertangis2an, lalu turun ka-perahu lalu belayar dengan segala perahu sakalian itu menuju tanah benua Rom.

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

BAB XXVI

HATTA berapa lama-nya Laksamana di-laut, beberapa Laksamana dan Maharaja melihat kekayaan Allah Subhanahu wa Ta'ala dalam dunia ini, beberapa melalui negeri dan pulau dan gunong dan selat, maka Laksamana pun sampai-lah ka-jajahan benua Rom yang berkota di-tepi laut itu berpuloh2 buah negeri itu. Sa-kira2 tujoh belas dari situ, dari pagi2 hari, maka sampai-lah ka-negeri Rom yang bernama Setambul itu. Maka Mendam Berahi pun di-labohkan orang-lah. Kira2 tiga hari tiga malam lama-nya, maka perahu yang banyak mengikut Mendam Berahi itu pun sampai-lah. Maka bedil pun di-pasang orang-lah saperti berteh bunyi-nya dan bunyi2an pun di-palu orang-lah terlalu azmat bunyi-nya.

Maka terdengar-lah pada orang bandar bunyi bedil itu. Maka orang itu pun bertanya perahu dari mana datang ini?" Maka sahut segala orang dalam perahu itu, "Kami sakalian ini urusan daripada Sultan Melaka datang hendak mengadap ka-bawah Duli Seri Sultan benua Rom ini. Ada pun panglima kami Laksamana dan nama panglima muda-nya Maharaja Setia dan enam belas orangkaya2 yang bergelar mengiringkan dia." Sa-telah di-dengar oleh orang itu saperti kata orang dalam Mendam Berahi itu, maka ia pun segera kembali memberitahu Shahbandar, "Ya tuanku, ada pun perahu itu yang datang itu urusan daripada Raja Melaka hendak mengadap ka-bawah duli raja kita. Apa2 maksud-nya di-perhamba tiada pereksa." Sa-telah Shahbandar mendengar kata orang itu, maka Shahbandar pun berkata, "Baik-lah, aku hendak pergi sendiri ka-perahu itu bertanya kapada-nya."

Maka Shahbandar turun-lah ka-perahu kechil lalu di-kayohkan orang menuju perahu Laksamana. Sa-telah sampai, lalu naik. Sa-telah Laksamana melihat Shahbandar itu, maka Laksamana pun berdiri memberi hormat akan Shahbandar itu serta kata-nya, "Silakan-lah orangkaya Shahbandar naik dudok." Maka Shahbandar pun dudok lalu berjabat tangan dengan Laksamana dan Maharaja

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

Setia. Maka kata Shahbandar, "Dari mana datang-nya perahu ini? Apa pekerjaan tuan sakalian datang ini?" Maka kata Laksamana, "Ada pun pekerjaan hamba datang ini di-titahkan oleh Sultan Melaka akan mengadap ka-bawah Duli Paduka Seri Sultan benua Rom ini tanda muafakat dan berkaseh2an. Ada pun yang hamba datang ini, pertama2 dengan orangkaya Shahbandar-lah hamba dapatkan, kerana hamba dagang. Ada pun yang Shahbandar umpama bapa-lah pada hamba sakalian."

Maka Shahbandar pun kaseh raja-nya akan Laksamana itu, kerana ia berkata2 itu sangat merendahkan diri-nya, barang yang keluar dari mulut-nya itu terlalu manis dan faseh lidah-nya ia berkata2 dengan bahasa benua Rom itu. Maka kata Shahbandar, "Apa-tah salah-nya yang anak-ku mengakukan hamba bapa? Ada pun yang anak-ku ini anak-lah kapada-ku." Maka kata Shahbandar, "Apa nama rajaduta-nya dan upaduta-nya?" Maka kata Laksamana, "Nama hamba Laksamana dan upaduta-nya Maharaja Setia dan nama jejenang-nya orangkaya Tun Pekerma dan orangkaya Seri Lela Indera dan mata2-nya orangkaya Maharaja Lela, orangkaya Paduka Seri Rama. Kemudian dari itu, dua belas orangkaya2 yang bergelar mengiringkan hamba enam orang ini."

Sa-telah sudah berkata2 itu, maka Laksamana pun berjamu Shahbandar itu makan ni'mat yang di-bawa-nya di-Masir itu. Maka Shahbandar pun bermohon-lah kapada Laksamana dan Maharaja Setia lalu kembali ka-rumah-nya lalu pergi mengadap Ibrahim Kakan memberitahu saperti kata Laksamana itu. Maka kata Ibrahim Kakan, "Baik-lah orangkaya Shahbandar bawa naik mari esok hari utusan itu, hamba hendak mendengar khabar kapada-nya dahulu, supaya mudah hamba persembahkan kapada Bendahara Mangkubumi keempat itu."

Maka Shahbandar pun bermohon kembali ka-rumah-nya menyuroh bermasak nasi dan segala makan2an. Sa-telah sudah maka Shahbandar pun menyuroh orang-nya pergi menyambut Laksamana dan Maharaja Setia. Sa-telah sampai orang itu, maka kata orang itu, "Hai orangkaya kedua, di-persilakan oleh Shahbandar naik bermain2 ka-rumah-nya." Sa-telah di-dengar oleh Laksamana dan Maharaja Setia kata orang itu, maka kata Laksamana, "Baik-lah, hamba pun sudah sedia hendak naik mengadap Dato' Shahbandar."

Maka Laksamana dan Maharaja Setia sakalian pun memakai pakaian yang indah2 dan di-bawa-nya keluar barang patut di-bawa-nya kapada Shahbandar itu. Sa-telah sudah maka Laksamana dan Maharaja Setia dan mandalika yang keempat ratus tujoh puloh orang itu pun turun-lah ka-sampan lalu

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

di-kayohkan orang ka-darat. Sa-telah sampai maka Laksamana dan Maharaja Setia sakalian orang-nya pun berjalan-lah menuju kampong Shahbandar itu. Sa-telah sampai ka-balai Shahbandar, maka Shahbandar ada berdiri memberi hormat akan Laksamana dan Maharaja Setia, seraya kata-nya, "Silakan-lah dudok anak-ku sakalian." Maka Laksamana dan Maharaja Setia sakalian pun naik dudok lalu berjabat tangan Shahbandar dan segala orangkaya2 yang ada bersama2 di-balai Shahbandar. Maka kata Shahbandar, "Ada pun akan hal anak-ku kedua datang ini sudah hamba beritahu akan Ibrahim Kakan. Maka kata Ibrahim Kakan suroh hamba bawa anak-ku sakalian ini pergi kapada-nya hendak mendengar khabar yang j.r.p. dahulu supaya Ibrahim Kakan hendak pergi persembahkan kapada Bendahara Mangkubumi yang keempat itu."

Maka Laksamana pun di-perjamukan oleh Shahbandar dengan saperti-nya. Sa-telah sudah makan maka kata Shahbandar, "Hai anak-ku sakalian, mari-lah kita mengadap Ibrahim Kakan." Maka kata Laksamana dan Maharaja Setia, "Silakan-lah bapa hamba, hamba iringkan."

Maka Shahbandar pun berjalan-lah sama2 dengan Laksamana dan Maharaja Setia sakalian orang-nya pergi kapada Ibrahim Kakan. Ibrahim Kakan pun sudah sedia ada di-balai di-hadap oleh segala saudagar dan biaperi dengan segala orangkaya2 sakalian. Maka Shahbandar pun datang. Sa-telah di-lihat oleh Ibrahim Kakan Shahbandar datang membawa Laksamana dan Maharaja Setia itu, maka Ibrahim Kakan pun berdiri memberi upachara akan Laksamana, seraya berkata, "Silakan-lah orangkaya panglima dudok." Maka Laksamana dan Maharaja Setia dan Shahbandar sakalian orang pun dudok-lah dengan hormat-nya dan merendahkan diri-nya serta berjabat dengan Ibrahim Kakan dan saudagar dan biaperi itu. Maka kata Ibrahim Kakan, "Apa pekerjaan anak-ku kedua datang di-titahkan Sultan Melaka ka-negeri Rom ini?" Maka kata Laksamana, "Ada pun di-perhamba kedua datang ini di-titahkan Sultan Melaka membawa surat persembahkan ka-bawah Duli Yang Maha Mulia, tanda berkaseh2an antara Sultan Melaka dan Duli Yang Maha Mulia. Kemudian dari itu, ada-lah maksud Duli Yang Di-Pertuan sadikit berkehendak akan bedil meriam di-suroh-nya beli barang sa-kuasa hamba sakalian membawa dia." Maka kata Ibrahim Kakan, "Baik-lah itu, jika sa-kadar maksud Sultan Melaka akan bedil sahaja, jangankan sa-ratus dua ratus, jikalau sa-ribu sa-kali pun dapat Mangkubumi keempat itu bicharakan. Jangankan Mangkubumi, insha' Allah Ta'ala, hamba pun dapat bicharakan saperti maksud anak-ku itu." Maka Laksamana pun berkata2 "Apa-tah lagi, yang kurnia kadam tuanku itu sapenoh2 kesukaan-lah di-perhamba menanggong dia."

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

Maka Ibrahim Kakan pun kaseh mesra rasa-nya, kerana melihat laku Laksamana berkata2 dengan bahasa Rom itu, terlalu manis mulut-nya dan faseh lidah-nya. Maka kata Ibrahim Kakan, "Hai anak-ku Laksamana, jikalau anak-ku tulus ikhlas, saperti mana bapa kapada tuan-hamba." Maka Laksamana pun berkata, "Apa-tah salah-nya tuan-hamba hendak mengasehi hamba? Pertama2 hamba datang ini, yang hamba harapkan akan ganti ibu bapa hamba orangkaya Shahbandar-lah, kemudian, dahulu Allah. Berkat Rasulu'llah Salla 'llahu Alaihi wa Sallam, tuan-hamba-lah akan ganti Yang Di-Pertuan akan mengajari hamba akan perentah dalam negeri Rom ini pada barang hal-nya membicharakan hamba."

Maka Ibrahim Kakan pun terlalu sukachita hati-nya mendengar kata Laksamana itu. Maka Laksamana dan Maharaja Setia sakalian orang-nya pun diperjamu oleh Ibrahim Kakan dengan saperti-nya. Sa-telah sudah makan, maka kata Ibrahim Kakan, "Hai anak-ku, baik-lah anak-ku naik dudok ka-darat, biar ayahanda beri suatu tempat, kerana negeri Setambul itu empat puloh hari perjalanan dari sini." Maka kata Laksamana, "Baik-lah; apa-tah lagi kaseh bapa-ku itu."

Maka Laksamana pun menyuroh ka-perahu mengambil segala perkakas akan singgah itu. Maka Laksamana pun di-beri oleh Ibrahim Kakan suatu gedong tempat singgah itu. Maka Laksamana dan Maharaja Setia sakalian orang-nya empat ratus tujoh puloh itu dudok-lah masing2 dengan tempat-nya.

Sa-telah keesokan hari-nya maka Laksamana dan Maharaja Setia pun pergi mengadap Ibrahim Kakan. Maka kata Ibrahim Kakan, "Hai anak-ku Laksamana, sudah-kah menyuroh orang berangkat segala perkakas anak-ku akan dudok di-darat itu?" Maka kata Laksamana, "Sudah, tuanku." Maka kata Ibrahim Kakan, "Ayahanda pun dua hari lagi hendak berjalan pergi menyembahkan khabar anak-ku datang ini pada Mangkubumi yang keempat itu, kerana negeri Rom yang bernama Setambul itu sangat jauh perjalanan dari sini. Tatkala datang utusan segala raja2 atau khabar musoh akan datang atau barang pekrejaan, adat-nya hamba-lah menyampaikan, Bendahara Mangkubumi itu bichara-lah keempat-nya menyembahkan kapada raja. Maka baginda pun empat puloh hari sa-kali berangkat keluar. Ada pun anak-ku datang ini, pada bichara ayahanda, sa-bangat2-nya pun sa-tahun maka boleh kembali, kerana negeri besar, tiada sudah bichara-nya dengan bangat2an barang sa-suatu pekerjaan itu; banyak perentah-nya.

"Ada pun negeri Rom yang bernama Setambul itu kota-nya tujoh lapis dan parit-nya demikian juga dan pintu gerbang-nya yang besar enam butir. Ada

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

pun apabila masok pintu sa-belah matahari hidup, berjalan terbit kapada sa-belah pintu sa-belah matahari mati, tiga bulan lama-nya, dan sa-belah pintu ka-hulu berjalan ka-pintu sa-belah laut itu pun demikian juga jauh-nya. Maka apabila berkeliling negeri itu dua belas bulan perjalanan. Demikian-lah luas-nya. Bermula kota negeri itu sa-lapis datang kapada tujoh lapis itu berbagai2 perbuatan dan jenis-nya: ada yang sa-lapis daripada batu hitam, ada yang sa-lapis daripada batu kuning, ada sa-lapis daripada batu hijau dan sa-lapis pula daripada tembaga besi kharsani dan besi melela dan timah puteh dan timah hitam dan sa-lapis pula daripada zamrud yang hijau dan kuning dan merah, gemerlap rupa-nya memanchar2 kena chahaya matahari, dan pintu gerbang-nya demikian juga, berbagai2 perbuatan-nya.

"Maka sama tengah negeri itu ada sa-buah tasek terlalu luas, saperti laut rupa-nya; jikalau gajah berdiri seberang itu pun tiada kelihatan. Sakalian jenis ikan ada di-lepaskan-nya ka-dalam tasek itu. Maka di-tengah tasek itu ada sa-buah pulau terlalu tinggi, sentiasa berasap, empat persegi rupa-nya. Maka di-atas pulau itu di-tanam-nya pelbagai rupa tanam2an dan bunga2an dan segala buah2an. Maka apabila raja hendak bersuka2an, di-sana-lah baginda pergi bermain2. Maka di-tepi tasek itu di-buat-nya suatu hutan terlalu besar, maka di-lepaskan-nya segala binatang yang liar2 ka-dalam hutan itu. Apabila raja hendak berburu, ka-sana-lah baginda pergi. Kemudian dari itu di-perbuat-nya suatu bustan, erti-nya kebun, terlalu indah2, kira2 empat ribu depa luas-nya di-sa-belah matahari hidup tasek itu. Maka di-tanam-nya pelbagai bunga2an dan aneka2 buah2an. Maka di-gelar baginda bustan itu Taman Ghairat. Maka ada-lah pagar taman itu daripada batu puteh, di-rapat-nya maka di-turap-nya dengan kapor yang amat berseh, saperti perak rupa-nya dan pintu-nya mengadap kapada mahligai baginda itu, di-perbuat-nya daripada emas dan perak dan tembaga suasa. Bermula pintu pagar-nya kebun itu di-perbuat-nya bertonggak; maka di-atas tonggak itu di-perbuat-nya satu batu saperti biram berkelopak dan berkemunchakkan daripada sangka pelinggam, terlalu gemerlap sinar-nya, bergelar Pintu Biram Indera Bangsa; dan ada pada sama tengah taman sungai bernama Daru'l-ashek berturap dengan batu, terlalu jerneh ayer-nya lagi amat sejok. Barang siapa minum dia sihat-lah tubuh-nya dan ada-lah terbit mata ayer itu daripada pehak maghrib di-bawah gunong yang bernama Jabalu'l-a'la, keluar-nya daripada batu hitam.

"Shahadan ada-lah pertemuan pagar Taman Ghairat itu pun pada Sungai Daru'l-ashek itu dua buah jambangan bergelar Rambut Kemalai; kedua belah Sungai Daru'l-ashek itu di-turap-nya dengan batu panchuran bergelar Tebing

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

Sangka Safa, dan ada-lah kiri kanan tebing sungai arah ka-hulu itu dua buah tangga batu hitam di-ikat-nya dengan tembaga semberani, saperti emas rupa-nya. Maka ada-lah di-sisi tangga arah ka-kanan itu suatu batu mengampar bergelar Tanjong Indera Bangsa di-atas suatu batu delapan persegi, saperti peterana rupa-nya. Di-sana-lah tempat hadhrat yang maha mulia semayam mengail; dan di-sisi-nya itu sa-pohon beraksa, terlalu rambak rupa-nya, saperti payong hijau. Dan ada-lah sama tengah Sungai Daru'l-ashek sa-buah pulau bergelar Pulau Sangka Marmar; di-kepala pulau itu sa-buah batu, nilai warna, dan ada-lah keliling pulau itu karang berbagai2 warna-nya, bergelar Karang Pancha Logam; di-atas Pulau Sangka Marmar itu suatu pasu permandian bergelar Sangka Samak dan ada-lah isi-nya ayer mawar b.n.d.y yang amat merbak bau-nya, tutup-nya daripada perak dan kulah-nya daripada perak dan cherek-nya, daripada fidhat yang abiadh. Dan ada-lah geresek pulau itu terlalu elok rupa-nya, puteh saperti beras.

"Bermula pantai Sungai Daru'l-ashek di-rapat-nya dengan batu yang mengampar yang arah ka-kanan itu bergelar Pantai Ratna Chuacha dan arah ka-kiri itu bergelar Pantai Sembika dan ada pantai itu sa-ekor naga hikmat dan pada mulut naga itu suatu saloran emas bepermata, laku-nya saperti lidah, sentiasa ayer mengalir pada saloran itu. Shahadan ada-lah di-hilir pulau itu suatu jeram tangisan naga, terlalu amat gemuroh bunyi-nya; barang siapa mendengar dia terlalu sukachita hati-nya. Dan di-hilir jeram itu suatu telok terlalu permai, bergelar Telok Dendang. Anak dan ada sa-buah balai gambang di-telok itu, kedudokan-nya daripada kayu jati dan pegawai-nya daripada dewadaru dan daripada timah, rupa-nya saperti sisek naga; dan ada di-hilir itu suatu pantai Indera Paksi dan hilir pantai itu suatu lubok terlalu dalam, bergelar Lubok Tengiri, ada-lah dalam-nya serba jenis ikan dan tebing-nya tinggi dan ada di-atas tebing itu sa-pohon kayu lablab, terlalu amat rendang, bergelar Randarika; dan ada di-sisi-nya suatu kolam terlalu luas, bergelar Chendera Hati. Maka ada-lah dalam kolam itu pelbagai bunga2an daripada kenanga dan teratai dan seroja dan bunga tanjong; dan ada dalam kolam beberapa ikan, warna-nya saperti emas, dan pada sama tengah kolam itu sa-buah kolam di-turap dengan batu puteh, bergelar Pulau Sangka Sembika dan di-atas-nya suatu batu mengampar, saperti singgasana rupa-nya.

"Sa-bermula di-seberang Sungai Daru'l-ashek itu ada buah kolam satu bergelar Jentera Mas dan suatu bergelar Jentera Hati; ada-lah dalam-nya berbagai2 jenis ikan dan bunga2an daripada tanjong puteh dan tanjong merah dan tanjong ungu dan tanjong biru dan tanjong kuning dan tanjong dadu,

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

serta jenis bunga2an ada-lah di-sana. Di-tebing kolam itu dua buah jambangan, suatu bergelar Kembang Cherpu China, suatu bergelar Peterana Sangka. Shahadan dari kanan Sungai Daru'l-ashek itu suatu medan terlalu luas sa-kali, geresek-nya daripada batu pelinggam, bergelar Medan Cherani dan pada sama tengah medan itu sa-buah gunong; di-atas gunong itu menara tempat semayam bergelar Kegunongan Menara Permata, tiang-nya daripada tembaga dan atap-nya daripada perak, sisik rumbia dan kemunchak-nya suasa. Maka apabila kena sinar matahari maka chemerlang-lah chahaya itu. Ada-lah dalam-nya beberapa permata puspa ragam dan sulaimani dan yamani; dan pada kegunongan itu suatu kota, pintu-nya bertangkup perak di-taman tanaman atas gunong itu beberapa bunga2an daripada chempaka dan ayer mawar merah dan puteh dan seri gading.

"Dan ada di-sisi-nya gunong suatu gedong; gedong itu di-turap dengan batu puteh dan di-ukir berbagai warna dan lukis dan selimpat di-s.m.bus dan mega arak2an. Dan barang siapa masok dalam gedong itu ada-lah ia menguchap salawat akan Nabi Salla 'llahu Alaihi wa Sallam; dan ada-lah pagar yang di-dalam gedong itu berturapan batu puteh berlazuardi, perbuatan orang benua Turki dan tiang gedong itu bernama Kamriah dan Naga Puspa dan Dewadaru dan pegawai-nya daripada kayu jentera mula; dan ada-lah atap gedong itu dua lapis daripada papan di-chat dengan larik hitam gemerlap rupa-nya, saperti warna-nya nilam, dan sa-lapis lagi atap gedong itu daripada chat hijau, warna-nya saperti zamrud dan kemunchak-nya daripada m.l.m.c emas dan sulor batang-nya daripada perak dan di-bawah-nya sulor batang itu buah pedendang daripada chermin, kilau2an di-pandang orang. Di-hadapan gedong itu sa-buah gading tempat kenduri baginda dan di-sisi balai itu beberapa pohon pisang daripada pisang emas dan pisang suasa; dan di-sisi gunong arah tepi sungai itu suatu peterana batu di-ukir, bergelar Kembang Lela Mashadi dan arah ka hulu itu suatu peterana batu warna nilam, bergelar Kembang Seroja, berukir kerawang; dan halaman gunong itu pasir-nya daripada batu nilam. Dan ada sa-buah balai keemasan perbuatan orang atas angin dan di-sisi-nya ada sa-buah rumah merpati. Shahadan ada-lah segala merpati itu sakalian-nya tahu menari, bergelar Pedikiran. Dan ada di-tebing Sungai Daru'l-ashek itu suatu balai chermin bergelar Balai Chermin Terang. Maka segala pohon kayu dan bunga2an yang hampir balai sakalian-nya kelihatan dalam-nya saperti tulisan.

"Dan di-dalam itu sa-buah masjid terlalu elok perbuatan-nya, bergelar Ashek Mushahadatun dan kemunchak-nya daripada m.m.l.ng emas dan ada-lah dalam masjid itu suatu mimbar batu berukir lagi berchap sangka rupa dan

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

r.ng.k.u panchawarna terlalu indah2 perbuatan-nya; dan berkeliling masjid itu beberapa nyior gading dan nyior puteh dan nyior manis dan nyior dadeh dan nyior a.t.s dan nyior rambai dan berselang dengan pisang bulan dan pinang gading dan pinang bawang dan pinang kachar. Dan ada sa-pohon nyior gading bergelar Serbat Jenuri di-tambak dengan batu berturap dengan kapor. Ada-lah pohon itu chenderong saperti orang menyerahkan diri-nya. Nyior itu-lah akan persantapan Duli Shah Alam, terlalu manis ayer-nya.

"Shahadan ada-lah di-seberang Sungai Daru'l-ashek itu, pada pehak kiri, satu balai perbuatan orang China bergelar Balai Rekaan China; sakalian pegawai-nya berukir dan dinding-nya berchat kerawang dan di-ukir-nya segala mereka itu mergasetua dan gajah berjuang dan singa bertangkap dan berapa daripada unggas yang terbang dan daripada sa-tengah tiang-nya naga membelit dan pada sa-tengah tiang-nya harimau hendak menerkam; dan di-hadapan balai, jambangan batu berturap, bergelar Kembang Seroja. Dan ada sa-buah lagi balai, sakalian pegawai-nya berchap ayer emas yang merah bergelar Balai Keemasan dan di-halaman balai itu di-tambak-nya dengan pasir panchoran, gilang-gemilang, bergelar Geresak Inderareka. Dan ada-lah antara kiri kanan balai itu di-ukir naga, mengalir daripada mulut naga itu saloran suasa; maka sentiasa ayer mengalir daripada saloran mulut naga itu. Shahadan ada-lah di-darat balai keemasan itu sa-buah balai, tiang-nya astakona, dinding-nya berkambi berchap serba bagai warna dan atap-nya daripada papan berchap kuning; ada-lah kemunchak-nya dan sulor barang-nya merah berukiran sa-tangkai awan, bergelar Balai Jaya. Dan di-sisi balai keemasan hampir Sungai Daru'l-ashek itu sa-buah batu berukir kerawang, bergelar Madbir Laksana. Bermula ada hampir kolam chendera mata itu sa-buah balai gading bersendi2 dengan kayu arang tamar.

"Ada pun bumi taman itu di-tambak-nya daripada tanah koi dan di-tanam serba bagai jenis bunga2an, ayer mawar merah dan ayer mawar ungu dan bunga ayer mawar puteh, chempaka dan bunga kenanga dan bunga melor dan bunga pekan dan bunga kembang sa-tahun dan bunga serangkini dan bunga delima danta dan bunga panchawarna dan bunga seri kayu gading dan bunga mutia tabor dan bunga lada dan bunga semboran dan bunga pachar galah dan bunga enggerék bulan dan bunga enggerék semboran dan bunga tanjong merah dan bunga tanjong puteh dan bunga tanjong biru dan bunga kandih dan bunga chulika dan bunga asad dan bunga perak dan bunga chempaka dan bunga China dan perakula dan bunga gandasuli dan bunga sekanda dan bunga kepala dan bunga serunai dan bunga memerah dan bunga raya merah

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

dan bunga raya puteh dan bunga pandan dan bunga warsuka dan bunga sambar bawa dan bunga kemuning dan bunga bungar dan bunga keperanchak dan bunga dahan dan bunga sena dan bunga kepala sari dan bunga telang puteh dan bunga telang biru dan bunga buloh gading dan bunga menderasa pada jeram tangisan naga dan andong merah dan andong puteh, pohon limau emas dan limau manis dan limau kasturi dan limau mentimun dan limau gedangsa dan limau geresak dan limau Inderagiri dan bunga karamunting dan bunga serba rasa dan bunga inai. Dan tiada-lah hamba panjangkan kata2; beberapa dari kekayaan Allah Subhanahu wa Ta'ala yang gharib2 dan sakalian itu dengan jambangan indah2 perbuatan-nya.

"Dan ada-lah di-taman itu daripada serba bagai buah2an, daripada buah tufah dan anggor dan delima dan manggista dan buah rambutan dan buah tampoi dan buah durian dan buah langsat dan danam manis dan setol kechapi dan chermai dan binjai dan rambai dan chempedak dan nangka dan sukun dan kulor dan machang dan mempelam dan pauh dan tebu pisang dan nyior dan pinang dan butir dan gandum dan kachang kedali dan kerćla dan labu dan kundor dan kemendikai dan buah melaka dan belimbing besaki dan belimbing buloh dan rawa dan berangan dan tembikai dan buah jela dan jitan dan jagong dan chabai dan anjeli."

Maka Laksamana dan Maharaja Setia terlalu hairan sakalian mendengar riwayat Ibrahim Kakan itu. Sa-telah sudah berkata2 itu, maka hari pun petang-lah, maka Laksamana dan Maharaja Setia pun bermohon-lah. Maka kata Ibrahim Kakan, "Ayahanda pun dua hari lagi hendak pergi mengadap Mangkubumi keempat itu. Pekerjaan anak-ku datang ini belum lagi bertentu." Maka kata Laksamana, "Baik-lah, mana perentah tuanku." Laksamana pun pulang-lah sakalian-nya ka-tempat singgah itu.

Sa-telah hari malam maka Laksamana pun tidor-lah, sambil berkata2 dengan Maharaja Setia dan segala orangkaya2 sakalian itu: "Ada pun kita ini berlambatan laku-nya akan boleh kembali, kerana Raja Rom ini terlalu besar sangat kekayaan-nya. Saudara-ku lihat-lah kita datang sa-lama ini belum lagi kita sampai kapada Mangkubumi keempat itu, jangankan kapada raja-nya. Tetapi pada bichara hamba, hamba hendak chari muslihat juga hendak melihat raja-nya, supaya boleh kita khabarkan ka-bawah Duli Yang Di-Pertuan. Guna2 kita di-titahkan ka-mari ini hendak-lah boleh melihat yang pelék sa-suatu menyampaikan khabar. Ada pun Raja Rom ini tida pernah oleh segala utusan raja2 mengadap, melainkan pada Mangkubumi empat orang itu-lah sahaja,

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

khabar-nya hamba dengar." Maka kata Maharaja Setia dan segala orang-kaya2 sakalian itu, "Sunggoh-lah saperti kata orangkaya panglima itu."

Maka sa-telah keesokan hari-nya maka Laksamana dan Maharaja Setia pun pergi mengadap Ibrahim Kakan. Maka tatkala itu Ibrahim Kakan pun sudah sedia perkakas akan berjalan itu. Telah Ibrahim Kakan melihat Laksamana datang itu, maka kata-nya, "Silakan-lah, anak-ku Laksamana. Dudok-lah. Ayahanda pun sudah hadhir; sa-kadar esok hari juga ayahanda akan berjalan. Ada pun peninggalan ayahanda pergi ini anak-ku dudok-lah baik2 menantikan ayahanda datang. Mana yang kekurangan dan maksud anak-ku itu, minta-lah kapada bonda; jangan-lah lagi menaroh helat dalam-nya, kerana ayahanda dan bonda sudah tulus ikhlas beranakkan tuan." Maka kata Laksamana, "Baik-lah, tuanku; mana sabda tuanku di-perhamba junjong. Di-mana-tah lagi pengarapan di-perhamba, melainkan kapada kadam tuanku kedua laki isteri?"

Maka kata Ibrahim Kakan, "Hai anak-ku Laksamana, ada pun negeri Rom ini negeri besar. Bermula masjid dalam negeri yang bernama Setambul itu sa-laksa delapan ratus enam puloh dua butir banyak-nya dan rumah berhala sa-ribu dua ratus dua puloh dalam negeri itu. Telaga di-pintu gerbang itu dua butir, di-dalam di-luar; dan balai derma pun demikian juga, tempat orang yang kekurangan pada balai itu-lah. Ada pun banyak balai derma dalam negeri itu empat ratus tiga belas buah dan pesara Islam tengah tujoh ratus dan pesara kafir tiga ratus tengah tiga puloh, dan sungai-nya dalam negeri itu banyak-nya enam ratus kurang dua tujoh puloh butir kuala sungai itu, dan gedong berisi emas tujoh ratus enam puloh buah dan gedong berisi perak sa-ribu tiga puloh buah banyak-nya. Kemudian dari itu beberapa ribu gedong yang berisi ber-bagai2 jenis, saperti timah dan tembaga dan kain dan harta yang gharib2 saperti suf, sakhlat dan dewangga, beledu dan jim, permadani dan kembeli, asteranji dan sanjini."

Maka Ibrahim Kakan pun bertanya pada Laksamana pula akan perentah segala raja di-bawah angin. Maka Laksamana pun bercheritera-lah dengan manis laku-nya dan faseh lidah-nya dengan bahasa orang negeri Setambul itu. Maka Ibrahim Kakan pun suka mendengar hikayat Laksamana itu, kaseh mesra akan Laksamana rasa-nya. Sa-telah sudah berkata2 itu, maka Laksamana pun di-perjamu oleh Ibrahim Kakan lalu ia bermohon pulang ka-tempat singgah-nya.

Sa-telah keesokan hari-nya maka Ibrahim Kakan pun berhadhirkan berjalan. Maka Laksamana dan Maharaja Setia pun datang; maka kata Ibrahim Kakan, "Senyampang anak-ku datang ayahanda pun akan berjalan-lah." Maka di-lihat oleh Laksamana usongan emas bertatahkan ratna mutu ma'nikam dan berumbai-

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

kan mutiara dan nilam pualam puspa ragam dan empat ratus hamba yang tebusan hadhir mengiringkan tuan-nya itu, dan beberapa senjata dan pedang berulukan emas bertatahkan ratna mutu ma'nikam dan tarbil daripada emas kerajang dan empat puloh payong iram2 hijau berumbaikan mutiara dan sa-ratus kuda perang orang menaiki dia, musta'id dengan alat senjata-nya, dan beratus2 unta dan keledai akan bermuat bekal segala khalayak sakalian itu. Shahadan beberapa pakaian indah2 yang terkena pada tuboh Ibrahim Kakan itu. Maka kata Ibrahim Kakan, "Hai anak-ku Laksamana, "Silakan-lah kembali, kerana ayahanda hendak berjalan; hari sudah tinggi." Maka kata Laksamana, "Silakan-lah tuanku."

Maka Ibrahim Kakan pun naik ka-atas usongan emas itu lalu berjalan di-iringkan oleh segala orangkaya2 dan saudagar dan biaperi dengan segala hamba sahaya-nya tebusan itu, sa-genap mata jenis orang tebusan ia itu. Maka Laksamana pun keluar bersama2 mengiringkan sampai ka-pintu. Maka di-lihat oleh Laksamana dan Maharaja Setia Ibrahim Kakan berjalan itu saperti laku raja2 berarak akan takhta kebesaran-nya itu. Ada pun berjalan itu, di-hadapan usongan Ibrahim Kakan berjalan itu, dua ekor gajah meta kenaikan-nya berjalan dahulu — semua-nya pakaian gajah itu daripada keemasan belaka — dan dua ekor kuda tezi berjalan di-belakang Ibrahim Kakan, lengkap pakaian-nya daripada keemasan juga. Maka Laksamana dan Maharaja Setia pun ter-lalu hairan terchengang2 melihat temasha kebesaran orang Rom itu. Maka Laksamana pun berkata2, "Ada pun sa-orang Ibrahim Kakan ini empat puloh raja2 di-bawah angin tiada sama-nya juga." Maka Laksamana dan Maharaja Setia pun kembali ka-tempat-nya singgah itu..

• • •

Sa-bermula Ibrahim Kakan berjalan itu, berapa puloh hari, maka ia pun sampai-lah ka-negeri Setambul, lalu masok mengadap Bendahara Mangkubumi. Sa-telah Mangkubumi melihat Ibrahim Kakan datang itu, maka Mangkubumi pun memberi upachara akan Ibrahim Kakan. Maka ia pun berjalan perlahan2 dengan hormat-nya, lalu dudok. Maka kata Mangkubumi, "Apa pekerjaan Ibrahim Kakan datang ini dan apa khabar sa-belah laut?" Maka sembah Ibrahim Kakan, "Ya tuanku, hamba mohonkan ampun dan kurnia, hamba hendak persembahkan ka-bawah kadam tuanku bahasa utusan daripada Raja Melaka datang hendak mengadap tuanku." Maka kata Mangkubumi, "Apa nama rajaduta-nya dan upaduta-nya?" Maka sembah Ibrahim Kakan, "Ya

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

tuanku, ada pun nama raja duta-nya Laksamana dan upaduta-nya Maharaja Setia, enam belas orang pegawai yang bergelar mengiringkan dia dan empat puloh dua buah banyak perahu-nya." Maka kata Mangkubumi, "Baik-lah, sa-puloh hari lagi kita suroh sambut surat dan bingkis itu. Kembali-lah dahulu, Ibrahim Kakan; beritahu akan rajaduta-nya dan upaduta-nya itu suroh bersedia. Kita lagi hendak bichara dengan Mangkubumi ketika itu menyembahkan ka-bawah duli yang maha mulia itu, kerana pada ketika baginda akan berangkat keluar pun sudah bermula." Maka Ibrahim Kakan pun bermohonlah kembali memberitahu akan Laksamana dan Maharaja Setia saperti kata Mangkubumi itu.

* * *

Ada pun peninggalan Ibrahim Kakan kembali itu, maka Mangkubumi keempat pun berbichara-lah menantikan sampai ketika raja akan berangkat keluar hendak menyembahkan utusan datang itu, kerana adat Raja Rom itu empat puloh hari sa-kali berangkat keluar. Maka pada sa-hari baginda keluar itu beribu2 perkara perguaman segala khalayak ra'ayat sakalian putus dibicharakan oleh Mangkubumi keempat itu. Maka tatkala belum sampai ketika akan keluar, maka datang satu2 hal negeri dan kesakitan yang amat besar, genta alamat itu pun di-gerakkan orang-lah. Maka baginda pun berangkat keluar-lah ka-penghadapan di-hadap segala menteri pegawai hulubalang sakalian. Kemudian dari itu melainkan baginda dudok dalam taman segala ahlu'l-bait dan segala ulama yang besar2 mertabat dan pengetahuan-nya serta baginda menjahit kopiah. Ada pun raja itu, makan pakai-nya dengan segala anak isteri-nya, harga kopiah dan harga bunga yang di-dalam taman itu-lah setiasa di-belanjakan-nya. Demikian-lah adat-nya raja itu.

Apabila hari raya atau hari yang majlis, naik-lah baginda dudok ka-atas maligai; sudah itu turun ka-dalam taman ghairat pada balai, sa-kalian pegawai-nya daripada emas dan suasa dan lazuardi dan perak bertatahkan emas permata terlalu indah2 perbuatan-nya, beberapa dari permadani yang keemasan dan suatu permadani terhampar di-atas balai itu, berjentera dan berkemunchak daripada emas bertatahkan ratna mutu ma'nikam dan pudi dan intan berumbai2kan permata di-karang dan delapan butir bantal seraga daripada emas dan suasa dan perak bertatahkan ratna mutu ma'nikam dan berumbai2 permata di-karang terletak di-atas permadani dan kamardani. Maka apabila hari malam atau siang raja hendak beradu, maka turun-lah baginda pergi pada

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

suatu khemah; di-sana-lah baginda istirahat. Ada pun khemah itu atap-nya daripada daun khurma dan tikar-nya tempat baginda beradu itu daripada batu kelikir. Demikian-lah isti'adat baginda itu sentiasa-nya.

Shahadan hari baginda berangkat keluar pun sampai-lah. Daripada waktu suboh maka berbunyi-lah genta alamat itu tujoh kali berturut2; maka segala khalayak hina-dina, kechil-besar-nya berhadhir-lah. Sa-telah pagi2 hari maka berhimpun; masok-lah Mangkubumi keempat dan segala raja2 dan segala menteri2 pegawai hulubalang dan kadhi maliku'l-adil dan orangkaya2 Maharaja Setia, Seri Maharaja dan orangkaya2 Laksamana dan Seri Perdana Menteri dan orangkaya2 Lela Wangsa dan segala pahlawan pun dudok-lah bersaf2, masing2 dengan martabat-nya kedudokan menantikan bunyi alamat. Shahadan lima ratus raja2 yang memakai makota hadhir mengadap kiri kanan baginda itu dan sa-puloh ribu hulubalang yang berbaju zirah berketopong berdiri kiri kanan baginda itu musta'id dengan alat senjata-nya dan sa-ribu gajah perang berdiri kiri kanan baginda itu. Maka sakalian gajah itu berbaju zirah serba keemasan pakaian-nya dan delapan kuda perang dan empat ratus sida2, bentara dan bujang sabilu'llah dan segala m.r.m.ng muda belia berdiri kiri kanan baginda memikul pedang keemasan yang bertatahkan ratna mutu ma'nikam, dan pakaian orang itu semua-nya keemasan, kurnia daripada baginda sa-mata2.

Sa-telah sudah musta'id, maka berbunyi-lah segala bunyi2an empat puloh ragam itu daripada emas suasa dan perak alamat raja akan berangkat keluar itu. Maka segala raja2 dan menteri pegawai sakalian-nya hina-dina, kechil-besar pun semua-nya berdakap tuboh tundok berdiam diri-nya. Maka genta besar itu pun di-gerakkan orang-lah sa-puloh kali berturut2. Maka baginda pun berangkat-lah keluar dudok semayam di-atas singgasana emas kudrati sa-puloh mutu yang bertatahkan ratna mutu ma'nikam dalam kelambu rawa yang berpakankan emas, di-hadap sakalian orang, berumbai2kan intan di-karang dan berkemunchak, berselaputkan ayer emas dan suasa, maka di-kenakan kapada sirip naga beralor2an dan kumaian berkerawang saperti karangan nakas rupa-nya, bertelok bersemboran dengan ayer emas berlapis2 rupa-nya. Maka di-nama-nya singgasana itu/Seri Alam Berjentera. Maka sakalian khalayak pun sujud-lah meniarap di-hadapan baginda tujoh kali berturut2. Sa-telah sudah, lalu mengangkatkan kepala-nya serta mengatakan, "Daulat tuanku yang di-permuliakan Allah Subhanahu wa Ta'ala!" Maka datang-lah biduanda keempat puloh berdiri di-hadapan Kadhi Maliku'l-adil dan Fakih Paduka Tuan meng-amborkan derham beberapa daripada emas dan perak dan permata yang gharib2 dan kain yang tiada terpermanai banyak-nya. Maka terlalu-lah ramai bunyi2an,

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

sakalian khalayak mengambil derham sedekah di-bawah duli baginda itu. Demikian-lah isti'adat baginda itu, apabila berangkat maka di-hamborkan-lah sedekah itu oleh orang empat puloh itu hingga habis rata sakalian khalayak hina-dina kechil-besar semua-nya segala yang masok ka-dalam pintu awang halaman balai Rom itu menerima kurnia baginda sa-mata2.

Sa-telah sudah maka datang-lah bentara empat puloh memikul pedang yang keemasan berdiri menjunjongkan titah kapada Bendahara Mangkubumi keempat itu: "Apa sebab-nya pada hari ini baginda keluar maka tiada Mangkubumi memutuskan sa-suatu guam segala khalayak yang banyak itu?" Maka ber-darang sembah Mangkubumi keempat, "Daulat Tuanku Shah Alam, patek mohonkan ampun dan kurnia, sembah patek sembah durhaka. Ada pun patek datang hendak bersembah pada hari ini bahawa utusan Raja Melaka datang hendak mengadap ka-bawah duli yang maha mulia. Nama rajaduta-nya Laksamana dan upaduta-nya Maharaja Setia dan enam belas orangkaya yang bergelar bersama2 ia, empat puloh dua buah banyak perahu-nya ada berlaboh di-laut bandar Ibrahim Kakan; panglima-nya sudah naik dudok ka-darat. Ini-lah. Mana titah duli yang maha mulia patek junjong." Maka bentara pun datang bersembah demikian itu. Maka titah baginda, "Hai Mangkubumi-ku yang keempat, segera-lah kerahkan segala raja2 dan malawari, pendikar dan Kandi dan segala hulubalang dan pahlawan kita suroh sambut surat Raja Melaka itu. Bawa oleh kamu gajah dan kuda barang sa-suka pergi menyambut surat dan bingkis itu dengan segera-nya, bawa masok mari ka-dalam ruang kita ini. Aku pun tiada pernah mendengar riwayat daripada orang tua2, utusan di-negeri Melaka itu ka-benua Rom ini datang, kerana negeri Melaka itu sangat jauh-nya. Apa gerangan kehendak-nya?"

Sa-telah sudah raja bertitah itu, maka segala bunyi2an empat puloh ragam itu berbunyi-lah dan genta alamat pun di-gerak orang-lah. Maka baginda pun berangkat masok. Maka Bendahara Mangkubumi dan segala menteri pegawai sakalian pun menyembah lalu keluar masing2 pulang ka-rumah-nya pergi berhimpun pada suatu balai tempat bichara berlengkap akan menyambut surat dan bingkis itu.

• • •

Arakian maka datang-lah pada ketika hari yang baik dan waktu yang senang; maka Bendahara Mangkubumi pun menyurohkan segala raja2 dan pegawai hulubalang pergi menyambut surat dan bingkis itu dengan segala bunyi2an

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

yang dua belas ragam itu dengan sa-lengkap-nya, beberapa takhta, beribu2 gajah kuda, sakalian-nya memakai yang keemasan dan bertatahkan ratna mutu ma'nikam. Sa-telah berapa hari lama-nya berjalan itu, maka sampai-lah ka-rumah Ibrahim Kakan. Ibrahim Kakan pun pergi-lah pada Laksamana. Tatkala itu Laksamana pun sudah hadhir. Maka kata Ibrahim Kakan, "Sudah-kah anak-ku berlengkap?" Maka kata Laksamana, "Sudah, tuanku, hamba sediakan." Maka surat dan bingkis itu di-sambut orang-lah lalu di-naikkan di-atas gajah. Maka Laksamana dan segala orang Melaka sakalian-nya pun di-beri-nya kuda sa-orang sa-ekor lalu berjalan dengan segala bunyi2an terlalu gegak gempita bunyi-nya.

Hatta beberapa antara-nya, empat puloh hari lama-nya, berjalan itu. Ada pun sa-panjang jalan tiada putus kampong orang dan tiada berselang dengan pesara, segala orang yang berjalan itu tiada-lah membawa bekal lagi, sakalian makanan pun di-pasar itu-lah, dan ada balai tempat persinggahan orang pergi datang empat puloh tempat. Sa-telah keesokan hari-nya maka kelihatan-nya kota dari jauh terdinding saperti kapas sudah terbusar dan saperti perak yang sudah terupam. Sa-telah hampir-lah dekat, maka di-lihat oleh Laksamana dan Maharaja Setia pintu gerbang negeri itu daripada besi khursani, di-ukir bangun2an saperti pelbagai rupa perbuatan-nya. Kota-nya daripada batu yang puteh dan pada sa-lapis pula daripada batu hitam dan pintu gerbang-nya daripada besi melela berkilat2 saperti sayap kumbang, dan pada sa-lapis itu pula kota-nya daripada besi yang pejal dan pada sa-lapis lagi daripada tembaga dan pada sa-lapis lagi pula daripada timah dan sa-lapis lagi daripada tembaga suasa. Pintu-nya kota daripada zamrud yang hijau dan lapis yang ketujoh yang di-dalam sa-kali itu di-lihat oleh Laksamana daripada perak dan tembaga suasa di-tulis dengan ayer emas serba jenis isim yang besar2. Maka di-lihat oleh Laksamana beribu2 rumah berhala kiri kanan jalan itu dan beribu2 masjid terlalu indah2 perbuatan-nya dan beribu2 kehmah khatifah yang sudah terbentang akan tempat segala saudagar berniaga dan berkedai.

Maka segala orang dalam negeri itu pun terlalu ramai melihat surat dan bingkis di-arak orang masok, di-permulia-nya oleh orang Rom ini. Maka kata sa-orang pula, "Apa sebab-nya surat utusan Melaka ini maka di-sambut raja kita dengan perhiasan-nya ini?" Maka kata sa-orang pula, "Mana kita pergi tahu fikiran raja2 itu." Maka kata sa-orang, "Sunggoh pula. Sa-genap2 kali utusan datang pun sa-kadar sampai Mangkubumi sahaja; maka ini laku-nya bagai2 ka-dalam ruang lalu rupa-nya."

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

Hatta dengan demikian maka surat dan bingkis itu sampai-lah ka-pintu kota yang di-dalam sa-kali. Maka surat dan bingkis itu di-turun orang-lah di-atas gajah lalu di-bawa-nya masok ka-dalam pintu awang. Maka di-sambut oleh Kadhi Maliku'l-Adil di-bawa-nya naik ka-balai di-halaman ruang itu. Sa-telah sudah maka bunyi2an alamat akan raja berangkat pun berbunyi-lah saperti adat yang telah lalu itu. Maka raja pun berangkat keluar dudok pada tempat sedia-kala itu di-hadap oleh menteri pegawai sakalian. Maka ber-datang sembah bentara yang menyandang tetampan itu, "Daulat Tuanku Shah Alam, patek mohonkan ampun dan kurnia ka-bawah duli yang di-permuliakan Allah Subhanahu wa Ta'ala, ada pun surat dan bingkis persembah Raja Melaka itu sudah-lah di-sambut oleh Kadhi Maliku'l-Adil di-bawa-nya naik ka-balai yang di-dalam ruang Duli Shah Alam itu." Maka titah baginda, "Suroh bacha-lah surat itu kapada Mangkubumi keempat."

Maka surat itu pun di-bacha oleh Kadhi Maliku'l-Adil di-hadapan Mangku-bumi dan segala khalayak yang banyak sakalian mendengar dia. Sa-telah sudah di-bacha, maka Mangkubumi keempat pun berdatang sembah akan hal ahwal-nya saperti maksud Raja Melaka itu, semua-nya di-persembahkan. Maka titah baginda, "Baik-lah, tatkala utusan itu kembali kelak, bicharakan-lah oleh Mangkubumi beri bedil saperti maksud Raja Melaka dan bingkis itu, beri lebeh kira2 sa-ratus kali ganda daripada bingkis kapada kita." Maka titah baginda pula pada Mangkubumi, "Kau bawa-lah pulang utusan itu, peliharakan baik; sa-bulan sa-orang beri makan pakai-nya dan belanja-nya. Jangan lagi di-beri terlindong barang sa-orang. Lagi ia dudok dalam negeri kita ini, berjamu beri makan pagi petang; jangan di-beri ia masak2 sendiri." Maka sembah Mangkubumi keempat, "Daulat tuanku, mana titah duli yang di-permuliakan Allah Ta'ala patek sakalian junjong."

Maka segala bunyi2an alamat pun berbunyi-lah. Maka baginda pun berangkat masok; Mangkubumi keempat pun berangkat masok, keempat-nya pun menyembah lalu pulang ka-rumah-nya membawa Laksamana dan Maharaja Setia. Maka sa-telah sampai, maka Laksamana sakalian pun di-beri tempat oleh Mangkubumi. Apabila sampai sa-bulan Laksamana dudok pada Mangku-bumi itu, maka Laksamana pun di-bawa pergi ada sa-orang pula Mangkubumi; demikian-lah berganti2 di-angkat-nya pagi petang. Maka kata Laksamana pada Mangkubumi itu, "Ya tuanku, jikalau ada derma tuanku akan di-perhamba, hendak bermohon pergi melihat temasa dalam negeri ini sa-kuasa hamba berjalan sa-lagi hamba di-dalam negeri ini, supaya boleh hamba khabarkan takhta kebesaran negeri ini kapada Duli Yang Di-Pertuan dan segala ra'ayat

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

sakalian." Maka kata Mangkubumi, "Baik-lah, mana kehendak orangkaya panglima itu tiada kita tahani."

Maka Laksamana dan Maharaja Setia sakalian orang-nya pun di-suroh bawa oleh Mangkubumi empat orang pediam-nya berganti2. Maka lihat oleh Laksamana berpuloh2 ribu lorong, dalam itu semua-nya daripada baru hitam dan baru puteh dan merah dan kuning dan hijau; maka di-turap dengan kapor gemerlapan rupa-nya berchahaya2 kena sinar matahari itu. Maka tiada-lah terinsaf oleh segala manusia lagi melainkan Allah Subhanahu wa Ta'ala juga akan perbuatan orang dalam negeri itu. Maka di-lihat oleh Laksamana terlalu indah2 dan berbagai2. Ada-lah sa-umpama sudah mati hidup pula: demikian-lah hati Laksamana dan Maharaja Setia, bertambah2 dengan kesukaan itu. Kira2 empat bulan lama-nya Laksamana dudok, baharu sa-jorong negeri itu yang di-lihat oleh Laksamana.

Telah berapa lama-nya Laksamana dudok dalam negeri Rom itu, maka ia pun sa-habis2 daya upaya hendak melihat Raja Rom itu, tiada di-peroleh. Jangankan boleh melihat raja, takhta penghadapan raja sahaja pun tiada di-peroleh. Maka pada suatu hari Laksamana pun berdatang sembah kapada Mangkubumi yang terhampir pada raja daripada Mangkubumi tiga itu. Maka kata Laksamana, "Ya tuanku, ada pun di-perhamba ini sudah enam bulan lama-nya dudok dalam negeri ini, jangankan boleh mengadap baginda, menerima ayapan-nya pun belum lagi, sa-kadar tuanku empat bersaudara ini juga me-meliharakan di-perhamba sakalian itu. Kerana adat Melayu di-bawah angin sana, barang ka-mana di-utuskan Duli Yang Di-Pertuan, sa-genap negeri pun hamba boleh mengadap raja-nya dan menerima ayapan dan kurnia, supaya boleh-lah hamba khabarkan takhta kebesaran raja anu raja anu itu." Maka Laksamana pun beriwayat-lah tatkala ia di-utuskan ka-benua Keling lalu ka-benua China, dan tatkala ia ka-Majapahit dan tatkala pergi ka-benua Siam dan tatkala pergi ka-Berunai. Maka Laksamana pun berbuat kata-lah tatkala ia di-utuskan pergi ka-negeri Mekah dan Madinah dan negeri Hafsah dan negeri Feringgi dan negeri Wolanda, semua-nya boleh mengadap dan berkata2 dengan raja-nya." Maka kata Mangkubumi itu, "Bagaimana maksud orangkaya panglima? Katakan supaya kita dengar. Mana yang patut pada hati kita boleh kita menyembahkan ka-bawah duli yang maha mulia." Maka kata Laksamana, "Harap di-perhamba pun pada tuanku sa-orang-lah akan menolong hamba barang hal-nya. Ada pun pada hati hamba, hamba melihat kadam tuanku ini ada-lah sa-umpama Duli Yang Di-Pertuan Melaka, tiada-lah helat

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

dalam-nya, lagi tulus dan ikhlas hamba, saperti mana ibu bapa hamba hamba melihat tapak kaki kadam tuanku ini. Demikian-lah rasa hati di-perhamba."

Maka Laksamana berkata2 itu terlalu manis mulut-nya dan faseh lidah-nya dan amat merdu suara-nya melembutkan hati segala yang mendengar dia. Bermula kata Laksamana, "Ada pun yang kehendak hati di-perhamba, jikalau ada derma kurnia kadam tuanku menolong di-perhamba, hendak-lah tuanku sembahkan ka-bawah duli yang maha mulia hendak bermohon kembali, kerana hamba sudah sembilan bulan lama-nya dudok dalam negeri Rom ini, belum lagi hamba mengadap ka-bawah duli yang maha mulia itu. Tatkala hamba kembali mengadap Duli Yang Di-Pertuan Sultan Melaka, apa-tah sembahyang di-persembahkan kapada Duli Yang Di-Pertuan? Maka ini-lah; minta-lah tuanku sembahkan. Jikalau ada ampun dan kurnia di-perbanyak2 di-atas kepala-nya, hamba hendak bermohon kembali, kerana musim pun hampir kasip; lagi pula Duli Yang Di-Pertuan tenanti2 hendak mendengar khabar daripada duli yang maha mulia." Maka Mangkubumi pun berkata, "Saperti maksud anak-ku itu, insha Allah ta'ala, chuba-lah ayahanda persembahkan. Di-ampun atau tiada-kah tiada-lah dapat ayahanda katakan lagi, kerana adat Sultan Rom ini, sa-genap utusan datang dari negeri mana2 tiada pernah di-beri mengadap sendiri, melainkan jika surat dan bingkis pun sampai pada hamba empat orang ini-lah sahaja. Maka baik-lah, tatkala sampai ketika baginda berangkat keluar, hamba-lah persembahkan saperti kehendak anak-ku itu."

Shahadan pada suatu ketika maka baginda berangkat sembahyang Juma'at ka-masjid yang bernama Baitu'r-rahim Ratna Kemala itu. Maka masjid itu pun di-sapu-lah orang dengan kain berbagai2 warna-nya dan perbuatan-nya terlalu indah2 rupa-nya. Maka raja keritan emas kenaikan baginda berangkat ka-masjid itu pun hadhir-lah musta'id dengan perhiasan-nya terlalu indah2. Maka segala hulubalang pun berdiri-lah bersaf2. Maka musalla kerajaan dan segala alat kerajaan pun turun-lah di-bawa segala lela2 di-sambut oleh segala megat2. Maka bentara dan segala bujang sabilu'llah dan segala kundangan, m.r.m.ng dan muda belia sakalian-nya pun datang-lah menyambut segala alat kerajaan. Maka bedil meriam pun di-pasang orang-lah dua kali tujoh. Maka Kadhi Maliku'l-Adil dan segala sheikh ulama yang besar2 dengan segala ahlu'l-ibadah sakalian-nya pun turun-lah berjalan dahulu. Maka gendang arak2an pun di-palu orang-lah terlalu azmat daripada gong dan serunai, negara, nafiri, bangsi, merangu, cherachap, medali, demama, terlalu gemuroh bunyi-nya tiada berputusan. Maka segala pawai pun turun-lah dan gendang nobat pun berbunyi-lah. Maka baginda pun berangkat-lah. Maka payong iram2 pun

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

terkembang-lah berbagai2 warna-nya; yang pertama2 berjalan itu delapan puloh gajah tunggal, semua-nya pakaian gajah itu keemasan bertatahkan ratna mutu ma'nikam, dan di-atas gajah itu delapan puloh pahlawan yang memikul alat peperangan dan berkanching emas selitar dada-nya dan memegang lembing bunga2an berdiri di-atas kursi keemasan. Maka gajah itu pun di-gerakkan pantas2 serta ia tombak melambong2 diri-nya. Dan delapan puloh kuda perang; maka di-atas kuda itu delapan puloh pahlawan berbaju zirah dan berketopong besi khursani terdiri di-atas kursi yang bertatahkan ratna mutu ma'nikam memegang bedil istinggar. Apabila kuda itu di-buru-nya, maka bedil itu pun di-pasang-nya terlalu gempita bunyi-nya. Maka baginda pun berangkat dudok di-atas keritan emas itu di-dalam kelambu jala2. Maka baginda pun terpandang Laksamana dan Maharaja Setia. Tatkala itu Laksamana pun ada mengikut Mangkubumi mengiringkan raja berangkat. Maka di-lihat oleh baginda sikap Laksamana berjalan itu terlalu manis, pantas barang laku-nya, gemar melihat rupa Laksamana itu. Maka fikir-nya baginda, 'Ini-lah gerangan rupa-nya urusan Raja Melaka yang bersama2 Mangkubumi itu.'

Dengan demikian maka baginda pun sampai-lah ka-masjid itu. Maka keritan emas itu pun di-r.y.k-kan orang-lah pada birai masjid itu. Maka baginda pun naik-lah berdiri sa-ketika; maka biduanda dua puloh orang itu pun datang-lah berdiri di-medan khayali itu mengamborkan derma sedekah daripada emas dan perak dan permata yang tiada terkira2 banyak-nya lagi. Maka terlalu-lah ramai segala khalayak sakalian berebut mengambil sedekah di-bawah hadhrat raja itu. Sa-telah sudah maka baginda pun berangkat ka-dalam masjid, lalu ka-masjid tuasa, lalu sembahyang sa-kadar enam belas orang dengan pendita yang besar2 sahaja. Maka sakalian orang banyak itu sembahyang-lah di-luar masjid besar.

Ada pun masjid Baitu'l-rahim Ratna Kemala itu pegawai-nya daripada emas dan perak bertatahkan ratna mutu ma'nikam. Bermula luas-nya masjid itu kira2 muat orang berdiri sembahyang itu sa-laksa dua ribu. Ada pun berkeliling-nya masjid itu tanaman serba bagai bunga2an dan berbagai2 jenis, semua-nya dengan jambangan-nya; dan sa-buah kolam di-tengah medan masjid itu, terlalu dalam ayer-nya dengan jerneh-nya, tebing-nya di-ikat dengan tembaga semberani; berbagai jenis ikan di-lepas dalam-nya; maka teratai dan telepok di-buboh-nya hendak menahankan panas ayer dalam kolam itu. Pagar masjid itu daripada batu merah dan puteh dan kuning dan hijau, maka di-lebor dengan kapor mengerlap rupa-nya. Maka di-atas pagar itu di-hunjamkan-nya besi melela pelbagai senjata rupa-nya, saperti ranggas ber-

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

kilat2 kena sinar matahari itu, dan pintu-nya daripada tembaga suasa dan perak berkemunchakkan emas bertatahkan mutu ma'nikam berumbai2kan nilam pualam puspa ragam di-karang.

Maka sudah baginda sembahyang maka baginda pun dudok-lah berkata2 dengan segala ulama akan ilmu hak Ta'ala serta mengadapi segala ahlu'l-qari min tilawatu'l-Qur'an. Sa-telah sudah baginda pun berangkat kembali.

Sa-telah sampai ka-istana-nya, maka baginda pun dudok-lah semayam di-hadap segala khalayak sakalian. Sa-ketika dudok maka titah baginda di-bawa oleh bentara terjunjong kapada Mangkubumi yang keempat, demikian kata-nya, "Ya Dato' Mangkubumi keempat, duli yang maha mulia suroh Dato' Mangkubumi segera balas surat dan bingkis Raja Melaka itu dan beri bedil saperti kehendak hati panglima utusan itu. Apabila ketika duli yang maha mulia berangkat keluar, maka hendak-lah Dato' Panglima utusan itu bawa masok dudok di-balairong ini, hendak kurnia ayapan." Maka sembah Mangkubumi itu, "Daulat tuanku, mana titah duli yang di-permuliakan Allah Subhanahu wa Ta'ala patek sakalian junjong." Kemudian berdatang pula sembah Mangkubumi, "Daulat tuanku, patek mohonkan ampun dan kurnia di-atas jemala patek hamba yang dha'if, bahawa utusan Raja Melaka itu pun, jikalau ada derma kurnia Duli Shah Alam, ia hendak bermohon-lah ka-bawah Duli Shah Alam, kerana sa-lama meninggalkan raja-nya, serta ia hendak mengadap Duli Shah Alam, supaya boleh ia membawa khabar raja-nya akan takhta kebesaran pengadapan Duli Shah Alam ini, supaya mashhor nama Duli Shah Alam di-kurniakan Allah ta'ala dalam dunia ini lantas ka-bawah angin akan kelimpahan rahim Duli Shah Alam atas jemala Raja Melaka dan utusan-nya itu." Maka titah baginda, "Hai Mangkubumi, baik-lah itu. Barang kehendak-nya utusan itu kita anugerahkan, kerana ia-lah hamba bijaksana dan setiawan, sangat ia hendak berbuat kebaktian kapada tuan-nya."

Sa-telah sudah maka baginda pun berangkat masok. Maka Mangkubumi keempat dan segala pegawai hulubalang sakalian pun menundokkan kepala-nya lalu berjalan keluar masing2 pulang ka-rumah-nya.

* * *

Sa-bermula datang-lah kapada hari raja akan berangkat keluar. Maka takhta perhiasan balairong itu pun di-kenakan orang-lah, di-buboh tirai dan langit yang berpakan akan emas dan berumbai2kan intan di-karang berbagai2, indah2 rupa-nya, sa-habis2 dunia-lah. Maka ketika itu di-lihat oleh Laksamana

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

dan Maharaja Setia. Maka genta alamat itu pun di-gerakkan orang-lah tujoh kali berturut2. Maka berhimpun masok segala khalayak sakalian dudok bersaf2 menantikan baginda berangkat keluar. Maka Laksamana dan Maharaja Setia pun di-bawa-lah oleh Mangkubumi masok bersama2. Sa-ketika lagi maka segala bunyi2an yang keempat puloh ragam itu pun berbunyi-lah; maka baginda pun berangkat-lah keluar dudok semayam pada tempat sedia-kala di-hadap oleh sakalian itu dalam kelambu jala2 emas yang bertatahkan permata yang beribu2 bagai rupa-nya dan warna-nya. Maka tuboh baginda itu pun gilang-gemilang-lah lantas keluar di-hadap oleh chahaya permata itu. Apabila baginda bergerak, sa-ketika warna kuning, sa-ketika warna puteh dan merah dan hijau, ikut saperti warna permata yang terkena pada kelambu jala2 emas dan perak dan beberapa butir bantal seraga daripada emas dan perak dan tembaga suasa yang berkelopak2 beratus jenis terletak pada kiri kanan dan belakang baginda semayam itu. Maka bunyi2an itu berhenti-lah. Maka Kadhi Maliku'l-adil dan Fakih Paduka Tuan, Bendahara Mangkubumi keempat dan segala menteri pegawai hulubalang pahlawan sakalian khalayak hina-dina, kechil besar pun meniarap-lah di-bumi halaman balairong itu tujoh kali berturut2 menyembah, lalu naik dudok masing2 dengan mengamborkan mas dan perak dan permata kurnia daripada baginda itu. Maka sakalian-nya pun mengambil-lah emas dan perak dan permata derma sedekah daripada raja-nya itu.

Maka Laksamana dan Maharaja Setia pun terlalu hairan melihat takhta kebesaran dan kelayaan dan berbagai2 perbuatan dan perhiasan balairong itu. Bermula tiang-nya daripada kacha yang kuning dan puteh dan hijau dan merah dan serba pegawai-nya daripada perak bertatahkan ayer emas dan suasa dan berbagai2 jenis permata yang terkenal pada balairong itu, berombak2-lah chahaya-nya gilang-gemilang lantas sampai kapada kota istana baginda itu. Maka di-lihat oleh Laksamana dan Maharaja Setia beribu2 gajah kuda yang di-naiki segala pahlawan itu, musta'id dengan alat senjata-nya terdiri pada kiri kanan balairong itu.

Sa-telah sudah membahagi sedekah, maka datang-lah bentara empat puloh memikul pedang keemasan bertatahkan permata membawa titah terjunjong pada Bendahara Mangkubumi suroh bawa utusan itu ka-hadapan peterana baginda semayam itu. Maka Laksamana dan Maharaja Setia pun di-bawa orang-lah dudok di-belakang Mangkubumi, serta meniarap menjunjong duli tujoh kali berturut2, Laksamana dan Maharaja Setia mengangkatkan kepala-nya menyembah sambil memandang ka-atas kemunchak jala2 emas itu. Maka

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

di-lihat oleh Laksamana dan Maharaja Setia tuboh baginda itu berbayang2 kena sinar permata kelambu itu saperti wayang di-balek kelir rupa-nya. Sa-telah Laksamana menjunjong duli, maka ia pun dudok berdakap tuboh, serta menundokkan kepala-nya. Maka barang kelakuan Laksamana itu semua-nya di-lihat oleh raja; kata baginda, 'Ia ini bukan barang2 orang, amat bijaksana, sangat ia hendak berbuat kebaktian pada tuan-nya dan sukar menchari hamba dan hulubalang saperti ini.' Maka titah baginda dengan bahasa rong, "Hai biduanda-ku, tanyakan utusan itu, lain daripada bedil itu apa lagi maksud Raja Melaka itu pada kita." Maka sembah Laksamana dengan bahasa Rumi, erti-nya bahasa dalam, "Daulat Tuanku Shah Alam yang di-permuliakan Allah Subhanahu wa Ta'ala terjunjong di-atas batu kepala patek hamba yang hina bertambah2 bebal, tatkala patek di-negeri Melaka, hamba pada patek itu Sultan Melaka; akan sekarang patek di-benua Rom ini hamba-lah ka-bawah Duli Shah Alam. Barang pekerjaan Duli Shah Alam patek kerjakan, sa-hingga mati sudah-lah."

Sa-telah baginda mendengar sembah Laksamana itu dengan bahasa Rumi itu, maka baginda pun tersenyum, gemar melihat Laksamana berkata2 dengan bahasa Rumi itu, terlalu manis mulut-nya dan faseh lidah-nya dengan merdu suara-nya dan sangat ia merendahkan diri-nya dan raja-nya itu. Maka Laksamana pun berdatang sembah pula, "Daulat Tuanku Shah Alam, suatu pun tiada yang lain maksud patek itu, hanya-lah hendak mengambakan diri patek itu, serta memohonkan derma kurnia ka-bawah Duli Shah Aam bedil yang besar yang dapat di-bawa oleh patek sakalian, kerana senjata besar di-negeri Melaka itu ada-lah kekurangan. Lebeh ma'alum dan ampun Duli Shah Alam di-atas batu kepala patek sakalian."

Sa-telah sudah maka hidangan pun di-angkat orang-lah beribu2 hidangan dan beribu2 mata gulai dan sayor dan rendang tumis. Maka sakalian khalayak pun makan-lah. Maka Laksamana dan Maharaja Setia sakalian orang Melaka pun makan-lah masing2 dengan hidangan-nya. Sa-telah sudah makan maka datang-lah persalin beratus2 semberap. Bermula akan Laksamana tujoh semberap dan Maharaja Setia lima semberap dan akan orangkaya2 enam belas orang itu tiga2 semberap pada sa-orang. Lain daripada itu, sakalian orang Melaka yang sa-ribu enam ratus itu semua-nya di-anugerah sa-semberap pada sa-orang. Kemudian dari itu, berpuloh2 kati emas dan perak dan permata dan senjata berbagai2 di-anugerah akan baginda pada Laksamana dan Maharaja Setia.

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

Sa-telah sudah maka titah baginda pada Mangkubumi yang keempat, "Hai Mangkubumi, segera-lah beri ia pulang utusan ini pada raja-nya dan balas surat bingkis. Mangkubumi segera-lah beri kain yang gharib2 perbuatan-nya dan permata dan perkakas kerajaan yang indah2 kira2 harga sa-puloh bahara emas; dan suroh orang kita bawa turun bedil itu muatkan ka-perahu-nya utusan ini, ikut sa-muat2 perahu yang ia bawa mari ini; tetapi bawa utusan ini pergi pileh; mana yang berkenan kapada-nya maka bawa turun bedil itu." Maka sembah Mangkubumi yang keempat, "Daulat Tuanku Shah Alam, mana titah yang di-permuliakan Allah Subhanahu wa Ta'ala patek sakalian junjong."

Maka bentara pun datang menjunjongkan suatu kopiah bekas di-pakai baginda, dan serban, kata-nya, "Ini, orangkaya panglima, titah duli yang maha mulia anugerah akan Raja Melaka itu, tanda bekas tuboh duli yang maha mulia." Ada pun kopiah dan serban itu daripada emas sa-puloh mutu di-tatah dengan permata sembilan bagai, terlalu indah2 perbuatan-nya di-larikkan dengan lazuardi, gemerlapan saperti sayap kumbang warna-nya bersinar2 memanchar2 rupa-nya. Maka di-lapek dengan suatu bekas, suatu emas suatu perak, di-berikan sa-kali dengan bekas-nya pada Raja Melaka. Maka Laksamana pun meniarap tujoh kali menjunjong duli. Sa-telah ia mengangkatkan kepala-nya, lalu menyembah pula, serta mengambil bekas kopiah itu sa-orang suatu dengan Maharaja Setia di-junjong-nya.

Maka genta alamat pun berbunyi-lah. Maka baginda pun berangkat masok-lah. Maka segala menteri dan pegawai pun menyembah lalu keluar meng-iringkan Laksamana dan Maharaja Setia membawa kopiah dan serban itu ka-rumah Mangkubumi.

Sa-telah keesokan hari-nya maka Laksamana dan Maharaja Setia pun di-suroh Mangkubumi bawa pada empat wazir pergi pada suatu tempat gedong yang berisi bedil, beribu2 buah gedong yang berisi bedil itu. Maka berapa2 harta jenis dan perkara berbagai2 di-lihat oleh Laksamana dan Maharaja Setia sa-panjang jalan itu. Sa-telah sampai pada tempat bedil itu, maka di-lihat oleh Laksamana dan Maharaja Setia bertimbun dan berbagai2 perbuatan-nya dan berbagai2 jenis-nya dan berbagai2 besar kechil-nya: ada yang besi, ada yang tembaga. Maka di-pileh ia oleh Laksamana dan Maharaja Setia; yang dapat di-bawa ka-perahu-nya itu-lah yang di-ambil-nya. Maka bedil itu pun di-bawa orang-lah ka-perahu lalu di-muat-nya masing2 dengan layak-nya muatan perahu itu, kira2 besar kechil-nya delapan ratus puchok bedil yang boleh di-beli benua Rom itu. Bermula boleh di-beli di-Masir sa-ratus dua puloh puchok.

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

Maka perahu empat puloh dua itu pun sarat-lah dengan perkakas dagangan segala ra'ayat sadikit sa-banyak.

Sa-telah sampai-lah pada hari yang baik maka surat dan bingkis sakalian itu pun di-arak orang-lah turun ka-negeri Ibrahim Kakan yang di-tepi laut. Maka Laksamana dan Maharaja Setia dan segala orangkaya enam belas orang itu pun bermohon-lah kapada Mangkubumi yang keempat itu. Maka Laksamana dan Maharaja Setia pun sujud meniarap pada kaki Mangkubumi keempat itu dan berjabat tangan dengan segala pegawai hulubalang, serta kata-nya, "Tuanku, yang di-perhamba mohon-lah; barang yang ada khilaf bebal hamba sakalian tuanku ma'afkan sangat2, kerana hamba orang dagang, jadi tiada tahu bahasa sini." Maka Mangkubumi keempat pun bertangis2an berpelok berchium dengan Laksamana dan Maharaja Setia itu. Maka beberapa bahara emas dan perak akan harga-nya yang di-beri oleh Mangkubumi keempat pada Laksamana dan Maharaja Setia sakalian orangkaya2 itu, masing2 dengan layak-nya.

Maka Laksamana sakalian pun turun-lah mengiringkan surat dan bingkis itu. Maka orang sa-panjang jalan empat puloh hari perjalanan itu pun ter-lalu ramai melihat surat dan bingkis di-arak itu, sangat di-permulia-nya, terlebeh pula daripada menyambut itu. Maka kata sa-orang sama sendiri-nya, "Apa sebab-nya maka terlebeh pula perentah-nya kita lihat daripada sambut dahulu itu?" Maka kata sa-orang pula, "Sebab pun di-permulia oleh Mangku-bumi kerana urusan ini sampai kapada raja kita sendiri, khabar-nya kami dengar." Hatta dengan demikian surat dan bingkis itu pun sampai-lah ka-kampong Ibrahim Kakan. Maka surat dan bingkis itu pun di-sambut orang di-bawa-nya naik ka-rumah Ibrahim Kakan, di-taroh-nya pada tempat yang mulia. Maka segala pegawai dan petuanan dan gajah kuda yang meng-hantarkan itu pun bermohon-lah pada Ibrahim Kakan lalu kembali ka-negeri Setambul. Shahadan Laksamana dan Maharaja Setia pun mengerahkan orang-nya turun ka-perahu membawa segala perkakas kelengkapan kurnia Raja Rom dan Ibrahim Kakan pun menghantar surat dan bingkis itu turun ka-perahu Laksamana.

Sa-telah sudah, bermula penyuroh daripada Mangkubumi yang keempat itu pun datang membawa surat dan bingkis kapada Bendahara Paduka Raja dan Ibrahim Kakan pun berkirim kapada Bendahara Paduka Raja juga dan kiriman persembah Mangkubumi dan Ibrahim Kakan kapada Raja Melaka pun ada juga, kain dan permata yang gharib2 berbagai2, terlalu indah2. Maka

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

Laksamana dan Maharaja Setia pun berkata pada menyuroh Mangkubumi itu, "Katakan sembah hamba pada Daro' Bendahara Mangkubumi sakalian itu."

Sa-telah sudah maka Laksamana dan Maharaja Setia dan segala orangkaya sakalian itu pun bermohon-lah kapada Ibrahim Kakan berpelok berchium bertangis2an. Maka Laksamana dan Maharaja Setia pun bermohon-lah pada isteri Ibrahim Kakan; maka beberapa di-beri oleh Ibrahim Kakan laki isteri harta yang gharib2 berpuloh2 kati emas akan Laksamana dan Maharaja Setia itu dan serba perbekalan berbagai2 perbuatan negeri Rom itu. Maka orang-kaya enam belas orang itu pun di-persalin-nya. Maka kata Ibrahim Kakan laki isteri, "Hai anak-ku kedua, ada pun anak-ku kembali ini jangan lupa2 akan ayahanda dan bonda. Apa-lah daya bonda, kerana negeri Rom dengan negeri Melaka itu sangat berjauhan. Jikalau berhampiran, neschaya tiada khali lagi ayahanda dan bonda menyuroh pergi datang pada tuan." Maka kata Laksamana, "Ada pun kehendak hati di-perhamba pun demikian-lah. Yang ayahanda dan bonda ini ibu dan bapa-lah pada di-perhamba dunia akhirat; yang kaseh ayahanda dan bonda itu tiada-lah terbalas oleh hamba, melainkan Allah Subhanahu wa Ta'ala juga membalas dia." Maka Laksamana dan Maharaja Setia pun menarap di-kaki Ibrahim Kakan laki isteri lalu turun berjalan pergi bermohon pada Shahbandar. Maka berapa2 di-beri oleh Shah-bandar akan Laksamana dan Maharaja Setia itu, berkati2 emas harga-nya. Maka Laksamana dan Maharaja Setia pun berpelok berchium bertangis2an lalu turun ka-perahu. Maka Laksamana pun menyuroh orang membongkar sauh lalu belayar. Maka segala perahu yang banyak pun belayar-lah mengikut kenaikan Laksamana dan Maharaja Setia itu.

• • •

Hatta berapa lama-nya, kira2 empat bulan Laksamana belayar itu malam siang tiada turun layar lagi, maka Laksamana pun sampai-lah ka-kuala Melaka. Maka Mendam Berahi pun di-labohkan orang-lah, lalu memasang meriam saperti berteh terlalu azmat bunyi-nya. Maka Bendahara Paduka Raja pun masok gopoh2 berdatang sembah, "Ya Tuanku Shah Alam, bahawa utusan kita Laksamana dan Maharaja Setia yang ka-benua Rom itu sudah datang, ada berlaboh di-kuala lagi." Sa-telah baginda mendengar sembah Bendahara itu maka baginda pun terlalu amat sukachita lalu bertitah kapada segala pegawai yang muda2 pergi menyambut Laksamana dan Maharaja Setia itu ka-perahu.

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

Sa-ketika lagi Laksamana dan Maharaja Setia pun datang, lalu meniarap sujud pada kaki baginda; baginda pun tundok menchium kepala Laksamana, serta bertitah, "Hai Laksamana, kita terlalu rindu-nya akan Laksamana dan Maharaja Setia. Apa khabar benua Rom? Ada-kah sampai saperti kehendak kita dan boleh-kah Laksamana mengadap Raja Rom itu?" Maka sembah Laksamana, "Daulat tuanku, ada pun Raja Rom itu dudok di-dalam kelambu jala2 emas, tiada boleh patek pandang dengan nyata, sa-hingga berbayang2 kena sinar permata yang terkena pada jala2 itu." Maka segala peri takhta kebesaran Raja Benua Rom itu semua-nya di-persembahkan-nya oleh Laksamana dan Maharaja Setia dengan segala pegawai enam belas itu. Maka baginda dengan Bendahara dan segala pegawai semua-nya terlalu sukachita mendengar khabaran riwayat Laksamana dan Maharaja Setia itu.

Maka titah baginda, "Hai mamak Bendahara dan Temenggong, segera-lah kerahkan segala ra'ayat kita suroh angkut bedil dan segala perkakas dan sambut surat dan bingkis itu." Maka baginda pun berangkat masok. Maka Bendahara dan Temenggong dan Laksamana, Maharaja Setia pun menyembah lalu pulang masing2 ka-rumah-nya.

Sa-telah keesokan hari-nya maka surat dan bingkis itu pun di-sambut orang-lah, di-bawa naik ka-hadapan baginda lalu di-bacha oleh bentara, terlalu baik bunyi renchana-nya. Maka bingkis bertimbun2 itu pun di-sambut orang-lah di-bawa-nya masok ka-dalam istana. Sa-ketika lagi maka baginda pun berangkat masok. Maka Bendahara dan Laksamana pun menyembah lalu kembali pulang ka-rumah-nya. Wa'llahu a'lamu bissawab.

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

BAB XXVII

AL-KESAH maka tersebut-lah perkataan raja Melaka. Pada suatu hari pada ketika yang senang baginda dudok semayam di-adap Bendahara dan Laksamana dan segala pegawai sakalian. Maka titah baginda, "Ayu mamak Bendahara dan Laksamana, pada bichara kita, hendak rajakan-lah anak kita yang perempuan ini akan ganti kita jadi raja di-negeri Melaka, kerana kita pun sudah tua-lah." Maka sembah Bendahara dan Laksamana, "Daulat tuanku shah alam, sa-benar-nya-lah saperti titah duli yang maha mulia itu." Maka titah baginda, "Jikalau demikian, segera-lah mamak Bendahara dan Laksamana berlengkap, kerahkan segala pegawai dan petuanan memulai berjaga2." Maka sembah Bendahara dan Laksamana, "Daulat tuanku, mana titah patek junjong."

Maka di-kerjakan orang-lah saperti titah baginda itu. Sa-telah genap empat puloh hari empat puloh malam maka Puteri Gunong Ledang pun di-hiasi orang-lah dengan pakaian kerajaan dengan sa-lengkap-nya. Sa-telah sudah maka Puteri Gunong Ledang pun di-naikkan baginda ka-atas peterana yang keemasan yang bertatahkan ratna mutu ma'nikam berumbai2kan mutiara. Maka pedang kerajaan pun terpikul-lah oleh anak raja2 terdiri kiri kanan Puteri Gunong Ledang itu. Sa-telah sudah maka nobat pun berhenti-lah. Maka Puteri Gunong Ledang itu di-langiri oleh baginda saperti adat raja2 bersiram naik raja. Maka nasi semangat pun di-angkat orang-lah ka-hadapan Puteri Gunong Ledang dan yang mengangkat hidangan itu semua-nya me-nyandang tetampan kekuningan belaka. Sa-telah sudah maka baginda pun berangkat keluar. Maka hidangan pun di-angkat orang-lah ka-balairong beratus2. Maka segala menteri hulubalang pun masing2 makan-lah pada hidangan-nya. Sa-telah sudah makan, maka datang pula hidangan minuman dan tambul pelbagai rupa-nya dan rasa-nya. Maka piala yang bertatahkan ratna mutu ma'nikam itu pun di-peredarkan orang-lah pada segala menteri

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

pegawai hulubalang sakalian itu. Maka minum-lah sakalian-nya terlalu ramai dengan tepok tari-nya.

Sa-telah sudah makan maka baginda pun memberi nama akan anakanda baginda dan memberi nama akan anak Bendahara yang bernama Tun Mat itu Bendahara Paduka Raja dan anak Temenggong yang bernama Tun Karim itu di-gelar baginda Temenggong Seri Seroja dan anak Laksamana yang bernama Tun Nadim itu di-gelar baginda Laksamana. Maka semua-nya masing2 dengan pegangan-nya anak sungai dan telok rantau saperti adat Bendahara dan Temenggong dan Laksamana: itu-lah di-kurnia baginda akan segala yang di-gelar itu.

Maka baginda pun turun dudok di-istana suaka; yang memegang kerajaan itu Puteri Gunong Ledang itu. Bermula Bendahara dan Temenggong dan Laksamana pun demikian juga, masing2 memangku akan gelaran anak-nya itu. Maka tatkala itu-lah kota negeri Melaka di-suroh baginda tebang buang-kan; maka di-kotai dengan meriam yang besar2 di-ator berkeliling negeri Melaka itu berlapis2 dengan meriam itu juga. Demikian-lah negeri yang hendak di-binasakan Allah Ta'ala itu, tiada dapat segala makhlok mengetahui; yang tiada patut dengan akal ahlu'l-kira2 itu di-kerjakan oleh segala yang takbor.

• • •

Sa-telah sudah, pada suatu hari baginda dudok di-adap oleh Bendahara dan Temenggong dan Laksamana, maka titah baginda, "Hai Temenggong, surohkan memalu momongan berkeliling negeri kita ini serta membawa emas dua butir talam berkeliling negeri ini, katakan titah suroh tanya segala ra'ayat kita sakalian, siapa yang berchakap di-tanam oleh raja hidup2, kerana kita hendak menengar khabar dalam kubor. Emas dua talam ini-lah kita anugerahkan orang itu. Kerana khabar dalam dunia ini semua-nya habis kita ketahui dan kita dengar; maka yang tiada kita dengar hanya-lah khabar orang dalam kubor itu, sa-orang pun tiada kembali segala yang mati itu."

Maka Temenggong pun menyembah serta mengambil emas dua talam itu lalu di-bawa-nya pulang ka-rumah menyuroh orang-nya memalu momongan serta membawa emas itu berkeliling negeri mengatakan saperti titah raja itu. Tujoh hari berkeliling negeri itu tiada siapa2 yang ada berchakap di-tanam saperti titah raja itu. Maka orang itu pun kembali memberitahu Temenggong; Temenggong pun segera masok mengadap persembahkan emas dua talam itu

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

pada raja. Maka sembah Temenggong, "Daulat tuanku shah alam, ada pun patek di-titahkan memalu momongan itu sa-orang pun tiada ada berchakap saperti titah duli yang maha mulia itu." Sa-telah baginda menengar sembah Temenggong itu, maka baginda pun memandang ka-kiri dan ka-kanan lalu berdiam diri-nya. Sa-telah di-lihat oleh Laksamana dan di-dengar titah raja demikian itu, maka Laksamana pun berdatang sembah, "Daulat tuanku shah alam, sembah patek sembah derhaka; harapkan ampun duli shah alam di-atas batu kepala patek hamba yang hina ini. Ada pun patek menjadi hamba mengerjakan barang pekerjaan duli shah alam daripada umor patek sa-puloh tahun hingga sampai pada ketika ini tiada di-janjikan Allah Ta'ala mati dan luka. Maka ini patek pun sudah tua-lah; biar-lah patek mati dengan pekerjaan duli shah alam, kerana nyawa patek ini jikalau ada sa-ribu sa-kali pun dengan tulus ikhlas hati patek persembahkan ka-bawah duli, usahkan duli shah alam menchari orang lain. Siapa-tah yang berchakap hendak mati itu! Jadi sia-sia-lah sahaja di-dengar oleh segala khalayak yang banyak titah yang maha mulia itu. Insha Allah Ta'ala, biar-lah patek kerjakan saperti kehendak hati Duli Yang Di-Pertuan itu."

Sa-telah baginda menengar sembah Laksamana demikian itu, maka baginda pun terlalu sukachita, seraya bertitah demikian, "Manakala-tah Laksamana hendak kerjakan saperti kata Laksamana itu, kerana kita hendak pergi bersama2 dengan Laksamana pada tempat yang di-tanam itu, kerana hendak pergi bersama2 itu hendak melihat sendiri." Maka sembah Laksamana, "Daulat tuanku, mana titah patek junjong, tetapi patek pohonkan ka-bawah duli shah alam bertanggoh tiga hari lagi. Tetapi patek pohonkan kurnia minta Duli Yang Di-Pertuan mengadapi sendiri tatkala patek akan di-tanam itu. Tatkala patek gerakkan suatu tali alamat itu, maka hendak-lah duli shah alam suroh orang segera gali bangar2." Maka titah baginda, "Baik-lah, mana kata Laksamana itu kita ikut." Maka baginda pun berangkat masok. Maka Laksamana pun menyembah lalu kembali ka-rumah-nya.

Maka khabar Laksamana hendak di-tanam oleh raja itu pun mashhor rata sa-genap negeri Melaka itu; sakalian orang pun datang-lah berhimpun hendak melihat Laksamana di-tanam oleh raja. Maka datang-lah kapada tiga hari-nya; maka Laksamana pun menyuroh isteri-nya berbuat tepong apam tiga buah. Sa-telah masak apam itu maka Laksamana pun makan-lah apam itu habis dua buah. Maka yang sa-buah lagi itu di-repih sadikit di-makan oleh Laksamana. Maka yang lebeh itu di-masokkan Laksamana dalam tangan baju-nya.

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

Maka tatkala itu biduanda kechil pun datang memanggil Laksamana di-suroh oleh raja, kerana baginda sudah berangkat dengan Bendahara, menteri pegawai, sakalian ra'ayat hina-dina menanti Laksamana pada tempat yang hendak di-tanam itu. Maka Laksamana pun turun-lah di-rumah-nya berjalan di-iringkan oleh biduanda kechil itu. Sa-telah Laksamana sampai keluar pintu-nya, maka datang sa-orang darwish serta memberi salam akan Laksamana, "Assalamu 'alaikum, ya orangkaya Laksamana, beri apa-lah hamba barang yang ada pada orangkaya bawa itu." Maka di-sahut oleh Laksamana salam-nya darwish itu, kata-nya, "Wa 'alaikum salam, ya tuan-hamba; suatu pun tiada pada hamba, hanya-lah ada pada hamba bawa ini sa-buah apam, ini pun sudah-lah hamba repih makan sadikit." Maka kata darwish itu, "Baik-lah, barang yang di-beri Allah hamba shukorkan-lah, kerana hamba sangat kelaparan." Maka apam itu pun di-berikan Laksamana pada darwish itu lalu di-makan-nya.

Maka Laksamana pun berjalan-lah segera2; ia pergi kapada raja. Sa-telah sampai pada tempat kubor orang itu, Laksamana pun masok dalam orang banyak itu. Sa-telah raja melihat Laksamana datang itu, maka titah raja, "Mari-lah, kita menanti dari tadi." Maka Laksamana pun dudok menyembah. Maka tatkala itu liang pun sudah sedia di-gali orang. Maka Laksamana pun di-bungkus orang-lah, saperti adat mengapan orang mati sunggoh rupa-nya. Sa-telah sudah maka di-masokkan orang-lah tuboh Laksamana ka-dalam keranda lalu di-turunkan ka-dalam liang. Maka di-buboh suatu tali pada tangan Laksamana, hujong-nya tali itu pun di-bawa-nya ka-atas tebing liang itu. Maka keranda itu pun di-kambuskan orang-lah, di-penohkan dengan tanah saperti adat menguborkan orang mati itu. Sa-telah sudah maka datang-lah sa-orang imam besar menalkin.

Sa-telah sudah, segala orang banyak itu pun di-halau raja keluar, raja sa-orang juga yang dudok memegang hujong itu. Maka di-nanti oleh baginda, suatu pun tiada alamat-nya. Maka baginda pun balek berjalan; baharu tujoh langkah maka baginda pun melihat belakang. Maka di-lihat baginda tali itu pun bergerak-lah. Segera baginda memanggil sakalian berhimpun mengorek bangat2 kubor itu. Sa-telah pegari keranda itu nyata pada mata orang sakalian, maka di-suroh raja buka tudong keranda itu. Maka di-lihat oleh baginda pada tuboh Laksamana sa-urat benang pun tiada; yang ada pada tangan Laksamana itu hanya-lah suatu belanga besi sumbing sadikit. Maka raja pun segera menyampakkan kain pada Laksamana. Maka Laksamana di-bawa orang-lah naik ka-atas tebing liang itu, lalu dudok menyembah pada kaki raja. Maka titah baginda, "Hai Laksamana, ka-mana pergi kain di-bungkus pada tuboh Laksamana

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

itu?" Maka sembah Laksamana, "Daulat tuanku, ada pun tatkala berbunyi kaki orang berjalan kembali itu kira2 tujoh langkah, maka datang-lah gunong api dua buah terlalu besar dengan hebat-nya bernyala menyambar2 pada tuboh patek bunga api itu; maka patek pun tahankan dengan belanga besi ini-lah, maka masok bunga api pada yang sumbing sadikit ini-lah, lalu di-makan kain yang di-bungkus pada tuboh patek." Maka titah baginda, "Di-mana Laksamana boleh belanga besi itu?" Maka sembah Laksamana, "Patek tidak pereksa-lah; tatkala datang gunong api dua buah itu juga, sa-konyong2 ada-lah belanga besi ini pada tangan patek."

Maka baginda pun berangkat-lah kembali ka-istana dengan sukachita, kerana melihat Laksamana selamat itu. Maka bertukar-lah menjadi duka pula, sebab melihat dan menengar hal Laksamana tatkala di-tanam itu. Maka baginda pun sangat fikir dan insaf akan diri-nya. Maka titah baginda pada Puteri Gunong Ledang, "Hai anak-ku dan buah hati-ku, chahaya mata-ku, ada pun emas ayahanda dua butir gedong itu ayahanda tinggalkan anak-ku suatu gedong; yang sa-butir itu ayahanda pinta-lah pada tuan akan bekal ayahanda bawa ka-akhirat, kerana dunia ini daru'l-fana. Ayahanda pun sudah tua-lah, melainkan ayahanda hendak berbuat amal-lah sementara ada hayat sa-hari dua hari itu. Tinggal-lah tuan baik2, peliharakan segala menteri pegawai dan ra'ayat-mu itu." Maka sembah puteri Gunong Ledang, "Daulat tuanku, mana titah patek junjong. Sedang tuboh patek lagi dalam perentah duli shah alam, ini pula emas dan perak itu akan patek tahani seperti maksud tuanku itu?"

Sa-telah baginda menengar sembah anakanda baginda itu, maka baginda pun terlalu sukachita, seraya berbangkit keluar menyuroh memanggil penghulu Bendahara gedong itu. Maka penghulu itu pun segera datang mengadap raja. Maka titah baginda, "Segera-lah kamu keluarkan emas-ku di-dalam gedong itu bawa ka-hadapan-ku ini." Maka penghulu gedong itu pun menyembah lalu kembali mengerahkan segala teman-nya mengangkut emas dalam gedong itu di-bawa-nya persembah kapada raja. Sa-telah baginda melihat emas sudah hadhir bertimbun2 beribu2 bahara emas di-hadapan baginda, maka baginda pun bertitah pada Temenggong, "Suroh palu momongan keliling negeri kita ini di-hulu di-hilir suroh berhimpun masok kechil-besar, hina-dina."

Maka di-kerjakan orang-lah seperti titah itu. Sa-telah genap tujoh hari Temenggong memalu momongan itu, maka berhimpun-lah segala ra'ayat hina-dina masok ka-dalam pagar balairong itu. Maka itu pun di-suroh sedekahkan oleh baginda kapada biduanda yang empat puloh itu hemborkan pada segala ra'ayat sakalian, dato', fakir miskin, rata-lah habis boleh segala ra'ayat dalam

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

negeri Melaka itu sampai habis pada segala telok rantau dan anak sungai jajahan yang ta'alok ka-Melaka itu, sa-orang jua pun tiada-lah helat lagi daripada laki2 dan perempuan, daripada kechil dan besar, semua-nya habis menerima sedekah daripada raja itu. Bermula membahagi sedekah itu empat puloh hari lama-nya. Maka emas sa-gedong itu habis-lah di-sedekahkan oleh raja. Maka segala ra'ayat dan fakir miskin dalam negeri Melaka itu pun semua-nya menjadi kaya-lah sakalian-nya. Maka segala yang menerima sedekah raja itu semua-nya menadahkan tangan-nya minta do'a akan raja itu datang kapada anak chuchu baginda itu menjadi raja dan bertambah2 kebesaran dan kemuliaan-nya datang kapada akhir zaman.

• • •

Shahadan maka Bendahara dan Temenggong dan Laksamana pun bermohon-lah pada raja pergi berbuat tempat dudok berkhalwat. Ada pun Bendahara dudok di-Tanjong Keling dan Temenggong di-Tanjong Tuan dan Laksamana dudok di-Tanjong Jugara. Ada pun di-atas Bukit Jugara itu-lah di-perbuat-nya suatu dukuh tempat berkhalwat. Maka Laksamana pun dudok-lah di-bukit itu dua orang dengan guru-nya. Ada pun guru Laksamana itu orang peranakan Gujarat; maka ia pergi haji. Turun dari haji maka lalu ia ka-bandar Acheh, maka datang ia ka-Melaka; maka ia pun bermuridkan Laksamana. Maka tuan sheikh itu-lah yang bersama2 dengan Laksamana dudok di-Bukit Jugara itu mengerjakan amar Allah siang malam, terlalu keras, tiada-lah lagi Laksamana ingatkan pekerjaan dunia, melainkan shuhud-nya pada Allah Ta'ala sa-mata2. Maka apabila perahu berlayar di-laut Tanjong Jugara itu hingga sa-jauh2 mana pun, melainkan membuangkan seligi sa-bilah dan peluru sa-butir, masing2 bedil dan menikam seligi memberi hormat akan Laksamana dan tuan sheikh itu. Maka seligi dan peluru itu pun bertimbun2-lah pada tempat itu sampai kapada akhir zaman. Datang sekarang ini pun demikian-lah di-perbuat orang segala yang lalu di-laut itu. Apabila tiada di-perbuat saperti itu ada-lah gandohan angin, tiada-lah boleh belayar, turun ribut yang amat keras. Demikian-lah di-anugerahkan Allah Subhanahu wa Ta'ala atas sa-saorang hamba-nya yang di-letakkan tanda kemuliaan dan keramat itu. Maka tiada-lah tersebut lagi perkataan Laksamana dan Bendahara dan Temenggong khalwat itu, wa'llahu a'alamu bi'ssawab.

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

Al-kesah maka tersebut-lah perkataan raja Melaka. Tatkala sudah pergi Temenggong dan Laksamana berkhalwat itu, maka baginda pun turun-lah di-atas kerajaan dengan sa-orang diri-nya melakukan sa-orang darwish. Maka raja pun berjalan-lah sa-genap kampong dan dusun lalu mudek ka-hulu negeri, siang malam tiada berhenti lagi berjalan itu. Maka raja pun lintas-lah pada suatu padang yang maha luas. Maka pada ketika itu matahari pun tengah rembang dan panas pun sangat-lah. Maka raja pun sangat-lah kelaparan dan dahaga-nya. Maka dengan takdir Allah Ta'ala maka raja pun bertemu dengan suatu kebun timun orang, buah-nya pun terlalu banyak. Maka segera di-hampiri raja Melaka lalu di-pegang-nya pagar timun itu serta di-minta-nya pada tuan-nya yang menunggui timun itu. Maka di-beri-nya oleh tuan-nya sa-butir. Maka raja pun segera mengambil timun itu, lalu di-kerat-nya makan habis sa-kerat. Maka yang lebeh sa-kerat itu di-galas-nya.

Maka raja pun berjalan-lah di-tengah padang itu sambil menggalas timun sa-kerat itu. Maka dengan takdir Allah Ta'ala maka datang Jibra'il 'alaihis-salam merupakan sa-orang muda. Maka tatkala orang muda itu lalu berseliseh dengan raja itu, maka kata orang muda, "Assalamu 'alaikum, ya bapa-ku." Maka sahut raja kapada orang muda itu, demikian kata-nya, "Wa 'alaikumu's-salam, ya anak-ku." Maka kata orang muda itu, "Hai bapa-ku, apa tuan galas itu?" Maka sahut raja, "Timun hamba galas ini." Maka kata orang itu pula, "Bukan timun yang bapa-ku galas itu, tengkorak orang juga." Maka kata raja dengan mustahik-nya, "Timun juga hamba galas itu." Maka kata orang muda itu tiga kali berturut2, "Bukan timun, tengkorak juga tuan hamba galas itu." Maka raja pun terlalu-nya ngeran hati-nya akan orang muda itu. Maka galasan timun itu pun di-hempaskan-nya ka-tanah oleh raja itu lalu di-buka-nya beri orang muda itu lihat. Maka dengan takdir Allah Ta'ala, timun sa-kerat itu pun menjadi tengkorak orang. Maka orang muda itu pun ghaib-lah dan raja dan pengsan-lah tiada khabarkan diri-nya.

Maka raja pun bermimpi dalam pengsan itu suatu suara kedengaran pada raja, demikian bunyi-nya, "Hai raja Melaka mana-tah kata-mu hendak mematikan diri-mu menjadi darwish meninggal kerajaan-ku? Ada-kah sharat darwish demikian itu? Ada pun sharat darwish itu, ada makan ia makan; lamun tiada shukor-lah ia kapada Allah Ta'ala. Maka ini lebeh engkau makan, bawa pula timun sa-kerat itu." Maka raja pun jaga-lah daripada pengsan itu lalu berjalan

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

pula, tiada-lah berhenti lagi, sa-ikut2 di-beri Allah Ta'ala kaki-nya berjalan itu dengan sangat ia insaf akan diri-nya; makin bertambah2 shukor ia kapada Allah Ta'ala. Maka tiada-lah lagi tersebut perkataan raja Melaka berjalan itu, tiada-lah ketahuan-lah pergi-nya, sa-konyong2 ghaib dalam berjalan itu-lah, tiada kedengaran-lah warta-nya.

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

BAB XXVIII

SA-BERMULA peninggalan Raja Melaka sudah ghaib itu, maka Puteri Gunong Ledang pun tetap-lah di-atas kerajaan-nya dengan adil-nya dan murah-nya akan segala ra'ayat dan dagang santeri yang pergi datang itu sangat tafahus-nya. Maka negeri Melaka pun sentosa-lah, makin bertambah2 ramai-nya dengan sebab Bendahara dan Temenggong dan Laksamana memeliharakan negeri itu. Maka dagang dan santeri pun banyak-lah pergi datang berniaga pada negeri itu.

Maka sa-konyong2 dengan kehendak Allah Ta'ala atas negeri Melaka, maka datang sa-buah kapal Feringgi di-negeri Manila membawa dagangan terlalu banyak berniaga ka-negeri Melaka itu. Maka kapitan kapal itu pun naik; ia mengadap Bendahara Paduka Raja membawa persembah terlalu banyak, berlaksa emas pada sa-orang. Bermula Temenggong dan Laksamana dan Puteri Gunong Ledang pun di-bawa-nya demikian juga. Maka kata kapitan kapal itu pada Bendahara hendak minta tempat dudok sa-buah gedong di-hadapan pintu gerbang negeri Melaka itu. Maka di-bicharakan oleh Bendahara dan Temenggong dan Laksamana dengan segala menteri pegawai sakalian, tiada di-beri-nya dudok berbuat gedong itu, sa-kadar di-beri-nya berniaga di-kapal sahaja. Telah sudah ia berniaga maka kapal Feringgi itu pun belayar-lah kembali ka-negeri-nya ka-benua Portugal.

Maka datang-lah pada tahun yang ka-hadapan, maka mari pula sa-buah kapal terlalu besar di-negeri Portugal. Ada pun kapitan Feringgi itu Feringgi yang lain pula datang itu membawa emas dan perak dan senjata terlalu banyak, tiada-lah muat dagangan yang lain lagi melainkan penoh di-kapal itu dengan ubat peluru-nya dan di-muat-nya batu pegawai gedong itu juga, musta'id sudah sedia. Maka kapitan Feringgi itu pun naik-lah mengadap Puteri Gunong Ledang membawa persembah berpuloh2 bahara emas dan perak memohonkan beli tanah sa-bidang belulang sahaja; kata-nya, akan tempat dudok berniaga di-darat.

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

Maka titah Puteri Gunong Ledang, "Baik-lah, berapa mu-hendak beri harga-nya tanah sa-bidang belulang itu? Biar-lah, aku beri; aku hendakkan harga-nya itu pun sa-bidang belulang juga timbunan rial itu, tinggi-nya pun demikian juga." Maka kapitan Feringgi itu pun berkata, "Baik-lah, biar-lah patek sembahkan saperti kehendak raja itu."

Maka kapitan kapal itu pun menyurohkan kelasi-nya turun ka-kapal-nya mengambil rial, di-bawa-nya naik persembah akan raja bertimbun2. Bermula Bendahara dan Temenggong dan Laksamana dan segala pegawai dan menteri pun berbichara-lah. Maka kata sa-orang, "Baik kita persembahkan raja, jangan di-beri, kerana Feringgi orang jahat." Maka kata sa-orang pula, "Biar-lah, apa-nya hendak jadikan sangat tanah di-bidang belulang itu?" Maka dengan demikian rial-nya bertimbun2 itu di-terima oleh raja-lah di-masokkan ka-dalam gedong.

Sa-telah sudah, kapitan Feringgi itu pun bermohon-lah pada raja dan Benda-hara lalu turun ka-kapal-nya melarek belulang, sa-bidang belulang itu di-jadikan tali dan menyuroh kelasi-nya berangkut batu segala perkakas pegawai gedong itu di-timbun-nya pada bumi di-hadapan pintu gerbang negeri Melaka itu. Maka kapitan-nya pun naik ka-darat membawa tali belulang itu, di-tarek-nya empat persegi tanah itu sa-habis2 tali belulang sa-bidang itu, maka di-perbuat-nya sa-buah gedong terlalu besar dan tinggi-nya, terlalu kukoh gedong itu, di-perbuat-nya lubang meriam tujoh lapis.

Maka dalam berbuat itu Bendahara dan Temenggong dan Laksamana pun berbichara-lah menyembahkan raja suroh orang pergi tahani jangan di-buat gedong itu, kerana luas sangat tanah-nya, kerana janji raja dengan kapitan sa-kadar sa-bidang belulang juga luas-nya yang di-beri raja itu. Maka berapa2 kali pun di-suroh larang oleh Bendahara dan Temengong tiada-lah di-dengar-nya, di-perbuat-nya juga bersunggoh2, serta kata-nya kapitan Feringgi itu, "Hamba beli pada raja habis perak hamba beratus2 bahara; janji raja dengan hamba sa-bidang belulang luas-nya; maka ini pun belulang sa-bidang itu-lah hamba jadikan tali." Dengan demikian maka gedong itu pun sudah-lah di-perbuat-nya musta'id dengan sa-lengkap-nya. Maka orang Melaka pun tiada-lah di-endahkan-nya lagi akan Feringgi itu, di-biar-nya-lah berbuat gedong itu ikut sa-kehendak-nya hati-nya. Sa-telah sudah maka di-bawa naik-nya-lah segala perkakas dan ubat dan peluru penoh dalam gedong itu, ia mengatakan tong tempat isi beras yang di-bawa-nya naik itu. Maka orang Melaka pun tiada-lah

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

khabarkan diri-nya lagi, ghalib dengan berniaga di-laut, kerana dagangan yang di-bawa-nya itu terlalu indah2.

Maka pada ketika sunyi waktu-nya, tengah malam dan dinihari, maka Feringgi itu pun menaikkan-lah segala meriam yang besar2 di-dalam kapal itu, habis di-bawa-nya naik di-masokkan gedong itu, lalu di-ator-nya habis meriam itu sa-genap lubang bedil berkeliling gedong itu tujoh lapis. Maka di-isi-nya ubat peluru tiga2 butir pada sa-puchok meriam itu. Maka pada waktu tengah malam senyap orang tidor habis, maka kapitan itu pun menyuroh segala kelasi-nya memasang meriam itu habis kesemua-nya daripada waktu tengah malam hingga naik matahari. Maka segala rumah dan pagar dan balai dan jambatan orang Melaka itu pun habis-lah di-terbangkan oleh peluru meriam itu. Maka kapal Feringgi di-negeri Manila dan Portugal pun datang-lah empat puloh buah membantu teman-nya.

Maka orang Melaka pun terkejut-lah terlalu huru-hara, beribu2 yang mati dan luka kena bedil: ada kena peluru kena pegawai rumah-nya, ada yang kena pagar, ada yang kena pegawai jambatan. Dengan demikian orang yang berkeri2 banyak-nya itu habis lari membawa diri-nya ka-hulu Melaka, pechah belah, tiada-lah lagi berketahuan pergi-nya. Ada pun rumah orang Melaka yang di-luar negeri yang hampir jajahan negeri Melaka itu sa-kira2-nya sa-tengah hari pelayaran jauh-nya, tiada lagi berputusan dan bersengkang, jikalau kuching berjalan di-atas rabungan rumah orang Melaka itu tiada lagi turun ka-tanah. Demikian-lah peri-nya kebanyakan ra'ayat-nya dan saudagar dan orangkaya2 dan nakhoda dalam negeri Melaka itu. Maka tatkala itu Puteri Gunong Ledang pun lari ka-hulu Melaka dengan segala dayang2 perwara-nya. Maka segala harta orang Melaka pun habis-lah tinggal, boleh ka-Feringgi itu semua-nya. Yang lari itu tiada-lah ia ingat hendak membawa harta-nya lagi, melainkan sa-mata2 hendak melepaskan tuboh-nya juga, kerana pada waktu terkejut itu semua-nya dalam tidor tengah chendera; terbanyak pula lepas tuboh sahaja tiada berkain pada tuboh-nya itu.

Bermula Puteri Gunong Ledang lari itu kira2 sa-puloh hari perjalanan jauh-nya ka-negeri Melaka itu. Maka Puteri Gunong Ledang pun jatoh ka-dalam hutan rimba yang amat besar hampir dengan negeri Batak. Maka di-ambil oleh segala menteri Batak itu, di-rajakan-nya Puteri Gunong Ledang itu dalam negeri Batak itu. Maka tiada-lah tersebut lagi perkataan Puteri Gunong Ledang itu hingga datang sekarang.

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

Sa-bermula raja Melaka dan Bendahara Paduka Raja dan Temenggong dan Laksamana dudok berkhalwat di-atas bukit Tanjong Jugara itu pun tiada-lah tersebut lagi, entah mati entah ghaib, tiada-lah siapa2 yang mengetahui ia, melainkan Allah Subhanahu wa Ta'ala jua yang mengetahui ia; khabar-nya pun tiada kedengaran pada segala makhlok.

• • •

Shahadan Bendahara Tun Mat dan Temenggong Tun Karim dan Laksamana Tun Nadim dengan segala menteri pegawai orang besar2 Melaka itu, tatkala sudah selesai daripada lari musoh Feringgi itu, maka ia pun menghimpunkan segala ra'ayat barang yang ada itu di-bawa-nya berjalan bersama2. Bermula berjalan itu lantas ka-hujong tanah yang bernama Johor. Maka ia pun berbichara sama sendiri-nya lalu pergi ka-Bentan mengadap Sultan Ahmad. Maka titah Sultan Ahmad suroh Bendahara Tun Mat sakalian-nya itu kembali pergi dudok ka-hujong tanah itu berbuat negeri dan suroh menghimpunkan segala ra'ayat yang pechah belah, lalu membuat negeri itu. Maka di-namai negeri Johor Daru'l-a'lam. Maka Sultan Ahmad pun pindah-lah di-Bentan itu dengan segala ra'ayat-nya pergi dudok di-negeri itu. Maka keturunan Melaka itu jatoh kapada orang Johor-lah datang sekarang ini.

• • •

Maka negeri Melaka itu pun boleh ka-Feringgi-lah, maka di-perbuat-nya kota batu hitam berkeliling bukit itu. Maka di-lebor-nya dengan kapor gemerlap chahaya-nya, saperti kapas terbusor. Berapa lama-nya Feringgi dudok di-Melaka itu, sa-konyong2 datang kapal Wolanda menyerang negeri Melaka itu pula. Maka di-bawa-nya oleh segala Feringgi, tiada berapa lekat peluru yang besar2 pada leboran kapor kota Melaka itu; di-bedil-nya di-laut oleh Wolanda itu; tiada juga di-endahkan orang Feringgi itu. Maka oleh orang Wolanda pergi minta bantu pada orang Johor pula, lalu berjanji-lah orang Johor dengan orang Wolanda, apabila alah Feringgi itu, boleh negeri Melaka itu akan orang Wolanda, hendak berkaseh2kan-lah orang Wolanda, tiada lagi hendak mendatangkan khianat kapada orang Johor. Maka janji itu di-suroh taroh oleh raja Johor, di-tempa-nya emas, di-titik-nya saperti kertas. Maka kertas emas itu-lah di-pahat surat-nya janji itu. Sa-telah sudah maka di-pahat pula chap tanda raja Johor suatu dan di-pahat chap tanda orang

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

besar2 Wolanda suatu. Maka surat itu pun datang kapada Dato' Paduka Raja Johor ada menaroh surat pada kertas emas itu. Maka janji itu pun terikat datang sekarang ini tiada terubah.

Maka orang Johor pun pergi-lah bantu Wolanda itu menyerang Feringgi di-negeri Melaka itu, Dato' Paduka Raja akan panglima-nya. Maka segala orang Feringgi itu pun habis-lah lari berhimpun masok ka-dalam kota Melaka itu, tiada boleh keluar lagi, di-tunggui-nya berkeliling kota Melaka itu oleh orang Wolanda dan orang Johor. Maka di-lawan-nya di-dalam kota oleh Feringgi itu terlalu ramai; pada masa itu gemuroh bunyi bedil dan gegak-gempita bunyi tempek segala hulubalang dan ra'ayat sakalian. Maka berapa2 kali di-langgar-nya Melaka itu, tiada juga alah. Maka Dato' Paduka Raja pun menyuroh orang-nya berbuat tangga dan sigai itu. Sa-telah sudah di-perbuat-nya, maka pada ketika yang baik pada waktu-nya dinihari, maka di-langgar-nya-lah kota Melaka itu, lalu di-sandar-nya tangga-nya dan sigai itu pada kota. Maka di-panjat-nya naik beberapa ratus orang Johor dan orang Wolanda serta itu, Dato' Paduka Raja memanjat kota itu berchawat bulat. Maka Feringgi yang dudok itu tiada-lah taksir lagi, memarang dengan pedang dan samshir-nya dan memanah dan membedil: ada yang memalu dengan kayu besi dan ada yang memalu dengan palu pahat besi berduri seperti durian, ada yang melontar dengan batu. Maka banyak-lah orang Johor dan orang Wolanda mati pada ketika itu. Oleh Dato' Paduka Raja pun tiada-lah khabarkan diri-nya lagi. Maka Dato' Paduka Raja pun lepas-lah ia masok ka-dalam kota itu, kira2 ada tiga puloh orang sahaja. Lain daripada itu semua-nya habis mati, yang lepas itu semua-nya lari kelik. Maka oleh Dato' Paduka Raja pun mengamok-lah dalam negeri Melaka itu memarang dengan pedang-nya dan dengan segala orang-nya yang serta-nya tiga puloh itu. Sa-ketika juga maka Feringgi itu pun habis-lah; yang ada hidup semua-nya habis lari terbit keluar kota. Maka di-turut bunoh oleh segala orang luar itu, habis mati semua-nya Feringgi itu. Maka negeri Melaka pun alah-lah, boleh akan orang Wolanda datang sekarang ini-lah.

Maka terlalu-lah banyak orang Wolanda dan orang Johor beroleh rampasan itu, tiada terkira2kan lagi bedil senjata dan harta bertimbun2. Maka harta dan senjata yang di-peroleh itu semua-nya di-bahagi dua orang Wolanda dengan orang Johor, tetapi lebeh juga di-ambil-nya oleh orang Johor. Maka orang Johor pun kembali-lah dengan kemenangan-nya membawa harta senjata itu terlalu banyak. Maka sebab janji itu, jadi tiada di-ambil-nya negeri dengan

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

segala anak sungai-nya itu oleh Wolanda yang dudok di-Melaka dan Jayakatra itu, sampai sekarang ini-lah, tiada tersebut lagi cheritera-nya negeri Melaka itu, tetapi di-perentahkan oleh orang Johor dan Wolanda.

• • •

Maka Tun Tuah pun tiada tersebut lagi, di-dalam negeri itu-lah. Tetapi-nya, kata orang, Si-Tuah tiada mati, kerana Si-Tuah itu ia hulubalang segala laki2 dan aulia' pada segala laki2. Maka sekarang sa-kali khabar-nya Tun Tuah ada di-puchok hulu Sungai Perak, ia dudok menjadi raja segala biduanda-nya orang hutan. Maka sekarang pun ada bertemu dengan orang; maka di-tanya si-orang itu, "Tuanku, tiada-kah mahu tuanku kaseh sayang daripada manira kakanda ajar Nistapa Panji Sang Jaya yang di-Gunong Kayangan makan chacha ubi keladi, barang di-sampaikan dewa manira kapada adinda kanda Chendera Lakshimi yang di-kaseh oleh dewa dan adinda. Maka ini-lah manira mengingatkan kapada pakanira akan kakanda ini orang kayangan yang j.b.y.n dengan miskin ada-nya."

Tamat-lah hikayat Hang Tuah ini pada tujoh lekor haribulan Jumadi'l-Akhir pada hari Ahad jam pukul 4.00 petang sanat 1295.

TAMAT

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

CHATETAN

[S. = bahasa Sanskerta; A. = bahasa Arab; J. = bahasa Jawa;
T. = bahasa Tamil; E. = bahasa2 Eropah; F. = bahasa Feringgi;
P. = bahasa Parsi; Ch. = bahasa China; K. = bahasa Kawi;
pr. = peribahasa]

Dalam chatetan ini perkataan2 atau ungkapan2 yang sering di-temui di-asingkan dan di-ertikan mengikut abjad. Yang lain-nya mengikut halaman. Bagi merujokkan kapada teks2 lain telah saya gunakan singkatan2 berikut:

N = Naskhah Dewan Bahasa dan Pustaka (1878?)
BP = Edisi Balai Pustaka, 1956
S = Edisi Shellabear (Jawi 4 jilid), 1908
JGA = Edisi Jambatan dan Gunong Agong (Jawi 2 penggal), 1960
L = Naskhah Leiden (cod or 1762)

adika, andika (S. *adhika*): tuanku.
adipati; (S. *adhipati*): satu jawatan pentadbir tinggi.
ajar2: pertapa; pendita.
anggap, beranggap2an: saling mengajak (minum, menari dsb.).
ayo: ayohai.
balai gendang: balai tempat bunyi2an kerajaan.
bantal serage: sa-jenis bantal panjang perhiasan, hujong-nya di-beri bersulaman benang emas.
batin: gelaran bagi penghulu orang2 Sakai.
benderang: pemegang tombak kerajaan.
bendul, balai bendul: bahagian istana tempat orang besar2 menanti raja keluar.
berketu: ketu = sa-macham kopiah yang di-pakai paderi zaman Hindu.
birai: tepi.
daluang (S.): kertas atau kain dari kulit kayu.
demang (Sunda): kepala daerah.
dendang: sa-jenis perahu panjang, biasa di-gunakan oleh suku Orang Laut.
dokoh: dusun kechil.
firasat (A.): kechekapan mengetahui (meramalkan) sa-suatu dengan melihat keadaan (muka dsb.), di-pergunakan juga dalam ertikata 'pengelihatan', apa yang di-lihat (tentang sa-suatu yang akan datang).
ganjaran: hadiah.

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

gerang: gerangan; agak-nya.
ghali (E.): tongkang orang Eropah, memakai dayong dan layar.
gharib (A.): jarang dapat.
hatta (A.): 'maka', 'lalu', di-pergunakan dalam kesusasteraan lama untok memulakan sa-suatu hal baharu.
helat (A.): *'muslihat'*; perasaan shak wasangka.
jaksa (S. adhyaksa): pegawai kehakiman.
jalia (A.): sa-jenis kapal perang zaman dahulu?
jejenang: pengapit.
kain rambuti: kain tenunan dari bulu domba.
kebiri (J.): sida2, juga 'kebirah'.
kembar, mengembar: melawan.
kepetangan: bijak; banyak mempunyai akal burok.
kiai (K. ki-ayi): satu sebutan kehormatan yang di-letak di-hadapan nama orang2 berpangkat atau alim.
kula (J.): patek; saya.
kulakasar (A.): perkakas; barang2.
lamun: kalau; asalkan.
lanchang (F. *lanchao*): sa-jenis perahu layar yang laju.
langir, berlangir, (mandi berlangir): menyuchikan diri dengan memakai limau atau sintok.
larah, melarah: memberi minum keras (kapada teman) dalam pesta. Kamus Umum Indonesia: melareh.
malai, bermalaikan: di-beri bermalai (malai = untaian bunga dsb. untok perhiasan kepala, sunting, tombak dsb.)
malim, mu'alling (A.): (1) guru ugama (2) jurumudi.
mandalika: panggilan bagi orang2 yang taraf-nya sama dengan penghulu.
mangkubumi: bendahara.
manira (J.): saya.
memberi upachara: memberi hormat?
mongmongan, mongmong: chanang.
mukah (A.): kendak; laki2 atau perempuan yang telah melakukan perhubongan nafsu dengan orang yang bukan suami atau isteri-nya.
musara: gaji.
nobat (P.): bunyi2an diraja yang terdiri dari gendang nobat, nafiri, negara (2 buah), serunai (2 buah), gendang (2 buah) termasok sa-orang pemimpin.
orang kelueran: orang kebanyakan.

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

padah: alamat; akibat (umum-nya yang tidak baik).
panakawan: budak kundang.
paseban (J.): balai pengadapan.
pegawai (*bahasa tua*): alat perkakas.
pendua, keris pendua: keris pandak; keris bantu.
penjurit (J.): pejuang; askar upahan; penjarah.
periai (J.): para bangsawan rendah umum-nya.
perlénté, peléntér: penjahat.
pertikaman: lashkar bertombak.
pertuanan, petuanan: orang bangsawan.
peterana (S.): sa-jenis bangku (tempat dudok) untok orang2 yang di-muliakan.
pitis (T.): duit zaman dahulu yang lazim-nya di-perbuat daripada timah dan berlubang di-tengah2-nya.
pustaka (S.): buku nujum; ilmu sihir.
rajaduta (S.): duta pertama; jawatan pertama dalam sa-suatu rombongan perwakilan.
rangga (J.): satu pangkat atau jawatan pertadbiran rendah.
rompong: terpotong.
sakai: orang bawahan.
sampak, bersampak: di-beri bergelang2 besi dsb. yang di-pasang pada ulu pisau dsb. supaya mata-nya jangan goyah.
santeri (T. *santiri*): orang2 yang merantau menchari ilmu.
semaja: sahaja.
semberap: sa-lengkap (pakaian).
senda (*sahayanda*): saya.
sendal: churi; chopet.
senyampang: kebetulan.
shahadan (A.): 'sa-lanjut-nya', 'sa-sunggoh-nya', di-pergunakan dalam kesu-sasteraan lama untok memulakan perenggan baharu.
sida2: pegawai istana (yang telah di-kembiri).
sikap, bersikap (J.): bersedia (untok bertugas).
sulor, suloh, sulu: pengakap; peronda.
tambul: makanan yang di-hidangkan sa-bagai teman minuman.
ulun: hamba; saya.
upaduta (S.): jawatan kedua dalam sa-suatu rombongan perwakilan.

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

tumang-menumangkan: membiarkan atau meninggalkan (kawan untok menghadapi musoh).

• • •

Muka Surat

1. *Wabibi nasta'inu bi'llahi'l-'ala* (A.): dan kapada Tuhan yang maha tinggi kita minta pertolongan.
   persetua (S. *prastava*), *sa-kali persetua*: pada suatu masa, di-pergunakan dalam kesusasteraan lama untok memulakan cherita. Sekarang di-tulis: sa-kali peristiwa.
   sakalian menurut titah-nya: Lepas ini terdapat ayat 'Ada pun (baka?) raja itu lagi teruna bujangga lima beristeri' yang tiada dalam naskhah2 lain. Mungkin perkataan 'lima' harus di-bacha 'belum'.
   shahadan (A.): 'sa-lanjut-nya', 'sa-sunggoh-nya', di-pergunakan dalam kesusasteraan lama untok memulakan perenggan baharu.
   santeri (T. *santiri*): orang yang merantau menchari ilmu.
2. *hatta* (A.): 'maka', 'lalu', satu perkataan yang di-pergunakan dalam kesusasteraan lama untok memulakan sa-suatu hal baharu.
   ahli'l-nujum (A.): tukang tilek.
   maligai (T.): sekarang di-tulis: mahligai.
   mendengar: ejaan ini sakali2 terdapat, yang lebeh umum 'menengar'.
   sasterawan (S. *shasterawant*): (1) ahli kitab2 suchi Hindu; tukang tilek, (2) buku2 tilek.
3. *al-kesah* (A.): 'bagini cherita-nya', di-pergunakan dalam kesusasteraan lama sa-bagai memulakan sa-suatu hal baharu.
   mangkubumi: bendahara.
   perwara (S.): para wanita yang menemani sa-orang permaisuri.
4. *gemala hikmat*: sa-jenis geliga yang mengandong kesaktian.
5. *rata terbang*: kereta bersayap yang di-pakai dewa2 dalam dongéng.
   barang yang di-chinta: barang yang di-chita.
   perwira (S.): pahlawan.
   ayo, adinda: ayohai, adinda.
   Sang Sapurba (S. *Suprabha*): Sapurba ia-lah nama sa-orang dewi dalam shurga Dewa Indera. Dalam kesusasteraan Melayu Sang Sapurba ia-lah raja yang memulakan kerajaan Melayu di-Palembang. Dalam N. di-samping bentok 'Sapurba' terdapat bentok 'Purba'.

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

6. *Allah Subhanahu wa Ta'ala* (A.): 'Allah yang maha suchi dan maha tinggi'.
kalakian: 'ketika itu', 'lalu'.
pertuanan: orang bangsawan.
termasa (P. dan H. tamasha): pertunjokan: pemandangan.

7. *turun dewa di-keinderaan*: perhatikan pemakaian 'di' untok 'dari' di-sini. Ini satu kebiasaan dalam naskhah ini, mungkin pengaroh loghat Kelantan.
singgasana (S.): sekarang di-tulis 'singgahsana'.

8. *pupok rabon*: pupok = baja; rabon = asap (dari daun2an, dupa dsb.) untok mengasapi rumah, orang sakit dsb.
merasai hal dahulu: beroleh susah dahulu.
[*maka Sang Saputba ..... mendapatkan ayah bonda-nya*]: bahagian ini di-tambah dari L.

10. *wallahu a'lamu bissawab* (A.): 'dan Allah yang mengetahui apa yang sa-benar-nya'.
K. *lukan*. [ ]: ?
baju anta kesuma: baju berbunga2.

13. *dendang*: sa-jenis perahu panjang, biasa di-pergunakan oleh suku Orang Laut.
lanchang (F. *lanchao*): sa-jenis perahu layar yang laju.

14. *orang keluaran*: orang kebanyakan.
ngerun: ngeran; marah.

15. *manjongan*: sa-jenis perahu.
tanda: sa-jenis usongan.
petuanan: pertuanan.
batin: penghulu bagi orang2 Sakai.
sakai: orang bawahan.
makota (S.): sekarang di-tulis 'mahkota'.
nobat (P.): bunyi2an diraja yang terdiri dari gendang nobat, nafiri, negara (2 buah), serunai (2 buah), gendang (2 buah) termasok sa-orang pemimpin.
tabal (A.): gendang diraja, di-pukul dalam upachara kemahkotaan.
tambul: makanan yang di-hidangkan sa-bagai teman minuman.

16. *perawangan*: golongan pemuda dari kalangan ra'ayat.
jawatan: pegawai.

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

mandalika: panggilan bagi orang2 yang taraf-nya sama dengan penghulu.

17. *orangkaya*: panggilan untok golongan bangsawan.
18. *ayo*: ayohai.
di-langir, berlangir: menyuchikan diri dengan memakai limau atau sintok.
kulakasar (A.): perkakas; barang2.
lading: sa-jenis perahu panjang yang di-gunakan Orang Laut.
[*Maka Hang Mahmud ..... mencheri makan sehari2*]: bahagian ini di-tambah dari L.
19. *perahu lading*: lihat di-bawah 18.
20. *tumangkan*: biasa-nya 'tumang-menumangkan', membiarkan atau meninggalkan (kawan untok menghadapi musoh).
penakawan: budak kundang.
21. *anak damak*: anak panah sumpitan; damak.
manjongan: sa-jenis perahu.
lading: lihat di-bawah 18.
22. *saing-nya*: yang belayar bersama.
Pateh Gajah Mada: perdana menteri Majapahit yang terbesar dari 1331 sampai 1364. Mungkin kemudian-nya nama ini di-maksudkan sa-bagai nama umum untok perdana menteri Majapahit.
23. *sulu*: suloh; sulor.
25. *firasat* (A.): kecheksapan mengetahui (meramalkan) sa-suatu dengan melihat keadaan (muka dsb.), di-pergunakan juga dalam erti-kata 'penglihatan', apa yang di-lihat (tentang sa-suatu yang akan datang).
buah meja: sa-jenis kachang yang di-gunakan sa-bagai ubat.
26. *penjurit* (J.): pejuang; askar upahan; penjarah.
ejar2 (K.): pertapa.
27. *kakak*: abang.
28. *mika* (Loghat Perak): engkau.
arakian: 'dengan itu'.
29. *mengembari, mengembar*: melawan.
31. *beranggap2an*: saling mengajak (minum, menari dsb.).
hamba khas: hamba yang di-pileh raja untok rumah-nya.
indong: indok; emak.
32. *ka-bawah kaus*: 'ka-bawah kasut', ka-bawah kadam.
33. *bersuaka* (S. *sewaka*): berlindong; membuat tempat kediaman.

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

balai gendang: balai tempat bunyi2an kerajaan.

35. *ular chintamani*: sa-ekor ular dalam dongeng yang mendatangkan untong kapada siapa2 yang mendapat-nya.

36. *kain rambuti*: sa-jenis kain tenun dari bulu domba.

bendul, balai bendul: bahagian istana tempat orang besar2 menanti raja keluar.

pandai besi: tukang besi.

di-lakorkan: di-champorkan.

di-ausi, aus: di-gosok (supaya menjadi halus).

budak2: orang gajian.

38. *ni'mat*: makanan yang sedap2.

39. *pitis* (T.): duit zaman dahulu yang lazim-nya di-perbuat daripada timah dan berlubang di-tengah2-nya.

pateh (J. dari S.): 'ketua menteri', 'wazir', penasihat utama kapada raja.

kebiri (J.): sida2, juga 'kebirah'.

kula: patek; saya.

rama andika (J.): 'ayah tuanku'.

40. *pedati*: kereta tarek.

Barit Ketika: barid (A.) 'pesuroh'.

memechut: memukul (dengan chemeti).

lebu telapakan: 'debu tapak kaki', duli tuanku.

41. *penggawa* (S.): istilah umum untok pegawai negeri.

periai (J.): para bangsawan rendah umum-nya.

42. *paseban* (J.): balai pengadapan.

peterana (S.): sa-jenis bangku (tempat dudok) untok orang2 yang di-muliakan.

adipati (S. *adhipati*): satu jawatan pentadbir tinggi.

artawan: hartawan.

43. *menira* (J.): saya.

Jayakatra: sa-harus-nya 'Jayakarta' (J.) 'berjaya' dan 'ma'mor', ia-itu Jakarta sekarang.

45. *lurah*: tanah rendah antara bukit.

Persanta: nama pengiring Sira Panji, hero hikayat2 Panji.

paman (J.): 'bapak saudara' sa-belah emak, di-bahasakan untok orang2 yang lebeh tua.

biku berahman: pertapa ugama Brahma.

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

46. *barong2*: gubuk; rumah kechil.
kedayan (J.): pengiring; panakawan.
semaja: sahaja.
48. *tombak pengawitan, tombak pengawinan*: tombak upachara kerajaan.
bersampak: di-beri bergelang2 besi dsb. yang di-pasang pada ulu pisau dsb. supaya mata-nya jangan goyah.
49. *sekati*: sa-jenis alat muzik lama.
samping (J.): kain sarong yang di-pakai oleh wanita.
bermalaikan: di-beri bermalai (malai = untaian bunga intan dsb. untok perhiasan kepala, sunting tombak dsb.)
wak: 'orang tua'.
rangga (J.): satu pangkat atau jawatan pertadbiran rendah.
kosa: tongkat yang di-gunakan oleh gembala gajah.
50. *di-r.ykkan* [دريكن]: erti-nya sa-macham 'di-terumkan' (lihat di-bawah 621). L.
beranggap2an: saling mengajak (minum, menari dsb.).
mengigal: menari.
51. *pertikaman*: lashkar bertombak.
52. *senjampang*: kebetulan.
53. *rama aji* (S. dan K.): 'ayah-ku'.
54. *perlabor, (pelabor)*: rangsum: chatu (makanan atau wang).
h.rawas-nya [هراوس]: ? BP, S JGA: 'kelengkapan-nya'.
55. *dirgahayu* (S. *dirhayu*): 'panjang umor'.
57. *negara*[1], *merangu*[2], *madali*[3]: jenis bunyi2an, (1) gendang kechil (2) tidak di-kenali, (3) mungkin serunai.
58. *kasip*: habis (musim).
59. *gharib* (A.): jarang dapat.
mongmongan: chanang.
64. *birai*: tepi.
65. *tampa* (J.): dengan tiada.
ilmu firasat (A.): ilmu yang membolehkan pemilek-nya mengetahui sa-suatu dengan melihat keadaan-nya (muka dsb.).
rengka: tempat dudok di-punggong gajah, 'bertimbalan rengka', dudok sebelah-menyebelah di-atas rengka.
66. *berténggér*: bertinggong.
amin, ya Rabbu'l-'alamin (A.): 'demikian-lah hendak-nya, ya Tuhan bagi sakalian alam', di-uchapkan sa-telah do'a di-bacha.

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

67. *melarah*: memberi minuman keras (kapada teman) dalam pesta [Kamus Umum Indonesia: melareh]
68. *oyopan*: makanan dan minuman.
upeti (S.): pemberian yang di-beri dari sa-waktu ka-sawaktu oleh sa-orang raja yang lemah kapada sa-orang raja yang kuat tanda tundok.
69. *mu'zulkan, mu'zul* (A.): pechah.
70. *sasterawan*: lihat di-bawah 2.
71. *suf, sakhlat, 'ainu'l-banat* (A.): nama2 kain yang baik2.
podi: intan kechil2.
kurong: bilek (dalam perahu)
73. *berpakan emas*: bersulam dengan emas.
75. *Bijaya Nagaram*: Vijayanagar, sa-buah kerajaan Hindu di-selatan India yang di-dirikan dalam tahun 1336 oleh Vira Ballaha III. Menchapai kemunchak-nya dalam pemerentahan Krishnadevaraya (1509-1530) dan jatoh pada tahun 1565.
76 *pandai*: tukang.
kaus (A.): kasut.
emas urai: emas yang maseh berbutir2.
payong rama2: payong iram2; payong diraja, berambu2 di-tepi-nya.
78. *ta'zim* (A.): hormat.
81. *rengka*: lihat di-bawah 65.
moga2: perhatikan pemakaian perkataan ini, erti-nya 'tiba', pemakaian ini terdapat juga dalam *Sejarah Melayu*.
pelbagai perasaan: pelbagai rasa-nya.
82. *berantelas antelas* (A.): kain sutera.
benang emas kembayat: buatan Cambay.
berbaju anta kesuma: lihat di-bawah 10.
keris bewang sa-bungkal: keris yang hulu-nya emas.
pegawai: alat perkakas.
gusar: marah.
jawatan: pegawai istana.
83. *kelambak*: sa-jenis kayu bau2an.
84. *bémat* (A.): kira2.
85. *karang (bahasa basahan)*: kelak.
juru tinggi: penjaga layar perahu dsb.

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

armada (F.): sa-pasokan kapal perang.

86. *bersikap* (J.): bersedia (untok bertugas).
gelemat: geladak bertutup di-haluan dan di-buritan perahu.
tunggul: bendera.
iisim (A.): nama (Tuhan).
ghali (E.): tongkang orang Eropah, memakai dayong dan layar.

88. *kasteria* (S. *kashatriya*): hulubalang, ejaan-nya selalu اكستري
masara: gaji.
sida2: pegawai istana (yang telah di-kembiri).
sulor: pengakap; peronda.
lashkar (P.): askar.
banting: sa-jenis perahu layar orang Acheh bertiang dua.

91. *rajaduta* (S.): jawatan pertama dalam sa-suatu rombongan perwakilan.
upaduta (S.): jawatan kedua dalam sa-suatu rombongan perwakilan.
nobat: lihat 'nobat' di-bawah 15.
nafiri (P. melalui H.): terompit yang di-gunakan dalam pancharagam
diraja: Lihat 'nobat'.
negara: sa/jenis gendang kechil, lihat 'nobat'.
ikrar (A.): pengakuan.

92. *berpaling*: memandang ka-arah lain (kerana malu, berkechil hati, marah dsb.).
alaw: hamba; saya.

94. *perlénté*: penjahat.
gaz (P.): ukoran panjang, lebeh kurang sa-depa atau kurang sadikit 6 kaki.

95. *tukang atas*: ahli dalam hal pertukangan.
kakuningan: perhiasan dari kain atau kertas kuning. (tanda milek diraja).
burit: buritan.
jojenang: pengapit.

96. *kanduruan* (J.): 'kuasa usaha', satu jawatan Jawa; juga 'kanuruhan'.
rangga (J.): satu pangkat atau jawatan pentadbiran rendah.
demang (*Sunda*): kepala daerah.
jaksa (S. *adhyaksa*): pegawai kehakiman.

97. *kepetangan*: bijak; banyak mempunyai akal burok.
'afwah (A.): pertolongan.

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

belum lagi bilangan-nya akan di-serang: belum sampai masa-nya ... (mengikut perhitongan nujum dsb.)

98. *ajar2*: pertapa; pendita.
ubun2: pertapa perempuan.
chemara: kayu atau tombak yang di-beri berambut di-hulu-nya.
pengalasan: satu jawatan hamba raja.

99. *penaka*: saperti.

100. *keris pendua*: keris pandak; keris bantu.
[*Maka kata rangga ... dengan muda*]: bahagian ini di-tambah dari L.

101. *tempa Melaka*: (keris pandak) buatan Melaka.

102. *pekulun* (J.): tuanku.
adika (K. *adhika*): tuanku, juga 'andika'.
patek aji: patek tuanku; hamba tuanku [aji = raja]
kiai (K. *Ki-ayi*): satu sebutan kehormatan yang di-letak di-hadapan nama orang2 berpangkat atau orang2 alim.
sangulun (J.): baginda.

103. *sa-telah beresok hari*: biasa-nya 'sa-telah keesokan hari-nya'.

104. *tiada terpernamai*: tiada terbilang (banyak-nya).

105. *tambul*: makanan yang di-hidangkan sa-bagai teman minuman.
mengigal: menari.
bertandak: menari.
rakat: sa-jenis lakunan.

107. *ganjaran*: hadiah.
juta (S.): juta.
dinar (A. dan P.): duit emas.
tengkam: sukatan berat bagi emas.
anak bingkis: barang pemberian.
chela: chachat.
pustaka: buku nujum; ilmu sihir.

108. *tezi* (P. dan H.): 'pantas', kuda tezi: nama sa-jenis kuda yang pantas.
afa'al (A.): tabi'at.

109. *lawang seketang* (J.): pintu gerbang.
lawang (J.): pintu (gerbang); pintu luar.
panggongan: lantai (rumah) yang tinggi tempat meninjau; balkoni.

110. *pitis*: lihat di-bawah 107.
juta (S.): juta.

111. *kanuruan* (J.): sa-harus-nya 'kanuruhan'; lihat di-bawah 96.

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

112. *layar topang*: layar hadapan.
genderang: gendang alamat.
114. *pergi meramu*: pergi mencharí mengumpulkan bahan2 (untok di-jadikan ubat, rumah dsb.).
lunas: balok memanjang di-dasar perahu.
susok: rangka (perahu).
115. *sepah*: sepah sireh; sireh yang sudah di-kunyah.
utasan: tukang.
dalam tujoh hari penoh awak: dalam tujoh hari selesai badan (perahu).
di-dandani: di-hiasi; di-perlengkapi.
kekuningan naga: kain kuning yang berlukiskan naga.
p.s.rkan [فترکن]: ?
116. *semua Jawa dan bujok Melayu*. (pr.): tipu daya orang Jawa dan helah orang Melayu.
pulun: banyak akal (untok memperdayakan orang).
118. *ketika ..... geroda di-alah oleh ular*: ketika yang baik untok belayar kerana burong ini di-perchayai boleh merosakkan kapal dengan menjatohkan baru besar2 ka-atas-nya.
120. *pengalasan*: satu jawatan hamba raja.
adiah: hadiah.
lebah: jalan besar.
cheteria (S.): kasteria; hulubalang.
nobat, nafiri, madali, merangu: jenis bunyi2an. Untok keterangan lanjut, lihat 'nobat' dan nafiri di-bawah 91.
122. *pulun*: lihat di-bawah 116.
126. *di-kedang2-nya*: di-hulorkan lurus (tangan dsb.).
127. *ketara*: kelihatan.
128. *berjaga2*: adat berjaga siang malam kerana sa-suatu pésta.
lurah: lembah.
madali: sa-jenis bunyi2an, mungkin serunai.
nafiri: lihat di-bawah 91.
samping: sa-jenis gendang.
sekati: lihat di-bawah 49.
cherachap: sa-jenis chanang kechil atau angklong kayu.
130. *dadap*: perisai.
bermain tandak: menari.

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

bermain berakat: berlakun.

132. *negara, merangu, madali*: lihat di-bawah 57.

kopak: sa-jenis bunyi2an kuno, di-buat dari kayu, atau logam dan di-palu.

cherachap: sa-jenis chanang kechil atau angklong kayu.

serdam: sa-jenis suling.

muri: sa-jenis serunai.

dandi (H.): sa-jenis gendang kechil berasal dari India.

133. *kechapi* (S.): sa-jenis bunyi2an kuno yang di-petek.

134. *tapakan*: tempat kehormatan dalam.

baling2: senjata kayu yang di-lontar.

135. *tiada lut*: tiada luka; tiada makan.

aku menjadi Pateh Gajah Mada: terang-lah yang di-maksudkan di-sini jawatan perdana menteri Jawa.

136. *tertelut*: terlutut.

berdiri tertitar2: bergerak tampil ka-hadapan dengan chepat.

selang: sedang.

138. *mandi berlangir*: mandi bersunyi dengan memakai limau atau sintok.

memakai kemar dan bersayap sandang: kemar = ikat pinggang; sayap = sandang yang di-pakai melintang dada untok pedang atau keris.

kelembak: sa-jenis kayu wangi.

berpedaka susun telu: paduka = kalong; susun telu susun tiga.

ber.s.ng.k.r. j.k.ra. [برسڠكر جكرا]: ?

139. *bertapih l.b.c. la.ng.w* [لبح لاڠو]: tapih = (J.): kain panjang ta' berjahit yang di-pakai oleh wanita Jawa.

berkain kembang: memakai pakaian isti'adat yang di-buat dari kain lilin.

natar: latar; warna dasar (pada kain batek dsb.).

galuh s.s.y.s.y [مسيري]: ?

berinchil2: inchil = (J.) pin rambut.

bunga semenderasa wilis: bunga chempaka biru.

berpatam emas kawat: bertepi emas kawat.

berpelik: bersubang kechil.

di-larek, melarek: melichinkan kayu dsb. dengan bindu dsb.

bayam l.w.h.r [لوهر]: ?

bersiput alit: bersanggul kechil [siput = sanggul; alit (J.) = kechil].

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

sumridanta (S. dan J.): amat puteh (gigi).
nafiri, madali dsb.: lihat di-bawah 128 dan 132.
berpupor: berbedak.
nasi adap2, nasi hadap2an: nasi isti'adat dalam upachara kahwin.

140. *dokoh*: dusun kechil.

141. *mahtasham* (A.): menimbulkan rasa hormat.
chiterasa: rasa.
sakar (P.): gula.

143. *panchapersada* (S.): bangunan permandian yang bertingkat2.
pangkat: tingkat.
harus-lah: 'patut-lah', sekarang sedang berubah menjadi 'mesti'.
kemala: sa-jenis batu (berasal dari binatang) yang banyak khasiat-nya.

146. *sendal*: churi; chopet.

147. *kanuruan*: lihat di-bawah 111.

148. *mengitar, kitar*: kisar.
kandurnan: lihat di-bawah 96.

149. *semajakan*: sahaja akan.
berchakap: sanggup.

151. *telus*: chelus; lulus.

153. *bantut*: tiada sempurna; gagal.

154. *terbimbas*: terlihat (sa-suatu melintas) dengan tidak terang.

155. *berchawang*: berchabang.

156. *wasiat* (A.): pesan terakhir yang di-uchapkan atau di-tuliskan oleh orang yang akan meninggal.

157. *berbuat nestapa*: melakukan kesusahan (kapada orang).

158. *meninggalkan balas lara wirang*: mengambil bela atas kesusahan dan malu yang telah di-derita sa-seorang.

159. *menyelimpat*: menghindarkan diri dengan sembunyi2.
sa-telah Laksamana datang ka-pintu taman itu, maka kata Hang Jebat ...
perhatikan ayat ini: pokok-nya bertukar pada bahagian kedua. Susunan bagini sering terdapat.

160. *balang*: *(perahu balang)*: sa-jenis perahu perang.
ber.s.n.d.w.a.n. [برسندوان]: ?
gajah lekir: gajah balar.
bisai: (yang) berani.
ch.y.k [چيق]: ?

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

bunga di-karang gajah gemulong: di-karang saperti rantai gajah gemulong [gajah gemulong = nama sa-utas rantai dalam peralatan kerajaan Daik.]

pengawitan: pemegang tombak kerajaan.

162. *gerob*: chelaka; malang.

ranggas: ranting2 kayu yang mati.

164. *galuh*: puteri.

166. *kosa*: lihat di-bawah 49.

168. *keluar masok tiada berpintu*: bebas keluar masok.

169. *mukah* (A.): kendak; laki2 atau perempuan yang telah melakukan perhubongan nafsu dengan orang yang bukan isteri atau suami-nya.

al-hamdu lillah (A.): 'segala puji bagi Allah'.

170. *bersuaka*: mengungsi; berlindong.

perapit: pengiring; teman.

[*di-dalam hati-nya ..... seraya kata-nya*]: bahagian ini tiada dalam N. dan L, ada dalam B. P., S. dan JGA.

171. *inang, inangda*: perempuan yang mengasoh anak2 raja.

172. *telanjoran*: sudah terjadi.

173. *bunga selaseh khayal-nya*: mabok benar.

berserual (*serual* A.): seluar.

hijau di-gangsa: hijau sa-bagai warna terusi.

chindai natar kuning: sutera berbunga2 yang warna dasar-nya kuning.

meléng: lalai.

mamang: kabor mata-nya (kerana hendak pengsan dsb.).

budak: hamba.

175. *diri*: engkau.

sa-tala: sama bunyi-nya.

176. *ikat tangan*: hadiah.

177. *barang putus-rentas-nya*: barang yang kekurangan.

179. *tiada bertambul*: nampak-nya 'tambul' di-sini tidak di-pakai dalam erti-kata biasa (kueh); erti-nya sa-olah-olah 'hiboran'.

pintu maling: pintu kechil di-belakang atau di-samping rumah.

180. *berkirim diri*: menumpang.

184. *ikatan Seri Rama*: sha'er Seri Rama.

mengikat: mengarang.

185. *sahaya hendak seraya sadikit*: mungkin saya hendak minta tolong sadikit', (S. *asbraya*, 'minta tolong').

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

186. *pendikir*: penyanyi.
187. *terjangkah*: terlangkah.
189. *ngeran*: marah.
190. *jebat*: sa-jenis bau2an.
sa-kepéng: sa-tengah duit.
guna pengaseh: jampi atau lihat pengaseh.
chuki: sa-jenis permainan saperti dam.
191. *di-usir, mengusir*: mengejar.
terkulang2: (bergerak) pergi mari.
193. *j.y.y.m* [ ]: ? Banding dengan 355 dan 461.
narwastu: sa-jenis akar wangi.
kumkuma: kunyit.
pintu maling. lihat di-bawah 179.
194. *ya rabbi, ya saiyidi, ya maulaya* (A.): 'ya Tuhan-ku, ya tuanku, ya penghulu'.
195. [*lalu makan ..... Tun Teja pun sudah-lah*]: di-tambah dari L.
201. *temberang*: tali-temali yang mempertegoh tiang layar kapal atau perahu.
208. *rendong, merendong*: melanggarkan.
pendua berulukan bawang sa-bongkol: berulukan emas.
210. *ular alah oleh katak* (pr.): ketika baik untok melakukan sa-suatu pekerjaan berat?
pada tengah tapak bayang2: ketika bayang2 sa-tengah tapak panjang-nya, ya'ani, hampir tengah hari.
213. *walakin* (A.): tetapi.
215. *geroda alah oleh ular* (pr.): ketika yang baik untok melakukan sa-suatu kerja berat.
216. *rajawali*: sa-jenis burong helang.
220. *pintu wang* [ ] BP. dan S.: pintu ruang? Mungkin 'pintu lawang', (lihat di-bawah 109).
221. *bolak*: salah.
222. *tiada mengumpama akan aku*: tiada menghormati aku.
227. *kuda teni*: lihat di-bawah 108.
234. *penchalang*: sa-jenis perahu payar.
ghurab (A.): perahu.
238. *dén éling* (J.): 'supaya ingat'; ingat2; biasa-nya dalam bentok 'den eling lan waspodo' (supaya ingat dan waspada). Bahagian ini tiada dalam BP., S. dan JGA.

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

239. *baling2*: senjata kayu yang di-lontar.
240. *sendal*: churi.
242. *bedah* (J.): rosak; pechah.
243. *Perwala* — : ejaan berbagai2; (1) فرول جمفر (2) فرول لاجت (3) فرول لاجق . فرول چين L BP., S. dan JGA: Perwira Japara.
245. *semu*: muslihat.
di-kedang2kan: lihat di-bawah 126.
247. *istinja, beristinja*: bersuchi (sa-telah buang ayer).
248. *terbengkong*: bengkok.
angor: lebeh baik.
250. *nyedera*: nyedar; nyenyak.
naga kepulir: nama satu keadaan tidor.
chendera: nyenyak.
255. *yuta* (S.): juta.
Sair'ul-'alamin: sa-harus-nya 'Mendam Berahi'.
259. *dandani*: perlengkap; menghiaskan.
263. *majongan*: sa-jenis perahu.
barong; gubok: rumah kechil.
hamba khas: lihat di-bawah 31.
265. *menjadi chuchok*: berjalan di-kepala perarakan.
270. *berchuchok ikan*: berbaris saperti ikan.
melompat dudok tinggi-nya: melompat sa-tinggi orang dudok.
muddat (A.): tanah lapang.
271. *Petala Bumi*: فتال بوم. Kadang di-tulis فتال برام (Petala Berama).
274. *terkulang2*: ka-sana ka-mari.
bolak-kah: salah-kah.
276. *baling2*: pelempar; peluru.
280. *di-bantai-nya*: di-sembeleh-nya.
281. *irong*: sa-jenis mangkok kechil untok minum arak.
bihaus (P.): bius.
283. *di-tendas-nya*: di-potong-nya.
284. *mengadap*: menjaga; mengawasi.
285. *wallah* (A.): demi Allah.
290. *berbaju hayat*: nama sa-jenis baju.
chindai: kain sutera yang berbunga2.
chula: tandok.

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

292. *mengulit*: menidorkan.
salah tampa: salah sangka.
pungah: bongkak; angkoh.
293. *angor*: lebeh baik.
295. *bermukah*: berzina.
297. *pendikir*: penyanyi.
bolak-kah: salah-kah.
301. *pala2 jahat jangan kepalang* (pr.): kalau sudah telanjor melakukan sa-suatu pekerjaan (jahat) jangan berhenti separoh jalan.
305. *sakit penyah*: sakit terok.
306. *sir chita*: keinginan.
307. *mastul (mastuli?)*: sa-jenis kain ikat kepala.
assalamu'alaikum (A.): 'Kesejahteraan bagi-mu', salaman yang umum antara orang2 Islam; jawab-nya 'wa'alaikumus-salam', dan 'bagi-mu kesejahteraan.'
308. *Rabbu'l-ghafur* (A.): 'Tuhan yang maha pengampun'.
chula: tandok.
310. *pendarah*: makan darah, makan orang (di-sifatkan kapada senjata).
sempana, keris sempena: sa-jenis keris yang berlekok tiga, lima atau tujoh.
pudi: intan kechil.
parong sari: sa-jenis keris Jawa berlekok2 saperti ular.
lok: kelok.
tatah-nya orang2an: berupa sa-macham orang.
311. *menyangga*: menahan.
durjana: jahat.
313. *serual* (A.): seluar.
di-gangsi: di-ukup (pakaian dsb.).
khatifah: sa-jenis kain dari bulu domba.
parong sari: lihat di-bawah 310.
mastul: lihat di-bawah 307.
314. *redap* (H.): sa-jenis gendang kechil.
315. *akhirat jemah*: akhirat kelak.
316. *rosak bawang di-timpa jambak* (pr.): mendapat chelaka kerana perbuatan (kawan dsb.) sendiri.
317. *baling2*: lihat di-bawah 239.
318. *melela*: bertingkah; beraksi.

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

321. *tertitar2*: bergerak kian dekat dengan chepat.
terkedang: menjadi keras.
birai: tembok rendah.
kisi2: chelah.
322. *meléng*: melihat ka-sabelah atau ka-belakang.
325. *berkhalwat* (A).: mengasingkan diri (di-tempat yang sunyi).
saperti 'helang' menyambar ..... : dalam naskhah 'layang2'.
328. [*Hatta berapa lama-nya* ..... *wal-lahu a'lamu bissawab*]: Bahagian ini di-tambah dari L.
329. *Wal-lahu a'lamu bissawab* (A.): 'dan Tuhan-lah yang mengetahui apa yang sa-benar-nya'.
330. *sukat*: sa-kira-nya.
331. *tanpa kedép tembung laku* (J.): 'tidak mengendahkan orang bahasa dan laku [mu]', kurang ajar. Bentok yang terdapat dalam teks; لن فيدت تمبثلاكو (L: تمف بدوق تمبثلاكو); dalam edisi2 lain tiada. Kemungkinan-nya si-penyalin telah tidak dapat membacha bahagian itu.
336. *afwah* (A.): pertolongan.
340. *mu'azzam* (A.): mulia; terhormat.
hélat (A.): tipu muslihat.
341. *malim, mu'allim* (A.): jurumudi.
342. *fatihah* (A.): surah (bab) yang pertama dalam Qur'an, sering di-bacha sa-bagai do'a.
nabi Khidhir: sa-orang wali yang termashhor dalam kesusasteraan Islam, terkenal sa-bagai penolong manusia dalam perjalanan.
saperti kapas di-busar (pr.): puteh berseh.
343. *Kisna Rayan*: Krishnadevaraya, menjadi raja Vijayanagar dari 1509, sampai 1530. Beliau-lah raja Vijayanagar yang teragong.
344. *Nala Sang Guna*: Mungkin Narasimha, sa-orang panglima Vijayanagar yang kemudian merebut takhta kerajaan raja-nya yang lemah itu (1486). Atau mungkin Sangama; menurut riwayat keluarga ini-lah yang mendirikan kerajaan Vijayanagar (1336).
345. *biaperi* (H.): saudagar (terutama dari India).
memberi upachara: memberi hormat?
346. *pengarapan*: pengharapan.
347. *terbil*: lastik.
348. *Kandi*: Candy.

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

saperti kapas sudah terbusar: lihat di-bawah 342.
anji wantar [انجي ونتر]: Mengikut Winstedt anjuvanttar, 'satu suku petenun kain Islam' (57).
batu yakut: sa-jenis batu permata.
lelakon: lakun.
khatifah (A.): sa-jenis kain dari bulu domba.
349. *berbaju zirah*: berbaju besi.
351. *semberap*: sa-lengkap (pakaian, sireh dsb.).
352. *suf, sakhlat, ainul-banat*: nama2 kain yang mahal2.
orang utang2an: orang yang menjadi hamba akibat terhutang.
upahan: orang yang di-upah.
madat: chandu.
anting2: sa-jenis perhiasan telinga.
kuda tezi: lihat di-bawah 108.
354. *muhtasham* (A.): menimbulkan rasa hormat.
kuil (T.): rumah berhala Hindu.
355. *ch.y.m* [چيم]: Banding dengan 193 dan 461.
amar (A.): perentah.
357. *kendi*: bekas ayer.
kumkuma: kunyit.
360. *bertuju*: berlawan.
di-kirap-nya: di-tangkis-nya.
361. *keris berulu bawang sa-bongkol*: keris berulu emas.
kuil (T.): rumah berhala Hindu.
362. *sitam berama?* [سيتم برام]: erti yang di-beri dalam N. 'tempat berhala' Winstedt: sitambalan 'tempat pengembara boleh mendapat bekal'. (57) L: di-samping سيتم برام ada bentok سيتم درم
363. *asa sa-puloh*: dalam satu beroleh sa-puloh.
365. W.ng-K.m-S.ng, Pa.shi.nga, L.w-t.y, S.m-p.y.Q.p.: فشغ ، وڠكمسغ سمفي قف،لوتي L. sa-rupa kechuali yang akhir ' سمفي قف ' B. P. Wang Kam Seng, ———, Lu Tai, Sam Pi Pat.
366. *saperti kapas sudah terbusar*: lihat di-bawah 342.
368. *chikap*: sepit.
tandu: usongan.
370. *perangguan*: pasang (pakaian yang lengkap).
371. *berkepil*: merapat.

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

372. *ghalias* (F.): ghali besar bertiang tiga.
p.n.t.w.nya [فنتوڽ]: ?
373. *sulap*: silap mata.
377. *tabal* (A.): sa-jenis gendang yang di-palu ketika menobatkan raja.
379. *mengambil layar*: menurunkan layar.
jongor: munchong.
pengeran (J.): 'anak raja', panggilan untok raja2 Berunai.
384. *perentahkan juga*: di-perlaku saperti anak raja juga.
386. *gendaga, kendaga*: sa-jenis kerangan yang di-gunakan sa-bagai duit.
tikar pachar: sa-jenis tikar yang berwarna.
389. *penarekan*: bahagian hulu sungai yang bertemu dengan satu hulu sungai lain dari mana perahu dapat di-tarek dari sa-buah sungai ka-sabuah sungai yang lain.
Oya Bagelang [اوي بكلغ]: bentok Siam-nya 'Okya Brah Glang', gelaran untok menteri luar.
oya (Siam, okhya, bentok moden-nya *brahya*): jawatan menteri yang tertinggi.
ban (Siam): satu gelaran bagi orang2 yang berpangkat.
okun [اوكن] (Siam, *Okkhun*): sebutan bagi orang2 yang berpangkat tinggi.
amum [اموم] (Siam, *hmu'n*): sebutan bagi satu golongan orang bangsawan.
390. *kota wang*: ?
391. *oban* (Siam, hlvan, bentok lama, *ok hlvan*): sebutan bagi satu golongan orang bangsawan.
okun: lihat di-bawah 389.
aprak (Siam, *Okbrah*, bentok moden-nya, *brah*): satu gelaran bagi orang2 yang berpangkat, lebeh tinggi dari 'oban' atau 'okun' atau 'amum'.
amum: lihat di-bawah 389.
392. *terbal laku-nya*: terhalang.
393. *gendaga*: lihat di-bawah 386.
394. *kulim* [كولم]: maksud-nya sa-macham 'perahu'.
395. Sultan Muhammad: sa-terus-nya di-sebut Sultan Ahmad (احمد).
397. *dua yujana mata memandang*: ukoran jauh, kira2 dua kali sa-jauh mata memandang.
399. *sa-jenang kuda berlari*: sa-jauh kuda berlari, erti-nya sa-kejap.

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

401. *termasa*: temasha.
404. *pematah*: ajaran.
405. *andalan, (bandalan)*: chagaran.
peroman: rupa,
chagar, (chagaran): pertarohan.
406. *bersamir tiba*: ?
mengembar bela: ? } istilah2 sabong ayam.
mengikat dendang: ?
410. *Sultan Mahmud pun di-dudokkan di-kanan Puteri Sekanda Jaya Leka*: Ini satu kekeliruan. Sultan Mahmud di-kahwinkan dengan anak Bendahara (nama-nya tidak di-beri) bukan dengan puteri Terengganu, Sekanda Jaya Leka.
nasi adap2an: lihat di-bawah 139.
412. *perenggnan*: lihat di-bawah 370.
Laksamana hendak ka-Bentan membawa Sultan Ahmad: pada hal. 409 Sultan Mahmud yang di-katakan akan kerajaan di-Bentan.
413. *yutawwilu'Llahu 'umra kumu's-Sultani'l-'azimi'l-karimi shah* [*an*] *shah bani fi'l-judi'l-kirami shah* [*an*] *shah bani Adam*: 'barang di-lanjutkan usia tuanku Sultan yang maha besar dan maha mulia, maharaja dari keturunan yang baik hati dan mulia, maharaja bani Adam'.
menteri dua belas ..... : bilangan orang yang di-sebut tidak chukup 12.
415. *jongor*: munchong yang panjang.
419. *mika*: (loghat Perak): awak.
perguaman: persengketaan.
420. *perempuan dengan bujang-nya*: sa-orang diri.
422. *ghalabah*: gelisah.
425. *geroda alah oleh ular*: ketika baik untok belayar.
426. *menjadi chuchok*: berlaku sa-bagai kepala sa-suatu pasokan atau angkatan.
menjadi tutup: mengambil tempat di-belakang sa-suatu angkatan atau pasokan.
s.ka.p.r [سكافر]: erti-nya sa-macham 'perahu'.
ambil layar: lihat di-bawah 379.
428. *berkhalwat*: lihat di-bawah 325.
betah: baik; kuat.
tafahus (A.): pemereksaan yang teliti.

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

dong [دغ]: bentok Feringgi-nya 'dom', satu gelaran diraja.
Dong Chuala: دغ چوال, sa-terus-nya di-tulis دغ سوال (Dong Suala).
gebernador (F.): gabenor.

429. *armada* (F.): sa-pasokan kapal perang.
seridadu (F.): soldadu.
jalia: sa-jenis kapal perang zaman dahulu?

430. *menyangga*: bertahan.

431. *pergi sulu*: pergi suloh.

433. *rentaka*: sa-jenis meriam yang dapat di-putar2.
penchalang: sa-jenis perahu payar.

434. *tiada juga di-khabarkan*: tiada juga di-endahkan.
di-mitar-nya (F.): di-tuju-nya.
penjajap: sa-jenis kapal perang (Bugis).
p.h.la.y.n [قبلاين]: ?
tiada khabarkan diri-nya: tiada sedar.

435. *meraksi*: semboh.

437. *Bukit Qaf*: menurut riwayat, nama pengunongan dunia yang terbesar. Konon-nya pengunongan ini-lah yang sedang menahan suku bangsa2 Ya'juj wa ma'juj daripada terlepas keluar ka-dunia, tetapi akhir-nya sa-belum akhir zaman mereka akan keluar juga di-bawah pimpinan Dajjal.

439. *Sultan Salahuddin*: Sultan Acheh yang kedua, kerajaan dari 1528 hingga 1537.

440. *bab*: selat.
pegari: kelihatan.

441. *Sultan Mardha* [مرضا] *Shah*: tidak ada nama ini antara raja2 Turki (Osmaniah. Kemungkinan-nya Sultan Murad II (1421-1451) atau Sultan Murad III (1574-1599), tetapi wazir yang di-sebut (lihat 453) di-lantek oleh Sultan Ahmad I (1603-1617).

442. *Malek R.s.l* [ر.ستل]: ?

443. *biaperi* [H. dan S.]: saudagar Keling.
tanah atas angin: negeri2 yang di-anggap sa-bagai asal kedatangan angin, ia-itu India, Parsi dan Arab, kemudian bererti juga benua Eropah.
ka'batu'llah (A.): ka'bah; bangunan batu dalam masjid di-Mekah.

444. *sallallahu-'alaihi wa sallam* (A.): 'moga2 Allah memberkati-nya dan

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

memberi kesejahteraan kapada-nya', di-sebutkan sa-lepas nama Nabi Muhammad.

Amirul-mu'minin (A.): 'pemimpin orang2 yang beriman', panggilan untok khalifah.

bijrah 886: ini tarikh yang terdapat dalam BP., S. dan JGA. N: 86 T.H. L: 186 T.H. 886 T.H. bersamaan dengan 2 Mach 1481 T.M.

kubah (A.): sa-macham binaan yang di-buat di-atas kubor.

darwish (P.): fakir.

445. *khafilah*: orang (serta dengan unta dan muatan-nya) yang berpergian di-padang pasir.

amir haji: ketua rombongan haji.

suf, sakhlat, 'ainul-banat: lihat di-bawah 352.

dewangga: sa-jenis kain tenun yang amat indah.

kimkha: sa-jenis kain tenun halus berbunga2.

446. *Jamratul-akabah* (A.): lontaran (batu) yang akhir.

Jamratul-wusta (A.): lontaran (batu) yang pertengahan.

Jamratul-ula (A.): lontaran (batu) yang pertama.

haji umrah: ibadah yang mengandongi ihram, tawaf, sa'i dan bercukor; bedza-nya dengan haji yang sa-benar ia-lah ibadah ini boleh di-lakukan pada sa-tiap masa dan tiada wukuf di-Arfah.

Hajarul-aswad (A.): 'batu hitam'.

tawaf (A.): berjalan mengelilingi ka'bah tatkala mengambil haji.

telaga zamzam: nama sa-buah telaga yang terkenal dalam kawasan masjid di-Mekah. Ayer-nya di-anggap suchi oleh orang2 Islam.

mashaf: naskhah Qur'an yang di-tulis dalam pemerentahan Saiyidina Othman.

448. *negeri bawah angin*: Malaya dan Indonesia.

450. *ardh* (A.): sekarang di-tulis 'aral'.

452. *Setambul*: Istambul.

453. *Ibrahim Kakan*: mungkin Ibrahim Khan, nenek moyang keluarga Ibrahim Khanzade di-Turki. Menurut riwayat, dia di-lantek menjadi Gabenor di-beberapa daerah Turki oleh Sultan Ahmad I (1603 - 1617). 'Khakan' ia-lah bentok Arab dari perkataan Turki 'kaghan', satu panggilan diraja.

454. *j.s.p.* [جرف]: ? Erti-nya sa-macham 'sah' atau 'nyata'.

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

456. *besi kharsani*: besi dari Parsi (Khorsan).
besi meléla: besi baja.
di-turap: di-salut.
bertonggak: di-beri bertiang.
biram: gajah.
sangka pelinggam: sa-jenis batu-kapor yang keras dan gilap.
maghrib (A.): barat.
jambangan: pasu bunga.

457. *tempat hadhrat*: tempat kehadhiran.
beraksa: beringin.
rambak: berjalar ka-mana2.
ayer mawar b.n.d.y [بن دي]: ?
fidhat (A.): perak.
abiadh (A.): puteh.
geresek: pasir kasar.
jeram: aliran ayer yang deras.
balai gambang: rumah sakit.
dewadaru: pokok daru.

458. *sulaimani dan yamani*: jenis2 batu permata.
selimpat: anyaman.
selimpat di-s.m.bus [دسمبوس]: ?
lazuardi: sa-jenis batu biru, di-buat orang chat.
dewadaru: pokok daru.
m.l.m.c [ملمع] emas: ? Perkataan ini terdapat sa-kali lagi dalam bentok مُلغ (lihat di-bawah).
sulor batang: (berbentok) melengkar2 saperti sulor.
berukir kerawang: di-beri berlubang2.
mushabadatun (A.): pemandangan.
m.m.l.ng [مُلغ] emas: lihat di-atas.

459. *r.ngk.u* [رڠكو]: ?
nyior a.s. [اتس]: ?
astakona: segi lapan.

460. *buah tufah*: buah epal.
maggista: manggis.
ketela: betek.

461. *jim* [جيم]: ? Banding dengan 193 dan 355.

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

asteranji : [استرنجي]: ?
sanjini [سنجيني]: ?

462. *emas kerajang*: emas berhelai2 sa-bagai kertas.
gajah meta: gajah mabok.
memberi upachara: memberi hormat?.

463. *perkara perguaman*: perkara pengadilan.
genta alamat: locheng besar.
ahlu'l-bait (A.): keluarga.
kamardani [قمرداني]: ?

464. *batu kelikir*: baru kechil2.
kadhi maliku'l-'adil (A.): 'kadhi raja yang adil'.
berbaju zirah: berbaju besi.
berketopong: memakai sa-jenis topi.
bujang sabilu'llah: orang2 bujang yang bertugas mempertahankan jalan Allah?
m.r.m.ng [مرمغ]: ?
singgasana ..... *kudrati*: singgahsana yang maha kuasa.
kumaian: ukiran beringit2.
karangan nakas: lukisan yang menggambarkan dua benda dudok berhadap2an.

465. *pintu awang* [اوغ]: lihat di-bawah 220 dan 109.
guam: perkara (dalam pengadilan).

466. *seperti kapas sudah terbusar*: puteh berseh.
isim: nama Tuhan.
khemah khatifah: lihat di-bawah 348.

467. pintu awang: lihat di-bawah 220, 109, 464.

468. *tiada-'ah terinsaf*: mungkin harus di-bacha 'tiada-lah terhisab'.

469. *kasip*: habis (musim).
raja keritan: sa-jenis kenderaan?
musalla (A.): sejadah; tikar sembahyang.
lela: satu gelaran.
kundangan: budak pengiring.
m.r.m.ng [مرمغ]: ?
ahlu'l-ibadah (A.): orang2 yang beribadat.
demama (*jemama*): sa-jenis bunyi2an.
pawai: perarakan.

470. *selitar*: seluroh.

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

keritan emas: sa-jenis kenderaan?
di-r.y.k-kan [دريكن]: ? erti-nya sa-macham 'di-rentikan'. (lihat di-bawah 49).
telepok: teratai kechil.

471. *ilmu bak Ta'ala*: ilmu ketuhanan.
ahlu'l-qari min tilawitu'l-Qur'an (A.): Qari (pembacha Qur'an) yang membacha Qur'an.

473. *kelir*: layar puteh.
bahasa rong [روع]: bacha: bahasa Rom? Atau-kah yang di-maksudkan ia-itu bahasa istana, ya'ani bahasa Rom, juga.

474. *wazir* (A.): juga menteri.

476. *khali*: lalai.

479. *istana suaka*: istana tumpangan.
ahlu'l-kira2 (A.): orang2 yang meranchang.

481. *darwish* (A.): fakir.
menalkin: membacha ayat2 nasihat untok orang mati sa-lepas di-kebumikan-nya.

482. *daru'l-fana* (A.): tempat kediaman sementara.

483. *berkhalwat*: lihat di-bawah 325.
dukuh: dusun kechil.
amar Allah: perentah Allah.
shuhud (A.): saksi; tumpuan perhatian.
gandoban angin: bertukar angin.
wa'llahu a'alamu bi'ssawab (A.): 'dan Tuhan yang lebeh mengetahui apa yang sa-benar-nya.

484. *Jibra'il 'alaihissalam*: nama mala'ikat yang menyampaikan wahyu.
dengan mustahik-nya: dengan benar-nya, erti sa-benar-nya: dengan berhak-nya.
ngeran hati: panas hati.

486. *tafahus*: lihat di-bawah 428.
dengan sebab Laksamana memeliharakan negeri: Laksamana ini bukan Hang Tuah lagi, tetapi anak-nya Hang Kadim.

487. *melarek belulang*: memotong belulang.

488. *rabungan*: bumbongan.
chendera: nyenyak (tidor).

489. *Johor Daru'l-a'lam*: sa-benar-nya 'Daru'l-ta'zim'; nama ini terdapat juga dalam L. tetapi BP, S dan JGA menyebut 'Daru'l-aman'.

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

490. *taksir* (A.): alpa.
kelik (loghat Kelantan): balek.

491. *aulia'* (A.): wali; orang suchi.
"Tuanku, tiada-kah ..... dengan miskin ada-nya": bahagian ini tiada dalam teks2 lain.
chacha (*ubi kelada*): sa-jenis sambal.
j.b.y.n [جبين]: ?
tujoh lekor haribulan Jumadi'l-akhir sanat 1295: angka dalam N. tiada bagitu jelas, mungkin juga 1265. 27.6.1295 T. H. bersamaan dengan 27.10.1878 T. M. dan 27.6.1265 bersamaan dengan 23.5.1849 T. M.

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

BIBLIOGRAFI

Tidak semua sumber2 yang di-daftarkan di-bawah penting untok pengajian ini baik sa-bagai rojokan langsong mahu pun latar belakang. Sa-tengah2 hanya mengandong chatetan yang kebetulan sahaja menjelaskan beberapa mas'alah dalam teks. Semua-nya di-sebutkan. Susunan mengikut tertib penting-nya.

1. Winstedt (Sir), R.O., *A History of Classical Malay Literature*, JMBRAS, Vol. XXXI, Pt. 3, Jun 1958.
2. Kassim Ahmad, *Characterisation in Hikayat Hang Tuah*, JPM, 1959.
3. Parnickel, B., "An Attempt of Interpretation of the Main Characters of the Malay 'Hikayat Hang Tuah'," Papers Presented by the U.S.S.R. Delegation, XXV International Congress of Orientalis, Moscow 1960.
4. A. Teeuw, "Hang Tuah en Hang Jebat, Nationalism, Ideologie en Literatuurbeschowing", Forum der Letteren, 1961, hal. 37-48 (di-terjemahkan untok keperluan saya menerusi Dewan Bahasa.)
5. Hervey, D. F. A. (penterjemah), "Valentyn's Description of Malacca", JSBRAS, 1938.
6. Winstedt, R.O., *A History of Malaya*, JMBRAS, Vol. XIII Pt. 1, Mach 1935.
7. Moorhead, F. J., *A History of Malaya and Her Neighbours*, Vol. One, London 1957.
8. Winstedt, R.O., *A History of Johor*, JMBRAS, Disember 1932.
9. Koek, E. (penterjemah), *"History of Malacca From Portuguese Sources"*, JSBRAS, Jun 1884, hal. 49-74B.
10. Bowra, C. M., *Heroic Poetry*, London 1952.
11. Chadwick H. M., *The Growth of Literature*, Vol. I, Cambridge 1932.
12. Zhirmunsky, V. M. "On the Comparative Study of the Heroic Epic of the Peoples of Central Asia", Papers Presented by the U.S.S.R. Delegation, XXV International Congress of Orientalis, Moscow 1960.
13. Ker, W. P., *The Dark Ages*, 1958.
14. Raja Ali Haju Riau, Tuhafat al-Nafis (Jawi), JMBRAS, Vol. X, Pt. II, Ogos 1932.
15. Wales H. G. Q., *Ancient Siamese Government and Administration*, London 1934.
16. Schrieke, B., *Indonesian Sociological Studies*, Part Two, the Hague & Bandung, 1957.

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

17. *Sejarah Melayu* (ed. T.D. Situmorang, Prof. Dr. A. Teeuw dan Amal Hamzah), Djambatan, Mach 1958.
18. Majumdar, R.C., Raychaudhuri, H.C. & Kalikinkar Datta, *An Advanced History of India*, London 1946.
19. Groeneveld, W.P., "Notes on the Malay Archipelago and Malacca Compiled From Chinese Sources", VBG XXXIX, 1880.
20. Niemann, G.K., "Aanteekeningen", *Bloemlezing uit Maleische Geschriften*, 'S Gravenhage 1906, hal. 7-31 (di-terjemahkan untok keperluan saya menerusi Dewan Bahasa).
21. Ahmad Sarji, *Hang Tuah Dalam Hikayat Hang Tuah dan Sejarah Melayu* JPM, 1961.
22. Winstedt, R.O., "Malay Works Known by Werndly in 1736 A.D.", JSBRAS, No. 82, September 1920.
23. van der Tuuk, H.N., *A Short Account of the Malay MSS Belonging to the Royal Asiatic Society*, JSBRAS, 1866.
24. Newbold, T.J., *British Settlements in the Straits of Malacca*, Vol. II, London 1839, hal. 325-328.

Kamus Dan Naskhah2 Hikayat Hang Tuah

Wilkinson, R.J., *A Malay-English Dictionary* (Romanised), Pt. I & II, London 1957.
Wilkinson, R.J., *A Malay-English Dictionary* (perkataan2 dalam huruf Jawi), Kelley & Walsh, Singapore 1903.
W.J.S. Poerwadarminta, *Kamus Umum Bahasa Indonesia*, Djakarta 1954.
Klinkert, K.C., *Nieuw Maleisch Nederlandsh Woordenboek*, E.J. Brill, Leiden 1947.
The Encyclopaedia of Islam (ed. M. Th. Hautsma, T.W. Arnold, R. Basset & R. Hartmann) 4 jilid, E.J. Brill, Leiden 1913.
Haig, Sir Woleseley (Lt.-Colonel), *Comparative Tables of Muhammadan and Christian Dates*, London 1932.
Hikayat Hang Tuah, naskhah Leiden bertarikh 1172 T.H. (1758 T.M.), University of Malaya Library.

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

Hikayat Hang Tuah, Jawi 4 jilid, ed. W.G. Shellabear, Malaya Publishing House, 1908.
Hikayat Hang Tuah, Balai Pustaka, Djakarta 1956.
Hikayat Hang Tuah, Jawi 2 penggal, ed. Abas Dato' Pamunchak Nan Sati, Djambatan & Gunung Agung, Djakarta 1906.

SINGKATAN

JMBRAS	Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society.
JPM	Latehan Ilmiah untok Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya, tidak di-terbitkan.
JSBRAS	Journal of the Straits Branch of the Royal Asiatic Society.
VBG	Verhandelingen van het (Koninklijk) Bataviaasch Genootschap van Kunsten en Wetenschappen.

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA